DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 13, 14, 15 dan 16 DISEMBER 2010

bersamaan

7, 8, 9 dan 10 MUHARAM 1432

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 13 DISEMBER 2010

MESYUARAT YANG KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	ISNIN, 13 DISEMBER 2010	
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang BerhormatYang Dipertua Dewan.	5
4	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	8
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	11
	(ii) Soalan-soalan Lisan	12
6.	Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara Lain.	44
	SELASA, 14 DISEMBER 2010	
1.	Nama Ahli-ahli.	70
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	- Soalan-soalan Lisan	74
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2011. [Perbahasan Enakmen]	95

RABU, 15 DISEMBER 2010

1. Nama Ahli-ahli 165

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi notis:

   - Soalan-soalan Lisan 169

3. Rang Undang-Undang:

   (i) Enakmen Perbekalan 2011.[Perbahasan / Penggulungan Enakmen] 190

KHAMIS, 16 DISEMBER 2010

1. Nama Ahli-ahli 297

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi notis:

   - Soalan-soalan Lisan 301

3. Rang Undang-Undang:

   (i) Enakmen Perbekalan 2011.[Penggulungan Enakmen] 326

4. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Peruntukan Perbelanjaan RancanganKemajuan Negeri Bagi Tahun 2011. 358

   (ii) Rancangan Kemajuan Bekalan Air Negeri Terengganu Bagi Tahun 2011. 373

5. Tangguhan. 375

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ., DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. [Al-Fatihah dibaca].

DOA

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

[Doa dibacakan oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan]

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan sidang Pemerhati yang dihormati sekalian. Alhamdulillah marilah kita bersama-sama kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan serta limpah kurniaNya dapatlah sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini. Dan insya Allah akan bersidang Dewan kita ini bermula dengan hari ini selama 4 hari sehingga 16 haribulan Disember 2010.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, sidang pada kali ini merupakan Sidang Ketiga Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas. Ini bermakna tempoh penggal kita sudah menjangkau 3 tahun, telah 9 kali bersidang selepas Pilihan Raya Kedua Belas pada tahun 2008. Ini bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan penggal yang pertama ataupun melebihi penggal yang pertama, kita telah mempunyai pengalaman dan juga segala yang perlu bagi kita bekalkan sebagai Ahli Yang Berhormat mewakili rakyat dalam Persidangan Dewan Undangan

Negeri Terengganu yang kita cintai ini. Maka setiap kali sebelum bersidang, nasihat seorang Yang Dipertua ataupun Speaker tentulah sekali pada saya lebih mudah pada hari ini ialah kerana sidang kita ini telah menjangkau 9 kali (3 tahun).

Insya Allah, saya ingin memperingatkan sebagai rutin saya sebagai sidang yang ketiga pada kali ini yang lebih kita tumpukan ialah Sidang Bajet 2011. Perbahasan akan diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kemudian akan digulung, dijawab oleh Kerajaan. Dan insya Allah selepas itu kita ada dua Usul, Usul juga melibatkan Usul Pembangunan dan jugak Usul Perbekalan Air Negeri juga melibatkan Bajet untuk tahun akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengingatkan di dalam perbahasan kita, agar kita jangan lupa etika dan peraturan yang kita kena pegang dengan seperuhnya melibatkan buku Peraturan Dewan yang telah kita bekalkan. Saya ingin mengingatkan beberapa fasal, terutamanya fasal mengenai peraturan-peraturan kita mengeluarkan soalan kepada Dewan yang mulia ini, tertakluk dalam fasal 26, 26(1) sampai 26(2) dan seterusnya. Tidak payahlah saya ulas, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, contoh yang saya ingin beri dalam perbahasan ini, kita mengelakkan tohmahan, gelaran, 'gelor' orang Terengganu panggil, kalimah-kalimah yang mengelirukan, menyindir, mencela perkara-perkara remeh dan sebagainya. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat mesti, wajib kita hindari perkara ini.

Begitu juga Yang Dipertua diberi kuasa dalam fasal 26(4) ini di mana Yang Dipertua memutuskan dan keputusan Yang Dipertua ataupun Speaker adalah muktamad.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, begitu juga mengenai Usul-Usul. Kita ada peraturan 30 dan yang pentingnya pada hari ini oleh kerana kita akan berbahas, kita ada peraturan perbahasan dalam perkara 46, kena ingat perbahasan ini tidak boleh lari daripada sepertimana macam soalan tadi contohnya dalam 46(8)(13) dia tidak boleh menyentuh peribadi, tidak boleh menyindir, contohnya tujuan-tujuan soalan kita itu untuk menyindir, pada halnya kita sudah tahu tapi kita nak burukkan lagi keadaan, membuat tuduhan kepada peribadi yang tidak ada dalam Dewan ini, bahasa-bahasa yang kesat, bahasa-bahasa yang mencemar, mencela serta menimbul-nimbulkan peribadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tidak dibenarkan sama sekali menurut fasal 46 juga menyebut nama Ahli-ahli yang lain. Cukuplah sekadar kita menyebut Wakil Ahli itu yang mewakili kawasan Dewan Undangan Negerinya.

Jadi akhir sekali saya ingin peringatkan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat perkara 47, 47(4) khususnya iaitu keputusan-keputusan Yang Dipertua adalah muktamad, ini tidak boleh dipersoalkan. Saya bimbang dalam keadaan kita berbahas, seronok membawa perkara-perkara yang dibangkitkan dan apabila dicelah kita lupa akan peraturan-peraturan ini. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian elakkan emosi. Kita tahu apabila perbincangan persidangan kita libatkan emosi maka perbahasan atau keputusan kita tidak akan menjadi tepat. Sebagai Yang Dipertua, saya juga seorang manusia apabila emosi kita bangkitkan maka keputusan sebagai Yang Dipertuapun takut dipengaruhi oleh emosi dan tidak akan mencapai matlamat kita. Jadi itulah pesanan saya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mudah-mudahan insya Allah persidangan kita ini yang diperhatikan oleh ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil Jabatan, Pemerhati Rakyat dan kita jugak dilangsungkan melalui laporan-laporan media akan menjadi satu perbahasan persidangan yang cemerlang dan berjaya. Insya Allah. Selamat Bersidang mudah-mudahan kita diberkati oleh Allah S.W.T., diberikan pahala kebajikan yang besar dalam setiap urusan kita. Insya Allah. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-laporan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-laporan yang telah dibentangkan sebagaimana dibekalkan oleh pihak Urus Setia kepada Ahli-ahli Dewan, di mana Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-laporannya adalah sebagaimana berikut:-

1. Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2011.

   (D.U.N. Bil. 13/2010)

2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2011.

   (D.U.N. Bil. 14/2010)

3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2011.

   (D.U.N. Bil. 15/2010)

4. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 16/2010)

5. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Daerah Hulu Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 17/2010)

6. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Daerah Marang.

   (D.U.N. Bil. 18/2010)

7. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Daerah Besut.

   (D.U.N. Bil. 19/2010)

8. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Daerah Setiu.

(D.U.N. Bil. 20/2010)

9. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Perbandaran Kemaman.

(D.U.N. Bil. 21/2010)

10. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Perbandaran Dungun.

(D.U.N. Bil. 22/2010)

11. Penyata Kewangan Tahun 2009 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

(D.U.N. Bil. 23/2010)

12. Penyata Kewangan Tahun 2009 Yayasan Islam Terengganu.

(D.U.N. Bil. 24/2010)

13. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2009 Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 25/2010)

14. Penyata Kewangan Tahun 2009 Yayasan Terengganu.

(D.U.N. Bil. 26/2010)

15. Penyata Kewangan Tahun 2009 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 27/2010)

16. Penyata Kewangan Tahun 2009 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

(D.U.N. Bil. 28/2010)

17. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2009 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 29/2010)

18. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2009.

(D.U.N. Bil. 30/2010)

19. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Svarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2009.

(D.U.N. Bil. 31/2010)

20. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Negeri Terengganu Bagi Tahun 2007.

(D.U.N. Bil. 32/2010)

21. Penyata Kewangan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) Yang Disatukan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2009.

(D.U.N. Bil. 33/2010)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah soalan-soalan yang telah diberi notis:

(i) Soalan-soalan Bertulis
(ii) Soalan-soalan Lisan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak Dewan telah menerima Soalan-soalan Bertulis daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seperti berikut:-

1. Y.B. Wakil Hulu Besut
2. Y.B. Wakil Manir
3. Y.B. Wakil Batu Buruk
4. Y.B. Wakil Jabi
5. Y.B. Wakil Rhu Rendang
6. Y.B. Wakil Kuala Berang
7. Y.B. Wakil Wakaf Mempelam
8. Y.B. Wakil Ladang
9. Y.B. Wakil Sura
10. Y.B. Wakil Bukit Tunggal
11. Y.B. Wakil Bukit Payong

Kesemua soalan-soalan ini dibekal jawapannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

SOALAN-SOALAN LISAN

Manakala kepada Soalan-soalan Lisan kita juga menerima daripada 13 Ahli Yang Berhormat untuk soalan hari ini, sidang hari pertama, sesi sidang untuk Soalan Lisan ini selama 1 jam maka untuk memulakannya saya menjemput yang pertama Wakil daripada Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya soalan 1 -

Berapakah jumlah penduduk Negeri Terengganu yang telah disenaraikan dalam E-Kasih sehingga November 2010?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat serta Ketua-ketua Jabatan yang hadir pada hari ini. Bagi menjawab soalan pertama daripada Wakil Hulu Besut. Jumlah penduduk Negeri Terengganu yang telah disenaraikan dalam E-Kasih sehingga November 2010 yang terdiri dari Ketua Isi Rumah adalah seramai 24,549 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebenarnya saya ingin tahu agensi manakah di peringkat daerah yang menjadi urus setia dalam membasmi kemiskinan. Jadi oleh kerana saya tanya di peringkat daerah berapa ramai dapat bantuan daripada kerajaan? Tidak ada satu jabatan atau agensi yang boleh memberi jawapan. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah cara penyelesaian di peringkat daerah dan agensi mana yang harus mengurus hal-hal yang berkaitan dengan penyelesaian masalah kemiskinan ini?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Dipertua. Sebenarnya urus setia kepada Jawatankuasa Kemiskinan di peringkat Negeri Terengganu ini telahpun dilantik sejak lama dulu lagi di mana setiap daerah dalam Negeri Terengganu Pegawai Daerah adalah merupakan Pengerusi, Jawatankuasa Kemiskinan di peringkat daerah yang bertanggungjawab dari segi pengisian senarai dan pelaksanaan-pelaksanaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di daerah masing-masing. Selain daripada itu juga Jabatan Pembangunan Negeri Terengganu adalah juga yang bertanggungjawab kepada senarai E-Kasih dan saya sendiri selaku Exco Kebajikan

adalah orang yang bertanggungjawab untuk menentukan paras kemiskinan dan hal ehwal kemiskinan di Negeri Terengganu dapat diselenggara dengan cara yang baik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Soalan tambahan dan pohon penjelasan. Daripada Program E-Kasih itu, apakah program-program yang telah berjaya, yang telah dilaksanakan di jabatan-jabatan yang berkaitan yang telah mengeluarkan orang-orang miskin ini daripada tahap kemiskinan?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Di antara program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah kemiskinan di Negeri Terengganu ialah melalui:-

1. Projek Ayam Daging Secara Reban Tertutup yang melibatkan 48 peserta.
2. Projek Penternakan Kambing Pedaging Sistem Intensif yang melibatkan seramai 160 peserta.
3. Projek Ternakan Air Tawar Dalam Sangkar yang melibatkan 32 peserta.
4. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya Kepada Golongan Miskin dan Miskin Tegar melibatkan 556 peserta.
5. Program Bantuan Rumah Sambungan Bina Baru yang melibatkan 23 buah setiap DUN.
6. Projek Ternakan dan Pusat Penetasan Puyuh yang melibatkan 57 peserta.
7. Program Pembangunan Usahawan Rakyat Termiskin yang melibatkan 120 peserta.
8. Program Pembangunan Masyarakat Setempat.
9. Program Peningkatan Pendapatan Pertanian dan Industri Asas Tani melibatkan 80 peserta.
10. Program Bina Insan melibatkan 3,970 peserta.

11. Program Kluster Economy Projek Quick Win dan Projek Champion melibatkan 254 peserta.

12. Kelas Tarian E-Kasih juga melibatkan program-program mengatasi masalah E Kasih bersama-sama dengan agensi pelaksanaan.

Itulah kedudukan program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, tahniah di atas apa yang telah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, daripada apa yang dijelaskan oleh pihak kerajaan, masih terdapat beberapa program yang perlu ditambahbaik. Saya ambil satu contoh di bawah Program Asas Tani yang dibuat oleh orang-orang miskin ini iaitu buat baja yang dibekalkan dengan peralatan-peralatan dan bahan-bahan mentah. Tetapi apa yang mendukacitanya apabila baja siap satu syarikat yang telah diberi keupayaan untuk membeli baja tersebut tidak menjalankan tugasnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tadi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): .... kerana terlalu sensitif tentang masalah mentaliti ataupun sikap daripada peserta-peserta atau rakyat Negeri Terengganu kerana dasar kita, dasar Kerajaan Negeri Terengganu memang subsidi kita pastikan ianya sampai kepada rakyat yang berhak. Itu terpulanglah kepada kebijaksanaan peserta yang terlibat bagi dari segi mentalnya, sikapnya supaya jujur untuk mempastikan bahawa Program Mengatasi Kemiskinan di Terengganu ini berjalan lancar. Jadi itu adalah merupakan masalah mentaliti dan sikap rakyat di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, ya, sila, pendek aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Angka yang diberikan berhubung dengan data E-Kasih sehingga November 2010

di Terengganu 24,549 orang. Oleh kerana E-Kasih ini meliputi seluruh negara, saya nak tanya pihak kerajaan, kedudukan angka 24,549 orang ini nak banding dengan negeri-negeri lain dengan kedudukan kemiskinan itu agak-agaknya Terengganu ini jatuh ke nombor berapa hak paling miskin, kedudukan paling ramai rakyat miskin di negeri-negeri seluruh negara?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasihlah kepada Saudara Wakaf Mempelam yang begitu sensitif tentang kemiskinan di Negeri Terengganu ini, mudah-mudahan dengan sensitifnya Wakil Wakaf Mempelam itu kadar kemiskinan di Negeri Terengganu ini dapat diturunkan dari tahun ke tahun. Jadi untuk senang kepada saya memberi jawapan kepada Wakil Wakaf Mempelam ini Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut *ranking* kemiskinan mengikut negeri sehingga 9 Disember 2010:-

1. Sabah
2. Sarawak
3. Kelantan
4. Kedah
5. Negeri Terengganu
6. Selangor

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukup dah Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Manir. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya hadirin dan hadirat sekalian. Soalan pertama -

> *Sila nyatakan jumlah pelajar perubatan yang ditaja oleh Kerajaan Terengganu sekarang ini dan nyatakan mengikut negara?*

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, para-para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bagi menjawab soalan Wakil Manir berkait dengan jumlah pelajar perubatan yang ditaja oleh Kerajaan Terengganu sekarang ini dan nyatakan mengikut negara:-

Perubatan

1. Mesir	-	141	orang
2. Indonesia	-	38	orang
3. Ukraine	-	6	orang
4. Russia	-	80	orang
5. United Kingdom	-	5	orang
Jumlah	**-**	**280**	**orang**

Pergigian

1. Mesir	-	37	orang
2. Indonesia	-	19	orang
Jumlah	**-**	**56**	**orang**

Jumlah keseluruhannya adalah 336 orang. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan tambahan. Berapa peratus dari jumlah pelajar-pelajar Terengganu yang belajar di bidang perubatan yang ditaja oleh Kerajaan Negeri dengan jumlah yang disebutkan tadi?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jumlah yang saya sebut tadi ialah 336 orang itu adalah 100% anak-anak Terengganu yang ditaja oleh Yayasan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya daripada jumlah keseluruhan pelajar-pelajar perubatan yang belajar di negara tersebut maka peratus yang ditaja oleh Yayasan Terengganu adalah berapa?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kalau yang itu kita perlu notis terlebih awal sebab kita sendiripun tak ada maklumat bilangan semua sekali untuk seluruh negara pelajar yang buat perubatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habis soalan satu dulu Yang Berhormat, soalan tambahan untuk soalan satu tidak ada?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan satu tu dah dia perlu notis ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksudnya tambahan kepada soalan asal.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau gitu saya takdoklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua nanti kalau kita cukup masa, kita bagi baliklah. Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Batu Burok, soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya bertanya soalan saya ingin mendapat penjelasan di bawah peraturan 26 yang digunakan oleh Yang Berhormat Dato' Speaker bagi menolak terlalu banyak soalan-soalan yang telah saya kemukakan di dalam Dewan ini walaupun jelas dalam peraturan ini tetapi apakah soalan-soalan dalam bentuk kita bertanya berapa ramai penagih dadah di Terengganu ditolak. Soalan yang saya tanya tentang defisit Kerajaan Negeri Terengganu begitu mudah ditolak tanpa alasan-alasan yang munasabah dengan hanya menggunakan peraturan 26 ini, sama ada 26(2), 26(4) dengan sewenang-wenangnya. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sebelum saya meneruskan soalan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dah jelas tadi Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalianlah. Sebenarnya Yang Berhormat mengemukakan soalan mungkin mudah, apabila pihak sekretariat Dewan menerima dan menyerah kepada pihak kerajaan dan pihak kerajaan telah berbincang dengan panjang lebar bukan sekali bincang tetapi banyak kali bincang sebelum keputusan perkara 26 ini diberi. Saya rasa muktamadiah Yang Berhormat. Kita beri 26 atas pasal mana, pasal mana, Yang Berhormat kajilah balik. Jadi kita guna masa ini untuk dapat jawapan Yang Berhormat untuk soalan yang pertama, boleh?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, sebelum saya tanya, saya nak tanya jugak macam mana soalan-soalan yang begitu mudah, saya tak boleh .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah jawab Yang Berhormat, mudah kepada Yang Berhormat tetapi .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... sebagai contohnya: Apakah polisi Kerajaan Negeri bagi mengatasi

masalah gejala penagihan dadah dan berapakah jumlah penagih dadah serta HIV di seluruh negeri bagi tahun 2005 - 2010, ditolak dengan begitu mudah. Jadi saya perlu penjelasan kalau berpandukan kepada *Standing Order* ini, kalau digunakan secara berwewenangnya, tidak ada makna untuk dikemukakan soalan kepada Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diberitahu kepada Yang Berhormat ditolak atas fasal mana Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan ini ditolak di bawah fasal 26(4).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya. Jelaslah di situ Yang Berhormat. Jadi saya mintak soalan yang pertama kalau nak ditanyalah?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dah apa yang jelas tu, saya tak faham apa yang jelas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat telah dibekalkan buku tu, jelas dah di situ, dah dikaji kita kajilah sikit. Ya, Yang Berhormat, kita ni sedang makan masa.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan nombor 1.

> *Apakah rasional pembinaan tempat letak kereta bertingkat yang menggunakan sistem putaran di Jalan Batas Baru dan syarikat manakah yang diberi kepercayaan bagi membina dan mengendali projek tersebut?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya. Sila Yang Berhormat Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Rasional pembinaan tempat letak kereta bertingkat yang menggunakan sistem putaran di Jalan Batas Baru adalah kerana:-

(i) **Menjimatkan penggunaan tanah**

Permintaan kepada tempat letak kereta yang sangat tinggi dan kawasan tanah yang ada di Kuala Terengganu amat terhad dan

mahal harganya. Dengan Sistem TLK "Rotary", 2 ruang petak TLK dapat memuatkan 10 buah kereta.

(ii) **Menjimatkan masa**

Pemilik hanya perlu meletakkan kenderaan di ruang kosong yang sentiasa berada di bawah tanpa perlu memusing berkali-kali seperti dalam bangunan parkir bertingkat biasa.

(iii) **Aspek Keselamatan**

Pemandu khususnya wanita tidak perlu menaiki lif atau tangga atau berjalan jauh untuk keluar seperti dalam bangunan parkir bertingkat biasa.

(iv) **Memudahkan**

Pemandu hanya perlu meletakkan kenderaan pada ruang yang tetap dan sistem akan memutar ruang parkir yang kosong untuk kenderaan seterusnya.

(v) Sistem TLK boleh dialih ke tempat lain dan pembangunan tanah dapat diteruskan tanpa melibatkan kerja-kerja meroboh TLK jika dibandingkan dengan bangunan TLK bertingkat konkrit (bangunan kekal).

Sebab itulah lebih ekonomik dalam masa jangka panjangnya, Dato' Yang Dipertua.

Syarikat yang diberi kepercayaan bagi membina projek tersebut adalah Syarikat Pasifik Idaman Sdn. Bhd. dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sendiri yang akan mengendalikan perjalanan operasi parkir berkenaan.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan tentang projek Tempat Letak Kereta Batas Baru ini yang dikatakan yang pertama di Malaysia, *the first in Malaysia* dengan izin dan jumlah bajet yang digunakan untuk membina tempat letak kereta ini hampir RM10 juta. Persoalan yang timbul ialah apakah kita telah membuat kajian dari segi dengan izin, *viability* dan jugak dari segi *economicality* tempat ini kerana kalau kita melihat di kawasan

ini puratanya kalau kita buat tempat letak kereta ini dalam jumlah yang disebut tadi puratanya adalah lebih kurang RM45,000 satu lot. Dengan jumlah RM10 juta ini, apakah kerajaan tidak pernah memikirkan untuk membina kerana ia boleh membina bangunan 8 tingkat, boleh buat parking di tempat yang ada ini dengan pembinaan bangunan itu di samping pusat komersial ataupun pejabat-pejabat kerajaan. Seperti yang disebut nilai tanah adalah terlalu mahal, saya faham tetapi apakah negeri-negeri kita tidak membandingkan negeri-negeri yang jauh lebih maju dari kita, Negeri Selangor menolak projek ini, Wilayah Persekutuan menolak projek ini, Pulau Pinang menolak projek ini kerana dengan izin sekali lagi ianya tidak *viable* dan tidak *economical.* Jadi saya melihat, saya ingin mendapat penjelasan kerana apa yang dilaksanakan ini hanya dibuat di kota-kota besar sahaja, sama ada di Tokyo ataupun di London ataupun di Paris, Terengganu ini dikatakan *the first in Malaysia* dengan izin. Jadi saya ingin mendapat penjelasan apa rasionalnya, saya bimbang ini untuk kroni, projek ini bukan untuk kepentingan rakyat, untuk kroni ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya dah jelas tadi rasioanalnya saya telah sebut satu persatu. Kita tidak mempunyai tanah yang mencukupi di Bandar Kuala Terengganu dan projek ini dia boleh pindah kalau kita perlu tanah/kawasan di Batas Baru itu kita boleh pindah dan bangunkan projek lain dan kita pindahkan sistem ini ke tempat lain. Ini untuk jangka panjang. Saya tak tahulah, saya nak tengok suratlah kalau ada Selangor tolak, Pulau Pinang tolak, kalau ada Yang Berhormat tolong kemukakan. Ada Yang Berhormat, mintak surat? Yang mengatakan Selangor tolak, Penang tolak dan negeri mana yang disebut tolak tadi. Mintaklah dan serah ke Dewan. Jangan reka-reka cerita begitu. Projek sikit kroni, projek dua kroni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Nanti dulu Dato' Yang Dipertua, saya bertanya soalan sama ada kita mengkaji dari sudut *economical* dan *viability* projek ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah, kita dah kajilah ni sebab kita tidak ada tanah, tidak ada tempat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Jangan pakai tuduh-tuduh begitu aje.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Siapa yang tuduh? Awak yang tuduh.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya tidak menuduh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ADUN Batu Burok yang menuduh bahawa kita kroni, bahawa kita ni buat projek negeri lain tolak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dah bagi penjelasanlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah saya jelaslah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok sila duduk dulu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Biar saya jelas, Batu Burok yang kata bahawa kita kroni, Batu Burok kata Selangor tolak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak sahkan Yang Amat Berhormat memang sepanjang 2 tahun memerintah Negeri Terengganu ini mementingkan kroni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya dah sebut awal-awal tadi Yang Berhormat .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takdok orang sebut kita pilih kroni. Eh! Cakap banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kita elakkan emosi Yang Berhormat. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sistem ini boleh diubah-ubah di mana-mana sekalipun selepas ini bila kita perlukan pembangunan itu berbanding dengan sistem biasa dan kosnya RM32,500 satu unit. Kalau kita arahkan pihak pemaju buat satu projek kita mintak dia RM25,000 satu tempat letak kereta dan kebanyakannya mereka tidak mahu menyediakan tempat letak kereta kerana merugikan bangunan mereka sebab itu mereka sanggup membayar daripada menyediakan tempat letak kereta. Inilah masalah yang kita hadapi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan seterusnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya difahamkan jugak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan sahaja Yang Berhormat, jangan berucap dulu, masa berbahas nanti ada.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... pegawai-pegawai dan juga pekerja-pekerja terpaksa dihantar untuk *training* di Negeri China dan ini melibatkan kos, berapa jumlah kos dan jugak dari segi *maintenance* dengan izin, berapa jumlah *maintenance* kepada projek yang sedemikian ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, latihan dan lawatan ke China yang dibuat oleh MBKT dengan dibiayai oleh syarikat yang telah membekalkan mesin ini dan *maintenance* kita tak tahu lagi sebab tak buka lagi, kita tengoklah tetapi kita dimaklumkan mempunyai *maintenance* yang paling minimum setakat ini sebab dijangka buka Januari nanti. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada soalan lagi Yang Berhormat. Okey, saya jemput seterusnya daripada Rhu Rendang. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Bilakah Kerajaan Negeri dapat memastikan bahawa janji yang dibuat oleh Y.A.B. Menteri Kewangan sebelum Pilihan Raya Kecil P036 Kuala Terengganu kira-kira dua tahun lepas agar bayaran Royalti Petroleum dikembalikan semula kepada Negeri Terengganu dapat dilaksanakan sepenuhnya?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, insya Allah, royalti akan dikembalikan kepada Negeri Terengganu pada bulan Mac 2011. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tapi sebelum saya tanyakan soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sayapun rasa terkilan jugaklah soalan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak soalan tambahan sahaja Yang Berhormat, jangan rugi masa kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak penjelasan jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya mudah jugak macam jugak Batu Burok berhubung .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan Yang Berhormat ataupun takdok?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Rhu Rendang, Wakaf Mempelam duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya nak mintak satu kenyataan rasmi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu, dua-dua berdiri.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): .... yang dapat mempastikan janji itu benar-benar dapat dikota kerana kenyataan nak bagi ni dah acap kali dah. Kita tidak mahu satu janji yang lidah tidak bertulang, kita mahu supaya janji secara rasmi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Rhu Rendang minta janji tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setelah kita berunding itulah janji yang diberi iaitu Mac 2011.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan kedua, ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ucap terima kasihlah di atas usaha yang dilakukan berhubung dengan usaha untuk mendapatkan kembali royalti setelah sekian lama, telah 10 - 11 tahun dinafikan semenjak daripada tahun 2000. Persoalannya, walaupun janji tahun 2011, ada dua komponen. Yang pertama sekali ialah berhubung dengan pembayaran balik royalti dalam bentuk yang asal. Yang keduanya, berhubung dengan kewangan yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, kementerian-kementerian dan juga oleh negeri-negeri lain yang sudah mencecah sekarang ini masuk kalau tak silap ingatan saya kementerian-kementerian lain yang menggunakan RM7.72 bilion. Dan jugak berhubung dengan kes sekarang ini, sebelum pada ini iaitu pada tahun lepas dimaklumkan duit *cash* Kementerian Kewangan pegang RM1.3 bilion dan sekarang ini meningkat RM2.04 bilion. Dari segi perundingan kata nak beri balik adakah itu jugak diberi dalam jumlah yang sama? Begitu juga dengan SPNB (Syarikat Perumahan Negara) dah mencecah RM874 milion .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat saya ingatkan perbahasan selepas ini, soalan tambahan saya nak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahanlah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila! Kalau tidak saya suruh duduk. Soalan tambahan, soalan apa Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Dipertuapun tak berapa nak faham soalan saya ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak faham ke Yang Berhormat tak faham?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak beritahunya begini, berhubung dengan yang kata nak beri balik bulan Mac 2011. Royaltinya ada dua komponen. Yang pertama, beri ikut perjanjian asal iaitu bayar dua kali setahun seperti biasa ikut daripada jumlah yang diambil daripada had minyak yang diambil daripada Negeri Terengganu. Yang kedua, berhubung dengan kes tadi duit yang digunakan oleh kementerian, oleh SPNB dan oleh negeri-negeri lain, perkiraan itu macam mana, adakah dia kira bayar penuh sepertimana yang digunakan atau hak selama berunding payah tu pasal dia nak beri sikit aje. Ke macam mana? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu juga sebahagian daripada perundingan kita. Dan Kerajaan Pusat bersetuju secara *staggered payment* bermula Januari 2011. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya nak ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya berada di sini bukan saya main-main, saya tak pernah main-main, sebagai Speaker saya dibayar oleh rakyat dan saya nak Yang Berhormat berfikiran secara Ahli Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, guana Yang Berhormat Yang Dipertua bekeng sangat hari ini? ...(Dewan Gelak) ..... Dok kena kat mana tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Manir faham. Sebab Yang Berhormat membazirkan waktu Dewan dengan benda-benda dan andaian yang telah saya ingat terlebih awal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak tuduh Yang Berhormat ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat dengan soalan tambahan yang ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jangan duk tuduh saya membazirkan ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada soalan tambahan lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan saya, jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak memberikan angka. Saya nak tahu jumlah kalau boleh nak bayar penuh sepertimana yang telah digunakan ataupun nak bayar sebahagian, tak penuh. Macam saya dengar, sebagai contoh SPNB RM874 juta tapi di Terengganu digunakan RM102 juta untuk buat perumahan di Terengganu, dia hak Terengganu sebanyak RM102 juta takmboh bayar, dia kata buat rumah

untuk Terengganu, pada hal duit kita, dia dapat untung, itu masalahnya Dato' Yang Dipertua, bukan saya nak buat main Dato' Yang Dipertua. Yang Dipertua ni tak minum air lagi pagi ni kot?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam ulang apa yang Yang Berhormat kata tadi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Guana kata?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kata apa sebelum pada ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya kata takut Yang Dipertua tak minum air lagi, kalau tak kita minum air seiepas pada ni-lah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat tak perlulah Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Rakyat faham soal persidangan. Jangan jadikan Persidangan Terengganu ini sebagai seolah-olah sebelah mata kepada Yang Berhormat. Sila Yang Amat Berhormat jika ada jawapan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dijangkakan hampir RM200 juta akan dibayar setiap tahun kepada Kerajaan Negeri Terengganu dengan jumlah hampir RM2.2 bilion dalam tempoh 10 tahun setelah ditolak segala dalam perbincangan itu setakat ini, Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sayapun takmboh emosi Yang Berhormat sekalian tapi kalau dah didesak begitu, saya kata dah mula-mula tadi sayapun manusia. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Tepoh. Silakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama -

> *Bilakah jangkaan Kerajaan Negeri akan mengisytiharkan penubuhan daerah baru iaitu Daerah Kuala Nerus?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan pihak kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tarikh pengisytiharan penubuhan baru daerah baru Kuala Nerus belum dapat dimuktamadkan kerana terdapat beberapa perkara yang belum dapat dipenuhi setakat ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hingga ke setakat ini yang saya maksudkan sampai ke saat ini setakat mana dah proses ke arah penubuhan daerah tersebut? Kat Exco ke ataupun kat mana ke, saya nak dapat kepastian.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, segala maklumat dan juga siasatan telah selesai dibuat. Mesyuarat telahpun diadakan, kita belum bawa ke Exco kerana kita belum dapat keputusan muktamad mengenai pusat pentadbiran Kuala Nerus. Kita serah kepada kepimpinan Kuala Nerus untuk mempastikan mana pilihan mereka. Ada terdapat 3 cadangan di situ, sebab itu kita beri ruang kepada kepimpinan Kuala Nerus untuk membuat keputusan muktamad yang mana pilihan sebenarnya hendak mereka jadikan pusat pentadbiran Kuala Nerus. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih atas jawapan Yang Amat Berhormat. Tadi jawapan yang asal tadi, Yang Amat Berhormat menyebutkan tidak dapat ditentukan. Kalau bolehlah Yang Amat Berhormat pada tahun depan tu kalau boleh anggarannya agak-agak pada bulan berapa walaupun tak dapat tentu tu? Kita nak tahun depan, anggarannya bulan berapa?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ini bergantung kepada keputusan muktamad kepimpinan Kuala Nerus menetapkan pusat pentadbiran dan selepas itu dijangka akan melalui satu proses di mana kertas cadangan penubuhan daerah barulah dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Dan bila diluluskan permohonan perlu dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan bila diluluskan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT akan membawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam (JSPA). Dan selepas itu dibentangkan ke Mesyuarat Jemaah Menteri iaitu

Kabinet dan setelah Kabinet luluskan barulah tindakan penubuhan daerah baru oleh Kerajaan Negeri akan dilaksanakan. Inilah prosesnya Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Akhirlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya nak dapat kepastian tadi, maksudnya kalau pusat pentadbiran itu tadi yang Yang Amat Berhormat sebutkan tadi yang perlu ditentukan oleh kepimpinan Kuala Nerus, ertinya begitu. Kalau ada penentuan hak-hak kepimpinan Kuala Nerus menentukannya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat maksudnya langkah. Yang Berhormat kita faham semua tadi langkah yang pertama dah disebut tadi, dan langkah seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak kepastian tadi, Yang Amat Berhormat sebutkan bahawa pusat pentadbiran diserahkan kepada kepimpinan Kuala Nerus untuk menentukan apakah ini sebenarnya nak diserahkan kepada kepimpinan Kuala Nerus yang menentukan. Kalau diserahkan kepada kepimpinan Kuala Nerus senanglah kita buat kerja sebenarnya. Apakah itu sebenarnya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Dipertua, saya telahpun dalam mesyuarat menjelaskan secara terbuka kita serahkan kepada kepimpinan Kuala Nerus untuk memilihkan tempat untuk dijadikan pusat pentadbiran dengan syarat kawasan itu tidaklah berpaya sangat dan tidak banyak kos pengambilan balik dan diminimakan. Itu adalah antara syarat yang kita berikan sebab itulah kita beri peluang untuk bergantung kepada Kuala Nerus sendiri untuk menentukan. Kalau cepat dia buat keputusan maka cepatlah kita boleh buat kertas untuk keputusan Exco Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Insya Allah Tepoh akan dijadikan pusat pentadbiran.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang soalan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan tak ada dah Yang Berhormat. Soalan asal, kebetulan Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan tak ada, soalan Ladang. Ada dua soalan untuk hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua, yang pertama ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang pertama tu saya tengok ditolak atas alasan, kalau boleh saya bacalah saya nak mintak penjelasan jugak ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 26(3).

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): "26(3) – Dengan tidak menghiraukan apa-apa terkandung dahulu daripada ini maka bolehlah Menteri Besar dengan persetujuan Yang Dipertua Dewan enggan daripada menjawab soalan-soalan dengan alasan memelihara faedah orang ramai." Saya bertanya ni untuk faedah orang ramai sebenarnya, kalau boleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh beri justifikasi apakah ini tidak melibatkan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua nak dijawab atau tidak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, saya kalau boleh .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya benar soalan yang kedua, yang pertama dah jelas dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak jelas sebenarnya. Hak tolak tu tak jelas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita jelas nanti pergi ke pejabat sayalah kalau nak jelas lagi. 26(3) Buku Peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okeylah, kalau tu soalan nombor 2 -

Kerajaan telah membuat pengambilan balik 'Tanah Wakaf Tok Pelam" di Kampung Ladang baru-baru ini. Apakah status tanah wakaf ini. Apakah cadangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) dengan pampasan yang telah diterimanya?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati dan tuan-puan sekalian.

Wakil daripada Ladang bertanyakan soalan mengenai pengambilan balik 'Tanah Wakaf Tok Pelam' dan status tanah ini serta apa cadangan Majlis Agama atau MAIDAM dengan pampasan yang telah diterima. Untuk makluman semua tanah ini adalah merupakan wakaf zuriat iaitulah untuk keluarga yang tertentu dan zuriat-zuriat keluarga tersebut. Dan sebagaimana dimaklum bahawa semua tanah wakaf termasuk tanah wakaf zuriat ini adalah di bawah pemegang amanah tunggal iaitulah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu atau MAIDAM. Dan wang yang diterima oleh MAIDAM hasil daripada pampasan tanah ini akan digunakan untuk membeli flat-flat yang akan dibina di atas tanah tersebut dengan menggunakan konsep 'Istibdal' yang mana flat-flat ini kemudian nanti akan disewakan oleh pihak MAIDAM kepada waris-waris tanah Wakaf Tok Pelam ini yang asalnya dan kepada zuriat-zuriatnya. Dan ini secara tak langsung pewaris-pewaris Wakaf tersebut akan menikmati kelebihan dan kepentingan mereka melalui pampasan tanah tersebut itu tadi. Dengan ini pengurusan rumah sewa Wakaf Tok Pelam akan lebih tersusun dan teratur serta dapat menambahkan lagi hasil Wakaf Tok Pelam kepada waris-waris yang layak. Di samping itu juga, jika ada lebihan daripada pampasan yang diterima Majlis Agama Islam dan Adat Melayu atau MAIDAM bercadang juga mencari lokasi-lokasi strategik dan ekonomik untuk dibangunkan bagi kepentingan pewaris-pewaris yang menerima ataupun yang layak daripada hasil tanah ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa jumlah pampasan yang diterima oleh MAIDAM atas tanah ini ialah lebih kurang RM10 juta. Satu isu ialah tentang zuriat ataupun waris, apakah Majlis Agama Islam ataupun MAIDAM telah mengenal pasti waris-waris yang berhak ke atas tanah wakaf ini. Isunya kerana ramai sebenarnya yang datang mengaku dia itu waris. Jadi apakah ada satu mekanisme yang baik untuk menentukan siapa sebenarnya waris, siapa yang tidak waris dan siapa yang sengaja mengaku. Apakah ada mekanisme untuk menentukan siapakah waris sebenarnya?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, jumlah sebenarnya pampasan ialah RM9.2 juta dan MAIDAM sedang melakukan siasatan untuk memastikan orang-orang yang benar-benar dari kalangan waris-waris yang layak diterima untuk mendapat faedah daripada wang pampasan ataupun wang sewaan flat ini nanti. Memang ramailah yang mendakwa bila ada hasil ini, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, yang kedua, ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Apakah bentuk siasatan yang dilakukan kerana sebenarnya saya melihat carta zuriat itu memang *complicated,* memang sukar sebenarnya dan kalau boleh tahu apakah bentuk siasatan yang dibuat dan saya mencadangkan supaya dibuat satu perbicaraan terbuka untuk menentukan siapa sebenarnya waris yang benar-benar berhak ke atas tanah wakaf ini.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Pewaris-pewaris ini dia ada titih dia dan dia ada peringkat-peringkat. Ada di peringkat cucu, ada di peringkat anak, ada peringkat bawah, ada peringkat atas. Jadi kadarnya tidak sama dan kita akan rujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Fatwa seperti juga macam waris tanah-tanah pusaka. Walaupun waris ramai tapi kadar penerimaan tidak sama, dilihat kepada hak masing-masing. Jadi ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwalah yang menentukan berapa setiap waris dapat dan kita sudah pastilah daripada sewaan rumah (flat-flat) tadi mungkin tidak semua waris akan dapat sewa tetapi daripada sewaan nantilah yang akan diagihkan dan dalam hal ini kita akan berdasarkan Hukum Syara' Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan yang ketiga. Sebenarnya saya tidak bertanya tentang kadar tadi tu tetapi terima kasih kerana menjawab tentang kadar itu, itu satu hal. Tapi untuk menentukan siapakah sebenarnya zuriat Tok Pelam tu. Saya difahamkan Tok Pelam ini takdok isteri, isteri dia mati dulupun tak tahulah macam mana. Jadi saya tengok tu memang bercelaru tentang zuriat-zuriat dan ramai pulak yang mengaku. Jadi saya nak tahu cara mana nak tentukan zuriat yang sebenarnya, apakah caranya yang dilakukan oleh MAIDAM? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, zuriat yang dimaksudkan tidak semesti dari isteri, mungkin dia bagi kepada orang tertentu dan zuriat daripada orang itu. Saya sendiripun tak tahu sebenarnya siapa anak Tok Pelam, siapa asal dia tapi daripada induk keluarga itulah turun temurun dia akan dikaji dan akan dipastikan. Dan apabila dia disahkan daripada keturunan keluarga induk tersebut dia akan dianggap sebagai pewarislah dan *detailnya* berada dengan Majlis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya telah melihat susur-galur tadi banyak sangat dan memang *complicated.* Jadi saya nak cadangkan supaya diadakan perbicaraan terbuka bukan sekadar siasat, tanya sebab ada orang Majlis Agama pergi tanya: "Awak waris ke?" Pergi tanya begitu aje, saya tidak berpuas hati cara pergi siasat tu. Itu sebab saya bertanya apakah ada satu mekanisme yang baik untuk menentukan siapa yang sebenarnya waris yang jumlah sudah ratus ataupun ribu orang sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Wakil Rakyat Ladang ini memang prihatinlah dengan kawasan dia nampak gayanya. Tapi sebenarnya kerajaan kita melalui Majlis Agama memang telitilah, bertanya tu memanglah kena tanya macam itu awak waris ke dok? Takkan mari nak siasat dulu tak tanya tuan dia tapi kita akan tanya dan siasat dan saya yakin kalau kita buat terbuka ini takut ramai lagi akan dakwa dia keluarga. Jadi kita akan siasat daripada keluarga tu, titih ke berapa, insya Allahlah setakat yang termampu kita akan buat yang terbaiknya. Dan inipun melalui konsep 'Istibdal' saya rasa ini lebih memberi faedah secara menyeluruh kepada keluarga-keluarga yang semakin ramai kerana kalau kita tidak buat konsep ini yang sedang duduk atas tanah itu sahajalah yang akan menikmatinya secara langsung sedangkan yang di luar tidak dapat menikmati sedangkan nilai tanah itu berjuta-juta. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Batu Rakit. Saya jemput seterusnya Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 –

> *Berapakah kos pembersihan dan baik pulih Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila kerajaan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian.

Soalan Wakil Bukit Tunggal ialah berapakah kos pembersihan dan baik pulih Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut tentang proses pembaikian Stadium Sultan Mizan ini yang akan meliputi empat fasa. Yang pertamanya, pembersihan dan pengalihan struktur runtuhan bumbung. Ini sebahagian daripada soalan itu tentang kos pembersihan. Kerja-kerja pembersihan dan pengalihan struktur runtuhan bumbung kontraknya telah bermula pada 26 Julai 2010 sehingga 14 November 2010 dan telahpun disiapkan dengan tiada kos untuk pembersihan dan pengalihan struktur bumbung. Dan untuk menentukan kos baik pulih stadium secara keseluruhannya, kita sekarang ini iaitu selepas selesai kerja pembersihan dan pengalihan struktur runtuhan bumbung itu, kita di peringkat pelantikan Perunding Pakar bagi semakan integriti struktur. Dia kena buat semakan integriti struktur dulu sebelum proses pembaikian stadium dan akhirnya pembinaan bumbung baru. Maka soalan tentang berapakah kos baik pulih itu tidak dapat ditentukan lagi di peringkat ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, soalan tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, yang pertamanya bahan-bahan yang telah dibersihkan itu seperti besi-besi lusuh itu anggaran berapa kos yang dapat diperolehi oleh kerajaan hasil daripada penjualan besi tersebut?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kontrak pembersihan dan pengalihan struktur runtuhan bumbung itu yang tadi saya sebut tiada kos kerana sisa daripada struktur runtuhan bumbung yang menjadi sebahagian daripada dan yang boleh dikeluarkan oleh kontraktor itu kita tidak pasti berapa harga yang boleh dijual dan berkemungkinan itulah juga kos bagi kerja-kerja ini, kosong.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan yang kedua. Itulah yang kita nak tahu tu, adakah berpatutan dengan nilai besi yang dijual sebagai kos pembersihan itu ataupun kos/harga besi terlalu

mahal dan akhirnya rugi di pihak Kerajaan. Yang kedua, yang saya nak tanya berikutnya ialah siapakah yang akan menanggung segala kos pembaikpulihan ataupun membina semula stadium yang telah runtuh itu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat stadium tu tak runtuh Yang Berhormat, yang runtuhnya bumbung. Jadi soalan itu perlu dijawab? Tak perlu ya? Tak perlu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak apa, saya boleh betulkan soalan, Yang Dipertua ni janganlah buang masa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang ketiga.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bumbung yang runtuh nak *repair* berapakah kosnya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, dia tanya bumbung. Saya dengar Yang Berhormat cakap.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyebut tadi tentang proses dan sebagaimana yang dikatakan soalan pertama tadi iaitu tentang sama ada kos dan sebagainya itu memangpun kita ada analisa kontrak yang kita buat dan kita telah buat keputusan di mana kontraktor yang dapat inipun dengan izin Yang Berhormat Dato', Azimat Berkat Sdn. Bhd. ni kos kontraknya kosong dan kita telah buat penilaian dari segi itu dan memangpun kos kosong itu ialah kos yang kita buat keputusan. Saya sebut tadi tentang proses pembaikian termasuk kata tadi semakan integriti struktur. Jadi selepas semakan ini barulah kita dapat kenal pasti tentang integriti struktur, kemudian pembaikian stadium dan juga pembinaan bumbung baru. Itu adalah proses-proses yang akan dibuat, kita akan dapat kenal pasti apakah pembaikian yang perlu dibuat juga tentang cadangan pembinaan bumbung akhirnya. Dan kerana juga penamatan bagi kontrak ini telahpun dibuat dan tentunya bagi kos pembinaan bumbung dan sebagainya pertamanya akan disandarkan kepada kontrak yang sedia ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, ya. Okey, saya jemput Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Soalan saya yang pertama -

Nyatakan syarikat yang membekalkan pendrive atau thumbdrive yang dibahagikan kepada guru-guru dan kos yang ditanggung oleh Kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Syarikat yang membekalkan dengan izin, pendrive ataupun thumbdrive yang dibahagikan kepada guru-guru adalah Syarikat Top IT Industries Sdn. Bhd. dan kos yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM1,886,745.00. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan saya. Dalam membekalkan dan mengagihkan pendrive kepada guru-guru ini, saya mendapat beberapa aduan daripada guru-guru kerana diadakan satu majlis dan mewajibkan kepada guru-guru supaya hadir dalam majlis itu yang membuatkan mengganggu kerja pengajaran dan pembelajaran guru-guru. Apakah pihak Kerajaan tidak yakin untuk pembahagian pendrive ini disalurkan kepada sekolah-sekolah secara langsung ataupun program/majlis ini akan diteruskan sebagaimana yang ada hari ini ataupun yang telah dilakukan sebelum ini?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Bukit Payong. Kalau dikatakan bahawa masa yang kita pilih adalah mengganggu tugas guru itu memang tak betul kerana hari pembahagian cenderamata yang kita buat ini ialah pada hari Sabtu, tak pernah lagi kita buat hari persekolahan. Yang kedua, ini adalah kerana kita nak menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri kerana kita merasakan bahawa sumbangan guru-guru begitu besar kepada pendidikan Negeri Terengganu sehinggakan UPSR tahun inipun kita tahun yang kesepuluh menjuarai dan insya Allah, kita yakin dan percaya untuk peperiksaan yang akan datangpun kita akan dapat macam itu juga. Ini kerana apa? Kerana komitmen cikgu-cikgu kita yang begitu hebat. Dan dalam soal ini sebenarnya dia tidak timbul soal dipaksa atau dan sebagainya, ini adalah kerana untuk menerima hadiah dan cenderamata itu memanglah cikgu dijemput hadir dan mereka semua hadir dengan penuh rasa rela dan penuh rasa gembira kerana saya difahamkan oleh guru-guru kerana mereka sebelum ini tak pernahpun mendapat penghargaan sepertimana yang kita laksanakan pada masa pembahagian tersebut. Dan kebanyakan mesej dan

juga makluman yang saya terima, ramai cikgu-cikgu kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas keprihatinan Kerajaan, di atas sumbangan yang telah diberi oleh pihak guru-guru. Dan kita tak ada masalah kalau pihak Bukit Payongpun nak buat program yang seumpama kitapun tak ada masalah, boleh juga sebagai satu tanda sumbangan dan juga tanda keprihatinan kita kepada warga pendidik. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan saya yang seterusnya. Kemungkinan majlis ini sebagai asas diadakan musim cuti, jadi guru-guru semasa musim cuti itulah mereka berpeluang untuk bersama dengan keluarga. Tapi soalan saya, ada pendrive yang dibahagikan itu kadang-kadang rosak, kemudian pihak Kerajaan dengan nilaian jasa yang besar oleh guru-guru Kerajaan bercadang untuk mengubah pemberian dalam bentuk pendrive ini kepada sesuatu yang lebih besar walaupun ini kemungkinan sudah dianggap besar tetapi suatu yang lebih besar untuk diberi sumbangan kepada guru-guru. Kalaulah pelajar-pelajar diberi e-Book, kemungkinan kepada guru-guru diberikan sesuatu benda yang lebih memberi sumbangan besar daripada pendrive ini sama ada laptop ataupun perkara-perkara lain.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Pemberian cenderamata kepada guru itu memanglah amat sesuailah sebab berasas kepada apa yang kita sedang laksanakan sebab Kerajaan Negeri hari ini kalau melihat kepada komitmen kepada ICT ini begitu tinggi. Dan kebetulan pula kita melihat hari ini Kerajaan Pusatpun membuat perkara yang sama sebagaimana dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan pembahagian Netbook, kita pembahagian e-Book dan sekarang ditambah lagi dengan pembahagian Netbook. Dan kita tidak ada masalah, marilah kita sama-sama doakan semoga Kerajaan Negeri kita sentiasa dilimpahkan dengan rezeki yang melimpah ruah supaya insya Allah tidak ada masalah kalau kita boleh mulakan dengan peringkat sekolah rendah tidak ada masalah selepas ini untuk kita beri kepada peringkat-peringkat yang seterusnya demi menjamin kepada kehebatan dan kecemerlangan pendidikan. Dan untuk pengetahuan Wakil Bukit Payong, hari inipun sebahagian kepada guru-guru kita telah bahagi sebenarnya laptop ini, sebahagian guru-guru tahun enam, guru-guru Akram. Dan insya Allah, tahun hadapan kalau diluluskan sebab itulah kita nak mintak wakil sebelah sana tu supaya memberi sokongan yang penuh kepada Bajet tahun ini kerana sebahagian daripada Bajet itu juga untuk kita agihkan sebanyak 3,000 unit komputer ataupun laptop kepada guru-guru yang akan terlibat dengan proses pembelajaran dan pengajaran bagi e-Book ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Bukit Payong? Tidak ada. Kita ada masa lagi Yang Berhormat, saya jemput Hulu Besut untuk soalan yang kedua Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor 2 -

> *Kerajaan telah melancarkan Projek Pembangunan Wilayah Pantai Timur, apakah projek yang telah dilaksanakan oleh ECER di Besut sehingga November 2010?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, belum ada lagi projek yang diluluskan oleh ECER di Besut. Cuma yang sedang berjalan sekarang ialah Projek Agropolitan Besut - Setiu iaitu ternakan kambing Kaprima di Telaga Papan, Setiu dan akan dilaksanakan projek Kelapa Pandan di Panchur Bederu, Setiu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada soalan tambahan Yang Berhormat? Jadi kita ada masa lagi, kita jemput Yang Berhormat Manir? Yang Berhormat Manir tak ada. Sila Yang Berhormat Bukit Tunggal kalau ada soalan kedua itu hendak ditanya, silakan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2 -

> *Sehingga kini apakah program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menjaga kebersihan sungai di seluruh Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Bukit Tunggal yang ingin tahu mengenai program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menjaga kebersihan sungai di seluruh negeri di Terengganu.

Sehingga kini program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menjaga kebersihan sungai di seluruh Negeri Terengganu adalah seperti berikut:-

1. Program Pemuliharaan Sungai-sungai Terengganu.
2. Program Satu Negeri Satu Sungai.
3. Program Satu DUN Satu Sungai.
4. Program Menyusuri Sungai Redang dan Pengawasan Kualiti Air Sungai Redang.

5. Program Peningkatan Kualiti Air Sungai Ibai.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Saya ingat dalam dua tahun yang lepas ada diedarkan kepada mungkin semua Wakil Rakyat yang ada sungai kot atau yang duduk tepi sungai suatu borang untuk kita jadikan Sungai Angkat dan dinamakan penduduk tempatan sebagai orang hubungan tetapi sehingga kini saya dapati di mana saya telah hantar borang itu ke Pejabat DUN tetapi sehingga kini tidak ada *respond* daripada pihak Kerajaan apa tugas kita selanjutnya. Tolong beri penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bahawa Satu DUN Satu Sungai kita dah laksanakan sejak tahun 2008 di mana pelaksanaan program ini adalah untuk membekalkan alatan bagi pengukuran kualiti air sungai ke sekolah-sekolah yang telah dipilih berdasarkan kedudukan sekolah tersebut dengan sungai yang terpilih. Dan kita telah melaksanakan untuk fasa 1 dan yang ke-2 dan setakat ini kesemuanya telah disiapkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, masalahnya kita bukan nak tanya pasal sekolah, Wakil Rakyat, kita, saya, contoh diberi satu borang untuk diisi sungai mana yang saya nak kemuka kepada Kerajaan untuk diawasi, jadi ayah angkat kepada sungailah, bapak angkat sungai. Kita telah hantar borang pada 2 tahun lepas tapi tidak ada maklum balas, apa tugas kita, apa alat yang nak diberikan. Tadi yang dijawabnya sekolah, saya tanya saya (Wakil Rakyat).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal dia nak tawar diri jadi Ayah Angkat Sungai, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sudah dilantik Ayah Angkat Sungai tapi kerja-kerjanya tidak ada.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang sebenarnya Program Satu DUN Satu Sungai ini ialah dilaksanakan di sekolah-sekolah. Dan bagi kawasan Bukit Tunggal, sekolah yang terpilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tunggal dan sungai yang terlibat ialah Sungai Buaya Bukit Tumbuh yang telah dilaksanakan dan dapati bahawa kualiti air sungai tersebut ialah sederhana bersih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Wakaf Mempelam, pendek aje Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Cuma saya nak celahnya Exco tak jawab soalan dia tu, tanyanya Pak Angkat, hak tu jawab .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tanya soalan dahlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini berhubung dengan kes pencemaran sungai, saya nak tanya Yang Berhormat berhubung dengan kes kalau Yang Berhormat ingat berapa batang sungai di seluruh Negeri Terengganu dan berapa yang telah tercemar dan punca pencemaran? Saya tanyanya pasal kes begini, baru-baru ini timbul isu air Tasik Kenyir katanya ada kuman E-Coli, dicemari bakteria E-Coli, saya takutnya melarat sampai ke sungai daripada air tasik itu. Agak-agak punca pencemaran itu apa dia? Terima kasih.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kalau kita kira sungai-sungai di Terengganu tidak ada yang tercemar hanya yang tercemar mungkinlah ada satu-dua sungai di mana terletak di sebelahnya ada banyak kilang-kilang yang membuang bahan pembuangannya ke dalam sungai itu tapi setakat ini di Negeri Terengganu memang tidak ada sungai yang tercemar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kita ucap tahniahlah kepada Wakil Bandar ni, Terengganu jati dia, dengan jawapannya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Boleh soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat. Saya nak bagi peluang ada 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dia silap, E-Coli ni bukan daripada kilang, dia najis manusia jadi kilang ini tidak ada kena mengena dengan E-Coli.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Minta maaflah, soalan tadi bertanya mengenai sungai, kita jawablah sungai. E-Coli tu adalah laporan silap kalau ada baca suratkhabarpun jelas dijawab oleh pegawai yang berkaitan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong kita beri peluang kepada soalan asas sahajalah. Kita ada 2 minit saja dan untuk dijawab oleh Kerajaan. Soalan tambahan tak adalah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan saya yang kedua -

> *Berapakah kos bayaran tanah yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan untuk pembinaan Hospital Daerah Marang?*

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Bukit Payong yang bertanyakan berapakah kos bayaran tanah yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan untuk pembinaan Hospital Daerah Marang. Jadi jawapannya ialah kita belum buat apa-apa pembayaranpun untuk pembinaan Hospital Daerah Marang kerana permohonan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu untuk Hospital Daerah Marang yang kita buat melalui Rancangan Malaysia Ke-8 lagi sehingga Rancangan Malaysia Ke-10 ini masih belum diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah tepat sejam Soalan Lisan kita ditanya dan jawab oleh pihak Kerajaan. Saya tegaskan sekali lagi Yang Berhormat sebagai Yang Dipertua, sebagai Speaker saya tegas sikit, kalau tak tegas kita tak dapat jawab semua sekali, hari ini alhamdulillah semua sekali soalan kecuali Manir tadi tidak berada dalam Dewan, dijawab. Saya juga sangat dukacita bila ramai melihat kepada soalan ditolak, bukan kepada Yang Berhormat Pembankang sahaja, Yang Berhormat daripada Barisan Nasionalpun banyak yang ditolak juga, Kuala Berang, Air Putih, Jabi semuanya ditolak kerana kita tidak berhati-hati barangkali sebab itu saya nasihat awal-awal tadi. Saya ingatkan Yang Berhormat tugas kita memainkan peranan masing-masing, kita berehat dulu, kita minum air dengan Wakaf Mempelam, insya Allah pukul 11.00 .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin membawa Usul di bawah Peraturan 30 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat. Saya jangka dah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, saya Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok memohon mencadangkan bahawa Persidangan ini hendaklah ditangguhkan mengikut fasal 30, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan Laporan Audit - Pengurusan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Top IT Industries Sdn. Bhd. yang disediakan oleh Jabatan Audit Negara dan juga secara rasmi telah dibentangkan oleh Ketua Audit Negara kepada Parlimen Malaysia baru-baru ini.

Dato' Yang Dipertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana Laporan Audit yang telah disediakan oleh Ketua Audit Negara adalah amat mengejutkan, amat menggerunkan serta amat memalukan kita rakyat Negeri Terengganu. Antara lain laporan ini menyebut pada pendapat Audit, aktiviti Projek e-Book kurang memuaskan kerana:-

1. Tiada perjanjian di antara syarikat dengan Kerajaan Negeri dan antara syarikat dengan pembekal perkakasan dan perisian.
2. Berlaku kelewatan penghantaran antara 63 hingga 180 hari.
3. Kadar murid sekolah yang membawa e-Book ke sekolah adalah amat rendah iaitu 18.2%.
4. Berlaku kecuaian memilih pembekal perisian sistem sehingga disaman kerana dituduh meniru hak cipta milik syarikat lain.
5. Kadar kerosakan yang amat tinggi kepada komputer e-Book iaitu 14.4%.
6. Pelan bangunan kilang tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat.
7. Bangunan kilang tidak mempunyai Sijil Akuan Kelayakan Menduduki (SAKM) dengan Pihak Berkuasa Majlis Bandaraya tetapi telah digunakan untuk menjalankan operasi.

Dato' Yang Dipertua, bayangkanlah projek sebesar ini tidak ada sebarang perjanjian antara syarikat dengan Kerajaan Negeri dan di antara syarikat dengan pembekal perkakasan dan perisian sedangkan Kerajaan Negeri telah berbelanja hampir RM100 juta bagi menjayakan program ini. Apakah ia benar-benar untuk kepentingan rakyat atau untuk terus memperkayakan kroni?

Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana kilang yang telah beroperasi hampir dua tahun ini telah tidak dapat kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat serta tidak ada CF sedangkan lebih daripada 60 orang pekerja telah menjalankan tugas dalam keadaan nyawa mereka sentiasa dengan menanggung risiko kemungkinan keruntuhan kilang. Siapakah yang akan bertanggungjawab dalam hal ini semua.

Laporan Audit ini juga mendapati kerosakan 14% merupakan kadar yang amat tinggi dan ini memberi gambaran kepada kualiti e-Book yang dikeluarkan adalah amat tidak bermutu. Perkara ini perlu disegerakan kerana kilang ini telah diwarwarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Dewan yang mulia ini dengan izin: "Bahawa Kerajaan dengan kerjasama syarikat Intel telah siap membina kilangnya di kawasan Perindustrian Gong Badak yang mula beroperasi bagi pemasangan komputer riba untuk dipasarkan ke seluruh Asia Tenggara." Realitinya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan izin, *has basically* membawa isu ini dengan tidak memberikan fakta-fakta yang benar. Tidak ada operasi bagi pemasangan komputer riba untuk dipasarkan ke seluruh Asia Tenggara, yang ada hanya pekerja-pekerja mengisi perisian-perisian *software* e-Book yang diimport dari China berbumbungkan sebuah kilang yang pada bila-bila masa berkemungkinan boleh runtuh sepertinya runtuhnya bumbung Stadium Sultan Mizan.

Maka saya berpandangan Usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Batu Burok. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima salinan daripada Yang Berhormat Batu Burok Usul di bawah fasal 30, sebagaimana dibaca oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sepertimana kita tahu fasal 30 ini ialah mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan iaitu melibatkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan perlu segera kita bincangkan kalau tidak kita keluar Dewan nanti berlaku masalah besar. Jadi sebelum kita bersurai saya rasa, alhamdulillah sebab Yang Berhormat beri awal dan setelah mengkaji perkara 30 jugak saya ingat perkara ini memang perkara tertentu, kemudian juga kepentingan orang ramai tetapi tidaklah perlu disegerakan kerana kita telah

menyusun agenda yang tertentu yang khusus untuk kepentingan orang ramai yang lebih besar dalam Bajet 2011.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Apa yang lebih besar lagi? Ini hampir RM100 juta yang telah dibelanjakan, berlaku penyelewengan dalam hal ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat jangan emosi, bagi peluang untuk saya jawab, saya telah beri peluang kepada Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat duduk dulu. Yang Berhormat Batu Burok hormat kepada sidang Dewan. Saya menyatakan tadi perkara yang lebih besar Yang Berhormat adalah Bajet untuk rakyat Negeri Terengganu pada tahun 2011, tahun depan yang akan kita bentangkan dan dibahaskan oleh Yang Berhormat. Semestinya Yang Berhormat akan diberi peluang, perkara ini jugak boleh dibangkitkan. Saya percaya setiap Yang Berhormat telah dibekalkan dengan urusan-urusan Bajet berkenaan dan jika mempunyai kepalanya dipersilakan, bahaslah dengan tersusun, jangan buang masa dan sebagainya. Maka dengan itu saya dengan dukacitanya minta maaf menolak supaya perbahasan khas, ya, bukan saya tolak Dewan tetapi perbahasan khas ataupun tergempar diadakan semata-mata untuk isu ini. Yang Berhormat boleh guna masa nanti untuk perbahasan yang cukup pada hari besok termasuk isu ini, Yang Berhormat, ya. Jadi saya tangguhkan mesyuarat ini dan kita masuk kembali ke mesyuarat pada pukul 11.25 pagi. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 11.00 PAGI.

PUKUL 11.25 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat yang telah memberikan notis.

CADANGAN MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan wakil-wakil, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Saya memohon membawa cadangan menurut fasal 16(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Untuk Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain iaitu Enakmen Perbekalan 2011. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan menurut fasal 16(3) sebagaimana dibaca oleh Yang Berhormat Seberang Takir sebentar tadi mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain. Kita terima cadangan ini dan saya kemukakan kepada Dewan untuk undian -

> CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

CADANGAN INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara yang didahulukan ialah **Rang Undang-Undang**. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang berikut:-

ENAKMEN PERBEKALAN 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan para Pemerhati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Dengan rendah diri saya ingin mengangkatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, saya dapat membentangkan Bajet Negeri Terengganu bagi tahun 2011. Pembentangan Enakmen yang bernama **Enakmen Perbekalan 2011** ini adalah untuk mendapat pertimbangan Dewan yang mulia, bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri pada tahun 2011. Kenyataan lengkap cadangan untuk Bajet 2011 ini adalah sepertimana yang terkandung dalam Buku Bajet Negeri Tahun 2011 (Kembaran **Kertas Dewan Undangan Negeri Bil. 13/2010**).

Bismillahir Rahmanir Rahim

> "Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil, kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu". (Surah al-Furqan ayat 67)

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI

Negara kita telah berjaya pulih daripada kemelesetan ekonomi dunia berikutan langkah proaktif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya di peringkat Pusat. Ekonomi negara mencatat pertumbuhan 8.9% pada suku kedua, 2010 didorong oleh perkembangan yang berterusan dalam permintaan dalam negeri dan pertumbuhan yang terus kukuh dalam permintaan luar. Penunjuk-penunjuk utama iaitu Indeks Komposit Bursa Malaysia, hasil eksport yang memberangsangkan, kedudukan ringgit yang semakin kukuh dan rizab antarabangsa negara kekal padu juga memperlihatkan pertumbuhan ekonomi kekal kukuh. Dengan perkembangan ini, Kerajaan Pusat semasa pembentangan Bajet 2011 telah menyemak semula kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2010 kepada **7% berbanding 6%** sebelum ini dan menjangkakan pertumbuhan pada kadar **5% hingga 6% bagi 2011.** Sementara itu bagi tahun 2011 pertumbuhan ekonomi dunia dijangka sederhana iaitu **4.2%.**

3. Bagi suku ketiga tahun 2010, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 5.3% didorong oleh permintaan dalam negeri dalam keadaan permintaan luar

negara yang lembap. Di sebalik persekitaran luar yang mencabar, pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan akan terus disokong oleh aktiviti ekonomi dalam negeri yang kukuh.

4. Kesan pemulihan ekonomi telah mempengaruhi senario ekonomi negeri Terengganu. Kadar pengangguran dijangka menurun kepada 3.5% pada tahun 2010 berbanding 3.9% pada tahun 2009. KDNK negeri dijangka tumbuh positif kepada 6.0% pada tahun 2010 berbanding pertumbuhan negatif 1.5% tahun 2009. Bagi tahun 2011 pertumbuhan ekonomi negeri dijangka mencapai 6.5% hingga 7.0%.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI

5. Kerajaan sedar Akaun Hasil Disatukan telah mengalami defisit terkumpul yang besar iaitu RM699.01 juta pada tahun 2009 berbanding defisit RM424.96 juta pada tahun sebelumnya. Kekurangan dalam Akaun Hasil Disatukan ini telah menyebabkan baki Kumpulan Wang Disatukan Negeri susut dari RM404.65 juta pada tahun 2008 kepada RM240.45 juta pada 31 Disember 2009. Seperti yang saya jelaskan pada tahun lalu semasa pembentangan Bajet 2010, defisit ini adalah disebabkan kerajaan tidak menerima sepenuhnya Pemberian Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan sebagaimana anggaran dalam Bajet tahun 2007, 2008 dan 2009. Bagaimanapun kerajaan komited untuk memastikan defisit ini berada pada paras yang munasabah dan dapat dikurangkan secara berperingkat dengan penerimaan Dana Khas dari Kerajaan Persekutuan.

6. **Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan** terus menjadi bertambah baik kerana bakinya telah meningkat daripada RM28.62 juta pada tahun 2008 kepada RM59.16 juta pada tahun 2009. Kerajaan membelanjakan sebanyak RM678.17 juta untuk pelbagai projek pembangunan pada tahun 2009. **Kumpulan Wang Bekalan Air** pula terus mengekalkan baki positif tetapi menurun sedikit daripada RM128.43 juta pada tahun 2008 kepada RM125.11 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Pusat hanya mengeluarkan RM45.61 juta pinjaman bagi projek bekalan air berbanding RM75.75 juta pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2009 Kerajaan telah membelanjakan RM0.47 juta bagi pengurusan dan RM53.86 juta bagi pelbagai projek bekalan air.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

ANGGARAN HASIL 2011

7. Belanjawan 2011, mendakap semangat dan realiti pentadbiran terkini yang mendahulukan kepentingan rakyat melalui agenda "**Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan**" dan mengangkat gagasan di peringkat pusat "**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**" melalui Konsep **1Malaysia** sebagai falsafah induk yang memandu arah tuju negeri dan negara. Untuk merealisasikan wawasan ini kerajaan telah menyusun berbagai program dan projek dan bagi melaksanakannya sudah tentu memerlukan suatu pembiayaan yang besar. Oleh itu belanjawan telah digubal dengan penuh kesedaran supaya dapat menterjemahkan perancangan ke arah matlamat yang telah ditetapkan.

8. Untuk tahun 2011, Kerajaan menganggarkan akan memperolehi hasil sebanyak **1.887 billion ringgit**. Anggaran ini dijangka meningkat sedikit iaitu sebanyak **6.04 juta ringgit** atau 0.32% berbanding Anggaran Hasil tahun 2010. Daripada jumlah anggaran hasil tersebut, **1.699 billion ringgit atau 90%** adalah diunjurkan **diperolehi dari sumber Kerajaan Pusat** termasuk royalti petroleum, dan bakinya RM188 juta atau 10% adalah daripada sumber negeri sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

PERUNTUKAN BAJET 2011

9. Kerajaan akan berusaha sedaya mungkin untuk menjana pembangunan dan memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Kerajaan akan memberi penekanan kepada kesan (*outcome*) dan impak kepada rakyat. Tetapi pada masa yang sama Kerajaan akan memastikan perbelanjaan dilakukan secara lebih berhemat dan melaksanakan langkah berjimat cermat tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kualiti perkhidmatan. Langkah ini akan dapat membendung perbelanjaan daripada meningkat dengan ketara dan pada masa yang sama memperbaiki kedudukan akaun kerajaan.

10. Dengan meneruskan **dasar pengurusan bajet yang seimbang,** saya mencadangkan, sejumlah **1.887 billion ringgit** diperuntukkan bagi Bajet 2011. Ia merupakan **pertambahan 6.04 juta ringgit** iaitu 0.32% berbanding dengan Belanjawan asal 2010. Bagaimanapun jumlah ini berkurangan RM57.18 juta atau 2.94% jika dibanding dengan peruntukan tahun 2010 yang disemak. Peruntukan ini mencerminkan kepekaan kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan pembangunan bagi kesejahteraan rakyat tetapi melalui dasar perbelanjaan kerajaan yang lebih berhemat berpandukan kepada keupayaan hasil yang

mampu dipungut. Peruntukan ini disediakan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Pembangunan.

11. Daripada jumlah **1.887 billion ringgit** yang diperuntukkan untuk membiayai **Perbelanjaan Mengurus,** RM97.84 juta adalah untuk **Perbelanjaan Tanggungan** sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan RM1.790 billion untuk **Perbelanjaan Bekalan**. Bagi Perbelanjaan Bekalan, sebanyak RM1.377 billion diperuntukkan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap, RM213.34 juta untuk Emolumen, RM166.57 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM31.85 juta untuk Aset, dan RM1.16 juta untuk Lain-lain Perbelanjaan.

12. Peruntukan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah termasuk pemberian caruman kepada **Kumpulan Wang Pembangunan Negeri** sebanyak RM500 juta, **Caruman kepada Penguasa-Penguasa Tempatan & Agensi-agensi Kerajaan** RM366 juta, **Bantuan Kebajikan** di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat RM49 juta dan **Pemberian bagi pelbagai program di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Vote B32-Pelbagai Perkhidmatan** RM243.58 juta.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

STRATEGI BAJET 2011

13. Pada tahun 2009 Kerajaan telah menyediakan Halatuju Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu Tahun 2009-2013 yang memberi penekanan kepada sektor-sektor yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi di samping mengintegrasikan agenda membasmi kemiskinan. Pelan ini memberi tumpuan kepada sektor pendidikan & pembangunan sumber manusia, pertanian & asas tani, pelancongan, industri, perdagangan, perkhidmatan dan ICT.

14. Oleh itu teras penyediaan Bajet 2011 mengambilkira perencanaan Halatuju ini, Bidang Keberhasilan Utama Negeri dan Rancangan Transformasi Kerajaan serta diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) melalui pelbagai langkah dan program/projek pembangunan yang sedang dilaksanakan mahupun yang akan dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keuntungan secara total kepada rakyat dapat direalisasikan. Dari segi perancangan pembangunan penekanan diberi kepada projek-projek yang dapat memberi impak yang tinggi kepada rakyat seperti program-program pembasmian kemiskinan dan menjana pendapatan rakyat, penyediaan perumahan, pembangunan sektor-sektor ekonomi secara lebih fokus, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam serta membangunkan sektor pendidikan. Bagi Belanjawan 2011 keutamaan adalah melaksanakan projek-projek sambungan supaya ia

dapat disiapkan mengikut jadual. Bagi projek-projek baru pula ia adalah projek-projek yang telah diberi komitmen untuk dilaksanakan.

15. Tahun 2010 merupakan tahun terakhir pelaksanaan projek-projek Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Oleh itu, saya sangat berharap semua jabatan dan agensi akan terus berusaha memastikan semua projek RMKe-9 ini yang dalam perlaksanaan dapat disiapkan dalam tahun semasa. Ini akan mengelakkan kesulitan mendapatkan peruntukan tambahan dan menjejaskan ceiling di bawah RMKe-10 jika projek tidak dapat disiapkan dan perlu dibawa ke tahun baru memandangkan setiap projek telah ditentukan pelaksanaan dan peruntukkannya oleh Kerajaan Pusat. Oleh itu sekali lagi saya menegaskan amat penting perancangan diselaraskan bagi memastikan semua projek terutama yang masih dalam pelaksanaan dapat disiapkan mengikut jadual dan rakyat dapat menikmati faedahnya.

16. Kerajaan akan terus menyokong dan membantu Kerajaan Pusat dalam usaha melonjakkan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Kita sama-sama perlu mengambil pendekatan baru berpaksikan inovasi, kreativiti dan nilai tambah. Tindakan ini bagi meningkatkan pendapatan perkapita rakyat lebih dua (2) kali ganda dalam tempoh sepuluh (10) tahun akan datang. Tahun 2011 pula sangat penting kerana permulaan kepada pelaksanaan RMKe-10 yang menjadi asas pembentukan model baru ekonomi negara.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

17. Agenda memajukan negeri perlu kepada matlamat asas penubuhan sesebuah kerajaan itu yakni "Kerajaan pilihan rakyat mestilah mengikut kehendak rakyat". Pendekatan yang lebih mesra rakyat ini dalam semua aspek pemerintahan dan pembangunan program dan projek awam menjadi asas pentadbiran negeri. Sebagai penerima dan pengguna hasil dari perancangan yang telah dan akan digubal, penglibatan langsung rakyat dalam pembangunan akan terus diberi perhatian. **MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN** menjadi tunjang dasar kerajaan yang mendahulukan kehendak dan kepentingan rakyat dalam pentadbiran dan pembangunan. Oleh itu, saya terus mengekalkan tema **"MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN"** dan memberi penekanan kepada strategi utama yang sama untuk Bajet tahun 2011 iaitu:-

Pertama : Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat
Kedua : Memperkasa Pembangunan Modal Insan
Ketiga : Meningkatkan Daya Saing Negeri
Keempat : Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Awam

STRATEGI PERTAMA: MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

18. Tanggungjawab paling utama kerajaan yang dipilih oleh rakyat adalah menjaga kebajikan rakyatnya yakni menjamin kesejahteraan hidup rakyatnya. Tidak ada makna kita menjadi negara maju sekiranya pembangunan sosioekonomi tidak secara menyeluruh. Oleh itu kita perlu memastikan kemajuan yang lebih seimbang khususnya dalam konteks menjana pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan.

Membantu Golongan Miskin dan Mudah Miskin

19. Memandangkan kemiskinan adalah antara cabaran utama yang perlu ditangani, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program untuk membantu golongan miskin dan mudah miskin. Meskipun kadar kemiskinan negeri telah dapat dikurangkan secara drastik iaitu dari mencecah 30% sebelum tahun 90an kepada 6.5% pada 2007, namun masih banyak usaha yang perlu dilakukan bagi mengurangkan kemiskinan. Kerajaan optimis bahawa kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan kepada 2.8% dan mensifarkan kemiskinan tegar menjelang berakhirnya RMKe-10. Dalam RMKe-10 Kerajaan Pusat dijangka memberi peruntukan RM20.7 juta kepada Kerajaan Negeri bagi membasmi kemiskinan pada dua (2) tahun pertama RMKe-10.

20. Kerajaan komited untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat dan memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan taraf dan kualiti hidup terutamanya golongan berpendapatan rendah dan mereka yang kurang upaya dan kurang bernasib baik. Untuk itu di dalam Belanjawan 2011 RM58 juta diperuntukkan untuk **Program Bantuan Rumah, Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, Projek Ladang Kelapa Sawit dan Projek Jelapang Padi.** Sebanyak 320 unit rumah akan dibina untuk golongan miskin dan lebih 2000 unit rumah yang uzur dan daif akan dibaikpulih. Kerajaan juga tidak melupakan orang asli di Sungai Berua di mana 40 buah rumah akan dibina. Langkah ini bagi memastikan golongan miskin mampu memiliki kediaman sendiri yang selesa dan selamat. Bagi Projek Jelapang Padi pula kerajaan akan menempatkan 175 orang miskin untuk mengusahakan tanaman padi.

21. Bagi memastikan golongan miskin mengubah minda ke arah kehidupan yang lebih cemerlang, Program Pembangunan Minda Insan diteruskan kepada Ketua Isi Rumah dengan harapan tahap pemikiran dan cara mereka meneruskan kelangsungan hidup akan lebih baik berbanding sebelumnya. Program latihan kemahiran dan kerjaya pula disediakan dengan kerjasama UiTM, TESDEC, Akademi Binaan Malaysia dan lain-lain agensi bagi membantu mereka menjadi peniaga dan usahawan.

22. Kerajaan juga telah mempercepatkan bayaran bantuan bulanan kepada golongan miskin yang tidak produktif dan golongan kurang upaya dengan melaksanakan pembayaran pada setiap 1 haribulan mulai tahun 2010. Dan bagi memupuk tanggungjawab sosial korporat, kerajaan turut mengalakkan pihak swasta dan Badan-Badan Bukan Kerajaan untuk turut sama memainkan peranan membantu golongan kurang bernasib baik. Langkah ini secara tidak langsung akan melahirkan masyarakat penyayang dan cakna kepada golongan terbabit dan seterusnya mempercepatkan usaha kerajaan mengurangkan kemiskinan di negeri ini.

Memajukan Sektor Pertanian

23. Sektor Pertanian terus mendapat perhatian kerajaan sejajar dengan matlamat memfokuskan sektor pertanian dalam menjana pendapatan rakyat secara holistik. Pada tahun 2010 dari aspek KDNK, sektor pertanian dijangka tumbuh pada kadar 3.8%. Dengan peruntukan RM25.76 juta untuk sektor ini, Belanjawan 2011 terus memberi tumpuan kepada projek-projek sambungan seperti Jelapang Padi, pembangunan Ladang Kelapa Sawit Rakyat, perluasan kawasan tanaman jagung hibrid dan penekanan kepada projek-projek kelompok kecil yang boleh menjana pendapatan rakyat. Manakala bagi projek baru, kerajaan akan mula memperluaskan penanaman kelapa matag dan kelapa pandan dengan sasaran keluasan tanaman 500 hektar. Sebagai permulaan satu kawasan 250 nektar telah dikenalpasti di Setiu dan projek dijangka bermula pada awal tahun 2011.

24. Program Ladang Kelapa Sawit Rakyat di daerah Dungun seluas 3,700 hektar pula telah memasuki fasa 1 dengan kawasan yang telah bertanam seluas 800 hektar. Kerajaan juga meningkatkan kualiti infrastruktur tanaman padi selaras dengan matlamat untuk menambah pengeluaran padi negeri dan mencapai sasaran 85% keperluan beras dalam negeri pada tahun 2013. Selain meneruskan pembangunan projek Jelapang Padi Setiu, beberapa kawasan baru telah dibangunkan. Hasil daripada usaha ini telah dapat meningkatkan pengeluaran padi di negeri ini sebanyak 10% pada tahun ini. Projek tanaman jagung hibrid pula seluas 160 hektar oleh Terengganu Agrotech Development Corporation di Kampung Nibung, Hulu Terengganu akan mula ditanam sepenuhnya pada tahun 2011. Ini merupakan lokasi kedua selain yang dibangunkan di Kampung Kuala Ping, Hulu Terengganu. Bagi projek jagung hibrid berkelompok, beberapa kawasan lain juga akan dibangunkan merangkumi semua daerah.

25. Program Pembangunan Ternakan pula memberi tumpuan kepada ternakan kambing selaras dengan matlamat menjadikan negeri Terengganu pengeluar kambing terbesar negara. Aspek pengurusan bagi 154 projek kambing pedaging mikrokaprima dan komersial yang telah dibangunkan akan diperkemaskan supaya

lebih berdaya maju dan mampu memberi pulangan maksimum dan 35 buah projek baru mikrokaprima akan diwujudkan di seluruh negeri. Kerajaan juga mula mengorak langkah untuk mengembangkan industri burung walit melalui program peningkatan pendapatan rakyat dengan menyediakan perkhidmatan teknikal dan kemudahan membaikpulih perumahan burung walit yang bermasalah.

26. Di sektor perikanan, aktiviti akuakultur diberi penekanan. Kerajaan telah mengezonkan beberapa kawasan yang dikenali Zon Industri Akuakultur bagi memberi peluang kepada pengusaha swasta terlibat secara aktif. Bagi mengalakkan penglibatan pengusaha-pengusaha kecil terutama daripada golongan PPRT, Kerajaan mengadakan insentif-insentif tertentu supaya pembangunan industri ini dapat dinikmati juga oleh golongan tersebut. Oleh itu, pertanian bukan sahaja untuk meningkatkan hasil pertanian negeri tetapi juga sebagai aktiviti penting untuk membasmi kemiskinan.

Meningkatkan Pemilikan Rumah

27. Kerajaan akan terus berusaha menyediakan kemudahan perumahan supaya rakyat boleh memiliki dan mendiami rumah yang selesa. Pada tahun lalu, Kerajaan meluluskan 11 projek perumahan mengandungi 3,722 unit yang kini berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Pada tahun ini, 6 lagi projek perumahan ditawarkan kepada kontraktor untuk membina 1,575 unit rumah. Kerajaan Pusat pula telah melantik kontraktor untuk membangunkan projek Program Perumahan Rakyat sebanyak 1002 unit bagi golongan berpendapatan rendah di Padang Hiliran, Kuala Terengganu. Dalam masa yang sama 17 tapak baru telah dikenalpasti untuk pelaksanaan projek perumahan secara berperingkat sehingga tahun 2013. Menyedari penyediaan perumahan boleh merapatkan jurang ekonomi dan meningkatkan status sosial golongan berpendapatan rendah dan sederhana di samping memastikan setiap keluarga dapat memiliki sebuah rumah yang mampu dibeli, Kerajaan bersetuju memperuntukkan RM165.10 juta bagi sektor perumahan untuk membiayai pelbagai projek perumahan pada tahun 2011.

Memantapkan Institusi Keluarga

28. Institusi keluarga adalah penentu utama keharmonian kehidupan rumahtangga dalam sesebuah negara. Oleh itu kerajaan merangka beberapa program bermula seawal usia kelahiran sehingga ke usia warga emas sebagai usaha pengukuhan dan pengupayaan ke arah melahirkan masyarakat seimbang dan cemerlang.

29. Kerajaan menyediakan 65 buah Taska Keluarga dan Taska Permata Keluarga di seluruh negeri yang melibatkan 3,700 kanak-kanak dan memberi faedah

kepada ibubapa yang bekerja. Bagi meningkatkan kualiti hidup keluarga penekanan diberi kepada pembangunan kekeluargaan di samping tumpuan kepada keluarga yang di ambang perceraian dan mengalami konflik. Program pemantapan keluarga dengan penekanan kepada nilai-nilai kecemerlangan disemai bagi pasangan muda supaya generasi akan datang lebih terarah dan mengikut acuan sebenar. Antara program ini yang dirangka adalah Program *2nd Honeymoon*, Program Ibu Sejati, Keluargaku Syurgaku dan *Parenting@Work*.

30. Bagi mengurangkan gejala sosial di kalangan generasi muda, Program TALIF & Ingat Sebelum Terkena dilaksanakan di mana 21,254 remaja telah mengikuti program ini sepanjang 2009-2010. Tahun hadapan program ini akan diperluaskan kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negeri. Bagi memastikan warga sekolah memiliki sahsiah dan akhlak yang mantap dan selaras dengan usaha membasmi masalah disiplin di kalangan pelajar negeri ini, Kerajaan mewajibkan semua sekolah di Terengganu memulakan sesi persekolahan harian mereka dengan bacaan Al-Quran selama sepuluh (10) minit mulai tahun hadapan. Bagi pembangunan modal insan secara menyeluruh program latihan dan bimbingan diadakan kepada semua golongan untuk meningkatkan kualiti setiap individu di dalam masyarakat. Program-program ini termasuklah Kursus Kemahiran Ibu Tunggal, Program Komuniti, Program Warga Emas dan Program Pemimpin Masyarakat.

Menambahbaik Pengangkutan Awam

31. Kerajaan telah meletakkan pengangkutan awam sebagai salah satu NKRA. Oleh itu dalam mempertingkatkan pengangkutan awam di negeri Terengganu, Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan RM112.05 juta kepada Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA). Ia bagi menaiktaraf sistem pengangkutan awam iaitu pembinaan terminal bersepadu di Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut dan Marang, menaiktaraf terminal di Setiu, pembinaan terminal *park & ride*, *transit point* di Hulu Terengganu dan hentian bas di seluruh negeri.

Menggalakkan Sektor Pembinaan

32. Kerajaan terus memberi sokongan kepada sektor pembinaan kerana ia memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan khususnya dari segi mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan. Bagi tahun 2010 sektor ini dijangka tumbuh 5.0% dan menyumbang 3.6% kepada KDNK Negeri. Dalam Belanjawan 2011 Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi membiayai projek infrastruktur. Antaranya RM10 juta untuk pembinaan jalan-jalan baru, RM40 juta bagi meneruskan pelaksanaan pembangunan masjid dan surau,

RM35 juta untuk pembinaan jalan dan jambatan dari Jeram ke Kg Tok Kong ke Bukit Guntung, RM32 juta untuk pembangunan projek-projek kecil seluruh DUN dan RM18 juta untuk infrastruktur bandar. Pembinaan Jalan KT-by pass diteruskan dan ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan Bandar Baru Bukit Besar serta mewujudkan satu sistem rangkaian jalan yang sistematik dan teratur.

Pengairan & Saliran

33. Sebanyak RM12.1 juta pula diperuntukkan untuk projek-projek pengairan dan saliran antara lain rancangan tebatan banjir, Sistem Saliran Batu Buruk dan program saliran bandar Negeri Terengganu di samping rancangan saliran pertanian negeri.

Bekalan Air

34. Bagi melaksanakan pelbagai projek bekalan air sebanyak RM70.43 juta melalui pinjaman Kerajaan Pusat disediakan. Tumpuan utama adalah mengurangkan kadar kehilangan air tidak terakaun (NRW) dengan mensasarkan tahap NRW di Terengganu dapat dikurangkan kepada 32% pada tahun 2011. Apabila terlaksana projek ini kadar kebocoran paip perhubungan akan dapat dikurangkan dan bekalan air yang berterusan dapat dinikmati oleh pengguna di samping dapat meningkatkan kutipan hasil.

Merancakkan Pembangunan Bandar dan Luar Bandar

35. Menyedari peranan penting Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya dalam pembangunan bandar Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi sektor Kerajaan Tempatan. Peruntukan tahun 2011 termasuklah RM29.5 juta untuk program kebersihan dan keindahan dalam bandar termasuk kontrak kebersihan dalam kawasan PBT, pembersihan pulau-pulau, pertandingan kebersihan, pembelian tong sampah serta pembekalan pokok-pokok teduhan dan hiasan. Dalam menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti yang terancang RM24.5 juta diperuntukkan untuk pembinaan dan penyelenggaraan parit serta longkang dalam kawasan PBT dan sistem saliran di Susunatur Mak Lagam, Kemaman. Program ini bertujuan menyelesaikan masalah banjir dan longkang tersumbat yang sering berlaku di musim tengkujuh.

36. Bagi memastikan keselamatan awam dan keindahan bandar, kualiti pencahayaan dan landskap dipertingkatkan. Untuk maksud ini RM6 juta diperuntukkan untuk pencahayaan dan pemasangan lampu awam, RM4.5 juta untuk landskap dan RM3 juta bagi pemasangan CCTV dalam kawasan PBT.

Bagi membeli kenderaan dan jentera untuk memperkasakan lagi pentadbiran PBT, RM3 juta disediakan. Kerajaan juga menyediakan peruntukan untuk pembinaan pasar, perkedaian, terminal pengangkutan awam, pembaikian pusat-pusat sivik dan dewan majlis serta penyelenggaraan bangunan dalam kawasan PBT. Peruntukan yang disediakan itu akan membolehkan PBT meningkatkan kualiti perkhidmatan perbandarannya bagi memastikan pentadbiran bandar berada dalam tahap yang sempurna dan persekitaran yang selesa bagi menjamin kualiti hidup warga bandarnya.

37. Kerajaan komited untuk menyusun semula penempatan yang tidak teratur di dalam bandar supaya lebih teratur dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Penyusunan semula Kg. Ladang, Bandar Kuala Terengganu telah bermula dengan Majlis Penyerahan Kunci Pangsapuri Ladang Gemilang 1 pada 20 Julai 2010 kepada penduduk-penduduk yang terlibat dengan pengambilan balik tanah di Kg. Ladang Tok Pelam. Pada masa yang sama Kerajaan telah memulakan pelaksanaan Projek Pangsapuri Ladang Gemilang 2.

38. Bagi pelbagai projek pembangunan bandar dan luar bandar pula sejumlah RM64.29 juta diperuntukkan. Jumlah ini termasuk RM30 juta untuk pengambilan balik tanah dan RM26 juta bagi pembinaan Pusat Pertumbuhan Desa, Rancangan Penyusunan Semula serta Kemudahan Prasarana Pembangunan Bandar dan Luar Bandar. Pejabat-pejabat Daerah pula diberi peruntukan RM19.83 juta untuk melaksanakan projek-projek kecil.

Meningkatkan Kemudahan Kesihatan Rakyat

39. Bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik melalui kemudahan teknologi perubatan yang canggih dan terkini, Kerajaan telah mewujudkan Tabung Pesakit Kronik dengan dana RM10 juta untuk membantu rakyat negeri Terengganu yang mengidap penyakit kronik dan memerlukan rawatan pakar. Tabung ini telah memberi manfaat kepada rakyat yang terbeban dengan kos rawatan yang tinggi dan dapat mempercepatkan rawatan kepada pesakit yang berada ditahap kritikal atau terpaksa menunggu giliran yang lama untuk mendapat rawatan pakar.

Meningkatkan Pembangunan Belia dan Sukan

40. Program Bakti Remaja serta program pembangunan dan latihan belia untuk kepimpinan, keusahawan dan kemahiran akan diteruskan bagi menjamin kesinambungan pembangunan negara berteraskan ilmu dan profesionalisme dalam usaha melahirkan golongan belia yang berdaya saing dan sihat, berorganisasi, keperibadian unggul dari segi rohani dan jasmani serta kerja berkumpulan.

41. Kejayaan Kontinjen Terengganu dalam SUKMA XIII 2010 di Melaka melalui Program Terengganu Nelang telah menambah koleksi catatan kejayaan Negeri Terengganu. Dengan dua(2) kali berturut-turut menjuarai SUKMA, Terengganu pada hari ini adalah satu kuasa baru dalam sukan mengatasi dua (2) negeri kuat sebelum ini iaitu Selangor dan Sarawak yang berjaya mencipta juara semasa menjadi tuan rumah SUKMA. Kejayaan ini adalah hasil daripada program pembangunan sukan yang agresif melibatkan semua peringkat organisasi sukan serta Majlis Sukan Negeri Terengganu yang merupakan peneraju kepada usaha-usaha kejayaan tersebut. Syabas MSN!

42. Bagi merealisasikan kejayaan secara berkesinambungan di SUKMA yang akan datang, pelan pembangunan sukan yang baru dengan penekanan kepada penyediaan atlet SUKMA yang merupakan '*core-business*' MSN dan Tunas Harapan iaitu program penyediaan atlet pembangunan yang menjadi '*feeder group*' kepada Program SUKMA, telahpun dirangka. Selain itu pendekatan untuk menerapkan program-program sukan pada tahun 2011 dan 2012 yang lebih kompetitif telah diambil bagi meneruskan kejayaan dalam sukan antaranya Terengganu City Night Games, Program Pertandingan Hujung Minggu dan pertandingan serantau yang akan melibatkan negeri-negeri seperti Kelantan dan Pahang. Melalui pertandingan-pertandingan ini atlet-atlet akan mendapat pendedahan dan menimba pengalaman.

43. Meneruskan kecemerlangan dalam sukan berbasikal Kerajaan Negeri telah menubuhkan Terengganu Pro Asia Cycling Team (TPCT). Pasukan ini membariskan 14 pelumba kelahiran Terengganu bakal berentap dalam semua kejohanan Le Tour de Langkawi (LTDL) dan pertandingan-pertandingan lain di peringkat antarabangsa pada masa depan. Kesungguhan semangat untuk menaikkan nama negeri, Kerajaan Negeri melalui sukan berbasikal mempunyai asas kerana dewasa ini Negeri Terengganu memang merupakan pengeluar atlet berbasikal bertaraf kebangsaan dan antarabangsa yang utama di negara ini.

44. Memandangkan hampir 90 peratus para belia di negeri ini meminati sukan permotoran, kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sebuah lagi litar lumba sebagai usaha mencungkil bakat baru dalam sukan permotoran selain daripada mengurangkan masalah sosial yang sering melanda di kalangan belia di Negeri Terengganu ini. Gejala 'mat rempit' dan penyalahgunaan dadah diharap akan berkurangan apabila terbinanya sebuah lagi litar lumba yang profesional di negeri ini. Untuk itu peruntukan disediakan bagi projek pembangunan sukan antara lain Membina dan Menyiapkan Kemudahan Sukan Formula Future di samping meneruskan dasar "Satu DUN Satu Gelanggang Futsal" serta pembinaan '*multi-functional court*' di setiap DUN atau parlimen mengikut kesesuaian dalam agenda untuk mengekalkan prestasi para belia di negeri ini.

45. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk melahirkan lebih ramai atlet yang boleh mengharumkan nama negara dan negeri dalam berbagai disiplin sukan. Mereka yang berjaya akan menjadi contoh sebagai rakyat negeri yang cemerlang serta menjadi aspirasi kepada golongan remaja untuk mencebur diri dalam arena sukan dan menjauhkan diri mereka dari kegiatan yang tidak sihat. Oleh itu insentif kemenangan kepada atlet yang berjaya disediakan dan pada tahun semasa RM1.5 juta diperuntukkan untuk maksud ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

STRATEGI KEDUA: MEMPERKASA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

46. Dalam rancangan pembangunan, kerajaan akan terus memberi fokus utama kepada sektor pendidikan dan pembangunan modal insan yang menjadi salah satu teras utama NKRA. Oleh itu saya mencadangkan RM92.45 juta diperuntukkan untuk sektor ini dalam Belanjawan 2011.

Memperkasa Pendidikan Awal

47. "Hendak Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya." Menyedari betapa pentingnya memulakan asuhan semasa peringkat kanak-kanak lagi, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program pendidikan. Kerajaan tidak pernah jemu dan tidak berdikit dalam soal pendidikan. Malah kejayaan-kejayaan dalam program pendidikan daripada peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat universiti telah menjadi sebutan masyarakat dan sebahagiannya menjadi contoh kepada negeri lain. Bagi meneruskan kecemerlangan ini, kerajaan menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk program-program flagship antaranya:-

Program Pintar Al-Quran dan KAFA

48. Peningkatan dari segi bilangan kanak-kanak yang berjaya khatam Al-Quran dari tahun ke setahun amat memberangsangkan. **Tahun ini sahaja 6,246 orang kanak-kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu, Kemas, Prasekolah Jabatan Pelajaran Terengganu dan Tadika Perpaduan telah khatam 30 juzuk** berbanding 4,622 orang tahun lalu. Untuk tahun hadapan disasarkan 7,000 kanak-kanak tadika akan khatam Al-Quran. Peruntukan juga disediakan bagi menyiapkan dua (2) buah tadika yang sedang dalam pembinaan iaitu di Kemaman dan Gong Badak, Kuala Terengganu.

49. Bagi Program KAFA seramai 2,887 orang mendapat 8A dalam semua subjek pada tahun 2009 berbanding 2,208 orang tahun 2008 sekaligus meletakkan Negeri Terengganu negeri terbaik pencapaian 8A dalam Ujian Penilaian Kelas

KAFA (UPKK) di peringkat negara. Pencapaian ini diwarnai lagi bila seorang pelajar Nurul Amiera Sakinah binti Abdul Jamal daripada Sek Keb. Kampung Tengah berjaya dinobatkan sebagai pelajar terbaik peringkat kebangsaan. Satu lagi pencapaian direkodkan dalam Malaysia Books Of Records bila 16,929 pelajar KAFA berjaya khatam Al-Quran. Jumlah ini meningkat dari 14,241 orang pada tahun 2009. Dengan pencapaian ini bererti 23,175 anak-anak Terengganu berjaya khatam Al-Quran di usia 5 tahun hingga 12 tahun pada tahun 2010. Kejayaan ini mendorong Kerajaan untuk mensasarkan lebih 25,000 orang anak-anak yang khatam Al-Quran sebelum mencapai usia 12 tahun dengan peruntukan yang dicadangkan sebanyak RM2.2 juta. Insya Allah, dengan komitmen dan usaha yang bersungguh-sungguh semua pihak, hasrat ini akan menjadi kenyataan. Penerapan nilai-nilai murni Islam dari seawal usia membuktikan keperihatinan Kerajaan Negeri untuk membentuk keperibadian insan luhur sebagai asas membina modal insan yang berintegriti dan cemerlang di masa hadapan selari dengan agenda menjadikan "Terengganu Negeri Anjung Ilmu".

Program e-Book

50. Di samping 23,513 pelajar Tahun 5, pada tahun ini, penggunaan e-Book diperluaskan kepada 23,120 pelajar Tahun 4 di sekolah rendah seluruh negeri. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2009, sehingga kini 46,568 pelajar telah menerima e-Book masing-masing. Matlamat kerajaan adalah untuk melihat setiap pelajar sekolah rendah yang memasuki Tahun 3 dibekalkan dengan e-Book dan pelajar yang telah tamat pengajian di sekolah rendah akan membawa e-Book ke peringkat sekolah menengah.

51. Di samping itu kejayaan 2,170 pelajar KAFA khatamkan Al-Quran dengan menggunakan e-Book telah dicatat dalam Malaysia Books Of Records membuktikan pelajar KAFA Terengganu berjaya memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah pada hari ini. Kini program e-Book yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu telah diikuti oleh sesetengah pihak.

52. Selain dari itu Pelaksanaan Program e-Book juga telah membuka peluang pekerjaan kepada 360 orang sebagai Pegawai Teknologi Maklumat (EIO) dan Pegawai Pembantu Teknikal (TSO) yang ditempatkan di semua sekolah rendah untuk tujuan menyenggara e-Book. Program ini akan dilanjutkan ke sekolah menengah seiring dengan kemasukan e-Book ke sekolah menengah.

53. Kejayaan 3,560 pelajar atau 15.4% yang mendapat *straight A* dalam UPSR peperiksaan tahun 2010 terus mengekalkan Terengganu di tempat pertama 10 tahun berturut-turut dari segi pencapaian peratus semua A. Tahniah diucapkan

kepada semua pelajar-pelajar ini, Jabatan Pelajaran Terengganu, seluruh warga pendidik serta ibubapa yang turut memberi komitmen dan sokongan untuk mempastikan kejayaan anak-anak Terengganu dalam peperiksaan awam. Kejayaan ini juga membuktikan keberkesanan penggunaan e-Book dan mempelopori peperiksaan bulanan secara online yang dilaksanakan pada tahun 2010. Kejayaan seperti ini sememangnya dicemburui oleh negeri-negeri yang lebih maju di negara kita.

Memperkasakan Program-program Sedia Ada

54. Kerajaan memperkenalkan konsep master trainer di dalam Program Confratute di mana guru-guru yang telah menghadiri kursus di University of Connecticut akan menjadi *master trainer*. Mereka bertanggungjawab membimbing kesemua guru di sekolah masing-masing dalam mengaplikasikan methodologi pendidikan Confratute ke dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Bagi Program *English Teaching Assistant* pula 16 orang '*Fulbright Scholars*' dari Amerika Syarikat akan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah terpilih pada tahun hadapan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar Terengganu untuk membina keyakinan diri dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan efektif dan berkesan.

55. Kerajaan akan terus memperkasakan Pogram Sekolah Elit, Premier dan Imtiaz dengan perancangan penaiktarafan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) atau sekolah agama Kerajaan Negeri sebagai sekolah Elit dan Premier. Usaha ini bagi memastikan SABK di bawah Kerajaan Negeri mendapat perhatian dan tumpuan yang sama dengan sekolah Elit dan Premier yang lain. Selain itu perancangan sekolah Imtiaz untuk dibina di setiap daerah berada dalam perancangan awal dengan penubuhan Sekolah Imtiaz Kemaman. Sebagai usaha memastikan lonjakan kecemerlangan pendidikan dan persediaan pelajar menghadapi peperiksaan awam, Program Pendidikan Terengganu Terbilang terus diperkasakan dengan tema 201052 iaitu 20% straight A untuk UPSR, 10% straight A untuk PMR, 5% straight A untuk SPM dan 2% straight A untuk STPM.

Mempertingkatkan Akses Kepada Pengajian Tinggi

56. Kerajaan terus memberikan tumpuan bagi meningkatkan akses kepada pengajiaan pra universiti dan pengajian tinggi. Melalui Yayasan Terengganu, peruntukan yang besar disediakan bagi pemberian biasiswa dan pinjamar untuk pelajar di IPTA & IPTS dalam dan luar negara, dan Pusat Latihan Kemahiran serta Bantuan Persediaan sebelum pendaftaran di sekolah berasrama penuh, pendidikan STPM (tingkatan enam) dan IPT. Pada tahun ini sehingga November, seramai 3,112 pelajar mendapat kemudahan biasiswa/pinjaman dan 24,009 lagi

mendapat Bantuan Persediaan. Untuk galakan kecemerlangan dalam peperiksaan awam dan peringkat pengajian tinggi pula insentif disediakan dan pada tahun ini Kerajaan telah memberikan penghargaan kepada 9,047 pelajar cemerlang.

57. Penajaan pelajar juga dilaksanakan oleh MAIDAM. Program khusus pembiayaan daripada peringkat ijazah pertama hingga peringkat PhD. diperkenalkan pada tahun ini di mana lima (5) pelajar telah dihantar ke Jordan. Program ini adalah sebagai usaha menambah cendikiawan Islam sehingga menjadi ulama berwibawa.

58. Selaras dengan hasrat menjadi sebuah universiti berteraskan kemahiran, TATiUC merancang untuk menambah lebih banyak program ijazah dan diploma pada tahun-tahun akan datang. TATiUC telah mula mendapat pengiktirafan dari negara luar dengan kemasukan pelajar dari Indonesia dan Timor Leste yang mengikuti kursus jangka pendek. TATiUC juga telah mengadakan dua (2) MOU iaitu dengan Al Tatweer Jordan untuk melatih pelajar dari Negara Timur Tengah di bidang kemahiran dan dengan MIE University, Jepun yang memfokus kepada kerjasama akademik, pengajaran dan penyelidikan di bidang teknologi kimia.

59. TESDEC pula di samping meneruskan dan memantapkan program sedia ada, merancang untuk menambah bilangan program iaitu empat (4) di peringkat sijil dan dua (2) di peringkat diploma. Program kepada industri dan pekerja-pekerja sektor IKS juga dirancang selaras dengan hasrat menjadi rakan kepada industri terutama dalam sektor IKS. Kerajaan juga akan meneruskan pembangunan fizikal bagi TESDEC dan TATiUC serta projek-projek utama yang lain iaitu Taman Ilmu, Kompleks Imtiaz dan Pusat Sains & Kreativiti. Untuk meningkatkan kemudahan membaca bagi pelajar-pelajar dan masyarakat di luar bandar pula, Kerajaan melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu membina sebuah perpustakaan daerah Setiu yang sekarang hampir siap dan akan boleh digunakan mulai tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

STRATEGI KETIGA: MENINGKATKAN DAYA SAING NEGERI

60. Kalau kita ingin terus kekal relevan maka sangatlah perlu kita mempergiatkan usaha untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi sektor di mana negeri kita mempunyai kelebihan, terutama sektor perkhidmatan. Pada tahun 2010 sektor ini dijangka tumbuh 7.2 %. Jadi masih banyak ruang yang boleh diterokai dan kita perlu tumpukan kepada *niche areas* berpotensi dan mempunyai rantaian nilai tambah tinggi serta dapat memberi pulangan yang besar. Antara bidang tersebut adalah pelancongan, pendidikan, ICT dan sebagainya.

Mempergiatkan Industri Pelancongan

61. Kerajaan sedar industri pelancongan mempunyai nilai tambah tinggi dan berupaya untuk menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Daripada 3.5 juta yang disasarkan bagi tahun ini, lebih 2.25 juta kemasukan pelancong telah direkodkan sehingga bulan Ogos. Sektor ini secara tidak langsung telah menyumbang RM2.583 billion kepada ekonomi negeri. Oleh itu, kerajaan akan memastikan usaha yang berterusan dilakukan supaya sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat.

62. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah bersetuju menjadikan Tasik Kenyir sebagai Kawasan Bebas Cukai. Sejajar dengan keputusan ini, RM40 juta diperuntukkan untuk pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir. Kerja awal kawasan bebas cukai di Pulau Bayas akan dimulakan. Projek ini akan menjadi pemangkin kepada industri pelancongan di negeri ini. Kita bukan sahaja akan memajukan Pulau Bayas tetapi juga pulau-pulau di sekitarnya menerusi konsep Kenyir Island Hopping sebagai destinasi percutian berkeluarga dengan tarikan eko pelancongan yang pelbagai. Langkah ini akan merancakkan lagi pembangunan di Tasik Kenyir dan kawasan berhampiran.

63. Dalam pada itu Taman Rekreasi & Mini Zoo di Bukit Takal, Kemaman telah mendapat perhatian pelancong dari dalam dan luar dengan tarikan Taman Tema Air, Taman Orkid, Akuarium, Sangkar Burung, Dusun Buahan dan Taman Herba. Projek ini akan diperluaskan pada tahun 2011.

64. Kerajaan akan meneruskan acara-acara pelancongan berasaskan destinasi (*destination based events*) iaitu Kapas-Marang International Swimathon, Fiesta Candat Sotong, Pesta Terengganu, Perhentian Island Challenge, Sultan's Cup Terengganu Endurance Challenge, Terengganu Masters Golf Invitational, Monsoon Cup dan Kenyir Cup. Selain itu destinasi-destinasi kepulauan perlu dijenamakan sebagai destinasi menyelam skuba. Dalam hal ini Pulau Bidong yang mempunyai galeri dasar laut dengan replika-replika tertentu boleh memberi kelainan kepada penyelam-penyelam sementara Pulau Tenggol mula dikenali sebagai lokasi persinggahan jerung paus. Bagi memperkembangkan aktiviti pelancongan di kawasan pulau, Kerajaan bercadang menyediakan sebuah *glass boat* supaya pelancong dapat menikmati keindahan dasar laut tanpa perlu menyelam.

65. Di samping tumpuan kepada pembangunan pengukuhan produk pelancongan dan warisan, menaiktaraf kemudahan prasarana dan memperhebatkan promosi, penjenamaan Bandaraya Warisan Pesisir Air melalui aktiviti pembinaan bot penambang dan bot bagi aktiviti *River Cruise,* akan diperkasakan. Projek Taman Tamadun Islam Fasa II, penwujudan Pulau Warisan di muara Sungai Terengganu

dan prasarana-prasarana lain pula memperkuatkan lagi usaha penjenamaan Bandaraya Warisan Pesisir Air dengan mencorakkan perkembangan elemen tradisi dan warisan yang lebih menonjol sebagai sebahagian daripada produk pelancongan yang unik.

66. Menyedari ia berpotensi untuk mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan serta meningkatkan lagi pendapatan negeri, saya mencadangkan RM104.35 juta diperuntukkan untuk sektor pelancongan iaitu meningkat dari RM98.25 juta tahun lalu, bagi melaksanakan pelbagai projek dan program dalam sektor ini.

Memantapkan Sektor ICT

67. Bagi menggunakan sepenuhnya faedah ICT, kerajaan memperuntukkan RM8.2 juta untuk sektor ICT tahun 2011. Peruntukan ini adalah untuk infrastruktur, pembangunan perisian dan pembangunan insan dan komuniti ICT. Peruntukan ini termasuk untuk pembangunan sistem jabatan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pengguna atas talian. Ia termasuklah Menaiktaraf Projek *Terengganu Electronic Government* (TeG) dan 25 pembangunan applikasi jabatan. Merealisasikan matlamat Kerajaan Elektronik, menerusi TeG, rakyat boleh membuat urusan dan berkomunikasi terus dengan Kerajaan secara *online*.

68. Selain itu dalam usaha membudayakan ICT kepada rakyat pelbagai program diaturkan antara lain program Pusat Bestari.Comm, penganjuran seminar, kursus dan penganjuran pertandingan dalam bidang ICT. Peruntukan juga disediakan untuk pelaksanaan Program Pusat Inkubator yang bertujuan sebagai pusat menempatkan pra-usahawan dalam bidang pembangunan kandungan (*content development*) selaras dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini.

Meningkatkan Pembangunan Industri

69. Kerajaan berhasrat menjadikan Negeri Terengganu sebagai hub pelaburan yang kompetitif di rantau ini. Oleh itu program promosi pelaburan dan menaiktaraf infrastruktur di kawasan perindustrian sedia ada, kawasan–kawasan yang berpotensi sebagai kawasan perindustrian akan terus dikenalpasti dan dinaiktaraf bagi memastikan lebih banyak peluang pelaburan dan pekerjaan dapat diwujudkan. Pada tahun 2009 pelaburan berjumlah RM397.93 juta membabitkan 33 projek yang dapat memberi pekerjaan kepada 2,181 orang telah dicadangkan. Kecuali satu (1), semua projek ini melibatkan pelabur tempatan dengan nilai RM102.63 juta. Pada tahun semasa sehingga November, Kerajaan telah meluluskan

28 projek membabitkan pelabur tempatan bernilai RM458.64 juta yang dapat memberi pekerjaan kepada 6,460 orang.

70. Kerajaan juga akan meningkatkan pembangunan industri ICT melalui pembiayaan project ICT berprofil tinggi secara Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) seperti Project Metro Ethernet Fiber Optik Terengganu yang akan melibatkan pemasangan fiber optik sebagai tulang belakang rangkaian internet negeri serta pembinaan "*Data Centre*" di Kawasan Perindustrian Batu Rakit yang akan menjadi "*Data Centre* " pertama seumpamanya di Pantai Timur.

Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur

71. Kerajaan akan terus berusaha menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat, termasuk melalui inisiatif ECER. Kerajaan berharap Kerajaan Pusat akan memberi penekanan utama dan mempercepat pembangunan dalam wilayah ini dengan fokus kepada projek usaha sama di antara pelabur luar dan tempatan serta industri yang mempunyai kelebihan daya saing dan berimpak tinggi.

Pengiktirafan Kepada Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM)

72. Bagi memastikan kelancaran operasi penerbangan haji terus dari Kuala Terengganu ke Jeddah, Kerajaan menyumbang RM3.8 juta selama dua (2) tahun iaitu pada 2010 dan 2011. Bagi menggalakkan pelancongan, insentif disediakan kepada Firefly untuk beroperasi dari Kuala Terengganu ke Singapura secara terus setiap tahun selama (2 +1) dengan kos RM400,000.

73. Sejajar dengan pengiktirafan sebagai lapangan terbang antarabangsa oleh Kerajaan Pusat, LTSM yang dikenali sebagai hab penerbangan terus ke Makkah bagi mengerjakan haji, bakal menyediakan kemudahan untuk umat Islam mengerjakan umrah mulai tahun depan. Penerbangan terus pertama umrah dari Pantai Timur ini ke Jeddah adalah dijangka pada 18 Mac 2011. Ini adalah penghargaan MAS dan Tabung Haji terhadap komitmen Kerajaan Negeri dalam menguruskan operasi haji. Kerajaan pula melihat langkah ini sebagai satu permulaan untuk menjadikan LTSM sebagai hab untuk mengerjakan umrah bagi penduduk Pantai Timur.

Memperkasa IKS & Koperasi

74. Sektor IKS terus mengenengahkan penjenamaan "T" melalui penwujudan rangkaian restoran T'Kafe yang memperkenalkan dan menyediakan makanan popular negeri Terengganu. Tiga (3) buah T'kafe telah beroperasi dan dua (2)

lagi dijangka dibuka pada tahun hadapan termasuk sebuah di Kuala Lumpur bagi memberi peluang kepada usahawan IKS menceburi bidang perniagaan restoran. Perniagaan T'Shoppe diperkembangkan dengan membuka lima (5) premis lagi pada tahun 2011 termasuk sebuah di Selangor. Bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti produk-produk IKS dan membantu permasalahan dalam pematuhan piawaian pemasaran produk, T'P3 iaitu Pusat Pengumpulan, Pemprosesan, dan Pembungkusan produk-produk IKS tempatan diwujudkan. Sebuah T'P3 sedang beroperasi, lima (5) buah lagi dirancang ditubuh tahun hadapan. Selain itu pasaraya T'Mall di Kuala Berang yang sedang dalam pembinaan dan dijangka beroperasi akhir tahun hadapan akan memberi peluang pemasaran yang lebih luas kepada usahawan di samping menjana peluang pekerjaan kepada rakyat.

75. Usahawan IKS juga digalakkan menceburi bidang perhotelan. Sebuah T'Hotel bertaraf 3 bintang dirancang dibina di Kuala Nerus. Untuk hotel bajet pula T"Lodge telah dibuka di Gong Kapas, Kuala Terengganu. T"Crafts telah diwujudkan sebagai pusat jualan kraf negeri yang kini beroperasi di MITC Melaka. Semua langkah ini adalah sebahagian daripada usaha strategik yang berterusan di dalam pembangunan keusahawanan sektor IKS tempatan dengan tumpuan kepada usaha-usaha pemasaran di samping meningkatkan daya saing produk usahawan tempatan.

76. Kerajaan juga melihat kepada pembangunan koperasi sebagai satu sektor yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Melalui flagship Satu Kampung Satu Koperasi, Kerajaan mensasarkan penubuhan 600 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 500,000 orang. Pada masa sekarang 438 buah koperasi telah didaftarkan di seluruh negeri dengan keahlian 241,109 orang yang dianggar menyumbang 2% kepada KDNK negeri.

Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

77. Bagi menggalakkan komuniti luar bandar melibatkan diri dalam bidang perniagaan, kerajaan telah menyiapkan 7 buah projek empat (4) unit rumah kedai dua tingkat daripada 14 buah yang dirancang pada tahun 2009 dan 2010. Enam (6) buah lagi masih dalam pelaksanaan dan satu (1) dijangka dibina tahun depan. Kerajaan bercadang menambahbaik projek PPD ini kepada keperluan lapan (8) unit rumah kedai dua tingkat di beberapa kawasan yang akan dikenalpasti pada tahun hadapan.

Mempermudahkan Program Mikro Kredit

78. Sebagai usaha membebaskan umat Islam dari terjebak dengan riba Kerajaan berhasrat menjadikan Ar-Rahnu sebagai skim mikro kredit paling utama di negeri

ini yang bersifat lebih komersial dan berdaya saing dengan lain-lain skim kredit utama di Malaysia. Oleh itu Kerajaan melalui MAIDAM telah melaksanakan dasar upah simpan baru yang lebih kompetitif. Pada masa yang sama sistem upah percuma bagi marhun (sandaran) yang bernilai RM1,000 ke bawah diperkenalkan mulai tahun ini kepada golongan berpendapatan rendah. Untuk itu modal pembiayaan bagi keseluruhan sepuluh (10) buah Ar-Rahnu telah ditingkatkan kepda RM48 juta yang sebahagian besar disalurkan oleh Kerajaan Negeri semenjak operasi gadaian dimulakan pada tahun 1992.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

STRATEGI KEEMPAT: MEMPERKUKUHKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

79. Dengan lebih 10,000 orang penjawat awam di seluruh jabatan dan agensi di bawah kawalan Kerajaan Negeri pada masa ini dan dalam usaha mempercepatkan Rancangan Transformasi Kerajaan serta Program Transformasi Ekonomi, adalah perlu Kerajaan mengoptimumkan sistem penyampaian kerajaan melalui penambahbaikan secara berterusan.

80. Pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) telah terbukti dapat meningkatkan kecekapan agensi terutama dari segi masa untuk mengesan dokumen atau barang dan ini akan mempercepatkan proses sesuatu permohonan. Dengan PTG menjadi jabatan kerajaan pertama mendapat persijilan ini di Negeri Terengganu, beberapa jabatan sekarang sedang berusaha memperolehi 5S. Bagi menambah saluran bayaran zakat pula, pembayaran melalui kad kredit yang berteraskan syariah telah diperkenalkan oleh MAIDAM pada tahun ini. Penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan ini telah menyebabkan kutipan zakat meningkat kepada RM58.1 juta pada Oktober 2010 berbanding RM56.3 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu. Selain dari itu MAIDAM dan PMINT telah diberi Anugerah Penarafan 4 Bintang oleh Ketua Audit Negara dan menjadi penanda aras dalam pengurusan kewangan. Beberapa jabatan lain pula sedang melaksanakan penambahbaikan menerusi Persijilan MS ISO 9001:2008, dan "*Star Rating*".

81. Penambahbaikan dalam pengurusan tanah pula telah meningkatkan lagi imej perkhidmatan awam Negeri Terengganu. Pada 13 Januari 2010 PTG Terengganu mencipta sejarah bila menjadi pejabat pentadbiran tanah pertama di negara yang mampu melaksanakan urusan pendaftaran urusniaga dan bukan urusniaga dalam masa satu (1) hari malah sebahagiannya dapat disiapkan dalam tempoh kurang

daripada dua (2) jam yang mana sebelum ini mengambil masa lima (5) hari. Kejayaan ini disokong antara lain kerana pelaksanaan 5S dan *Single Point of Contact (SPOC)"* yang membolehkan pembayaran dan penyerahan dokumen urusniaga dan bukan urusniaga dilakukan di satu kaunter sahaja. Langkah ini akan diperluaskan ke semua Pejabat Tanah untuk meningkatkan kecekapan agensi terutama dari segi masa menunggu dan urusan.

82. Meneruskan kesinambungan di dalam merintis sistem-sistem baru seperti "e-Consent" dan "e-Mohon", PTG telah memulakan aplikasi pemohonan tukar syarat tanah daripada sistem manual kepada sistem "*online*" iaitu melalui "e-Convert" dan pada masa yang sama bercadang untuk membangunkan sistem permohonan di atas talian bagi urusan pecah sempadan pada tahun hadapan. PTG juga akan menyediakan alternatif saluran pembayaran cukai tanah melalui perbankan atas talian dan pada masa sekarang sedang dalam proses untuk menambah alternatif saluran tersebut melalui portal bank. Dengan pelbagai penambahbaikan yang telah dilaksanakan kutipan cukai tanah semasa sehingga September 2010 telah mencapai 86% dan jumlah ini dijangka dapat dipertingkatkan kepada 90% tahun hadapan. Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh PTG dalam mencipta pembaharuan dan inovasi ini hendaklah menjadi contoh kepada agensi-agensi lain. Ia bukti sikap kita. Kita boleh berubah jika itu yang kita mahu. InsyaAllah berkat usaha dan kerjasama semua pihak kejayaan akan mengiringi kita. Syabas PTG Terengganu!

Penghargaan Kepada Penjawat Awam & Pemimpin Masyarakat

83. Menghargai peranan penting penjawat awam dan sumbangan pemimpin masyarakat, YAB Perdana Menteri Malaysia ketika membentangkan Bajet Kerajaan Persekutuan 2011 telah mengumumkan beberapa insentif. Antara insentif untuk penjawat awam ialah penambahbaikan pinjaman perumahan, menaikkan kadar bantuan Mengurus Jenazah dan memberi Bantuan Kewangan Khas RM500.00 bagi menampung perbelanjaan persiapan sekolah kepada penjawat awam gred 54 dan ke bawah termasuk pegawai kontrak dan pesara Kerajaan.

84. Insentif untuk pemimpin masyarakat pula adalah kenaikan elaun bulanan Pengerusi JKKK, elaun kehadiran mesyuarat kepada semua Ahli Jawatankuasa, elaun bulanan Imam dan imbuhan bulanan guru KAFA. Dalam hubungan ini Kerajaan akan melaksanakan insentif tersebut seperti yang telah diputuskan. Selain itu Kerajaan Negeri sendiri memperuntukkan RM1 juta setiap tahun bagi menaja jemaah haji dari kalangan kakitangan awam, Imam, Bilal dan Pengerusi JKKK bagi menghargai prestasi kerja dan perkhidmatan terbaik penjawat awam yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

85. Bersyukur kita sekali lagi kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya negara kita telah kembali pulih dari kemelesetan ekonomi global. Kita telah dapat mengekalkan kestabilan dan mengeratkan keharmonian dan perpaduan rakyat. Sesungguhnya kita hendaklah bersyukur dengan kemakmuran yang kita nikmati hasil dari pencapaian pembangunan negeri dan negara kita. Pencapaian ini adalah kerana hasil usaha gigih kita dan rakyat yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada kerajaan dalam melaksanakan dasar dan strategi membina negeri dan negara am nya.

86. Kerajaan sedar masih banyak pembangunan yang hendak dilaksanakan. Kita akan melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini dengan adil selama mana kita diberi kepercayaan dan mandat bersesuaian dengan firman Allah dalam Surah an-Nisa' ayat 58.

> "Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah S.W.T dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah S.W.T sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat".

87. Belanjawan yang disediakan untuk tahun hadapan hampir meliputi semua sektor kehidupan rakyat. Tumpuan dan keutamaan kita adalah kepada program dan projek yang dapat memberi impak secara langsung kepada rakyat. Ini memerlukan pemantapan dari aspek perancangan dan pelaksanaannya supaya program dan projek dapat disiapkan mengikut jadual. Tindakan ini juga memerlukan penyatuan padu semua lapisan rakyat dan pemimpin. Oleh itu kita hendaklah mengenepikan perbezaan politik dan ideologi, sebaliknya bersatu membangunkan negeri.

88. Dengan landasan kukuh yang telah kita bina, kita yakin kita akan dapat mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Marilah kita berdoa agar sentiasa diberi petunjuk dan hidayah oleh Allah S.W.T. dalam membina negeri dan negara kita yang kita cintai dan terus bersama **Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'**.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan dan kita mengucapkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentang Rang Undang-Undang ini bagi bacaan kali yang kedua. Dan bagi memberi keselesaan, ruang yang cukup kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu tadi, saya berhasrat untuk menangguh dan juga mengadakan Persidangan semula pada hari besok.

Sebelum kita bersurai, semua Yang Berhormat mengambil naskhah Bajet yang disediakan oleh urus setia dan bersedia untuk perbahasan pada esok hari. Jadi marilah sama-sama kita mengambil berkat sebelum bersurai pada pagi ini dengan sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

Terima kasih. Dengan ini saya tangguhkan mesyuarat kepada pukul 9.30 pagi besok.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.50 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 14 DISEMBER 2010

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ., DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, mesyuarat kita disambung semula pada pagi ini. Saya berharap sidang kita pada pagi ini lebih ceria, lebih mesra setelah kita mendengar pembentangan Bajet yang diberi oleh Yang Amat Berhormat pada pagi semalam. Dan sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca dengan ikhlas Ummul Kitab mudah-mudahan sidang kita ini mendapat keberkatan Allah S.W.T. [Al-Fatihah dibaca].

Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan yang telah diberi notis. Untuk permulaannya saya jemput Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan 1 -

> *Sebuah Syarikat Kerajaan (TADC) telah diwujudkan untuk mempastikan harga pasaran hasil pengeluaran petani stabil, tetapi pada tahun 2010 harga duku dan harga buah bermusim yang lain juga terlalu murah menyebabkan petani kita membiarkan hasil mereka di ladang. Apakah usaha Kerajaan ini tidak berjaya?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Hulu Besut yang bertanyakan masalah harga duku dan kaitannya dengan peranan TADC. Sebelum saya memberi jawapan, saya ingin membetulkan sedikit fakta dalam soalan. Untuk makluman, penubuhan TADC bukanlah bertujuan untuk mempastikan harga pasaran hasil pengeluaran petani stabil. Bukan peranan TADC menstabilkan harga pasaran kerana harga sesuatu komoditi akan ditentukan oleh keadaan pasaran, kalau pengeluarannya banyak harganya akan murah, kalau pengeluarannya kurang harganya akan naik. Dan berhubung dengan soalan daripada Hulu Besut sebagai jawapannya TADC sudahpun memainkan peranannya dalam ruang lingkup peranan yang

ditentukan oleh Kerajaan dalam penubuhan TADC. Setakat ini TADC sudahpun melaksanakan peranannya dengan baik. Itu sahaja jawapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan. Sebagaimana jawapan oleh Kerajaan tadi, seolah kita dengar tidak ada peranan yang dimainkan oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga hasil petani kita. Jadi saya juga ingin tahu apakah sebenarnya peranan Kerajaan untuk menstabilkan harga ini?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Sebagai jawapan kepada soalan ini, harga sesuatu komoditi akan diputuskan atau ditentukan oleh pasaran tapi walau bagaimanapun, Kerajaan ada peranannya untuk mempastikan petani-petani mendapat hasil yang lumayan ataupun hasil yang sepatutnya apabila tanamannya sudah mengeluarkan hasil. Dan dalam hal ini, TADC jugak ada peranannya bersama-sama dengan FAMA dan dalam hal duku dan dokong baru-baru ini, TADC sendiri sudah membeli sebanyak 256 metrik tan dengan harga RM457,000 dan FAMA jugak terlibat dengan pembelian duku sebanyak 215 metrik tan dengan nilai RM234,000. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tadi disebut bahawa TADC ini beli hasil-hasil pertanian mengikut harga pasaran sepertimana yang dibuat oleh FAMAlah lebih kurang begitu. Itu sebabnya kalau saya baca dalam Laporan Audit ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak semua petani hasilnya dijual kepada TADC kerana TADC mengikut laporan yang diberikan dia menggredkan piawaian dia terlalu tinggi atas hasil pertanian itu, harganya tak macam mana tetapi gred terlalu tinggi, itu satu. Yang keduanya, TADC ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya sejauh mana dia boleh memasarkan hasil pertanian, projek-projek Jabatan Pertanian rugi dan gagal belaka. Ini disebut dalam Laporan Audit, Penanaman Strawberi Fertigasi gagal, Projek Fertigasi hak lain-lain seperti melon ke dan apa semua-semua sekalipun gagal. Jadi kalau begitulah kegagalan macam mana dilaporkan oleh Audit, jadi apa peranan sebenar TADC? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Kepada pertanyaan pasal gred yang dilaksanakan oleh TADC. Kita akui memang TADC membuat gred kepada duku yang dikeluarkan sebab pada peringkat awal apabila TADC ataupun FAMA mulai beli duku-duku yang keluar/mulai masak, masa itu duku keluar kebetulan bulan puasa, pasaran tempatan sangat terhad bagi duku. Apabila TADC dan FAMA mulai beli, orang mula berpakat untuk jual belaka sehinggakan ada duku yang masih putikpun sudah dikait untuk dijual kerana nak jual belaka. Oleh kerana itu TADC terpaksa gred semula, hak putik terpaksa

buang, hak kecil-kecil tu terpaksa dibuang dan oleh kerana itulah berlaku penggredan semula ini. Dan berkenaan dengan harga yang dibeli oleh TADC dan FAMA memang tinggilah berbanding dengan harga pasaran. Harga pasaran masa itu dalam 40 senpun ada, 50 senpun ada sekilo tetapi TADC beli antara harga RM1.30 hingga RM 1.70 sekilo. Dan FAMA beli dengan harga RM1.20 purata. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, mengenai TADC ini yang difokus kepada pembelian duku yang mana pada masa itu harga duku yang begitu rendah, apakah TADC tidak mempunyai perancangan untuk memproses misalnya buah duku, durian kalau harganya murah dan sebagainya maknanya tidak mengharapkan untuk sebagai jualan sahaja ataupun orang perantaraan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Pasal memproses hasil pertanian, memang kita ada teknologinya, memang perancangannya ada dan baru-baru ini kita buat keputusan untuk memproses rambutan tapi sampai masa apabila kita nak rambutan untuk diproses tapi masa itu buahnya pulak takdok. Dan untuk memproses ini banyak pulak kehendak-kehendak atau spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak kilang dengan jenis buahnya, musim masaknya dan juga perkara-perkara lain. Semuanya ini memang ada dalam perancangan kita, bukan sahaja oleh TADC malah ada juga syarikat-syarikat lain berminat untuk memproses hasil pertanian ini tapi masalahnya masih banyak yang perlu kita atasi pada peringkat pengeluaran lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Saya jemput soalan seterusnya daripada ADUN Manir. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin hadirat, soalan saya yang pertama -

> *Pasar Raya Astaka dan kawasan sekitarnya akan diambil balik oleh Kerajaan Negeri, apakah tujuan tindakan tersebut?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian. Pasar Raya Astaka tidak terlibat dengan pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun kawasan sekitarnya akan diambil balik oleh Kerajaan Negeri bertujuan untuk penyusunan semula pembangunan di kawasan Bandar Kuala Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tanah-tanah di kawasan itu memang berharga dan bernilai tinggi. Apakah mekanisme yang diguna oleh Kerajaan untuk mengambil balik tanah-tanah itu, hanya membayar pampasan ataupun menyertakan tuan-tuan tanah yang asal dalam projek?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pengambilan balik tanah dibayar mengikut nilaian semasa. Yang kedua, kita cuba menempatkan penduduk di situ di kawasan itu juga dengan rumah yang dibina agak selesa yang disusun semula dan diberi subsidi oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya tanya sekadar membayar pampasan ataupun kita *share* tuan dia itu dengan projek itu sekali berdasarkan kepada modal yang diperolehi daripada bayaran pampasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita tidak mengambil *share* daripada tuan punya tanah, kita bayar pampasan dan terpulang kepada mereka dan kita beri keutamaan kepada mereka untuk membeli rumah kedai atau rumah yang dibina di kawasan tersebut. Keutamaan diberi kepada mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, saya ingin tahu apakah pengambilan ini di bawah 3(A) ataupun 3(B) atau 3(C)? Sebab dia ada implikasinya, apakah ini projek Kerajaan yang diambil balik oleh Kerajaan maknanya Kerajaan mengeluarkan wang untuk ambil balik ataupun melalui agensinya ataupun syarikat sebab tujuannya ada bertujuan perniagaan. Dan kalau tujuan perniagaan sepatutnya tuan-tuan tanah yang terlibat diberi hak untuk membuat pilihan kalau mereka ada tanah untuk sama-sama menyertai projek ini. Mintak komen?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita mengambil balik di bawah perkara 3(1)(C) melalui Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ini bermakna ..... Boleh lagi tak? Okey, ini bermakna sebelum proses pengambilan balik di bawah 3(1) (C) sepatutnya tuan tanah diberi hak untuk sama-sama membuat pilihan, kalau mereka ada tanah, mereka diberi hak untuk menyertai sama projek ini melainkan mereka menolak, apakah proses ini telah berjalan perundingan dengan tuan-tuan tanah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ADUN Ladang bekas PTG, dia 3(1)(C) yang boleh ditawarkan kepada tuan-tuan punya tanah untuk sama-sama membangunkannya ialah apabila sudah ada *Development Order* dikeluarkan kepada tanah tersebut, kalau tidak ada *Development Order* maka tak payah kita tawarkan untuk sama-sama *joint venture* dalam perkara tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya ingat Yang Berhormat sebagai ADUN Kawasan boleh berbincang dengan pihak Kerajaan lebih lanjut lagilah. Saya jemput Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

> *Apakah kejayaan bidang pertanian dan ternakan Negeri Terengganu pada tahun 2010?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, terima kasih kepada ADUN Jabi atas pertanyaan yang dikemukakan berhubung dengan kejayaan dalam bidang pertanian dan ternakan 2010. Soalan ini agak luas untuk saya *detailkan* tapi walau bagaimanapun saya cuba jelaskan seberapa ringkas.

Pertama, dalam sektor pertanian. Banyak kejayaan yang dicapai termasuklah dalam Usahawan Tani. Kita berjaya melahirkan 746 orang Usahawan Tani telah menjalankan projek-projek pemprosesan makanan yang berasaskan pertanian dengan jumlah nilainya sebanyak RM11 juta.

Kedua, Industri Jagung Hibrid. Seluas 547 hektar telah dibangunkan dengan tanaman jagung hibrid melibatkan 1,002 orang peserta dengan jumlah sebanyak 13,110 metrik tan bernilai RM19 juta.

Ketiga, Industri Tanaman Padi. Bagi meningkatkan hasil padi, beberapa program telah dijalankan iaitu:-

i. Program perataan tanah sawah seluas 365 hektar melibatkan seramai 225 orang peserta.

ii. Program pengapuran melibatkan keluasan seluas 750 hektar dan bilangan peserta seramai 504 orang.

Terdapat peningkatan hasil daripada 3.8 metrik tanah per hektar kepada 4.1 metrik tan per hektar dan jumlah pengeluaran daripada 63,500 metrik tan kepada 69,500 metrik tan. Kawasan padi baru di Kg. Jelapang, Setiu telah berjaya dibangunkan seluas 133.2 hektar melibatkan seramai 109 orang peserta. Purata pendapatan setahun bagi setiap peserta adalah sebanyak RM16,000.00.

Keempat, Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Seluas 1,053 hektar kawasan TKPM telah dibangunkan melibatkan seramai 79 orang peserta. Jumlah pengeluaran sehingga bulan September 2010 adalah sebanyak 3,700 metrik tan dengan nilai sebanyak RM5 juta.

Kelima, Industri Tanaman Kelapa.

i. Projek Sedia Ada -
Melibatkan keluasan 376.4 hektar seramai 732 orang peserta.

ii. Kawasan Baru -
Melibatkan keluasan 53.8 hektar dengan bilangan peserta seramai 126 orang.

Keenam, Industri Cendawan. Seramai 74 orang pengusaha sudah dapat kita lahirkan dengan pengeluaran sejumlah 300 kilogram sehari.

Ketujuh, Program Pembangunan Tanah Terbiar. Seluas 300 hektar tanah terbiar telah dibangunkan melibatkan 298 orang peserta yang mengusahakan dengan tanaman padi, jagung, pisang dan lain-lain.

Sektor Ternakan:

Pengeluaran Daging Ayam - Pada tahun 2010, pengeluaran daging ayam tempatan telah meningkat sebanyak 21% bersamaan 3.957 metrik tan dengan nilai pengeluaran RM2.6 juta berbanding tahun 2009 kepada 22,464 metrik tan.

Ternakan Ikan - Kita sedang melaksanakan ternakan ikan dalam kolam sebanyak 1,340 kolam, sangkarnya 11,568 sangkar, bilangan penternak 1,570 orang, hasil 4,250 metrik tan.

Pecahan mengikut sektor:

Ikan Air Tawar 3,672 metrik tan.
Ikan Air Payau 2,071 metrik tan.

Pecahan mengikut daerah:

Besut	-	295 metrik tan.
Setiu	-	1,764 metrik tan.
Kuala Terengganu	-	1,903 metrik tan.
Marang	-	313 metrik tan.
Hulu Terengganu	-	903 metrik tan.
Dungun	-	407 metrik tan.
Kemaman	-	157 metrik tan.

Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon penjelasan. Yang pertama, tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas kejayaan-kejayaan yang telah disebutkan terutama dalam tanaman padi, jagung, pisang dan lain-lain serta ternakan ayam dan ikan. Cuma saya nak dapat penjelasan ialah mengenai program yang begitu melibatkan masyarakat orang kampung terutamanya masyarakat miskin iaitu Program Fertigasi yang juga disebut dalam Laporan Audit dalam muka surat 31 hingga 41. Apakah statusnya kerana pada masa dahulu Kerajaan begitu menumpukan kepada program ini. Dan yang keduanya, ialah mengenai satu program ternakan yang hebat iaitu kambing pedaging. Apakah status mengenai program ternakan kambing pedaging sekarang ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Program Fertigasi, peserta yang terlibat ialah 185 orang dengan jumlah pengeluaran sehingga kini 320 metrik tan dengan nilai RM730,000.00. Bilangan peserta yang

mendapat pendapatan bersih melebihi RM1,500.00 sebulan adalah seramai 50 orang peserta. Kita akui ada setengah-setengah tempat yang melaksanakan Program Fertigasi dan dianggap gagal, semua peralatan sudah diambil balik untuk dilaksanakan di tempat yang lain, program itu kita akan teruskan. Kambing adalah soalan khusus yang kita akan jawab selepas ini.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, satu lagi cadangan, apa salah kiranya jua pihak Kerajaan memberi peluang kepada tapak-tapak fertigasi yang tidak berjaya ini kepada kakitangan Kerajaan yang akan berpencen yang mana di atas pengalaman, keupayaan kakitangan-kakitangan yang akan berpencen ini diberi peluang untuk menjadi peserta khusus di kawasan fertigasi tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Satu cadangan yang cukup baik dan pihak Kerajaan bukan sahaja beri peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang hendak berpencen tetapi kepada sesiapa sahaja yang berminat boleh mohon untuk kita beri pertimbangan. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Jabi. Saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Sila nyatakan jumlah lesen yang telah dikeluarkan dari tahun 2007 hingga 2009 untuk aktiviti pengambilan pasir di negeri ini mengikut pecahan daerah dan berapakah jumlah hasil yang diperolehi?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang bertanyakan soalan berkaitan dengan jumlah lesen yang dikeluarkan bagi aktiviti pengambilan pasir dari tahun 2007 sehingga tahun 2009. Jadi mengikut rekod yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah di daerah masing-masing, jumlah lesen yang dikeluarkan mengikut pecahan daerah-daerah dan tahun adalah seperti berikut:-

Daerah	Jumlah Lesen Yang Telah Dikeluarkan			Jumlah Hasil Royalti Diperolehi (RM)		
	2007	2008	2009	2007	2008	2009
Kuala Terengganu	15	13	15	607,178	538,995	313,737
Kemaman	8	9	11	71,436	85,860	76,710
Dungun	5	12	12	348,580	274,740	272,100
Besut	5	5	4	54,136	152,815	541,800
Hulu Terengganu	22	24	23	537,145	594,028	343,120
Marang	-	-	-	-	-	-
Setiu	12	17	18	54,314	108,323	47,806
JUMLAH				1.672 juta	1.745 juta	1.595 juta

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada jawapan yang diberikan. Begitu banyak lesen kalau nak dicongok-congok tu dekat 100 tu, 80 lebih, ke 90 tak tahu tu. Saya dokdang nak congok, tak sempat nak catat tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya sekarang ini, dari begitu banyak lesen yang dikeluarkan berapa kes pelanggaran syarat lesen yang berlaku dan kalau boleh pihak Kerajaan beri contoh-contoh langgar syarat lesen yang dikeluarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang dari segi bilangan perlanggaran syarat itu ada tapi kita tidak ada buat bilangan sebenarnya di sinilah. Tapi memang ada perlanggaran syarat dan telah dilaporkan oleh Audit Negara dan ada beberapa sebab berlaku perlanggaran syarat ini antaranya tapi saya tidak ada maklumat dari segi jumlahnya yang ada berlaku ialah disebabkan oleh *negative impact* dengan izin Dato' Yang Dipertua, antaranya adalah berlakunya hakisan, berlakunya yang melibatkan kawasan tuntung yang menjejaskan flora dan fauna. Jadi untuk mengatasi apa yang berlaku ini kita juga telah menubuhkan satu pasukan pemantauan di peringkat negeri yang diketuai oleh PTG dan dianggotai oleh JPS, JAS, JKR dan juga Pentadbir Tanah untuk memantau perlanggaran-perlanggaran syarat ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bermakna Kerajaan tidak menafikanlah ada perlanggaran-perlanggaran syarat yang dilakukan oleh pengusaha-pengusaha. Saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

selain daripada perlanggaran syarat itu ada ke tidak kes-kes curi pasir macam kes curi balaklah, tak ada lesen tapi pergi curi ada ke tidak yang berlaku di negeri ini dan adakah Kerajaan melalui UPEN sebagai contoh nak mengkaji balik wang amanah terhadap pengusaha-pengusaha yang melanggar syarat ini kerana saya dapati bahawa kalau mengikut laporan itu dari segi pemantauan itu tidak sepertimana sepatutnya berlaku kerana mudah sangat curi, langgar sana-sini. Jadi dari segi kenaikan wang amanah dan jugak kes kecurian pasir di negeri ini kalau sekiranya ada berlaku dan berapa kes yang telah dikenal pasti?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang tidak dinafilah mungkin ada berlaku kecurian pasir ini tapi kalau berlakupun mungkin tak sebesar macam yang berlaku di Selangor itu. Jadi sebab itu saya sebut tadi, kita adakan Jawatankuasa Pemantau kita ini takut ada berlaku dan sebelum dia merebak menjadi besar kita pantau dulu dan alhamdulillah setakat ini Jawatankuasa kita ini bergerak di setiap daerah. Sebab itu untuk makluman Yang Berhormat Wakaf Mempelam kita bukan lulus secara sewenang-wenangnya, untuk makluman jugak untuk tahun 2007 tak sampai 100 lesen yang kita lulus sebanyak 97 sahaja. 2008 sebanyak 80 sahaja. 2009 sebanyak 83 sahaja, tak sampai 100 lesen yang dikeluarkan setiap tahun. Dan lesen kita secara TOL setiap 2 tahun dan kita akan nilai/kaji balik dari segi keberkesanan dia. Untuk makluman jugak kalau dapat saya berikan contohlah misalannya tahun 2007, kita lulus 31 permohonan dan kita tolak 50 permohonan. Tahun 2008 kita lulus 45, kita tolak 58 permohonan. Tahun 2009 kita lulus 49 sahaja, kita tolak 72 permohonan. Begitu banyak permohonan tetapi tidak semuanya kita lulus, ini menunjukkan kita prihatin terhadap kesan-kesan yang negatif yang boleh berlaku disebabkan oleh pengambilan pasir ini. Walau bagaimanapun, pasir ini penting jugak untuk pembangunan kita, untuk jambatan, untuk buat bangunan dan lain-lain, jadi ia penting dan kita beri jugak.

Dan berkaitan dengan soalan wang amanah. Memang sekarang ini kita ada mengutip wang amanah RM5,000 di bawah Pejabat Tanah dan juga RM5,000 di bawah JPS, saya rasa. Kita ambil perhatianlah di atas cadangan daripada Y.B. itu tadi Y.B. Wakil Wakaf Mempelam. Jadi sekiranya kita rasa perlu tambah, kita tambahlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih pihak Kerajaan. Saya rasa cukup Yang Berhormat, ya. Saya rasa dah menyeluruh tadi. Saya jemput Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Nyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Terengganu dan jumlah kos (RM) yang telah dibelanjakan akibat banjir pada tahun 2008 dan 2009 yang lalu mengikut daerah?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Wakil Kuala Berang. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Negeri Terengganu adalah seperti berikut:-

1. Memberi Bantuan Ehsan Bencana Banjir.

2. Menyediakan pengkalan hadapan yang menempatkan bantuan makanan dan peralatan kepada setiap pusat pemindahan mangsa-mangsa banjir.

3. Menyediakan pusat pemindahan yang menyediakan kemudahan penempatan mangsa banjir seperti tandas, selimut, tikar dan tempat sembahyang.

Kos yang telah dibelanjakan oleh Pejabat-Pejabat Daerah akibat banjir pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut:-

Daerah	Kos Tahun 2008 (RM)	Kos Tahun 2009 (RM)
Kuala Terengganu	212,500.00	181,900.00
Kemaman	Tiada mangsa banjir terlibat	664,300.00
Dungun	99,500.00	849,300.00
Besut	1,694,550.00	5,024,798.74
Hulu Terengganu	267,676.00	295,126.00
Marang	119,000.00	135,000.00
Setiu	296,059.00	419,282.00
JUMLAH:	2,689,285.00	7,569,706.00

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan saya Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Wakil Kerajaan kerana saya nampak sebentar tadi banyak peruntukan telah dibelanjakan untuk kita mempastikan mangsa-mangsa banjir kita mendapat pertolongan yang sewajarnya. Cuma saya nak mintak penjelasan Dato' Yang Dipertua, saya

dapati tadi jawapan daripada Wakil Kerajaan tidak menyebut bayaran ganti rugi tanaman, kepada mereka yang terlibat dengan banjir ini. Dan kalau adalah bilakah Kerajaan kerana saya dapati, saya dapat maklumat masih belum dibuat pembayaran daripada tahun 2008 dahulu, adakah Kerajaan berhasrat hendak membayar ganti rugi tanaman kepada mangsa-mangsa banjir ini?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih kepada Wakil Kuala Berang. Sebenarnya memang Kerajaan Terengganu sekarang ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional memang sangat prihatin kepada rakyat lebih-lebih lagi kepada mereka yang ditimpa bencana seperti bencana alam bukan sahaja dari segi fizikal rumah dia bahkan juga dari segi bebanan-bebanan lain seperti aspek-aspek bencana disebabkan pertanian, contohnya padi, tanaman pisang dan sebagainya. Di mana pihak Kerajaan ada menyediakan sedikit peruntukan dari tabung bukan kita jadikan dia sebagai bayaran pampasan tetapi kita jadikan sebagai untuk meringankan bebanan. Jadi kita memang bersedia untuk memberi ehsan kepada rakyat yang ditimpa sebarang bencana alam bukan sahaja sebagaimana disebut tadi, tanaman juga kita akan *consider* untuk meringankan bebanan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Maknanya Kerajaan akan membuat pembayaranlah jika ada tuntutan daripada mereka?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau dah Kerajaan *consider* tu, pembayaran mesti adalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya yang kedua. Saya nak fokuskan di Hulu Terengganulah. Kita dapati di kawasan Hulu Terengganu ni kawasan banjirnya yang biasa berlaku di kawasan Hulu Telemong, Mukim Tersat, Mukim Hulu Berang dan lain-lainlah. Dan kalau di kawasan sayanya adalah di sekitar Kampung Bukit Tok Bat, atas bukit ni banjir, Bukit Murtaja, Paya Besar, kawasan atas bukit jugaklah. Maksudnya kawasan yang berlaku banjir ini ialah kawasan yang sama pada setiap tahun. Dan kawasan saya tadi kawasan yang di mana kalau kita perhatikan merupakan kawasan yang sepatutnya boleh dielakkan berlakunya banjir Jadi saya nak tahu hari ini apakah usaha Kerajaan untuk membantu mereka-mereka ini supaya tidak mengalami masalah tersebut pada masa-masa yang akan datang? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Soalan tambahan yang kedua daripada Wakil Kuala Berang ini nampaknya spesifik dari segi aspek langkah-langkah mengatasi banjir. Jadi untuk

itu, sebelum itu saya lebih suka nak menyatakan bahawa setelah berlakunya setiap kali banjir di mana-mana daerah di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri akan menentukan dan menjalankan *postmortem* selepas satu bencana serta memperakukan cadangan-cadangan bagi mengatasi apa-apa kelemahan yang telah dikenal pasti. Yang kedua, Kerajaan akan menjalankan kajian dan mengumpul maklumat mengenai potensi dan risiko di tempat-tempat kejadian yang disebabkan oleh bencana alam tadi dan seterusnya membersih tindakan segera mungkin diambil membersih parit dan taliair serta melebar dan mendalamkan alur-alur sungai dan seterusnya cuba menaiktarafkan sistem pembetungan sedia ada seperti membina longkang U-shape, longkang V, monsoon drain, melebarkan parit, pemasangan *culvert* dan sebagainya. Yang ketiga, mewujudkan satu Jawatankuasa Bencana Banjir sama ada di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri. Saya cukup yakin setelah adanya *postmortem* dan jawatankuasa yang diwujudkan, di tempat-tempat kejadian yang telah berlaku contohnya di kawasan Kuala Berang yang telah dinyatakan oleh Wakil Kuala Berang itu memang telah diambil kira untuk dari segi aspek pelaksanaan tinggal lagi Kerajaan akan mengukur dan menilai dari segi sejauh mana kemampuan dari segi aspek kewangan dan bajet yang sebagaimana yang kita sedia maklum bajet itu akan dibentang setiap tahun dan kalau sekiranya tempat di Kuala Berang itu belum lagi diambil tindakan, saya cukup *confident* dan yakin tahun hadapan akan diambil tindakan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh ada banjir jugak?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Mestilah tu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya tak nak merujuk kepada apa jawapan yang terakhir diberikan oleh Wakil Kerajaan sebab soalan sayapun ada pada hari 16 haribulan nanti. Cuma saya nak rujuk balik kepada soalan asal yang dikemukakan oleh Wakil Kuala Berang terhadap mangsa-mangsa banjir. Apa yang saya dapati berdasarkan banjir yang berlaku dalam setahun atau dua tahun yang lalu khususnya kepada mangsa banjir, sebagai contohnya mereka yang berada di pusat penempatan banjir. Di peringkat awal pada hari pertama khususnya, bekalan makanan yang diberikan kepada mereka adalah berupa bekalan bahan mentah yang segera sebagai contohnya sardin. Sampai peringkat hari yang keduapun dibekalkan sardin juga. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memastikan supaya bila saja mangsa banjir ditempatkan di pusat penempatan banjir terus diberikan makanan dalam bentuk bahan mentah, bahan basah, ayam ke dan sebagainya. Kita dah boleh uruskan benda tu, tak

perlulah diberikan sardin, makan nasi berlauk sardin, goreng nasi esokpun dengan sardin. Apa pandangan Kerajaan?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Wakil Tepoh. Hebat Tepoh ni, memang dia ni sentiasa hebat orangnya, kecil tetapi hebat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh mintak KFC Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia mintak KFC barangkali.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, insya Allah. Jadi sebenarnya memang Kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional memang sentiasa *update* atau sentiasa menambahnilai daripada kelemahan-kelemahan yang berlaku. Saya tidak nafikan pada peringkat awalnya memang kita sebut kata *emergency,* bencana alam ni memang perkara-perkara *emergency.* Sudah tentunya persiapan-persiapan untuk memberi keselesaan yang sepenuhnya mungkin agak sukar tapi walau bagaimanapun, walaupun tin sardin hari yang pertama mungkin hari kedua tin sardin juga, begitulah kalau tidak ada tin sardin menunjukkan tidak ada bencana, jadi lambang adanya tin sardin itu jadi adanya berlaku bencana, *emergency* ..... (Dewan Gelak) ..... Dato' Yang Dipertua, walau bagaimanapun, untuk memenuhi dan memberi keselesaan dan kebahagian kepada setiap rakyat yang ditimpa banjir dan sebagainya. Kita memang bersedia daripada sekarang untuk memberi dari segi aspek makanan ini lebih hebat daripada sebelum daripada ini, insya Allah. Dan sempena Exco baru ambil alih ini insya Allah *confidentlah* dengan saya ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Macam Kedah ke?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya? Hah! Hak di Kedah tu saya tak tahu, bakpe duk sebut hak Kedah tu, ni hak Terengganu ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, terima kasih Pengkalan Berangan. Saya jemput Sura. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ladang ada soalan tu, tapi takmboh beri peluang ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Maksudnya pada 14 haribulan tu ada soalan daripada Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Daripada Ladang, ke sengaja takmboh tanya, takmboh beri peluang?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang telah diberi notis soalan yang pertama Yang Berhormat ditolak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan yang kedua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ooh .... yang kedua. Sila, sila Yang Berhormat, Yang Berhormat Ladang dulu. Minta maaf Sura.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih, terima kasih. Soalan kedua –

> *Bekas Y.A.B. Menteri Besar pernah membuat janji kepada penduduk-penduduk Kg. Ladang untuk mengenakan sewa bulanan RM126.00 sahaja untuk satu unit rumah di Pangsapuri Ladang Gemilang. Mengapakah kadar sewa sekarang dikenakan RM300.00 sebulan?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan jawab pihak Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau nak kira kita boleh tolak soalan daripada Ladang sebab silap *statement* tapi oleh kerana *statement* yang mengelirukan maka saya ingin menjawabnya. Ini saya sebutlah, minta maaf Wakil Jertih kerana ADUN Ladang mengatakan bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah membuat janji kepada penduduk Kampung Ladang untuk memberi sewa bulanan RM126.00 sahaja untuk satu unit Rumah Pangsa Ladang Gemilang manakala

sewa sekarang dikenakan RM300.00, ini tak betul *statement* ni. Sebenarnya bukan bekas Menteri Besar, bukan ADUN Jertih tapi *statement* ini dibuat oleh ADUN Kijal, Menteri Besar sekarang tapi diputar belitkan oleh ADUN Ladang.

Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, saya di dalam perjumpaan itu memberitahu bahawa RM126.00 ini adalah bagi mereka yang menyewa rumah dalam bandar di bawah skim sewaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau orang miskin di bandar dia sewa rumah maka Kerajaan akan beri Bantuan Sewa RM126.00. Sebab itulah bagi mereka yang tinggal di Ladang dapat skim ini dan yang termasuk dalam skim ini sewa pangsapuri ini ialah RM126.00 sahaja tapi yang lain-lainnya RM300.00. Itulah berlaku kekeliruan dibuat oleh ADUN Ladang. Sewa sebenarnya ialah RM300.00 tapi orang yang mendapat atau tersenarai mendapat Bantuan Sewa Rumah tersebut ialah RM126.00 sahaja maka RM126.00 tersebut dibayar oleh Kerajaan Pusat melalui Datuk Bandar Kuala Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang saya kata RM126.00 itu dijanji oleh bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu betul, masa itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang sudah tidak Menteri Besar lagi ....(Dewan Gelak) ..... Jadi janji ini ialah semasa Pecah Tanah untuk pembinaan Ladang Gemilang tu, cerita lama. Yang hadir sama masa itu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Patut Yang Berhormat *clearkan* soalan itu bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar bila? Sebab ramai bekas Menteri Besar, *clearkan* soalan tu bekas Menteri Besar tahun bila? Okey, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tu betul cuma siapa salah faham wallahuwa'alam. Tapi yang hadir sama ketika janji ini dibuat ialah bekas ADUN Ladang ketika itu. Ini cerita bukan nak kata ke bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi nak khabor hak lepas ni. Jadi Menteri Besar sekarangpun alhamdulillah jawab begitu jugak, maknanya betul RM126.00 untuk orang miskin bukan untuk semua orang. Tapi bayaran yang dibuat 2 – 3 hari yang lepas, surat daripada SEDC mintak supaya bayar semua RM300.00 tidak terkecuali sama ada miskin tak miskin mintak dibayar RM300.00 sebulan, itu berlaku. Sila baiki itu dan apakah walaupun ada *guideline* daripada untuk sewa rumah dalam bandar dikatakan RM300.00, apakah Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menurunkan harga RM300.00 itu kepada RM126.00 jugak memandangkan mereka itu walaupun dalam bandar tetapi macam luar bandar, maksudnya orang-orang itu adalah orang-orang miskin.

Apa salahnya kita duit banyak, berilah peluang mereka bayar dengan harga yang seperti orang di luar bandar RM126.00 jugak. Mintak penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, bayaran RM126.00 itu jika berlaku kekeliruan oleh pihak SEDC kita akan perbetulkan, itu yang pertama. Yang kedua, itulah kadar bagi sewa rumah dan bagi mereka yang tidak layak mendapat skim Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM300.00 saya rasa adalah memadai bagi sewa rumah dalam bandar yang begitu selesa setakat ini. Kita tidak bercadang untuk mengurangkannya lagi setakat ini kerana ini merupakan sewabeli Dato' Yang Dipertua, dan selepas 3 tahun sebagaimana projek biasa dan ada soalan sebelum daripada itu yang telah ditolak menyatakan bahawa kita akan tolak balik bayaran setelah 3 tahun itu apabila mereka mendapat rumah ini dan kita setakat ini kita beri 50% potongan tentang harga rumah berkenaan bila dibeli nanti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Lanjutan daripada jawapan itu, pertamanya, saya masih ingin merayulah supaya sewa ini diturunkan kepada RM126.00 apalah salahnya. Apa salahnya kita membantu orang-orang kita yang sudah terpaksa keluar daripada tanah dia, itu pertama. Dan lanjutan daripada jawapan sewabeli tadi setakat ini perjanjian daripada SEDC dengan pemilik-pemilik atau penghuni-penghuni rumah ini ialah sewa selama 3 tahun dan tidak ada di mana-mana menyebut bahawa akan adanya berlaku sewabeli, mintak *statement* itu supaya dijelaskan dan diberitahu kepada mereka bahawa akan nanti ada sewabeli sebab setakat ini tidak ada di mana-mana mengatakan ada sewabeli.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ini *standard* yang ditentukan bagi rumah kos rendah, 3 tahun pertama sewa, lepas itu barulah setelah tiada bantahan dan setelah selesai semua sekali barulah kita keluarkan surat tawaran baru dan ditolak hak 3 tahun pertama itu, ini yang berlaku.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan yang ketiga, Yang Berhormat Batu Burok, ya. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan saya tentang projek yang dijalankan di Ladang

Gemilang itu sendiri. Saya jugak dipanggil oleh penduduk setempat untuk mengadakan dialog dan keluhan besar mereka mungkin Yang Berhormat daripada Ladang bahasa dia lebih berbentuk kepada bahasa Pegawai Kerajaan tapi bahasa saya ialah dari segi masa depan orang-orang Melayu di kawasan Ladang itu sendiri yang merupakan kawasan warisan orang-orang Melayu kita. Apa yang sedang berlaku sekarang, orang-orang Melayu di Ladang berada dalam keadaan terpinggir di bumi mereka sendiri, jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena sedar tentang perkara ini. Mereka ada yang menangis, ada yang menyingkap .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... keluhan mereka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dalam hal ini bila mereka tidak diberikan suatu hitam putih *(black and white)* dari segi masa depan, sama ada seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ADUN Ladang tadi, dari segi penempatan mereka, sewabeli yang ada, dari segi bayaran yang terpaksa mereka tanggung. Sudahlah tanah mereka diambil dan diberikan tempat yang mana ada sebahagiannya terpaksa menyewa di tempat lain sebab tidak muat barang-barang yang ada di rumah mereka yang dirobohkan itu tak muat dengan flat yang ada itu sendiri dan sebahagiannya terpaksa menyewa di tempat yang lain untuk menyimpan barang-barang mereka. Tapi persoalan yang besarnya Yang Berhormat Dato' Speaker ialah dari segi masa depan bangsa Melayu kita, kita nak letak di mana dalam masa 10 - 20 tahun yang akan datang daripada Tanjung sampai ke Pasar Chabang Tiga dengan projek-projek atas nama pembangunan yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini. Orang-orang Melayu nak lari ke mana dan siapa yang akan mengambil tanggungjawab bila bangsa Melayu kita sendiri terpinggir di bumi yang ada ini sendiri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya yang bertanggungjawab Dato' Yang Dipertua. Sebab itu kita mengambil balik tanah ini untuk mempastikan orang-orang Melayu dapat tempat di bandar-bandar. Sebab itulah kita buat polisi pengambilan balik tanah ini supaya orang Melayu kekal di dalam bandar dengan memberi sewa dan peluang untuk mereka membeli sekurang-kurangnya 80% bagi penempatan ini. Kalau Yang Berhormat Batu Burok sedar, bangunan-bangunan yang naik sekarang ini di kawasan Tanjung semua kepunyaan orang lain, asalnya tanah orang Melayu. Kenapa Yang

Berhormat tidak bangkitkan perkara ini? Dan berapa banyak tanah-tanah yang berada di Ladang Tok Pelam sekarang ini telah dibeli oleh orang lain dan dihalau begitu sahaja oleh pembelinya. Kerajaan beli bayar segala-galanya, hinggakan reban (gok) ayam dibayar, pokokpun bayar, orang yang menumpang puluhan tahun (tanah haram) Kerajaan tak pernah didenda. Kita beri pulak saguhati, kita beri rumah lagi, subsidi lagi. Itulah keprihatinan Kerajaan, janganlah diingat orang lain tidak ada semangat patriotisme, jangan ingat kita sahaja yang berjuang untuk kepentingan orang Melayu dan orang lain tidak. Atas kesedaran inilah saya mengambil langkah ini untuk mempastikan orang Melayu di bandar ini terjamin tempat tinggalnya di dalam bandar. Kita sedar, kita buat kajian mereka ini pembawa beca, berniaga di Pasar Kedai Payang. Kalau kita beri tanah di Batu Rakit di mana mata pencarian mereka nak cari? Sebab itu rumah di Ladang kita bagi subsidi 50%, RM75,000 setakat ini subsidinya. Bayangkanlah dengan harga yang begitu mahal tak ada seorangpun tuan punya tanah yang datang menangis di depan saya. Tak tahulah berapa yang pergi kepada Yang Berhormat ataupun ini cerita rekaan. Sepatutnya kalau nak menangis datanglah berjumpa saya sebab sayalah yang boleh memberi jawapan, saya boleh mengatasi masalah mereka bukannya Yang Berhormat Batu Burok sebab dia bukan Kerajaan. Tak selayaknya .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat berkata dia membela orang Melayu, saya mintak hari ini Yang Amat Berhormat tarik balik dari segi pemberian tanah dan pembangunan di Chabang Tiga di mana diberikan kepada kroni Yang Amat Berhormat ..... *(Mikrofon dikawal oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk seketika)....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok! ..... Batu Burok! .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *(masih berucap tanpa mengendahkan arahan Yang Dipertua Dewan, mikrofon dikawal oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua)* .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tidak buta, Yang Berhormat yang buta mata hatinya. Ayah Yang Berhormat dulu juga miskin bukan orang kaya. Yang Berhormat boleh melanjutkan pelajaran sampai ke peringkat PhD, asas didikan Kerajaan untuk mengubah nasib orang Melayu. Orang Melayu Terengganu miskin 89% semasa mencapai kemerdekaan. Mereka berjaya hari ini kerana pelajaran yang diberikan oleh Kerajaan, buku teks percuma, peperiksaan percuma, bantuan diberikan. Kita ingin melihat perubahan. Adakah ADUN Batu Burok sanggup melihat 100 tahun lagi inilah Bandar Kuala Terengganu dengan setinggannya bagaimana berlaku di Kampung Tanjung, dengan masalah sosialnya,

penagihan dadahnya, HIVnya. Sedar tak Yang Berhormat? Saya juga pernah tinggal di Kampung Tanjung, kawan sayapun ada penagih dadah, ada HIV sebab itu nak susun semula masalah sumbang mahramnya, masalah sosial yang begitu teruk berlaku di Kampung Tanjung. Kajian telah dibuat sebab itu kita nak susun mereka ini daripada tinggal di penempatan haram diberikan rumah flat yang baru dengan subsidi 50%, sekurang-kurangnya mereka akan dapat rumah sendiri. Bukan Kerajaan zalim, Kerajaan tak pernah halau mereka, tak pernah kutip duit satu senpun cukai tanah selama ini. Kalau Kerajaan zalim mereka telah dihalau lama dah, berapa banyak rumah-rumah yang ada di Ladang Tok Pelam yang telah dihalau oleh pembeli baru? Saya masuk kampung, saya tengok, saya tanya: "Ini rumah siapa yang telah dirobohkan?" Kata mereka ini telah dibeli oleh orang luar dan dihalau begitu aje. Kita ambil bayar pampasan, beri rumah lagi, beri peluang lagi beli rumah kedai di situ dengan lebih teratur. Kalau nak kira harga, tanya pegawai kita Pegawai Penilaian, lebih baik kita buat *reclaimation* dengan izin Dato' Yang Dipertua ia lebih murah tapi kita buat pembangunan baru, apa jadi di sebelah sini orang Melayu. Pembangunan baru kita buat, *reclaimation* kita buat, bangunan tinggi-tinggi kita buat begitu hebat tapi di sebelahnya sakit mata memandang '*eyesore*', sampai bila? Sebab itu kita mempunyai perancangan yang mengambil alih ialah Kerajaan, Lembaga Tabung Amanah Warisan Terengganu kalau nak ambil balik, kita kata tak payah ambil balik terlalu mahal tapi demi masa depan orang Melayu, kitapun fikir macam Yang Berhormat jugak, jangan fikir Yang Berhormat seorang saja yang mempunyai semangat patriotisme kitapun ada jugak. Marilah kita berfikir secara rasional, lihat dulu apa yang nak kita lakukan, dasar yang kita nak lakukan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh, duduk dulu. Yang Berhormat kita ada masa sedikit lagi. Saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Nyatakan jumlah hasil pembalakan Negeri Terengganu yang dikeluarkan di sempadan Pahang dan Kelantan?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini tiada pengeluaran lesen baru pembalakan yang dikeluarkan di kawasan simpang sempadan Terengganu dan Kelantan tetapi

mengikut rekod sebanyak 10 lesen telah dikeluarkan semasa pemerintahan PAS 2000 hingga 2005. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan asal berkaitan dengan jumlah hasil pembalakan Negeri Terengganu yang dikeluarkan, jadi soal yang perlu untuk pihak Kerajaan melihat adakah dikeluarkan hasil pembalakan sama ada secara yang tidak sah dan adakah Kerajaan mengkaji berlakunya ataupun tidak kecurian balak di kawasan sempadan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, jumlah hasil pembalakan yang dikeluarkan di sempadan Negeri Terengganu dengan Pahang tetapi tidak ada di Kelantan ketika itu antara tahun 2000 hingga 2005 iaitu semasa pemerintahan PAS sebanyak RM893,985.61 melibatkan 10 lesen kawasan seluas 1,292.92 hektar, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat tambahan? Tak ada. Terima kasih Sura. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai Soalan Lisan dan kita berehat dan selepas rehat nanti kita buka kepada Yang Berhormat untuk berbahas mengenai Bajet semalam. Kita mulakan nanti dengan Wakil Tepoh sebagai Penyokong. Saya berharap perbahasan sebagaimana nasihat saya pada pagi kelmarin hendaklah kita tumpukan kepada isu, jangan bangkitkan emosi, kita dah nampak tadi bila ada emosi kita kurang kawalan maka yang sebenar atau perjuangan kita sama sahaja tetapi hasil yang kita hasilkan tidak berapa menarik. Jadi perhatian ini perlu diambil sungguh-sungguh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Maka saya tangguhkan mesyuarat kita ini dan kita masuk semula pada pukul 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, mesyuarat kita disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telahpun minum pagi, masing-masing dah ada tenaga, tenang, saya harap sesi seterusnya nanti kita bahaskan Ucapan Bajet yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari kelmarin. Saya akan memberi peluang yang pertama nanti kepada Penyokong iaitu ADUN Tepoh untuk setengah jam dan perbahasan Ahli-ahli yang lain 20 minit. Saya juga akan memberi peluang kepada Ketua Pembangkang setengah jam untuk perbahasan ini. Jadi saya harap semua Ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian untuk mempastikan masa cukup, jangan meleret-leret. Dan yang ketiga saya nak mintak makluman jugak kepada Yang Berhormat sekalian untuk kita tuju kepada Buku Peraturan Fasal 4(2) khususnya iaitu mengenai pelantikan Pengetua Dewan seperti yang lepas takut-takutlah saya ni nak atau ada *emergency,* untuk tidak melengah Dewan barangkali peruntukan diberikan kepada kita untuk melantik salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat dipilih oleh Yang Dipertua untuk dijadikan Pengetua Sementara, dia takdok elaunlah, sementara majlis itu sahaja. Jadi itulah makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di atas kita, kiri dan kanan kita dapati ada ramai Pemerhati. Pertamanya, saya tidak dibekalkan dengan nama-nama tetapi Pemerhati daripada wanita kiripun ramai, di kananpun ramai dan juga Pemerhati lelaki. Jadi Yang Berhormat gunakanlah kesempatan ini untuk mereka juga dapat faedah yang tinggi daripada Persidangan kita ini. Saya jemput pembahas yang pertama daripada Tepoh. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir rahmanir rahim. *(Seterusnya membaca beberapa petikan ayat Quran/Doa sebagai mukadimah).* Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, seterusnya warga Dewan yang saya hormati lagi dirahmati oleh Allah S.W.T.

Pertama sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua mengizinkan untuk saya memulakan perbahasan terhadap Ucapan Bajet 2011 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada pagi semalam. Dan terima kasih juga kerana kesempatan diberikan kepada saya untuk menyokong Ucapan Bajet ini dan sekaligus menjadi pembahas yang pertama.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ketika ini kitapun sudah berada di tahun baru Hijrah 1432 dan pada masa yang sama kita juga sedang melangkah menghitung hari untuk menyambut tahun baru 2011. Justeru itulah sebagaimana biasa setiap tahun di akhir tahun begini Ucapan Bajet bagi maksud menyedia dan menguruskan kewangan Kerajaan Negeri untuk tempoh setahun lagi iaitu bagi tahun 2011. Justeru itu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang sekali lagi telah dapat membentangkan Bajet untuk tahun 2011 dengan meletakkan Bajet Seimbang sekaligus mencakupi keseluruhan aspek demi untuk kesejahteraan rakyat di Negeri Terengganu atas sifat 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' yang menjadi motto Kerajaan Negeri ketika ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sesungguhnya pembentangan Bajet ini bukanlah sekadar atau semata-mata untuk kita melihat tentang apa yang perlu kita belanjakan di masa hadapan tetapi pembentangan Bajet ini juga dalam erti kata mengambil kira tentang apa yang telahpun kita lakukan paling tidak sepanjang setahun yang lalu. Ini bertepatan dengan seruan Allah S.W.T. kepada kita dengan firmanNya (membaca petikan ayat Quran) yang bermaksud: "Allah meminta kepada kita supaya selepas beriman kepada Allah diminta kepada kita bertaqwa kepadaNya dan pada masa yang sama diminta untuk kita melihat terhadap diri kita sendiri tentang apa yang telah kita lakukan bagi maksud untuk kita hadapi hari-hari mendatang". Inilah yang dikatakan sebagai proses bermuhasabah yang perlu ada kepada kita. Dan saya cukup yakin Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar adalah mengambil kira tentang persoalan, perhitungan serta bermuhasabah terhadap perkara-perkara yang telahpun dilakukan dalam sepanjang tahun yang lepas dan pada masa yang sama dikemukakan Bajet ini untuk memastikan supaya apa sahaja urusan pentadbiran dan pembangunan Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan lebih baik, paling tidak untuk 2011 melalui Bajet yang telah dibentangkan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, itulah yang menjadi pegangan kepada kita sebagai seorang hamba Allah melihat apa yang telah berlaku untuk tujuan menghadapi hari-hari yang mendatang. Kepada saya Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Bajet 2011 dengan memperuntukkan RM1.887 bilion dan Bajet ini Bajet Seimbang apabila cadangan digunakan secara keseluruhannya Bajet tersebut untuk perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Dan sekaligus Bajet ini agak sedikit meningkat berbanding dengan Bajet 2010 di mana diperuntukkan sebanyak RM1.881 bilion iaitu pertambahan RM6.04 juta yang melibatkan 0.32%.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Bajet yang dibentangkan itu adalah untuk melihat tentang kedudukan

Anggaran Hasil yang bakal diperolehi oleh Kerajaan Negeri dan sekaligus untuk tujuan pengurusan. Sebab itu sebagaimana biasa setiap Kerajaan Negeri untuk menentukan bajetnya akan datang daripada tiga kaedah ataupun saluran yang utama. Yang pertamanya ialah melalui Hasil Cukai sama ada cukai itu cukai langsung ataupun cukai tidak langsung. Dan saya dapati melalui Hasil Cukai ini sebanyak RM1.642 bilion ataupun mewakili 87.02% dan pada keseluruhannya datang daripada royalti minyak iaitu sejumlah RM1.598 bilion. Yang kedua, Hasil Bukan Cukai, sebanyak RM119.01 juta (6.31%). Dan yang ketiga, Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM125.98 juta (6.67%).

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, apa yang kita lihat walaupun dalam keadaan kita membentangkan Bajet ini secara seimbang namun begitu sebagaimana yang saya sebutkan melalui peringatan ayat yang difirmankan oleh Allah tadi kita khususnya Kerajaan perlu berhati-hati dalam berbelanja serta berhemah dalam menguruskan perbelanjaan. Saya mengharapkan supaya syor dan teguran yang dibuat oleh pihak Ketua Audit Negara melalui Laporan Audit yang telah dibentangkan khususnya yang terbaru, Tahun Kewangan Negeri Yang Berakhir 31 Disember 2009 perlulah diambil perhatian. Di mana kita melihat bahawa ada berlaku penurunan ketara ke atas kedudukan wang tunai Kerajaan Negeri, Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri berlaku penurunan sehingga RM164.20 juta yang sebelum ini pada tahun 2008 kita mempunyai RM404.65 juta tetapi 2009 kita hanya mempunyai RM274.05 juta. Dan begitu juga ada kaitan soal Akaun Hasil Disatukan yang menjadi defisit RM274.05 juta pada 2009 dan akhirnya menjadi terkumpulnya defisit itu sebanyak RM699.01 juta berbanding dengan 2008 RM424.96 juta. Berdasarkan Laporan Audit ini juga, kita juga dapati bahawa Kerajaan telahpun mengeluarkan secara keseluruhannya ataupun melupuskan secara keseluruhannya pelaburan dalam simpanan tetap berjumlah RM6 juta dan ini memerlukan kepada penelitian dan pemerhatian Kerajaan dalam melaksanakan ataupun berbelanja di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam kesempatan ini saya jugak ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, hasil daripada laporan yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara, Kerajaan Negeri Terengganu, jabatan ataupun Pegawai Kewangan Negeri telah dapat menghantar Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang berakhir 31 Disember 2009 pada 10hb. Februari 2010, satu tindakan yang cukup baik dan tahniah kepada Pegawai Kewangan Negeri. Walaupun tempoh yang diberikan ialah 7 bulan selepas berakhir tahun kewangan tersebut. Ini menjadi suatu amalan kebiasaan Kerajaan Negeri khususnya Pegawai Kewangan Negeri semenjak beberapa tahun yang lalu mengutamakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diserahkan atau dihantar lebih awal kepada pihak Audit.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya jugak nak menyebutkan di sini betapa perlunya kita menilai dan melihat ke dalam diri kita tentang aspek perjuangan. Dan pada saya apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk Bajet 2010 dan berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan hasil daripada soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cukup berkeyakinan bahawa perjuangan Kerajaan adalah untuk kebaikan rakyat lebih-lebih lagi dalam soal Negeri Terengganu kita ini rakyat secara keseluruhannya majoritinya adalah rakyat yang beragama Islam, yang datang daripada orang Melayu. Perjuangan kita adalah perjuangan untuk agama dan untuk orang Melayu, ini adalah perjuangan kita yang semenjak dahulu. Tidak seperti perjuangan yang pihak sebelah, bila masa mereka berjuang untuk memperjuangkan kedaulatan Melayu, ketuanan Melayu sampai mereka mempertikaikan apa yang kita lakukan di Ladang dan sebagainya. Sebenarnya memang kita sejak dahulu adalah di kalangan pihak yang benar yang memperjuangkan Melayu dan Islam itu bukan pihak yang sebelah. Kita tidak perlu untuk menjadi jaguh dalam perjuangan ini sebenarnya. .....(Dewan memberi tepukan sokongan) .....

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, itu setakat untuk nak naik *mood* aje. Dato' Yang Dipertua, pada masa yang sama juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada dua agensi Kerajaan Negeri iaitu MAIDAM dan juga Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Daripada 13 agensi atau jabatan yang dibuat pengauditan oleh pihak Jabatan Audit, dua jabatan ini atau agensi ini khususnya pada tahun 2009 kedua-duanya telah mencapai tahap pengurusan kewangan yang cukup baik dan telah dinobatkan mendapat anugerah penarafan 4 bintang, sangat baik yang sebelum ini tidak pernah diperolehi, di samping jabatan yang lain dianugerah 3 bintang, baik. Mudah-mudahan dapat dikekalkan dan agensi atau jabatan yang lain dapat mengikut di masa-masa yang akan datang. Pada masa yang sama juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri bahkan rakyat Negeri Terengganu kerana sebenarnya dalam tempoh beberapa tahun ini hasil daripada kecaknaan kita terhadap rakyat, semenjak kita mengambil alih daripada pentadbiran daripada Kerajaan PAS pada tahun 2004, kita memberi keutamaan kepada kecaknaan kepada rakyat di samping urusan-urusan yang lain, akhirnya kedudukan kita yang pada asalnya berada di tahap yang dahulu yang pernah disebutkan di tangga kedua negeri yang paling miskin di Malaysia, kita telahpun berjaya setakat ini melangkah naik ketiga tangga menjadi di tempat yang kelima negeri yang termiskin selepas Sabah dan Sarawak, Kedah dan Kelantan. Ini merupakan pencapaian dan dalam keadaan yang beginipun Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam ceramah-ceramah politik yang diadakan oleh parti Pembangkang masih lagi disebutkan bahawa Negeri Terengganu negeri yang termiskin, yang kedua miskin hasilnya banyak. Sedangkan kedudukan yang ada pada hari ini kita sudahpun berusaha dan berlaku penurunan ertinya kita berada di tangga yang kelima

termiskin. Ini merupakan usaha yang telah kita lakukan, mereka seolah-olah tidak merujuk kepada fakta yang sebenar masih tetap mengatakan begitu dan begini. Ini perlu kita terima hakikat bahawa kita sudahpun berusaha ke arah itu walaupun masih dalam keadaan perlu kepada usaha yang berterusan yang lebih hebat. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebab itulah pada masa yang sama merujuk kepada Bajet yang dibentangkan ini saya katakan tadi ia meliputi keseluruhan apa yang perlu kita lakukan di masa hadapan berdasarkan apa yang telah kita lakukan di masa-masa yang lalu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri sendiri, seluruh warga pendidik, ibu bapa dan anak-anak yang mana kita sekali lagi berjaya mengekalkan tempat yang pertama untuk 10 tahun berturut-turut. Saya kira bukan senang, biasanya kita hanya mampu untuk mengekalkan kejuaraan itu setakat 2 - 3 kali tapi kita sudah berada ditahap yang ke-10 pencapaian yang terbaik UPSR, 3560 orang anak-anak kita yang mendapat *straight* A, 15.4%. Ini satu kejayaan yang cukup hebat sebab itu tahniah kepada semua, tahniah kepada Pengarah Pelajaran Negeri yang sebelum ini yang telahpun bersara Yang Berbahagia Tuan Haji Ariffin bin Embong dan tahniah serta 'Selamat Bertugas' kepada Pengarah Pelajaran yang baru Yang Berbahagia Encik Razali bin Daud. Mudah-mudahan kita dapat meneruskan kecemerlangan yang ada ini sama ada UPSRnya, PMRnya, SPM dan STPMnya melalui strategi kita 20 10 5 2.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam pembentangan Bajet, Yang Amat Berhormat Dato' Seri juga menyebut tentang keperluan pengangkutan awam dan saya amat bersetuju tentang perkara ini bahkan perkara ini telah disebutkan oleh kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat semenjak dahulu lagi. Di negeri kita ini masalah jalan ataupun yang kita sifatkan sebagai *traffic jam* dengan izin, kesesakan jalan menjadi suatu masalah yang besar dan pada masa yang sama kemudahan pengangkutan awam masih lagi berada di tahap yang agak tidak mencukupi. Sebab itulah langkah Kerajaan memperuntukkan sejumlah kewangan bagi maksud menambahbaikkan soal-soal pengangkutan awam ini amat-amat dialukan. Cuma saya jugak ingin menyebutkan di sini di kawasan saya khususnya di kawasan Gong Badak sebagaimana yang kita sedia maklum sebelum sampai ke UNISZA ada satu jalan pintas yang biasa digunakan oleh kita sebab jalan itu agak lebih dekat bermula daripada hadapan Utusan Melayu sehinggalah keluar ke simpang di hadapan Masjid Padang Nenas. Jalan ini sudah menjadi jalan yang cukup sibuk sebenarnya bahkan perlu dinaiktarafkan daripada jalan negeri mungkin perlu kepada jalan persekutuan. Dan jalan ini saya dapati masih tidak ada lagi sistem pengangkutan awam, bas tidak lalupun ikut jalan ini, pelajar-pelajar ILP sebagai contohnya, penduduk di Kampung Baru Gong Dato',

di Taman Perumahan Gong Badak 4 dan sebagainya mereka kalau nak naik baspun terpaksa keluar sama ada di sebelah Padang Nenas mahupun di hadapan UNISZA. Saya kira perlu kepada sistem pengangkutan awam bagi maksud memberikan kemudahan kepada penduduk yang agak ramai di sekitar kawasan tersebut.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, dalam Bajet juga Yang Amat Berhormat juga menyebutkan tentang soal pengairan dan saliran. Saya cukup setuju dan ini merupakan satu masalah yang besar di negeri kita sebab itu apabila timbulnya tentang soalan hujung tahun musim tengkujuh yang berlaku adalah banjir di sana dan di sini dan kawasan saya ada di antara kawasan tumpuan maksudnya fokus air banjir tersebut dalam tempoh setahun-dua yang lalu. Alhamdulillah, dalam tahun ini walaupun ramalan oleh pihak Meteologi mengatakan berlaku banjir besar di Negeri Terengganu sehingga setakat ini alhamdulillah, kita masih lagi tidak banjir dan hujanpun tidak lebat mana dan kita mengharapkan hujan itu tak lebatlah lepas ni sebab kita tengok lebat do'oh di Kedah baru-baru ini mungkin dia lari ke sana. Tak tahulah kalau dia lebat kat kita, jadi banjir kat kita jadi bala tapi kalau kat dia lebat, banjir kat dia, dia menyalahkan orang, sistem landasan kereta api dan sebagainya, ni macam-macamlah ni berlaku. Dulu pada tahun 1999 masa banjir di Besut hak besar dia kata Tuhan nak kambus habis, nak buang habis dosa-dosa UMNO, dok jadi bala ke dia. Inilah hak hala ke kita dia kata jadi bala tapi bila hala ke dia jadi hak ujian, hak molek apa semua, tak tahulah guana ayat pakai, Allahuwa'alam.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya kira sebenarnya dalam soal JPS ini, Jabatan Pengairan dan Saliran peruntukan yang ada sebelum ini yang saya nampaknya dalam soal untuk nak menangani banjir kita memang ada sistem saliran jejari dan sebagainya tapi yang banyaknya bajet yang dikeluarkan lebih fokus kepada soal-soal membersihkan ataupun dalam erti kata membersihkan sungai-sungai ataupun dalam erti kata untuk memudahkan laluan air. Dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini tak timbul sangat kita membuat sistem saliran ataupun longkang yang baru dalam konteks sebagai contohnya disebut dengan izin, monsoon drain, tak ada. Sebab itu saya melihat bahawa kerja-kerja bersih longkang untuk memudahkan air lalu ini kerja-kerja biasa *(maintenance).* Sebab itu kepada saya Kerajaan Negeri pada masa sekarang dan yang akan datang perlu ke arah untuk memastikan bahawa kita mewujudkan sistem saliran yang lebih kemas, wujudkan saliran baru, longkang baru. Sebagai contohnya di kawasan Kuala Nerus, Kuala Terengganu Utara, insya Allah daerah baru nanti, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar ....(Dewan Gelak) .... tapi tak tahu lagi bilanya, itu yang susah. Kita duk ingat 1 Januari tapi dok umum *starang* 1 Januari tapi biarlah sebelum pilihan raya Dato' *neh.* Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar orangnya baik, ni bukan mengampu .... (Dewan Gelak) ..... Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua sebab itu sebagai contohnya

banyak cadangan yang mana sekarang sudah wujud cadangan pengambilan balik tanah sebab kita tahu banyak tanah yang sebelum ini saliran yang ada atau disebut parit yang ada itu parit semulajadi, parit asal yang dibuat oleh orang-orang lama dulu, zaman tok-nenek kita yang lalu dalam kawasan tanah mereka, tanah baruh padi dan sebagainya tapi apabila kawasan itu sudahpun menjadi kawasan yang agak membangun keseluruhan tanah-tanah itu sudah ditukar syarat daripada tanah pertanian kepada syarat bangunan, buat rumah dan sebagainya. Maka mereka pecah lot apa semua, longkang rumah ada tapi longkang utama yang besar untuk mengalirkan air tu tidak ada sebab itu kita perlu kepada pengambilan balik tanah. Banyak yang ada hari ini longkang-longkang yang ada yang asal itu telah tertutup akibat air tak tahu nak pergi ke mana, dia mengamuk di situ, dia mengamuk di sini, jadi kita perlu buat sistem saliran ini. Cadangan pengambilan balik antaranya yang melibatkan sistem saliran di kawasan tebatan banjir di sekitar saliran Tok Jiring, Banggol Air Lilih. Saya cukup takut dan cukup bimbang kerana di kawasan tersebut sedang naiknya projek pembangunan pembinaan Sekolah Kompleks Seri Tembesu. Sekarang ini lebih kurang 10 kaki dia tambun tanah, ini baru untuk Sekolah Rendah Kompleks, yang sekolah menengah belum lagi. Jadi kalau ini kita tidak dapat mengambil tindakan dengan lebih awal dan cepat, ambil balik tanah buat terus sistem saliran sambungkan dengan sistem saliran yang ada dengan tapak sekolah Kompleks hak baru tu, insya Allah dia boleh menyelesaikan masalah yang berlaku khususnya di sekitar Tok Jiring dan termasuk di sekitar Pusu Tiga dan sebagainya. Alhamdulillah, Pusu Tiga nampaknya kerja-kerja membuat sistem barn, tebatan ataupun benteng telahpun selesai dan saya kira seolah-olah menunggu air saja tapi air dok mari lagi, itulah sebenarnya tapi itu satu rahmat bila buat air dok mari pulak. Kita takmbohlah air mari takut orang susah pulak tapi persediaan telah dibuat lebih awal, alhamdulillah. Saya mintak sangatlah Kerajaan Negeri kita segerakan proses pengambilan balik tanah untuk sistem saliran yang lebih besar dan pada masa yang sama terus menyediakan peruntukan untuk membuat sistem saliran yang saya maksudkan dalam konteks dengan izin, monsoon drain itu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, menyentuh tentang soal bekalan air khususnya melibatkan SATU sebagai contohnya dan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ada disebutkan tentang peruntukan kewangan dan sebagainya. Saya melihat di kawasan sebelah utara Kuala Nerus dan jugak yang lain kebanyakan air dialirkan daripada Loji Air Kepong, itulah satu-satunya loji air yang memproses air untuk kegunaan seluruh Negeri Terengganu termasuk jugak Marang, termasuk jugak dekat Setiu. Saya melihat dengan perkembangan yang berlaku lebih-lebih lagi di Kuala Terengganu Utara di Kuala Nerus itu sendiri dengan wujudnya UNISZA, dengan wujudnya UMT dan sekarang ini projek yang telah selesai seperti kem tentera dan sebagainya dan jugak adanya pusat-pusat pertumbuhan yang lain. Saya bimbang tekanan

air semakin lama semakin rendah itulah kebiasaannya, kalau boleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar apa salahnya kita memikirkan untuk membuat satu loji yang baru khususnya di sebelah sini mungkin di sekitar Manir dan sebagainya. Kalaulah masalah berlaku kepada sistem paip di Losong ke di mana yang mengalirkan air daripada Loji Kepong itu boleh dikatakan orang di sebelah sana tu semuanya akan menghadapi ketiadaan air belaka. Dan pada masa yang sama saya mintak kepada SATU supaya mengambil berat terhadap persoalan-persoalan masalah tekanan air yang begitu rendah pada hari ini, sistem paip yang masih lagi menggunakan paip lama yang tidak lagi diganti dengan paip yang baru secara keseluruhannya akibatnya sentiasa berlaku kebocoran sebagaimana berlaku dekat dengan Sekolah Guntong dalam kawasan saya boleh dikatakan dalam sebulan kadang-kadang sekali, dua kali bocor sokmo, duk baiki sokmo. Wakaf hak kita buatpun jadi macam nak tumbang dah, selalu duk gali-tutup, gali-tutup kerana paipnya yang sentiasa bocor dan sebagainya. Begitu juga baru-baru ini pada malam Jumaat yang lalu saya difahamkan apabila berlaku kebakaran di Pekan Batu Enam yang melibatkan dua kematian, dua beranak yang mati baru-baru ini, ada disebutkan, dikaitkan oleh pihak Bomba bahawa masalah tekanan air. Soal ajal itu soal ketentuan Allah, ketetapan Allah tapi kita melihat itu adalah antara sebab-sebabnya yang menjadi masalah kepada kita. Sebab itulah kita perlu segerakan untuk memastikan supaya proses membekalkan air bersih ini khususnya membuat loji baru, saya cadangkan loji baru selain daripada Loji Kepong yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya jugak nak merujuk sikit tentang sukan sebab soalan saya pada hari ini ditolak, tak apalah bukan Pembangkang saja ditolak, memang betullah tu Dato' Yang Dipertua hak soalan begini hak sayapun kena tolak jugak. Saya tanya bagaimana kedudukan pasukan bola sepak, ada dua, Pasukan T-Team dan pasukan negeri, kedua-duanya saya kira di bawah biayaan negeri jugak. Banyak sekarang ini negeri-negeri telahpun membubarkan pasukan-pasukan dia yang ada dalam bentuk sayap-sayapnya seperti My-Team ke, KL-Plus dan sebagainya. Saya tak mintak supaya dibubarkan mana-mana satu tapi mungkin perlu lebih kepada soal bagaimana kita nak memastikan supaya Bola Sepak Negeri Terengganu menjadi bola sepak yang hebat, johan. Yang ada sekarang ini nampaknya ada, betul tapi saya duduk nampak ada unsur-unsur *balah* aje. Bila Terengganu lawan dengan T-Teamnya *balah,* hari itunya *balah dok starang* dia pakai topeng bila sumbat gol, saya tengok ni. Jadi kita carilah jalan dan kita duk tengok anak-anak pemain Terengganu ni hebat-hebat, bila dia pergi ke luar dia buat johan pulak ke negeri lain, Khairuddin Omar, Rosdi Talib, dia boleh buat johan ke negeri lain. Jadi kita buatlah pengurusan Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu ke dengan pengurusan T-Team kita berbincang molek-molek dengan Majlis Sukan apa semua. Saya tidak berhasrat untuk mintak supaya dibubarkan mana-mana mungkin boleh disatukan dan sebagainya demi untuk

kecemerlangan bola sepak kita sebab kita SUKMApun dah hebat, dua tahun berturut-turut kita cemerlang, kita johan mengatasi Sarawak dan Selangor kuasa sukan terbesar di tanah air sebelum ini, ini kejayaan kita. Hak molek, molekiah dan kita nak molek belaka ni maksudnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Allah! Berasa sekejap pulak. Bila dia mari *seh* lain ni susah sikit. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memperingatkan saya. Sebab itu tahniahlah kepada SUKMA, Kerajaan Negeri kerana kita telah berjaya walaupun dulu biasa orang kata:"Kalau jadi tuan rumah biasalah boleh johan". Tapi rupanya dok jadi tuan rumahpun, kita berlawan di tempat lainpun kita johan jugak. Inilah kehebatan sukan Negeri Terengganu hasil kita wujudkan berbagai-bagai inisiatif, mewujudkan konsep 'Terengganu Nelang' dan sebagainya. Tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan sukan di Negeri Terengganu kita ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pada masa yang sama urusan-urusan meningkatkan syiar Islam melalui Program Pintar Quran dan alhamdulillah saya tak rasa macam dok payah nak sebut sangat doh, sememangnya tiap-tiap tahun bertambah sokmo budak-budak, anak-anak 5 - 6 tahun dapat menghabiskan Quran atau khatam Quran 30 juzuk Al-Quran. Tahun baru ini 6,246 orang habis/ khatam 30 juzuk Al-Quran. Inilah kedudukan kita sebenarnya, kalau sebut bab Quran ini Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, bermula daripada YPK lagi, kita ada Taska Keluarga, Taska Permata yang mana kita melaksanakan Program Pintar Quran kepada mereka akhirnya anak-anak kita berumur 3 tahun, umur 4 tahun boleh khatam Surah Lazim, 23 Surah Lazim, ayat-ayat Lazim tersebut bahkan boleh menghafal Surah Lazim ni. Ini kejayaan kita. Kemudian kita ada jugak hak 5 - 6 tahun Tadika Yayasan Islam, Tadika Keluarga, Kemas dan sebagainya Program Khatam Quran seramai 6,246 orang khususnya di bawah kendalian Yayasan Islam Terengganu. Naik ke sekolah rendah pulak kita ada J-Qaf, kita ada KAFA supaya hak mana dokdang khatam di sekolah tadika kita naik ke sekolah rendah. Kemudian naik ke peringkat sekolah menengah kita ada IMTIAZ, kita menumpukan kepada soal untuk menghafaz Al-Quran. Dulu orang rasa macam payah, kita target 10 juzuk tingkatan 1, 10 juzuk di tingkatan 2, 10 juzuk di tingkatan 3, kita rasa macam payah nak buat tapi hari ini saya nak maklum dalam Dewan yang mulia pada hari ini bahawa ada pelajar tingkatan 1 di IMTIAZ telah berjaya menghafaz 30 juzuk Al-Quran, ada pelajar tingkatan 2 di IMTIAZ berjaya menghafaz 30 juzuk Al-Quran. Walaupun target kita 30 juzuk itu ialah di akhir tingkatan 3 sepenuhnya, ini kejayaan kita. Kemudian kita jugak ada skim Hafazan Terbuka, mereka yang sabit hafaz 30 juzuk melalui Program Tasmeq setiap 3 bulan sekali sebagai contoh mereka sabit hafaz kita beri anugerah kepada mereka

RM1,000 sebulan kepada tiap-tiap orang dan hampir RM1 juta kita belanjakan untuk Program Hafazan Terbuka ini. Inilah kejayaan kita sebenarnya di samping program-program yang lain yang kita perhebatkan soal kita hantar pelajar ke Jordan melalui MAIDAM dan sebagainya.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tahniah, terima kasih kepada Kerajaan Negeri, MAS, Tabung Haji meneruskan usaha menghantar Jemaah Tabung Haji, ini tahun yang ketiga penerbangan terus daripada Lapangan Terbang Sultan Mahmud ke Jeddah dan Madinah. Alhamdulillah, setakat ini sudah 5 penerbangan balik telah berjalan, kita menunggu 2 penerbangan lagi pada 16 dan 17 haribulan sebab tahun ini kita ada 17 penerbangan. Dan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 18 Mac 2011 insya Allah akan dibuat satu Program Umrah yang melibatkan mungkin hasil ehsan daripada MAS, Tabung Haji dan Kerajaan Negeri. Saya ingat kalau dalam perbahasan Bajet tahun lepas saya ada sebut ni, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar supaya kita wujudkan Program Umrah Rakyat. Takkan nak tunggu habis Haji lepas takdok hak nak pergi, penerbangan antarabangsa takdok jadi kita buat Umrah Rakyat. Mungkin kita boleh beri sumbangan ataupun bantuan kepada rakyat kalau tak secara keseluruhanpun kita bayar separuh, rakyat bayar separuh. Ibu-ibu tunggal hak miskin nak pergi jugak Umrah ni, begitu jugak orang-orang kelaut (nelayan), orang penarik beca apa semua. Mungkin apabila kita buat program ini kita harapkan bahawa ramai di kalangan rakyat kita yang miskin yang memang nak pergi Haji tak mampu, kita boleh *sponsor,* boleh bagi sumbangan kepada mereka untuk mereka mengerjakan Umrah, kita boleh buat paling tidak setahun satu penerbangan RM3 juta saja habis. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya ingat kesimpulanlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Nak mintak lebih sikit Yang Berhormat Mulia. Kemudian berlakunya bantuan E-Book, alhamdulillah. Sebenarnya E-Book pada dasarnya memang yang kita tahu telah berjalan dalam tempoh setahun-dua ini ada manfaat yang cukup besar kepada anak-anak kita. Cuma saya tidak mahu menyebut panjang, saya ingin mengulangi balik apa yang pernah saya sebut di dalam Dewan ini, kalau kita boleh memberikan E-Book kepada anak-anak di peringkat sekolah rendah, saya amat mengharapkan Kerajaan Negeri dapat menyediakan peruntukan untuk membiayai ataupun memberikan laptop kepada anak-anak Terengganu yang masuk universiti. Saya kira ini merupakan satu penghargaan kepada anak-anak ini sebab mereka memang cukup memerlukan komputer. Mereka duk mari kepada kita tetapi memanglah hak Yayasan bagi Yayasan bagilah hak pendahuluannya, mereka kadang-kadang mari jumpa dengan Wakil Rakyat mintak, kita nak bagi semua tak boleh kadang-

kadang kita bagilah RM200 - RM300 ditambah dengan hak lain apa semua. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya harap boleh kita wujudkan peruntukan tersebut.

Kemudian di antara terakhir yang saya nak sebutkan di sini ialah melalui Bajet Kerajaan Pusat jugak Bajet kita. Kita menyebutkan tentang soal kenaikan elaun, alhamdulillah, JKKK khususnya Pengerusi JKKK antaranya naik elaun dan diharap mereka dapat bertugas dengan lebih baik dengan kenaikan tersebut. Begitu jugak elaun KAFA kepada guru-guru KAFA dan saya nak sebutkan di sini ialah apabila Kerajaan Pusat menyebutkan tentang kenaikan elaun kepada Imam sebanyak RM750 dan memang tidak disebutkan kepada Bilal, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Bilal ternganga aje. Sebab kita ada Imam, kita ada Bilal, jadi kalau ikut sebenarnya Yang Berhormat Mulia Dato', di negeri kita ini kita ada Imam dan Bilal tiga kategori. Gred A yang bertugas 12 tahun ke atas, Gred B 3 - 12 tahun dan Gred C daripada permulaan lantikan hingga ke 3 tahun. Mereka ini diberikan elaun yang berbeza, sebelum tahun 2005 Imam Gred A dapat RM350, Gred B RM325, kemudian RM300 bagi Gred C. Bilal pula Gred A RM300, Gred B RM275 dan Gred C RM250. Apabila Kerajaan Pusat mengumumkan kenaikan elaun Imam pada tahun khususnya pada 2005 iaitu RM400 bukannya kenaikan tetapi elaun Kerajaan Pusat kepada Imam RM400 maka kita buat penyelarasan elaun bagi Imam dan Bilal. Akhirnya Imam Gred A kita bagi RM650, Imam Gred B RM625 dan Imam Gred C RM600. Bilal pula kita gunakan sedikit peruntukan daripada Imam hak asal hak Kerajaan Negeri bagi kepada Bilal menjadi RM450 Gred A sebagai contohnya. Kalau begitu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sekarang dah jadi RM750 hak Kerajaan Pusat ni, alhamdulillah satu penghargaan untuk Imam-Imam diberikan oleh Kerajaan Pusat. Jadi saya mintak kepada pihak Kerajaan, supaya dapat menimbang cadangan yang telah dikemukakan oleh Jabatan Agama yang jugak dimintak oleh Persatuan Imam Bilal supaya yang Kerajaan Pusat bagi kepada Imam RM750 itu kekal RM750, hak Kerajaan Negeri bagi kepada Imam sebanyak RM200 itu dikekalkan jugak jadi naik RM950, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Hak Pusat RM750 yang kita dah bahagi kepada Imam sekarang ini RM200 dari peruntukan negeri itu jangan usik, kita mintak tolong jangan diusik. Kalau Pusat bagi RM750 dicampur dengan RM200 yang *state* maka kita akan jadi Imam Gred A RM950, Imam Gred B akan menjadi RM925 dan Imam Gred C RM900. Tok Bilal masih ditapak RM450 satu perbezaan yang jauh. Hai ..... kita bimbang takut dok *bang* (azan) susah ni. Biar Tok Imam *bang* dan Tok Imam jadi Tok Imam tapi takut Tok Imam takmboh jadi Tok Bilal. Soal hak Pembangkang tu cerita lain mereka tak tahu benda ni Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat nak mintak?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya nak sebut ini Yang Berhormat Mulia kalau boleh cadangannya supaya kita tambahkan peruntukan untuk Tok Bilal, hak Imam jangan usik, hak Bilal kita tambah, sekarang dia RM450 dan nak beri nampak tak beza sangat apa salahnya kita naikkan RM300 untuk Bilal Gred A, B dan C. Kalau Gred A tu RM450 sekarang dia akan boleh RM750 dan hak Imam tadi RM950, itu comel dah tapi kita takmboh jugak kalau buat naik banyak gini dia pergi *bang* dua kali susah jugak ....(Dewan Gelak) ..... Jadi kalau kita duk hitung kira-kira Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kalau RM300 kali dengan 3 orang Bilal secara purata bagi sebuah masjid dan kita ada lebih kurang 500 buah masjid di seluruh negeri, saya kira untuk tambahan kepada Bilal ini RM450,000 sebulan dan insya Allah setahun hanya dekat sekitar RM5 juta aje. Saya rasa takdok masalah boleh beri dan patut beri demi untuk Imam dan Bilal, biar kita pastikan bahawa kedudukan institusi masjid di Terengganu tetap hebat dan maknanya syiar berjalan baik dan kita menjadi satu-satunya negeri peneraju. Bila sebut saja soal-soal masjid, memakmurkan masjid Imam dan Bilal di Negeri Terengganu duduk ditahap yang paling tinggi dari segi elaunnya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, mintak laluan sikit Yang Berhormat? Dato' Yang Dipertua Dewan, itu satu cadangan yang baik cuma saya nak dapat kepastianlah daripada ucapan Yang Berhormat itu tadi naik semua ke Imam dan Bilal UMNO dengan PAS ni ataupun hak UMNO aje yang naik? .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, insya Allah mungkin Exco akan jawab .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Imam Negeri Terengganulah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kita tak pernah nak cop-cop eeh! .... (Dewan terus gelak) .... Dah Imam, Imamlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takutnya Bilal suruh Imam yang *bang* sebab Imam saja yang naik.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Allah! Hak tu yang bimbangnya, dengar tu Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tutuplah Yang Berhormat. Sila tutup.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Saya harapkan begitulah supaya kedudukan mereka itu terus dibela dan kalau kita nak suruh, buat kerahan ke, apa ke ataupun kita nak suruh molek ke tugaspun nampak jugaklah berbaloi sedikit sebanyak. Dan buat akhirnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, akhirnyalah maknanya akhir sungguhlah ni. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang serius ke arah penubuhan daerah baru Daerah Kuala Nerus. Perjuangan ini bukan perjuangan saya bahkan perjuangan seluruh warga Kuala Nerus, bahkan juga perjuangan pemimpin-pemimpin Kuala Nerus sebelum inipun. Cuma segerakanlah penubuhan walaupun saya kira tadi, sebelum ini dan pada hari semalam Yang Amat Berhormat membuat jawapan terhadap soalan yang telah saya kemukakan bahawa menunggu antaranya tindakan seterusnya menunggu kepada kepimpinan Kuala Nerus untuk berbincang bagi menentukan kedudukan lokasi pusat pentadbiran daerah. Insya Allah, saya kira dalam tempoh masa terdekat kita akan berbincang dan kita akan buat keputusan yang sewajarnya, kita akan angkat kepada pihak Kerajaan Negeri untuk ditetapkan kedudukan pusat pentadbiran tersebut dan minta disegerakan supaya pusat ataupun Daerah Kuala Nerus ini benar-benar menjadi realiti dan walaupun tidak boleh 1 Januari tapi kita haraplah 2011 Daerah Kuala Nerus akan menjadi realiti. Itu harapan yang sebenarnya, saya tetap memperjuangkan perkara ini mewakili seluruh kepimpinan rakyat di Kuala Nerus kerana Kuala Nerus memerlukan kepada sebuah pentadbiran yang sendiri dengan suasana kemajuan dan pembangunan yang ada.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Dewan sekalian, saya mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia kerana memberikan kesempatan untuk saya berucap dan saya faham masa yang saya ambil agak lebih daripada tempoh yang diberikan oleh Yang Berhormat Mulia oleh Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Dan pada masa yang sama mudah-mudahan Allah terus memelihara kita menjadikan Negeri Terengganu ini terus dalam keadaan makmur dan kita sentiasa berada di bawah naungan arash serta naungan kasih sayang rahmat dan keampunan Allah S.W.T., insya Allah. Justeru itu, marilah kita menjadi dari kalangan orang-orang yang sentiasa melakukan perkara yang kita ucapkan, jangan jadi sepertimana Allah katakan (membaca petikan ayat Quran) yang bermaksud: "Kita perlu menjadi orang yang melaksanakan apa yang kita cakapkan". Tapi ada orang atau pihak yang tidak pernah perjuangkan, kita nampak diapun tak berapa perjuang bahkan seolah-olah dia nak menggadai kedudukan kedaulatan Melayu itu sendiri. Pada hari ini dia seolah-olah menjadi hero untuk perjuangan ketuanan Melayu itu sendiri, bila masa PAS sebenarnya perjuangkan ke arah itu sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Saya sudahi ucapan/kupasan saya dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wassalamualaikum warahmatullah. Terima kasih Tepoh. Saya buka kepada Ahli-ahli Yang Berhormat? Ya, Wakaf Mempelam. 20 minit Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, muslimin-muslimat yang saya hormati sekalian.

Pertama-tama syukur dan ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Ucapan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila saya meneliti Ucapan Bajet yang dikemukakan Ucapan Bajet Tahun 2011 ini, saya tertanya-tanya apa beza Bajet yang dibentangkan ini dengan Bajet tahun-tahun yang sebelum daripada ini kerana saya dapati tidak ada beza Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bentang Bajet Seimbang, dengan izin *Balance Budget* tetapi hakikatnya defisit untuk sekian lama dan defisit ini terus membengkak dan terus bernanah. Seperti tahun-tahun sebelum ini Bajet yang dikemukakan terus menunjukkan *trend* peningkatan yang ketara. Saya catat tahun 2006 kemuka Bajet RM1.55 bilion, 2007 RM1.614 bilion, 2008 naik lagi RM1.673 bilion, 2009 naik lagi RM1.799 bilion, tahun 2010 RM1.881 dan untuk Bajet tahun depan 2011 naik lagi RM1.887 bilion. Dan Bajet ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ialah sepertimana yang saya sebut sebelum daripada ini Negeri Terengganu mengemukakan Bajet yang tertinggi untuk negeri-negeri di seluruh Semenanjung tak termasuk Sabah dan Sarawak. Saya tengok sebagai contoh negeri-negeri maju Selangor sekadar RM1.43 bilion, Pulau Pinang RM900.35 juta, Perak RM862.33 juta, Johor RM814.12 juta, jadi Sabah, Sarawak itu memang tinggilah, Sarawak sebagai contoh RM4.97 bilion pasal negeri dia ada minyak macam Terengganu jugak. Tapi tertinggi dan itu belum lagi masuk peruntukan tambahan yang mungkin pada pertengahan tahun depan masa Persidangan akan dimintak peruntukan-peruntukan tambahan. Jadi yang saya sebut tak ada beza ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tiap tahun Bajet terus meningkat tetapi pada waktu yang sama kutipan hasil yang sebenar bagi Kerajaan terus menurun dan ini mengakibatkan defisit terus meningkat. Tahun 2007 saya *refer* buku-buku Bajet yang lepas, kemukakan Bajet RM1.614 bilion tapi hasil sebenar hanya RM1.262 bilion, tahun 2008pun begitu kemukakan RM1.673 bilion tapi hasil sebenar RM1.643 bilion, 2009 RM1.77 kemuka Bajet tetapi hasil sebenar hanya RM1.511 bilion, hak 2010 lulus RM1.881, tahun ini lulus pulak RM1.887 bilion tapi hasil sebenar saya yakin akan terus defisit seperti tahun-tahun sebelum ini. Dan ini diakui oleh Yang Amat Berhormat, rakan saya, Menteri Besar Terengganu dan disebut dalam Ucapan Bajet di muka surat 4, dengan izin Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua: "Defisit ini adalah disebabkan Kerajaan tidak menerima sepenuhnya pemberian Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan sepertimana Anggaran Dalam Bajet 2007, 2008, 2009....", ini diakui. Jadi itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akibat daripada itu kedudukan kewangan negeri yang parah ini disahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara. Saya teliti Laporan Ketua Audit Negara, dalam Penyata Kewangan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan dan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2009, buku hijau masing-masing dapat. Bila saya teliti Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Pertama, kecairan tunai semasa Kerajaan Negeri adalah rendah dan aset semasa tidak dapat menampung jumlah tanggungan semasa. Kedua, kedudukan wang tunai Kerajaan Negeri menunjukkan penurunan dari tahun 2007 sehingga 2009 dan kedudukan tahun 2009 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun kebelakangan. Seterusnya dilaporkan jugak, sehingga akhir 2009 Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatatkan penurunan sebanyak RM164.2 juta ataupun 40.6% kepada RM240 juta ini disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet berbanding RM404.65 juta pada tahun 2008. Disebut lagi oleh Ketua Audit, pada tahun 2009 Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit sejumlah RM274.5 juta menjadikan defisit terkumpul meningkat kepada RM699.1 juta berbanding RM424.96 juta dan ini disebut khusus dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya sebutkan itu kerana itu Laporan Audit dan Laporan Audit jugak mengesahkan Kerajaan Negeri masih menggunakan sumber daripada Akaun Amanah Disatukan sebagaimana tahun 2008 untuk menampung defisit yang berlaku untuk sekian lama, guna duit Akaun Amanah. Kerajaan Negeri pada tahun 2009 telah mengeluarkan semua pelaburan dan ini kawan saya daripada Tepohpun sentuh kerana dia lapor dalam Laporan Audit semua pelaburan dalam Simpanan Tetap berjumlah RM6 juta untuk menampung Perbelanjaan Mengurus. Dan jugak dilaporkan dalam Laporan Audit, bila kita tengok hutang Kerajaan Negeri Terengganu kepada Kerajaan Pusat terus meningkat, pada tahun 2006 RM903.05 juta, naik lagi tahun 2007 RM937.87 juta, tahun 2008 RM997.6 juta dan tahun 2009 RM1006.96 juta lebih daripada RM1 bilion sekarang ini hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebagai Ahli Parlimen, di Parlimen diberikan bukan sahaja laporan untuk Ketua Audit Terengganu tetapi keseluruhan negeri-negeri dalam Malaysia. Saya sempat jugak meneliti sekadar nak buat perbandingan apa yang berlaku di negeri-negeri lain. Saya cukup bangga bila mana Laporan Ketua Audit Negara membuat rating yang cukup baik dan tinggi kepada negeri-negeri Kedah, Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang. Ini negeri-negeri yang Pakatan Rakyat perintah ni. Saya sebut ni bukan saya nak ..... tetapi boleh baca dalam Laporan Ketua Audit Negara. Kedah sebagai contoh peningkatan hasil negeri meningkat hampir 200%, ini dilaporkan. Kelantan alhamdulillah, mampu bertahan walaupun dinafikan royalti minyak yang ditemui di perairan Kelantan.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kata Bajet ini tidak ada beza dengan tahun-tahun sebelumnya kerana Kerajaan Negeri untuk sekian lama masih tidak fokus dan tidak mampu untuk menjana hasil negeri dan terus menerus bergantung kebergantungan kepada hasil royalti minyak adalah terlalu tinggi. Tahun lepas dari Anggaran Hasil RM1.88 bilion, saya sebut dan saya ingat lagi 92% ataupun RM1.73 bilion adalah perolehan daripada sumber Kerajaan Pusat termasuk royalti petroleum atau Dana Khas dan masih Dana Khas sampai sekarang sehinggakan sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan ditukar menjadi royalti balik. Dan bakinya hanya 8% ataupun RM163 juta sahaja sumber negeri. Senario ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berulang di mana Kerajaan menganggarkan pada tahun 2011 untuk mendapat hasil sebanyak RM1.88 bilion tapi jumlah tersebut RM1.669 bilion 90% ialah diunjurkan diperolehi daripada sumber Kerajaan Pusat termasuk royalti petroleum dan hanya RM188 juta ataupun 10% sahaja daripada sumber negeri. Dan ini menunjukkan kalau 10%, 12% yang Kerajaan Negeri mampu jana kewangan nak bayar gaji kakitangan/emolumenpun tak cukup Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi ini gambaran yang sepatutnya kita beritahu, soal Wakil Tepoh nak puji itu tak apalah, bolehlah puji, memang Wakil Rakyat UMNO tu wirid dia tiga aje, puji lepas puji gomol ke PAS lepas tu mintak projek untuk kawasan dia, tiga perkara itu wirid dia. Hak mana dulu tak tahulah, kadang-kadang gomol ke PAS dulu. Tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebutkan perkara ini kerana Laporan Audit jugak, saya baca kerana saya tengok kadang-kadang susah apa yang berlaku *variant* yang berlaku yang ketara ialah jumlah anggaran dan hasil sebenar bagi Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil adalah kerana Kerajaan Negeri mengambil kira hasil minyak dalam Anggaran sebagai Hasil Cukai, Kod Hasil 60000 dan Kod 61803 Royalti Minyak, ini yang kita tulis dalam buku Bajet kita. Sebagai contohlah, Anggaran tahun 2009 kita anggarkan dengan Kod Royalti Minyak 61803 RM1.533 bilion tetapi hasil sebenar yang diterima adalah dalam bentuk terimaan daripada Kerajaan Persekutuan kod dia lain, Kod 82000 Dana Khas dan dikategorikan sebagai Terimaan Bukan Hasil. Kod 82000 Terimaan Daripada Agensi Kerajaan, di bawah Kod 82385 Pemberian Dana Khas. Bajet kita buat dalam bentuk Hasil Cukai tetapi sebenarnya Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Pusat. Sebagai contoh saya sebut pada tahun 2009 kita jangka RM1.537 bilion tapi hakikat sebenar pendapatan kita hanyalah RM1.21 bilion. Itulah menunjukkan defisit yang berterusan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam jawapan kepada Soalan Lisan Wakil Rhu Rendang berhubung dengan isu nak mengembalikan bayaran royalti petroleum. Saya nak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat dan kita jenis orang kata terima hakikat dan inilah yang selama ini kita sebut dan kita ulang kerana selepas lebih daripada 10 tahun bahkan dah 11 tahun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Semenjak kita dinafikan royalti petroleum, sejak tahun 2000

ianya kita harap sungguh-sungguh dapat dikembalikan sepertimana disebut dalam jawapan semalam iaitu pada bulan Mac 2011.

Dato' Yang Dipertua, saya mencelah semalam berhubung dengan isu royalti ini ada dua komponen. Saya nak perjelaskan supaya Kerajaan Negeri ambil suatu tindakan yang wajar. Saya nak sebutnya begini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang pertama sekali kita berharap dibayar balik 5% kepada Kerajaan Negeri oleh Petronas sepertimana dalam perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Petronas pada 22hb Mac 1975 dan pembayaran ini dibuat dua kali setahun bulan Mac dan bulan September pada setiap tahun ikut perjanjian asal. Dan yang keduanya, yang ini saya nak pertikaikan sikit berhubung dengan kes rundingan yang dilakukan antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Kewangan. Pembayaran balik jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti petroleum Terengganu yang digunakan oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri selain daripada Terengganu Sabah dan Sarawak dan Syarikat Perumahan Negara. Saya nak sebutnya begini kerana isu royalti ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini saya nak pertegaskan isu pengkhianatan UMNO kepada Negeri Terengganu dan rakyat Terengganu. Pengkhianatan ini jelas dan saya bila sebut setiap kali sama ada dalam sidang Dewan ke ataupun di Parlimen ke, saya nak ungkit sedikit soal sejarah biar kita faham macam mana pengkhianatannya, kata nak bela Melayu, ketuanan Melayu tapi inilah pengkhianatan dilakukan. Kerana sebelum dinafikan dan dirampas royalti petroleum oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu daripada tahun 1978 sehingga tahun 2000 selama 22½ tahun telahpun menerima hasil royalti sebanyak RM7.2 bilion. Daripada tahun 1978 hingga tahun 2000 sebelum ditamatkan, waktu kami diamanahkan untuk menjadi Kerajaan di Negeri Terengganu. Pada hal kita semua tahu setelah diluluskan Akta PDA 1974 *(Petroleum Development Act)* dengan izin, Petronas telah menandatangani dengan semua Kerajaan Negeri termasuk Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan dan seluruh negeri-negeri lain. Dan perjanjian dengan Kerajaan Negeri Terengganu ditandatangani pada 22hb Mac 1975, Akta PDA 1974, tahun depan, seterusnya ditandatangani dan Negeri Kelantanpun ditandatangani pada 9 Mei 1975, kita tandatangani dulu barulah Negeri Kelantan. Selain daripada akta dan perjanjian, ada satu lagi surat perjanjian yang bertarikh 16 September 1987 antara Petronas dan Kerajaan Terengganu berhubung dengan persetujuan, Pengiraan, Bayaran Royalti Kepada Kerajaan Terengganu Oleh Petronas Bagi Pengeluaran Petroleum *(Computation Of Royalty Payment To The Government Of The State Of Terengganu By Petronas For The Production Of Petroleum)* dengan izin. Ini ada dua perjanjian, dua perjanjian berdasarkan akta dan yang saya nak sebut pengkhianatan yang dilakukan oleh UMNO Terengganu. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sekadar untuk rekod hampir setiap kali bersidang saya tanya dan untuk yang terakhir, dalam Parlimen baru-baru ini dari

tempoh 2000 sehingga September, 2009 jumlah royalti yang patut dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu ialah RM18.67 bilion dan telah dibayar tunai RM8.91 bilion dan dibayar dalam bentuk projek, program yang dibuat di Terengganu termasuk airportlah, lebuh rayalah, macam-macamlah RM7.72 bilion. Kerajaan Pusat masih menyimpan duit kita untuk bayar tanggungan untuk projek dan program di Terengganu, dia simpan dah duit takut nak bayar projek-projek hak sedang berjalan sebanyak RM2.04 bilion .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini jumlah royalti yang digunakan di negeri-negeri lain, yang saya kata pengkhianat ni duit royalti yang digunakan oleh negeri-negeri lain selain daripada Terengganu, Sabah dan jugak Sarawak dia guna duit kita RM1.69 bilion.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat, ya. Masa 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya .... bagi masa saya bercakap pasal .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila. Saya bagi tahu masa aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Biar ini diberikan penjelasan kerana kita bincang soal Bajet, Bajet ini cukup menggerunkan kita jadi biar kita fokus. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu belum masuk lagi Syarikat Perumahan Negara RM873 bilion. Jadi itu sebabnya jawapan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam, alhamdulillah, saya ucap terima kasih, kita berjuang, sanggup bayar balik royalti untuk sepertimana dalam perjanjian asal dan kita harap begitu, perlu ada hitam-putih sebelum ditarik balik saman di mahkamah. Tetapi yang saya nak pertikaikan kalau sekadar komponen kedua tadi, dibayar RM200 juta sahaja selama 10 tahun sebagai bayaran balik hanya RM2.2 bilion lebih kurang jauh daripada duit yang telah digunakan oleh pihak kementerian dan negeri-negeri lain terhadap duit kita, hak kita yang berjumlah RM18.67 bilion. Jadi itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya harap sungguh-sungguh supaya hak setuju tu setujulah tapi jumlah itu amat sedikit dan ini tidak boleh dinafikan. Saya bila baca Laporan Audit berhubung dengan kes guna duit kita oleh negeri-negeri lain, Kedah masa diperintah oleh Barisan Nasional, Kelantan waktu dibagi kepada JPP sehingga tahun 2005, juga ke negeri-negeri lain macam-macam dia *ecer.* Di Kedah dia beri kepada Ketua Puteri UMNO untuk

kelas tuisyen duit kita tu. Di Negeri Sembilan hebat lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia guna duit kita untuk ubahsuai Rumah Tetamu Kerajaan Negeri Sembilan dan untuk Kediaman Rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Dan duit kita digunakan lagi untuk berbagai-bagai lagi tetapi kalau nak senarai tu banyak Yang Dipertua. Tetapi yang nak beritahu tentang pengkhianatan yang dilakukan oleh UMNO/Barisan Nasional Negeri Terengganu terhadap duit royalti ini. Begitu lama kita nak selesai tetapi kita cukup rasa kecewa dengan suasana yang ada sekarang ini. Saya nak tanya jugak Yang Berhormat Yang Dipertua berhubung dengan kes/isu Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam berhubung dengan Bajet di muka surat 48, perkara 72 berhubung dengan kes pengiktirafan kepada Lapangan Terbang Sultan Mahmud pada hal kitalah satu-satunya negeri dibina lapangan terbang yang ada dua komponen, bangunan terminal RM130 juta dan jugak memanjangkan landasan *(runaway)* RM530 juta jumlah RM660 juta, satu-satunya negeri digunakan duit negeri untuk bina airport, negeri lain takdok dalam Malaysia ni begitu tapi apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam di muka surat 48, dahlah guna duit kita untuk ..... Dengan izin: "Bagi mempastikan kelancaran operasi Penerbangan Haji Terus Daripada Kuala Terengganu ke Jeddah Kerajaan sumbang pulak RM3.8 juta untuk 2 tahun (2010 – 2011)." Untuk Firefly beroperasi dari Kuala Terengganu ke Singapura bagi pulak bagi tempoh 2 + 1 tahun RM400 juta. Saya tak faham ini, bagi untuk benda pulak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: RM400,000 Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Maaf, ya RM400,000 minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua, saya banyak perkara lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila gulung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung, dah lebih masa saya beri tu. Kesimpulanlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia dok simpul lagi ni tapi tak apalah ... (Dewan Gelak) .....

Di Parlimen kita boleh berunding Yang Dipertua. Jadi saya nak sebutnya begini Yang Berhormat Yang Dipertua. Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan, di peringkat mengamalkan dasar *Financial Apartheid* dengan izin. Saya guna tak tahulan betul ke tidak istilah tu, bila kita sebut *apartheid* ini dia melibatkan bangsa, kaum tapi dari segi kewangan itulah dasar yang digunakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Saya sebutkan perkara ini kerana yang menjadi mangsanya negeri-negeri, kalau di Malaysia ni Kelantan sampai sekarang dinafikan royalti petroleum, peruntukan pembangunan dipotong. Dalam negeri kitapun begitu. Tadi dibincang soal Imam dan Bilal, Wakil Jabipun tanya Imam PAS ke Imam UMNO. Dah bakpe Imam PAS ke, UMNO ke bukan Imam belaka ke? Yang inilah dasar *apartheid* yang digunakan. Dan saya nak kod juga satu lagi Yang Dipertua, berhubung dengan ....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, mintak laluan sikit Yang Berhormat Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak. Kalau Yang Berhormat beri masa saya bagi kalau tidak lepas ini kita bincang semula.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dia akan bagi masa sikit aje.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua akan tambah tak masa ke saya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seminit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takmboh beri, seminit saya takmboh beri .... (Dewan Gelak) .... saya ada banyak lagi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bukan nak sejam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau 10 minit saya beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habiskanlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh beri saya 10 minit lagi, boleh, boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, habiskan ucapan Yang Berhormat. Selesaikan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takmboh beri jugak. Sorry, sorry. Saya sebutkan dasar *apartheid* ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, negeri-negeri diamalkan sebegitu rupa dari segi *financial,* dari segi dasar kewangan. Saya tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhubung dengan kes baru-baru ini yang kita bincang iaitu pertambahan Bajet peruntukan ADUN sebagai contoh. Kita semua ADUN dipilih oleh rakyat tetapi peruntukan ADUN Barisan Nasional dapat kami tak dapat pada hal kami di waktu kami memerintah kami tak buat kerja benda yang tak adil. Perkara ini saya sebutkan kerana Yang Amat Berhormat dalam ucapannya menyebut berhubung dengan nak melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan adil, lepas itu baca pulak tu maksud ayat Surah An-Nissa' ayat 58. Lepas tu kata pulak: "Kita hendaklah mengenepi perbezaan politik dan ideologi ...", ini dalam ucapan ni. Saya nak sebut aje, waktu kita memerintah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita bagi walaupun RM100,000 termasuk Yang Berhormat Yang Dipertua dan Wakil Ajil, masih ada dua orang dalam Dewan ini. Kita bagi tetapi sekarang ini dinafikan, ini dari segi *Financial Apartheid.* Saya bukan sahaja hak Parlimen RM1.5 juta dinafikan, hak Negeripun dan negeri ini pulak kami ni Yang Berhormat Yang Dipertua dah naik dah tahun 2008 satu ADUN dapat RM200,000 itu pasal dia ada 5 kategori iaitu bantuan yang diberikan ada 5 perkara iaitu Bantuan Am, Bantuan Pembangunan, peruntukan Jawatankuasa Agama Peringkat Negeri, peruntukan Ihya' Ramadhan dan jugak peruntukan Sambutan Hari Raya. Saya nak sebut daripada lima ini peruntukan Bantuan ADUN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ayat akhir Yang Berhormat. Lebih banyak dah saya beri ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): RM200,000 tahun 2008, tahun 2009 naik RM250,000, sekarang naik lagi ke RM400,000 Bantuan Am bagi setiap ADUN. Lepas tu pulak Bantuan Pembangunan naik lagi serupa jugak daripada RM200,000 naik ke RM300,000 pada tahun lepas dan tahun ini RM400,000. Jadi dua peruntukan ini sahaja seorang ADUN hak tu confirm RM800,000. Ahli Parlimen hak lawan saya kalah dahlah saya dinafikan hak RM1.5 juta dari peruntukan Parlimen .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan Ahli Parlimen.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... hak *State* bagi pulak RM200,000 kepada Ahli Parlimen yang kalah, eh ..... maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Calonlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Minta maaf, minta maaf. Calon hak kalah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habiskan Yang Berhormat, saya dah bagi 7 minit lebih dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nanti dulu, nanti dulu. Lepas tu tambah pulak jadi RM400,000. Saya nak sebut ni macam mana ni? Kami tak kisah, kami tak ada masalah tapi sama-sama *deme* tak ucap terima kasih tu, sama-sama dia hak peruntukan banyak tu tak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi inilah dasar *Financial Apartheid* yang saya nak sebutkan di sini dan Bantuan Hari Raya termasuk ADUN Bandar boleh jugak, hak dok puasa boleh jugak RM5,000 .... *(Mikrofon seterusnya dikawal oleh Yang Dipertua Dewan).*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat masa dah cukup. Sila duduk Yang Berhormat. Saya dah bagi notis banyak kali dah, rasa dah cukup dah. Sila Yang Berhormat, saya nak beri ruang kepada kawan-kawan kita yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sabar dulu. Saya nak ucap terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ketua Pembangkang kita bagi 30 minit Yang Berhormat. Elaun 5 minit. Yang Berhormat 20 minit, elaun 7 minit dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cukuplah, terima kasih banyaklah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Saya jemput mana-mana Yang Berhormat lagi yang hendak berucap, berbahas. Sila. Ya, Sura. 20 minit Sura bermula 12.17 pagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahir rahmanir rahim. *(Seterusnya membaca beberapa petikan ayat Quran/ Doa sebagai mukadimah).* Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Saya berterima kasih kerana diberi ruang dan peluang untuk membahaskan Ucapan Bajet Dato' Seri Menteri Besar bagi Negeri Terengganu, Bajet 2011 dengan tema 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Tema yang sama seperti pada tahun pembentangan bajet bagi Bajet 2010. Saya nak peringatkan kerana pernah berlaku bila bekas Menteri Pelancongan menggunakan tema yang sama dalam Sambutan Bulan Kemerdekaan tidak panjang dia jadi Menteri, jadi sayapun bimbang jugak takut Menteri Besar ni bila ulang-ulangpun jadi macam bekas Menteri Pelancongan itu jugak. Jadi saya nak peringatkan supaya kerangka ini dibina di atas asas yang benar kerana permulaan ayat yang disebut dari Suratul Furqan, ayat 63 diambil dari asas ayat (membaca petikan ayat 63-66, Suratul Furqan) kemudian barulah ayat 67 ini (membaca petikan ayat Suratul Furqan, ayat 67) yang bermaksud dari ayat 63 hingga 67: "Dan hamba-hamba Allah Tuhan Ar-Rahman ialah orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menegur mereka, mereka mengucapkan kata-kata yang mengandungi keselamatan. Dan orang-orang melalui malam hari dengan bersujud dan berdiri untuk Tuhan mereka dan orang-orang yang berkata dalam doa mereka:"Ya, Tuhan kami jauhkanlah azab Neraka Jahanam dari kami sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasaan yang kekal, sesungguhnya Jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat menetap dan tempat kediaman. Dan orang-orang yang apabila membelanjakan harta mereka tidaklah melampaui batas dan tidak bakhil, kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara boros dan bakhil itu". Ayat ini menunjukkan kepada kita perbelanjaan berimbang yang sepatutnya diamalkan oleh Kerajaan. Tetapi dalam muka surat 4, terus kita lihat ayat ini tidak tepat dengan kedudukan kewangan Negeri sehingga Akaun Hasil Disatukan telah mengalami defisit yang besar RM699.01 juta pada tahun 2009 kerana sebabnya dari Anggaran Bajet 2007, 2008 dan 2009 yang dibentangkan pemberian Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan tidak sampai seperti yang dijangka. Menunjukkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam Bajet yang dikemukakan ini, tentulah kalau 3 tahun berturut-turut Bajetnya meningkat sehingga akhirnya defisit yang besar bagaimana pula pada tahun yang akan datang dengan Bajet yang besar yang dikemukakan pada tahun ini tentulah apabila perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan yang akan dibuat akan melibatkan lebihan-lebihan yang menambahkan lagi defisit Negeri. Sebab itu saya ingin untuk peringatkan Kerajaan supaya benar-benar meletakkan tema ini menjadi tema sebenar, sesuai dengan rakyat dari segi pentadbiran dan pembangunan. Kerana angka-angka yang dibentangkan bila melibatkan unjuran-unjuran yang melibatkan bagaimana pengangguran akan berkurangan, kadar inflasi akan berkurangan dan lain-lain. Angka bila ianya subjektif yang tidak dapat kita ukur maka ia menjadi sesuatu

yang tidak boleh kita terima bulat-bulat. Saya nak beri satu contoh, dalam Soalan Bertulis daripada ADUN Manir: "Jumlah penarik beca yang masih cergas beroperasi di dalam negeri ini mengikut daerah?" Ini jawapan bertulis, angka rasmi Kerajaan kepada kita Ahli Dewan:

Daerah		Bilangan Penarik Beca
Kuala Terengganu	-	25 orang
Kemaman	-	4 orang
Besut	-	5 orang
Lain-lain daerah	-	Tiada

Pada hal di Dungun ada lebih 5 orang penarik beca ini, maknanya angka yang terus kita boleh kirapun sudah dalam laporan bertulis diberi sebagai jawapan sudah tidak tepat. Maka bagaimana dengan angka-angka subjektif yang kita tidak boleh tahu benar atau tidak unjuran-unjuran angka itu kerana kita tidak boleh capai dengan pengiraan sebenar yang kita boleh lihat di depan mata. Kalau jawapan penarik beca yang masih adapun kita kata takdok kita boleh bayang bagaimana angka-angka unjuran yang dibentangkan dalam Buku Bajet ini. Sebab itu semalam dalam jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan jumlah negeri yang mempunyai penduduk yang termiskin yang paling ramai. Nombor satu, Sabah, kedua Sarawak, ketiga Kelantan, keempat Kedah tapi dia tak jawab dengan biasa begitu dia kata patut dah, Kelantan miskin patut dah, Kedah miskin, nombor lima baru Terengganu. Saya nak sebutkan bila kita bercakap biar kita bercakap dengan perbandingan sebenar. Mari kita tengok kuasa beli rakyat Kelantan, Bajet yang dibentangkan tidak besar RM500 juta, kita RM1.887 bilion tapi mari kita melihat kuasa beli rakyat Kelantan. Bajet tidak besar Kerajaannya bentangkan, nanti kita buat perbandingan ibu negeri. Kuala Terengganu dibanding dengan Kota Bharu, mana yang lebih besar dan cepat pembangunannya? Betul kita kata dia termasuk dalam negeri termiskin dari segi angka, rakyat termiskin tempat ketiga. Tapi lihat kuasa beli rakyat, lihat pertumbuhan pembangunan, lihat bagaimana perancangan pembangunan yang dibuat. Kita lihat sebab itu kita bandingkan dengan Terengganu ni, sampai 3 tahun bentang Bajet setakat yang kita ada dalam Dewan ini RM6 bilion lebih tapi apa hakikat yang rakyat di bawah sampai/dapat? Ini kita kena tengok. Sebab itu saya nak mintak biar Wakil Kerajaan yang memberikan jawapan itu sebut dengan secara biasa jangan sebut patut dah, molek dah, padan dah. Kita tolong ambil perbandingan, Mercang yang ada dalam kawasan Pengkalan Berangan kita banding dengan Macang, Kelantan, mana lebih maju? Kita ambil Rantau Panjang di DUN Bukit Besi di Hulu Dungun kita bandingkan dengan Rantau Panjang di Kelantan, mana yang lebih maju? Kalau kita nak nisbah perbandingan namapun *selak* dah. Durian Mas (AMBS) kita bandingkan dengan Pasir Mas, mana yang lebih maju?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat patut adil jugak, itu daerah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Biar saya cakap, Yang Dipertua jangan masuk campur.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perbandingan Yang Berhormat patut adil jugak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak, biar saya bercakap lepas itu biar pihak Kerajaan jawablah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah. Yang Berhormat jangan kelirukan Dewan. Saya tegur.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya nak sebut sebab dia kata patut dah, molek dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar Yang Berhormat molek jugak, nanti orang kata tak molek Yang Berhormat pulak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak apalah. Tapi saya nak sebutnya supaya bila kita buat perbandingan kalau dia boleh cakap begitu kita boleh cakap begitu jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab Yang Berhormat senang Mercang dengan Macang, Macang tu satu daerah Yang Berhormat, Mercang ni kampung kecil saja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Dah yalah, saya nak sebut nama. Dah dia kata molek dah, patut dah, sayapun boleh kata jugaklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi dok selesailah masalah kita.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak apalah, tak apalah tu tapi Yang Dipertua biarkan saya bercakaplah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan masalah tak boleh bercakap Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak apa, tak apa, saya nak pergi tang ke lain pulak. Insya Allah saya lari tang ke lain pulak. Tapi saya nak sebutnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita ni jangan jadi orang yang .... Inilah Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak apa, tak apa, saya nak sebutnya ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silalah, sila, dah taraf Yang Berhormat begitu, sila, silalah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Jawapan Kerajaan kelmarinpun mengelirukan jugak. Jadi kalau giliran dia Yang Dipertua tak tegur, kita Yang Dipertua tegur pulak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bercakap saya tegur .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): .... Jadi dacing senget sebelah ni Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk sekejap. Senget sebelah Yang Berhormat, insya Allah saya akan tegur jugak, sebelah nun belum bercakap lagi. Yang Berhormat nampak slow tadi macam kura-kura .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya sebut hak jawapan semalam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, duduk dulu. Saya nak bagi peluang Yang Berhormat bertenang dulu. Jangan kita beri jauh sangat sampai tak munasabah. Dalam Dewan ni Ketua Jabatan, Pemerhati ada, mereka ini orang berfikiran semua lebih pandai daripada kita ramai. Saya ambil masa Yang Berhormat 2 minit, saya tambah masa Yang Berhormat 2 minit.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Berapa minit lagi beri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kemudian yang keduanya Bajet besar ni mengapa dalam 3 tahun RM6 bilion ni, perkara yang perlu diberi perhatian ialah Sistem Penyampaian, sampai ke tidak kepada sasaran yang kita jangkakan Bajet ini patut disampaikan. Lepas itu dalam masa yang singkat ini saya nak peringat pihak Kerajaan supaya di antaranya contoh yang saya beri ialah PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin). Rumah siap, ada rakyat dalam DUN saya dia mari mintak peruntukan untuk sambung api, kemudian air. Kita tengok pasal apa jadi begini terpaksa kita keluarkan bila kita buat lawatan. Mengapa jadi begini? Sepatutnya siap sebuah rumah yang selesa untuk diduduki oleh orang yang berhak mendapatnya di bawah peruntukan Perumahan Rakyat Termiskin ini. Saya nak beri contoh supaya diberi perhatian, satu rumah di Kampung Nibong dijadikan homestay, Tanjung Homestay, ini ada gambar dia, kita turun buat siasatan, macam mana rumah PPRT boleh buat homestay pulak? Di Kampung Nibong berkenaan jugak, di tepi longkang satu rumah disewakan RM80 macam rumah PPRT boleh jadi sewa pulak? Walaupun kes ini satu-dua tapi kalau kita buat siasatan lebih banyak dia mungkin akan terbongkar lebih banyak perkara-perkara yang sebenarnya Sistem Penyampaian kita tak sampai kepada yang berhak yang sepatutnya menerimanya. Sebab itu saya mintak pihak Kerajaan buat siasatan, sangat penting sebabnya kita membentangkan Bajet yang besar tapi bagaimana dengan Sistem Penyampaian yang sepatutnya rakyat yang berhak menerimanya. Saya nak sebut benda-benda yang kecil-kecil kerana Yang Dipertua nak ambil masa, tak apalah. Kalau benda yang kecil seperti agihan buah kurma dalam bulan Ramadan menjelang Hari Raya Aidil Fitri baru-baru inipun boleh berlaku ketidakadilan. Sedangkan buah kurma ini rakyat boleh beli kalau tak sampai ke rumah-rumah berkenaan yang sampai kepada peringkat tak sampai agihannya. Tetapi kalau benda sekecil inipun tidak adil pembahagiannya dan selepas hari raya itu pulak Air Zam-Zam baru diedarkan. Kalau benda kecil sebeginipun tidak adil pembahagiannya bayangkanlah Penyampaian Sumbangan Basikal, Penyampaian Sumbangan Baju Sekolah, penyampaian benda-benda lain termasuk projek-projek, boleh kita bayang dan termasuk kita sendiri ni selaku ADUN, kita tidak peduli tapi yang penting biar kita tahu di mana orang yang pegang peruntukan ADUN itu, siapa yang pegang peruntukan ADUN supaya bila rakyat mari, kita boleh tunjuk ini dia, pergi ke sini kerana ada peruntukan ADUN Sura yang dipegang oleh sekian, sekian. Saya menerima maklumat pada bulan September sudah habis peruntukan ADUN Sura RM300,0000, maknanya ada sesuatu yang tidak kena sedangkan bila kita lihat kepada ucapan dari buku Bajet ini yang akhir Yang Amat Berhormat mintak supaya

kita sama-sama membezakan, mengenepikan, mengurangkan apa-apa perselisihan ideologi politik supaya kita menjadi lebih bertanggungjawab terhadap amanah rakyat. Sebab itu saya nak memperingatkan apa-apa juga peristiwa yang berlaku di dunia ini kita kena ambil contoh dan teladan. Korea Utara sekarang sedang berperang dengan Korea Selatan, satu bangsa Bangsa Korea, satu bahasa Bahasa Korea, satu negara, satu ugama, walaupun mungkin ada sebahagiannya mereka berasal dari Budha memeluk Kristian tetapi tidak boleh bersatu, ada Korea Utara, ada Korea Selatan, mengapa? Kerana perbezaan ideologi politik. Korea Utara ambil ideologi komunis, Korea Selatan demokratik demokrasi tidak boleh bersatu atas nama satu Korea. Mari, mari kita bentang 1Malaysia 1Ummah masuk dalam Hijrahpun 1Malaysia 1Ummah jugak. Bagaimana Islam ini bukan ideologi, Islam adalah Ad-Din maka sebab itulah bila kita ajak bersatu atas asas apa kita nak bersatu? Kita bersatu atas asas Islam sebab itu kita bercakap tentang ketuanan Islam sebab itu kita bercakap tentang ketuanan Islam dia membawa kepada kemuliaan Melayu. Kita berhak untuk mempertahankan Melayu sebab kita sebut Melayu itu Islam, kita bercakap atas Islam, kita berhak mempertahankan Melayu. Tapi tiba-tiba ada wakil hak kata bila pulak kita ni cakap hal Melayu ni pulak. Jadi saya minta maaf, walaupun Dato' Yang Dipertua kata ke saya tadi macam kura-kura itu betullah, memanglah injin disel ini dia lambat Dato' Yang Dipertua, *dang* dia panas tak apalah. Tapi saya nak mintak ingatan supaya dan benar-benar ambil ingatan biar sampai kepada pihak yang kita katakan tema kita ini 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. Saya nak pergi ke Dungun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulung Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Gulung dah?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit dengan Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah Yang Berhormat, biar dia perhabis.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak beri dah. Saya nak beri, Yang Dipertua takmboh beri. ....(dalam gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bimbang takut injin pergi tang ke lain. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya mintak Dato' Yang Dipertua, Dungun ni carca-merba sungguh lening sejak timbul

Majlis Perbandaran ni. Ini gambar bangunan Mc Donald hak tengah buat kerja, tengah-tengah buat, dengan *scaf folding ada,* boleh berniaga dah, siapa pulak beri kuasa berniaga ni? Bangunan sebelah dia siap, cukup lengkap tapi tak boleh buka sampai ke hari ini. Orang Dungun timbulkan persoalan, pasal apa jadi hak 5 tahun tak dapat lagi Sijil Layak Menduduki untuk berniaga. Tapi Mc Donald mari *dokdang* berapa hari, pasir tengah ada di bawah, tengah duduk buat, atas *scaf folding,* nampak *scaf folding* macam mana boleh berniaga dah? Akhirnya orang hantar memorandum, minta maaf kalau Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun adapun saya minta maaf, tolong tukarlah Yang Dipertua, Majlis Perbandaran ini tolong tukar. Saya membawa suara rakyat, rakyat hantar, kita telinga sakit, mata lagi sakit tengok surat dia yang banyak. Jadi saya minta tolong kalau Kerajaan ini 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' ini tolong tengok suara rakyat sebab kita mari dari rakyat. Satu lagi kalau nak sampai ke Dungun dia ada tulis 'Merakyatkan Perbandaran' maknanya Kerajaan Tempatan duk berebut dengan rakyat. Kawasan yang didirikan bangunan ini dulunya kita beri kepada 3 orang pengusaha Melayu yang mereka dapat bina restoran kecil-kecil 3 buah di situ, akhirnya diambil oleh Majlis Perbandaran Dungun dan dibuat bangunan lepas itu diberi sewa. Kita duk cakap di Dungun bukannya Ladang, Kuala Terengganu lebih mahal tanah dia daripada Dungun, kita cakap Melayu, Melayu, Melayu tapi Melayu kita halau.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selesai Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Ada satu lagi. Hak ni sebab itu saya mintak tukar ni. "MPD Tambahbaik Prasarana Jana Ekonomi. Majlis Perbandaran Dungun juga mengambil langkah untuk meningkatkan peluang niaga kepada bumiputera bersaing dengan lebih cekap dan berkesan dengan memberi unit perkedaian di kawasan tumpuan ramai terutama di pusat bandar Sura Gate Business Centre". Tapi bila siap bangunan yang dibuat ini harganya RM779,000 hingga RM1.2 juta. Hak ada sekarang RM250,000 pun orang Melayu tak berapa ramai yang beli. Jadi saya mintak tolong tengok sungguh-sungguh supaya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Dungun ini ditukarkan. Minta maaf. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua terima kasih kerana beri peluang kepada saya walaupun dalam keadaan kata saya sebenarnya bukan saya marah memang *pesen* saya cakap begitu. Minta maaf banyak-banyak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Walaikumussalam. Terima kasih Sura. *Pesen* Sura. Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat lain lagi yang ingin berucap. Sila Yang Berhormat Bukit Tunggal. 20 minit Bukit Tunggal. Saya jaga jam, insya Allah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *(Seterusnya membaca beberapa petikan ayat Quran/Doa sebagai mukadimah).* Yang dihormat Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, yang dihormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, yang dihormati Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati, muslimin dan muslimat sekalian.

Pertamanya, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua, memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas Ucapan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 13hb Disember 2010. Pada hemat saya sebagaimana jugak sahabat-sahabat saya yang lain saya perhatikan pada saya dua perbandingan 2011 dan 2010 yang diberikan kepada kita pada tahun lepas sama ada dari segi sumber hasil Kerajaan Negeri ataupun cara perbelanjaannya tidak ada apa-apa perbezaan yang ketara walaupun diubah slogan dikatakan nak menjana menghasilkan rakyat berpendapatan tinggi tapi saya *belek* satu-satu mengikut objek-objek sebagainya dengan program-program yang hendak dibuat, dengan harga dengan program kalau ada bezapun dalam 5% – 10% yang lain tu macam *copyright,* minta maaf. Oleh itu slogan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat memang sedap didengar, hebat tapi pelaksanaannya sama sebab itu walaupun Terengganu ini dah 32 tahun dapat royalti minyak RM6 bilion zaman Menteri Besar yang ada sekarang perubahan yang dirasai oleh rakyat tidak seberapa walaupun diberikan angka-angka yang saya akan pertikaikan selepas ini. Angka-angka yang diberikan oleh pihak Kerajaan tentang kemiskinan di Terengganu. Pertikaian ini juga bergantung kepada apa yang dibentangkan dalam buku yang sama, percanggahan yang sangat ketara. Kalau kita teliti satu persatu secara umum kalau dibaca sekali imbas memang cantik. Bila kita mengkaji baru kita tahu di mana kesilapan yang berlaku yang mana Audit dah tegur bermacam-macam tetapi tindakannya tidak ada oleh pihak Kerajaan.

Pertama saya nak sokong Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Kebergantungan Hasil Negeri sangat besar kepada sumber petroleum 90% dan hasil ini pulak sangat kabur kedudukannya hingga ke hari ini, adakah ini hak kita ataupun hanya ehsan orang? Kalau hak dinamakan royalti tetapi kalau Dana Khas atau Wang Ehsan, memang ehsan oranglah ikut suka orang nak bagi. Kita nak letak hargapun tak boleh, hak orang. Tapi sebagaimana Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam beritahu siapa yang memulakan cerita ini, kejadian ini itulah orang yang memperjuangkan Melayu, Melayu, Melayu. Tapi sebut keadilan, ketelusan tetapi akhirnya ini yang kita hadapi pada hari ini. Apa yang sangat membimbangkan saya ialah pertamanya, hasil ini saya sebut tadi sangat kabur kedudukannya hingga ke hari ini. Yang kedua pulak minyak ini kita tidak boleh nak menentukan

bila dia akan kering, bila dia akan hilang sedangkan selama inipun Kerajaan belum berjaya, saya duk perhati projek-projek yang dilaksanakan satu projek yang boleh menjana ekonomi rakyat untuk masa depan yang *sustainable* dengan izin, tidak ada macam negeri-negeri lain boleh meningkat hasil tapi kita makin merudum hasil. Apa akan jadi pada generasi yang akan datang yang akan mengambil alih pemerintahan dan rakyat yang akan hidup di masa yang akan datang sekiranya minyak ini sudah kering dan tidak ada lagi. Bila masa kita akan tunggu keadaan ini akan berlaku? Dah 32 tahun, Tuhan bagi peluang begitu banyak kepada kita tetapi kepimpinan yang ada yang kita duduk di bawah kepimpinan UMNO/Barisan Nasional yang saya boleh kata cukup gagal dari segi nak mewujudkan satu sumber ekonomi baru yang boleh menjamin masa depan generasi kita yang akan datang. Inilah perkara yang sangat membimbangkan saya khususnya generasi-generasi muda yang akan datang.

Kerajaan nampaknya hanya menumpukan kepada projek-projek mega yang ditambah peruntukan setiap tahun dengan alasan projek ini boleh menjana ekonomi rakyat tapi hasilnya sebagai contoh saya beri ialah kalau di kawasan Bukit Tunggal, Kuala Terengganu ini ialah Monsoon Cup, dah berapa tahun dilaksanakan, dah berapa banyak Kerajaan melabur untuk Monsoon Cup, ratusan juta. Kehidupan rakyat di Pulau Duyong tidak berubah-ubah dari segi ekonominya, daya belinya, kehidupan persekitarannya, boleh pergi tengok hari inipun dan saya hari-hari masuk kampung, kehidupan mereka tidak berubah walaupun dah berapa tahun Monsoon Cup. Kerajaan pulak tidak jugak buat untuk menjana ekonomi daripada situ kalau tidak sudah masuk dalam laporan penambahan ekonomi sumber hasil selain daripada petroleum, tetapi tidak jugak. Kerajaan jugak tidak ada faedahnya dan rakyat jugak tidak merasai nikmatnya, cuma boleh rasa seronoklah selama 5 hari, boleh tengok orang ramai mari ke kampung kita. Boleh seronok, seronok sahaja yang dapat. Cuba fikir generasi yang akan datang? Lepas itu bila tamat tempoh Monsoon Cup apa nak dibuat pulak? Begitu jugak dengan Taman Tamadun Islam (TTI) tidak jugak menjana ekonomi Kerajaan ataupun rakyat, tahun ini nak membangun lagi mintak lagi peruntukan RM9 juta, hak dulu dah RM260 juta dan setiap tahun mintak lagi tambahan duit, hasilnya tidak seberapa dirasai oleh rakyat.

Jugak begitu yang berlaku kepada curahan duit di Kenyir, setiap tahun tidak kurang Bajetnya, tahun lepas RM50 juta peruntukan untuk pelancongan di Kenyir, tahun ini RM50 juta lagi dan tambah RM40 juta untuk Pulau Bebas Cukai, RM90 juta. Saya telah pergi beberapa kali ke Kenyir jugak saya dapati rakyat di sekitar itu di Kampung Basong dan sebagainya masih hidup dalam keadaan lama tidak banyak perubahan. Jalan untuk rakyat untuk akses ke Kenyir berlubang-lubang kalau kereta-kereta tak tahan boleh tercabut tayar. Jalan nak keluar ke Aring pulak telah berapa lama siap lebuh raya itu tapi tak pernah dibuka sehingga ke hari ini, tidak ada kemudahan keselamatan. Jadi kalau jalan masuk, jalan keluar tidak siap, kita

bangunlah apa-apa di situpun maka akhirnya nikmat itu siapa yang perolehi? Contoh saya bagi Pulau Burung, ada Soalan Bertulis saya, dah 5 ekor dah matinya. Beli itik-angsa, setahun dah, macam mana beli awal sangat, beli setahun simpan dulu. Beli pada September 2009 baru masuk ke Pulau Burung yang baru siap pada bulan 10 baru-baru ini dan telah mati 5 ekor, harga kesemuanya RM221,000, RM100 satu ekor. Jadi perbelanjaan yang begitu besar dan kenikmatan yang dirasai secara langsung oleh rakyat tidak seberapa. Begitu jugak buat Pulau Bebas Cukai, saya rasa bila Bebas Cukai ini berkait dengan barang-barang import. Kalau rakyat di Bukit Tunggal berpendapat RM1,000 – RM2,000 ke bawah tak mampu, tak *temu'alah* orang Terengganu kata kalau nak pergi beli barang import di Pulau Bebas Cukai itu padan kat Mydin dengan Giant aje, itupun dah tak cukup *pitih* dah, hargapun lebih murah. Dan yang akan dapat hasilnya siapa? Orang yang berada, berpendapatan tinggi RM4,000 ke atas dengan kos perjalanan dan sebagainya, memang kita nak menggalakkan pelancongan tapi siapa yang menikmati hasil yang kita buat itu penting.

Oleh kerana itulah kita dapati tidak banyak perubahan dari segi taraf sosio ekonomi rakyat Terengganu. Walaupun pihak Kerajaan mengatakan bahawa kadar kemiskinan di Terengganu sudah berkurangan, okey, saya terima. Itu yang Kerajaan beritahu. Tapi dalam masa yang sama peruntukan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya Bantuan Am tidak berubah RM49 juta jugak, tahun inipun RM49 juta, tahun lepaspun lebih kurang RM49 juta. Dia kata telah dapat keluarkan daripada senarai E-Kasih di bawah Jawapan Bertulis iaitu 9,931 orang. Saya duk kira-kira, congak-congak bodohlah, congak-congak begitu ajelah, sepatutnya kalau 9,931 orang kalau RM200 seorang sebulan bantuan Kerajaan selama ini, Kerajaan patut potong bajet ini RM23 juta dah ramai terkeluar dari miskin kenapa peruntukan masih sama? Menunjukkan kemiskinan itu mungkin, mungkin saya sebut sebab pernah dijawab oleh Exco dulu kerana Bantuan Bulanan yang diberi oleh pihak JKM, memanglah pendapatan mereka akan bertambah tetapi dengan Bantuan Bulanan (One-off) bukannya mendapat pekerjaan baru menambah pendapatan lain, sekat saja bantuan habis miskin balik. Macam Negeri Terengganulah yang bergantung kepada Duit Ehsan, sekat Ehsan mampus, tinggal 10%. Miskin, papa kedana dan mungkin muflis kalau Kerajaan Pusat sekat atau minyak sudah tidak ada. Begitulah orang miskin di Terengganu dibela dengan cara yang sama oleh kerana Kerajaan mengamalkan dasar yang sama maka dia *transfer* dasar itu kepada rakyat. Inilah yang berlaku, rakyat Terengganu harus memandang benda ini satu perkara yang serius. Contoh satu lagi saya bagi yang mudah. Soalan Bertulis, "DUN Kijal .....", minta maaf kerana ini ada dalam Soalan Bertulis. "Bantuan Dana Hari Raya." Tahun ini yang menerima sahaja, minta maaf, selalunya orang yang menerima bantuan ini orang miskin, orang kaya yang berpendapatan RM2,000 – RM4,000 takkan nak terima jugak, malulah, seramai 4,620 orang. Ramainya orang miskin di Kijal, itu satu DUN. Kalau saya ambil ini sebagai satu *indicator*

untuk seluruh Negeri Terengganu kali dengan 23 DUN maka dia ada jumlah lebih kurang 147,000 orang miskin di Terengganu yang masih mengharapkan bantuan Kerajaan. Inilah keadaan sebenar kalau kita tengok angka-angka ini, ini tidak termasuk lagi yang MAIDAM. Jadi di mana kebenarannya? Adakah benar-benar data E-Kasih itu telah berkurangan ataupun fakta ini yang tidak betul tetapi ini semua jawapan dalam buku yang sama. Tak tahulah takut di Kijal sahaja ada orang miskin di Bukit Tunggal tidak ada, di Ajil tidak ada, di Wakaf Mempelam tidak, di Ladang tidak ada ....(Dewan Gelak) .... Di Ladang ada orang-orang kaya belaka sebab dia ada ladang tetapi hakikatnya bila saya ambil secara purata itulah nilai yang akan kita lihat. Dan saya rasa angka ini tidak jauh sebenarnya kalau kita tengok jumlah yang menerima Dana Bantuan Hari Raya kita boleh tengok dalam laman web Kerajaanpun ada menyiarkan berapa ramai yang terima Bantuan Hari Raya yang memang yang patut menerima Bantuan Hari Raya ini adalah orang miskin.

Kerajaan juga banyak menghabiskan duit dengan Zoo. Zoo ini sudah berapa kali diberi peruntukan dan tahun ini tambah lagi RM20 juta untuk Zoo Bukit Takal. Banyak mana hasil yang boleh membantu memperkayakan orang Kemaman ataupun boleh membantu hasil Kerajaan Negeri memang tidak ada sebab setakat ini tidak nampak penambahan hasil yang ketara dalam hasil Kerajaan Negeri walaupun banyak duit dibelanjakan di Zoo Bukit Takal ini.

Oleh itu, saya mengambil peluang ini untuk mintak sungguh-sungguh kepada pihak Kerajaan dengan masa yang masih ada mungkin, saya sebut 'mungkin', pasal janji Barisan Nasional bukan boleh dipercayai sangat, dulu janji nak bagi royalti masa Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, sampai bawa cek besar dah (replika) RM408 juta untuk royalti. Lepas itu janji tahun depan pulak nak buat mari royalti tapi janganlah 'sinakap sinohong gelama ikan duri, cakap bohong lama-lama mencuri' dan orang-orang macam itulah yang kita harus berhati-hati sebab dia akan menjadi pemimpin kita di suatu hari.

Kita harap sungguh-sungguh supaya bila dapat duit ini yang jumlahnya cukup besar saya rasa dengan bayaran tunggakan walaupun Wakaf Mempelam tidak setuju dibayar RM200 juta setahun tetapi besar dah untuk Negeri Terengganu ini. Biarlah dia bayar 20 – 30 tahunpun, kita tunggulah duit itu. Dan akan dibayar bulan Mac janjinya tapi kita pegang janji ini. Kita tunggu Persidangan yang akan datang kalau Dewan ini dilanjutkan lagi tapi kalau pilihan raya sebelum itu wallahuwa'alamlah, benar janji ini dikota ataupun tidak. Kita menjadi saksi semua yang hadir pada hari ini. Dan kita boleh sebutlah siapa yang berbohong, siapa yang membela orang Melayu, siapa yang membela agama dan sebagainya, pegang janji ini, saya akan ingat pada Persidangan yang akan datang, insya Allah. Kalau duit ini dapat maka fikirlah, Kerajaan yang ada hari ini fikirlah bagaimana supaya

boleh mewujudkan suatu sumber ekonomi yang *sustainable* dengan izin, untuk kita tinggalkan kepada generasi yang akan datang sebab kemungkinan minyak ini akan kering dalam masa 10 – 15 tahun lagi. Oleh itu, janganlah kita buang masa kita dan duit kita dengan projek-projek yang nampaknya mega, seolah-olah kita ni negeri yang kaya, tidak ada masalah, duit mari bertimbun-timbun, berbelanja sesuka hati tapi tumpulah kepada projek-projek yang boleh membantu rakyat.

Dan projek-projek yang sedang berjalan yang saya kira sepatutnya boleh memberi pulangan ekonomi kepada rakyat hendaklah dibuat pemantauan dengan cermat dan oleh Kerajaan sendiri ataupun agensi-agensi yang terlibat supaya peruntukan yang kita beri kepada Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan sebagainya itu benar-benar boleh beri menafaat kepada golongan sasar. Itu yang kita harapkan semoga kita sama-sama berbincang hari ini untuk melihat Terengganu yang lebih cemerlang di masa yang akan datang, insyaAllah supaya anak cucu kita tidak mengutuk kita bahawa kecuaian hari ini menyusahkan kehidupan mereka di masa yang akan datang.

Saya nak pergi kepada isu beberapa isu pembangunan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2½ minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya Allah! Yang Dipertua tak dok beri elaun semasa ke? Baru satu isu, ada lima-enam isu lagi ni, terpaksa pilih yang penting-penting. Hak banjir, saya sokonglah, ADUN Tepoh dah sebut buat perancangan yang terperinci sebelum sesuatu pembangunan yang dibuat. Saya hanya nak sebut sikit aje berkait dengan Jambatan Pulau Sekati kerana suatu masalah yang kita hadapi. Tahun lepas buat projek bajet RM3 juta tetapi tiba-tiba dibatalkan, tahun ini masuk pulak bajet RM1 juta nak buat jambatan mana pulak satu tak tahu, dalam buku bajet ada menjelaskan perkara ini, hak batal hak mana, hak nak buat hak mana? Sayapun tak faham, mintak penjelasan daripada pihak Kerajaan. Saya dengar-dengar nak buat jambatan ikut Seberang Takir pulak, yang mana satu ni saya tak tahu dah fokus Kerajaan, Bukit Datupun belum jadi apa bendapun lagi dan kajianpun tak buat, ini nak mari ikut Seberang Takir pulak dah. Tak tahulah Kerajaan ni, apa nak jadi.

Saya nak sebut yang terakhir pasal masa saya terhad sangat dah. Berkait dengan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, saya memanglah rasa sedih tu sedihlah, buat, buat dah dengan belanja RM690 juta dengan landasan dengan terminal yang canggih yang dibina di atas hasil air mata rakyat yang terpaksa berkorban tanah meraka pindah keluar dan mencari di mana-mana tanah kalau boleh dibeli. Kita tidak nafikan Kerajaan membayar gantirugi dengan harga yang

agak tinggi tapi nak cari tanah di sekitar di kawasan Gong Badak ini agak sukar sekarang, kalau awak ada duit orang tak nak jual tak boleh beli jugak kalau adapun tanahnya tidaklah sebaik tanah yang mereka serahkan kepada Kerajaan. Sungguh malang sehingga hari ini sebagaimana Wakil Tepoh ada sebut lapangan yang sepatutnya boleh jadi Lapangan Terbang Antarabangsa yang boleh terbang terus ke destinasi luar negara hanya digunakan dah 2 - 3 tahun lebih hanya untuk pergi ke Makkah sahaja dengan 6 - 8 penerbangan setahun lepas itu nak buat Umrah, tak berbaloi. Kita telah berbelanja begitu besar dengan pengorbanan rakyat serah tanah kepada Kerajaan kalau itulah matlamatnya hanya nak pergi ke Makkah setahun sekali ni .... Allah! Inilah sebabnya tidak menjana ekonomi rakyat, buat projek yang tidak memulangkan ekonomi, lepas itu nak beri subsidi lagi pulak kalau Firefly mari, hai .... masyaAllah! Duit lagi! Adakah ini boleh menguntungkan rakyat ataupun Kerajaan ataupun merugikan Kerajaan dan rakyat sekaligus? Ini patut difikir, rancang dulu nak buat ni, kalau destinasi MAS macam mana perjanjian, penerbangan ke luar negara banyak mana, pelancong mari banyak mana, apakah sumber ekonomi Terengganu yang boleh menarik pelancong mari. Ini tak, buat dulu. Macam itulah beli angsa dulu, pulau tak buat lagi tapi angsa beli dah, mampus.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sikit lagi saya nak sebut. Dan juga rakyat terpaksa menanggung risiko dengan pantai yang rosak yang selama ini boleh menikmati keindahan Pantai Lapangan Terbang, ini habis hancur. Pengorbanan besar rakyat beri kepada Kerajaan, menyokong pembangunan tetapi Kerajaan gagal memanfaatkan pembangunan yang atas air mata rakyat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sebab itu saya rasa Kerajaan hari ini cukup gagal dalam membangunkan rakyat Terengganu untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Terengganu dalam keadaan harga barang yang semakin mahal hari ini angkara Kerajaan Pusat potong subsidi kerana nak jimat belanja rakyat yang terkorban, rakyat yang dikorbankan kroni yang diangkatkan. Wallahuwa'alam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Letih saya dengar, tiga ucapan Ahli kita ini meletihkan saya sungguhlah, tak ada satupun yang kena, saya ingat Yang Berhormat yang berucap petang karang lepas makan

jangan bagi letih Yang Dipertua lagilah. Sebelum kita bersurai saya nak maklumkan yang semalam terumum awal, jamuan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada kita semua termasuk Pemerhati, Ketua Jabatan dan Ahli Yang Berhormat di tingkat 18. Pemerhati kalau nak ke tingkat 18 pun boleh jugak tetapi kalau tak cukup di sana kita ada juga menyediakan di Dataran U2. Saya jemput semua sekali untuk makan kerana kita ambil kira kehadiran tuan-tuan dan semua sekali dan kita sediakan makanan, kalau tak pergi makan sebagaimana kata yang letih tadi berdosa kita, membazir. Yang Berhormat bayar mahal daripada wang yang kita luluskan di dalam Dewan ini tiba-tiba kita permudahkan, mintak tolong, ya. Saya nampak-nampak lapan Persidangan yang lepas kita membazir secara besar-besaran kalau tidak sidang yang akan datang saya akan cadangkan kepada Yang Amat Berhormat kita tidak payah belanja lagilah. Jadi Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita tangguhkan sidang kita ini sehingga kita masuk semula pada waktu petang, 2.30 petang. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan yang dihormati sekalian, Persidangan kita disambung semula. Insya Allah, pada petang ini kita sambung perbahasan, waktu yang kita ada insya Allah sampai jam 5.00 petang, kita berhenti rehat dalam tempoh 20 minit, kemudian saya mintak Ahli-ahli Yang Berhormat susun di mana perlu berucap dan sebagainyalah. Jadi saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin memberi ucapan, saya persilakan. Ya, Wakil Ladang sila. 20 minit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *(Dimulakan dengan membaca beberapa petikan ayat Quran/Doa sebagai mukadimah).* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan teman-teman daripada Pegawai-pegawai Kerajaan dan semua yang hadir dalam Dewan ini. Jadi petang ini sememangnya untuk Pembangkang bercakap saja atau macam mana? ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat bercakap, saya beri peluang kepada ahli-ahli dan selepas ahli-ahli nanti kita gulung oleh pihak Kerajaan. Kalau Yang Berhormat rasa nak gulung tak bolehlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian sama untuk membincangkan tentang pembentangan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya nak sambung sikit hal Ladang tadi. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan bahawa masa makan tengah hari tadi ada rombongan daripada penduduk Ladang menghantar wakil untuk membuat beberapa tuntutan dan rayuan kepada Kerajaan. Saya nak ulang antaranya ialah nak supaya harga sewa itu dikurangkan daripada RM300 kepada RM126 sahaja. Dan Yang Amat Berhormat kata tak boleh sebab ada peraturan di dalam bandar kena RM300. Jadi saya nak merayu kepada Kerajaan walaupun Yang Amat Berhormat takdok lagi tapi tak apalah Dato' Speaker tolong khabor tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rombongan ini hak Yang Berhormat bawalah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak. Dia mari sendiri dan dia bukan rombongan PAS. Rombongan itu adalah dari orang-orang Kampung Ladang. Kena beza tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini Yang Berhormat dah tahu ni, dia cakap dengan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya. Memang dia cakap dengan saya, dia juga bercakap dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan mungkin malam ini keluar dalam t.v.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, baik, baik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian harga RM300 itu saya sangat-sangat inginkan supaya Kerajaan menimbang balik, janganlah RM300 tapi kepada RM126. Kita mampu sebenarnya untuk menurunkan harga itu. Kita bukan nak cari untung melalui projek sebegitu. Kalau kita boleh bayar RM400,000 kepada Firefly semata-mata nak supaya orang Singapura mari ke sini, apa salahnya kita korbankan sikit peruntukan yang ada untuk membantu rakyat-rakyat yang sudah jelas miskin dan daif itu. Itupun saya tak tahu sama ada mungkin ada statistik menunjukkan berapa ramai orang Singapura masuk ke Malaysia melalui Firefly ataupun orang di sini pergi ke Singapore, itu kita nak tahulah.

Yang keduanya, tentang sewa-beli. Perjanjian kata sewa 3 tahun tapi saya diberitahu bahawa memang sewabeli cuma tidak diberitahu kepada penduduk Ladang bahawa memang sewabeli. Jadi Kerajaan kena beritahu secara jelas bahawa projek ini adalah sewabeli bukan sewa sahaja.

Dan yang ketiga ialah tentang permohonan penduduk Ladang ini untuk dapatkan sebidang tanah sebagai tempat perpindahan. Permohonan telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah Kuala Terengganu tapi tidak mendapat jawapan sehingga sekarang. Berkaitan dengan perpindahan daripada penduduk Ladang kepada Ladang Gemilang, mereka telah diarah berpindah sebelum hari raya, maknanya mereka diarahkan supaya merombak, meroboh bangunan-bangunan mereka sebelum Hari Raya Aidil Fitri. Orang-orang Ladang menulis surat kepada Kerajaan mintak supaya ditangguhkan sehingga selepas Aidil Fitri. Masa itu cuma lebih kurang seminggu macam tu tetapi tanpa diberitahu lebih awal dan tanpa ada notis seterusnya, tanpa diberitahu tentang rayuan itu Kerajaan telah menghantar satu *Force*, satu Penguatkuasa untuk pergi merobohkan rumah-rumah di situ. Mereka patuh, mereka telah meroboh semuanya itu tapi isunya mengapa gopoh, mengapakah Kerajaan terlalu gopoh untuk meruntuhkan rumah-rumah yang mereka nak berhari raya sekali itu sahaja lagi yang *last*? Raya terakhir di rumah mereka, apa salahnya dan mengapa gopoh, sehingga sekarangpun belum dibuat apa-apapun ke atas tapak yang telah diroboh itu. Rumah-rumah yang diroboh masih belum dibersihkan dan tidak ada tanda-tanda pembangunan yang akan berlaku

dengan segera. Saya tak tahu apa rasionalnya nak hambat cepat-cepat begitu. Itu Dato' Speaker mengangguk tu tanda setujulah tu. Baguslah tu sebab Dato' MB takdok ni, tolong khabor ajelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya setuju dengan Yang Berhormat, tak hendak jadi macam Wakil Sura tadi sampai maklum ada pegawai .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak usah banding dengan oranglah, tak payah banding-banding, saya, sayalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab tak sebut Pegawai Kerajaan. Saya dapat maklum ada Pegawai Kerajaan yang tak boleh makan tengah hari tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sayapun jumpa dah dengan pegawai itu, selesai dah masalah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia menjalankan tugas Yang Berhormat. Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dan satu lagi tentang tuntutan mereka, keprihatinan mereka kepada rumah-rumah yang dibina di atas katanya rezab Kerajaan. Pada mulanya rumah-rumah ini tidak dibayar kerana kata peraturan mengatakan tidak perlu bayar kepada rumah-rumah begini. Dan dalam Dewan yang lepas saya mengatakan walaupun tidak ada peraturan mengatakan kena bayar tetapi tidak ada peraturan juga menghalang Kerajaan daripada membayar ganti rugi kepada rumah-rumah yang dibina di atas tanah Kerajaan ini. Dan alhamdulillah, Kerajaan bayar RM6,000 sahaja berbanding dengan rumah-rumah yang pernah tinggal di atas tanah yang dibeli oleh orang-orang lain, seorang taukeh Cina beli kemudian orang ini terpaksa keluar dan taukeh ini bayar RM15,000. Jadi apa salahnya kalau Kerajaan membayar lebih sedikit daripada RM6,000 ini. Jauh sangat perbezaan, atas tanah sendiri sampai dibayar RM70,000 hatta sampai RM200,000 berbanding dengan rumah yang hampir sama dibayar RM6,000 dan mereka-mereka ini adalah orang-orang miskin, orang daif yang saya fikir tidak patut dibuat begitu, bayarlah lebih, kita kata berbilion-bilion duit ada, apa salahnya kalau dibantu orang-orang miskin seperti ini, kecaknaan kita kepada rakyat.

Kemudian, sebelum saya terlupa saya nak sebut hal Tok Imam sikit yang disebut oleh sahabat saya daripada Tepoh tadi. Saya sokonglah supaya Tok Imam ini dibayar gaji, dibayar elaun lebih. Saya setuju, Tok Bilalpun dibayar lebih supaya

Tok Bilal ini boleh *bang* (azan), janganlah Tok Imam sampai *bang.* Tapi nak khabor ke Dewan ini, juga nak beritahu kepada Wakil Tepoh dan juga nak beritahu kepada Pejabat Agama bahawa ada masjid, masjid dalam bandar nama dia Masjid Tengku Sulong di Kuala Ibai setiap subuh kadang-kadang Tok Imam mari, kadang-kadang Tok Imam dok mari. Kalau Tok Imam maripun, kadang-kadang Tok Imam kena *bang* sebab Tok Bilal tak pernah hadir sejak dua-tiga tahun saya sembahyang di situ setiap pagi, subuh Tok Bilal tak pernah hadir untuk *bang.* Kadang-kadang Wakil Rakyat kena *bang* bukan Wakil Rakyat Batu Burok, Wakil Rakyat Ladang, lepas kena *bang* kena jadi Tok Imam.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kena beri elaun ke dia tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Haa .... bagus jugak tu, boleh kita bahagi dua. .....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tok Bilal di situ marah ke Yang Berhormat ke yang tak pergi tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bukan. Dia memang tak pergi dan tak tahu pasal apa. Dan ini merupakan imej yang tidak baik kepada orang yang singgah sembahyang. Kadang-kadang tak azanpun. Kadang-kadang kena cari, kena tolak-tolak nak suruh jadi Imam. Jadi saya mintak orang Pejabat Agama tolong pergi sembahyang sama, waktu subuh, esokpun tak apa. Kita tengok sendiri, kalau Wakil Tepoh nak pergi sembahyangpun tak apa, kita lantik dia jadi Imam, kita bayar elaun, tak ada masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasihlah. Kita pergi sembahyang subuh tu sebab takdok teman tidur malam sebab itu mudah pergi sembahyang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia tak tahu lagi saya kahwin dah. ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mentang-mentang Tepoh nikah dua, issy! ...(Dewan terus gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya pergi Belanda kahwin baru-baru ini, tak sedar? Tapi kahwin anak sayalah. Jadi tolong, tolong sangat-sangatlah diberi perhatian kepada soal Imam dan Bilal yang masjidnya tepi jalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dato' Pesuruhjaya tulis tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sayapun nampak dah. Kalau boleh Dato' pergi sendiri esok. Pergi sekali, pergi Subuh dengan Tepoh ajak pergi sama. Insya Allah, saya tunggu, tak apa saya *bang* Tepoh jadi Tok Imamnya. Itu bukan gurauan tapi beritahu fakta sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh ingat ya, besok report kepada saya. Kalau Tepoh pergi, Ladang pergi ke dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu arahan dari Speaker tu, kena ikut tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian saya nak beralih sikit kepada .... tapi MB tak ada, saya nak bercakap tak sedap sebab melibatkan kawasan dia. MB ke mana? ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cakap ajelah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, sebab ini berlaku di Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, ramai yang tak ada ni dimaklum kepada saya belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah tak apalah. Kemudian saya nak dapat sedikit penjelasan tentang pembahagian kedai yang dibina oleh SEDC/PMINT di sebelah KUSZA, katanya ada dibuat 2 blok, 18 bangunan kedai (9 + 9) dan pembahagian telah dibuat tetapi diberi kepada 9 unit tersebut diberi kepada seorang. Katanya nama orang lain tetapi yang mengoperasinya orang lain, Tunas Manja, 9 + 4 jadi 13 unit. Betulkan saya jika saya salah, ini maklumat yang mintak saya sampaikan kepada Dewan. Tapi kalau itu berlaku maknanya bagaimana kita nak membantu rakyat di sana untuk sama-sama berniaga menggunakan kemudahan rumah yang dibuat oleh SEDC.

Perbelanjaan kita banyak, setiap tahun RM2 bilion, tahun ini mungkin lebih lagi, akan ada lagi permohonan untuk tambah peruntukan nanti. Tapi dalam masa

yang sama kita juga ada mendengar bahawa Terengganu ini terus miskin, kita naik sikit-sikit tapi terus miskin. Duit banyak keluar, projek banyak tetapi mungkin tidak fokus untuk mengangkat darjat orang-orang di sini supaya tidak lagi miskin. Bukan tak buat tapi fokusnya kurang. Saya rasa pada beri makan gajah di Zoo Bukit Takal tu baik duit itu kita bagi ke rakyat, buat tambah peruntukan untuk buat rumah. Saya difahamkan gajah tu takdok dah di situ.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat gajah itu rakyat jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, rakyat jugak tapi rakyat Thailand sebab buat balik ke Thailand saya dengar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul tu tapi jangan skopkan apa nama ni .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, tak memang begitu. Gajah ini memang dibawa untuk tontonan pelawat di Zoo Bukit Takal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gajah Pelawat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Gajah apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gajah Pelawat maksudnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bukan. Pelancong yang pergi nak tengok gajah. Kita belalah gajah. Yang Berhormat Speaker buat tak faham pulak. ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat *corner* jauh sangat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak .... bukan. Nak khabornya sekarang ini gajah takdok sebab dihantar balik ke Thailand.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia pegawai ni tahu belaka, bajet untuk gajah, untuk binatang, untuk kampung, untuk rakyat, dia susun belaka dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Speaker tolong jawab ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya baca ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sayapun baca jugak tapi kalau boleh tolong fokuskan sikit kepada orang-orang miskin ini, saya nak begitu aje.

Dan program-program untuk menghapuskan kemiskinan dulu disebut untuk tanam kelapa pandan di Hulu Besut. Hulu Besut kata mati habis kelapa pandan itu dimakan atau dikatakan ada serangan babi, betul atau tidak wallahuwa'alam, betulkan saya balik kalau salah tapi disebut begitu. Lepas itu Kambing Kaprima tidak berjaya jugak. Boleh tak tunjuk kepada Dewan satu projek yang benar-benar berjaya yang telah dilaksanakan yang diperuntukkan kepada rakyat miskin.

Pemeliharaan ikan di Tasik Comor, dekat kawasan Dato' Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terpulang kepada Yang Berhormat, boleh belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh belaka, ya. Dah orang Kuala Berang dia panggil guananya? Comor?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia orang bujang dia panggil lain, orang kahwin dia panggil lain. Sila Yang Berhormat. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ikan ini dibela melalui secara besar-besaran tapi yang kedapatan sekarang ini ialah pekerja-pekerja asing dikatakan orang Bangla sebenarnya yang jaga ikan-ikan di sana dan asalnya ikan ini untuk dieksport tapi rasanya tidak berjaya, yang berlakunya hanyalah dijual kepada peraih-peraih biasa. Jadi apakah itu merupakan kejayaan atau kegagalan? Mintak terangkan kepada kami insya Allah, itu nak tahu tu.

Kemudian sedikit tentang perparitan. Perparitan saya nak ucap terima kasihlah kepada kawan saya JPS ini memang dia selalu prihatin tapi tahun ini air ombak tak masuk lagi sekala tiap tahun terpaksa kena pecah pantai itu supaya air boleh mengalir. Cuma hari itu saya pergi melawat dekat Lapangan Terbang, kalau kita melihat *Google Earth* melalui *Google Map* kita akan dapati bahawa parit ini tidak mengalir ke laut tidak ada air yang keluar ke laut. Jadi dia pusing dalam bandar

aje, dia pusing-pusing dan dia akan naik, dia tunggu *ngabang* pecah aje baru boleh keluar. Saya ingat ada sesuatu yang tidak kena dengan *alignment* perparitan ini dan mungkin katanya telah ditender tapi saya tidak tahu tender apa itu, mungkin kena *revise* balik sebab tidak menyelesaikan masalah air yang ada. Bila tengok secara menyeluruh, tengok daripada atas baru kita tahu sebenarnya mengapa berlakunya banjir setiap kali musim tengkujuh di kawasan sebelah sana sebab tidak ada air yang dapat keluar ke laut. Saya bersedia untuk pergi melawat bersama pegawai dan jugak Exco untuk melihat keadaan itu dan memberikan cadangan.

Ini tentang bangunan-bangunan yang dibina yang tidak pernah siap. Satunya ialah Masjid Raja di Bukit Besar. Tarikh siap sepatutnya 20.4.2009 tapi sehingga sekarang tidak ada tanda-tanda bahawa masjid itu akan siap bahkan nampaknya tidak ada pembinaan yang berlaku akhir-akhir ini. Mengapa? Di mana yang tidak kena? Ada macam-macam cerita yang sayapun malas nak dengar dan tak sedap berkaitan dengan Masjid Raja itu, ada penyelewengan tentang wallahuwa'alam tapi itu tak apalah, kita cari bukti kemudian kita hantar ke BPR.

Begitu juga dengan pembinaan Taman Panorama atas Bukit Pak Apil. Inipun telah disebut oleh Wakil Bandar tentang projek ini dan setiap kali hujan akan melimpah air masuk ke kawasan perumahan di situ. Projek Taman Panorama ini dia tak besar mana tapi tak siap-siap. Dekat mana pulak silapnya itu? Banyak rupanya yang silap.

Dan Plaza Paya Bungapun tak siap-siap, tak boleh pakai yang pakainya Mc Donald aje yang lain tak tahu dan ramai yang mengadu jumpa Wakil Rakyat merasakan bahawa mereka rasa tertipu atau tak tahulah macam mana di mana mereka telah bayar tetapi tidak boleh guna sehingga sekarang. Inipun nak mintak diberi penjelasan juga.

Tentang CF pula. Saya difahamkan bahawa rumah YPK di Kubang Ikan, minta maaf langkah kawasan sikit. Rumah YPK di Kubang Ikan itu sehingga sekarang tidak ada CF tetapi telah lama diduduki dan dibimbangi takut runtuh pulak, musim-musim runtuh ni takut runtuh lagi. Begitu juga rumah di Ibai Resort, walaupun diswasta tetapi tidak ada atau tidak dapat CF jugak. Tak tahulah pasal apa, projek sebesar itupun tidak ada CF. Ini orang dalam tu mengadu, tolonglah beritahu pasal apa payah sangat nak boleh CF. Kemudian .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak tanya sedikit tentang dasar berkenaan dengan penggunaan

software untuk Negeri Terengganu di semua jabatan. Apa dasar kita tentang *Open Source Software, Open Source* ini maknanya lesen tak perlu dibayar. Sekarang ini kita pakai *Microsoft, Window,* kita bayar, lesen itu berjuta. Dengan teknologi yang ada sekarang ini kita boleh dapat *software free* yang dia panggil *Open Source* misalnya tak payah pakai Words tapi pakai *Open Office for free.* Dan ada universiti, untuk makluman UNIMAS misalnya telah dapat menjimatkan sehingga RM8 juta setahun kerana penggunaan software yang percuma begini. Ini bukan pirate tetapi boleh diambil *(download)* secara percuma. Dan saya minta supaya pihak yang berkenaan (Kerajaan) mengkaji tentang dasar *Open Software* ini sebab ini menguntungkan Kerajaan dan menjimatkan belanja wang negeri. Begitu juga kalau kita dah ada *networking* yang baik, penggunaan e-Book misalnya kita tidak perlu beli lesen di mana setiap e-Book itu dibeli dan dilesenkan dan dibayar dengan mahal. Kita boleh gunakan internet sebenarnya untuk pakai *server* dan semua orang dapat pautan untuk dapat apa sahaja yang kita nak masuk dalam e-Book itu. Bercakap mengenai e-Book saya nak sentuh sikit tetapi kawan saya nak sentuh lebih banyak tapi saya nak tanya satu saja. Laptop yang kita beli daripada China ini bila bawa ke kilang di Gong Badak kita pasang atau kita masuk *software* sahaja di dalamnya? Kita beli *parts* daripada China untuk pasang atau kita beli komputer macam ni lepas itu masuk *software* aje? Itu kita minta penjelasan. Saya nak tanya jugak sikit lagi tentang apa jadi dengan yang kita kata bahawa dulu ada negara-negara luar yang berminat yang kita bekalkan kepada mereka dan mereka ingin mengkaji, apa kajian yang telah dibuat dan apa hasil dia? Saya juga nak merujuk kepada ucapan dasar ini berkenaan ada *statement* mengatakan bahawa kini program e-Book yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu telah diikuti oleh sesetengah pihak. Siapa sesetengah pihak itu? Kalau boleh beri maklumat kepada kita, kita nak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat? Penghabisanlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sikit lagi. Biarlah Yang Amat Berhormat tak maripun, saya nak tahu di Bandar Baru Kijal kalau mengikut laporan yang lepas dalam Soalan Bertulis saya ada disebut bahawa antara bangunan yang akan dibuat di Bandar Baru Kijal ialah bangunan Giant Hyper Market dengan harga RM21 juta, peruntukan Negeri. Apakah ini bermakna pembinaan bangunan itu dibuat oleh Negeri dan bagaimana pula perkiraan dengan Giant. Kita nak tahu siapa yang menyewakan kepada Giant ataupun berapa sewaannya?

Kemudian sikit lagi tentang satu projek di Pupuk Semangat, bangunan dulu dinamakan semasa mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu nak jadikan bangunan itu 8 tingkat untuk International Training Centre. Tak jadi buat centre

untuk training kemudian akan diberikan kepada TATIUC dan dijadikan untuk penghuni asrama. Disebabkan bangunan 8 tingkat dia ada lif dan saya difahamkan ada pelajar-pelajar yang bawa motosikal sehingga ke tingkat 7.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Naik lif?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak percaya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tanya Yang Berhormat. Naik lif dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, dia bubuh motosikal dalam lif dia bawa naik ke atas tingkat 7.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hebatnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Hebat dok. Siapa yang hebat tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau Yang Berhormat boleh beritahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Hebatnya budak-budak kita lening sampai motosikal naik ke dalam lif sampai ke tingkat 7. Jadi mintak perhatianlah, soal-soal begini tolong *check* baliklah.

Pagi tadi ada beberapa kontraktor mengadu bahawa mereka tidak terima bayaran sebab dia pergi *check* di bank ada sumber kata, contohnya dia kata, kena perbetulkan saya kalau saya salah. Pada 12 haribulan 12 yang lepas simpanan Kerajaan tunai dalam Bank Islam ialah '- RM2 million'. Jadi dia kata bayarannya tidak boleh terima, takdok pitih nak bayar dia kata. Saya tidak tuduh tapi tolong jelaskan kepada kami tentang perkara-perkara yang telah disebutkan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak suruh duduk dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih dah tu, saya beri lebih dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Lebih dah. Bolehlah ada sikit lagi. Pasar Ikan Pasar Payang, katanya tempat-tempat jual ikan itu akan dipindah. Saya diberitahu oleh penjual ikan di situ dia kata akan dipindah ke kawasan yang dipanggil Pulau Anjing, kalau kita panggil Pulau Warisan tapi dia panggil Pulau Anjing. Tapi saya kemudian ini diberitahu oleh penjual-penjual di situ bahawa mereka akan diberi tempat di atas tempat parking kereta yang ada sekarang. Itupun mintak penjelasan apakah betul yang disebut oleh mereka yang menjual di pasar. Menengung nampak Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi oleh kerana Speaker bermurah hati kepada saya hari ini jadi saya ucap berbanyak terima kasihlah dan cukup sampai di sini dululah mungkin kita akan berbincang lagi kalau ada masa yang lain. Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Saya menengung tu nak tahu bila nak *start* pasal Bajetnya. Saya harap Wakil Kerajaan boleh jawablah satu, satu yang dibangkitkan oleh Ladang tadi pengurusan Bajet yang mana pihak Kerajaan lebih mengetahuilah. Saya jemput wakil-wakil lain untuk berucap. Saya ingat kita bagi kepada Wakil Air Putih dulu Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismilahir rahmanir rahim. *(Seterusnya membaca beberapa petikan ayat Quran/Doa sebagai mukadimah).* Yang saya muliakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, pada hari ini kita sudah mula berdebat mengenai Bajet yang telah disampaikan oleh pihak Kerajaan. Dan saya begitu girang dan gembiralah dapat bersama menyertai debat ini. Saya amat tertarik dengan sentuhan Kerajaan apabila menyentuh mengenai perkara GTP ataupun Rancangan Transformasi Kerajaan Pusat yang kini telah diterjemahkan dalam perancangan negeri sebagaimana yang kita tahu ada lebih kurang enam sektor utama di bawah Rancangan Transformasi Kerajaan ini:

(i) Jenayah
(ii) Kemiskinan
(iii) Rasuah
(iv) Infrastruktur Pedalaman
(v) Pendidikan
(vi) Pengangkutan Bandar.

Dan alhamdulillah, saya tengok daripada Bajet yang Kerajaan bentangkan hampir empat komponen utama telah dan akan kita laksanakan dalam Bajet 2011 ini. Kita diperuntukkan Bajet sebanyak RM112 juta untuk Pengangkutan Bandar, RM90 juta untuk Pendidikan dan begitu jumlah yang banyak yang tidak terkira saya dari segi Infrastruktur Pedalaman dan juga hampir RM83 juta diberikan untuk Pembangunan Kemiskinan. Cuma saya meminta pihak Kerajaan kita perlu memperincikan lagi dari segi strategi kita untuk mengurangkan jenayah. Sebab akhir-akhir ini kita tahu agak membimbangkan dengan statistik yang kita terima, kita takut kalau-kalau negeri kita ini tidak dapat mengawal keadaan ini dan boleh menghancurkan masa depan anak-anak muda kita. Dan juga saya meminta pihak Kerajaan juga mengambil kira dan memperincikan strategi kita untuk menangani rasuah sebab saya rasa dengan diadakan penekanan kedua-dua ini *complete* dengan izin, kesemua enam komponen Rancangan Transformasi Kerajaan Pusat boleh diterjemahkan di Negeri Terengganu ini, insya Allah.

Saya bila sebut pasal Pengangkutan Bandar ini saya nak sentuh sikit mengenai perkara sistem pengangkutan di Air Putih khususnya. Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya berbincang dengan pihak KETENGAH, saya memohon kepada pihak KETENGAH supaya mengambil langkah untuk membuat satu kajian sistem pengangkutan daripada hujung Jabor itu sampai ke Kampung Air Putih sebab tidak ada satu sistem yang boleh dipanggilkan menyenangkan rakyat. Dalam pada kita memperjuangkan kepentingan rakyat saya sudah sampai masanya dengan peningkatan harga diesel, dengan peningkatan harga petrol, kita beri satu kemudahan untuk rakyat dengan mengadakan satu sistem pengangkutan yang begitu baik daripada hujung Jabor itu sampai ke Pekan Air Putih dan seterusnya ke Binjai. Alhamdulillah, saya dimaklumkan KETENGAH telah mengajukan perkara ini kepada Kementerian yang terbabit untuk diberikan peruntukan untuk dibuat kajian dan saya berharap dan saya percaya kepimpinan Negeri di bawah Yang Amat Dato' Seri Ahmad Said selaku Pengerusi KETENGAH akan dapat membawa perkara ini ke atas demi memastikan kemudahan rakyat di Air Putih.

Dato' Yang Dipertua, begitu banyak peruntukan diberikan untuk Pembangunan Air di Terengganu. Sekali lagi saya mewakili orang di Air Putih khususnya orang di kawasan Neram, orang di kawasan Cerul, orang di kawasan Cenih yang sebegitu lama menderita akibat tekanan air yang begitu rendah. Alhamdulillah baru-baru ini hari raya yang ketiga buat saya sebagai ADUN Kawasan Air Putih tidak diganggu oleh panggilan-panggilan telefon sewaktu raya. Kalau tidak Yang Dipertua, tidak boleh nak duduk kita; air tak cukup, takdok air tak boleh nak mandi dua-tiga-empat hari. Alhamdulillah, dengan kerja kuat SATU dan pihak Kerajaan, alhamdulillah perkara ini telah diselesaikan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri apabila saya maklum kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengenai peruntukan fasa kedua Loji Air Cerul yang belum turun daripada Kerajaan Pusat, beliau telah meminta UPEN untuk mengkaji dan membantu sebanyak mana yang boleh dan alhamdulillah ketika perbincangan hendak dimulakan kita dianugerahkan peruntukan sebanyak RM7 juta daripada Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan Loji Air di Cerul ini. Saya ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas keprihatinan dan juga Kerajaan Pusat yang sentiasa memberi perhatian kepada kepentingan rakyat.

Perkara yang ketiga yang saya ingin ucapkan di sini ialah saya pernah berucap di dalam Bajet tahun 2010 pada tahun lepas. Saya pernah menyentuh mengenai isu dengan izin, *New Engine of Growth* untuk ekonomi negeri. Dan ini adalah cukup penting bagi kita supaya memastikan kantung ataupun Perbendaharaan Negeri ini sentiasa penuh untuk masa-masa hadapan. Kita bimbang suatu masa nanti apabila petroleum sudah tidak lagi menjana dan menjadi punca utama pendapatan negeri kita mungkin akan tersisih, kita akan terkebelakang berbanding negeri-negeri lain. Sebab itulah saya agak tertarik sekurang-kurangnya ada inisiatif dari segi komponen ICT untuk kita gerakkan di Negeri Terengganu walaupun mungkin RM8 juta itu tidak cukup untuk membuat satu gerakan yang begitu hebat tapi mungkin saya percaya ini adalah permulaan bagi Kerajaan Negeri dengan penubuhan Data Centrenya dan lain-lain itu adalah ciri komponen yang boleh dijadikan *Engine of Growth* di masa hadapan. Walau bagaimanapun, Dato' Yang Dipertua, saya berharap ada satu lagi komponen yang boleh kita gerakkan, saya mengharapkan agar Dewan ini, pihak Kerajaan boleh memberi *target* dengan izin, ataupun satu objektif kepada syarikat-syarikat GLC di bawah Kerajaan Negeri. Saya pernah terbaca dua-tiga tahun dulu Johor Corporation menyumbangkan hampir RM400 juta kepada kantung ataupun Perbendaharaan Johor, hasil daripada Dividen Yield-nya dengan izin, hasil daripada pendapatan-pendapatan yang secara langsung dan tidak langsung syarikat-syarikat di bawah Johor Corp. hampir RM400 juta diberikan kepada Kerajaan Negeri. Dan saya percaya kalau kita gemblingkan syarikat-syarikat GLC di bawah Kerajaan Negeri, kita ada tiga syarikat tersenarai di Bursa Saham kita fokuskan yang pertama sebagai *National Champion* dengan izin, dan kemudian kita harus gerakkan *Regional Champion* dengan izin, dan akhirnya kita harus bercakap sebagai *Global Champion* dengan izin. Bila kita dapat gemblingkan ketiga-tiga syarikat gergasi yang insya Allah akan jadi gergasi ini barulah satu sumbangan yang agak besar akan diberikan kepada negeri pada suatu masa nanti. Dan adalah amatlah penting bagi saya pihak Kerajaan perlu melihat secara *detail* dengan izin, perkara ini agar dapat kita gunakan, pastikan masa depan Negeri Terengganu ini terjamin, insya Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan, Dato' Yang Dipertua, perkara terakhir yang ingin saya tarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan, Dato' Yang Dipertua ialah mengenai Peruntukan Penyelenggaraan. Saya juga pernah sebut perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini hampir 2 tahun yang lalu. Saya pernah katakan bahawa setiap projek pembangunan perlu ada sebanyak 16.7% *di'allocate'kan* dengan izin, untuk Peruntukan Penyelenggaraan. Kita boleh buat masjid berjuta-juta ringgit, kita berikan peruntukan berpuluh juta ringgit untuk bangunan tapi yang saya sedih kadang-kadang di masjid kita nak mintak *repair* bilik airpun takdok peruntukan. Saya bercakap perkara ini sebab kita Yang Berhormat Kawasan sentiasa bermesyuarat tiap bulan dengan Pejabat Daerah, banyak perkara-perkara yang kita bawa untuk dipohon peruntukan untuk *repair* masjid, Sekolah Agama Rakyat kadang-kadang bocor, pagar kita rosak dan sebagainya tapi jawapan yang sama sentiasa diberi kepada kita; "Peruntukan takdok." Jadi saya rasa sebagai Wakil Rakyat yang sentiasa mendengar keluhan dan rapat dengan rakyat, sudah tentulah perkara ini diambil perhatian. Dan alhamdulillah, saya dimaklumkan dan sayapun terbaca di dalam Bajet yang kita akan dapat peruntukan untuk membaiki masalah-masalah ini di kawasan kita tetapi saya haraplah untuk tahun-tahun hadapan pihak Kerajaan dapat betul-betul memperuntukkan khusus dalam peruntukan Bajet, Peruntukan Penyelenggaraan. Kalau tiap kali rosak, kita nak mintak, susah.

Dato' Yang Dipertua, perkara mengenai penyelenggaraan yang saya sentuh secara khususnya ini ialah terutama saya cadangkan kalau boleh diadakan dana khusus untuk Penyelenggaraan Pembangunan Agama sebab kita dari segi masjidnya, kuburnya adalah perkara sensitif bagi orang Islam. Jadi saya ingat dengan adanya dana khas yang kita peruntukkan mungkin RM100,000 atau RM200,000 setiap DUN, kita boleh teruskan tanpa menunggu masa yang lama. Nanti masjid kita berbau, bocor dan sebagai, nanti masalah lain pulak yang timbul.

Jadi itulah antara perkara-perkara yang ingin saya sampaikan pada Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya sebagai Wakil Air Putih mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan, banyak perkara-perkara yang telah berjaya kita selesaikan berkait masalah rakyat di kawasan saya dan saya mendoakan Allah sentiasa memberkati usaha-usaha kita dan Allah memberkati usaha wakil-wakil kita dan Allah memberkati usaha rakyat-rakyat kita, insya Allah. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir rahmanir rahim. Alhamdulillahir rabbil alamin. Wassalatuwassalamu-ala-rasulillah. Yang Berhormat

Dato' Yang Dipertua, teman-teman Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Saya ingin memulakan perbincangan atau perbahasan Bajet ini untuk memohon penjelasan tentang pembetulan yang telah diedarkan semalam di buku Bajet 2011 di mana pindaan telah dibuat mengenai Pegawai Pengawal yang kalau dahulunya adalah Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, Terengganu dan dipinda kepada Pegawai Pengawal iaitu Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Terengganu. Saya cuba meneliti dari segi garis panduan yang telah disediakan oleh Arahan Perbendaharaan yang merujuk dengan jelas dari segi peranan ataupun tugas Pegawai Pengawal iaitu Pegawai Pengawal adalah pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah Seksyen 15(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntuk bagi mana-mana tahun kewangan ianya mesti melaporkan segera kepada KSU Perbendaharaan ataupun Pegawai-pegawai Kewangan Negeri. Apa yang saya ingin dapat penjelasan ialah kesilapan yang berlaku ini telah saya semak balik sejak 3 tahun berturut-turut pembentangan Bajet yang kita buat ini telah meletakkan bahawa Pegawai Pengawal sebagai contohnya Bajet 2010, Pegawai Pengawal adalah Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Ianya memberikan implikasi yang besar dalam hal ini, bila saya telah bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari segi kuasa yang ada kepada beliau di dalam meluluskan satu tender yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Dalam jawapan beliau dengan jelas beliau mengatakan bahawa beliau mempunyai kuasa dengan izin, saya baca: "Sebarang projek yang bernilai lebih daripada RM20 juta hendaklah ditandatangani oleh Menteri Besar kerana Pihak Berkuasa Kewangan Negeri adalah Menteri Besar." Jadi ini perlu kepada pembetulan-pembetulan yang jelas dari segi apa implikasi kelulusan tender-tender ataupun projek-projek yang diluluskan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanpa mengambil kira garis panduan pengurusan kewangan sektor am yang telah disediakan oleh Perbendaharaan Negara. Jadi Dato' Yang Dipertua, perkara ini adalah perkara yang besar, saya memohon Dewan ini untuk merujuk balik, menyemak balik berapa banyak kelulusan yang dibuat sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tanpa mengambil kira arahan serta garis panduan yang telah diberikan oleh Perbendaharaan Malaysia. Apa yang berlaku sepanjang 3 tahun apabila kuasa Menteri Besar mengatasi garis panduan yang telah ditetapkan ini, saya bimbang sepanjang 3 tahun kita meluluskan Bajet di Dewan yang mulia ini telah berlaku dengan izin, *abuse of power* daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tandatangan beliau meluluskan apa jua tender-tender dan projek-projek tanpa mengambil kira Arahan Perbendaharaan yang telah ditetapkan. Pembetulan yang dibuat ini saya sokong tetapi sepanjang 3 tahun di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan kesilapan yang baru disedari ini siapa yang akan bertanggungjawab apabila dengan kuasa yang digunakan oleh Yang Amat

Berhormat Menteri Besar meluluskan ataupun memberikan ataupun dengan kuasa yang ada pada beliau yang meletakkan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan sebagai Pegawai Pengawal selama 3 tahun yang lepas ini siapa yang bertanggungjawab, kita perlu rujuk balik dalam hal ini.

Dato' Yang Dipertua, dalam pembentangan Bajet pada kali ini saya telah berkali-kali menyebut di Dewan yang mulia ini tentang Bajet yang begitu luar biasa bagi sebuah negeri yang *'a rich-poor state',* negeri kaya tetapi rakyatnya miskin. Perbelanjaan yang telah disebut oleh teman-teman saya adalah cukup luar biasa lebih daripada RM1.88 bilion adalah merupakan suatu jumlah yang begitu besar tambah pulak sepanjang pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar sejak 3 tahun yang terakhir ini kita telah berbelanja lebih daripada RM6,000 juta bayangkanlah lebih daripada RM6,000 juta ini merupakan suatu perbelanjaan yang begitu besar, amat menakjubkan, kita mengatasi negeri-negeri lain seperti yang disebut Selangor kita atasi, Pulau Pinang kita atasi, Johor kita atasi. Bajet Negeri Selangor untuk tahun 2011 ini, Negeri Selangor yang jauh lebih maju dan merupakan negeri yang menjadi nadi industri telah meluluskan Bajet 2011 hanya berjumlah RM1.43 bilion sedangkan penduduk Negeri Selangor lebih daripada 2 juta orang sedangkan dari segi kemajuan yang ada di Negeri Selangor adalah lebih jauh daripada negeri kita.

Begitu jugak contohnya Pulau Pinang yang merupakan negeri yang menjadi nadi *Hi-tech* bagi negara kita, hanya meluluskan Bajet bagi 2011 berjumlah RM900 juta sahaja. Persoalan yang selalu bermain di detik hati saya, apa relevannya perbelanjaan tahunan yang mencecah lebih daripada RM2 bilion setiap tahun kepada rakyat Terengganu sedangkan mereka yang miskin, yang susah seperti yang saya sebut kini menjadi pelarian di bumi sendiri. Saya sebut tadi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, malangnya dia tak ada dalam Dewan pada petang ini. Tadi di waktu rehat makan pagi tadi, datang rombongan penduduk Ladang menyerahkan memorandum yang ditandatangani oleh 170 orang penduduk Melayu yang beragama Islam di Kampung Ladang, penduduk asal Kampung Ladang yang di dalam memorandum tuntutan penduduk Ladang ini dengan jelas lima *point.* Tuntutan yang mereka sebut di sini adalah kebimbangan mereka dari segi masa depan penduduk asal orang-orang Melayu yang terpaksa sekarang ini menjadi pelarian di bumi asal-usul mereka, nenek-moyang mereka sendiri. Sekarang ini mereka terpaksa menagih simpati daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengembalikan hak mereka dan kepentingan mereka dari segi masa depan penduduk dan orang-orang Melayu di Kampung Ladang ini sendiri. Ini jugak sedang berlaku Dato' Yang Dipertua, kepada orang-orang Melayu kita daripada Tanjung sampai ke Pasar Cabang Tiga. Di Cabang Tiga telah menjadi perbualan ramai dan saya telah sebut di Dewan yang mulia ini kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar seorang yang patriotik yang memperjuangkan hak dan masa depan orang-

orang Melayu dia perlu dengan segera menarik balik projek pembangunan semula, penyusunan semula kawasan Pasar Cabang Tiga yang mana saya nak sebut dengan jelas bahawa ianya diserahkan betul-betul kepada kroni Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk dibangunkan dan yang lebih malang lagi masa depan orang-orang Melayu bumiputera di kawasan Cabang Tiga akan lebih malap bilamana siap projek itu bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut bahawa projek itu adalah projek dari segi kuota bumiputera dan non-bumiputera dengan izin, adalah 50-50. Kalau Yang Amat Berhormat seorang yang ingin melihat masa depan orang-orang Melayu maka dia perlu secara *gentleman* menarik balik projek ini dan menilai kembali dari segi kesan dan implikasi projek-projek yang sedemikian ini yang tidak memberikan kepentingan kepada masa depan warga asal penduduk yang majoritinya di kalangan orang-orang Melayu.

Dato' Yang Dipertua, dalam hal ini saya melihat bahawa saya telah membawa Usul mengenai TOP IT. Banyak kita berbahas dan bercakap tentang E-Book, tidak ada siapa yang menolak dan ragu tentang E-Book ini sendiri tetapi berkali-kali saya menyebut dan bersoal di Dewan ini apakah kita telah membuat suatu kajian yang mendalam dari segi penggunaan E-Book ini sendiri dan dari segi perbelanjaan yang kita laksanakan. Dan dengan jelas sebagaimana Usul yang ditolak pada semalam, saya telah menyebut ataupun apa yang telah dilaporkan oleh Ketua Audit Negara tentang E-Book ini sendiri. Siapa yang harus bertanggungjawab tentang hal ini? Bila kajian yang dibuat hanya 14% sahaja anak-anak pelajar kita yang mendapat E-Book ini yang membawa E-Book ini ke sekolah untuk mereka gunakan. Begitu jugak dari segi kadar kerosakan-kerosakan yang begitu tinggi kepada E-Book ini iaitu 14.4%. Yang lebih besar lagi Dato' Yang Dipertua, ialah dari segi projek yang dilaksanakan di Gong Badak ini di mana bangunan yang ada itu sendiri telah berjalan ataupun operasinya telah berjalan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Bomba dan Penyelamat serta tidak mendapat CF. Dan yang lebih pelik dan lebih menakjubkan lagi ialah projek yang bernilai lebih daripada RM100 juta ini tidak ada sebarang perjanjian di antara syarikat dengan Kerajaan Negeri dan antara syarikat dengan pembekal perkakasan dan perisian. Dato' Yang Dipertua, perkara ini adalah suatu yang begitu serius, apa yang berlaku ini perlu kepada jawapan yang jelas daripada pihak Kerajaan bagaimana projek yang mega, yang besar ini tidak diberikan perhatian dari sudut kawalan, tidak diberikan perhatian dari sudut kemungkinan berlakunya salah urus dan penyelewengan-penyelewengan seperti yang telah digariskan oleh Ketua Audit Negara sendiri dalam projek E-Book ini sendiri. Saya tidak pernah mempertikaikan dari segi E-Book untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu malahan kita PAS secara keseluruhannya berbangga kalau rakyat Negeri Terengganu ada E-Book tetapi apa yang saya ingin tekankan adalah kita akan tentang kalau berlakunya penyelewengan, salah urus, rasuah dan sebagainya yang sekarang ini dengan jelas Ketua Audit Negara telah menggariskan tentang aktiviti E-Book ini adalah amat tidak memuaskan kerana berlaku perkara-perkara sebagaimana yang telah digariskan ini.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi aspek yang saya ingin berkongsi di Dewan yang mulia ini ialah bagaimana kita hendak meletakkan dalam Bajet yang begitu besar ini yang majoriti rakyat Terengganu yang miskin, golongan termiskin yang ada di Terengganu ini, apakah suatu fokus yang begitu jelas telah dilaksanakan sepanjang 3 tahun kita telah meluluskan di Dewan yang mulia ini lebih daripada RM6,000 juta ini, apakah ada suatu jalan penyelesaian untuk kita menyelesaikan masalah golongan miskin dan termiskin ini. Ataupun golongan yang miskin ini akan terus sampai bila-bilapun di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar meletakkan budaya subsidi, budaya Dana Khas atas nama bantuan kemiskinan, bantuan hari raya, bantuan baju sekolah, basikal, atap biru, bumbung dan sebagainya terus dipancing kepada rakyat Terengganu yang rata-rata miskin dan susah. Inilah yang menjadi persoalan yang ada kepada kita, rakyat miskin terus terpinggir dengan kita membiarkan, contohnya Pak Mat yang mengayuh beca, Pak Ali yang turun ke laut menjadi nelayan yang memeras segala keringat untuk mencari rezeki ataupun Mek Minah yang menyiang ikan buat keropok lekor dan sebagainya terus dipancing dan bergantung kepada budaya subsidi sedangkan kita berbelanja sepanjang 3 tahun yang lepas lebih daripada RM6,000 juta. Saya bimbang di Dewan yang mulia ini kita meluluskan satu lagi Bajet yang hampir RM2,000 juta dan saya yakin akan ada suatu Bajet Tambahan yang dituntut dan dipohon di Dewan ini menjadikan perbelanjaan mejangkaui lebih daripada RM2,000 juta. Ke mana pergi seluruh kewangan yang kita belanjakan ini apabila kita melihat dengan jelas kita tidak dapat menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang ada di depan mata kita dalam negeri kita sendiri. Contohnya, tadi telah disebut masalah sosial, masalah jenayah di Negeri Terengganu ini adalah merupakan masalah yang sepatutnya kita berikan keutamaan yang nyata di Negeri Terengganu ini, apakah kita tidak terasa betapa malangnya kita orang Terengganu sekarang ini di mana dari segi penagihan dadah Negeri Terengganu adalah negeri yang paling tinggi dari segi kadar penagihan dadah di seluruh Malaysia mengatasi negeri-negeri yang maju yang ada di seluruh negara kita di mana Ketua Polis Negeri Terengganu menyebut dari segi nisbahnya penagih dadah di Negeri Terengganu adalah '1 dalam 100'. Ini merupakan suatu angka yang begitu besar yang sepatutnya kita memberikan satu fokus yang begitu besar.

Begitu juga dari segi Mat Rempit, Negeri Terengganu jugak menjadi juara dari segi betapa ramainya anak-anak muda yang terlibat dengan perlumbaan motosikal haram dan rempit yang sepatutnya kita garap kekayaan yang ada ini untuk kita menyelesaikan masalah anak-anak muda yang ada di seluruh Negeri Terengganu ini untuk kita mencari jalan penyelesaian yang baik. Dato' Yang Dipertua, saya sebagai seorang rakyat dan warga Terengganu merasa yang amat sangat bahawa jaminan keselamatan untuk kita di Negeri Terengganu, anak-anak kita, keluarga kita sudah hilang. 20 tahun ataupun 15 tahun dahulu kita masih rasa

selamat untuk kita hantar anak-anak yang kecil kita pergi kedai beli coklat, beli gula dan sebagainya tapi sekarang ibu bapa sudah tidak lagi dapat merasa jaminan keselamatan yang sedemikian. Berlakunya kecurian, berlakunya rompak, berlakunya ragut, berlakunya pelbagai bentuk jenayah yang sepatutnya diberikan perhatian yang utama oleh kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini.

Dato' Yang Dipertua, dalam Bajet yang begitu besar ini suatu yang perlu kita lihat ialah apabila Kerajaan akan sentiasa mengutarakan kepada kita bahawa Bajet yang besar ini ialah kerana keperluan pengurusan dan pembangunan yang perlu dilaksanakan di Negeri Terengganu tetapi untuk apa dan untuk siapa? Ini yang menjadi persoalannya, disebut di Dewan ini berkali-kali dari segi *revenew income* negeri ini dengan izin, bergantung 90% kepada sumber minyak dan gas serta sumber hasil kayu-kayan. Maka ini bukan suatu yang kekal, kita perlu membuat persiapan untuk menghadapi masa-masa yang mendatang untuk kita menjamin masa depan generasi yang akan datang yang ada di seluruh Negeri Terengganu ini.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyebut sedikit tentang Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir. Kerajaan Negeri Terengganu telah menyebut ataupun mengisytiharkan bahawa Kerajaan Pusat telah meluluskan lesen untuk Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir. Di Dewan ini jugak kita telah berbelanja ataupun meluluskan lebih RM200 juta Pembangunan Tasik Kenyir yang kita belanjakan. Persoalan yang terdetik di hati saya ialah Kawasan Bebas Cukai yang ada di seluruh negara sebagai contohnya di Rantau Panjang, di Langkawi, di Pengkalan Kubur, di Johor, di Pengkalan Hulu semuanya adalah merupakan Kawasan Bebas Cukai yang dikendalikan dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan dari segi bajetnya, dari segi kewangannya. Tetapi di Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir ini kita Negeri Terengganu terpaksa berbelanja besar, kos awal ini meningkat daripada RM26 juta kepada RM36 juta. Dari segi kelulusan yang diberikan ini juga memerlukan kepada kajian-kajian yang mendalam. Saya ada kebimbangan kawasan Tasik Kenyir ini sepatutnya menjadi kawasan dengan izin, *security area.* Bagaimana gambaran apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan bahawa bila berlakunya kawasan bebas cukai ini kita menjangkakan lebih 10 juta pelancong ataupun penduduk-penduduk yang akan datang ke kawasan Tasik Kenyir ini. Apa implikasinya kepada dari segi masa depan Tasik Kenyir dari sudut EIA, dari segi pencemaran dan sebagainya dan bagaimana kedudukan kawasan Tasik Kenyir ini dari sudut *security area* dengan izin Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, begitu jugak dalam hal yang berlaku ini kita melihat apabila beberapa projek yang berjalan dalam negeri kita yang perlu kepada penjelasan.

Yang pertamanya, saya jugak ingin mendapat penjelasan lanjut dari sudut IJN Negeri yang diusahakan di Kijal. Apakah lesen telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini untuk IJN di Kijal ini? Begitu juga dalam konteks apa yang berlaku dari segi projek-projek yang lain dalam kawasan ataupun dalam Negeri Terengganu ini sendiri dalam konteks pembangunan yang berlaku secara keseluruhannya. Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, inilah antara perkara-perkara yang telah saya sebut dan saya ulangkan kembali yang memerlukan kepada pemerhatian yang jelas daripada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan jugak pegawai-pegawai serta Exco-Exco yang ada ini di sini. Saya pada Dewan ini jugak ingin menyahut cabaran Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari sudut projek kawasan Tempat Letak Kereta Berpusing Di Batas Baru. Sebaik sahaja cabaran dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya telah menghubungi Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Saudara Lim Guan Eng. Pulau Pinang telah ada cadangan untuk pembinaan Parking Bergerak daripada satu *company* daripada Negeri China, jumlah perbelanjaan yang dijangkakan lebih kurang RM4.5 juta. Yang Berhormat Saudara Lim Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menolak projek ini kerana selepas kajian yang dibuat oleh mereka dari sudut ROI *(Return of Investment)* ianya akan mengambil masa lebih daripada 25 tahun untuk menguruskan hal ini. Begitu jugak dari segi pengurusan dan jugak dari segi melaksanakan projek-projek yang sedemikian ini. Maka saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, selain daripada di mana saya telah sebut dari segi *'scarcity of land'*, kalau di Pulau Pinang mungkin ada logiknya, sebuah pulau yang begitu kecil boleh buat suatu parking bertingkat tetapi di Negeri Terengganu kita mempunyai tanah yang begitu banyak, mengapa harus kita berbelanja hampir RM10 juta dan kita pulak terpaksa menghantar pegawai-pegawai untuk pergi *training* di China dari segi projek yang sedemikian ini. Saya ingin ulang sekali lagi, malang Yang Amat Berhormat tidak ada di Dewan ini, projek ini tidak lebih daripada projek untuk memperkayakan kroni Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya bertanggungjawab di Dewan yang mulia ini, maka saya ulang bahawa projek-projek sedemikian inilah yang telah meletakkan dan memperkayakan kroni-kroni Yang Amat Berhormat Menteri Besar terutamanya *tycoon-tycoon* yang datang untuk merompak kekayaan Negeri Terengganu dalam keadaan kelemahan pentadbiran yang begitu ketara di bawah kepimpinan Dato' Seri Ahmad Said sebagai Menteri Besar Negeri Terengganu sejak 3 tahun kebelakangan ini. Dengan kita melihat dengan jelas dengan perbelanjaan yang begitu besar dan begitu mewah dibelanjakan sesuka hati maka dalam hal inilah siapa yang harus bertanggungjawab dengan apa yang sedang berlaku ini.

Dato' Yang Dipertua, apa yang berlaku ini, saya bimbang sangat kalaulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Exco terlalu sibuk menguruskan pemberian tender-tender balak, membahagikan projek untuk kroni serta sibuk menguruskan zoo di Kemaman dengan membelanjakan puluhan juta ringgit untuk memberi makan kepada rimau, singa, gajah, beruk hingga lupa kepada rakyat *marhain* di Negeri Terengganu yang dihimpit kemiskinan dengan hanya mampu memeras segala keringat mencari rezeki kais pagi makan pagi kais petang. Maka inilah persoalan yang besar di Dewan yang mulia ini, saya di awal dan di akhir ingin mencadangkan bahawa Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Dewan yang ada di dalam Dewan ini kita bersama-sama menolak Bajet yang dibentangkan pada semalam dan dibahaskan pada hari ini, kita sama-sama menolak kerana kalau kita menerima Bajet ini bermakna kita bersekongkol dengan kepimpinan yang menggunakan kewangan lebih daripada RM6,000 juta sejak 3 tahun yang terakhir dan tahun 2011 ini akan berbelanja hampir RM2,000 juta lagi menjadikan RM8,000 juta dibelanjakan di seluruh Negeri Terengganu dalam keadaan orang-orang Melayu daripada Kemaman sampai ke Besut merempat dalam melihat kemiskinan yang ada pada mereka dan duit itu dibazirkan dengan pelbagai projek-projek yang tidak menguntungkan masa depan dan kepentingan rakyat. Wallauhu wa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Batu Burok. Sepatutnya kita tidak sebut nama, saya dah pesan dah semalam. Jadi kita tangguh dulu sidang kita ini dan kita masuk semula ke Dewan pukul 4.03 petang.

PUKUL 4.03 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan sekalian mesyuarat diteruskan kembali. Saya mempersilakan lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Ya, Bukit Payong, sila. 20 minit Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. *(Seterusnya membaca beberapa petikan ayat Quran/Doa sebagai mukadimah).* Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah memerintah dengan keadilan, kebaikan dan menolong kaum kerabat dan melarang daripada kerja-kerja keji, mungkar, kejahatan dan kezaliman. Dia memberi nasihat kepada kamu mudah-mudahan kamu mengambil peringatan."

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Kerajaan yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian. Dalam kita berbincang tentang Bajet saya mahu menyambung apa yang dibincangkan dan disebut oleh rakan-rakan Wakil-wakil Rakyat tentang Bajet yang besar yang ada yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan hanya saya mahu melihat dan menumpukan kepada satu generasi pakar-pakar sosiologi dan psikologi menyebut namanya 'Generasi Y' ataupun golongan belia dan remaja. Belia dan remaja yang ada pada hari ini digelar sebagai Generasi Y yang terdedah dengan maklumat-maklumat teknologi yang ada dalam keadaan membina dan membentuk minda, hati dan pemikiran mereka. Yang membuatkan kita bimbang jika tidak diasuh, dididik dan diatur dengan baik generasi ini bukan sahaja tidak mampu untuk meneruskan kebaikan-kebaikan yang ada bahkan mereka akan meruntuhkan dan memusnahkan kebaikan-kebaikan yang ada. Kita melihat beberapa rangkaian isu yang berkait dengan Generasi Y ini ataupun belia, remaja. Yang pertama, isu Mat Rempit, penyalahgunaan dadah, zina sehingga melahirkan anak-anak luar nikah ataupun anak yang tidak sah taraf, penyakit HIV (Aids). Ketiga-tiga gejala ini ada hubungkait, seringkali Mat Rempit terlibat dalam penyalahgunaan dadah bahkan Mat Rempit tidak cukup dan tidak padan mereka hidup sebagai seorang diri, mereka cari pasangan (teman) yang membuatkan mereka akhirnya terdedah dengan maksiat yakni zina. Seringkali persoalan ini kami sebut dan ada orang menilai bahawa kesilapan semua ini adalah kerana keluarga, ibu bapanya. Kita bercakap dalam Dewan ini bagi menilai tentang peranan Kerajaan, tanggungjawab Kerajaan, tanggungjawab pihak berkuasa dalam menyelesaikan semua persoalan-persoalan ini kerana anak luar nikah sangat membimbangkan kita .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, termasuk Kelantan, termasuk Kedah, Selangor .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Tak apa biar saya bercakaplah. Ini semua peranan Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yalah takut Yang Berhormat terlupa.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya bercakap dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya peringatkan Yang Berhormat, termasuk Pulau Pinang, ya.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya bercakap dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih, bagus.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Untuk menjelaskan tentang peranan dan tanggungjawab Kerajaan Negeri Terengganu yang kita semua dipilih oleh rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya takut Yang Berhormat lupa.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Termasuk saya Wakil Bukit Payong rakyat Negeri Terengganu bukan rakyat Kelantan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab Yang Berhormat sedap bercakap takut terlupa kepala tu .....(Dalam Gelak) .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): ..... bukan rakyat Kelantan yang pilih saya. Maka kita berbincang bagaimana kita nak menyelesaikan permasalahan Generasi Y yang ada di Terengganu dengan saya tidak menafikan tentang persoalan yang wujud di negeri-negeri lain. Inilah yang disebut oleh Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa jumlah anak luar nikah yang ada dalam negara kita mengikut nilaiannya 80,000 kalau diangkakan bersamaan seorang bayi untuk setiap 17 minit. Ini adalah isu yang sangat kita bimbang sehingga peningkatan anak tidak sah taraf semenjak daripada 2005 sebanyak 230 sehinggalah pada bulan Januari hingga Jun tahun ini 321 orang, peningkatan jumlah ini membimbangkan kita semua. Demikian jugak

penyakit Aids, HIV yang dikatakan berlaku di Negeri Terengganu sebanyak 315 kes baru dilaporkan pada tahun lepas, kemudian peningkatan wujud sebagaimana yang disebut oleh Naib Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Zaman Khan ketika berucap pada Majlis Hari Memperingati Aids Sedunia 2010 Peringkat Kebangsaan di Kuala Terengganu. Semua persoalan-persoalan yang saya sebut ini untuk kita bincang di Negeri Terengganu bagaimana kita nak menyelesaikan persoalan ini. Dalam keadaan Kerajaan mengeluarkan Bajet yang besar, ada orang kata puncanya kerana lemah pendidikan agama, kerana pendidikan yang ada dalam negeri kita hanya tumpu kepada kecemerlangan pada sudut akademik yang membuatkan ramai di kalangan penuntut-penuntut, remaja-remaja lemah pada sudut agama. Yang kedua, kerana keluarga. Yang ketiga, kerana pengangguran. Yang keempat, kerana kemiskinan. Apapun semua punca-punca itu saya sarankan agar ada satu agensi khusus buat kajian yang secara akademik, secara sempurna, secara lengkap, secara bebas apa dia semua punca-punca ini semua berlaku dan cara penyelesaian yang paling baik. Adakah penyelesaiannya ialah menyediakan jarum dan alat suntik kepada penagih dadah? Adakah penyelesaiannya dengan menyediakan kondom pada pasangan-pasangan? Adakah menyediakan topi keledar dan tempat litar lumba untuk anak-anak muda agar mereka berlumba? Tidak dinafikan ini semua memerlukan perbelanjaan yang besar di waktu yang sama Kerajaan terpaksa membelanjakan RM29 juta dalam Bajet 2011 dan kemungkinan ataupun telah dibelanjakan RM30 juta pada tahun 2010. Belanja yang besar ini dengan menyediakan dana-dana khas dengan duit-duit tunai kepada remaja-remaja, apakah dengan memberikan wang tunai kepada remaja-remaja yang hadir dalam program kemudian mereka menyediakan duit kerana dalam program dua hari satu malam, mereka kemungkinan diberikan duit tunai sebanyak RM200 atau RM300. Mereka hadir dalam program tiga hari dua malam, mereka diberikan duit dengan RM300, RM400 atau RM500. Apakah ini penyelesaian yang paling baik dengan kewangan yang besar, dengan kewangan yang banyak yang disalurkan oleh pihak Kerajaan. Di waktu yang sama kita tidak menafikan adanya kesilapan daripada sudut ibu bapa, adanya kesilapan daripada beberapa peribadi tetapi kita bercakap tentang peranan Kerajaan dalam waktu kita melihat pada 17 Disember, hari Jumaat ini Festival Remaja Terengganu 2010. Kita boleh melihat bagaimana Kerajaan sendiri bukan berusaha untuk membina anak-anak muda tetapi menjauhkan mereka daripada nilai-nilai yang sepatutnya. Kita lihat pada program 17 Disember, hari Jumaat ini Festival Remaja Terengganu 2010, di antara program yang hendak dibuat ialah karaoke, demonstrasi tarian, street dance atau tarian jalan Michael Jackson, apakah ini penyelesaian dengan persembahan pentas, artis jemputan. Apakah ini semua memberikan suatu penyelesaian yang baik dengan peruntukan besar di waktu yang sama Kerajaan pula pada 2.00 petang mengadakan Majlis Pengagihan Topi Keledar berkait dengan keselamatan. Kita tidak menilai bahawa topi keledar itu tidak baik tapi kalau beri topi keledar dan dengan topi keledar itu dia kohor berlumba tapi punca penyelesaiannya ialah hati, minda yang

kosong, hati yang kosong, pemikiran mereka kosong, bagaimana nak menyelesaikan semua persoalan ini. Persoalan ini dengan kewangan yang banyak dan dengan kewangan yang banyak sepatutnya mesti dibuat satu kajian bagaimana nak diwujudkan satu Pusat Rawatan Dan Pemulihan Penagih-Penagih Dadah bukan dengan kita sediakan alat suntik, bukan kita sediakan kepada mereka jarum-jarum tapi kita sediakan satu tempat yang membuatkan mereka bukan terus menerus jadi penagih tetapi mereka memiliki kesedaran untuk berhenti menagih. Demikian jugak kita mesti mengkaji bagaimana kita mahu melakukan suatu penguatkuasaan dengan kerjasama seluruh pihak dalam menyelesaikan tentang masalah Mat Rempit kerana masalah Mat Rempit ini ada kaitan dengan dadah, ada kaitannya dengan zina. Kenapa zina ini wujud jugak mesti dikaji, adakah kerana mereka susah nak kahwin? Kerana mereka menganggur? Kerana Kerajaan memerlukan satu insentif dengan memberikan sesuatu perkara untuk menggalakkan mereka agar mereka mudah untuk menunaikan dan mendirikan rumah tangga. Persoalan-persoalan yang saya sebut ini supaya kita menilai, Kerajaan Negeri Terengganu menilai agar kita membina Generasi Y yang saya sebut iaitu generasi belia remaja kita bukan sahaja kita sogokkan mereka dengan duit tetapi diwaktu yang sama minda mereka kosong, hati mereka kosong. Tetapi lebih baik dan sepatutnya kita jangan habiskan duit dengan duit *cash* tetapi kita berikan satu latihan, kita berikan satu kesedaran, kita berikan satu perkara yang membuatkan mereka dekat dengan agama, yakin terhadap persoalan-persoalan yang wujud. Kesimpulannya dalam tempoh yang pendek ini saya mintak agar pihak Kerajaan buat satu ataupun wujudkan satu badan atau agensi berfikir dengan cara akademik berdasarkan kepada pakar-pakar agama macam mana untuk mempastikan penyalahgunaan dadah ataupun penagih-penagih dadah ini mereka tidak akan terus menagih dengan wujudnya pusat-pusat yang baik yang membuatkan mereka terlatih dengan agama, dengan syariat Allah. Yang kedua, bagaimana kita nak mengukuhkan penguatkuasaan. Bukan sahaja pihak Keselamatan tetapi JKKK bagaimana berperanan, RELA bagaimana berperanan, semua pihak berkuasa berperanan untuk mempastikan anak-anak muda kita sedar tentang kehidupan mereka di masa yang akan datang.

Sebagai penutupnya, saya mahu membaca hadis Nabi S.A.W. yang bermaksud: "Dihadapkan pada Hari Qiamat pemerintah-pemerintah maka Allah Taala berfirman kepada mereka: "Kamu adalah penerus seruan khalifahKu yakni Nabi-nabi dan Rasul-rasul, penjaga KerajaanKu di muka bumi." Kemudian Allah berfirman kepada salah seorang di kalangan mereka: "Kenapa engkau tekan, engkau pukul, engkau membebankan hambaKu lebih daripada hak yang disuruh kepada kamu." Maka jawablah pemimpin ini: "Wahai Tuhanku kerana mereka derhaka kepadaMu dan menyanggah perintahMu." Kemudian berkata pula seorang pemimpin, kemudian Allah Taala berfirman pula kepada pemimpin yang lain: "Kenapa engkau menghukum hambaKu lebih ataupun kurang daripada hak yang

ditentukan dan diperintahkan kepada kamu." Maka si-pemimpin itu berkata: "Wahai Tuhanku sesungguhnya aku kasih kepada mereka." Tuhan berfirman: "Bagaimana kamu menjadi orang yang lebih kasih daripadaKu. Wahai para Malaikat ambil mereka yang semua ini melebihi daripada batas kehendakKu ataupun mengurangkan segala batas kehendakKu dan himpunkan mereka bersama-sama ahli Neraka." Saya bercakap tentang satu isu sahaja bagaimana kita hendak menyelesaikan permasalahan Generasi Y ini berdasarkan agama, berdasarkan tuntutan pihak berkuasa yang dikenakan kuasa oleh Allah S.W.T. Wassalamualaikum warahmatullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam. Terima kasih Bukit Payong. Wakil lain yang ingin bercakap. Sila Yang Berhormat Manir. Manir 30 minit. Cukuplah tu, silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya para Pemerhati yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya hari ini. Saya ingat nak cakap lambat sikit tapi wakil-wakil Kerajaan nampaknya takmboh bercakap, jadi mereka macam nak pulau Bajet ini. Ke kita nak tolak sungguh? ....(Dewan Gelak) .... Kalau nak tolak sungguh tu saya akan bercakap *pesen* nak tolak macam tu.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, pertama sekalinya macam kawan-kawan saya jugak pemerhatian umumnya Kerajaan kita ini dalam setahun-dua ini kemaruk. Hak ada pitih tu nak belanja belaka bukan hak kita saja, hak orangpun nak belanja jugak sampai *takdok sekepeng pitih* Kerajaan. Tahun lepas defisit, tahun ini pasal tak defisit tu pasal masuk Kumpulan Wang Amanah Yang Disatukan RM900 juta. Kumpulan Wang Amanah Yang Disatukan defisit RM600 juta, jadi tolak hak tu nampak ada macam pitih Kerajaan tapi pitih orang, pitih Amanah dan Deposit. Itu yang saya kata kemaruk, hak kitapun belanja, hak orangpun belanja.

Saya tak dapat pasti royalti petroleum dan gas itu kalau dulu diperuntukkan untuk generasi yang akan datang melalui Tabung Amanah Warisan sama ada 30% ataupun RM60 juta mana yang lebih sedikit. Jadi kita beberapa tahun ini membelanja kesemuanya sama ada wang kita ataupun bukan wang Kerajaan, betul maknanya wang Deposit, wang Amanah itu tidak dituntut sekali gus, mungkin secara beransur-ansur, kita bayar sikit-sikit *dokdang* bayar habis lagi tahun depan bayar pulak tetapi kerana kita tidak berhemat jadi cara perbelanjaan itu berlawanan dengan dasar

Kerajaan yang dikata 'perbelanjaan yang berhemat', itu satu, habis *takdok sekepeng* Yang Dipertua dibelanja habis.

Yang keduanya, saya, ... Yang Amat Berhormat takdok. Yang Amat Berhormat ini satu kejayaan bagi dialah, dia berjaya mengenal pasti orang dalam kawasan dia saja, dalam DUN dia sampai 4,000 lebih. Belanja hari raya saja RM1 juta lebih. Saya tanya dalam bentuk soalan yang lain tapi saya tanya jumlah Dana Khas yang disediakan untuk perantau-perantau yang balik berhari raya di Terengganu, jumlah semua berapa? Itu yang Dipertua tolak tapi itu hak Yang Dipertualah mungkin Yang Dipertua rasa tidak penting. Jadi saya buat soalan itu, saya rujuk kepada salah satu daripada DUN di dalam Hulu Terengganu jugak, bukan DUN saya. Dia kata dia dapat menghimpun sebanyak 1,400 belia-belia atau pelajar-pelajar universiti yang balik berhari raya dan dia dapat memberi sumbangan Dana Khas untuk hari raya. Saya tanya DUN-DUN yang lain berapa? Tapi Dato' Yang Dipertua di bawah kuasa-kuasa yang ada pada dia, dia tolak soalan tu. Saya tak marahlah sebab itu kuasa yang ada pada dia mungkin tak pandai nak belanja, nak cari berapa mungkin itu tak sempatlah tapi notisnya 21 hari kepada soalan itu.

Yang ketiga, soalan saya ditolak ..... saya sebut saja je ni. Maknanya ada dalam laporan bahawa orang-orang yang tidak berdaftar sebagai Pemilih di Negeri Terengganu, anak Terengganu yang mintak Dana Khas Hari Raya ini ditolak kerana dia takdok dalam Daftar Pemilih. Saya nak kait dengan Yang Amat Berhormat berucap dalam DUN dia, lebih kurang dia kata: "Orang yang dijemput untuk menghadiri untuk menerima Dana Khas Hari Raya itu tuan-tuan ini sepatutnya tak payah saya cakap dah, awak duduk di bawah Kerajaan Barisan Nasional, sokonglah Barisan Nasional sampai bila-bila." Itu tak salahlah sebab dia orang Barisan tapi masalahnya duit itu duit rakyat tapi digunakan untuk kepentingan diri masing-masing ataupun kepentingan parti mereka, inilah banyak projek yang tidak berjaya.

Yang keempatnya, saya nak sebut hari ini *ketidakbersungguhan*, tidak serius Kerajaan nak mengatasi masalah kemiskinan. Kalau Kerajaan serius 3 tahun berturut-turut ini, saya rasa dah banyak dapat kita selesai masalah kemiskinan ini. Orang miskin ini diurus dengan begitu aje, nak beri Kelapa Pandan 10 pohon, nak beri Kelapa Sawit 3 pohon untuk tanam tepi rumah untuk tambah hasil. Jadi cara yang seperti itu saya telah sebut dalam Dewan yang lepas bahawa itu tidak berkesan. Bagaimana kita nak mengatasi, berapa projek perumahan untuk orang miskin, orang miskin kita ada berapa 10,000, 5,000, 3,000? Bagaimana kita nak menyelesaikan masalah perumahan? Kita peruntuk saja RM200 juta umpamanya, sama ada kita beli rumah daripada syarikat swasta yang membinanya, kita bayar kepada syarikat dan beri kepada orang miskin. Sama ada kita dengan rakyat nak bayar cara mana, sama ada Bithaman Ajil atau apa cara yang dikira oleh Kerajaan yang tak merugikan Kerajaan. Tapi saya baca-baca ni, kalau cakap-cakap tu,

puas kutilik, aku baca, aku renung tapi itu saya tidak berjumpa. Berapa orang miskin yang kita nak atasi melalui pertanian yang kita cakap, kita war-warkan kita nak tanam kelapa sawit. Kalau 3 tahun yang lalu kita dah buat maknanya tahun ini boleh makan dah kelapa sawit, sudah berhasil, kelapa sawit ini 2½ aje dia berbuah maka sudah ramai orang miskin yang terlepas daripada paras kemiskinan. Tapi kita ulangkan sebagaimana diucapkan oleh sahabat-sahabat saya beri kepada Kebajikan Masyarakat RM58 juta, orang miskin tu tahun ini miskin, tahun depan miskin, tahun depan nun miskin lagi. Ini polisi Kerajaan yang sepatutnya diubah, saya rasa polisi ini diamal oleh Kerajaan-kerajaan yang berideologi komunis saja untuk mengikat dan menambat hati rakyat miskin itu supaya tidak lari dan tidak sokong kepada Kerajaan kalau tidak mereka tidak mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan sepatutnya ini dibebaskan. Ini cadangan baru ni nak bayar awal bulan banyak tu jugak, tahun ini nak bayar awal bulan, 1 haribulan tu nak bayar dah. 1 haribulan ke, 15 haribulan ke, 10 haribulan banyak tu jugak takkan bertambah bayar awal bulan jadi banyak. Ini adalah satu peruntukan belanjawan yang tidak diberi fokus. Kita katakan kita nak menyelesaikan masalah kemiskinan, nak melibatkan orang-orang miskin dalam sektor perdagangan/perniagaan. Berapa premis-premis perniagaan yang kita cadangkan untuk diberi kepada orang-orang miskin pada tahun ini. Jadi orang-orang miskin yang mendapat premis perniagaan pada tahun ini dan kita beri kursus kepada mereka, tahun depan tidak termasuk dalam senarai dah. Tapi saya baca, saya belek-belek tak jumpa. Kita Mesyuarat Dewan ini betullah kami ni daripada parti Pembangkang beri pandangan baikpun Kerajaan tidak peduli sebab akhirnya bila sudah gulung, siapa bersetuju angkat tangan, kami tidak setujupun dilulus juga, kita tahu itu. Kami bercakap ini cuma menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan untuk memberi pandangan kepada Kerajaan kalau Kerajaan tidak keras kepalalah, kalau keras kepala tidak jadi apa jugak. Itu yang saya perhatikan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

Saya nak mungkin terulanglah, tengok dalam pertanian takdok satupun hak yang saya nampak yang berjaya, dia dok temu cari sebab saya tanya dalam Mesyuarat Dewan yang lepas dia kata: Sila nyatakan projek yang dilancar oleh Kerajaan yang paling tidak berjaya khususnya dalam bidang pertanian. Dia tolak soalan itu, pada hal mudah aje tak tolakpun tak apa tapi itu adalah kuasa Yang Dipertua di bawah peeraturan-peraturan tertentu, saya sedar. Jadi kambing, lembu, kerbau, ayam, itik, ubi keledek, ubi keladi, jagung, gadung, saya gadung ini ingat masa budak-budak dululah hak rendam dalam sungai. Jadi projek-projek ini tidak mendatangkan hasil yang baik kepada rakyat. Tadi sahabat saya daripada Hulu Besut bertanya harga duku murah nak buat guana? Exco jawab senang aje, memang biasa apabila tawaran itu banyak, buah banyak berdo'oh, orang nak beli takdok maka murahlah. Itu hak biasa tetapi usaha Kerajaan. Masalah sekarang ini kita beri lembu, beri kambing tapi pasaran tak ada, rumput ada, makanan tak ada macam mana orang miskin dapat bergerak. Jadi yang inipun saya rasa Kerajaan

tidak begitu fokus di dalam mengatasi masalah orang-orang miskin ini melalui pertanian baik, perniagaan baik, melalui lain-lain perkarapun baik. Jadi oleh sebab itu kalau Bajet itu kita buat macam ini ikut tradisi sahaja, ini Bajet tradisi maka sampai bila kita nak mengatasi masalah-masalah yang berlaku dalam negeri kita dan kepada rakyat. Memanglah slogannya sedap "1Malaysia", "Rakyat Didahulukan". Yang nampaknya betullah rakyat diutamakan, Kerajaan takdok *pitihpun* ambil dengan rakyat, naik harga minyak, naik harga gula rakyat yang kena bayar, Kerajaan yang boleh *pitih.* Sepatutnya dia kena bayar subsidi, ini rakyat sokmo yang kena, diutamakan kalau nak ambil pitih apa, nak ambil cukai apa, rakyat yang kena, nak pulang balik susah. Slogan ini sedap tetapi rakyat digula-gulakan oleh pihak Kerajaan maka dengan sebab itu saya tidak nampak Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam pembentangan Bajet itu bagaimana nak membantu rakyat dalam keadaan harga minyak naik, harga gula naik dan diekori dengan barang-barang yang lain naik. Apakah perancangan untuk membantu rakyat khususnya kepada yang berpendapatan rendah di dalam perkara ini. Maka dengan sebab itu saya rasa kalau Kerajaan tidak berubah sikap maka untuk kita mengatasi masalah-masalah seperti ini adalah sukar. Saya selalu menyebutkan, selalu bantuan-bantuan yang diberi tidak sampai kepada sasaran tapi saya tidak begitu cekap untuk mengambil gambar tetapi sahabat-sahabat saya telah menunjukkan bahawa Rumah PPRT itu dijadikan rumah sewa, rumah tumpangan, kenapa ini berlaku? Kerana tuannya sudah ada rumah tetapi kita beri juga. Ini suatu perkara yang tidak sampai kepada sasaran yang menyebabkan Kerajaan berbelanja banyak, kita tidak nafikan nak mengatasi orang miskin ini Kerajaan peruntukkan banyak tapi dia beri kepada orang bukan miskin, orang miskin tidak dapat, yang sepatutnya dapat dia tidak dapat.

Begitu jugak kadang-kadang perkara remeh yang saya malu nak sebut di sini. Beli baju sekolah kepada pelajar-pelajar sekolahpun agihannya tidak kena. Duk berbalah pasal senarai agihan, senarai A, senarai B, senarai C. Yang A nak orang ni, B nak orang ni dan C pulak nak orang-orang ni dan akhirnya tak boleh nak bahagi, habis begitu saja, letak di mana tak tahu. Ini pembaziran yang telah berlaku terhadap harta Kerajaan yang tujuan asalnya adalah untuk kebaikan tetapi bertukar menjadi satu perkara yang membazir dan tidak sampai kepada sasaran.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan di sini contoh-contoh bagaimana orang-orang yang terdahulu mengatasi masalah-masalah. Biarlah saya ambil contoh Umar bin Abdul Aziz yang pernah saya sebut dalam Dewan ini pada zaman-zaman yang lalu. Macam mana dia nak mengatasi masalah kemiskinan rakyat dia, selama 2 tahun sahaja dia mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Umayyah tetapi dalam masa 2 tahun itu dia dapat mengatasi masalah kemiskinan dengan pegawai-pegawainya membawa wang untuk dibahagi-bahagikan kepada orang-orang miskin di kampung tetapi orang kampung

sudah menolak mereka kata: "Kami tidak perlu bantuan Umar, kami telah dikayakan oleh Umar kekayaan kerohanian dan lain-lain." Bagaimana cara Umar menjalankan aktiviti mengatasi kemiskinan dalam masa 2 tahun itu. Umar telah menjalankan kegiatan dakwah, kegiatan tarbiyyah yang telah diabaikan serba sedikit oleh Kerajaan yang terdahulu. Dengan aktiviti dakwah dan tarbiyyah itu masing-masing sedar apa yang mereka, hak mereka untuk menerima bantuan-bantuan daripada Kerajaan. Apa yang mereka patut usahakan sendiri. Jadi mereka-mereka ini sedar bahawa mereka boleh berusaha dan mereka tidak perlu menerima bantuan daripada Kerajaan iaitu rakyat telahpun dibebaskan daripada belenggu subsidi. Jadi kita sekarang kalau boleh hak miskin itu jangan boleh, hak kaya yang boleh. Dalam umpamanya masa-masa yang lalu, dalam peristiwa bencana alam kadang-kadang orang tak terlibat dengan banjirpun masa pegawai-pegawai yang berkhidmat untuk membantu mangsa banjir pergi nak beri bantuan ke kampung, orang tak terlibat itu lebih dulu lagi pergi, awal-awal dia dah pergi dah. Maka dengan sebab itu pengagihan berlaku tapi bukan kepada sasaran. Ini perlu diambil kira sebab itu Menteri Pendidikan kena ambil kira perkara ini di dalam menjalankan aktiviti pendidikan selain daripada kokurikulum itu sendiri perlu supaya pelajar-pelajar kita khususnya pelajar-pelajar sekolah menengah ataupun pelajar di peringkat universiti di bawah tajaan Kerajaan, Kerajaan perlu membuat satu program khas untuk mereka, memberi kesedaran tentang tugas dan tanggungjawab, kewajipan mereka terhadap agama, kewajipan mereka terhadap negeri dan negara supaya mereka itu sedar bahawa bukan mereka untuk menerima tetapi mereka untuk memberi juga. Kalau usaha-usaha ini tidak berjaya maka sediakanlah wang sebanyak manapun dia tetap habis. Begitu juga sebagaimana yang saya sebut juga yang tidak sampai kepada sasaran iaitu projek-projek perumahan, orang yang sepatutnya dapat dia tidak dapat kerana mukadimah permohonan itu bila projek naik isi borang selalu dan berserta dengan borang permohonan untuk dapat rumah itu juga ada disertakan borang permohonan jadi Ahli UMNO, kena dua-dua isi. Ini adalah satu cara yang dilakukan oleh pihak Kerajaan daripada dulu sampai sekarang ini. Saya bukan cemburu. Tidak, tetapi itu menyebabkan sasaran kita tidak sampai, duit kita belanja banyak tapi tak sampai kepada sasaran.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan daripada Yang Berhormat Manir, boleh ke Dato'?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh, boleh sangat. Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato'. Cuma setakat saya tahu tidak pernah lagi berlaku penyertaan borang keahlian

UMNO mungkin di tempat Dato' atau tempat mana-mana, saya tidak tahulah itu. Di tempat saya tidak berlaku lagi macam itu, Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Wakil Rakyat Jabi ini dia baik, murah hati, dia beri belaka tapi kat saya tidak ada Wakil Rakyat Barisan, ada Wakil Rakyat PAS sahaja. Jadi ada Penyelaras DUN di sana. Bila nak borang itu kena mintak dengan Penyelaras DUN tapi kalau Kerajaan beri melalui saya tidak payahlah kena isi borang-borang UMNO tu. Tapi Penyelaras DUN dia kata: "Isi borang ini dulu." Dan kenalah isi borang UMNO itu dulu. Perkara itu berlaku di tempat saya, di Jabi tidak berlaku, insya Allah. Jabi baguslah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Barangkali kena beri ke UMNO kawasan Yang Berhormat, barangkali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kena beri ke Barisan Nasional kawasan Yang Berhormat barangkali, macam Jabi jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak beri ke Barisan Nasional? Barisan Nasional nak lama dah. .....(Dewan Gelak) ..... Tiap-tiap kali pilihan raya duk serang sokmo. Leningpun Menteri Besar dok habis-habis serang sokmo kawasan saya, Manir. Dia memang nak lama dah, saya dok beri saja, berlawanlah. .....(Dewan terus gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sambung Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak bercakaplah pasal dekat nak hujan, nak banjir ni berkait dengan persiapan menghadapi banjir. Saya hairan tiap-tiap tahun kita bersiap sedia untuk menghadapi banjir tetapi fokusnya di mana? Tidakkah kita telah mengenal pasti tempat-tempat yang selalu berlaku banjir dalam Negeri Terengganu. Kalau di Hulu Terengganu tu yang dahulunya dalam DUN Manir tapi sekarang ini DUN Telemong kawasan Bukit Tadok di mana kawasan jalan dan tanahnya rendah di situ. Tentunya Kerajaan ada idea bagaimana nak mengatasi supaya perhubungan tidak putus, boleh kita tinggikan jalan kalau dari Kuala Terengganu-Dungun-Paka, di Paka tu tiap-tiap tenggelam pasal apa tidak ada tindakan diambil supaya tidak berlaku banjir ini. Banjir tidak boleh disekat tapi bagaimana kita dapat mengatasi supaya pergerakan lalu lintas tidak terputus. Ini suatu perkara yang bukan setakat nak sedia makanan ayam saja, beri ayampun kalau air dalam tidak boleh lalu jugak. Kalau sekiranya hubungan tidak terputus,

kita tidak beli ayampun tak apa, rakyat boleh cari sendiri, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Apakah persiapan-persiapan yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk mengatasi ataupun untuk menjaga daripada kita dilanda banjir kerana banjir itu boleh menyebabkan banyak perkara yang tergendala. Ini perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan.

Selain daripada itu yang telah saya sebut tadi ialah tentang pendidikan. Kita di Terengganu, Sekolah-sekolah Agama yang di bawah Kerajaan Negeri nampaknya telah terserah kepada Kerajaan Persekutuan jadi sudah beberapa kali kita sebut di sinipun pihak Kerajaan kata tidak serah. Saya ada rasa satu benda yang terkilan di hati bila mana Kolej Agama Sultan Zainal Abidin mula-mula jadi Universiti Darul Iman (UDM), mula-mula kata UIDM (Universiti Islam Darul Iman) tapi orang takut *semabo* masa tu Menteri Besar Yang Berhormat daripada Jertih, takut jadi 'UIDM' jadi 'Universiti Idris' jadi tukar kepada UDM saja, dibuang 'I'. .... (Dewan Gelak) .... Lepas itu sekarang ini Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua jadi Universiti Zainal Abidin .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kalau Yang Berhormat rasa habis dah, Yang Berhormat boleh berhenti. ....(Delam gelak) ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau rasa dah habis dah, takmboh bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak, saya nak bercakap ni. Saya terkilan di hati, saya nak tanya. Dulu saya tanya apakah jenis-jenis harta Kerajaan Negeri yang diserah kepada Persekutuan atau mengikut perjanjian apa-apa di Universiti Darul Iman itu, sekarang ini Universiti Sultan Zainal Abidin. Saya tanya apakah jenis-jenis penglibatan Kerajaan Negeri? Ditolak soalan itu, dua kali dah tolak. Hak Persidangan lepas dah tolak, sekarang ini saya buat sekali lagi, saya nak tahu ada harta Kerajaan Negeri atau tidak di situ. Pasal apa Kerajaan *loket* sangat nak jawab ni? Saya berharap Kerajaan boleh jelaskan, kita ada berapa juta harta kita di situ, bagaimanakah perjanjiannya adakah kita serah saja ataupun ada perjanjian-perjanjian lain. Sepatutnya saya sebagai rakyat Negeri Terengganu boleh tahu jugak perkara itu. Jadi Yang Dipertua kata habis dah masa? Tak lagi dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): 3 minit lagi. Rasa macam nak berhenti dah. .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, boleh Yang Berhormat. Boleh duduk dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ringkaskan. Kita mintak kalau Kerajaan boleh bertolak ansurlah Bajet ini kita kena fokus yang kita nak selesai awal. Nak selesai orang miskin melalui pertanian, melalui perniagaan, melalui lain-lain perkara kita kena fokuskan di situ supaya kita tahun depan ini tidak bincang dah pasal orang miskin, takdok orang miskin dah tahun depan. Ini Bajet tiap-tiap tahun, bubuh situ sikit RM20 juta, RM15 juta, RM30 juta duk *ecer-ecer* akhirnya balik seperti asal. Begitu jugak masalah perumahan. Kita kena fokus betul-betul berapa keperluan perumahan di Negeri Terengganu ini supaya dengan belanja kita, Bajet kita yang banyak itu kita dapat peruntukkan kepada perumahan untuk kita target 3 atau 4 tahun akan datang masalah perumahan kita akan dapat selesaikan. Memang ada yang beranak baru Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tapi 4 tahun lagi tak perlu lagi rumah yang beranak baru itu. Jadi begitu jugak tentang pendidikan ini. Saya nampak macam Yayasan Terengganu ingin melepaskan tangan kepada pelajar-pelajar kita yang akan belajar di luar negara. Dia ingin menyerahkan kepada Pusat iaitu PTPTN. Jadi oleh sebab itu, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ramai daripada pelajar-pelajar kita yang pergi ke luar negara yang terpaksa berbelanja sendiri dulu. Kita tidak khuatir, kita tidak bimbang pelajar-pelajar kita berbelanja sendiri tapi Kerajaan Negeri yang mempunyai tanggungjawab yang wangnya ada sepatutnya dibelanja dengan baik untuk pelajar-pelajar kita belajar. Sebab saya bimbang Menteri Pelajaran ni bila saya tanya dulu dia kata: "Kita Barisan Nasional ini macam itulah kalau boleh biar orang belanja dulu, kita belanja kemudian." Jadi ini satu sikap yang saya rasa kurang 'bertanggungjawaban'. Saya mintak pada masa akan datang biarlah jadi lebih bertanggungjawab, insya Allah. Dato' Yang Dipertua, petang dah ni, mengantuk mata dah. Assalamualaikum.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Manir, munasabahlah masa kita ini petang dengan ucapan Yang Berhormat Manir yang banyak pengalaman itu menasabahlah di waktu petang. Jadi lembut, tidak garang, tidak panas, jadi insya Allah Yang Berhormat yang belum bercakap lagi tu kita ada lagi besok. Cuma nak peringatkan Yang Berhormat, saya nampak pegawai-pegawai masuk lambat tadi, kita bersidang pukul 4.03 minit barangkali sebelum kita keluar makan tadi, tahun depan kalau Bajet tak lulus takdok makananlah kita, risau barangkali pegawai-pegawai. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat tanggungjawab kita besar, kalau tengok tadi kempen Batu Burok, kemudian Bukit Payong dan Manir pulak nak suruh buat macam-macam pulak. Jadi hendaklah kita .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemudian besok juga .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh mintak penjelasan tak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak perlu lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini saya nak tutup dah untuk hari ini. Apa yang saya nak maklum tadi besok insya Allah kita ada satu daripada Pembangkang dan juga rakan-rakan yang lebih bersedia untuk berucap kalau tidak ada maklumkan kepada saya untuk kita buat penyelarasan supaya Dewan kita ini dapat bersidang dengan sempurnalah. Jadi terima kasih sekali lagi kepada semua Yang Berhormat. Insya Allah, kita sambung mesyuarat kita pada pagi besok pukul 9.30 pagi. Jadi sebelum kita bersurai mari sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.52 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 15 DISEMBER 2010

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ., DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharudcin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan acara Persidangan pada pagi ini, hari yang ketiga Mesyuarat Yang Ketiga, Penggal Persidangan Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas marilah dengan ikhlas kita membaca doa Ummul Kitab, mudah-mudahan kita doakan Allah Taala mengurniakan keberkatan, memberi taufik dan hidayah dan insyaAllah memberi kejayaan di atas perundingan dan perbincangan kita di Dewan yang mulia ini, insya Allah. Al-Fatihah.

Kita mulakan dengan Soalan Lisan untuk satu jam, memulakannya saya jemput ADUN Hulu Besut. Silakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan 1 -

> *Sehingga November 2010 di kawasan DUN Hulu Besut masih terdapat dua masjid mengadakan sembahyang Jumaat tanpa mendapat kebenaran daripada Kerajaan, bilakah masalah mengadakan dua Jumaat dalam satu kampung ini akan diselesaikan oleh Kerajaan?*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Soalan daripada Wakil Hulu Besut ialah berkenaan dengan bilakah masalah dua Jumaat dalam satu kampung akan diselesaikan oleh Kerajaan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak boleh memberikan tarikh bila masalah ini boleh diselesaikan tetapi masalah dua Jumaat dalam satu kampung boleh diselesaikan ahli jemaah yang mengadakan Jumaat di masjid-masjid atau di premis-premis yang tidak diiktiraf oleh pihak Kerajaan berpindah ke masjid Kerajaan ataupun apabila mereka memohon supaya kebenaran diberikan untuk melaksanakan Jumaat di masjid yang mereka kerjakan Jumaat di situ dan mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan (pihak Kerajaan) melalui Majlis Agama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebenarnya saya mengemukakan soalan ini saya sedar bahawa ini merupakan perkara ataupun isu yang telah lama tetapi apabila saya bertemu dengan beberapa orang yang mengadakan Sembahyang Jumaat di Masjid yang tidak mendapat kebenaran Kerajaan ini mereka mengatakan mereka cuma malu saja dan apabila mereka bertemu dengan pemimpin mereka (pemimpin PAS), pemimpin mereka seolah-olah mengakui bahawa selama ini merupakan kesilapan berlaku kepada fatwa mereka. Jadi saya nampak di sini mereka bersembahyang ini kerana mereka malu untuk ke masjid Kerajaan. Boleh ke tidak kalau saya katakan bahawa kesilapan yang dibuat oleh pemimpin PAS ini mereka cuma malu saja lagi untuk menukar fatwa mereka?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, apa yang disuarakan oleh Wakil Hulu Besut itu ada kebenarannya kerana Jabatan Hal Ehwal Agama telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengatasi masalah ini dan sehingga kini di seluruh negeri 10 buah masjid atau premis yang sebelum ini dijadikan tempat untuk mendirikan Sembahyang Jumaat tanpa kebenaran telahpun dapat diselesaikan dengan sebahagian daripada mereka telah berpindah ke masjid-masjid yang diiktiraf ataupun yang telah diberi kebenaran oleh pihak Kerajaan seperti Surau Bukit Cempedak di Jerung, atau kalau di Besut Surau Kampung Kubang Ikan dan sebagainya, mereka kembali ke masjid asal dan telah selesai masalah dua Jumaat dalam satu kampung.

Begitu juga ada sebahagian daripada masjid-masjid apabila diadakan perbincangan dan mereka menerima cadangan daripada pihak Kerajaan melalui Jabatan Agama dan Majlis Agama mereka telah diberi tauliah atau kebenaran untuk mengadakan Jumaat di tempat mereka. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi seperti yang disebut oleh Wakil Hulu Besut, di Hulu Besut sendiri ada dua lagi tempat Jumaat didirikan di dalam satu kampung atau qariah. Dan perjumpaan-perjumpaan telah dibuat oleh Jabatan Agama dengan pemimpin-pemimpin di surau-surau atau premis-premis tempat yang mereka mengadakan Jumaat ini sehingga yang terakhirnya pada 24 Oktober 2010 dan setengah-setengah daripada pemimpin-pemimpin surau mereka ada yang tidak datang langsung. Walau bagaimanapun, usaha ini telah diteruskan dan ternyata daripada jawapan pemimpin-pemimpin surau-surau atau premis-premis ini mereka sebenarnya hanya keberatan untuk pergi ke masjid Kerajaan ataupun memohon secara rasmi tauliah ini kerana mereka dibelenggu oleh sama ada pemimpin-pemimpin bawah, pengikut-pengikut di peringkat bawah ataupun pemimpin-pemimpin atasan kerana dalam perbincangan, izinkan saya sebut kalau boleh Dato' Yang Dipertua, sebahagian daripada mereka mengatakan kita tak ada masalah dah cuma kita kena tanya Dato' Haji Husain bin Awang, ini nama yang disebut oleh mereka.

Ada yang sebut: "Saya takdok apa-apa dah, nanti kena balik tanya Ustaz Nik Zawawi." Dan ada pulak yang kata atau setengah-setengah pemimpin yang kata: "Saya, kita takdok masalah dah boleh pergi ke masjid Kerajaan tapi kita kena balik bincang dulu kena tanya Ustaz Azhar," dia kata. Jadi inilah keadaan sebenar yang mana sebenarnya mereka sendiripun sudah keberatan dan sudah rasa tidak selesa dah mengadakan Jumaat di tempat-tempat yang tidak dibenarkan ataupun mendapat tauliah daripada pihak Kerajaan tetapi mereka meneruskan lagi hanya kerana perasaan malu dan juga arahan ataupun belum ada keputusan dan juga nasihat daripada pucuk pimpinan mereka. Jadi sebab itulah saya ambil peluang ataupun kesempatan pada kali ini agar pemimpin-pemimpin mereka ini dapat sekiranya menyelesaikan masalah ini membantu kita bersama Jabatan Hal Ehwal Agama dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu supaya kita kembalikan semula suasana asal dapat mengadakan Jumaat dalam satu kawasan, satu masjid satu qariah dengan kembali ke masjid asal ataupun dengan kita mohon dan bincang dengan Jabatan Hal Ehwal Agama, kita terima apa saja syarat-syarat yang diberikan oleh Jabatan Agama untuk kebaikan kita semua agar premis-premis tersebut mana yang sesuai boleh diberi tauliah, boleh diperakukan sebagai tempat untuk menunaikan Jumaat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya, saya yakin bahawasanya dua masjid di dalam satu-satu kampung ini bukan hanya sekadar di Hulu Besut tapi ianya juga ada di tempat-tempat yang lain. Soalnya sekarang ialah soal hukum sama ada sah ataupun tidak itu yang lebih penting. Jadi saya kira kalaulah salah satu masjid daripada dua masjid yang melaksanakan Jumaat mesti salah satu di antaranya yang tidak sah. Jadi perkara ini perlukan penjelasan, penerangan yang bersungguh-sungguh oleh Jabatan Agama kepada masyarakat setempat, jadi daripada situ hukumnya bagaimana? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, dari segi hukum Jumaat dua dalam satu kawasan ini mengikut fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti hukumnya adalah haram bila kita menunaikan Jumaat di premis-premis yang tidak mendapat pengesahan ataupun tauliah ataupun kebenaran daripada pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun dari segi hukum Jumaat itu sendiri apabila dia mencukupi syarat-syaratnya maka ianya sah apabila cukup jemaah dan juga kawasan tempat premis dan sebagainya tapi dari segi hukumnya haram tetapi Jumaat itu sah. Dia dalam agama kita ini ada yang benda yang 'halal dan sah dan ada benda yang haram dan sah'. Misalnya perceraian. Orang lelaki itu dia cerai isteri dia dalam keadaan isteri dia haid dan sebagainya, cerai itu sah tetapi haram. Sama juga bila orang itu berjual beli, dia berjual beli dengan keadaan barang itu tidak diberitahu harga sebenar, misalnya harga getah hari ini naik RM10, Tok Peraih mari ke kampung dia kata nak beli

getah dengan harga RM7, penjual ini tidak tahu harga hari ini sudah naik RM10 dah, jual beli itu sah tetapi dari segi hukumnya haram kerana ada unsur-unsur tipu, orang kampung itu tidak sempat dapat maklumat harga sebenar. Jadi hukum Jumaat dua dalam satu kawasan ini mengikut fatwa Mufti ini ialah sah tetapi haram, jadi kalau ikut meniaga walaupun sah tapi kalau haram walaupun boleh pahala tunai Jumaat tetapi boleh dosa kerana ingkar perintah Kerajaan saya rasa ini tidak wajar diteruskan dan dilakukan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi peluang kepada Jabi dulu, lepas ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek, pendek, ya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan kerana saya di Jabipun ada dua masjid yang masih mengadakan Solat Jumaat iaitu Masjid Jabi dan Masjid Kampung Tok Dat. Yang pertama, saya pohon penjelasan yang pertama, daripada penjelasan pihak Kerajaan tadi 'malu' hendak pergi ke masjid Kerajaan malu, apakah malu kepada manusia ataupun malu kepada Allah Taala?

Yang kedua pohon penjelasannya adakah kerana amanat oleh seorang Tok Guru yang telah menyebabkan perpecahan seperti ini dan saya kira amanat ini yang mengkhianati rakyat? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Malu itu memang betul dan saya kira kalau orang itu malu kepada Allah dalam ibadah ini dia tidak sepatutnya berlaku kerana ibadah ini kerana Allah. Tetapi saya kira seperti yang disebut oleh Wakil Hulu Besut dia malu kepada orang ramai kerana sudah lama dia tinggal masjid di kampung dia. Dan saya percaya mengikut pemerhatian saya dan juga maklumat-maklumat yang saya terima di setengah-setengah tempat walaupun sebahagian besar pengikut-pengikut Parti Pembangkang ini sudah kembali ke masjid asal Kerajaan tetapi masih terdapat beberapa orang di kalangan mereka yang keluar daripada kampung tersebut menunaikan Jumaat di kampung lain kerana mereka terlalu lama tidak ke masjid kampung itu dan kerana mereka dah lama tidak berhubung dengan Imam, Bilal dan jemaah di situ, mereka rasa malu nak pergi ke masjid itu dan oleh kerana jemaah mereka, group-group, kumpulan

mereka dah tidak mengadakan Jumaat di tempat lama mereka, mereka balik kembali ke masjid yang di luar daripada qariah atau kampung mereka di tempat yang mereka rasa orang tak berapa cara kepada mereka dan tak kenal mereka. Puncanya itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah ianya kesan daripada amanah dan pesanan pemimpin-pemimpin mereka sebab itulah dalam perbincangan kita dengan jemaah-jemaah pimpinan mereka di peringkat masjid-masjid atau surau-surau premis-premis mereka ini, mereka tidak berani nak buat keputusan sehinggalah mereka dapat kata putus daripada pemimpin-pemimpin mereka yang saya sebutkan tadi. Antaranya ialah Dato' Husain, Ustaz Nik Zawawi, Ustaz Azhar, sayapun sebahagiannya saya kenal, sebahagian tidak kenal tetapi ini adalah pemimpin-pemimpin mereka yang mereka tak berani nak buat keputusan tanpa dapat kata putus daripada orang-orang tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya tertanya-tanyalah apabila dibangkitkan soal Sembahyang Jumaat, dua Jumaat dalam satu kampung ni. Apa masalah sebenarnya, nak dikaitkan dengan perpecahan, nak dikaitkan dengan malu, nak dikaitkan dengan macam-macam, kita pergi ke luar negara, di Mesir, di Madinah sebelah menyebelah saja takdok masalah. Kalau berlaku di Jabi, berlaku di Hulu Besut, di kawasan saya Wakaf Mempelam, di Sungai Rengas ada dua masjid, di Kampung Paloh ada dua masjid, di Simpang Empat Chendering ada dua masjid, takdok masalah. Jadi hairan yang kita bermasalah patut bincang ajelah pasal apa orang tak pergi masjid bukan kerana orang sembahyang dua-tiga satu kampung itu, apa masalahnya? Jadi saya nak mintak penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, Wakil Wakaf Mempelam ini sudah gaharu cendana pula, dia tahu tapi dia tanya pulak. Masalah dua masjid dalam satu tempat seperti di Mesir dan di negara-negara yang dia sebut ini, ini berbeza dengan dua masjid di dalam konteks yang kita bincang pada hari ini. Di Mesir penduduk-penduduknya padat, kadang-kadang di satu-satu tempat itu atau di satu-satu flat itu beribu-ribu orang, jadi dia ada masjid dekat-dekat, di sebelah kiri flat ini ada masjid, di sebelah kiri flat ini ada masjid, jadi memang nampak dekat dan tak sampaipun ½ kilometer kadang-kadang. Tapi dalam konteks yang kita bincangkan hari ini dalam satu kampung yang masjidnya masih mampu menampung jemaah untuk seluruh penduduk kampung itu tiba-tiba ada satu golongan buat masjid lain untuk berjumaat kerana tidak setuju dan kerana menganggap tidak sah dan sebagainya dengan Imam di masjid yang sedia ada. Dan semua ini berpunca daripada fahaman politik kerana

kononnya Tok Imam ini sirkularlah dan entah apa-apa, ini mereka tahu sebab itu saya kata sudah gaharu cendana pula, dia tahu tapi sengaja dia tanya aje. Jadi Dato' Yang Dipertua, masjid dekat dan kitapun sedang ambil usaha dan sebab itu saya sebut mana-mana masjid yang dari segi persempadanannya boleh dipertimbangkan supaya disahkan. Kita berbincang dengan pemimpin-pemimpin mereka supaya mereka ini mendapat pengiktirafan daripada pihak berwajib, daripada Majlis Agama tetapi nyata dalam perbincangan mereka, mereka tidak mahu masjid ini diwarta dan diberi tauliah daripada pihak Kerajaan dan mereka ini tidak mahu dikawal di bawah Enakmen-enakmen Majlis supaya mereka baca khutbah yang disediakan oleh pihak Majlis dan supaya Imam mereka nanti dipanggil temu duga dan supaya Imam mereka nanti kena pergi kursus dan sebagainya. Ini terbukti kerana di suatu tempat kalau saya boleh sebut di Setiu, ada sebuah masjid di kampung yang saya sudah lupa namanya, mereka sudah buat masjid dua di satu kampung itu sudah lama dah tapi apabila mereka menang dalam pilihan raya tahun 1999 dan bila mereka nak wartakan, nak bawa masjid ini supaya diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama kerana masa itu mereka memerintah, mereka temu duga Tok Imam yang sudah lama menjadi Tok Imam di masjid mereka ternyata tidak lulus Tok Imam itu, baca Quran tak betul Tok Imam Dato' Yang Dipertua. Jadi mungkin kerana isu-isu yang macam inilah mereka tidak mahu masjid-masjid mereka ini diletak di bawah Majlis Agama dan tidak mahu ditadbir mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Agama kerana di antaranya tak nak baca khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan/Majlis Agama dan tidak mahu Imam-Imam mereka ini ditemu duga nanti diketahui orang rupa-rupanya selama ini baca Fatihah tak betui, rupa-rupanya selama ini baca begitu, begini dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih. Tahniah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh saya nak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih dah tu saya bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia tak jawab soalan tu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Wakil Manir. Tak ada Manir, saya jemput Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2 -

Senaraikan berapa jumlah Pusat Bestari.Comm di seluruh Negeri Terengganu dan berapakah jumlah yang dibelanjakan setakat ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Jumlah Pusat Bestari.Comm di seluruh Negeri Terengganu pada masa ini ialah sebanyak 46 buah pusat sebagaimana lampiran, di setiap DUN ada satu kecuali beberapa DUN seperti Kota Putera dan sebagainya. Kalau saya baca satu-satu boleh Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Yang Berhormat, boleh.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit):

DUN Kuala Besut	i) Kuala Besut	Pusat Bestari.Comm Kg. Beris, Alor Pisang, Kuala Besut.
DUN Kota Putera	i) Kota Putera	Pusat Bestari.Comm Bangunan UMNO, Kg. Raja, Kota Putera.
	ii) Pengkalan Kubur	Pusat Bestari.Comm Masjid Pengkalan Kubur.
DUN Jertih	i) Jertih	Pusat Bestari.Comm Kg. Gong Kemuntong, Jertih
	ii) Padang Luas	Pusat Bestari.Comm Bangunan Serbaguna Kg. Padang Luas
DUN Hulu Besut	i) Hulu Besut	Pusat Bestari.Comm Kg. Chegar Batang, Hulu Besut.
DUN Jabi	i) Jabi	Pusat Bestari.Comm Pekan Jabi.
DUN Langkap	i) Langkap	Pusat Bestari.Comm Wisma Sri Langkap

DUN Permaisuri	i) Permaisuri	Pusat Bestari.Comm Dewan Sivik Bukit Pelong, Permaisuri
	ii) Penarik	Pusat Bestari.Comm Masjid Kampung Penarik.
	iii) Guntung Luar	Pusat Bestari.Comm Bangunan Serbaguna Guntung Luar
DUN Batu Rakit	i) Batu Rakit	Pusat Bestari.Comm Dataran Bestari Batu Rakit.
DUN Ladang	i) Ladang	Pusat Bestari.Comm Jalan Ibrahim Kuala Terengganu
DUN Bandar	i) Bandar	Pusat Bestari.Comm Bandar
DUN Batu Burok	i) Batu Burok	Pusat Bestari.Comm Jalan Kenanga Batu Burok
DUN Wakaf Mempelam	i) Wakaf Mempelam	Pusat Bestari.Comm Masjid Makmur Kg. Losong.
	ii) Durian Burung	Pusat Bestari.Comm Masjid Al-Taqwa Durian Burung
DUN Seberang Takir	i) Seberang Takir	Pusat Bestari.Comm Pusat Khidmat Masyarakat DUN Seberang Takir.
	ii) Teluk Ketapang	Pusat Bestari.Comm Bangunan e-Komuniti DUN Seberang Takir
DUN Tepoh	i) Tepoh	Pusat Bestari.Comm Jalan Kelantan, Tepoh

DUN Bukit Tunggal	i) Bukit Tunggal	Pusat Bestari.Comm Jalan Sultan Mizan Bukit Tunggal
	ii) Pulau Duyong	Pusat Bestari.Comm Kampung Pulau Kecil Pulau Duyong
DUN Teluk Pasu	i) Teluk Pasu	Pusat Bestari.Comm Rumah Sewa berhampiran Pasar Jeram
DUN Ajil	i) Ajil	Pusat Bestari.Comm Pekan Ajil
	ii) Tok Dor	Pusat Bestari.Comm Masjid Kg. Tok Dor Ajil
DUN Kuala Berang	i) Kuala Berang	Pusat Bestari.Comm Perpustakaan Daerah Kuala Berang
DUN Telemong	i) Telemong	Pusat Bestari.Comm Pusat Penempatan Kampung Matang.
	ii) Kuala Telemong	Pusat Bestari.Comm Kuala Telemong.
DUN Manir	i) Manir	Pusat Bestari.Comm Hadapan Balai Penghulu Mukim Belara.
DUN Alur Limbat	i) Alur Limbat	Pusat Bestari.Comm Wisma Halal Padang Midin
DUN Bukit Payong	i) Bukit Payong	Pusat Bestari.Comm Bangunan Rumah Kedai Chin Hin

DUN Pengkalan Berangan	i) Pengkalan Berangan	Pusat Bestari.Comm Bangunan Dewan Orang Ramai Pengkalan Berangan
	ii) Gong Balai	Pusat Bestari.Comm Kg. Gong Balai, Mercang
DUN Rhu Rendang	i) Rhu Rendang	Pusat Bestari.Comm Bangunan UMNO Marang
DUN Bukit Besi	i) Bukit Besi	Pusat Bestari.Comm Pusat Pengembangan Pertanian, Bukit Besi
DUN Rantau Abang	i) Kg. Baru K. Abang	Pusat Bestari.Comm Kg. Baru Kuala Abang.
	ii) Rantau Abang	Pusat Bestari.Comm Jalan Pak Sabah, Dungun
	iii)Seb. Pintasan	Pusat Bestari.Comm Medan Info Desa Seberang Pintasan
DUN Paka	i) Paka	Pusat Bestari.Comm Bangunan JKKK Kuala Paka
DUN Sura	i) Sura	Pusat Bestari.Comm Lorong Melati 2 Kg. Batu 48
DUN Kijal	i) Kijal	Pusat Bestari.Comm Bangunan MPK Kijal
DUN Chukai	i) Chukai	Pusat Bestari.Comm Pusat Khidmat Masyarakat DUN Chukai
	ii) Paya Berenjut	Pusat Bestari.Comm Balairaya Kg. Paya Berenjut.

DUN Kemasik	i) Kertih	Pusat Bestari.Comm Bangunan JKKK Kampung Telaga Papan.
	ii) Kemasik	Pusat Bestari.Comm Balai JKKK Pekan Kemasik
DUN Air Putih	i) Air Putih	Pusat Bestari.Comm Bangunan MPK Binjai.

Jadi jumlah kesemuanya adalah 46 buah dan belanja yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan daripada 2005 hingga sekarang berjumlah RM16,411,611.67. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan. Saya ingin merujuk terus mengenai Bestari.Com ini dengan Laporan Audit yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara mengenai prestasi Bestari.Comm ini yang mana sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat tadi, Kerajaan Negeri telah berbelanja hampir RM20 juta dah dari segi menyediakan tempat serta segala aktiviti yang dijalankan ini. Dan saya difahamkan Bestari.Comm ini diberikan tugas untuk menguruskannya kepada sebuah syarikat bernama Syarikat Krim Network Sdn. Bhd. bukan diurus oleh Kerajaan Negeri tetapi sebuah syarikat swasta. Apa yang malangnya untuk penjelasan bila Laporan Audit menyebut bahawa dengan izin, saya baca teruslah: "Pusat Bestari.Comm antaranya terdapat lebihan bayaran berjumlah RM390,000. Prosedur kehilangan komputer dan peralatan yang tidak dipatuhi. Berlaku kehilangan komputer dan peralatan bernilai lebih RM162,000. Berlaku percanggahan laporan oleh syarikat serta waktu operasi pusat yang tidak mengikut perjanjian." Jadi secara umumnya, Laporan Audit ini memperlihatkan kurang memuaskan perjalanan Bestari.Comm ini sedangkan kita telah berbelanja banyak dan kalau dilihat kepada Laporan Audit ini suatu yang malang. Kalau kita tengok Pejabat ADUN Bandar, ada pejabat ADUN Bandar? Label diapun cabut, ini dalam Laporan Audit. Pusat Bestari di Hulu Besut, atapnya cabut, ini Laporan Audit menyebutnya. Ini suatu kelemahan yang begitu ketara dan bagaimana orang-orang awam nak datang ke sini dan menggunakan segala perkhidmatan yang ada sedangkan kita berbelanja banyak ni untuk kepentingan rakyat. Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, masalah-masalah yang disebut tadi itu adalah masalah-masalah yang biasa berlaku di mana-mana dan dari masa ke semasa Kerajaan sentiasa memantau perkara-perkara ini dan sebab itulah kerja-kerja penyelenggaraan dibuat dan kerana

itulah untuk makluman Dato' Yang Dipertua, seperti kehilangan dan sebagainya ini kadang-kadang ada sebahagian itu adalah kerana kecurian dan sebagainya. Dan banyaklah isu-isu seperti hujan, ribut adalah yang tercabut tu dan pemantauan itu adalah sedikit sebanyak terlewat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kerana melihat kepada beberapa perkara seperti yang ditimbulkan oleh pihak daripada Batu Burok tadi, pihak Kerajaan telah mengambil alih pentadbiran ataupun pengurusan Bestari.Comm ini dan diletakkan terus di bawah Unit Pengurusan Maklumat Negeri mulai pada tahun ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Satu lagi yang ingin saya mendapat penjelasan selain daripada Laporan Audit yang dibuat ini adalah dari segi penyaluran maklumat tempat Pusat Bestari.Comm ini dan penggunaan kepada masyarakat setempat, adakah ianya meluas ataupun bagaimana dari segi penggunaan ini kepada masyarakat sebab saya melihat kepada Laporan Audit dan juga jawapan awal yang diberikan ini kebanyakan Pusat Bestari ini terletak di Pejabat-pejabat ADUN, jadi kalau ianya tidak mendapat manfaat maka tidak menjadi makna dan erti bila kita berbelanja begitu banyak dalam menjayakan Program IT dalam negeri kita ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, setakat maklumat yang kita terima, penggunaan Pusat-pusat Bestari ataupun Bestari.Comm ini tidak ada masalah dan masyarakat mengetahuinya. Cuma mungkinlah kalau dia terletak di Pejabat ADUN atau Pusat Khidmat ADUN itu mungkin kepada setengah-setengah pihak yang tidak selesa untuk pergi ke sana. Walau bagaimanapun, dengan adanya pemancar kawasan yang digunakan sekarang ini saya rasa tidak ada masalah dan penduduk-penduduk telah datang dan ramai yang menggunakannya dengan baik dan saya rasa kalau ada tempat-tempat yang penduduk-penduduk kurang tahu, masyarakat kurang tahu itu saya rasa Wakil Batu Burokpun boleh tolong maklumlah kita ada Pusat Khidmat atau Pusat Bestari.Comm yang boleh diguna untuk masyarakat tanpa bayaran seperti yang kita sedia maklum.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, kita setuju Yang Berhormat, lagikan masjidpun ada yang tak berapa setuju tadi, ya inikan Bestari.Comm. Ada lagi soalan tambahan Yang Berhormat? Okey, kita jemput seterusnya Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama -

Berapakah kadar kelahiran dan kematian yang dicatatkan sepanjang Januari sehingga November 2010 bagi seluruh Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertamanya, terima kasih kepada Wakil Jabi kerana telah bertanyakan soalan cuma untuk makluman Wakil Jabi dan sidang DUN, soalan yang ditanyakan oleh Wakil Jabi adalah kadar kelahiran dan kadar kematian sepanjang Januari hingga November 2010 bagi seluruh Negeri Terengganu. Jadi untuk makluman semua kadar kelahiran dan kadar kematian selalunya dikira sepanjang tahun daripada Januari sampai Disember. Jadi kita tak sampai lagi Disember ni, jadi saya cuma beri jawapan untuk tahun 2009-lah yang tahun lepas. Jadi daripada maklumat yang diberikan, kadar kelahiran kasar untuk seluruh Negeri Terengganu tahun 2009 ialah 17.3% kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk dan kadar kasar kematian bagi Negeri Terengganu adalah sebanyak 5.3% kematian bagi setiap 1,000 penduduk. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan. Kalau melihat daripada kadar kelahiran 2009, 17.3% maka amat lambatlah kita rakyat Terengganu ini untuk mencapai tahap yang begitu ramai. Jadi ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ramai kawan-kawan hak duduk *cocoh* ni. .....(Dewan terus gelak) .... Oleh itu, saya melihat perlu ada satu usaha untuk mempertingkatkan kadar kelahiran biar mencapai tahap 25% barulah rakyat Terengganu di suatu masa nanti jumlahnya melebihi 2 juta, itu pohon penjelasan pertama. Yang kedua, saya rangkumkan terus. Daripada kelahiran tersebut adakah kelahiran-kelahiran yang tidak mempunyai bapa yang sah?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Wakil Jabi. Isu yang pertama untuk meningkatkan jumlah kelahiran. Cuma saya beritahu *pattern* dari segi kelahiran peringkat dunia ini di mana semakin maju sesebuah negara selalunya kadar kelahiran dia semakin menurun berbanding dengan penduduk dia itu. Bermakna negara-negara yang maju

mungkin rakyat dia terlalu sibuk dengan aktiviti kehidupan seharian dan orang kata masa untuk dengan izin, *reproduction* semakin berkurang jadi pattern semakin maju sesebuah negara itu kadar kelahiran dia semakin menurun. Begitu juga maju sesebuah negara itu kadar kematian dia jugak semakin menurun dengan teknologi can kemudahan sistem perubatan. Jadi atas syor Y.B. Jabi untuk meningkatkan jumlah ataupun kadar kelahiran itu mungkin dengan meningkatkan bilangan perkahwinanlah sama ada katalah Y.B. Jabi sekarang ini daripada seorang mungkin boleh ditambah lebih daripada itu .....(Dewan Gelak) ..... Saya rasa dari segi untuk meningkatkan jumlah rakyat Terengganu yang berkaitan dengan soalan Y.B. Jabi itu mungkin bukan itu cara dia, mungkin kita boleh pada pandangan saya meningkatkan kawasan-kawasan penempatan ataupun pelaburan-pelaburan di dalam negeri, orang-orang luar datang ke sini barulah kita boleh meningkatkan rakyat, lama-lama dia akan menjadi pemastautin dan dapatlah orang kata menjadi rakyat Terengganu untuk meningkatkan penduduk di dalam negeri itu sendiri. Cuma dari segi kesihatannya kita kalaulah status rakyat atau masyarakat itu taraf kehidupan dia tidak pada status kehidupan yang baik atau yang tinggi, memang kita tidak menggalakkan untuk mereka beranak ramai, ini kita tidak menggalakkan sebab tidak ada makna anak yang ramai kalau kualiti pembesaran anak itu sendiri, modal insan negeri itu sendiri tidak berkualiti. Jadi kita di dalam Jabatan Kesihatan juga adalah menggalakkan Program-program Merancang Keluarga dan sebagainya. Jadi saya tak dapat nak menjelaskan secara detail macam mana nak meningkatkan jumlah kelahiran itu kecuali bagaimana yang saya katakan tadi dengan meningkatkan jumlah perkahwinan ataupun yang boleh kita buat dari segi kesihatan adalah mengurangkan jumlah dan kadar kematian. Maknanya bila kelahiran itu banyak ataupun di suatu *number* tetapi kita dapat mengurangkan jumlah kelahiran secara relatifnya kita dapat meningkatkan jumlah penduduk dalam suatu masa tertentu. Isu yang kedua, mengenai kelahiran anak yang tidak ada bapa ini saya kena mintak notis atau soalan bertulis daripada Y.B. Jabi sebab yang ini kita kena semaklah daripada rekod kelahiran di hospital dan insya Allah saya akan usahakan untuk mendapat jawapan itu. Jadi saya rasa itu sudah dapat menjawab soalan daripada Y.B. Jabilah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat patutnya Y.B. Jabi, Pengkalan Berangan yang jawab tu. Ada lagi Yang Berhormat Jabi?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ada lagi Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya juga mohon pandangan daripada pihak Kerajaan, daripada jawapan tersebut apakah Kerajaan tidak berusaha untuk memberi subsidi kepada orang-orang muda supaya berkahwin awal, skim galakan kepada orang-orang muda berkahwin awal. Yang pertama, kita boleh elakkan daripada perkara-perkara yang tidak baik. Soalan tambahan seterusnya ialah mengenai kadar kematian iaitu 5.3% pada kadar 1,000 orang penduduk Negeri Terengganu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada jumlah kematian itu bolehkah Kerajaan jelaskan punca-punca penyakit yang menyebabkan kematian kerana kita nak tengok skala kematian di negeri kita ini apakah punca yang banyak menyebabkan kematian?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Wakil Jabi. Yang pertama, Skim Bantuan Untuk Kahwin Awal. Saya rasa mungkin Wakil Kerajaan, Exco Belia dan Sukan ke kalau dia ada insentif selepas ini ataupun di bawah Exco Agama. Cumanya kita di pihak Jabatan Kesihatan amat-amat menggalakkan kepada pasangan-pasangan muda yang ingin berkahwin supaya mendapat rundingcara daripada Jabatan Kesihatan terutamanya dalam penjagaan kesihatan khususnya kepada ibu-ibu muda yang bakal melahirkan anak. Tapi janganlah muda sangat Y.B. sebab kalau muda sangatpun takut sekiranya pengetahuan mereka di dalam persediaan untuk menjadi ibu-ibu yang muda mungkin tidak berapa banyak berbanding mereka-mereka yang telah matang pemikirannya. Jadi itu terpulanglah kepada pihak Kerajaan kalau nak ada insentif, walau bagaimanapun dari segi Jabatan Kesihatan kita amat-amat mengharapkan supaya mereka ini mendapat rundingcara sebelum berkahwin, semasa berkahwin ataupun semasa persediaan untuk menjadi ibu atau hamil bagaimana cara untuk mendapat penjagaan yang terbaik semasa mengandung.

Perkara yang kedua adalah mengenai punca-punca kematian. Jadi saya bacakan di sini sebab utama kematian pesakit dalam Hospital Negeri Terengganu pada tahun 2005 sehingga 2009 yang telah dikumpulkan. Penyebab utama adalah dengan izin, *Diseases of Circulatory System* maknanya berkaitan dengan perjalanan saluran darah, darah tinggi ke apa semua. Yang kedua, *Diseases of Resporatory System,* penyakit-penyakit yang berkaitan dengan paru-paru sistem penafasan. Yang ketiga, *Infectious and Parasitic Diseases,* maknanya penyakit-penyakit yang berkaitan dengan jangkitan kuman ataupun jangkitan-jangkitan parasit. Yang keempat adalah *Neoplasm*, penyakit-penyakit yang berkaitan dengan kanser, ketumbuhan. Yang kelima adalah *Injury,* kecederaan. Yang keenam, *Certain Conditions Originating in the Perinatal Period,* maknanya penyakit-penyakit yang berasal daripada waktu paranatal antara baru lahir sehingga umur seminggu kanak-kanak. Yang ketujuhnya, *Diseases of Digestive System,* penyakit-penyakit yang berkaitan saluran penghadaman. Yang kelapan, *Diseases of Genitourinary*

System, penyakit-penyakit yang berkaitan dengan buah pinggang dan genito sistemlah. Kesembilan, penyakit yang berkaitan dengan *Endocrine Nutritional and Metobolic Diseases, Endocrine* ini adalah sistem hormon dalam badan, *Nutritional* berkaitan dengan pemakanan, *Metabolic Diseases* ini berkaitan dengan sistem metabolik di dalam badan. Dan yang kesepuluh adalah kematian yang dengan *Congenital Malformation* maknanya kematian yang berkaitan dengan kelahiran yang tidak normal, cacat apa semua. Itu adalah secara am pesakit yang meninggal tapi kalau kita fokuskan kepada kategori-kategori tertentu contohnya, kematian ibu di Negeri Terengganu, ibu bersalinlah yang selalunya. Diberi di sini tujuh penyebab utama. Yang pertama, *Septicemia. Septicemia* ini adalah kuman dalam darah. Kedua, *Heart Diseases,* penyakit jantung. Ketiga, *Associated Medical Problem,* maknanya ibu yang mengandung ataupun bersalin yang mempunyai masalah-masalah perubatan yang lain yang boleh menyebabkan kepada kematian ibu bersalin. Keempat, *Postpartum Hemorrhage,* pendarahan selepas bersalin. Kelima, *Hypertensive Disorder In Pregnancy,* penyakit darah tinggi, *toxemia* di dalam *pregnancy.* Keenam, *Obstetric Embolism.* Dan ketujuh, *Antepartum Haemorrhage.* Banyak *term* perubatan sikit Y.B. Jabi, sayapun kena ambil masa nak explain ni, itu dari segi kematian ibu. Dari segi kematian, perinatal, anak-anak yang baru lahir sehingga umur 7 hari. Penyebab utama kematian adalah yang pertama dengan izin jugak, *Lethal Congenital Malformation* maknanya kematian sebelum kelahiran disebabkan kecacatan. Kedua, *Macerated Stillbirth,* lahir meninggal jugak tapi dia dah ada kerosakan pada bayi itu sendiri. Ketiga, *Esfixia* maknanya dia semas semasa bersalin, jalan lambat terbuka ke macam mana. Keempat, *Immaturity,* tak cukup kematangan maknanya sepatutnya 42 minggu tapi tak cukup dan di bawah 36 minggu, tak cukup bulanlah *immaturity* ni. Kelima, *Infection,* jangkitan kuman sama ada di dalam kandungan ataupun dalam proses bersalin ataupun selepas bersalin. Dan keenam, yang lain-lainlah. Jadi itu adalah antara punca-punca kematian mengikut kategori yang kita rasa perlu kita *highlight* di sinilah berkaitan dengan soalan Wakil Jabi itu. Jadi secara amnya, memang Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kadar kematian ini. Walau bagaimanapun, ia juga banyak bergantung kepada kerjasama masyarakat keseluruhannya di dalam pertamanya meningkatkan pengetahuan mengenai penyakit-penyakit, segera mendapatkan rawatan dan *prevention.* Terutamanya kita di Jabatan Kesihatan telah turun padang boleh dikatakan keseluruhan kawasan di Negeri Terengganu membuat Khemah-khemah Kesihatan dan kita amat memerlukan kerjasama daripada masyarakat tempatan untuk sama-sama pergi kepada Kem-kem Kesihatan ini bagi mempastikan *screening* dibuat untuk mengetahui penyakit lebih awal. Begitu juga kita menggalakan rakyat Negeri Terengganu khususnya dalam mempromosikan Hidup Secara Sihat. Mudah-mudahan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan dan masyarakat sendiri akan lebih mempertingkatkan lagi kadar ataupun status kesihatan Negeri Terengganu

secara keseluruhannya. Saya rasa itulah saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Untuk sidang Dewan maklumat yang sangat baik lebih-lebih lagi kita ada Pemerhati daripada Pejabat DUN Kijal, 40 orang ibu-ibu/wanita. Saya harap dapat ambil iktibar dan maklumat yang baik daripada pihak Kerajaan sebentar tadi. Saya jemput seterusnya Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengkaji semula dan menambah bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Pilihan Raya Umum akan datang?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan Pemerhati-pemerhati sekalian. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak bercadang dan berhasrat untuk mengkaji semula untuk menambah bilangan kawasan Dewan Undangan Negeri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kalau tak silap ingatan saya Negeri Terengganu hampir 30 tahun tidak ada pertambahan kerusi dan akibat daripada itu bukan sahaja untuk kerusi Dewan Undangan Negeri tetapi jugak kerusi Parlimen yang berada di Negeri Terengganu. Jadi saya dapati ini merugikan dari segi politik yang dikatakan Ketuanan Melayu, kalau di Parlimen tu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, amat ketara oleh kerana bilangan Ahli-ahli Parlimen bangsa Melayu Islam ni sekarang semakin berkurang. Oleh yang demikian, saya rasa kalau boleh pihak Kerajaan membuat penilaian semula sekurang-kurangnya ia boleh meringankan beban tugas ADUN dan jugak Ahli Parlimen bila jumlah pengundi di satu-satu kawasan itu dapat dikurangkan. Jadi saya mencadangkan kalau boleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memikirkan semula khusus di Terengganu dari segi DUN untuk difikirkan dan kalau boleh di Pusatpun benda yang sama kerana sebagai contoh di Batu Sapi baru-baru ini Dato' Yang Dipertua, 25,000 saja pengundi dia sama banyak

pengundi di Wakaf Mempelam pada hal Parlimen di Kuala Terengganu dekat 90,000. Jadi ini satu polisi yang kami berpandangan bahawa perlu dikaji semula dan Kerajaan buat kajian ke arah untuk menjamin masa depan kerana rakyat bertambah dalam masa 30 tahun sebagaimana diberi jawapan tadi, kadar kelahiran meningkat dan bertambah walaupun Wakil Jabi kahwin satu saja tapi maknanya Dato' Yang Dipertua, saya harap pihak Kerajaan membuat kajian semula berhubung dengan kedudukan, jumlah, bilangan DUN di Negeri Terengganu dan jugak Parlimen bagi Negeri Terengganu untuk dimaklumkan kepada Pusat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, merujuk kepada Perlembagaan Perkara 113(2), Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya boleh dibuat setiap 8 tahun sekali dan tempohnya berakhir yang terakhir ini bermula dari 2003 dan berakhir 2011. Sebab itu saya katakan tadi berdasarkan keadaan semasa Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menambah kawasan-kawasan persempadanan ini kerana ia memerlukan bukan sahaja di peringkat Negeri tetapi juga kelulusan di peringkat Federal Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, sayapun sebut pandangan atau persoalan saya tadi berdasarkan Perlembagaan jugak, memanglah 8 hingga 10 tahun sekali tetapi dah sampai 30 tahun ini tidak ada perubahan jadi bila diberikan 2011 ini bulan empat, dibenarkan untuk dibuat kajian dan pertambahan. Jadi itu yang saya mintak untuk diberi pertimbangan bukan soal kita nak melanggar Perlembagaan. Jadi kita mintak pandangan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak perlu pandangan Dato' Yang Dipertua sebab kita tidak bercadang untuk menambahnya. Cukup setakat itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Wakaf Mempelam untuk soalan asal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2 -

> *Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan memajukan Industri Sarang Burung Walit di negeri ini (Swiflet farming for the production of edible bird's nest)?*

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam atas pertanyaan berkenaan dengan penternakan sarang burung Walit di Negeri Terengganu. Di antara usaha Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan memajukan industri Sarang Burung Walit di Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:-

1. Mengadakan Seminar Pengurusan Burung Walit bagi meningkatkan pengetahuan pengusaha-pengusaha dalam memajukan perusahaan yang berkenaan. Pada tahun ini lebih dari 140 orang sudah mendapat manfaat dari sesi seminar yang diadakan.

2. Memberi bantuan teknikal dan khidmat nasihat bagi pengusaha-pengusaha baru dan juga bagi pengusaha-pengusaha yang gagal dalam perusahaan mereka. Ini penting kerana perusahaan ini merupakan industri baru khususnya bagi Negeri Terengganu.

3. Melatih lebih ramai Pegawai Jabatan Veterinar Negeri dalam bidang teknikal pengusahaan Sarang Burung Walit supaya mampu membimbing lebih ramai pengusaha memajukan industri yang berkenaan.

4. Memberi sokongan kepada mana-mana pengusaha yang berminat untuk terlibat dalam industri ini khususnya dalam penyediaan untuk membuat pinjaman dengan institusi-institusi yang berkenaan.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bila bercakap soal industri Burung Walit ini saya ingat antara bidang baru yang cuba kita ketengahkan sejak tahun 2000 tapi waktu itu Wakil daripada Tepoh dia perli saya apabila kita pergi buat kajian, bawa UPEN pergi tengok perusahaan ini di Indonesia. Untuk makluman di Indonesia setahun hasil Sarang Burung Walit ini menjangkau lebih RM20 bilion setahun, hasilnya cukup besar. Cuma walaupun dia berikan beberapa perkara dalam membantu usahawan, saya dapati baru-baru ini ada rungutan di mana pengusaha-pengusaha yang cuba nak memajukan, nak mengusahakan Sarang Burung Walit ini dia ambil tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan secara agak drastik, tidak benarkan bina bangunan-bangunan untuk dijadikan sarang, adakah ini jugak boleh diperkirakan kerana semacam

tidak ada suatu garis panduan yang agak jelas tetapi tindakan telah diambil untuk nak menyekat mereka-mereka yang hendak mengusahakan dilarang meneruskan pembinaan dan sebagainya. Jadi apakah ini boleh jugak diberi perhatian oleh pihak Kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, kita akui setakat ini kita belum lagi ada satu garis panduan muktamad yang diterima pakai di peringkat kita. Walaupun begitu, satu garis panduan telahpun diperkenalkan di peringkat Pusat tapi garis panduan itu diedar kepada negeri-negeri untuk dilaksanakan. Memang kita sedang menunggu garis panduan itu untuk kita laksanakan di peringkat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan. Daripada jawapan pihak Kerajaan tadi, faktor yang keempat iaitu membantu untuk mendapatkan pinjaman daripada agensi-agensi pihak Kerajaan. Saya mendapat rungutan daripada orang ramai bahawa untuk mendapat pinjaman ini adalah amat sukar dengan syarat-syarat yang begitu ketat sekali. Apakah Kerajaan tidak berhasrat untuk memberi pertolongan ataupun menyediakan dana khusus untuk pengusaha-pengusaha Burung Walit ini?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Masalah rumit dan susahnya untuk mendapat pinjaman daripada institusi Agrobank itu kita tidak dapat campur tangan kerana itu urusan bank sebab pihak bank hendak mempastikan setiap pinjaman yang diberikan itu membuahkan hasil yang baik. Pihak jabatan menyediakan khidmat sokongan dan khidmat nasihat dengan memberi sokongan bagi pengusaha-pengusaha baru yang ingin membuat pinjaman dengan menyediakan laporan-laporan yang diperlukan oleh pihak bank. Dan untuk dana yang disediakan oleh Kerajaan, pada tahun ini sepanjang tahun 2010, dana yang disediakan oleh pihak Kerajaan melalui Agrobank yang sudah disalurkan kepada usahawan-usahawan Negeri Terengganu berjumlah; Pinjaman Bercagar jumlahnya RM13.3 juta sudahpun dikeluarkan yang dimanfaatkan oleh 68 peserta. Manakala pinjaman kurang daripada RM30,000, pinjaman ini tanpa cagaran dan jumlah yang telah dikeluarkan berjumlah RM1 juta untuk 49 peserta. Manakala dana untuk orang-orang miskin di bawah PPRT sebanyak RM240,000 sudahpun dikeluarkan untuk 24 peserta. Bagi pengusaha lama yang menghadapi masalah kerana rumahnya tidak sesuai bagi burung-burung, Kerajaan sudah meluluskan RM36,000 yang dimanfaatkan oleh 6 peserta dengan tujuan untuk membaik pulih rumah-rumah burung yang berkenaan. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan yang akhir.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ringkas Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya. Saya Yang Berhormat Yang Dipertua, ini satu perusahaan yang baru kita kena akui tapi potensinya cukup besar. Jadi waktu itu saya ingat, semasa kami pergi melawat ke Medan di satu bandar Kisaran nama tempatnya. Saudara kita baru balik daripada Medan tu. Di sana untuk mengelakkan macam sekarang ni masing-masing pengusaha mana-mana tanah yang terbiar dia bangun-bangun tanpa satu kawalan yang agak baik dan ini tidak menguntungkan, kalau Kerajaan boleh mengambil satu sikap ataupun pandangan yang proaktif boleh kenal pasti mana-mana tapak setelah dibuat kajian mana laluan burung dan sebagainya yang boleh digunakan untuk dipajak ke, disewa ke, untuk mereka-mereka yang berminat untuk mendirikan bangunan secara teratur supaya ia menjadi satu kawasan industri yang baik macam kita kenal pasti kawasan-kawasan industri tapi takdok orang maripun. Adakah itu boleh ditukarkan sebagai satu kawasan industri Burung Walit macam di Kisaran. Saya sebutkan tadi suatu tempat 10,000 unit rumah batu bertingkat, 4 tingkat, 5 tingkat dijadikan kawasan sarang burung, rakyat duduk rumah setinggan tapi burung duduk rumah batu kerana hasilnya besar. Jadi adakah ini Kerajaan boleh memikir ke arah itu? Biar nampak masa depan sikit gok biar rakyat boleh usaha, ekonomipun ditingkat. Allahuwa'alam.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Atas persoalan ini pihak Kerajaan belum lagi ada ataupun khaskan mana-mana kawasan untuk dibangunkan sebagai penempatan bagi Burung Walit. Walau bagaimanapun, saya difahamkan pihak swasta ataupun orang-orang yang berminat dalam industri ini sudahpun melaksanakan perkara yang sama yang secara khususnya kawasan laluan burung ini yang sudah dikenal pasti oleh ahli-ahli dia ialah di sekitar laluan antara Kenyir dengan Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Laluan itu memang sudahpun banyak pihak swasta mengusahakan rumah-rumah yang berkenaan. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Langkap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cukup satu jam sesi Soalan Lisan yang dapat kita selesaikan pada pagi ini. Jadi kita tangguh untuk minum pagi, kita masuk semula ke Dewan ini jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.37 PAGI

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Kita teruskan dengan Perbahasan Bajet 2011, bagi ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. Ya, Rhu Rendang. 20 minit Rhu Rendang, ya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *(Seterusnya membaca beberapa petikan ayat Quran/Doa mukadimah).* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan seluruh Pemerhati, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Saya ingin bertolak menyampaikan ucapan ini daripada Firman Allah Taala yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat dalam penyampaian Bajet sebagai penutupnya. (Membaca petikan ayat Quran daripada Surah An-Nisa' ayat 58) yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menunaikan amanah dengan menyerahkan amanah itu kepada orang yang ahli dapat menunaikannya dan apabila kamu melaksanakan hukuman (menjatuhkan hukuman) terhadap kalangan manusia hendaklah berlaku adil. Sesungguhnya Allah memerintah kamu dengan ajaran yang sebaik-baiknya. Sesungguhnya Allah itu sentiasa mendengar dan sentiasa melihat apa yang kamu lakukan."

Pertama-tama saya nak menyentuh tentang konsep Federalisma yang perlu diperjuangkan oleh kita semua dengan mengenepikan fahaman politik dan fanatik kenegerian. Sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa di sana ada hak-hak negeri yang perlu diraikan oleh Kerajaan Pusat. Di sana terdapat tidak ada perubahan sebagaimana yang berlaku di zaman penjajahan dahulu. Sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat sejak zaman penjajah terhadap negeri-negeri di Pantai Timur, banyak kemudahan-kemudahan asas, pelabuhan-pelabuhan, pelaburan-pelaburan, perkembangan ekonomi ditumpukan kepada Pantai Barat. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan namun perubahan yang dilakukan tidak semaju sebagaimana yang diharapkan walaupun kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 50 tahun. Sepatutnya perkara yang disebut dalam Ucapan Bajet berlakunya tunggakan defisit disebabkan oleh kelambatan pemberian Dana Khas oleh Kerajaan Persekutuan berulang-ulang kali, hal ini sepatutnya tidak berlaku sudahlah royalti yang menjadi hak Kerajaan Negeri dirampas ataupun diperlakukan begitu rupa semata-mata kerana sentimen politik. Kita jangan lupa bahawa kita telah berjuang di dalam Dewan Negeri, barangkali

banyak generasi baru tidak menyedari ataupun melupakannya bagaimana sebulat suara pada masa itu sama ada parti Barisan Nasional ataupun PAS kita sama-sama berjuang mendesak supaya diberi royalti kepada Negeri Terengganu. Sebagaimana jugak negeri-negeri di Malaysia Timur yang berakhir dengan Kerajaan Pusat melalui Petronas telah melaksanakan perjanjian yang dimeteraikan di antara Petronas dengan semua Kerajaan Negeri dengan memberi royalti 5% kepada negeri-negeri yang ada hasil petroleum sama ada di laut ataupun di darat sebagaimana yang dipersetujukan. Berlakulah apa yang berlaku kerana kita tidak menghormati Konsep Federalisma yang mewujudkan dua pilihan raya bagi negara kita. Pilihan Raya Persekutuan dan Pilihan Raya Negeri sepatutnya hendaklah menghormati keputusan Pilihan Raya Negeri tanpa mengira parti mana yang memerintah Kerajaan Negeri, hak hendaklah diberi dengan cara yang sewajarnya dan cara yang sepatutnya sebagaimana yang dimeteraikan dalam perjanjian tetapi kerana adanya sentimen politik berlakulah apa yang berlaku. Walaupun bertukar Kerajaan, keadaan yang sama jugak masih diteruskan dan dia tukar kepada Dana Khas, bahkan pembayaran Dana Khas ini jugak berlaku dengan cara yang begitu rupa sehingga peruntukan Kerajaan Negeri mengalami defisit sebagaimana yang kita tahu di mana tindakannya satu tindakan yang tidak adil terhadap Kerajaan Negeri. Maka di sana berlaku hal-hal yang tidak patut, dalam masalah pembangunan, dalam masalah pelaburan, masalah pembangunan, contohnya ialah pembinaan lapangan terbang, lebuh raya, ini adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi sebagaimana yang dilaporkan ia dicandat daripada Dana Khas, dicandat daripada hak yang diberi kepada Kerajaan Negeri. Ini satu cara yang tidak wajar dan tidak patut dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan kita sama-sama kena berjuang di dalam hal ini.

Masalah pelaburan sehingga kini kita lihat pelaburan ditumpukan kepada Pantai Barat tidak ditumpukan ke Pantai Timur. Maka di sana berlaku diskriminasi dalam tahun 60an-70an apabila dirancang untuk membina pelabuhan di Pantai Timur di mana kawasan yang paling strategik yang sesuai untuk pelabuhan ialah di Kemaman. Kerajaan Negeri pada masa itu telah berjuang dengan bersungguh-sungguh supaya pelabuhan dibina di Kemaman tetapi oleh kerana Perdana Menteri pada masa itu orang Pahang maka dibuat di Kuantan pelabuhan itu. Dan oleh kerana hasil perjuangan tahun '77 – '78, kita mendesak supaya dibuka Perbekalan Petronas maka barulah dibina di Kemaman pelabuhan itu dan ternyata kapal-kapal besar boleh berlabuh di Kemaman tidak berlabuh di Kuantan, ini ternyata. Ini hal-hal begini sepatutnya kita ketepikan sentimen politik ataupun kepartian, ini adalah hak yang sewajar kita berjuang bersama.

Yang kedua, saya ingin menyentuh masalah pemisahan kuasa di dalam sistem pemerintahan negara. Negara mengamalkan demokrasi banyak mencontohi sistem pemerintahan Islam. Ini kerana pengaruh kajian-kajian Barat terhadap

ilmu pemerintahan Islam. Dalam kitab-kitab Lahadkal Mussoltaniah, Mukaddimah Ibnu Khaldun dan lain-lain perlu adanya pemisahan kuasa di antara kepimpinan yang menggubal undang-undang (legislatif) dengan pentadbiran eksekutif dan badan kehakiman di mana tidak bercelaru dan tidak ada campur tangan di antara satu sama lain. Kita melihat masih ada lagi gangguan-gangguan politik terhadap pentadbiran yang menyusahkan di kalangan pentadbiran. Saya ambil contoh yang ditimbulkan oleh Wakil Sura semalam yang tidak dapat menahan perasaan, terpaksa menghentam pegawai kerajaan dan saya minta maaf. Ini adalah kerana sebenarnya kerana campur tangan politik yang terlalu ketara yang menekan pegawai-pegawai kerajaan dan terpaksa mereka melakukan kerana tekanan-tekanan politik. Tekanan politik itu kadang-kadang bukan di peringkat Ahli Yang Berhormat, di peringkat kawasan, di peringkat bahagian dan di peringkat cawangan, di peringkat JKKK. Banyak rakyat yang memerlukan bantuan diluluskan oleh JKKK bukan pegawai-pegawai kerajaan. Walaupun namanya pegawai kerajaan tetapi terpaksa mengambil *recommendation* daripada JKKK maka berlakulah hal-hal yang tidak menyenangkan. Saya tidak menghukum semua JKKK tetapi banyak di kalangan yang berlaku hal-hal yang tidak sihat di dalam kita menangani masalah rakyat khususnya dalam menghadapi masalah kemiskinan, masalah rakyat yang memerlukan bantuan dalam segala aspek.

Yang ketiga, kita menonjolkan 'Rakyat Diutamakan' tetapi berlaku di sebaliknya. Apa yang diberi amaran oleh Allah S.W.T. supaya hasil negara tidak berpusing di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja. Allah Taala berfirman (yang bermaksud): "Dan apa-apa harta yang diambil daripada sesebuah negeri maka bagi Allah dan bagi Rasul yakni pemerintah hendaklah menunaikan kewajipan harta itu mengikut perintah Allah dan perintah Rasulullah S.A.W. supaya diagihkan kepada kaum keluarga yang memerlukan pertolongan, orang-orang miskin, anak-anak yatim dan mereka yang putus perbelanjaan dalam perjalanan, supaya kekayaan tidak berpusing di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja." Kita melihat banyak projek-projek mega yang ditonjolkan, projek-projek yang berskala tinggi dengan jumlah yang besar di mana pulangannya berpusing di kalangan orang-orang yang tertentu sama ada kroni ataupun sebagainya. Kalangan-kalangan kaya yang membiayai politik dan kalangan-kalangan politik bergantung kepada mereka yang kaya berpusing dan turun kepada rakyat tidak seberapa dan banyak keperluan-keperluan rakyat terbengkalai. Sebagai contoh yang nyata, saya tinggal di tepi laut, daripada Kemaman sehingga Besut pantai kita mengalami hakisan ombak setiap kali musim tengkujuh. Walaupun sudah 50 tahun lebih sama ada di masa kita ada royalti petroleum sehingga hari ini kita tidak dapat menyelesaikan masalah itu kerana kita tumpukan kadang-kadang kepada projek-projek mega yang tidak memberi pulangan kepada rakyat sepatutnya hendaklah dilaksanakan projek-projek yang memberi pulangan kepada rakyat dan kerajaan menunaikan amanah dengan sedikit pengorbanan. Walaupun kita sudah mengurangkan sedikit kadar kemiskinan

kita perlu menyedari bahawa jumlah kemiskinan masih terlalu ketara di dalam negeri kita.

Dalam hal yang berkait dengan Federalisma, saya lupa nak sebut tadi di sini ialah dalam bidang yang berkait dengan hasil bumi, yang berkait dengan air, yang berkait dengan berbagai-bagai, ini bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jangan kita terlalu mudah menandatangani untuk menyerahkan kepada Kerajaan Pusat, kita mesti bertahan dan mempertahankan. Bahkan ada Kerajaan Negeri daripada Barisan Nasional sendiri yang mempertahankan hak negeri masing-masing seperti Sabah, Sarawak dan lain-lain, mereka mempertahankan hak mereka. Dalam bidang pentadbiran agama sebagai contoh berlaku kelemahan kita sendiri kita serah kepada Pusat dan bila nak pulang balik jadi masalah kepada kita yang menjadi masalah ialah para pegawai dalam Jabatan Agama bila berlaku pertukaran ianya jadi masalah. Ini adalah kerana kelemahan kita dalam mempertahankan hak negeri, dalam sistem Federalisma yang berlaku sedikit kepincangan.

Seterusnya saya ingin menyentuh perkara berkait dengan dua masjid itu tadi dan perpaduan rakyat. Kita perlu menyedari timbulnya perkara ini sudah dapat diredakan sedikit sebanyak melalui secara perbincangan ilmu bukan perbincangan politik. Perbincangan politik tidak selesai menimbulkan ketegangan. Ia bukan masalah politik sahaja, ia berkait dengan masalah aqidah umat Islam itu sendiri. Kita perlu menyedari negara yang baru mencapai kemerdekaan khususnya negara umat Islam dilanda oleh fahaman dan ideologi Barat yang mempengaruhi pemikiran umat Islam melalui sistem pelajaran, pendidikan, media dan sebagainya sehingga ada orang-orang Islam kita secara jahil dia menghina hukum-hukum Islam dalam tahun 50an, tahun 60an, tahun 70an, ada kalangan mengatakan kalau laksanakan hukum Islam tak cukup batu nak buat jalan raya, kalau laksanakan hukum Islam tangan boleh buat sup, kalau laksanakan hukum Islam akan jadi huru-hara. Ucapan yang seperti ini daripada atas sampai ke bawah di mana ucapan yang seperti ini tidak syak lagi menyebabkan orang itu tidak layak lagi jadi Imam sembahyang, ini yang berlaku. Dan kita sedar berlakunya perkara ini kerana kejahilan kita sendiri dan kita tegang dalam masa tahun 50an, 60an .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Bahkan berlaku nak debat masa itu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, sila.

YANG BERHORMT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Imam masjid mana yang sampai Pembangkang arah jangan pergi sembahyang kerana dia kata menghina hukum Hudud, kata tangan boleh buat sup, tak cukup batu ni. Tok Imam masjid mana yang sampai dia tahap dia ini terkeluar daripada Islam dan adakah hak dua ini Tok Imam dia tidak sah lagi ke guana? Sebab tadi Wakil Rhu Rendang kata sehingga ada Tok Imam kata .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Maksud saya bukan Imam, Perdana Menteri masa itu yang mengatakan tak cukup batu .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Kalau Perdana Menteri bakpe sampai sibuk ke masjid dok beri gi .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Jadi rakyat terikut, orang bawah terikut.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah Tok Imam mana ikut?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, biar saya berucap.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tok Imam mana ikut?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Biar saya berucap, ini hak saya, saya tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rhu Rendang tak bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Cukup, cukup.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dan berlakunya sehingga timbul ketegangan politik berlaku, nak debat dan kita bersedia untuk debat masa itu. Apabila kita hadir debat maka terpaksa

Penyimpan Mohor Raja-Raja Melayu digunakan masa itu untuk membatalkan debat masa itu. Dan kalangan universiti berjumpa dengan kita, kita ajak muzakarah, kita bersedia untuk bermuzakarah tapi mereka tak bersedia nak muzakarah bukan yang besar-besar, ini yang kecil saja tapi akhirnya kita selesai cara ilmu apabila Jabatan Perdana Menteri menerbitkan buku Mustika Hadis, saya tak tahu Yang Berhormat ada baca ke tidak buku Mustika Hadis ni. Jilid yang pertama yang menyebutkan perkara yang merosakkan iman, merosakkan Islam dan saya sendiri mengambil initiatif secara tawaduk menulis Mukaddimah Aqidah Muslimin. Kerajaan Arab Saudi menyebarkan risalah di Musim Haji, risalah perkara yang merosakkan iman, diterjemah di dalam bahasa Melayu. Bila risalah ini disebarkan maka keadaan menjadi reda, menjadi aman, tak ada lagi cakap-cakap mengatakan politik tak ada dalam Islam, tak ada lagi cakap-cakap yang menghina hukum Islam. Suasananya sudah baik, yang sudah bagus, yang perlu kita selesaikan secara ilmu. Itu yang sepatutnya, kita ketepikan sentimen kepartian sebabnya tak kira parti apa semuanya mati belaka bertemu Allah Taala dan Allah Taala sebut dalam Quran (yang bermaksud): "Jika sekiranya kamu bertelingkah di dalam sesuatu perkara kembali kepada Allah, kepada Quran, kepada Rasul, kepada penjelasan Rasulullah dalam Sunnahnya supaya kita dapat menyelesaikan masalah dengan cara yang sebaik-baiknya. Marilah kita bina ketenangan yang ada ini dengan cara peringkat demi peringkat. Masalah dua masjid bukan semestinya kerana pertikaian politik kerana timbul masalah tempat tinggal yang bersesak, masalah-masalah yang boleh diizinkan oleh syarak tidak menjadi masalah banyaknya masjid di satu tempat bahkan di Madinah sendiripun ada Sembahyang Jumaat yang dengar *bang* di antara satu sama lain dengan Masjid Madinah, ada juga masjid yang dibuat di Mesir, ini perkara biasa dalam kalangan masyarakat Islam.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya dah jelas tadi Dato' Yang Dipertua hal masjid di Mesir .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rhu Rendang tak bagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Apa yang penting ialah kita selesai masalah ini dengan cara yang sebaik-baik, dengan ini kita mintak selesaikan dengan cara penyelesaian yang sebaik-baik patut kita selesaikan untuk memulihkan .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Kita nak buat penyelesaianlah yang saya khabor ni Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... perpaduan di kalangan rakyat dan masyarakat walaupun kita

berbeza dalam fahaman politik tetapi kita mesti beradap dalam mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Sekian, terima kasih.

YANG BEHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Rhu Rendang. Saya buka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ya, Hulu Besut silakan. 20 minit Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Dato' Seri Menteri Besar serta sidang Dewan yang dirahmati Allah sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sekali lagi telah menunjangi Ucapan Bajet 2011 pada kali ini bertunjang kepada 'Untuk Rakyat Dan Kepada Rakyat' dengan konsep 'Merakyatkan Pentadbiran'. Daripada Bajet yang disampaikan oleh Dato' Seri pada saya inilah yang boleh saya simpulkan sebagai suatu penghargaan kepada rakyat Negeri Terengganu. Cuma saya duk perhati pada kali ini dari segi penyertaan sidang DUN pada kali ini pihak Penyokong Kerajaan nampaknya ingin melihat apa yang akan disampaikan, diucapkan oleh Wakil-wakil daripada Pembangkang. Dan saya duk tanda tadi daripada kelmarin sampai ke hari ini yang diucapkan oleh Wakil-wakil daripada Pembangkang hanya ada satu saja yang menyokong Kerajaan. Wakil daripada Ladang setuju dengan cadangan Wakil daripada Tepoh supaya Imam dan Bilal dinaikkan elaun yang lain-lainnya takdok setuju sehabuk, itulah Pembangkang. Sampai kepada E-Bookpun, Wakil daripada Manir dia kata molek E-Book ini tapi ada jugak buah tempis, itulah sebenarnya Pembangkang tidak ada comel sehabukpun yang dibuat oleh Kerajaan. Sayapun duk perhati jugak semenjak saya diberi oleh Allah S.W.T. menyertai Dewan ini bermula daripada Menteri Besar yang terdahulu dan pada sesi ini dengan Menteri Besar yang baru dan sebelum itu saya juga berkesempatan melihat Menteri Besar yang parti sebelah lagi. Ketiga-tiga Menteri Besar saya melihat mempunyai pendekatan yang berbeza. Pada kali ini saya melihat apa yang hendak dibawa, yang hendak diberi nikmat kepada rakyat Negeri Terengganu pada saya sesuatu yang sangat membanggakan. Sebagai contoh, pemberian E-Book pada saya ini sesuatu yang menjadi kebanggaan rakyat yang berpendapatan rendah. Barangkali yang berada di Dewan ini tidak merasa sesuatu yang istimewa kalau diberi E-Bookpun kerana di kalangan kita di sini pandapatannya ribu-ribu ke atas tetapi pengundi saya yang rata-ratanya berpendapatan RM1,000 ke bawah sesuatu yang sangat membanggakan mereka apabila Kerajaan memberi E-Book itu. Satu lagi saya lihat dengan pemberian E-Book ini suatu matlamat yang jelas yang hendak dibawa oleh Menteri Besar hari ini ialah ingin rakyat Negeri Terengganu supaya celik komputer. Ini sesuatu perkara yang sangat besar yang dilakukan oleh Kerajaan kepada rakyat kita. Biar rakyat Terengganu 'demam komputer',

seluruh rakyat dari Hulu Besut ke Hulu Kemaman, daripada desa ke bandar merasa inilah sesuatu yang harus dikuasai oleh rakyat Negeri Terengganu. Sebab itulah Nabi pernah berpesan kepada umatnya: "Kamu lebih mengetahui urusan dunia kamu." Dan inilah pada saya yang diamalkan oleh Menteri Besar hari ini kalau sebelum ini tahun 50an, 40an datuk-nenek kita belajar ilmu dengan menggunakan papan slip, sayapun tak pernah tengok papan slip, itu pada zaman itu. Sesiapa yang tidak menguasai papan slip dia ketinggalan pada zaman itu. Dan selepas itu, tahun 60an-70an, zaman kertas pulak. Sesiapa yang tidak boleh membawa kertas, membaca atas kertas, ketinggalanlah generasi masa itu. Dan saya teringat untuk dapat membeli buku teks masa saya sekolah dulu sesuatu yang sangat susah kerana ayah saya, keluarga saya daripada pekebun kecil (petani). Kerajaan pada masa itu sedar dan insaf maka diberinya percuma buku teks pada masa itu, seluruh pelajar di negara kita menikmati zaman bukunya pada masa itu. Dan hari ini, zaman ini ialah zaman komputer, Kerajaan Negeri memberinya kepada rakyat dan sehingga pada masa ini rakyat kita, penduduk negeri kita telah menerima seramai 24,549 orang telah menikmati E-Book ini dan inilah zaman ini. Dan banyak lagi perkara-perkara yang memberi nikmat dan faedah kepada rakyat kita apabila adanya pemberian E-Book ini. Ternyata kita boleh mengekalkan 10 tahun berturut-turut barangkali ini adalah antara sumbangan pemberian E-Book ini. UPSR kita 10 tahun berturut-turut, ini sesuatu kebanggaan rakyat negeri kita. Kalau sebelum ini kita pergi ke Kuala Lumpur ada anak muda kita tidak berani mengaku dia ini orang Terengganu kerana tidak ada apa nak dibanggakan tentang Terengganu. Tetapi hari ini anak muda kita pergi ke Kuala Lumpur mereka rasa bangga bila memberitahu: "Aku daripada Terengganu", kerana pencapaian dibuat oleh kepimpinan negeri kita. Siapa yang tidak kenal dengan Terengganu, dengan Pulau Duyong bila masanya sampai Disember semua orang tahu Pulau Duyong di Terengganu dan berbangga sebagai rakyat Negeri Terengganu. Dan hari ini bukan sahaja Terengganu yang memberi E-Book, Kerajaan Pusat juga dapat memberi ini sebagai sesuatu perkara yang seharusnya dibuat kerana inilah dunia generasi pada hari ini. Pada saya ini sesuatu perkara yang lebih baik daripada buruk, memang perkara yang baru pada saya kita tidak boleh nafi ada kelemahan di sini, ada kelemahan di sana, ada teguran Audit, betul ada teguran Audit tetapi kebaikannya lebih banyak daripada keburukan, faedah kepada rakyat lebih beruntung kepada rakyat Negeri Terengganu. Rakyat merasa bangga sebagai rakyat Negeri Terengganu. Siapa tidak kenal kepada Negeri Terengganu di usia 15 tahun sudah menjadi Tahfiz Al-Quran, 30 juzuk sebelum tingkatan 3 sudah ada sistem pembelajaran di Negeri Terengganu, mana ada di negeri lain? Tidak ada negeri lain yang melaksanakan sistem pendidikan ini. Pada saya inilah suatu kebanggaan yang seharusnya kita sama-sama membaikpulih kalau sekiranya ada benda yang tidak kena, biasalah perkara baru.

Saya juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ingin menyentuh tentang pembasmian kemiskinan di negeri kita. Saya juga bertanya dalam Soalan Lisan saya, berapa ramaikan yang disenaraikan dalam E-Kasih penduduk di Negeri Terengganu? Jumlah ini pada saya agak tidak memuaskan kerana kita berada di tempat keenam. Banyak perkara-perkara yang kita buat semacam tidak menjadi, pelihara ikan tak menjadi, menanam tak menjadi, buat kambing Kaprimapun tak menjadi di kawasan Hulu Besut, saya telah pergi tengok. Di Bukit Sekadil jugak ada kandang, kandangpun nak runtuh dah tak menjadi. Jadi pada saya kita perlu memfokuskan untuk membasmi kemiskinan ini. Kalau biarkan ke D.O di Pejabat Daerah, D.O. *dokdang* nak mesyuarat sebulan ni memang 20 kali duk mesyuarat saja. Jadi kita perlu membuat satu perdekatan baru untuk membasmi kemiskinan di negeri kita ini. Di peringkat daerah kita *lok* ke D.O., D.O. *dokdang* pada saya, kita kena ada urus setia khas kerana kita di akhir Rancangan Malaysia Ke-10, kita *tokse* dah ada rakyat Terengganu hak miskin ni. Lagu manapun, Pembangkang kata *guanapun*, kita mesti usahakan perkara ini kerana ini amanah daripada Allah untuk membantu golongan miskin ni. Itulah cadangan saya supaya kita bersungguh-sungguh, hak nak buat perkara-perkara lain tu buatlah, *toksoh* kiralah dengan Pembangkang ni perkara biasa dia doh, tugas dia membangkang saja. Tetapi pada saya insya Allah, kita pada hari ini berada di landasan yang benar kerana kalau Allah tidak bersama kita, masa pilihan raya takkan menang kita. Allah memang bersama kita, Allah beri dah *try* sekali Pembangkang jadi Menteri Besar Terengganu, banyak perkara yang kita boleh tengok sebagaimana disebut oleh Wakil Rhu Rendang tadi, saya duk dengar banyak dalam konsep pengasingan kuasa dia sebut, betul. Pada masa itu JKKKlah yang lebih besar daripada Wakil Rakyat, *sorry* JSR. Tidak ada campur tangan dalam politik dalam eksekutif tetapi JKKK lebih besar daripada Menteri Besar pada masa tu, JSR *sorry,* minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dua kali dia sebut JKKK tu, memang saya setujulah JKKK begitu sampai sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat minta laluan ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya mintak penjelasan saja, mintak jalan. Boleh saya celah sikit dok?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya sebut JKKK tu sebab JKKK di antara yang boleh dibanggakan berbanding JSR. Tidak pernah ada campur tangan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk, Yang Berhormat Wakaf Mempelam, dia tak bagi tu. Teruskan Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tidak ada campur tangan dalam eksekutif oleh JKKK tidak sebagaimana JSR. JSR, D.O. pun takut. Dan di peringkat negeri pulak ada Exco yang jaga D.O.-D.O. ni, dia panggil Exco apa ..... sayapun tak ingat. Wakil Rhu Rendang kata tidak ada campur tangan politik di dalam sistem pengasingan kuasa tapi campur tangan masa tu lebih teruk lagi, saya duk perhati.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan sikit, boleh? Cuba jugak berikan satu contoh yang menyatakan campur tangan contoh-contohnya sebab di sebelah saya ini bekas Pengerusi Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri ni, hak jadi ADUN Ladang ni, jadi jangan duk bercakap baham rambang begitu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya duk kata tu merujuk kepada Daerah Besut. Masa tu D.O. ada dalam Dewan ni saya rasa, nak gi jumpapun takut, takut JKKK tengok. .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: JSR.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): JKKK, *sorry, sorry.*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, ini sah pembohongan sebab duk sebut JKKK sokmo, jadi tak timbul soal JSR, JKKK. Ini bohong, bohong, ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, orang kalau dia sayang pada orang dia akan teringat sokmo, jadi Wakil Hulu Besut ni dia sayang JKKK, dia tersalah sebut JKKK sokmo, nak sebut hak lain sebut JKKK.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dato' Yang Dipertua, bila sayang kita sebut sokmo.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Kalau bencipun sebut sokmo jugak.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dato' Yang Dipertua, bila kita sayang memang kita sebut. Kita tersalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maknanya Yang Berhormat tak sayanglah JSR tu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tak sayang kalau tak sebut tu. Sebab tu kalau kita ada apa-apa kita kena buat senama saja, kalau tidak kita tukar, tersalah sebut.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Nak sebut tak reti dah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dan seterusnya juga Wakil Rhu Rendang sebut kroni. Saya duk perhati masa PAS lagi teruk. Tanah-tanah yang harga mahal di bandar dia beri ke koperasi puak-puak dia belaka, mana lebih teruk? Adakah Menteri Besar *lening* beri ke Koperasi UMNO, ada? *Takdok.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni bahasa Hulu Besut, Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bahasa ni bahasa nak marah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bahasa marah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takut hansard ni payah nak tulis. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Lepas tu Wakil Rhu Rendang kata sembahyang dua dalam satu kampung ni kerana kawasan tu padat, ramai perlu ada. Di kawasan saya, di kampung saya, satu Masjid Kampung Duek tahun lepas tak boleh nak buat Jumaat satu kali kerana tak cukup orang, pada tahun lepas, saya tak ingat bulan berapa tapi ada satu Jumaat tu tak boleh buat Jumaat kerana tak cukup orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan, laluan, boleh? Sejak bila lagi sembahyang dua Jumaat di Kampung .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duek, disebut tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): .... di kawasan Hulu Besut ni.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Seingat saya selepas daripada fatwa yang dikeluarkan oleh pemimpin PAS. Pada masa itu pemimpin PAS pergi bersyarah di kampung dia kata tak boleh sembahyang dah masjid ni pasal masjid ini buat daripada hasil yang tidak tahu halal ke haram. Dan pada masa itu dia kata orang UMNO dia bergabung dengan MCA, bila dia bergabung dengan MCA mentadbir negara tak boleh kita buat jadi pemimpin. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tahun berapa sayapun tak berapa ingat dah?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Seingat saya akhir tahun 70an begitulah. '78 ke, '79 begitulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah Yang Berhormat ada 5 minit lagi tu. Kalau Yang Berhormat nak teruskan tanpa gangguan. Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Wakil Rakyat Hulu Besut kata fatwa, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bulan berapa, tarikh bila dan fatwa ini siapa yang sepatutnya ataupun itu satu fitnah yang tidak pernah keluar fatwa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Bukit Payong nak *dekor* tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Pasal orang kampung saya, saya tanya bakpe yang tak boleh pergi sembahyang pergi masjid UMNO buat ni, Kerajaan buat ni katanya fatwa Tok Guru, kalau kita bahasa Terengganu amanatlah, kalau bahasa kampung dia panggil fatwa.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Wakil Rakyat Hulu Besut ni setaraf minda dia dengan orang kampung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!!! Saya ingat semalam Yang Berhormat Kerajaan tak ada yang mengganggu banyak. Teruskan Yang Berhormat. Kita hormat yang bercakap daripada Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, dulu, semalam bila kita bercakap tak ganggu pasal hak kita cakap tu betul belaka. .....(Dewan Gelak) .... Ini dia cakap tak betul, itu yang kita tanya penjelasan, kita mintak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, mungkin betul belaka, mungkin juga tak betul belaka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah kalau tak betul biarlah Exco jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak kata bohong tapi ini perkara benar. Buktinya Sembahyang Jumaat di dua masjid dalam satu kampung ini boleh pergi selalu, hari ini selepas majlis, saya dengan mana-mana wakil nak pergi saya boleh bawa selalu, lusa Jumaat boleh pergi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, boleh mencelah sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mintak dengan dia Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia duduk tu, bolehlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hulu Besut bagi? Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, dia kata nak ajak pergi, saya ajak dah kelmarin janji pagi ni nak pergi Tepoh dok pergi *stabut.* ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Hak tu .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): *Guana* pusing tak ke kita tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Janji kelmarin nak pergikan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga tertarik dengan yang disebut oleh Wakil Rhu Rendang tadi tentang Hukum Hudud. Seingat sayalah, umur saya dah dekat 50 tahun ni saya tak dengar lagi barangkali masa tu saya tak beri perhatian kepada politik ni, tak dengar lagi pemimpin di peringkat Negeri Terengganu yang mengatakan Hukum Hudud ni kalau dibuat tangan boleh buat sup, takdok lagi di Terengganu ni. Kalau buat Hudud di Terengganu takdok batu boleh buat jalan, tak dengar lagi di Terengganu, tak tahulah pasal saya ni baru nak masuk 50. Tapi masa PAS menjadi Kerajaan seingat sayalah ada pemberita tanya kepada Menteri Besar pada masa itu, dia tanya Hukum Hudud ini lagu mana? Dia jawab Hukum Hudud ini dalam Islam 0.1% sahaja, tak buat tak apa lagi maksudnya lebih kurang macam lagu tu-lah pada masa tu. Jadi pada saya tidak ada sebablah kalau buat dua Jumaat dalam satu kampung ni kerana alasan-alasan yang diberi tadi. Takdok dah saya dengar hari ini orang menghina Hukum Hudud. Jadi saya menyeru kepada pemimpin parti Pembangkang, wakil-wakil yang berada dalam Dewan hari ini marilah kita bersatu untuk masa depan kita bersama. Kita utamakanlah hukum Allah, marilah kita bersatu, kita buangkanlah sentimen politik ni untuk kepentingan parti-parti, yang mana lebih penting kepada kita, kita sama-sama membina negeri kita supaya lebih maju.

Akhir sekali saya juga ingin menyentuh tentang kawasan sayalah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kawasan Hulu Besut saya ada lagi masalah misalnya bekalan air SATU di kawasan Mukim Hulu Besut yang melibatkan Kampung La, Kampung Keruak, Kampung Pak Sik, Kampung Belaoh kalau dalam seminggu itu mesti ada penduduk kampung tak dapat bekalan air SATU kerana tekanan airnya rendah. Jadi di sini saya mengambil kesempatan dan di Dewan yang mulia ini saya mohon Kerajaan menyelesaikan masalah ini untuk memberi keselesaan kepada penduduk di Hulu Besut ini. Yang kedua, saya juga ingin memohon dan merayu kepada Kerajaan, di Besut kawasan yang paling banyak mangsa perpindahan banjir. Jadi saya pohon kepada Kerajaan supaya meninggikan, menaikkan jalan yang ditenggelami air pada musim banjir, pihak JKR tahu belaka dah, dalam Mesyuarat Tindakan Daerahpun selalu saya sebut. Kalau ini boleh dibuat barangkali dapat membantu penduduk Hulu Besut di musim banjir kalau ada kecemasan. Seterusnya, saya juga ingin merayu kepada Kerajaan kalau boleh di kawasan Hulu Besut ini nak satu dewan yang lebih selesa untuk aktiviti masyarakat. Saya duk perhati DUN-DUN lain ada juga dewan-dewan besar tapi di DUN Hulu Besut tidak ada lagi. Jadi saya pohon supaya Kerajaan Negeri menyediakan satu dewan untuk kawasan Hulu Besut. Sebenarnya saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Besar yang

ada pada hari ini Dato' Seri Menteri Besar kerana beliau telah memasukkan satu peruntukan lebih kurang RM2 juta untuk pembinaan jalan dari Keruak ke Gunong Bongsu di dalam Bajet pada tahun ini. Saya bagi pihak penduduk kampung, penduduk di kawasan Hulu Besut ingin mengucapkan terima kasih di atas prihatin Kerajaan yang ada hari ini yang telah memasukkan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk projek Lebuh Raya Keruak - Gunong Bongsu dalam Bajet 2011 ini. Dan kalau perkara ini boleh dibuat insya Allah pilihan raya yang akan datang ini parti lain tak usah mimpilah, tak payah bersyarahpun, hah .... begitu ajelah nak beritahu, calonnya tak kiralah siapa-siapapun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Jadi itu sajalah pada kali ini, kalau silap saya pohon maaf. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sokong ke dok?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya pohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Saya jemput ..... sebelum itu saya ucap tahniah Hulu Besut nampak tenaga lain sikit. Kita jemput Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin. Wabihi nastain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai Kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, tuan-tuan sidang Pemerhati yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah S.W.T. kerana pagi ini kita dapat lagi bersidang dalam keadaan aman, dalam keadaan sentosa kerana berkat daripada rahmat yang Allah Taala berikan kepada kita hasil daripada kerja kita, hasil daripada Kerajaan kita yang telah bijaksana menguruskan negeri dan negara.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kerana pada pagi ini juga memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Ucapan Bajet 2011 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada dua hari yang lalu. Pertama-tamanya

saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dan jugak Kerajaan Barisan Nasional Terengganu kerana saya rasa telah berturut kali dan berulang kali telah berjaya membentangkan satu Bajet yang begitu menarik dengan jumlah Bajet yang sangat lumayan RM1.887 bilion dengan tema yang diwarwarkan sebagai 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri Terengganu' dengan empat strategi sebagaimana yang kita boleh baca dalam buku Bajet ini di muka surat yang ketiga belas. Jelas sekalilah kepada kita sebenarnya Bajet ini adalah merupakan satu Bajet yang mana kita rancangkan untuk kita pastikan rakyat kita dapat hidup dengan selesa dan juga dengan harmoni. Bukan satu Bajet khayalan sebagaimana yang kita tahu, sebagaimana yang kita alami pengalaman ini pada tahun 2000 – 2003 dahulu di bawah Kerajaan PAS, satu Bajet yang besar tapi duit *yilek,* duit tak ada dengan izin. Kita Kerajaan yang bertanggungjawab 'bukan cakap kita buat'. Saya nak ingatkan kepada Kerajaan supaya tak usahlah dalam bahasa kitanya tak usahlah ambil kira sangat karenah hal-hal Pembangkang memang kerja mereka ini kerjanya membangkang. Mana ada benda yang kita buat, mana ada benda yang kita rancangkan, mana ada benda yang kita laksanakan mereka sokong. Mereka akan bangkangkan saja tapi malangnya nikmat-nikmat yang mereka dapat, kumpulan-kumpulan ini yang merasai nikmatnya mereka juga yang banyak terutamanya mereka yang tinggal di bandar-bandar berbanding dengan kamilah di kawasan hulu, di kawasan kampung. Kalau kita nak bandingkan jumlah kos yang kita belanjakan di bandar dan di kawasan luar bandar jauh lebih banyak di bandar dengan luar bandar tapi kami ini orang di luar bandar tetap yakin dan percaya bahawa inilah Kerajaan yang patut kita sokong, Kerajaan yang patut kita bantu kerana kita ini adalah Kerajaan yang bertanggungjawab. Sebagai bukti hari ini kita lihat buktinya kita lihat senario sejarah di negara kita mana ada bandar-bandar yang menang parti Kerajaan Barisan Nasional kecuali mungkin Johor sahaja, Kuala Terengganupun kalah sedangkan nikmatnya banyak di Kuala Terengganu, di bandar-bandar ni maksud saya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Dato' Yang Dipertua, boleh?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Kalau Yang Dipertua boleh tambah masa boleh, tak mengapa, saya boleh benar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beri Yang Berhormat. Kuala Berang beri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, terima kasih, sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia baru nak *start,* kesian dia Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya bukan nak ganggu ke apa cuma bila dia kata bandar, luar bandar, dia sebut Kuala Terengganu, dia anggap macam Kuala Berang tu tak bandar lagi, kuala tu, bukan hulu, kuala.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bandar di hulu lain, bandar di kuala lain. .....(Dewan Gelak) ..... Yalah kalau nak bercakap tentang hal mereka ini, hal Kerajaan PAS berbanding dengan Kerajaan kita ini, banyak sangat nak bercakaplah. Lima, enam tahun dah bercakap hal mu buruk, aku baik, hal aku baik, mu buruk, kalau nak bercakap hal Kerajaan PAS ni, tiga-empat tahun memerintah sebutir buku tak cukup nak tulis, banyak. Dan baru-baru inipun kita terkejut besar, kitapun rasa termanggu dengar berita mahkamah telah memerintahkan, telah membuat keputusan Kerajaan Negeri kena membayar RM1 bilion kepada sebuah syarikat hasil kesilapan Kerajaan terdahulu. Hal balakpun tak reti nak urus .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beri Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kerajaan PAS dulupun kena dan terpaksa bayar ganti rugi kepada sebuah syarikat di atas satu bidang tanah di Kertih kerana kesilapan Kerajaan Barisan Nasional, itu tanggungjawab orang yang mengambil alih Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Berapa yang kita bayar? Saya nak mintak penjelasan berapa yang kita kena bayar?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit berhubung dengan kes isu hak dikatakan isu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kalau nak beri penjelasan saya ingat Kerajaan boleh beri penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, soal sekarang ini Kerajaan tak boleh beri penjelasan dia tuduh ke kita. Jadi saya yang boleh beri penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kuala Berang beri?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya rasa tak nak beri dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak nak beri dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalnya sekarang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Hal balakpun tak boleh nak urus .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Tebang balak, kerat balak, jual balak, inipun tak boleh nak urus, nak cakap hal lain. Dato' Yang Dipertua, kalau kita tengok sehari-dua ni Pembangkang .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Mujur jugak kawasan tu PAS batal dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat isu yang sama juga ke yang nak bangkit ni? Kita sedar isu ini dalam mahkamah, biar selesai di mahkamah dululah. Teruskan dengan isu yang lain Yang Berhormat, ia sensitif kepada sebelah sini, PAS ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang dia tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehari-dua ini jugak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan sokmo-sokmo .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN OMAR (Wakil Ladang): Saya Dato' Yang Dipertua nak mintak penjelasan sikit sebab .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Orang bersalah ini macam-macam nak Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN OMAR (Wakil Ladang): Tak, tak bersalah lagi ni jangan tuduh begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Sabar, jangan takut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang, Yang Berhormat Kuala Berang tak bagi laluan. Teruskan Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN OMAR (Wakil Ladang): Sikit aje, saya mintak penjelasan, bukan nak ganggu-ganggu. Tadi dia kata mahkamah perintah RM1 bilion, saya nak mintak tarikh bila dan mahkamah mana yang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya katakan kes itukan dalam mahkamah, jadi tak payahlah, ini Peraturan Dewan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN OMAR (Wakil Ladang): Saya setuju dengan Yang Dipertua tapi dia duk kata.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah sayapun baru tegur ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN OMAR (Wakil Ladang): Kena tegur sebab dia kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Takkan tak tahu, seluruh dunia tahu. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Pembangkang duk asyik ratib dan sokmo-sokmo ratib 'negeri kaya rakyat miskin', ini ratib dia. Sayapun tak fahamlah apakah sebenarnya Pembangkang ni faham tak makna miskin ni dalam konteks Terengganu faham ke tak? Dia miskin ni sampai orang lapar, bagi negara orang, orang miskin tak boleh nak makan, caripun kais pagipun tak boleh nak makan pagi kadang-kadang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini bukan dalam konteks Terengganu ni, ini dalam konteks hulu ni, di Hulu Terengganu ada kampung Imam Lapar. .....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Jangan main Yang Berhormat, itu kampung saya Imam Lapar tu. ....(Dewan bertambah gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, sampai di Kuala Telemong tu ada orang tanya: "Lapar Tok Imam?" *"Lo mong"* dia kata. *Telur mung*, saya ulanglah. Itu maksudnya miskin ni orang lapar Terengganu ni, saya tak tahulah saya tanya Pegawai-pegawai Kerajaan boleh kategorikan miskin di Terengganu. Kita beri Dana Khas tu bukan kepada orang miskin, miskin Terengganu ni pada kita Dana Khas ini RM1,500, ke bawahpun layak. Hari ini bukan RM1,500 je yang pendapatan kita ni, maknanya RM800, RM700 pun, RM800 pun dah lepas garis kemiskinan dah, ini kita beri kepada orang sebagai bantuan Dana Raya, Dana Khas kepada rakyat kita atas keprihatinan kita. Malah kalau kita tengok rakyat kita hari ini orang buruh kasar pakai kereta, takdok kerja buatpun pakai kereta, ramai, ada yang takdok kerja buatpun, kereta pakai, makan hebat, rumah cantik. Maknanya kita ni silaplah pengertian yang diberikan Pembangkang saya rasalah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya rasa tak nak ulaslah nanti orang marah pulak banyak-banyak sangat. Jadi saya hari ini sebagaimana biasalah macam Wakil-wakil Rakyat lain jugak, saya mewakili rakyat kawasan saya, saya nak sampai jugaklah hasrat rakyat saya di bawah sana walaupun kelmarin Wakil Wakaf Mempelam duk perli sokmo-sokmo, Wakil Rakyat Kerajaan ini takdok kerja lain, puji Kerajaan, baham Pembangkang, mintak projek. Dia se aje, kita tiga ratib, puji Kerajaan, baham Pembangkang, lepas itu mintak projek panjangkan hak rakyat, panjang ratib tu. Dia ratib dia baham Kerajaan, caci Kerajaan, se je. Kalau kira 3 - 1, menang kita dah. Jadi tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya hari ini pertama-tamanya dan yang paling penting saya nak sampaikan ialah rasa terima kasih sangat-sangat, rasa bangga sangat-sangat, rasa tahniah sangat-sangat di atas usaha Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan jugak Kerajaan Barisan Nasional kerana kita telah lama berjuang, kita telah lama dah memohon daripada Kerajaan supaya buatlah sesuatu kepada Hulu Terengganu khususnya Tasik Kenyir yang alhamdulillah hari ini kita tengok Bajetnya besar dah keluar. Jadi saya Wakil Hulu Terengganu boleh dikatakan hari ini setiap hari di Hulu Terengganu sana Yang Amat Berhormat Dato' Seri rakyat kita bercakap tentang bagaimana bangganya mereka bila Kerajaan begitu bersungguh-sungguh nak jadikan Tasik Kenyir ini sebagai Zon Bebas Cukai. Jadi kita haraplah akan dibuat, dilaksanakan kalau tidakpun macam Langkawi kalau boleh seumpama Langkawilah paling kurangnya kerana inilah hasil sebenarnya pengorbanan rakyat kami, pengorbanan rakyat Hulu Terengganu yang berkorban banyak, beratus ekar tanah, beribu balak, berjuta-juta hasil balak, flora-fauna dan hasil galiannya dengan macam-macam sebenarnya kita korban untuk kita pastikan hasrat Kerajaan nak buat

empangan ini akhirnya kita bersetuju, kita tidak *complaint* banyak. Inilah kita rasa pulangannya, kita harap buatlah kawasan ini sebaik mungkin dan jugak mengambil kira jugak perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan Zon Bebas Cukai ini. Bukan sahaja kita buat Zon Bebas Cukai tapi kita buat jugak kepada yang bersangkutan, kawasan berhampiran, Bandar Kuala Berang kita buat jugak kalau boleh kita modenkan supaya seiring dengan kemajuan Zon Bebas Cukai ini selaras dengan kedatangan ramai orang. Kelmarin Wakil Pembangkang bimbang ramai orang datang, biasalah orang datang ramai kalau 10 juta, 2 juta itu biasalah, inilah pembangunan. Jadi bila ada pembangunan, bila ada kemajuan kita kena ada pengorbanan, kena korbanlah, pengorbanan yang kita terpaksa tanggung. Walau bagaimanapun, saya yakin dan saya percaya Kerajaan telah mengambil kira faktor-faktor terutamanya, faktor keselamatan yang akan berlaku hasil daripada mungkin limpahan kedatangan, mungkin pedagang, mungkin pelancong ataupun mungkin jugak daripada orang-orang asing, mungkin jugak daripada pelbagai pihak yang mungkin mereka datang nak melihat, nak pastikan yang mereka datang mereka dapat apa yang mereka hajati bila mereka datang ke kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak pada hari ini berharap supaya langkah-langkah untuk kita laksanakan perkara ini mengambil kira jugak di samping kita buat Tasik Kenyir sebagai Zon Bebas Cukai, kita jugak harap supaya pembinaan ini mengambil kira flora dan fauna, habitat-habitat semulajadi dan kita rasa boleh kekalkan supaya generasi akan datang tidak akan mempertikaikan, tidak akan merasakan bahawa Kerajaan hari ini telah melakukan perkara ini dengan sewenang-wenangnya supaya satu masa nanti, masa akan datang mereka jugak dapat melihat bagaimana keadaan alam semulajadi yang berada di Tasik Kenyir. Begitu jugak saya berharap supaya Kerajaan juga mengambil kira program-program hiliran yang boleh rakyat di kawasan Hulu Terengganu khususnya supaya mereka dapat jugak mengambil peluang, dapat jugak mengambil ruang-ruang supaya mereka ini tidak kata orang hanya sebagai pemerhati kepada pembangunan yang berlaku. Janganlah beri mereka ikan saja tetapi jugak beri mereka joran untuk mereka boleh mengail ikan-ikan yang ada di sekitar kawasan Bebas Cukai tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak berharap supaya Institusi Pengajian Tinggi, IPTA, IPTS, kolej-kolej kemahiran dan jugak pusat-pusat pengajian boleh datang untuk membina cawangan-cawangan mereka, kalau tidakpun pusat-pusat induk supaya kita dapat pastikan kawasan Bebas Cukai yang hebat ini seiring dengan pendidikan sebagaimana kita lihat dalam Bajet ini Kerajaan telah memperuntukkan Bajet yang besar untuk kita pastikan pendidikan menjadi pelan utama pembangunan Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya jugak berharap supaya kita wujudkan jugak kumpulan-kumpulan, usahawan-usahawan daripada daerah kita sebagaimana

kita lihat di Langkawi adanya kumpulan Ismail Group dan sebagainya. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga telah membuat soalan cuma malangnya tidak sempat untuk bertanya tadi. Cuma saya nak nyatakan hari ini ialah kita jugak kena melihat bagaimana faktor jalan-jalan yang berlaku di Kuala Berang, Hulu Terengganu hari ini jalan-jalannya nampak dah banyak rosak kerana mungkin tak tahulah sama ada kerana silap buat ke, silap orang tukang guna? Jadi jalan-jalan di Kuala Berang ni kita lihat bila siap saja pembinaan jalan lebuh raya daripada Kuala Berang ke Simpang Pulai kita lihat telah menjadi rebutan pengusaha-pengusaha kenderaan, pengusaha-pengusaha pengangkutan untuk melalui jalan tersebut. Kita lihat mereka telah memuatkan muatan dalam lori-lori yang begitu berat dan ini mengakibatkan jalan-jalan itu rosak banyak. Kita haraplah supaya perkara ini Kerajaan ambil kira sama ada nak mengisytiharkan kawasan Zon Pelancongan atau *wa-ima* apapun yang berkaitan dengannya, kita nak lihat supaya bila ada Zon Bebas Cukai yang cantik, indah ini dan yang bagus ini kita nak jugak jalan-jalannya yang sempurna, jalan-jalannya yang elok untuk kita nak beritahu kepada rakyat bahawa inilah hasil usaha Kerajaan kita pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Saya jugak pada hari ini berharap supaya Kerajaan dapat jugak mempastikan apa yang kita perjuangkan selama ini iaitu perjuangan kita dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di mana kita kalau kiranya pada hari ini jumlah cukai taksiran yang tidak dibayar oleh TNB sudah berjumlah hampir RM30 juta. Jadi maknanya malanglah sekali sehingga hari ini mereka belum lagi menjelaskannya walau dah berulang kali kami pemimpin Hulu Terengganu berjuang untuk mempastikan supaya cukai ini dapat dibayar. Apabila cukai ini dibayar maka sekurang-kurangnya kita dapat buat pembangunan kalau tidakpun di kawasan lain tetapi di Bandar Kuala Berang sendiri kita dapat dengan bajet ini, dengan duit ini kita boleh dan rakyat lihat inilah hasil daripada pengorbanan kita selama ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sokonglah Kerajaan untuk menambahbaik dalam muka surat 22 kalau tak silap saya menyatakan bahawa Kerajaan akan berusaha untuk membuat penambahbaikan sistem pengangkutan. Sebagaimana saya kata dululah, buatlah kalau perlu buat LRT buatlah, kalau perlu buat monorel buatlah tapi jangan lupa Kuala Berang-Kuala Terengganu buat jugak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu juga dengan perkara berkaitan dengan masalah banjir sebagaimana saya utarakan dalam soalan kelmarin. Dan di mana

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besarpun telah ..... dan ada dalam hansard di muka surat 40 pada sidang yang pertama dahulu menyatakan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk mempastikan bahawa satu usaha, satu bajet diluluskan tapi hari ini untuk makluman belum lagi kerana dalam Bajet ini mengatakan bahawa perkara ini hendaklah dilaksanakan pada tahun ini jugak tetapi setakat ini saya duk tengok-tengok belum ada usaha lagi untuk memastikan perkara ini dapat diselesaikan.

Kemudian seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu jugak dengan janji Kerajaan dahulu, 5 - 6 tahun dahulu janji Kerajaan untuk membuat satu Pusat Penulisan Jawi di kawasan Memorial Batu Bersurat. Kita harap usaha yang bersungguh-sungguhlah pihak Kerajaan dapat melaksanakan perkara tersebut.

Begitu jugak yang rakyat di bawah sana duk beritahu saya sokmo-sokmo ialah berkait dengan masalah pasaran hasil-hasil pertanian, buah duku, buah rambutan, jagung dan sebagainya. Hari ini, pada tahun ini kita rasa amat dukacitalah kerana hasil-hasil tersebut tidak menjadi pendapatan yang sebagaimana zaman dahulu. Zaman dahulu ramai orang pengusaha-pengusaha duku dapat hasil yang bagus, dapat menunaikan Haji ke Makkah, buat Umrah, buat rumah yang cantik dan sebagainya hasil daripada buah duku tapi hari ini sangat dukacitalah.

Jadi saya rasa itu sajalah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, beberapa perkara yang ingin saya sampaikan pada sidang kali ini dan saya minta maaf banyak-banyak kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian terutamanya kepada Pembangkanglah kalau ada silap dan salah kerana yang hebat itu Allah Taala dan yang lemah itu dari saya. Jugak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Ucapan Bajet pada kali ini. Dan saya akhirnya mohon menyokong Usul Bajet ini. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Ya, Jabi, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Seterusnya membaca Doa mukadimah).* Terima kasih Yang Berhormat Mulia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya ikut sama untuk membahaskan Ucapan Bajet 2011 yang telah diucapkan, dibentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 14hb yang

lalu. Tahniah, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri di atas pembentangan Bajet tersebut. Dan saya rasa suka hati apabila dengar ucapan terakhir daripada Yang Berhormat Rhu Rendang sebentar tadi. Rasanya inilah ucapan yang dapat disimpulkan sebagai satu ucapan untuk menyatukan dua pasukan yang merayu untuk sama-sama bersatu di antara PAS dengan UMNO. Tahniah kepada Yang Berhormat Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Antara dua pasukan mana tu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Pasukan PAS dengan UMNO.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): UMNO tu ada dua pasukan tu, hak mana satu A ke B?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): PAS ada empat pasukan. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, kerana semalam saya melihat ucapan daripada Yang Berhormat Sura menyatakan bahawa bagaimana Melayu nak bersatu dengan UMNO, PAS nak bersatu dengan UMNO atas dasar apa? Sekarang jelas bahawa dalam Pakatan Rakyat, PAS, DAP dan PKR bersatu atas dasar apa? Jadi hari ini jelas bahawa apa yang disimpulkan oleh Yang Berhormat Rhu Rendang itu marilah sama-sama kita menterjemahkan perkara demi untuk Melayu dan Islam pada masa hadapan. Kerana sebut saja Melayu, Melayu itu Islam, sebut saja Islam, Islam itu ada Melayu, ada juga bangsa lain. Oleh itu, saya penuh yakin dan percaya setiap tahun Bajet yang dibuat oleh mantan Menteri Besar-Menteri Besar dahulu maka hari ini kita menikmatinya. Dan saya percaya pihak Pembangkangpun menikmati hasil daripada bajet-bajet yang telah dibuat oleh bekas-bekas Menteri Besar terdahulu. Misalnya zaman Tan Sri Wan Mokhtar, zaman Dato' Seri Idris Jusoh, zaman Dato' Seri Ahmad bin Said maka kita percaya hasilnya hari ini dan seterusnya anak-cucu kita apa yang dirancang, apa yang dibuat dalam bajet-bajet tersebut.

Mengikut buku Bajet pada hemat saya dalam bidang pelajaran di muka surat 32: "Dalam rancangan pembangunan, Kerajaan akan terus memberi fokus utama kepada sektor pendidikan dan pembangunan modal insan yang menjadi salah satu teras utama NKRA. Oleh itu saya mencadangkan RM92.45 juta diperuntukkan untuk sektor ini dalam Belanjawan 2011." Pertama, dalam pendidikan saya mewakili masyarakat DUN Jabi ucap tahniah kepada Pengarah baru Haji Ariffin, kakitangan sekolah, guru-guru, pelajar dan juga ibu bapa serta PIBG

yang turut serta menyumbang untuk kecemerlangan dalam mencapai 10 tahun berturut-turut 5A, ini pencapaian yang hebat saya kira. Sasaran 20 10 5 2 insyaAllah akan tercapai dan sudah tercapai tetapi mengikut daripada apa yang disebut ini saya bimbang ada perkara-perkara yang tidak dapat dilaksana kerana Bajet 2010 sebanyak RM134.96 juta telah diperuntukkan dalam bidang pendidikan maknanya kita sudah susut nilai sebanyak RM40 juta. Oleh itu saya mengharapkan supaya perkara ini dilihat dengan teliti takut-takut program-program yang terbaik tidak dapat dilaksanakan. Dan oleh itu, kita harap pihak Kerajaan akan menilai dengan sewajarnya bagaimana untuk memperkasakan, untuk meneruskan kecemerlangan-kecemerlangan dalam pendidikan ini. Dan kita ucap syabas kepada pelajar-pelajar kita yang mencapai kejayaan yang cemerlang. Selain daripada itu, inisiatif yang diberi oleh pihak Kerajaan kepada guru-guru di sekolah satu perkara yang baru dan kita harap walaupun tidak sebesar manapun pemberian itu tetapi penghargaan daripada pihak Kerajaan kepada pihak pendidik dan saya yakin dan percaya semua ibu bapa dengan pencapaian tahap pendidikan seperti itu.

Seterusnya, melihat kepada pembangunan belia dan sukan. Tahniah kepada para belia kita yang berjaya dalam pelbagai bidang. Cuma sekarang ini yang kita lihat usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk membendung perkara-perkara yang negatif. Terutamanya daripada laporan akhbar yang dibuat oleh Ketua Polis Negeri Terengganu bahawa kita Negeri Terengganu, negeri di Pantai Timur adalah negeri yang terbanyak tangkapan mengenai penyalahgunaan dadah. Jadi kitapun rasa hairan, kita rasa pelik, kita nampak anak muda kita ceria, tenang tetapi dari segi penyalahgunaan pelbagai jenis dadah kita nombor 1 dan dalam daerah pula Besut pula nombor 1 dalam Negeri Terengganu. Kita rasa dukacita dan daripada Besut nombor 1, Jabi pulak yang jadi nombor 1 dalam daerah. Saya rasa ini satu benda yang tak kena, bukan tak kena Kerajaan tapi tak kena dari segi perancangan untuk membendung penyalahgunaan dadah. Apabila kita berdialog dengan pihak Polis, mereka mengatakan kebocoran dari segi kemasukan bahan-bahan ini daripada pengkalan-pengkalan pendaratan ikan. Misalnya, kita di Besut, di Kuala Besut, di Tok Bali dan sebagainya dan saya dukacita kerana mengikut rekod kesihatan, di Jabi sahaja ada 36 orang HIV Positif yang tunggu masa nak mati, itu di Jabi mungkin di DUN-DUN lainpun ramai juga. Ini ialah satu gejala yang begitu serius dan saya mengharapkan supaya langkah-langkah yang secara drastik perlu dilaksanakan untuk membendung perkara ini. Apabila penyalahgunaan dadah berlaku kecurian, apabila berlaku kecurian berlakulah jenayah-jenayah yang lain. Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan bahawa dengan kenaikan elaun JKKK ini kita mengharapkan supaya Pengerusi-Pengerusi JKKK ini mesti mengadakan Unit Kawalan Kampung (UKK) di setiap kampung mesti ada Unit Kawalan Kampung sekurang-kurangnya kita ada usaha untuk membanteras orang-orang yang suka mencuri pada waktu malam. Jadikan KPI kepada

Pengerusi-Pengerusi JKKK ini untuk mereka sama-sama turut serta. Cuma Dato' Yang Dipertua Dewan, pengalaman kita pengalaman sedikit yang ada, saya di Jabi saya dukacita, saya mintak pimpinan PAS supaya beritahu orang-orang PAS di Jabi ke, di mana-mana turutlah serta dalam UKK pasal mencuri ini tak kira rumah orang UMNO ke, rumah orang PAS. Yang menjadi masalah sekarang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, kita orang UMNO JKKK yang jaga, orang PAS kata tak apa dah, JKKK tolong jaga dah rumah kita, penglibatan itu tak ada. Dan saya haraplah kepimpinan-kepimpinan pihak Pembangkang kalau pergi ceramah-ceramah ke kampung-kampung tu biarlah beri penjelasan supaya kita sama-sama dalam UKK ini untuk menangani masalah jenayah ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: UKK tu apa Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Unit Kawalan Kampung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak cadanglah, dah tadi yang jadi begitu tu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya nak mintak penjelasan sikit. Ya-lah saya boleh bantu insya Allah sebab nak jaga keselamatan kampung tu tapi mungkin orang kampung tu dia tengok barangkali hak dapat elaun tu JKKK, hak dapat itu, dapat ini JKKK tapi hak ni ..... itu barangkali kena fikirkan supaya lebih nampak ada satu muafakat yang lebih baik. Jadi nak tuduh ke kitapun tak boleh, mungkin di kawasan kita masalah-masalah sebegitu mungkin tak timbul, tak berlaku macam berlaku di Jabi tu, Aids paling ramai, paling tinggi dan dadah paling banyak dan macam-macam kes.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Hak berlaku di Jabi tu bukan anak orang UMNO saja, anak orang PASpun ada jugak HIV tunggu masa nak mati. Lepas tu pulak cadangan Yang Berhormat Wakaf Mempelam itu baik tapi bukan cadangan dalam Dewan saja, kena *apply* di luar Dewan, masa pergi berceramah tu kena beritahu. Satu pendekatan yang baru.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya cadangkan kalau boleh kita buat ceramah sepentas sekali, Mukim Jabi .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Lulus selalu!!! ... (Dewan Gelak) ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... biar Yang Berhormat Speaker cadang mana-mana tempat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Dipertua Dewan, dari segi Program Pembasmian Kemiskinan. Saya pohon kepada Kerajaan supaya meneruskan usaha-usaha yang telah dibuat terutamanya dari segi di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga, Pemberian Bantuan Peralatan, Pemberian Roda Tiga, Memperkasakan Persatuan Ibu Tunggal dan lain-lain. Bidang-bidang ini saya harap supaya diperkasakan dan ditambah peruntukan-peruntukan untuk membantu golongan miskin ini untuk berdikari mencari rezeki dan boleh mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Begitu juga Persatuan Ibu Tunggal, saya tengok sekarang ini Persatuan Ibu Tunggal di tempat saya ada satu Persatuan Ibu Tunggal yang dianggotai oleh 894 orang, Pengarah Yayasan perbetul kalau silap, 849 orang. Daripada jumlah seramai itu 10 orang sudah berkahwin dengan Bangladesh dan Pakistan ....(Dewan Gelak) .... Saya bimbang, sekarang ini okeylah dia sudah jadi isteri kepada Bangladesh dan Pakistan dan tidak mustahil suatu hari nanti ibu ini akan ditinggal jadi ibu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, apa benda masalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Wakaf Mempelam mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dah apa benda masalahnya dah ibu tunggal ni dah kahwin dengan Bangla. Dah ADUN Jabi buat apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bimbang ke, Yang Berhormat cemburu?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bukan begitu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Selepas dia kena tinggal tu puak-puak kita tak boleh pakai dah ibu tunggal ni dah. ....(Dewan Gelak) .... Dah tak sesuai dengan kita. Tak boleh dah, memang tak boleh.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Penjelasan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kalau dengan Y.B. Tepoh kohor lagi dok boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan mintak penjelasan Yang Berhormat, yang ada pengalaman banyak ni.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, saya rasa nak terbangun sikit ni. Saya nampak Jabi ni susah hati apabila di kalangan ibu tunggal di Negeri Terengganu ni dimiliki oleh orang-orang asing seperti orang Bangla ni, jadi kalau nak pakai semula jadi tak tergamak. Jadi saya nak beritahu kepada Wakil Jabi ni *doksoh* susah kita ada data, ada 18,000 hak tak diusik oleh Bangla ni, insya Allah. ....(Dewan Gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang belum diusik, banyak lagi kosong Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Jabi teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya menyebut ini kerana kes ini kita jadikan sebagai *study case.* Beberapa implikasinya besar, yang pertama apabila lahir anak, anak itu nak bubuh kepada bin bolehlah nikah itu sah tetapi dari segi kewarganegaraan bapak dia tu pulak nanti belajar nak masuk universiti taraf ayah dia tu pulak mengalami kerumitan-kerumitan. Dan yang keduanya pulak kalau berlaku penceraian Bangla ni, Pakistan ni, ikut manapun dia tak bagi anak kepada ibu, dia akan bawa balik ke Pakistan, ini akan menjadi masalah kepada kita. Maka kita Yang Berhormatlah jadi tempat ngadu ibu tunggal, akhirnya kitalah pulak kahwin dengan ibu tunggal, susah jugak kita. ....(Dewan Gelak) .... Dan perkara ini serius, kena Kerajaan ambil perhatianlah, perkara ini kita nampak remeh-temeh tetapi ia menjadi perkara yang serius.

Dan selain daripada itu, Kerajaan telah memperuntukkan dalam Bajet inipun untuk membina rumah-rumah orang miskin PPRT. Apa salah kiranya jua pada masa akan datang kita kurangkan rumah-rumah PPRT ini dan kita memperbanyakkan rumah-rumah kos rendah. Orang-orang miskin ini kita masukkan kepada rumah-rumah kos rendah. Saya ucapkan tahniah, syabas kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri yang mensasarkan 12,000 rumah kos rendah ini dalam tempoh 5 tahun. Dan saya percaya orang-orang miskin ini kalaulah diberi peluang untuk menduduki rumah-rumah kos rendah, mereka akan bersaing dan insya Allah, mereka akan keluar daripada kemiskinan tersebut. Dan mungkin pihak Kerajaan dapat memberi fokus kepada rumah-rumah kos rendah yang mana majoriti penghuninya adalah orang-orang miskin. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan memberi perhatian yang jelas dalam hal-hal ini.

Dari segi pertanian, terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan banyak duit untuk membantu petani-petani. Dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengarah KETARA yang banyak membantu petani dan memperluaskan Skim KETARA daripada Besut masuk kepada Bukit Jeruk, Tempinis, Gong Ubi Keling, Anak Ikan, Anak Ikan Dalam, Guntong, Guntong Luar sampai ke Setiu, jaringannya sudah meluas. Kita

harap apabila KETARA dapat memperluaskan jaringan ini maka hasil pengeluaran padi akan bertambah. Tetapi yang mendukacitakan kita, Kerajaan mensasarkan, KETARA mensasarkan, Pertanian mensasarkan 5 tan - 10 tan metrik bagi 1 hektar dan ada petani boleh capai 7 tan - 8 tan tetapi apabila masa musim menuai padi, pihak BERNAS membuat pemotongan yang terlalu besar sehingga 32%, sehingga 30%, kalau 30% petani nak makan apa? Ini kita harap Kerajaan akan memberi perhatian yang khusus, ini orang miskin, orang susah, kerja untuk bertani ini tulang empat kerat, kalau dibuat pemotongan 30% dia bekerja 6 bulan hanya lebih kurang kalau satu hektar itu dia dapat bersih hanya RM300 – RM400 sahaja. Sebab itu saya sangat kesian melihat petani-petani yang begitu tinggi pemotongan padinya dan kalau BERNAS tidak mampu berilah kepada syarikat-syarikat pembelian padi swasta untuk beli padi-padi petani kerana hasil ini hasil utama bagi petani.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak boleh tambah ke Dato' Yang Dipertua, pasal saya diganggu banyak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cakap dulu, biar perhabis dulu 5 minit ini.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kemudian mengenai kesedaran kesihatan. Pada Bajet 2010 dulu Kerajaan mencadangkan untuk memberi caruman insuran kepada warga-warga emas. Saya melihat sekarang ini program itu belum terlaksana lagi kalau boleh perkara ini dipercepatkan dan kebanyakan orang ramai yang terlibat dengan sakit-sakit kronik ini kita mintak Kerajaan membuat penilaian yang khusus yang perlu dibayar tinggi, rendah dan sebagainya. Beberapa kes di Jabi rata-ratanya dibayar RM500 masuk hospital, tukar manik mata, tukar alat pendengaran telinga, putus empat jaripun RM500 belaka. Jadi kalau boleh ada standard yang tertentu supaya perkara ini dapat diseragamkan. Dan yang paling penting dalam kesedaran kesihatan ini, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya adakan satu program khusus untuk pendermaan organ kerana saya lihat di Terengganu ini tahap kesedaran untuk menderma organ kita ni masih di tahap yang rendah lagi. Apa salah kiranya pihak Kerajaan mewarwarkan, mengadakan program dan jugak hebahan-hebahan yang tertentu untuk Program Pendermaan Organ ini.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua Dewan, saya nak sebut mengenai hal rakyat Jabi. Yang pertama, saya di Jabi memohon supaya Pusat Pertumbuhan Desa di Jabi ni dapat disegerakan kerana halangan utamanya ialah mengenai pengambilan balik tanah. Saya harap supaya perkara ini pihak PTG dan UPEN dapat segera kerana dah hampir 7 - 8 tahun perkara ini kita tidak dapat selesaikan. Yang

kedua, bekalan air bersih. Saya pohon kepada SATU, di Jabi ada satu kampung yang kawasan kampung namanya Kampung Pulau Pinang Gong Pasir yang mana penduduk di situ tidak ada bekalan air bersih, mengharapkan kepada perigi, telaga tiub dan sebagainya dan airnya ialah air yang merah kerana kawasan itu kawasan bertakung dari segi pengairannya.

Selain daripada itu, saya pohon juga kepada pihak JKR penyambungan Jalan Bukit Jeruk – Benting Lintang sekarang ini sudah ada dan nak disambungkan ke Jalan Bukit Jeruk – Tok Dor (jalan besar) untuk orang-orang kampung mengeluarkan hasil pertanian kerana di situ kawasan ladang sawit secara kelompok, ladang sawit individu dan juga tanaman padi serta hasil getah.

Yang ketiganya ialah mengenai Lata Belatan, satu-satunya tempat rekreasi yang ada di Jabi ialah Lata Belatan. Terima kasih kepada Dato' Pengarah Perhutanan, cuma saya nak mencadangkan kerana di atas pengambilan balik tanah bersebelahan dengan Lata Belantan untuk dijadikan parking lot kepada kenderaan, bolehkah Kerajaan mengenakan bayaran *parking* kepada orang ramai yang datang berkelah kerana hasil daripada bayaran itu boleh membantu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengunjung dan juga menjaga kebersihan di kawasan Lata Belatan. Di Lata Belatan itu ada satu puncak gunung namanya Gunung Tebu dan di kawasan puncak itu tempat menjadi pendakian dan di situ orang ramai selalu naik ke Gunung Tebu membuang sampah merata-rata. Dengan sumber kewangan tersebut saya percaya kawasan tersebut dapat diselenggarakan tanpa bantuan Kerajaan hasil daripada sumbangan orang ramai. Jadi saya mencadangkan kepada pihak Jabatan Perhutanan untuk menyegerakan bagaimana untuk melaksanakan bayaran *parking* tersebut.

Selain daripada itu, sambungan kepada bidang pertanian, saya terlupa dua-tiga perkara. Yang pertama ialah saya melihat dua penempatan orang-orang miskin di Terengganu kita yang nampaknya masih di tahap lama iaitu di PPI (Penanam Pengawet Individu Tembakau) di Telaga Papan dan juga di Alur Ketitir. Orang-orang ini ialah orang-orang yang menanam tembakau dan mengawit sendiri yang dipanggil PPI. Pengawet Besar yang mempunyai hutang, Pengawet PPI yang mempunyai hutang dengan Agrobank tetapi Kerajaan Pusat telah melunaskan hutang-hutang Pengawet-pengawet Besar sehingga seseorang Pengawet Besar mempunyai hutang hampir RM700,000 tetapi Kerajaan Pusat telah melunaskan hutang mereka di bawah Skim Pembiayaan Cukai Tembakau Negara. Dan saya melihat orang-orang ini masih lagi terhutang dengan Agrobank iaitu PPI, apa salahnya Kerajaan mencari jalan usaha untuk menyalurkan mereka ini di bawah Dana Cukai Tembakau Negara supaya dapat melunaskan hutang-hutang mereka kerana mereka ini geran-geran tanah mereka masih lagi berada di Agrobank. Dan saya melihat mereka ini masih lagi di tahap termiskin dan mereka ini di dalam kesusahan

juga sepatutnya mereka juga mendapat imbuhan daripada Kerajaan Pusat. Cuma kita mintak Kerajaan Negeri untuk menyambung usaha ini kepada Kerajaan Pusat. Yang kedua mengenai pertanian ialah ternakan pawah. Mintak supaya pihak Kerajaan untuk memperbesarkan Program Ternakan Pawah, Lembu Pawah dan sebagainya kepada orang-orang kampung khususnya kepada masyarakat desa yang berminat, jangan beri kepada yang tidak berminat kerana yang berminat insyaAllah pawahan mereka akan berjaya. Dan di samping itu juga, kita mintak supaya padang-padang ragut di setiap kawasan sama ada di DUN, sama ada di daerah dikaji balik. Kalau padang ragut yang tidak berdaya maju Kerajaan buatlah sesuatu, kalau padang ragut yang berdaya maju diteruskan dengan tanam rumput kita tidak nak padang ragut terbiar tidak diusahakan, penternak pelihara lembu, kambing nak dapat sumber rumputpun susah. Jadi saya merayu kepada Kerajaan supaya melihat perkara ini secara serius.

Akhir sekali Dato' Yang Dipertua Dewan, di Jabi ada Asrama Anak-anak Yatim di bawah/cawangan PERKAYA. Cuma sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, anak-anak yatim seramai 132 orang ini daripada darjah 5 – 6, tingkat 1, 2, 3, 4 dan 5 yang menumpang di bangunan pondok yang ditinggalkan yang tidak digunakan oleh Pondok Falahiyah. Saya merayu kepada Kerajaan memohon sebuah bangunan khusus untuk penempatan anak-anak yatim. Tanah sudah ada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, tanahnya ada seluas lebih kurang 8 ekar iaitu di Belimbing Api. Kalaulah Kerajaan dapat menyediakan dua buah bangunan, satu untuk asrama lelaki dan satu lagi untuk asrama perempuan, ada dewan makan dan sebagainya, saya rasa anak-anak yatim ini lebih selesa, lebih kita dapat kecaknaan kerana tanggungjawab anak yatim adalah tanggungjawab bersama. Daripada 132 orang itu Yang Berhormat Mulia, ada 12 orang yang sudah yatim piatu. Oleh itu, saya merayu bersungguh-sungguh kepada Kerajaan untuk memberi keselesaan kepada anak-anak yatim ini bagi bangunan khusus kepada mereka.

Di samping itu juga, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar supaya pembangunan pondok satu-satunya pondok di Jabi Pondok Barisan Nasional iaitu Pondok Falahiyah. Pondok yang lain di Jabi pondok PAS belaka. Perkara ini takdok orang nak tanya ke? ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat dihujung dah, perhabislah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Jadi saya harap supaya di pondok ini ialah tempat penempatan orang-orang tua yang jadualnya ialah belajar Quran, belajar Fardhu Ain, duduk di situ dan rumahnya rumah yang kecil-kecil. Cuma merayu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya diberi perkapita

untuk makan minum orang-orang pondok ini RM2 – RM3 sehari, RM5 ke, RM10 ke sehari untuk membantu mereka kerana yang datang tinggal di situ kadang-kadang sebatang kara, kadang-kadang yang miskin dan sebagainya. Saya tak duduk lagi di pondok ini, jadi saya rasa itulah saja daripada saya. Salah dan silap mohon dimaafkan. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Ada lagi Yang Berhormat yang ingin berucap? Ya, Kemasik. Silakan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Seterusnya membaca Doa mukadimah).* Yang saya hormati Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah izin dan kurniaNya kita dapat sama-sama bersidang di Dewan yang mulia ini dan pada pagi yang bahagia ini. Saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih atas kesempatan dan ruang yang diberikan oleh Yang Dipertua Dewan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada dua hari yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan hadirin-hadirat sekalian, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah sekali lagi telah berjaya membentangkan Bajet yang seimbang. Seperti dalam ucapan beliau diperuntukkan sebanyak RM1.887 bilion yang mana sejumlah RM1.699 bilion adalah dianggarkan pendapatan daripada Kerajaan Pusat termasuk royalti petroleum dan sebanyak RM1.88 juta adalah daripada sumber Kerajaan Negeri sendiri.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, perbelanjaan yang dibentangkan memberi penekanan kepada kesan dan impak kepada masyarakat iaitu memastikan perbelanjaan yang akan dilakukan adalah secara berhemah sambil mengambil langkah berjimat cermat tetapi tanpa menjejaskan prestasi produktiviti dan kualiti perkhidmatan dalam usaha Kerajaan Barisan Nasional 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. Bajet 2011 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri menggariskan strategi utama seperti yang tertulis di dalam muka surat 13 iaitu di antaranya mengutamakan kesejahteraan rakyat, memperkasakan pembangunan modal insan, meningkatkan daya saing negeri dan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam

usaha Kerajaan mengutamakan kesejahteraan rakyat, antara usaha dan tanggungjawab yang paling utama adalah berusaha secara berterusan dengan memberikan penekanan secara objektif dengan pendekatan-pendekatan yang telah sekian lama diguna pakai dan mengambil langkah penambahbaikan. Langkah-langkah yang telah diambil dalam usaha kita mengenal pasti kekurangan-kekurangan yang sebelum ini berlaku dan mengambil langkah-langkah untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang ada. Dalam ini seperti yang sedang kita praktiskan, yang sedang kita laksanakan, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan iaitu bentuk *focus group* supaya masalah-masalah yang dikenal pasti dapat diambil langkah positif untuk mengatasinya. Dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan beberapa program daripada *focus group* tadi itu, kita mengambil langkah iaitu menyediakan latihan-latihan praktikal dan jugak kursus-kursus motivasi dalam usaha kita untuk membasmikan kemiskinan. Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 30% pada tahun 90an kepada 6.5% pada tahun 2007. Insya Allah, semoga Allah merestui dan memberkati, memberi kekuatan fizikal dan ketajaman akal fikiran dalam usaha kita iaitu pendokong Kerajaan Barisan Nasional parti yang memerintah Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dalam perancanaan kita ke arah kemiskinan sifar akhir RMK-10. Sebagai permulaan Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak RM20.7 juta untuk tujuan ini. Kerajaan Negeri pula dalam pembentangan yang baru lepas dalam usaha untuk menghapuskan kemiskinan dan meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan yang berpendapatan rendah, kurang berupaya dan kurang bernasib baik, Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan RM58 juta untuk program-program seperti Bantuan Rumah, Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan sebagainya. Insya Allah tahun depan akan dilaksanakan sebanyak 320 buah rumah untuk golongan-golongan miskin yang akan dibina di seluruh Negeri Terengganu. Dan jugak 2,000 unit rumah akan dibaik pulih untuk rumah-rumah yang uzur dan daif yang berada dalam Negeri Terengganu. Saya ingin berkongsi dengan Dewan yang mulia ini apa yang dipraktiskan dalam DUN Kemasik khususnya dalam Parlimen Kemaman hasil kecaknaan Kerajaan Negeri secara berterusan ke arah membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam Negeri Terengganu khususnya dalam Parlimen Kemaman dengan usaha sama Pejabat Tanah dan Daerah Kemaman, kita telah berjaya membina lebih 30 unit rumah untuk mereka-mereka yang layak pada tahun ini. Dan insyaAllah, usaha sama akan kita teruskan di masa-masa yang akan datang. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha yang bersungguh-sungguh oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kemaman, Ketua-ketua Jabatan dalam Daerah Kemaman kerana berusaha bersama-sama kita pendokong Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha kita meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, dalam usaha seterusnya untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat membasmikan kemiskinan, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM25.76 juta bagi membangunkan sektor pertanian di seluruh Negeri Terengganu. Insya Allah, dengan peruntukan yang disediakan dapat membantu meningkatkan pendapatan dan seterusnya berjaya mengeluarkan kumpulan yang dalam kategori yang perlu bantuan ini daripada belenggu kemiskinan. Yang seperti yang dibentangkan dalam Ucapan Bajet pada tahun ini antara program yang dirancang adalah meluaskan penanaman Kelapa Pandan dan jugak Kelapa Matang. Saya suka mengambil contoh di sini yang mana telah berjaya dilakukan iaitu di Kampung Meraga Beris sempadan dengan Kemasik sejumlah tanah lebih kurang kalau tidak salah saya 100 ekar dibangunkan untuk tanaman Kelapa Pandan. Hasilnya peserta sekian tahun mendapat pulangan saya rasa melebihi RM5,000 setahun. Jadi sekiranya kita kalau perkara itu dijadikan contoh hasrat Kerajaan untuk memperluaskan tanaman Kelapa Pandan dan Kelapa Matang ini satu perkara yang sangat-sangat berkesan dalam usaha kita untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan membasmikan kemiskinan.

Seterusnya, Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi memajukan Program Ladang Kelapa Sawit Rakyat. Kawasan seluas 3,700 hektar akan dibangunkan di Hulu Terengganu dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah merasmikan Fasa 1 yang melibatkan kawasan seluas 800 hektar. Saya suka mengambil peluang di sini untuk sekali lagi memberi contoh tentang satu kawasan dalam kawasan saya iaitu Air Hitam yang mana kawasan seluas 400 ekar telah dibangunkan oleh FELCRA yang melibatkan sebanyak 86 peserta dan diusahakan sejak tahun 1985 lagi. Skim ini memberi pulangan di antara RM5,000 sehingga RM10,000 setahun kepada peserta-peserta. Yang nyata hasil pulangan yang didapati oleh peserta-peserta ini telah berjaya meningkatkan taraf hidup mereka dan kalau perkara ini sekali lagi kita jadikan contoh saya yakin dan percaya Program Ladang Kelapa Sawit Rakyat yang sedang dibangunkan di Hulu Terengganu akan membantu peserta dalam meningkatkan taraf hidup mereka di masa hadapan, insyaAllah.

Bagi menyediakan juga kemudahan perumahan yang selesa didiami dan mampu dimiliki rakyat Negeri Terengganu yang berpendapatan rendah Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan sejumlah RM165 juta bagi membiayai pelbagai projek perumahan dalam Negeri Terengganu termasuklah pembinaan sebanyak 3,722 unit rumah yang sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Sekali lagi saya mengambil kesempatan di sini untuk berkongsi dengan hadirin dan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang mana di kawasan Gong Cengal, Kemasik sedang berjalan pembinaan sebanyak 466 unit rumah murah yang mana dijangka siap pada bulan 4 atau 5 tahun depan. Insya Allah pengisiannya nanti

adalah mereka-mereka yang layak di sekitar kawasan Kemasik, sekitar kawasan Kertih, Meraga dan Kijal akan menduduki perumahan ini. Itu satu lagi usaha murni Kerajaan yang telah dirancang sebelum ini dan insya Allah mengambil pendekatan yang sama kita bawa masa depan dengan peruntukan yang ada saya yakin dan percaya usaha kita untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, penduduk kita dalam Negeri Terengganu insya Allah dapat kita laksanakan secara berperingkat dan berterusan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 4 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah, syabas dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana sekali lagi memberi peluang kepada kita dengan menyediakan sedikit peruntukan pada tahun ini sebanyak RM500,000 untuk kita baik pulih atap-atap yang mana bocor dan jugak rumah-rumah yang atap zin yang sudah lusuh yang mana perlu dibaik pulih. Kita tahu mereka ini memang tidak mampu untuk menggantikannya dengan sendiri dan alhamdulillah dengan adanya peruntukan yang sebegini rupa yang ke arah orang kata beri kemudahan kepada rakyat, yang memberi nikmat dan pulangan kepada rakyat insyaAllah peruntukan ini dapat dinikmati oleh setiap golongan masyarakat yang layak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, saya ingin mengambil kesempatan untuk dalam usaha kita menambah dan memastikan kesejahteraan dapat kita terus kecapi oleh setiap golongan masyarakat yang layak dalam konteks ini saya pohon perhatian Yang Dipertua Dewan tentang satu perkara yang perlu kita beri penekanan iaitu pada masa saban tahun bila musim tengkujuh kawasan Pengkalan Ranggun, Bukit Pahang dan Batu Putih terputus perhubungan dia. Jadi perkara ini sudah berlaku sudah berulang kali, sudah sekian lama. Jadi saya pohon perhatian agar diambil pendekatan untuk memastikan sekiranya musim tengkujuh perhubungan kawasan luar dengan kawasan yang disebut tadi terputus.

Dan saya juga ingin mengambil perhatian Dewan akan hasrat kami daripada DUN Kemasik semoga diberi perhatian terhadap pembangunan Bandar Sri Kertih, bandar ini dibangunkan di sekitar tahun 1985 dan ia adalah merupakan simbol pembangunan industri *oil and gas* negara di Negeri Terengganu. Jadi sehingga kini pembangunan yang ada di kawasan Bandar Baru Kertih ini pada hemat saya dapat kita bangunkan lagi ke tahap yang lebih membanggakan.

Jadi saya sekali lagi mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah dan syabas kepada kepimpinan Negeri Terengganu, Kerajaan Barisan Nasional kerana

berturut-turut dah 10 tahun dapat kita kekalkan prestasi terbaik UPSR. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih dan hasrat terima kasih anak-anak dalam DUN saya di atas pemberian E-Book kepada mereka yang layak. Semoga usaha-usaha murni Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang memerintah Negeri Terengganu tidak lain tidak bukan dapat menambahkan kesejahteraan, penduduk-penduduk dapat kita membasmikan kemiskinan dan seterusnya memberikan pulangan dan kesejahteraan kepada kita yang berada dalam Negeri Terengganu. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya juga menyusun sepuluh jari sekiranya apa yang saya cakap di sini orang kata apa yang baik semuanya daripada Allah, yang kurangnya daripada saya. Sekian, saya akhiri dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Saya pohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima notis awal hanya seorang lagi ADUN Kawasan Permaisuri. Permaisuri hendak bercakap? Tidak ada, ya. Kalau ada saya nak bagi di sebelah petang nanti. Oleh kerana Permaisuri tidak ada, perbahasan kita, kita tamatkan pada pagi ini dan petang nanti adalah penggulungan oleh pihak Kerajaan. Kita tangguhkan sidang Dewan ini, jadi sebelum tangguh saya nak maklum dulu sebagaimana hari kelmarin jugak, hari ini Yang Dipertua Dewan dan Dewan Undangan Negeri menyediakan jamuan di tingkat 18, semua sekali dalam Dewan ini dijemput hadir termasuk Pemerhati, yang tidak cukup di atas, kita ada sediakan di Dataran U2. Alhamdulillah, semalam nampaknya kurang pembaziran kerana kita mengambil berat kepada usaha kita untuk menyelesaikan atas jemputan Yang Amat Berhormat semalam. Jadi hari ini, saya jemput sekali lagilah, kita selesaikan supaya tidak membazirkan. Terima kasih. Saya tangguhkan mesyuarat ini, kita masuk/sambung semula jam 2.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.55 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita disambung semula. Untuk memulakan pada sesi sebelah petang ini iaitu sesi penggulungan oleh pihak Kerajaan. Dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan, kita mulakan daripada Kuala Besut. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Seterusnya membaca Doa mukadimah).* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertamanya, ingin saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah berjaya membentangkan Bajet 2011 Kerajaan Negeri Terengganu dengan mengekalkan tema 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. Seperti yang kita telah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meneruskan dasar pengurusan Bajet yang seimbang dengan mencerminkan kepekaan Kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan pembangunan bagi kesejahteraan rakyat. Bajet ini adalah dibuat sedemikian rupa untuk diselaraskan dengan arah tuju negara dengan Konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Bajet 2011 ini telah memberi penekanan kepada empat strategi utama iaitu:

- Mengutamakan kesejahteraan rakyat.
- Memperkasakan pembangunan modal insan.
- Meningkatkan daya saing negeri.
- Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam.

Kita yakin dan percaya bahawa Bajet ini akan memberikan impak yang semaksimum mungkin untuk menjaga kebajikan rakyat dan memberi kesejahteraan kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu terutamanya golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Melalui strategi pertama, iaitu mengutamakan kesejahteraan rakyat, saya bagi Portfolio Kesihatan Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah dan terima kasih sekali lagi kerana Bajet tahun ini meneruskan lagi peruntukan sebanyak RM10 juta seperti Bajet tahun lepas 2009 untuk Tabung Pesakit Kronik. Kita melihat Tabung Pesakit Kronik ini begitu

penting sekali dalam membantu rakyat miskin yang tidak mampu untuk menanggung kos rawatan penyakit kronik seperti penyakit jantung, penyakit kanser, penyakit buah pinggang dan beberapa lagi penyakit-penyakit kronik yang lain. Melalui maklumat yang saya terima sehingga kini terdapat 188 kes telah kita bantu melalui tabung ini yang telah melibatkan belanja sebanyak RM207,197.00 dan terdapat 205 kes lagi yang masih dalam proses permohonan. Jabatan Kesihatan Negeri juga ingin merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas bantuan peruntukan Dana Khas Sosial Perubatan yang telah banyak membantu Jabatan Kesihatan Negeri menambah baik infrastruktur kesihatan, bantuan pembelian peralatan-peralatan perubatan, bantuan alatan perubatan, pembelian ubat-ubat termasuk ubat-ubat untuk penyakit barah dan kanser serta peruntukan di bawah Tabung Sosial Perubatan. Malah kita juga membiayai bantuan sosial yang lain seperti bantuan lojistik dan bantuan perjalanan untuk pesakit-pesakit yang terpaksa mendapatkan rawatan di luar Terengganu seperti ke IJN Kuala Lumpur. Dari maklumat yang saya perolehi setakat ini seramai 3,066 orang pesakit telah mendapat menafaat dari Tabung Kebajikan Sosial Perubatan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Jabi, Wakil Batu Burok dan Wakil Hulu Besut ada menyentuh berkaitan masalah gejala penagihan dadah dan penyakit HIV (Aids) Negeri Terengganu. Dari maklumat yang saya perolehi daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), sehingga 15 November 2010 terdapat 2,140 kes penagih baru dan 432 kes penagih berulang menjadikan keseluruhan kes penagih dadah adalah seramai 2,372 orang. Manakala maklumat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu memberikan maklumat iaitu sejak dari tahun 2005 sehingga Oktober 2010 terdapat seramai 1,814 orang penagih dadah yang dikesan mengidap penyakit HIV. Masalah gejala penagihan dadah di Negeri Terengganu menunjukkan tiada pengurangan dan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bahagian Narkotik Negeri Terengganu telah membuat berbagai-bagai program dan aktiviti di antaranya bagi mengurangkan bekalan dadah yang meliputi tangkapan di bawah Seksyen 39(b), Seksyen 39(a)(ii) dan seksyen-seksyen lain. Seterusnya mengurangkan permintaan dadah di kalangan penagih melalui tangkapan di bawah seksyen-seksyen yang sesuai. Dan ketiga, mempertingkatkan tindakan *harassment* dengan izin, iaitu melibatkan pemeriksaan, serbuan dan penggeledahan tempat-tempat yang disyaki terlibat dengan aktiviti kegiatan dadah. Dan seterusnya tindakan pencegahan dan kesedaran. Dari segi masalah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok mintak penjelasan Yang Berhormat, boleh?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya jugak berkongsi kebimbangan tentang masalah gejala dadah serta HIV dan Aids yang berlaku di Negeri Terengganu ini. Dan sebagaimana yang telah disebut oleh sekarang ini bekas Ketua Polis Negeri Terengganu, Dato' Mohd Shukri Dahlan yang baru berpindah. Beliau menyebut bahawa Negeri Terengganu dari segi gejala penagihan dadah ini paling tinggi dalam Malaysia sekarang ini dari segi nisbahnya dan nisbah yang disebut 1 orang dalam 100, ini satu yang begitu tinggi. Dan ini memerlukan suatu tindakan penyelesaian yang sepadu. Saya nak ulanglah masalah dadah ini dia tak kira warna, biru ke, hijau ke, kuning ke, ianya kena kepada semua. Jadi sebab itulah saya pohon penjelasan Yang Berhormat apakah tindakan yang terbaik yang telah dirancang dan saya jugak ingin mendapat penjelasan apa rasional Yang Berhormat sendiri terlibat dari segi mengedarkan jarum-jarum percuma kepada penagih-penagih dadah serta mereka-mereka yang terlibat dalam HIV dan Aids, apakah ini jalan penyelesaian yang Yang Berhormat lihat sebagai satu jalan penyelesaian yang terbaik. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Okey terima kasih Wakil Batu Burok. Tadi tindakan Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PDRM Negeri Terengganu dalam kita sama-sama menangani masalah penagihan dadah. Dan dari segi HIV/Aids, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu untuk menangani masalah di kalangan penagih dadah iaitu melalui suntikan. Kita melihat pada tahun ini sahaja daripada Januari hingga 2010 terdapat 328 kes HIV, dan daripada 328 ini sebanyak 244 kes adalah penagih dadah iaitu 74.4%. Ini menunjukkan bahawa *mode of transmission* dengan izin, maknanya kita mengesyaki bahawa penggunaan jarum untuk suntikan dadah adalah merupakan cara utama jangkitan HIV ini. Jadi dalam menangani masalah HIV/Aids ini Jabatan Kesihatan telah membuat beberapa program. Di antaranya ialah Program Terapi Gantian dengan Methadone untuk penagih-penagih dadah yang layak di mana sehingga Oktober 2010 sebanyak 12 Pusat Terapi Gantian Methadone telah beroperasi di Negeri Terengganu yang melibatkan 6 buah hospital, 4 buah klinik kesihatan, 1 penjara dan 1 Pusat Khidmat AADK dengan jumlah *client* berdaftar seramai 892 orang dan kadar retensi sebanyak 70.6% dan kita mengakuilah. Satu lagi program yang kita buat adalah Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan. Ini adalah program nasional, boleh kita kira program nasionallah. Jadi sebab itulah tidak hairan kalau soalan-soalan yang berkaitan dengan dadah dan HIV kita tolak.

Jadi Y.B. Hulu Terengganupun ada tanya, Wakil Batu Burokpun ada tanya, ditolak. Cuma saya ambil peluang di dalam penggulungan ini untuk memberi sedikit maklumat kepada wakil-wakil yang berminat untuk mengetahui statistik-statistik dan apa yang telah dibuat. Jadi Program Pertukaran Jarum Dan Alat Suntikan ini dijalankan di semua daerah iaitu satu klinik kesihatan di setiap daerah bagi memastikan semua penagih tegar mempunyai jarum yang bersih dan tidak berkongsi jarum suntikan sesama mereka untuk menghalang jangkitan HIV. Program ini juga secara tidak langsung dapat membawa penagih keluar bersemuka dengan masyarakat terutamanya agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Kesihatan supaya khidmat nasihat dan pendidikan kesihatan dapat diberikan kepada mereka ini. Ini akan dapat memberi kesedaran kepada mereka supaya menyertai program pemulihan yang berterusan. Saya rasa ini dapat menjawab soalan Wakil .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan sedikit lagi tentang pemberian jarum percuma ini sebab untuk maklumat Yang Berhormat, pemberian jarum percuma ini ditentang hebat oleh beberapa NGO yang besar yang ada dalam negara kita, antaranya Consumer Association Pulau Pinang yang melihat bahawa ianya bukan jalan penyelesaian khususnya kalau kita tengok dalam dan saya cukup setuju sebab dalam konteks Negeri Terengganu. Apakah dengan memberi jarum percuma kepada penagih dadah ini sebagai suatu jalan penyelesaian kepada permasalahan yang ada kepada kita. Ini yang menjadi persoalan yang saya ingin mendapat penjelasan lanjut.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Okey ini sebagai yang saya katakan tadi adalah *programme at national level* yang telah dibuat di peringkat Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, atas pengalaman saya sebagai Medical Doctor, saya percaya kalau kita tidak memberikan jarum dan alat suntikan percuma kepada penagih-penagih tegar yang menggunakan dadah secara *intravenous injection* ini mereka walau apa cara sekalipun akan menggunakan jarum-jarum dan alat-alat suntikan yang sudah digunakan, maksudnya *secondhand, thirdhand* yang mana jarum dan alat suntikan ini adalah begitu tercemar dengan virus ataupun kekotoran yang lain. Jadi kalau kita tidak membuat perkara ini secara peribadi saya boleh katakan ia akan membiar seolah-olahnya *transmission* HIV khususnya berlaku di kalangan penagih dadah. *By hook or by crook* minta maaf dengan izin, mereka-mereka ini terpaksa mendapat suntikan sekali ataupun dua kali dalam sehari. Jadi makin kita tunggu, makin kita lanjutkan program ini saya percaya masalah kita, *magnitude problem* HIV sendiri tidak dapat dikurangkan malah akan meningkat daripada masa ke semasa.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan sedikit lagi sebab ini isu besar. Saya telah bertanya kepada beberapa orang ulama dari sudut Islam tentang kita memberi jarum kepada penagih-penagih ini dan jumhurnya mengatakan haram sebabnya ini bukannya jalan penyelesaian. Kalau kita nak ambil kaedah barat itu satu hal yang lain tetapi kita dalam konteks umat Islam, majoritinya di Negeri Terengganu saya yakin 99% yang ambil jarum itu adalah orang Melayu, remaja Melayu yang beragama Islam, Yang Berhormat pula secara open memberi galakan kepada penagih-penagih dadah untuk pergi ambil jarum itu tanpa kita melihat bagaimana jalan penyelesaian untuk kita selesaikan apa yang dihadapi oleh penagih itu. Itu yang menjadi persoalan yang saya ingin pohon penjelasan, apakah dalam konteks ini kita di Negeri Terengganu ini kita telah meneliti dan mengambil pertimbangan agama. Kita ada Exco Agama kalau boleh kita minta rujuk sikit Exco Agama supaya jangan tersasar polisi Negeri Terengganu Darul Iman ini daripada apa yang kita lakukan ini beri jarum percuma kepada penagih ini bagi saya, saya pandang suatu perkara yang serius tambah pulak kita di Negeri Terengganu penagih dadah, HIV yang begitu ramai. Jadi pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya ingat Yang Berhormat sudah dijelas tadi, isu ini peringkat nasional. Yang kedua, pada pandangan peribadi Yang Berhormat, kemudian kalau nak bangkit soal agama, soal haram, mengambil dadah itupun sudah haram dah. Orang ni dah tak kira dah ni. Teruskan dengan isu lain Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Walau bagaimanapun, kalau ada cadangan yang lebih baik daripada Y.B. Batu Burok kita mengalu-alukanlah cadangan untuk sama-sama .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tidak berpuas hati. Sepatutnya Exco yang jawab bukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak ada, saya ingat .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... sebab saya pohon penjelasan dari sudut agama, apa jalan penyelesaian sebab ini benda yang besar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ini masa penggulungan Yang Berhormat, saya .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Betul, saya pohon penjelasan. Kalau boleh mintak dari sudut agama, kita ada Exco Agama untuk selesaikan masalah ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat takkan puas hati sampai bila-bila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bukan, bukan, tak timbul masalah ini. Di kawasan saya sendiri saya menghadapi masalah ini, ibu bapa yang tidak puas hati bila anak-anak dia pergi ambil jarum, yang dapat jarum secara percuma yang terlibat dengan dadah dan HIV .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk, kita faham, kita faham. Yang Berhormat boleh duduk dulu, duduk dulu. Yang Berhormat sila duduk dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap lagi Exco Agama akan berucap. Insya Allah, kita beri ruanglah Exco Agama bercakap, sekarang ini baru Exco Kesihatan dulu. Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Okey, dari segi fatwa dan hukum itu nanti ..... Saya percaya perkara ini sudah dibincang di peringkat nasional tapi mungkin Exco Agama boleh bagi pandangan dia. Dan seperti saya katakan tadi sekiranya ada cadangan-cadangan yang difikirkan baik, kita amat-amat mengalukan pandangan daripada Yang Berhormat Batu Burok untuk sama-sama kita menangani masalah penagihan dadah dan HIV di Negeri Terengganu ini.

Perkara selanjutnya yang disentuh adalah mengenai derma organ oleh Y.B. Jabi. Tahun ini kita sudahpun mengadakan dan kita mengadakannya pada setiap tahun Program Derma Organ cuma kita buat di peringkat negeri iaitu di Kuala Terengganu. Jadi terima kasih di atas Yang Berhormat Jabi yang begitu prihatin dengan isu-isu perubatan dan derma organ ini cuma organ-organ tertentu sahaja yang boleh diderma. Ada sesetengah organ itu kita tidak terima untuk derma.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Minta laluan sikit. Nak tahu organ mana hak boleh derma, daripada bawah sampai ke atas ke atau daripada bawah sampai ke atas?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Organ Bangladesh tadilah barangkali. ....(Dewan Gelak) .... Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Selalunya organ-organ yang penting macam lens kanta mata (kornea), jantung, buah pinggang dan beberapa lagilah yang menjadi keperluan. Dan untuk organ ini setiap orang mesti ada pendaftaran dia, kena ada *declaration* dia. Jadi insya Allah, pada tahun 2010 ini kalau Wakil Jabi nak nombor satu, kita boleh buat Program Derma Organ, bukan derma organ, menggalakkan mendaftar sebagai penderma organ di DUN Jabi kerana memang kita melihat bahawa kesedaran masyarakat khususnya orang Melayu, orang Islam masih boleh dipertingkatkan lagi ke arah untuk menderma organ dan organ inipun diambil bila meninggal dunia, masa hidup tak ambil lagilah. Jadi saya sanggup memperuntukkan peruntukan di bawah portfolio saya sekiranya ADUN Jabi nak buat program menambahkan penderma organ.

Perkara yang kedua disentuh ialah kadar peruntukan rawatan perubatan. Y.B. jugak kalau tak silap saya. Jadi ini lebih di bawah Exco/Portfolio Kebajikan tapi saya rasa tak ada flat rate, kalau yang banyak tu banyaklah seperti pembedahan apa semua itu banyak, ada yang sampai puluh-puluh ribu seperti pembedahan jantung apa semua. Kecuali untuk bantuan sosial yang mereka-mereka yang sudah pergi mendapat rawatan dan sudah bayar dan mereka nak mendapat orang panggil bantuan secara one-off dan itu mungkin di bawah Portfolio Kebajikanlah.

Dan satu lagi isu yang dibangkitkan tadi ialah mengenai insuran kesihatan. Dan inipun masih di bawah kajian dan di bawah Portfolio Kebajikan. Mungkin Kebajikan dapat menjawab isu ini, cuma isu yang am saya rasa beberapa perkara dibangkitkan tak kiralah terutamanya oleh Wakil-wakil Pembangkang mengenai e-Books, mengenai tempat letak kereta putaran Batas Baru, mengenai Pembangunan Tasik Kenyir dan Zon Bebas Cukai, mengenai Monsoon Cup. Jadi kalau kita tengok salah satu strategi Bajet pada tahun 2011 adalah meningkat daya saing negeri. Jadi kalau kita tidak menceburi bidang-bidang ICT seperti e-Book ini, tidak menyelesaikan masalah-masalah parking yang sentiasa tidak mencukupi di Bandar Kuala Terengganu terutamanya di sekitar Pasar Payang yang memerlukannya, yang begitu banyak pelancong-pelancong yang datang, saya rasa ini tidak akan menambah daya saing kita dalam memberikan destinasi-destinasi pelancongan yang baik untuk Negeri Terengganu. Jadi saya rasa apa

yang dibangkitkan itu hanya dilihat sebagai negatif sahaja. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dengan ini menyokonglah Bajet 2011 untuk diluluskan. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila Telemong, jika ada.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. *(Seterusnya Doa mukadimah).* Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang hadirin dan Pemerhati yang saya kasihi sekalian.

Pertama-tamanya sebelum saya menggulung ada beberapa soalan daripada rakan-rakan saya. Dan sebelum pada itu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih juga yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang telah membentangkan satu Bajet Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2011, pada tahun depan satu Bajet yang sangat baik, sangat bagus yang mana telah meningkatkan dan telah dibentangkan RM1.887 bilion. Walaupun dalam Bajet ini semalam kita telah mendengarkan dihujah dengan panjang lebar oleh rakan-rakan kita terutamanya daripada pihak Pembangkang yang mana menyatakan bahawa Bajet ini yang tidak ada perubahan, Bajet yang serupa dan tidak ada apa yang dilakukan oleh Kerajaan dan macam-macam lagi yang digambarkan oleh rakan-rakan kita daripada pihak Pembangkang. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa ini adalah satu Bajet yang terbaik setakat ini dan juga yang tertinggi yang pernah dibentangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu yang mana untuk merealisasikan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' di Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin menyentuh sedikitlah apabila mendengar rakan-rakan kita daripada pihak Pembangkang yang banyak memperkatakan berkaitan dengan Tasik Kenyir. Walaupun Tasik Kenyir ini bukanlah di bawah portfolio saya untuk menjawabnya tetapi atas dasar saya merupakan Wakil Rakyat Kawasan tersebut dan saya juga merupakan anak tempatan kawasan tersebut. Saya berharaplah pihak Pembangkang tidak perlu memainkan isu ini untuk meraih kepentingan politik kerana pada kami orang Hulu Terengganu pada keseluruhannya untuk memperjuangkan untuk membangunkan Tasik Kenyir ini telah lama. Tasik Kenyir ini diwujudkan hampir 30 tahun dan kita bercakap di mana-mana, kita memberitahu bahawa Tasik Kenyir ini merupakan satu tasik yang terbesar, tasik yang terhebat dan berbagai-bagai lagi ungkapan yang dikenali oleh kita semua. Namun begitu sejak-sejak akhir ini kita melihat pembangunan

Tasik Kenyir semakin perlahan. Oleh sebab itu, setelah Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan dengan satu Bajet yang agak besar untuk membangunkan Tasik Kenyir, sekecil-kecil tapak tangan seluas-luas Tasik Kenyir kami orang Hulu Terengganu tadahkan. Dan saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar teruskan perjuangan ini kerana yang mengundi di kawasan Hulu Terengganu ialah orang kawasan Tasik Kenyir, Yang Amat Berhormat tak usah runsing. Yang penting apa yang diberitahu perkara yang remeh-temeh memanglah ada yang berlaku. Saya sedar perkara yang dalam perjalanan kita nak membangunkan pembangunan dalam sesebuah negeri ini mesti mempunyai satu jangka masa yang agak panjang. Kita tidak boleh nak bercakap dalam masa sebulan, dalam masa setahun, dalam masa dua tahun untuk melihat pembangunan menyeluruh di kawasan Tasik Kenyir tersebut. Semalam ada disebut oleh Wakil daripada Bukit Tunggal yang menyebut bahawa Kerajaan membeli itik, membeli burung dah setahun sebelum pada itu, mampus tiga ekor, perkara mampus ini biasalah *natang* hidup ni, memang ada mampus, mampus tiga ekor dia beranak lima belas ekor, susah apanya. Tidak ada masalah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat mintak penjelasan, saya ingat pelawok ni, mana ada tiga ekor, dalam buku lima ekor. Beranak 8 ekor itu belum tentu hidup lagi. Bercakap biar ikut buku.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah tak tengok buku guana, sekarang ini masalahnya kalau mati tiga ekor ke .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Benda itu ada, dalam buku, hitam-putihnya. Jadi jawab biarlah ikut angkanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Tunggal sabar, bagi giliran dia pulak bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kelmarinpun saya tak ganggu, lepas ini tak usah berilah Yang Berhormat, takmboh beri dah, ada ubi ada batas. Jadi saya takmboh beri orang ganggu saya, saya nak bercakap saja hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang kita tahu ada yang mati tapi yang beranak lebih banyak daripada yang mati tak apalah itu perkara biasa sebenarnya. Dan untuk pengetahuan, di Tasik Kenyir .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nak ganggu pulak dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... itik dok beranak, dia bertelur aje. .....(Dewan Gelak) .... Dia sebut dalam buku itu dia bertelur.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Itik Telemong beranak tak tahulah ... (dalam gelak).

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ni saya nak ajak gi Kenyir ni, sebab dok rajin tengok hak beranak guana .....(Dewan terus gelak) .... Pergilah dulu, sabar dulu. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya di Tasik Kenyir itu telah cukup. Dulu kita ingin bangunkan Pusat Pelancongan dan dulu kita telah menyediakan infrastruktur yang telah cukup. Sekarang ini sampai *time* dia kita nak menyediakan input yang di dalam itu supaya ianya menjadi satu Pusat Pelancongan yang terbaik. Dan saya difahamkan juga Pusat Pelancongan yang ingin ditubuhkan di Tasik Kenyir ialah salah satu daripadanya ialah Pelabuhan Bebas Cukai di Tasik Kenyir. Soal kaedah dan cara itu telah difikirkan oleh pihak berkuasa dan tidak perlu kita pertikaikan bagaimana barang nak masuk, bagaimana barang nak bawa, kalau kita nak berhujah dalam Dewan ini sampai sehari semalampun tak selesai sebab bukan tugas kita kerja benda tu, sudah ada pegawai-pegawai yang mengurus perkara ini untuk memikirkan dan juga membuat kajian yang terperinci. Saya juga berharap di Tasik Kenyir ini akan direalisasi dengan sesungguh-sungguhnya. Memanglah dalam masa setahun-dua ini dia tak nampak, mungkin 10 tahun akan datang. Dulu Langkawipun terjadi benda yang sama, lesu tapi hari ini separuh ..... Kalau sayalah sebagai Wakil Rakyat lenguh dah rasa orang nak pergi buat lawatan ke Langkawi. Semua orang nak pergi terutamanya wanita-wanita kita, nak pergi membuat lawatan ke Langkawi kerana Langkawi tempat bebas cukai, apa benda dia nak beli kita wallahuwa'alam tapi yang penting nak pergi. Jadi kita harap dengan adanya program-program yang kita laksanakan di Tasik Kenyir dengan penambah baikan, dengan adanya Pulau Burung, burung yang dikumpulkan di seluruh dunia akan kita masukkan di situ. Dan saya telah mendapat maklumat dan juga permohonan ramai daripada rakan-rakan daripada luar menanyakan bila lagi nak masuk ke Taman Burung ni, bila lagi akan dibuka kepada orang awam, mereka nak tengok tempat tersebut, burung apa yang ada, nak tengok itik yang lagu mana .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan dengan Y.B. Telemong. Dato' Yang Dipertua, saya nak dapat

penjelasan hal burung ni, burung sungguhlah .....(Dewan Gelak) ..... Burung yang dipelihara di Pulau Burung ini ialah burung yang dibiarkan lepas ataupun yang dikurung?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hak itulah yang saya kata, kita membina satu tempat yang takdok di tempat lain, kita lepas burung tapi burung kita tidak terbang....(Dewan terus gelak) .... Itu pelik didengar tak? Kita lepas burung, kita tidak kurung. Kalau Yang Berhormat Wakaf Mempelam rasa pelik, kita pergi sekali. Dok terbang burung di situ, kita ada cara kita, *doksoh* tanyalah. Saya akan teruskan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam juga oleh kerana kita nak membangunkan Tasik Kenyir ini kita sedar dan Kerajaan Negeri memang sedar sebenarnya sebagaimana yang Yang Berhormat peringat, minyak akan kering, sumber akan habis sebab itulah kita cuba membangunkan industri pelancongan di Tasik Kenyir, di Pulau Duyong dan di mana-mana lagi di Negeri Terengganu ini yang akan dihurai oleh rakan-rakan saya yang lain. Saya nak susah hal Tasik Kenyir ini sebab kita berjuang lama sangat nak tunggu Tasik Kenyir sebagaimana Yang Berhormat Kuala Berang beritahu. Daripada zaman Yang Berhormat Speaker jadi Wakil Rakyat sudah berjuang dah hal Tasik Kenyir ni, jadi Timbalan Menteripun dokdang jugak selesai, itu jugak tetap diperjuangkan dan sekarang ini sudah selesai kita nak marah pulak jadi dok kena. Jadi orang Kuala Berang, orang Hulu Terengganu sangat-sangat menantikan pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Negeri ke Tasik Kenyir. Soal jalan pecah dan sebagainya hak itu tak usah ceritalah, memang kita tahu soal sekarang ini jalan memang rosak tapi sebenarnya jalan rosak itu kerana orang mari ramai ke Tasik Kenyir, pecah hancur habis sebab ramailah orang mari kalau dok ramai jalan dok pecah .....(Dewan Gelak) .... Jadi jalan tu pecah oleh kerana ramai orang mari ke Tasik Kenyir saya nak khabor ke Yang Berhormat tapi dalam masa yang sama saya juga nak mintak pihak-pihak yang berwajib seperti jabatan JKR ke, Pejabat Daerah ke, kalau nak buat penggredan jalan tu buat biar tebal sikit kerana kereta lagi banyak pada tahun depan ini akan pergi ke Tasik Kenyir. Dan juga pihak-pihak lain memang semalampun diberitahu jalan itu digazet lama dah, dibuat lama dah tapi tidak dibuka. Ini adalah kerana di sebelah kita siap dah, di sebelah Kelantan tidak siap lagi, takdok arah nak buat lagi, jadi kita tidak boleh nak bukalah, bukan nak buka sekerat tak buka sekerat, tidak boleh tuan-tuan. Jadi walaupun tidak buka dia orang ni lalu jugak kita tidak boleh nak tahan jugak, inilah masalahnya. Jadi saya harap perkara-perkara ini diambil perhatian oleh jabatan dan juga agensi-agensi yang berkenaan untuk memantau dan jugak melihat perkara ini supaya ianya tidak terlalu banyak membebankan tanggungan Kerajaan untuk membaik pulih jalan di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga ada dua perkara yang dibangkitkan oleh rakan kita semalam berkaitan dengan portfolio saya iaitu pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tepoh yang menanyakan saya berkaitan dengan Pasukan Bola Sepak Terengganu. Jadi sebenarnya Yang Berhormat, untuk pengetahuan semua sidang hadirin bahawa kita sekarang ada dua team yang bertanding di peringkat Liga Super yang paling berprestij dalam negara kita ini. Untuk pengetahuan, setakat ini Yang Berhormat, oleh kerana Negeri Terengganu ini merupakan satu tempat yang banyak melahirkan atlet-atlet sukan selain daripada sukan-sukan yang lain, kita juga banyak melahirkan atlet-atlet sukan dalam bidang bola sepak ini. Saya sedar bola sepak ini adalah terlalu dekat dan terlalu lekat di hati rakyat. Oleh sebab itu walaupun kita ada dua pasukan, kita tidak berhasrat untuk menutup menjadikan satu buat masa terdekat ini kerana pada kita, pandangan kita kalau kita ada dua pasukan peluang pekerjaan lebih ramai kepada anak-anak Terengganu kerana hari ini Piala Presidenpun Terengganu Johan, kalau tak Johanpun, Naib Johan, Piala SUKMA bola sepak Terengganu juga yang Johan, dua tahun berturut-turut Johan. Jadi kalau dia main bola satu team ada 11 orang saja satu team, jadi budak kita ramai, jadi kita mewujudkan team T-Team ini dulu matlamat diwujudkan adalah untuk mencungkil dan mencari bakat-bakat anak-anak Terengganu. Jadi sekarang ini kita dah terima terlalu banyak bakat-bakat anak-anak Terengganu maka kalau ada dua teampun kita rasa tidak ada masalah kerana semuanya adalah di bawah Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu belaka, dalam ruang lingkup Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu belaka dan kita tidak menghadapi masalah kerana kedua-duanya mempunyai pemain yang berbeza.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan. Saya bangkitkan semalam adalah berkaitan dengan soal memang kita ada dua team, cuma kebanyakan team yang ada di peringkat negeri yang lain sekarang ini semua sudah bubar MPPJnya, MKLandnya, My Teamnya, yang ada mungkin Johor FC itupun tengok kepada keadaan tetapi duduk di bawah swasta di bawah J-Corp, kita ni dua-dua duduk di bawah Kerajaan Negeri. Kita bagi bajet kepada Bola Sepak Negeri dan juga T-Team tapi pengurusannya kita nampak tak berapa berlaga, dalam erti kata maksudnya tidak comel, kalau bertemu jadi berlaga. Jadi sekarang ini kita perlu kepada mencari kekuatan sedangkan Pasukan T-Team itu ditubuhkan asalnya untuk dengan izin, *back-up* Pasukan Bola Sepak Negeri. Jadi kita macam dah lari haluan, saya mintak penjelasan sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang kita diwujudkan untuk melahirkan bakat-bakat untuk memback-up kepada pasukan Negeri Terengganu, dan tidak ada masalah pemain-pemain T-Team kalau pasukan Negeri Terengganu nak pakaipun

dia boleh ambil dan kita boleh lepas. Dan pemain hak persatuanpun kalau dia tidak bermain dengan negeri dia boleh bermain dengan T-Team sebab masalah sekarang ini T-Team ini telah di*register* dan terikat dengan perjanjian dengan FAM sehingga tahun 2013. Maka kalau kita tarik diri bayaran wang deposit sebanyak RM356,000 itu kita tidak boleh nak ambil balik dan juga peluang-peluang pekerjaan kalau kita ada T-Team, kita ada persatuan, budak kita main bola, semua T-Team boleh main, bermain dengan Piala Super belaka jadi mereka selepas pada ini kalau mereka berjaya mereka boleh pergi ke mana-mana dan mereka boleh bermain di mana-mana negeri yang kita rasa mereka sudah ada satu daya saing di kalangan mereka itu sendiri. Jadi saya rasa selain daripada itu juga liputan meluas publisiti mengekalkan dua pasukan yang mewakili negeri dalam Kejohanan TM Super adalah wajar dan memberi kelebihan kepada Negeri Terengganu kerana tidak semua negeri berpeluang untuk mewakili dua pasukan dalam satu liga yang tertinggi. Sebenarnya nak mewakili Liga Super ini kena melalui Liga Perdana dulu, jadi tidak semua negeri yang boleh sampai ke situ. Dan kita kalau setakat hari ini kita tidak menghadapi masalah kewangan lagi, masalah kita mana-mana negeri yang menarik diri kerana mereka menghadapi masalah kewangan. Kita bukan semata-mata bergantung kepada sumber Kerajaan sahaja ada juga sumber-sumber pihak-pihak, rakan-rakan dan syarikat-syarikat yang juga menaja pasukan-pasukan kita ini untuk melihat lebih ramai lagi anak-anak Terengganu yang boleh bekerja dan juga dibayar elaun kepada mereka bila mereka bermain dengan banyak team ini.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu juga semalam rakan kita daripada Yang Berhormat Bukit Payong ada menyentuh berkaitan dengan belia di Negeri Terengganu. Yang Berhormat Bukit Payong ada memberitahu semalam bahawa belia kita hari ini sangat dalam keadaan membimbangkan, masalah sosial belia yang terlibat dengan najis dadah, terlibat dengan Mat Rempit, terlibat dengan gejala sosial yang lain. Memang perkara ini di dalam pemerhatian Kerajaan sebab itulah Kerajaan Barisan Nasional menyediakan peruntukan yang besar setiap tahun untuk membela dan juga untuk mengaturkan program-program yang berfaedah kepada golongan-golongan belia ini yang mana Yang Berhormat Bukit Payong kalau kita tengok semalampun banyak nak menyalahkan kepada pihak Kerajaan, Kerajaan tidak memain peranan apa satu dalam untuk nak membela belia-belia ini. Ini saya nak menafikan sekeras-kerasnya bahawa kalau saya melihat kepada maklumat yang ada pada saya kalau zaman pada tahun 2000 hingga 2004 dulu lagi teruk sebenarnya tidak ada peruntukan satupun kepada belia di Negeri Terengganu ini. Saya nak beritahu kepada tuan-tuan, pada tahun 2003 adalah RM100,000 mungkin pada tahun tersebut dekat nak pilihan raya, pada tahun 2004 ada RM200,000 diperuntukkan kepada belia Negeri Terengganu, hak lain pada itu takdok, kita ada semakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon mencelah sikit.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Agak-agak tahu pasal apa yang takdok peruntukan? Bukan takdok, ada tapi sikit. Saya sebut semalam pasal khianatlah, royalti banyak mana dirampas, duit kita negeri lain yang guna. Jadi janganlah duk main-main, itupun tidaklah seteruk dengan keadaan belia yang ada sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Saya nak nasihat Yang Berhormat sikit. Tak payahlah tunjuk-tunjuk ke muka siapa-siapa, tunjuk ke saya tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apa Yang Berhormat nak tunjuk ke sayapun tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak suruh tunjuk ke dia.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Takdok hal, takdok hal tunjukpun, mari dekatpun tak apa. .....(Dewan Gelak) .... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak maklum dan nak beritahu masalah sekarang ni nak mengatakan kepada pihak Kerajaan tidak mengambil cakna kepada golongan remaja kita yang banyak terlibat dengan masalah sosial hari ini. Dan saya nak beritahu bahawa masalah sosial ini ialah masalah yang universal, masalah global. Di mana-manapun ada masalah sosial bukan di Negeri Terengganu saja, ianya masalah sosial ini ada berlaku di tempat kita, dalam negeri kita, luar negeri kita, dalam negara kita, luar negara kitapun ada masalah sosial tapi masalah sosial ini ianya banyak bergantung kepada keadaan semasa, senario masyarakat sekeliling. Sebab itu kalau kita tengok masalah sosial negara kita berbeza dengan masalah sosial negara barat, masalah sosial dalam negeri kita berbeza dengan masalah sosial dengan Negeri Kelantan, masalah sosial negeri kita berbeza dengan masalah sosial Negeri Pulau Pinang sebab ianya bergantung kesesuaian ruang lingkup kehidupan semasa dan juga kehidupan masyarakat sekeliling. Yang saya ingin tekankan masalah sosial ini berlaku di semua peringkat, ada peringkat bawahan sekalipun berlaku masalah sosial, peringkat pertengahanpun berlaku masalah sosial,

peringkat atasanpun berlaku masalah sosial, orang berpendidikan tinggipun banyak berlaku masalah sosial ini. Apa yang berlaku kalau kita tengok contoh dalam akhbar, kalau kita tengok adik Sophiah, saya tak berapa pasti nama dia, hak budak cerdik di Oxford tu, dia ni orang intelektual tapi juga terlibat dengan masalah sosial. Jadi saya nak khabarnya masalah sosial ini kalau nak menuding kepada Kerajaan Negeri hari ini, kata tidak ada bantuan oleh pihak Kerajaan, saya nak memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa sejak pada tahun 2004 – 2005 kita berbelanja hampir RM17 juta pitih Kerajaan untuk nak membantu dan juga nak menyelesaikan masalah-masalah sosial di Negeri Terengganu. Pada tahun 2006 kita berbelanja hampir RM20 juta Yang Berhormat, tahun 2007 hampir RM20 juta, pada tahun 2008 hampir RM22 juta, tahun 2009 RM30 juta kita belanja untuk kita nak membantu dalam berbagai-bagai program untuk kita nak menyelesaikan masalah sosial. Tapi sebagaimana yang saya beritahu sekarang ini sudah berubah, masalah sosial yang banyak timbul hari ini .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan sikit Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Eh, duduk dulu. Mintaklah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Penjelasan, sikit aje.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apalah kalau gitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya nak memperjelaskan apa yang diucapkan oleh Wakil Bukit Payong semalam. Dia nak menyelesaikan masalah sekarang ini bukan dengan berbelanja besar, bukan dengan kewangan semata-mata. Belanja besar tapi hasil dari perbelanjaan itu apa? Kalau dasar dan caranya tidak kena macam kes masalah anak luar nikah, masalah penzinaan, masalah gejala sosial dalam masyarakat, nak selesai dengan apa? Beri kondum. Masalah Mat Rempit nak selesai dengan apa? Beri topi keledar. Ini memerlukan kewangan tapi tak selesai masalah, itu yang kita nak persoalkan. Sampai sekarang .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apa, tak apa, saya dah faham tu. Terima kasih Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Dia khabor takmboh pitih tak dapat selesai, tadi dia kata kita rompak pitih sampai takdok pitih nak buat program guana, ni kita beri pitih banyak dia kata bukan hal pitih pulak

dah, jadi susah kita ni, pitih adapun susah, takdok pitihpun susah, lebih ada pitih pada takdok pitih Yang Berhormat. .....(Dewan Gelak) ..... Jadi cakap apa musing ketam, musing ketam ni payah kita nak jawab. Jadi saya nak khabor bahawa dengan program-program banyak kita ada belaka, program ilmiah, program agama, program usahawan, program pembangunan dia ada banyak kalau saya nak baca pagi esok tak berhenti lagi kita ni. Jadi oleh kerana kita nak perhabis cepat saya nak khabor bahawa Kerajaan sangat banyak memberi peruntukan yang diuruskan oleh Jabatan Belia ada, NGO-NGO kita ada, Pejabat-pejabat Daerah ada untuk mempastikan belia di Negeri Terengganu ini adalah belia yang terbaik. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh nak menghapus 100% perkara ini dan kita akan teruskan dari masa ke semasa selagi kita ada kudrat, selagi ada usia ditanggung badan, selagi ada pitih kita buat dan nak menunjukkan bahawa Kerajaan hari ini sangat prihatin kepada orang muda Yang Berhormat.

Dan juga ada disentuh berkaitan program yang kita nak buat iaitu Program Karnival Remaja. Karnival Remaja ini memang betul ini kerana dalam buku Bajetpun ada disebut oleh kerana remaja kita 90% minat dengan motosikal maka kita buat salah satu program atau agenda di dalam Karnival Remaja itu adalah Pelancaran Kelab Pemotoran Terengganu. Bila kita lancarkan Kelab Pemotoran Terengganu ada Kelab Pemotoran Daerah, ada Kelab Pemotoran Peringkat Mukim dan ada Kelab Pemotoran Peringkat Kampung-kampung di seluruh Negeri Terengganu selepas pada ini. Walau bagaimanapun, sebelum kita mewujudkan hak kecil-kecil di bawah kita kena mewujudkan icon dulu, kita kena mewujudkan peringkat negeri dulu kerana ini adalah sebagaimana saya beritahu orang remaja dan orang muda ini style dia lain sikit, dia nak tengok ada benda depan dulu barulah dia buat, dia nak tengok ada contoh dulu sebab itu kalau Yang Berhormat tengok hak dekat rumah Yang Berhormat Wakaf Mempelam itu walaupun ramai-ramai duduk tepi jalan ada seorang aje hak congek motosikal, braa..... dia congek jugak sebab dia nak jadi icon, Yang Berhormat. Jadi kita cuba sedaya upaya. Dan saya tak masuk lagi hal program-program kelab motor ni, lepas pada ini baru saya akan terangkan sebab apa kita beri topi, sebab apa kita tubuh persatuan ini kerana kita mahu selepas pada ini kita nak membantu mereka, nak memberitahu mereka bahawa Kerajaan bersama mereka dan nak menyampaikan maklumat-maklumat yang penting kepada mereka. Kalau kita tidak masuk dalam golongan ini bagaimana kita nak memberitahu dasar-dasar Kerajaan hari ini, perkara-perkara yang murni kepada anak-anak muda kita ini. Jadi apa yang Yang Berhormat Bukit Payong baca semalam, dia duk khabor hal berkaitan dengan orang menyanyi di pentas, itu memanglah adalah bab menyanyi itu sebab itu pertunjukan pentas yang terkawal tidak ada masalah. Ini kalau menyanyi di Kelantan tak apa, nyanyi di sini tidak boleh. Soal sekarang ini kita tempat-tempat menyanyi ini saya faham, saya sedar, saya tahu jugak bahawa perkara ini kita kena kawal kerana ini naluri dia, ada yang berminat kepada seni, ada orang yang berminat kepada

motor, ada orang minat kepada bola, ada orang minat main basikal, ada orang minat kerja dan ada orang yang minat dalam *style* yang berbagai-bagai. Maka untuk nak memenuhi kehendak golongan remaja ini maka kita kena sesuai dengan keadaan dia. Saya dengar kelmarin dia sebut apa, Shuffle? Siapa kata semalam. Itu sayapun sebenarnya tak reti tarian tu tapi oleh kerana zaman hari ini budak-budak menari tu belaka, sampai ke anak-anak kita hak kecil menari jugak. Saya kata dia minat benda itu, jadi kita kena beri dulu benda tu ke dia lepas itu baru kita khabor benda yang kita nak buat. Kalau masa dulu masa Yang Berhormat Wakaf Mempelam muda-muda dulu minta Hail Amir lening budak-budak *takmboh starang* dah. Tak, betul saya khabor, ni naluri orang hari ini. Jadi saya terpaksa ikut cia dulu sebelum saya nak menyampaikan apa sebenarnya hasrat Kerajaan kepada orang-orang muda di Negeri Terengganu ini. Dan saya nak maklum bahawa karnival tersebut kita ada mengumpulkan anak-anak muda di seluruh Negeri Terengganu dan kita ada di dalamnya, program keagamaanpun kita ada, program Forum Perdanapun ada, program kerjayapun ada, temu duga terbukapun ada, peluang-peluang nak melanjutkan pelajar ke IPTA, IPTSpun ada, nak melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat kemahiranpun ada, nak menjadi usahawan-usahawan beliapun kita ada di dalam karnival tersebut. Jangan kita melihat benda yang kecil-kecil ini sedangkan benda yang besar lagi banyak untuk diterjemahkan oleh Kerajaan. Dan saya ingin tegaskan kepada anak-anak muda di seluruh Negeri Terengganu ini, marilah kita bersama dengan kepimpinan dan Kerajaan yang sedia ada ini untuk kita realisasikan belia yang hebat, belia yang cemerlang, belia yang gemilang pada masa-masa yang akan datang kerana kita semua ini adalah merupakan tanggungjawab dan juga amanah yang diberikan oleh Allah S.W.T. untuk mempastikan generasi kita ini berada dalam satu generasi yang sangat baik pada masa-masa yang akan datang.

Saya rasa itu saja, sebelum saya menutup saya juga mengingatkan diri saya dan juga kepada rakan-rakan kalau kita nak buat peneguran kepada rakan-rakan kita yang lain buatlah teguran secara yang berhemah kerana saya semalam saya rasa sedihlah bila ada rakan kita yang menyebut secara *direct* kepada orang individu yang menyebabkan rakan kita sampai tak boleh nak makan, lekat. Jadi kita kena ingat, kita berkuasa tapi ada orang lagi yang lebih berkuasa. Kita kaya, ada orang lagi yang lebih kaya. Hari ini kita berkuasa belum tentu kita akan berkuasa selama-lamanya. Jadi saya rasa setakat itu saja, saya menyokong dan sangat-sangat menyokong Bajet 2011 ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Dijemput seterusnya Yang Berhormat Batu Rakit. Yang Berhormat boleh kalau nak menjawab hak Batu Burok tadi.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Seterusnya membaca Doa mukadimah).* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Penyokong Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, pembentangan Bajet dan perbahasan telah berlalu dengan jayanya dan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat terutama di kalangan Pembangkang telah mengemukakan perbahasan masing-masing begitu juga di pihak Wakil Rakyat Penyokong Kerajaan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Wakil-wakil Rakyat yang telah mengemukakan pandangan masing-masing dalam perbahasan mereka. Dan beberapa dari kalangan mereka telah menyentuh tentang isu-isu agama yang berada di bawah jawatankuasa saya, terima kasih. Dan untuk makluman ini adalah petanda bahawa agama masih lagi merupakan satu isu yang sangat dititikberatkan oleh semua wakil-wakil dan ternyata bahawa ia bukan sesuatu yang dipandang remeh dan Kerajaan juga telah memperuntukkan peruntukan yang besar untuk menangani isu-isu agama sama ada dari segi memberi penerangan, memperkasakan lagi pentadbiran hal ehwal agama, gerakan dakwah dan sebagainya. Berkaitan dengan Elaun Imam Bilal yang dikemukakan oleh Wakil Tepoh, saya percaya Wakil Tepohpun tahu tapi sengaja mahu ditimbulkan sebagai menunjukkan bahawa inilah tanda keprihatinan Kerajaan kita yang membayar elaun kepada Imam Bilal dan selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Negeri Terengganu juga insya Allah sekarang sedang mengkaji dan akan melaksanakan tambahan atau kenaikan Elaun Imam Bilal. Kita sedia maklum bahawa tanggungjawab Imam Bilal, sembahyang jemaah ini adalah Fardhu Kifayah, semua orang mesti bertanggungjawab walaupun ada beberapa orang maka selesailah tanggungjawab tetapi jika tidak ada seorangpun bersembahyang jemaah dalam satu qariah kampung maka semua akan menanggung dosa. Kerana itu Kerajaan menghargai jasa Imam-imam dan Bilal-bilal yang mengambil berat tentang hal ini yang mana jemaah datang bersembahyang di belakang mereka, Bilal yang datang awal untuk mengalunkan azan dan sebagainya. Kerajaan Negeri sejak daripada dahulu lagi telah menyediakan elaun khas kepada Imam Bilal ini, pada halnya ini adalah merupakan tanggungjawab Fardhu Kifayah semua umat Islam Kerajaan bayar ke, tak bayar ke, semua kena bersembahyang jemaah, Kerajaan bayar ke, tak bayar ke memang kena ada Imam, memang kena ada Bilal tapi keprihatinan Kerajaan, Kerajaan bayar elaun, beri penghargaan kepada mereka. Di Terengganu bukan hanya sekadar elaun ini, Imam-imam dari masa ke semasa setiap tahun dipilih dari kalangan mereka yang cemerlang, yang memberi khidmat yang baik diberi anugerah dihantar untuk buat Haji secara percuma, ini telah lama

dilakukan oleh Kerajaan kita. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan kita mengambil berat tentang agama tak seperti disebut oleh Pembangkang kita membelakangkan agama, kita sekular, kita hanya melebihkan pembangunan, keduniaan dan sebagainya. Alhamdulillah Dato' Yang Dipertua, isu ini akhir-akhir ini semakin difahami dan ternyata golongan agamawan ini Imam Bilal dan sebagainya mendapat pembelaan daripada pihak Kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Barisan Nasional (UMNO). Bukan sahaja Imam Bilal dapat kenaikan elaun, Guru-guru KAFApun juga akan dinaikkan elaun mereka pada tahun hadapan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sikit dengan Yang Berhormat Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya tertarik juga dengan kenaikan Elaun Imam Bilal. Cuma nak mintak kepastian di pihak Kerajaan bolehkah dibuat temu duga semula Imam Bilal yang dilantik semasa pemerintahan PAS, pasal saya tengok di kawasan saya beberapa masjid Imam Bilalnya yang pada zaman dulu dilantik tu ada mari, ada yang tak mari dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Wakil Jabi tanya tadi nak buat temu duga semula. Kita mana-mana yang telah dilantik kita tidak buat temu duga tetapi jika ada aduan daripada para jemaah mengenai Imam Bilal yang tidak hadir bertugas tanpa sebab dan sebagainya tindakan akan diambil dan Jabatan Agama sentiasa memantau perkara ini. Perkara ini sama seperti perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Ladang, Imam Bilal Masjid Tengku Sulong yang dikatakan jarang-jarang hadir. Apa yang saya maklum daripada Jabatan Hal Ehwal Agama, Imam Bilal di masjid ini memang ada dan kebetulan pada masa beberapa minggu yang lepas salah seorang daripada Bilal itu pergi ke menunaikan Ibadah Haji, jadi tinggal seorang saja Bilal dan kebetulan kurang sihat. Jadi mungkin masa dia tak berapa sihat itulah kebetulan Wakil Ladang pergi sembahyang di situ takdok orang bang kot.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh saya celah, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sememangnya memang ada dua orang Bilal yang dibayar dan tiga orang Imam yang dibayar tapi Imam yang dua-dua orang ni tak pernah pergi Subuh sejak dua tahun yang lepas bukan kerana naik Haji, itu *confirmed*. *Confirm* memang tak pernah pergi setiap Subuh dan tidak pernah bang, Tok Imam dua orang ni yang bangnya orang lain.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Burok): Bang memang tak bang Wakil Ladang, Tok Bilal yang tukang bang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yalah, saya maksud Bilal tadi, Bilal yang terlanjur kata Imam tu sebab kadang-kadang Imam yang tukang bang. Dan Imam ini pulak tiga orang yang dilantik, dua orang tu tak pernah hadir Subuh, tidak pernah hadir kecuali seorang, itupun *confirmed* dan pagi inipun *confirm* lagi dan tidak tahu sebab apa tidak hadir. Itu mintak siasatan dibuat dan mintak dibaikilah keadaan itu sebab memalukan masjid yang duduk di tepi jalan dan ramai orang yang singgah.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya sebut Imam Bilal ini dibayar elaun saguhati bukan dibayar gaji sepertimana penjawat awam, ada masa bertugas dan sebagainya. Kita sebut ada keanjalan di antara Imam-Imam ini, mereka meletakkan jadual di antara sesama mereka, ada Imam yang kerja Kerajaan yang berkerja jauh dari kampung halaman, mereka tidak boleh nak sembahyang Zuhur di tempat mereka. Jadi mungkin ada sesetengah Imam waktu Zuhur dan Asar memang dia takdok sebab dia kerja Kerajaan dan mungkin sesetengah Imam dia mungkin mari malam saja, ada sesetengah Imam dia boleh mari siang saja, ada sesetengah Imam dia boleh mari Subuh saja. Jadi ini adalah keanjalannya saya rasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh celah sikit lagi? Ya, sayapun setuju kadang-kadang dia buat giliran tapi di Masjid Tengku Sulong ini pelik sikit, cuma hak dua orang itu mari hari Jumaat saja, hak seorang tu sokmo yang mari. Saya bukan menuduh tapi buat siasatanlah.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Wakil Ladang, saya mintak Pejabat Agama siasat dan saya akan itu baliklah. Tapi apa yang saya nak sebut bahawa tidak semesti jadual ini ada bahagi waktu dan sebagainya. Kita serah kepada Jawatankuasa Masjid di kalangan Imam Bilal mereka aturlah jadualnya macam mana tapi yang penting

sembahyang berjemaah berjalan dengan baik, yang penting azan berkumandang tepat pada waktunya kerana ini adalah merupakan tugas kita sebagai jemaah dalam satu kampung mesti hidupkan sembahyang jemaah dan ini adalah Fardhu Kifayah tetapi Kerajaan membiayai elaun kepada mereka sebagai penghargaan kepada mereka. Tapi masalah di Masjid Tengku Sulong ini kerana baru-baru ini takdok Imam dan takdok Tok Bilal itu sebab salah seorang Tok Bilal itu kurang sihat dan saya rasa dia dah balik Ajil dah yang seorang lagi tu. Dan untuk makluman sidang Dewan sekalian Dato' Yang Dipertua, ada permohonan seorang Bilal lagi untuk digantikan di Masjid Tengku Sulong ni jadi kalau tiga orang Bilal itu mungkin lebih kemas tapi saya dimaklum yang terkini, Bilal yang ditemu duga ini tak lulus lagi dan diminta supaya dia mendalami sedikit lagi bacaan dan mendalami ilmu-ilmu agama dan maklumat terkini saya mendapati dia dah meninggal dunia pulak. Jadi terbuka kepada kekosongan lagilah siapa-siapa yang berminat, mungkin Wakil Ladangpun boleh mintak lepas pada ni jadi Tok Bilal di situ.

Dato' Yang Dipertua, saya sebut bahawa Kerajaan kita memang prihatin tentang isu soal-soal agama lebih-lebih lagi Kerajaan Terengganu. Walaupun Kerajaan Negeri ini suatu masa dahulu dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan. Terengganu telah banyak memberi tumpuan kepada pendidikan agama. Kita telah mendahului Kerajaan Pusat mewujudkan kelas-kelas agama dan Fardhu Ain, Kelas KAFA yang dibiayai ataupun dilaksanakan oleh Yayasan Islam sejak seawal penubuhannya di sekitar tahun 70an dahulu. Sebab itulah apabila Program KAFA ini dilaksanakan oleh JAKIM dan diselaraskan di seluruh negara di negeri-negeri lain, Program KAFA ini dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama tetapi di Negeri Terengganu diteruskan oleh Yayasan Islam kerana Yayasan Islam telah mendahului sejak daripada tahun 70an lagi melaksanakannya. Begitu juga Elaun Imam Bilal, kita telah mendahului tindakan membayar Elaun Imam Bilal, elaun kepada para Hafaz dan Hafizah Quran dan juga banyak-banyak program lain-lain yang akhir-akhir ini seperti Pintar Al-Quran, Sekolah IMTIAZ dan sebagainya. Ini menunjukkan kepada bahawa Kerajaan UMNO (Barisan Nasional) di Terengganu sangat-sangat mengambil berat tentang isu-isu agama. Begitu juga dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dua hari yang lepas.

Dato' Yang Dipertua, Bukit Payong seperti dalam sidang-sidang Dewan yang lalu sentiasa membangkitkan masalah sosial. Dan saya telah jelaskan bahawa masalah sosial khususnya di kalangan remaja bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Jadi semalam dia menyebut bahawa tahulah ibu bapa ada tanggungjawab, masyarakat ada tanggungjawab tapi mempersoalkan apakah rancangan Kerajaan, apakah tindakan Kerajaan. Saya rasa Dato' Yang Dipertua, Wakil Bukit Payong sengaja buat tak tahu, Kerajaan banyak program-program

untuk mengatasi masalah sosial. Kerajaan telah banyak mengadakan program untuk mengatasi masalah sosial di kalangan remaja-remaja dan telah membuat kajian berbagai aspek melalui jabatan-jabatan yang tertentu, Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Islam dan sebagainya kerana itulah kita mengadakan berbagai program yang melibatkan semua lapisan masyarakat kita, belia, orang tua, pelajar sekolah dan sebagainya dengan agensi-agensi yang pelbagai, Yayasan Islam, Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Pembangunan Usahawan, Belia dan sebagainya. Dato' Yang Dipertua, program-program ini memerlukan sokongan daripada masyarakat, apa yang dilaksanakan Kerajaan memerlukan sokongan daripada ibu bapa, apa yang dilaksanakan Kerajaan tidak akan berjaya jika hanya semata-mata Kerajaan yang berusaha untuk melaksanakannya tanpa mendapat sambutan daripada masyarakat. Jadi sebab itulah saya menyeru kepada Wakil-wakil Rakyat dalam Dewan ini ayuh kita bekerjasama dalam masalah sosial ini bukan masalah orang UMNO sahaja, ini bukan masalah orang PAS sahaja, ini bukan masalah orang Melayu sahaja, ini bukan masalah orang Cina sahaja tapi ia masalah semua di kalangan kita dan kita bertanggungjawab untuk memastikan suasana dalam negara kita aman, tenteram dan dilihat bersih selain daripada ia benar-benar bersih jauh daripada gejala-gejala yang tidak sihat. Oleh kerana itulah Kerajaan membuat peraturan, kerana itulah Kerajaan buat macam-macam pindaan kepada enakmen dan sebagainya untuk memastikan perkara-perkara ini tidak dapat, tidak berkembang dan tidak semakin meluas sepertimana yang didakwa oleh pihak Pembangkang.

Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Manir takdok petang ini tapi dia menyebut tentang macam mana pentadbiran Umar bin Abdul Aziz yang lebih kepada tarbiyyah yang menyebabkan kepada zaman khalifah ini tidak ramai orang yang hendak menerima zakat, orang jadi baik-baik belaka, orang jadi molek, tidak ada kemiskinan walaupun kemiskinan sebenarnya tidak mungkin dapat dihapuskan 100%. Saya setuju dengan apa yang disebut oleh beliau dan sebenarnya Kerajaan berusaha ke arah ini. Apa yang disebut mengenai pengagihan Wang Ehsan, ada orang pakai kereta dan sebagainya. Ini kita sebut bahawa ini bukanlah orang miskin, walaupun bilangannya ramai, ini orang berpendapatan di bawah RM1,500.00, jadi mereka ini diberi imbuhan sempena hari raya daripada Dana Khas ataupun Duit Ehsan bukan orang miskin jadi kalau bilangan ini besar ini tidak bercanggah dengan data orang-orang miskin yang kita keluarkan, ini adalah data lain penerima Dana Wang Ehsan yang sebenarnya melalui Majlis Agama Islam pada tahun ini pembahagian Zakat Khas Sempena Hari Raya. Kita telah mengadakan taklimat penjelasan kepada Amir-amir, kepada Pengerusi-pengerusi JKKK dan alhamdulillah Dato' Yang Dipertua, selepas daripada penjelasan yang kita buat pada tahun ini penerima zakat sempena hari raya berkurangan berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 2,000 orang.

Dan saya dimaklumkan ada sebuah kampung dalam DUN saya di Bukit Wan hanya seorang sahaja yang menerima dan sanggup terima zakat, yang lain dia kata takmboh dah, getah mahal hari ini dia kata saya bukan orang miskin dah, hanya seorang sahaja yang menerima, dia faham. Dan inilah yang kita buat yang baru disebut oleh Wakil Manir pagi tadi. Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat panjang lagi?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Satu lagi yang saya nak ulas yang disebut oleh Wakil Rhu Rendang, hak Ladang tadi tu tak *dang* nak jawab lagi ni Dato' Yang Dipertua. Wakil Rhu Rendang sebut tentang amanah, dari mula ucapan lagi dah baca ayat Quran .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat kita sambung semula selepas minum petang nanti.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhenti rehat dan kita tangguhkan mesyuarat ini, kita masuk kembali jam 4.00 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.40 PETANG.

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sidang Dewan yang saya hormati sekalian. Mesyuarat kita teruskan semula. Saya jemput untuk meneruskan ucapan Yang Berhormat Batu Rakit. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya sambung Ucapan Penggulungan saya dan saya merujuk kepada Ucapan Perbahasan daripada Wakil Rhu Rendang. Dato' Yang Dipertua, Wakil Rhu Rendang ini awal-awal lagi memulakan perbahasan dengan membaca ayat Quran yang berkenaan dengan amanah (membaca beberapa ayat daripada Surah An-Nisa' ayat 58). Dato' Yang Dipertua, saya berpendapat Wakil Rhu Rendang ini dia tidak sedar dan dia tidak merasa bahawa dia sendiri sebenarnya di antara orang-orang yang mencuaikan amanah. Kita ingat bahawa semasa beliau menjadi Menteri Besar suatu masa dahulu, banyak cerita dan banyak laporan daripada orang yang saya kenali pernah bersama-sama beliau dalam mesyuarat, banyak mesyuarat beliau hanya jadi tukang buka mesyuarat, tukang tutup mesyuarat saja, apakah ini seorang pemimpin yang amanah? Apakah orang yang hanya masuk mesyuarat sebagai Pengerusi buka dengan Al-Fatihah, lepas itu: "Sila." Kemudian di akhirnya: "Sudah dah? Kalau gitu kita tangguhkan mesyuarat kita ini dengan sama-sama membaca Surah Al-'Asr." Inilah tugas dia. Dalam satu mesyuarat saya dimaklumkan dia tak sempat bukapun kertas mesyuarat dia. Dia bercakap tentang amanah sebab itulah Dato' Yang Dipertua, apabila anak Exco terima zakat pada zaman pemerintahan Kerajaan PAS dulu, walaupun dia ini adalah Yang Dipertua MAIDAM, semua jawatankuasa-jawatankuasa Majlis ini di bawah jawatankuasa induk yang dipengerusikan oleh beliau, tetapi apabila beliau keluarkan isu mengenai anak Exco terima zakat dia kata tidak ada. Kemudian apabila dibuktikan dengan surat menyurat dan sebagainya dia kata kita akan siasat dan kita akan mintak supaya dia bayar balik. Kemudian apabila Exco-Exco yang anak-anak mereka terima zakat dia kata anak kita layak terima zakat sebab fisabilillah, barulah diapun sama-sama kata bahawa mereka layak terima zakat, tak apa kita tak payah bayar balik sebab mereka adalah penerima zakat di bawah fisabilillah bukan orang miskin kerana ayah mereka Exco-Exco Kerajaan Negeri pada masa itu. Ini membuktikan macam mana Wakil Rhu Rendang yang pada masa itu Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu sebagai seorang Yang Dipertua tidak tahu apa yang berjalan di bawah Majlis yang dipengerusikan oleh beliau sendiri. Beliau bercakap tentang amanah tetapi beliau sendiri rupa-rupanya tidak tahu apa itu amanah. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, pada saya Wakil Rhu Rendang ini memanglah dia orang besar, saya orang kecil dia kata. Tapi dia hanyalah seorang yang besar dari segi percakapan, dia boleh

bersyarah, dia boleh berhujah tetapi sebenarnya dia adalah orang yang mula-mula sekali memutar belitkan agama dalam masyarakat kita. Dia sebut hari ini orang sudah faham Hukum Hudud, orang sudah faham tentang apa itu undang-undang Islam sebab itulah perselisihan sudah berkurangan, siapa yang mula-mula mengelirukan umat Islam? Siapakah orang yang mula-mula sekali yang menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam? Sepatutnya sebagai orang berilmu dia berdakwah secara berhikmah, dia membawa agama itu dalam bentuk yang mudah bukan mula-mula mari sebagai seorang pemimpin parti politik yang bercita-cita nak jadi ketua Kerajaan duk jaja Hudud. Hudud, Hudud, Hudud sehinggakan bila orang bercakap tentang apa itu Hudud, apa itu Hudud, dia tidak Hudud, orang masih bertanya-tanya dia kata siapa tolak Hudud itu kafir. Timbul kafir mengkafir, nikah semula, sembahyang jemaah dua Imam, macam-macam isu timbul diawal tahun 80an semuanya berpunca daripada amanah dia di Teluk Menara, di mana-mana ceramah-ceramah dia menyebabkan umat Islam berpecah pada masa itu, saling kafir mengkafir, tuduh orang UMNO kafir kerana berkawan dengan orang bukan Islam, berkerjasama dengan MCA, MIC tapi hari ini bila mereka berkerjasama dengan DAP, dengan PKR dia berkata: "Kita berkerjasama dengan orang bukan Islam atas dasar 'himayah', mereka lindung kita, mereka tolong kita, atas dasar 'istiaanah' kita mintak tolong dia, dia tolong kita. Orang UMNO bekerjasama dengan orang bukan Islam MCA, MIC atas dasar 'walad'. Dato' Yang Dipertua, dia guna isitilah-istilah macam ni, sepatutnya dia orang ada ilmu, dia guna istilah yang baik-baik ini, istilah-istilah yang ada dalam agama kita ini dengan memberi makna yang jelas, makna yang sebenar. Orang kita bila bunyi 'istiaanah', bila bunyi 'himayah', bila bunyi 'tahaluf', bila bunyi 'walad', dia dok tahu benda, jadi dia ingat hak ni betul belaka dah apa yang disebut. Dia tuduh ke kita bahawa kita memberi 'walad' kepada orang bukan Islam kerana semata-mata kita beri kerusi DUN ke, Parlimen kepada orang bukan Islam dalam majoritinya orang Islam, dia tak tengok bahawa dalam keseluruhan dalam Dewan, dalam Parlimen kita, membentuk majoriti tetapi ini adalah bentuk kerjasama toleransi yang ada di antara kita. Dia tidak membandingkan macam mana dalam kerjasama parti UMNO Barisan Nasional dengan parti-parti komponen sewaktu memerintah Selangor berapa lesen judi, berapa lesen arak ada di Selangor, berapa lesen karaoke ada di Selangor, berapa rumah urut ada di Selangor? Apakah dengan 'istiaanah' ini, dengan 'tahaluf' ini jadi kohor banyak lesen arak di Selangor? Tidak bermakna mereka telah memberi 'walad', memberi ketuanan, memberi kesetiaan kepada orang bukan Islam. Kita berbaik tetapi kita ada hak, kita tahu berapa bilangan orang bukan Islam, berapa bilangan orang yang boleh minum arak di kalangan rakyat kita yang bukan Islam, kita bagi lesen dalam bentuk yang terhad. Tapi bila mereka memerintah lihatlah, mereka kata ini 'istiaanah', inilah 'tahaluf siasif' mereka sebenarnya pembohong Dato' Yang Dipertua. Mereka memperalatkan agama untuk kepentingan hanya semata-mata untuk menjadi pemimpin-pemimpin dapat kuasa mentadbir negara. Dato' Yang Dipertua, sebagai orang alim sepatutnya dia memberi penjelasan

yang baik, sepatutnya dia mendekatkan Hudud dengan masyarakat bukannya menimbulkan kegerunan kepada masyarakat tentang Hudud sebab dalam agama kita bila kita berdakwah kita mestilah memudahkan *'yassiru walatuassiru'*, kita kena jinakkan orang jangan biarkan orang berasa takut *'walatunaffiru'* jangan biar orang gerun dan sebagainya. Tapi Pembangkang membawa isu-isu ini Dato' Yang Dipertua, sebab itulah masyarakat kita huru-hara dalam tahun 80an, sebab itulah berlaku perpecahan sampai hari ini masih belum pulih 100%. Dan inilah yang masih ada dua buah masjid di Hulu Besut, orang-orang penyokong parti Pembangkang walaupun hari ini mereka tahu apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional pimpinan UMNO tidak banyak salah, saya tak kata betul semua tapi mereka sudah malu nak mari ke masjid ini. Sudah puluhan tahun tak mari ke masjid, nak mari semula berasa lagu lain dah dan ada setengah itu sanggup nak mari tapi hanya kerana pemimpin mereka tak beri kata hitam putih lagi: "Saya kena tanya ustaz ini dulu, saya kena tanya Dato' ini dulu." Inilah tanggungjawab atau amanah yang masih berada di atas bahu pemimpin-pemimpin parti Pembangkang sehingga hari ini. Dato' Yang Dipertua, sepatutnya mereka menjelaskan Hudud dengan cara yang baik bukannya menimbulkan reaksi yang negatif terhadap Islam itu sendiri sebab tak baik dalam Islam kita sengaja mengumpankan orang lain supaya mereka membenci Islam dan melaknat ataupun mengatakan perkara-perkara yang tidak baik kepada agama kita. Kepada orang kafirpun agama kita larang kita caci sembahan mereka supaya jangan nanti mereka caci pulak Allah S.W.T. Allah S.W.T. melarang: "Jangan kamu mencaci apa yang mereka sembah selain daripada Allah." Jangan caci berhala dia, jangan caci patung dia, jangan caci rumah sembahyang dia sebab kalau kita caci, dia akan caci Allah S.W.T., hak nipun Tuhan marah tetapi Pembangkang dia sengaja kalau ada orang jahil yang marah, tanya tentang Hudud, pertikai, dia kata inilah sekularnya UMNO, kafirnya UMNO dia sengaja mengumpankan perkara-perkara yang semacam ini bukan pendekatan dakwah sebenarnya Dato' Yang Dipertua. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, hari ini masyarakat kian sedar, saya percaya bila masyarakat makin faham Islam masyarakat tidak akan lagi menyokong parti Pembangkang walaupun namanya Islam sebab dalam Islam nama penting tetapi amali, praktikalnya lebih penting. Apa gunanya kalau nama Muhammad, Salleh, Abdullah kalau perangainya tidak baik, baiklah namanya biasa-biasa tetapi orangnya baik. Begitulah pendekatan yang kita buat di bawah UMNO. Kita sebut kita perjuangkan Melayu tetapi sebenarnya di sebaliknya Melayu itu Islam sebab Perlembagaan kita Melayu 100% Islam tapi yang perjuangkan Islam apa yang kita lihat hari ini. Merekalah yang menggunakan agama Islam untuk kepentingan mengelirukan pandangan sebenar Islam dengan bermacam-macam tuduhan dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, akhir sekali sebab Wakil Ladang tadi sebut mengenai bantuan jarum. Saya tidak tahu mengenai semuanya ini, minta maaf Wakil Batu Burok tadi. Y.B. Batu Burok ada sebut mengenai bantuan dan dia kata dia

sudah tanya sebahagian daripada Ulama, alim-alim dan mengatakan bahawa ini haram. Saya hormati pandangan itu sebab dalam fekah ini banyak pandangan. Ada orang ni kata haram, ada orang ini pula kata halal. Ada orang ini kata sah, ada orang ini kata batal. Saya berbincang dengan para doktor dan saya dapati bahawa dalam pelaksanaan pembahagian jarum untuk penagih-penagih ini bukan semua penagih-penagih diberi jarum Dato' Yang Dipertua hanya penagih-penagih yang tertentu sahaja yang sudah sampai ditahap yang orang panggil tegar, kritikal dah. Tak beri jarumpun dia cucuk jugak, dia carilah jarum mana-manapun, ini hak tak boleh nak *gostan* dah. Jadi kalau tak diberi jarum dia akan guna jarum di mana-mana, mungkin dia akan bertukar-tukar jarum sesama dia dan ini akan meningkatkan lagi jangkitan HIV. Saya dimaklumkan bukan saya nak beri fatwa, saya dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan telah mengadakan beberapa siri perbincangan, seminar-seminar dan pandangan alim Ulama telah diambil. Saya nak sebut bahawa barangkali sahaja jangan kata saya berfatwa pulak, pemimpin-pemimpin Pembangkang ni sikit-sikit fatwa, sikit-sikit dalilnas apa semua, saya nak sebut barangkali ini di bawah siasah syar'iah Hukum Syara' kita ambil yang mudaratnya lebih kecil kalau kita biar mungkin dia lebih besar lagi jadinya, mungkin atas dasar itu bukan kita nak tolong penagih dadah supaya mereka boleh sedap lagi menagih dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua penjelasan. Saya minta supaya ianya diperjelaskan dalam Dewan ini sebab fatwa beberapa negeri jelas, Mufti Perak dengan jelas mengharamkan pengedaran jarum-jarum ini, Mufti Kedah mengharamkan pengedaran jarum-jarum ini, Mufti Kelantan jugak mengharamkan pengedaran jarum-jarum ini. Jadi apakah dalam konteks Negeri Terengganu kita tidak mengambil suatu keputusan sebab benda ini benda besar Dato' Yang Dipertua bukan benda kecil, implikasinya adalah begitu besar dan diperbincangkan dipelbagai peringkat. Sekarang ini sebagai contoh seorang penagih ambil jarum percuma, apa implikasinya dari segi Akta Dadah Berbahaya, Polis boleh *igat* dia dok?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, biar saya jelaslah. Saya faham dah apa yang nak disebut oleh Wakil Batu Burok dan saya sebut tadi saya tidak menafikan fatwa kalau dikeluarkan oleh mana-mana negeri dan sayapun tak tahu fatwa Negeri Terengganu, saya boleh rujuk selepas pada ini dan mungkin kalau ada keperluan saya akan bentang balik dalam sidang yang akan datang. Tetapi saya hanya memberikan pandangan bahawa apa yang dibuat oleh Jabatan Kesihatan seperti yang saya maklum ini juga tidak menolak pandangan sebahagian daripada ulama-ulama. Jadi saya nak sebut di sini walaupun .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sikit saja. Saya bimbang sebab ini persoalan hukum kita jangan ambil terlalu *simplystic.* Sebagai contohnya penyelesaian di barat nak selesai masalah seks bebas, nak selesai masalah HIV dan Aids dia edar kondom dan ada NGO-NGO di Malaysia ini yang mengedar kondom dan jarum. Jadi saya bimbang di Terengganu ini bila Exco terlibat dari segi pengedaran kondom, dari segi jarum-jarum .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Kita cakap hal jarum ni Wakil Batu Burok, kita bercakap hal jarum, hal kondom saya tidak setuju, saya sama dengan Y.B. dalam bab ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Betul, betul, sayapun tadi malas nak bangun sebab .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok, Yang Berhormat duduk sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sebab Yang Berhormat di sebelah Y.B. itu dia faham hukum, dia tahu sebab itu dia tak beri tanya dah, dia tahu fekah ini luas.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dah jangan orang kata pusing di tepi saja kita nak hukum.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah saya sebutlah ni, pandangan Fekah berbagai, ada kata tidak baca Bismillah dalam Fatihah itupun batal sembahyang, ada juga kata sah. Jadi hukum ini macam-macam pendapat ulama sebab itulah saya sebut ini di bawah siasah syariah. Siasah Syariah ini maknanya politik Hukum Syara', cara macam mana pentadbiran Hukum Syara'. Kita sebagai orang politik sepatutnya kita tahu mana bila sampai satu tahap ada dua perkara bertentangan, semua tidak baik belaka tapi tidak boleh tolak semuanya mesti kita pilih yang lebih kecil. Jadi saya tak nak sebut hukum, fatwa dan sebagainya tapi saya nak beritahu bahawa perkara ini diputuskan oleh pihak Kementerian Kesihatan selepas juga mengambil kira pandangan sebahagian ulama-ulama. Cuma mungkin sebahagian besar ulama tidak setuju, mungkin betullah, sayapun sebenarnya secara hati kecil tidak bersetuju tapi saya tidak menolak jika ada pandangan lain yang menerima. Sebab itu dalam bab Fekah kita kena lapang, keluasan itu ada, Aqidah memang tak boleh lari dah. Jadi sebab itulah kalau Wakil Batu Burok nak pandangan Fekah dia sokmo betul susahlah, kalau orang ni nak pendapat dia saja betul tak jadi gitu, Fekah ini luas tapi Aqidah

tidak ada kompromi. Jadi sebab itulah Dato' Yang Dipertua, perkara ini kita telah berjalan dan mungkin selepas pada ini kita boleh rujuk kepada Jawatankuasa Fatwa tapi untuk menyalahkan 100% tidak betul sebab apa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan ini adalah secara selektif bukan semua penagih diberi tapi hanya penagih-penagih yang tertentu dan dalam masa pemberian ini ada kaunseling, ada sesi nasihat dan sebagainya dan ada kejayaan di mana selepas daripada sesi-sesi ini ada yang berhenti daripada menagih dan sebagainya. Jadi ini adalah merupakan salah satu daripada usaha, mungkin ada usaha yang lebih baik jika ada cadangan kita akan terima. Tetapi setakat ini itu sebahagian daripada usaha yang dapat dilaksanakan oleh Kementerian.

Dato' Yang Dipertua, saya ingat masa saya dah panjang. Maka dengan itu saya ingat cukup penggulungan saya setakat ini. Saya ucap terima kasih kepada semua terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet yang sebegitu baik. Terima kasih kepada semua Wakil-wakil Kerajaan dan Wakil-wakil Pembangkang yang telah membahaskan Bajet ini. Dan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan, para Pemerhati. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullah. Saya jemput Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya cuma nak terus kepada beberapa perkara yang dibangkit yang berhubungan dengan jawatankuasa saya. Saya ucap terima kasih kepada Wakil Tepoh yang antara lainnya menyebut tentang sedang berlaku *traffic jam*, soal pengangkutan awam, cadangan jalan pintas depan Utusan Melayu ke Masjid Padang Nanas dan sebagainya. Saya nak sebutkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bahawa soal menambahbaik pengangkutan awam ini memangpun ada dalam Ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada muka 22. Dan saya nak maklumkan juga bahawa Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang telah menyediakan kajian bagi pengangkutan awam ini dan hasil daripada itulah mungkin kita telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat peruntukan sebanyak RM112.05 juta melalui Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) dan insya Allah soal-soal pengangkutan awam dan sebagainya akan kita lihat ataupun kita sandarkan semula kepada Kajian Pengangkutan Awam yang telah dibuat.

Soal aliran dan saliran juga disebut yang ada kaitan dengan banjir, peranan JPS yang sebelum ini hanya bersih sungai, tak cukup *Monsoon Drain*, pembangunan juga tanah yang ditambun, pecah lot dan sebagainya. Ini insya Allah, akan kita beri perhatian termasuklah menentukan aras *(formation level)* bagi bangunan dan sebagainya.

Soal bekalan air .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Diberi Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua dan Wakil Kerajaan, Rantau Abang. Saya mintak pertama ada kaitan dengan soalan saya yang tidak sempat utnuk dijawab pada pagi tadi. Yang dirujuk kepada soal sistem aliran, memanglah kalau dulu-dulu yang biasanya berlaku banjir yang duduk di tepi sungai dan kalau dulu rumah-rumah kebanyakan rumah-rumah yang bertiang, dia main air saja budak-budak tu. Tapi hari ini sebenarnya rumah-rumah kita kebanyakannya rumah batu belaka dah cuma saya memohon bolehkah Kerajaan memastikan melalui Pejabat Tanah ke, jugak PBT, apabila tidak dipecahkan lot yang asal daripada pertanian untuk ditukar kepada bangunan biasanya bila nak pecah lot ini pihak kakitangan ini tidak pergi tengok ke bawah, tanah tersebut kadang-kadang saliran lama ni Dato' Yang Dipertua, orang kata saliran lama yang ada alur lama itu air duk lalu ikut situ tetapi tanah milik. Tapi bila kita pecah lot maka lot yang ada duduk atas saliran jadi ditambun begitu saja tanpa ada pengawasan. Saya mintak perkara ini diambil kira sebab kawasan-kawasan pembangunan perumahan cukup penting khususnya di sekitar Gong Badak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut tadi tentang kepesatan pembangunan dan sebagainya yang kerana tanah juga ditambun asalnya dengan izin, formation level bagi tanah-tanah tidak ditentukan dan termasuklah saliran-saliran daripada parit asal. Itulah mungkin antara tindakan dan keputusan yang telah kita ambil contohnya dari segi Pembangunan Baruh Tok Jiring, Kerajaan tangguhkan supaya kawasan ini tidak menjadi sepertimana Pusu Tiga kerana kalaupun pandangan JPS ataupun Majlis supaya aras ini ditambun lebih tinggi daripada dengan izin sekali lagi, *sea level* tapi akhirnya dibuat hampir 1 meter lebih rendah daripada itu dan kita terus berhadapan dengan masalah ini. Insya Allah, pandangan Yang Berhormat akan diambil kira dan telahpun diambil tindakan oleh Kerajaan.

Soal pembangunan yang hebat di kawasan utara yang memungkinkan tekanan air rendah dan keperluan kepada loji baru dan sebagainya. Kerajaan sedang meneliti cadangan yang mengandungi komponen sebuah loji memproses air yang berkapasiti yang mencukupi 1 milion liter sehari termasuk dengan izin, *storage tank,* kerja-kerja pemasangan paip dan anggaran kos Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bagi usaha-usaha mengatasi masalah kepesatan pembangunan dan kemungkinan turunnya tekanan air dan sebagainya ialah lebih kurang 150 juta.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal kerana sebut sekali lagi tentang Jambatan Pulau Sekati dan saya harapnya dengan penjelasan ini tidak timbul lagilah maknanya pening kepala kepada Wakil Bukit Tunggal, kata dia kata hak mana se. Pindaan jajaran asal pembinaan Jambatan Pulau Sekati memang ada sebelum ini alternatif 1 dan 2. Saya sebutkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alternatif 1 adalah jajaran jalan dari Losong – Pulau Sekati – Teluk Pasu - Buluh Gading. Dan alternatif 2 ialah jajaran jalan dari Kampung Losong – Bukit Datu – Persimpangan Semarak. Jadi akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan bersetuju mengekalkan cadangan asal. Cadangan asal projek itu ialah kepada alternatif 1, justifikasinya antara lain ialah cadangan jajaran ini akan dihubungkan dengan Jalan Kampung Jeram Tokong - Guntong yang sedang dibina sekarang ini. Jadi ini akan mewujudkan satu sirkulasi jalan yang lebih baik dan tersusun. Dan justifikasi kedua ialah kawasan berpotensi menjadi pembangunan baru, dengan izin, *the new potential development area,* jajaran ini lebih besar berbanding dengan alternatif 2. Ada beberapa justifikasi lagi tetapi yang nak sebutnya kita akan kekal yang asal tadi. Jadi tidak timbullah alternatif 2 dari Losong ke Bukit Datu dan Semarak. Peruntukan yang dikatakan RM35 juta itu ialah untuk kelangsungan kerja Jalan Kampung Jeram Tokong – Guntong yang sedang berjalan, itu yang di dalam Bajet RM35 juta. Cadangan jambatan yang ketiga ialah dengan izin, Draw Bridge ke Seberang Takir iaitu di bawah projek ECER. Insya Allah, selepas ketiga-tiga itu kita akan ada tiga laluan untuk menyurai trafik dan sebagainya.

Terima kasih juga kepada Wakil Ladang yang menyebut tentang ada parit yang tidak keluar ke laut yang diambil daripada Google kawasan yang dekat airport ini. Saya nak maklumkan bahawa pihak JPS telahpun selesai dari segi reka bentuk tapi mungkin juga melibatkan pengambilan balik tanah-tanah yang agak banyak dan dengan kadar harga yang terlalu mahal mungkin kawasan ini akan diberi pertimbangan pengambilan baliknya bagi untuk tahun 2011.

Dibangkitkan juga oleh Wakil Ladang status Masjid Bukit Besar yang tak siap dan mengapa? Kedudukan Masjid Bukit Besar ini telahpun dimansuhkan secara mutual kerana kontraktor yang pertama itu sudah tidak mampu nak buat

kerana kenaikan harga/kos barang dan sebagainya. Projek ini telahpun ditender semula dan keputusan akan dibuat dalam masa yang terdekat.

Wakil Air Putih membangkitkan tentang pengangkutan Bandar Air Putih ke penghujung Jabor, minta satu kajian dibuat. Insya Allah kita akan lihat perkara itu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan sikit? Terima kasih Yang Berhormat Exco. Saya nak tanya berkenaan dengan kes bila sesuatu kontrak diberikan sepertimana Masjid Bukit Besar tadi, *Mutual Termination* dengan izin, ditamatkan tetapi di dalam kontrak itu adakah diberi apa-apa peruntukan di mana jika sekiranya tidak siap dikenakan apa-apa denda ataupun cagaran deposit diambil ke, kerana bila nak retender melibatkan kontraktor baru, melibatkan masa yang lebih panjang, melibatkan kos pembinaan yang lebih tinggi dia akan merugikan Kerajaan. Jadi adakah dia tidak ada satu peruntukan ataupun tindakan yang diambil kepada kontraktor. Perkara ini serupa jugak macam projek LPT Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, LPT ini melibatkan bila dua-tiga kontraktornya ditamatkan, akhirnya kos meningkatkan sampai 20% jadi ini jugak merugikan rakyat, merugikan Kerajaan, jadi apakah tindakan pihak Kerajaan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam. *Mutual Termination* ini dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bukan sesuatu yang berterusan, ada tempoh, kalau ada persediaan atas syarat-syarat yang dibolehkan maka boleh diadakan *Mutual Termination.* Dia ada tempoh, tak boleh kata dia nak tarik kerja ini sampai bila-bila untuk *Mutual Termination,* ada Pekeliling yang khusus untuk *Mutual Termination* ini dan ada kelonggaran dan ada juga tindakan-tindakan yang akan diambil kepada kontraktor yang sanggup secara *Mutual Termination.*

Saya teruskan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Air Putih yang membangkitkan tentang pengangkutan bandar.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya pohon laluan sikit. Berkenaan Masjid Bukit Besar tadi. Bila berlaku dengan izin, *Mutual Termination* ini dalam konteks Masjid Bukit Besar ini telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat setempat sebab berlaku kelewatan dan pelbagai spekulasi dibuat tentang hal ini dan memang banyak cakap-cakap yang mengatakan akibat daripada salah pengurusan dan salah tadbir diserahkan kontrak ini kepada syarikat yang berkenaan atas dasar kepentingan politik

semata-mata maka berlaku sedemikian. Jadi takkanlah semudah itu dia boleh keluar daripada perjanjian yang ada itu dengan tidak ada tindakan lanjut dan sedangkan kesannya kepada masyarakat setempat. Bila siapnya kita tak tahu lagi sekarang ini dalam konteks Masjid Bukit Besar yang menjadi tempat tumpuan masyarakat di sekitar Kuala Terengganu ini.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, keputusan tawaran ini dibuat oleh Jawatankuasa Perolehan Negeri bukan politik dan *contractually* memang ada klausa-klausa dalam kontrak itu dan apa-apapun tindakan yang dibuat mungkin berasaskan kontrak. Sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Program Pembangunan Air di Cerul, Cenih, okey katanya. Loji Air Cerul dah dapat RM7 juta daripada Kerajaan Pusat. Insya Allah disebut oleh Wakil Air Putih juga tentang perlunya diadakan peruntukan untuk kerja-kerja maintenance untuk masjid dan surau insya Allah dalam Bajet 2011 diperuntukkan RM3 juta dan kita harappun kita akan dibantu tahun depan melalui peruntukan PIA dan PIAS yang sebelum ini mungkin jumlahnya kurang kerana tertumpu kepada projek-projek merangsangkan ekonomi. Saya bersetuju kalau di masa yang hadapan kalau kita dapat mengadakan peruntukan termasuk bagi kerja-kerja *maintenance* ini, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Wakil Hulu Besut membangkitkan perkara tentang bekalan air Kampung La. Insya Allah, kita akan meneliti. Berkait dengan banjir Wakil Hulu Besut mencadangkan supaya ditinggikan jalan yang ditenggelami air. Insya Allah, kita akan lihat sepertimana jugak keputusan yang telah diberi dengan peruntukan sebanyak RM2 juta daripada Keruak - Gunong Busu dalam tahun 2010.

Jalan-jalan yang rosak dibangkitkan oleh Wakil Kuala Berang. Jalan Kuala Berang ke Simpang Pulai, yang ini pihak Kerajaan dari masa ke semasa membaiki kerosakan jalan ini, penguatkuasaan yang lebih sepatutnya dibuat kepada lori-lori terlalu berat yang melalui jalan itu dan sebagainya. Sistem pengangkutan juga insya Allah kita akan lihat melalui kajian yang saya sebut tadi.

Wakil Jabi membangkitkan tentang bekalan air bersih Kampung Pulau Pinang Gong Pasir. Insya Allah, kita akan memaklumkan semula, satu usaha insyaAllah akan dibuat untuk program bekalan air ini. Dan juga untuk Jalan Bukit Jeruk ke Tok Dor, kita akan lihat apa yang boleh kita buat dalam masa yang terdekat ini.

Termasuk juga Wakil Kemasik yang menyebut tentang banjir bagi kawasan Ranggoon, ada Ranggoon ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ranggoon Kemaman tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Ya, Ranggoon di Kemaman kerana jalannya terputus kerana banjir, yang inipun insya Allah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kita akan melihat untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil dalam Persidangan kita kali ini. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang. Bandar jika ada? Sila.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Saya ucapkan terima kasih kepada yang mengemukakan soalan dan cadangan berkaitan dengan Industri, Perdagangan dan Alam Sekitar. Di sini saya ingin memberi sedikit penjelasan yang lebih lanjut berkaitan dengan pembersihan sungai terutama Program Satu Negeri Satu Sungai dan Program Satu DUN Satu Sungai. Program Satu Negeri Satu Sungai ini merupakan program melalui Kerajaan Persekutuan dan sungai yang terpilih ialah Sungai Hiliran memandangkan sungai ini merupakan satu sungai tumpuan utama di Terengganu yang terdedah kepada berbagai aktiviti seperti aktiviti batik, membuat keropok, pasar basah dan berbagai aktiviti-aktiviti lain lagi yang mendedahkan sungai tersebut kepada pelbagai pencemaran. Kerja-kerja melibatkan penyelenggaraan, perangkap sampah, pembinaan Pusat Informasi Satu Negeri Satu Sungai, pembinaan sebuah jeti untuk kegunaan penduduk-penduduk kawasan tersebut, menyiapkan landskap di tebing alur sungai, pembinaan kolam takungan dan pembinaan tangki rawatan air buangan di kilang batik dan juga rawatan dan pemulihan kualiti air, dan juga Program Kesedaran Komuniti Bagi Pengusaha Dan Peniaga Pasar. Kerajaan Negeri menambah lagi satu program yang dipanggil Satu DUN Satu Sungai untuk memperluaskan program-program untuk pembersihan sungai di mana sebuah sekolah dan sebatang sungai di setiap DUN telah dipilih dan pihak Jabatan Alam Sekitar telah membekalkan alatan pengukuran air ke sekolah-sekolah. Untuk makluman sekolah-sekolah yang terpilih ialah:

Nama Sekolah	Sungai Diangkat
SMK Seri Nering	Sungai Bukit Kenak
SMK Nur Zahirah	Sungai Keluang, Kota Putera

SMK Bukit Payong	Sungai Air Hangat
SMK Renek, Jabi	Sungai Renek
SMK Seri Bukit Puteri, K. Besut	Sungai Besut
SMK Tengku Ibrahim	Sungai Setiu
SMK Pulau Serai, Rantau Abang	Sungai Pimpin
SMK Bukit Nenas, Langkap	Sungai Hulu Nerus
SMK Jerangau, Bukit Besi	Sungai Telemboh
SMK Paka	Sungai Paka
SM Sains Dungun	Sungai Sura
SMK Manir	Sungai Nerus
SMK Chung Hwa Wei Sin	Sungai Buaya, Terengganu
SMK Tengku Bariah	Sungai Derhaka
SMK Bukit Tunggal	Sungai Buaya, Bukit Tumbuh
SMK Kompleks Seberang Takir	Sungai Takir
SMA Tok Jiring	Sungai Tok Jiring, Tepoh
SBP Integrasi Batu Rakit	Sungai Ngabang Bakong
SMK Telemong, Manir	Sungai Terengganu
SMK Padang Midin	Sungai Kepong
SMK Cenering	Sungai Ibai
SMK Kuala Berang	Sungai Berang
SMK Tun Indera, Telemong	Sungai Kapar
SMK Ajil	Sungai Petang
SMK Seri Payong	Sungai Buaya, Bukit Payong
SMK IMTIAZ, Alur Limbat	Sungai Kepong
SMK Pengkalan Berangan	Sungai Pengkalan Berangan
SMK Mercang	Sungai Mercang
SMA Al-Falah, Cukai	Sungai Tok Penghulu
SMK Kijal	Sungai Kijal
SMK Kertih	Sungai Kertih
SMK Air Putih	Sungai Air Putih

Data-data yang dikutip oleh semua sekolah itu digunakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memantau dan meningkatkan kualiti air sungai di Terengganu. Dan dari segi data-data yang dikutip kita dapati bahawa kesemua 30 sungai yang dijadikan sungai-sungai pemantauan ini di bawah program ini adalah dalam kelas dua dan yang ketiga iaitu dalam kelas yang bersih dan sederhana bersih. Ini memang selaras dengan kualiti air sungai yang dalam pemantauan Jabatan Alam Sekitar di mana sebanyak 13 stesyen telah diwujudkan di sungai-sungai utama termasuk Sungai Kemaman, Sungai Cukai, Sungai Kertih, Sungai Paka, Sungai Dungun, Sungai Ibai, Sungai Mercang, Sungai Marang, Sungai Terengganu, Sungai Setiu, Sungai Merang, Sungai Besut dan Sungai Keluang. Di mana kesemua 13 batang sungai ini adalah dalam

keadaan yang bersih kecuali Sungai Ibai, Sungai Mercang dan Sungai Marang di mana kualiti air adalah di dalam sederhana bersih.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal yang memang suka berpusing-pusing dari Bukit Tunggal ke Hulu Telemong di mana beliau membangkitkan isu mengenai kualiti air di Tasik Kenyir yang berkaitan dengan laporan suratkhabar yang kurang tepat, tidak berapa benar. Memang sikap dialah tujuan utama untuk memburukkan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tidak kira dia akan memberi impak yang negatif bagi negeri kita. Jadi untuk pengetahuan Wakil Bukit Tunggal, menurut kajian EIA yang dilakukan oleh pasukan pengkajian dari Universiti Teknologi Malaysia bagi Pembangunan Tasik Kenyir mendapati bahawa kualiti air Tasik Kenyir berada pada tahap 1 dan 2 iaitu sangat bersih dan bersih. Dan pengambilan sampel diambil pada 15 April tahun ini di 8 lokasi di sekitar kawasan tasik dan sungai di Kenyir. Kajian penilaian ini dijalankan bagi mengenal pasti keadaan air tasik dan anak sungai di kawasan projek sepanjang laluan Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Hasil menunjukkan kualiti air dari segi .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Wakil Bandar mintak penjelasan? Saya rasa saya macam tak sebut hal kualiti air ni dalam ucapan saya. Saya sebut dalam soalan saya tentang tanggungjawab di mana borang yang dihantar kepada Wakil-wakil Rakyat untuk dijadikan sungai anak angkat dan borang itu kita hantar kepada Pejabat tapi sehingga hari ini tidak ada respon, tidak ada timbul masalah air macam mana tiba-tiba timbul masalah air ini? Saya ingat banyak sangat baca ni, tak tanyapun jawab jugak. Saya ingat boleh tengok hansard.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Mungkin Wakil Bukit Tunggal mudah terlupa dia memang ada sebut tentang insiden e-coli, laporan .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Itu bukan saya, bukan saya sebut e-coli, e-coli Wakil Wakaf Mempelam. Jadi jangan nyanyuk begitu.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Tapi tak apalah memang tujuan utama Wakil-wakil Pembangkang itu untuk memburukkan sahaja apa-apa pelaksanaan ataupun program Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Jangan mengelakkan begitu kalau kita tak betul mengaku ajelah.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan pelaburan di Negeri Terengganu seperti dinyatakan dalam Ucapan Dato' Seri Menteri Besar bahawa pada tahun ini kita telah berjaya menarik sejumlah RM458.64 juta, ini merupakan peningkatan sebanyak RM60.71 juta berbanding dengan pelaburan yang kita dapat tarik ke Negeri Terengganu pada tahun lepas. Dan perusahaan dan perkilangan yang diluluskan tapak melibatkan pengeluaran dan proses atap genting konkrit, ikan baja, batu granite dan marmal, perabot kayu, PU-Phone, injek padat silinder LPG, fibre glass, pakaian fire retarden, acuan dan alat ganti automatif, batik dan songket, lampu LED dan produk untuk industri minyak dan gas. Dan ini tidak termasuk dengan projek-projek yang telah dilulus oleh pihak MAIDAM di mana kelulusan untuk perkilangan dalam peringkat persediaan termasuk pelaburan yang telah diluluskan sebanyak RM158.6 juta yang merupakan pelaburan luar negara untuk pengeluaran acid-malic, acid sumaric dan acid succinate untuk kegunaan industri minyak dan gas. Dan jugak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Nak siap dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau panjang saya nak suruh duduk sekejap.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Tak banyak dah. Ada lagi tiga .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak suruh berhenti. Saya nak suruh duduk sekejap. Saya nak terima Usul satu, sila Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, memandangkan masa Persidangan akan tamat tempohnya pada pukul 5.00 petang. Dengan ini saya mencadangkan

supaya tempoh Persidangan hari ini dilanjutkan sehingga selesai semua kerja-kerja pembentangan Enakmen Perbekalan 2011 menurut di bawah Perkara 7(1A) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu sebab saya ni sudah tak sabar, sabar lagi nak gulung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu cadangan daripada Seberang Takir dan telah mendapat sokongan daripada Pengkalan Berangan supaya melanjutkan tempoh masa Persidangan pada hari ini. Oleh yang demikian, masa Persidangan dilanjutkan sehingga selesai semua kerja-kerja dalam pembentangan Enakmen Perbekalan 2011. Sesiapa yang ingin menunaikan Solat Asar bolehlah bergilir-gilir, jangan kosongkan Dewan sudah. Kemudian saya menjemput Bandar, jangan ambil masa panjang pulaklah dah nak habis tu habislah. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya teruskan penggulungan saya. Bagi pelaburan yang telah diluluskan oleh pihak MIDA termasuk pelaburan luar negara yang saya sebut tadi yang melibatkan pelaburan sejumlah RM158.6 juta dan juga tiga lagi pelaburan tempatan yang melibatkan pelaburan sejumlah RM259.35 juta yang melibatkan pengeluaran baja organik, kabel dan wayer untuk industri minyak dan gas dan juga untuk mesin. Saya yakin dengan usaha Kerajaan Negeri dan jugak dengan jabatan-jabatan yang berkaitan dan dengan pembangunan ICT industri di mana program untuk pelaksanaan infrastruktur termasuk Projek Metro Ethernet Fiber Optik Terengganu untuk memasangkan fiber optik sebagai tulang belakang rangkaian internet negeri dan jugak pembinaan Data Center di Batu Rakit akan terus dapat menarik lebih pelabur ke Negeri Terengganu. Itu saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Bandar. Dijemput Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang dihormati Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, para Pemerhati, Ketua-ketua Jabatan yang saya hormati sekalian.

Saya mengambil peluang ini untuk membuat penggulungan di atas perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sepanjang Persidangan Dewan kita sejak dua hari yang lepas. Hampir keseluruhan Yang Berhormat ada menyentuh dengan cara yang tersendiri berkenaan dengan jabatan-jabatan di bawah jawatankuasa saya. Dan di antara perkara yang disentuh hampir keseluruhannya menyentuh kegagalan dengan bahasa yang agak keras setengah-setengahnya beranggapan semua perkara yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan portfolio ini gagal. Dengan sesetengahnya agak keras cuba tunjuk kepada saya jabatan mana yang ada hasil konon-kononnya. Jadi perkara-perkara begitu kepada saya mungkin menyentuh hati nurani setengah-setengah daripada pegawai-pegawai yang melaksanakan tugasnya dengan sepenuh hati tetapi memang bidang kerjanya begitu apa yang dapat ditunjuk kalau khidmatnya begitu bersungguh-sungguh tapi langsung tidak diberi pengiktirafan saya rasa agak kecewa dan malanglah.

Dato' Yang Dipertua, ADUN Tepoh ada menyentuh pasal *Monsoon Drain* yang sudahpun diberi ulasan oleh Exco Infra, terima kasih. ADUN Ladang dan Manir agak keras menyebut tidak ada satu projekpun yang berjaya yang dilaksanakan di bawah sektor pertanian, insya Allah selepas ini saya akan beri ulasannya. ADUN Jabi menyentuh pasal BERNAS membuat potongan yang agak tinggi berhubung dengan hasil padi sehingga sampai kepada 34%. Dan isu ini sebenarnya sudah berkali-kali kita bincang, dalam Dewan inipun sudah disebut sebelum ini dan masih lagi berterusan kita belum berjaya mengatasinya. Walaupun perkara ini sudah dibawa berbincang sehingga ke peringkat yang atas. Insya Allah perkara ini jugak akan diperjuangkan lagi supaya perkara ini dapat diatasi oleh jabatan yang berkenaan dan sedikit sebanyak dapat memberi kepuasan hati kepada petani-petani yang terlibat, insya Allah. Jabi juga ada menyentuh pasal skim lembu pawah dan padang ragut, perkara ini insya Allah akan dibincang secara lebih serius dalam masa terdekat ini untuk dibuat keputusan pada awal tahun depan, insya Allah.

Dato' Yang Dipertua, apabila kita menyebut pasal kegagalan ataupun tidak berjayanya projek-projek yang dilaksanakan di bawah sektor pertanian. Sebenarnya, kalau kegagalan atau tidak berjaya itu kita nak tengok dari sudut mana. Kalau kerana tidak boleh dijual dengan harga yang berpatutan adakah itu gagal di pihak Jabatan Pertanian? Kepada saya apabila hasilnya terlalu banyak, duku, durian terlalu banyak sehingga tidak boleh dijual dengan harga yang berpatutan itu menunjukkan kejayaan besar oleh Jabatan Pertanian. Dia sudah berjaya melaksanakan kerjanya sehingga buahnya melimpah-limpah, banyaknya buah sehingga tidak boleh nak dijual. Itu adalah kejayaan dalam sektor pertanian. Yang menjadi masalah sekarang ini ialah tidak boleh hendak dijual, itu isu yang lain yang diuruskan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan dengan pemasaran dan inilah sebenarnya isu yang tidak pernah selesai dalam sektor pertanian, pengeluaran insya Allah. Kita boleh buat, kita boleh tanam, nak apa saja. Nak ubi sebanyak

mana, nak jagung sebanyak mana, nak lada sebanyak mana, insyaAllah boleh kita keluarkan. Tapi apabila banyak sangat orang berminat untuk tanam bila tanam sudah jadi banyak harganya sudah jadi murah, bila jadi murah masalah akan timbul dalam hal pemasaran dan apabila pemasaran jadi masalah ia akan berkait pulak dengan pendapatan petani apabila sudah tanam banyak, belanja sudah habis banyak tiba-tiba tidak boleh dijual, timbullah masalah kemiskinan yang tidak berjaya kita atasi. Dan perkara ini memang sudah sekian lama berbangkit dan saya jangka akan terus berbangkit masalah ini. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan. Saya sudah sebut semasa saya menjawab soalan baru-baru ini. Kerajaan sudahpun memainkan peranannya, kita subsidikan harga jualan sehingga meningkat sampai 50% lebih. Harga duku sepatutnya baru ini 50 sen sekilo, 40 senpun ada tapi FAMA beli harga RM1.20, TADC beli harga RM1.30 sehingga RM1.70 sen, 50% lebih subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan kerana kita kesian dengan petani-petani kita. Isunya adalah pemasaran, insya Allah baru-baru ini kita sudah berbincang kita buat postmortem kerana harga duku baru-baru ini dan kita sudah tubuh satu Jawatankuasa Anti Lambakan di peringkat negeri. Jawatankuasa ini akan membuat persiapan awal musim lagi untuk kita kumpul data-data kemungkinan buah-buah ini akan keluar sebanyak mana, kawasan mana dan salurannya mesti tepat kerana musim duku baru-baru ini duku keluar bulan puasa, jangankan kita nak jual dengan harga yang baik kadang-kadang kita bawa duku pergi ke surau, bawa ke masjid nak suruh orang makan selepas Tarawih orang takmboh makanpun kerana banyaknya. Insya Allah, selepas ada jawatankuasa ini kita harap perkara lembakan ini dapat kita atasi, insya Allah.

Dan dalam menyebut langsung tidak ada kejayaan dalam sektor pertanian, saya rasa memang tidak adil. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, katakanlah padi. Padi pada tahun ini pengeluarannya meningkat daripada 63,500 tan kepada 69,500 tan dan kita mampu menanggung makan rakyat Terengganu sampai 70%, ini kejayaan. Kalau padi tidak dapat dikeluarkan oleh jelapang padi di Negeri Terengganu ini lapar kita. Kita mampu beli import beras cuma 30% saja yang kita amalkan sekarang, 70% dibekalkan oleh petani-petani kita tu, hak duduk tanam padi, cedung padi hak tulah yang kita makan berasnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul Yang Berhormat, jangan sedih sangat.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Saya sedihnya pasal puak-puak kita berkerja *'billo'* atas belakang berjemur panas tiba-tiba kata takdok hasil, berasalah jugak kitapun .....(Dewan Gelak) ..... Dato' Yang Dipertua, betul. Kalau kita kata peningkatannya rendah, betul tapi kalau kata gagal tolong tunjuk ke saya *gapedia* Pertanian buat, saya rasa tidak adil. Dalam hal padi peranan Kerajaan cukup besar. Kita terpaksa subsidi setiap tan padi

yang keluar, setiap hektar padi yang kita tanam Kerajaan terpaksa subsidikan sehinggakan RM2,200 satu hektar. Besarnya peranan Kerajaan dalam nak mempastikan rakyat Terengganu cukup makan. Fertigasi selalu disebut gagal, gagal. Betul, banyak projek-projek Fertigasi yang sudah tidak diusahakan lagi dan sebenarnya bagi peserta yang terus mengusahakan projek ini mendapat hasil yang baik sehingga sampai RM1,500 sebulan, seramai 50 orang peserta berjaya dan yang tidak berjaya kerana sesetengah tempat dan peserta-peserta lebih berminat untuk menoreh getah, sekarang ini getah mahal, kelapa sawit mahal, daripada terlibat dalam ini dia lebih selesa pergi menoreh getah. Getah sekarang ini kalau pergi menoreh hampir RM3 sepohon, pergi toreh sepohon sudahlah dapat RM3 sekarang ini hasilnya sebab getah sekarang ini sudah mencapai RM6 sekilo, sepohon boleh setengah kilo (RM3). Jadi setengah-setengah itu memang tinggallah kerja-kerja lain untuk pergi menoreh getah.

Dalam Skim Kambing Kaprima kita ada dua, satunya Lembah Kaprima, ada lapan Lembah Kamprima di Negeri Terengganu. Satu laginya Mikro Kaprima tapi yang timbul masalah sangat ialah Lembah Kaprima. Projek ini kita sudah belanja sampai RM43 juta dan peruntukan ini diberikan oleh Kerajaan Pusat. Lembah Kaprima memang kita akui dia ada masalah dan alhamdulillah mulai akhir tahun ini sudah empat Lembah Kaprima sudahpun dimasuk kambingnya, setiap Lembah Kaprima ada 500 ekor kambing yang sudahpun dibekal. Pada peringkat awal kita tidak mendapat bekalan daripada pihak pembekal. Dan empat Lembah Kaprima yang sudahpun masuk kambing ialah:

(i) Lembah Kaprima Kampung Cabang, Kemaman.
(ii) Lembah Kaprima Segading, Besut.
iii) Lembah Kaprima Payang Kayu, Hulu Terengganu.
(iv) Lembah Kaprima Hulu Seladang.

Kesemua Lembah Kaprima ini mendapat 500 ekor. Insya Allah empat lagi Lembah Kaprima akan dimasukkan kambingnya pada awal tahun depan, insyaAllah.

Dato' Yang Dipertua, sepanjang Dewan ini saya boleh kata terkejut jugak atau rasa sekali sekala rasa banggapun ada apabila kita dapati adanya Wakil Rakyat daripada Pembangkang yang mulai bercakap pasal membela Melayu. Apabila orang PAS bercakap hal ini, kita berasa macam perkara baru sebab sebelum ini kita tidak dengar PAS bercakap pasal Melayu dan mungkin kepada orang-orang lama dalam politik barangkali sempat ikuti perkembangan ini pada peringkat awal PAS dulu. Bagi orang-orang lama dalam politik tahu di peringkat awalnya PAS juga menggunakan slogan/mottonya 'Undilah PAS Untuk Agama, Bangsa dan Tanah Air'. UMNOpun sama, jadi kadang-kadang bersimbung tidak tahu hak mana se berjuang untuk agama, bangsa dan tanah air PAS ke, UMNO. Sampai satu peringkat

mungkin peralihan pendekatan barangkali apabila PAS sudah tidak bercakap hal Melayu ini, ada pendekatan baru 'Kepimpinan Ulama', 'Membangun Bersama Islam' motto-motto yang tidak bercakap lagi pasal Melayu. Lebih mengejutkan kita pada masa itu pada akhir tahun 80an timbul satu modal bagi PAS berjuang atas nama Melayu, berjuang atas nama kebangsaan ni *asabiyyah.* Masa tu berceramahlah siapa-siapa yang berjuang atas nama kebangsaan khususnya orang UMNO, Nabi tidak mengaku umat kerana *asabiyyah,* berdosa, kitapun takut. Berubah pendekatannya, mungkin kepada kita kerana selagi guna slogan yang sama berjuang 'Undilah PAS Untuk Agama, Bangsa dan Tanah Air'. UMNO jugak 'Undilah UMNO (masa tu Perikatan) Untuk Agama dan Tanah Air', masa itu tidak laku PAS. Kalau bercakap atas ayat yang sama orang tidak terima PAS sebab apa yang PAS hendak berjuang ini cuma angan-angan nampak gitu-gitu saja dan jelasnya kalau bercakap atas ayat ini orang akan pilih UMNO atau Perikatan kerana itu PAS lari. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tiba-tiba dalam sehari-dua ini, dalam Dewan kita orang PAS mulai cakap hal orang Melayu, alhamdulillah, moleklah. Dan kata pulak ke kita, orang UMNO/Barisan Nasional tidak usah jadi juaralah kerana kes inilah hal perjuangan Melayu ini UMNO tidak boleh tinggal, orang marah ke, orang suka ke, orang tak suka ke, itulah perjuangan kita daripada dulu, daripada mula-mula tubuh sampai ke lening itulah perjuangan kita. *Demo* nak kata apa, katalah orang *asabiyyah* ke, berdosa ke, sebab kita yakin apa yang kita berjuang untuk tujuan itu. Dan alhamdulillah, rakan-rakan dalam Barisan Nasional dapat terima perjuangan kita. Jadi apabila PAS bercakap begitu dalam Dewan saya fikir mungkin ada percanggahan dengan realiti di luar Dewan sebab di luar Dewan PAS masih lagi menyokong apa yang ditimbulkan oleh rakannya PKR, sudah beri tawaranpun kepada DAP, kepada Lim Kit Siang untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri disokong pulak oleh PAS. Bukan setakat Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteripun boleh sebab Perlembagaan kata boleh. Saya fikir ada sikit percanggahan di situ dalam peringkat ini kita kata nak berjuang untuk orang Melayu tiba-tiba kita sampai ke peringkat itu tawaran kita semata-mata untuk nak tarik perhatian, nak tarik minat *saing* supaya tetap bersama dengan kita dan kepada saya perubahan ini mungkinlah kerana parti rakan mereka sekarang ini ada masalah barangkali. Dulu semasa PKR begitu hebat mendapat sokongan dengan teman perjuangannya, anggap itulah penyelamat Malaysia. Masa itu semua puji, semua sokong dan sebagainya sekarang sudah mulai bercakap agak lain sikit. Insya Allah, kita haraplah bahawa suasana politik dalam negeri kita lepas ini khususnya di Negeri Terengganu tidak sepanas manalah. Kalau dulu nampak pasan *do'oh,* kita harap-harap Pilihan Raya Yang Ketiga Belas ini bila-bila masapun suasana tidak begitu panas dan kita dapat laluinya dengan baik. Insya Allah kalau suasananya comel belaka, saya yakin rakyat Terengganu akan buat pilihan yang tepat dan nampak benar dah apa yang diperjuangkan oleh UMNO dan apa yang diperkatakan tapi tidak dapat dilaksanakan oleh pihak Pembangkang. Insya Allah, lepas ini BN akan terus mendapat sokongan daripada rakyat Terengganu. Dato' Yang Dipertua, saya

mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Saya jemput Cukai, jika adalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Ada sikit-sikit. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para-para Pemerhati. Terima kasih diberi peluang untuk membuat sedikit rumusan dan gulungan terhadap Belanjawan pada hari ini. Kalau dilihat selama dua hari ini tidak banyak yang dibangkitkan di bawah portfolio saya ini tetapi saya rasa terpanggil jugak untuk bercakaplah kalau tidak kata saya takdok kerja pulak tapi cakaplah apa benda-bendapun.

Jadi saya ambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana telah mengemukakan Belanjawan yang begitu baik sekali, berjumlah begitu besar sekali sebanyak RM1.887 bilion, satu angka yang besar sebagaimana yang dikomen oleh pihak Pembangkang yang keempat tertinggi. Dan saya harap Belanjawan yang sebegini akan memberi menafaat kepada negeri kita ini sepertimana yang telah digariskan di dalam Buku Belanjawan ini. Kalau kita lihat buku Belanjawan ini banyak program-program dan projek-projek yang telah dimasukkan di dalam buku Bajet ini dan digariskan secara *detail* di dalam buku Belanjawan yang akan dibentangkan kepada kita sebentar lagi. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya merasakan sudah sampai masanya kita memandang serius terhadap buku Belanjawan kita ini, apa yang telah kita gariskan ini dan kita nak pastikan semua program yang telah kita masukkan ke dalam buku kita ini dilaksanakan dengan baik. Kita harap kita sudah selesai tugas kita di sini selepas diluluskan buku Belanjawan ini jumlah ini perlulah dibelanjakan dan setiap masa kita akan buat penilaian semula sama ada duit ini dibelanja sepenuhnya ataupun tidak. Dan untuk mempastikan Belanjawan ini dibelanja dengan baik tentulah kita mengharapkan satu jentera yang baik juga daripada negeri kita ini. Sebagai *Legislature* dengan izin, kita telah meluluskan Belanjawan yang baik tapi kita nak lihat sejauh manakah program-program yang telah kita masukkan ini dapat dilaksanakan. Ini saya merasa terpanggil untuk menyebutkan perkara ini kadangkalanya kita dapati ada program-program kita yang sudah dimasukkan ke dalam Belanjawan ini tapi tidak dapat dilaksanakan. Mungkin atas ada masalah di peringkat jabatan ke, di peringkat daerah ke. Jadi kita mengharapkanlah pada tahun hadapan masalah-masalah sebegini boleh diselesaikan lebih awal dan kita kenal pastikan apakah masalah ataupun kita rancangkan betul-betul program ini dengan membuat perancangan yang tepat, pastikan projek ini boleh diatur mengikut

jadual, ikut prosedur tender yang betul, ikut spesifikasi yang betul, pilih kontraktor yang baik dan betul supaya projek-projek ini dapat diselesai kalau tidak sudah pastilah peruntukan yang besar ini RM1.887 bilion ini tidak dapat kita belanjakan dengan sepenuhnya. Kita harap selepas kita selesai ini pentadbiran boleh menyediakan program mereka dan dengan cara ini sajalah barulah slogan kita untuk 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' ini sampai kepada rakyat, sampai kepada *grassroot* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh satu perkara saja berkaitan dengan Pusat Pertumbuhan Desa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jabi, saya rasa. Sudah tentulah kita mengambil kira apa yang disebut oleh Y.B. daripada Jabi tadi berkaitan dengan Pusat Pertumbuhan Desa yang disebut tadi supaya diwujudkan di kawasan beliau. Dan mengikut perancangan kita pada tahun hadapan memang kita dah ada peruntukan sebanyak RM20 juta. Sepertimana juga telah diperuntukkan pada tahun ini dan insyaAllah, kita akan agih-agihkan PPD ini termasuk juga di kawasan Yang Berhormat Jabi. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nampak Y.B. di sebelah saya ni gelisah dah, dia nak cakap lama dah dia kata ni. Jadi saya ambil peluang ini untuk menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita harap kita akan dapat selesaikan semua program yang telah kita rancangkan ini berjaya. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Cukai. Jemput Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *(Seterusnya membaca Doa mukadimah).* Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, Ketua-ketua Jabatan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan Belanjawan yang pada saya dengan izin yang mencerminkan *enhancement of corporate integrity* dan konsep akauntabiliti serta *transparency through best practice of audit.* Sebagaimana yang kita dapat lihat konsep *transparency* apabila penyata akaun kita telah diaudit begitu baik yang 'tidak susut apa-apapun', orang Terengganu kata. Dan inilah konsep *controll mechanism* yang perlu ada untuk kita mempastikan setiap wang ringgit yang dibelanjakan dibelanjakan untuk perkara-perkara yang berfaedah.

Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal yang tidak ada dalam Dewan, Wakil Ladang, Wakil Rhu Rendang dan juga Wakil Kuala Berang, Jabi dan terima kasih juga kepada rakan-rakan saya yang telahpun menjawab sebahagian besar daripada kerja-kerja saya. Jadi petang-petang begini eloklah kita meringkaskan cerita tetapi saya tertarik dengan hansard atau Penyata Rasmi Dewan Undangan Negeri Terengganu, Mesyuarat Yang Pertama Penggal Persidangan Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kedua Belas iaitu pada 5 – 8 April pada muka surat 94, saya hendak kod yang telah ditimbulkan oleh Wakil Bukit Tunggal yang panjang lebar menceritakan betapa pentingnya Tasik Kenyir iaitu: "Anak cucu kita akan bertanya kita jika sekiranya kita tidak bangunkan Tasik Kenyir". Dan juga Yang Berhormat sudah tentulah Wakil dari Kuala Berang dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: "Kita hilang balak beribu-ribu ekar, hilang pekerjaan hutan, pekerjaan berasaskan kayu, kita hilang pekerjaan balak juga hasil balak, kita hilang flora dan fauna, kita hilang tumbuh-tumbuhan, kita hilang binatang-binatang buas dan juga pendapatan buruan kita hilang, galian mungkin jugak kita hilang, kita hilang kejernihan air, semuanya kita hilang." Maka sebab itulah projek pelancongan telah dibawa ke Tasik Kenyir, burung yang hilang dibawa ke Tasik Kenyir, Pulau Bebas Cukai dibawa ke Tasik Kenyir dan banyak lagi Butterfly Park dibawa ke Tasik Kenyir, kalau saya nak jawabpun panjang, ada lagi Kenyir Tropical Garden juga dibawa ke Tasik Kenyir, pelbagai tajuk, pelbagai pelancongan yang telah diperkenalkan di Tasik Kenyir. Mungkin pada tahun hadapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita boleh menamakan Tahun Rebranding Projek Pelancongan di negeri kita. Ini adalah kerana banyak projek yang telah dibuat yang telah dibahas sehinggakan kita berbahas menjawab soal 5 ekor burung daripada 101 ekor yang mati. Kita juga bangkitkan soal kualiti air saya sebenarnya rasa terpanggil juga untuk memberikan penerangan di sini, baru-baru ini sebenarnya saya pergi ke Kenyir sempena Perasmian Kenyir Cup bertujuan untuk memperkenalkan septic tank kepada boat house yang ada di Tasik Kenyir. Tapi entah macam mana surat khabar melaporkan di sebaliknya dan akhirnya apa yang *dipick-up* adalah salah. Kajian yang dibuat sebagaimana kata rakan saya oleh Dr. Faziah Sharom belumpun siap, kajian akan siap berapa bulan lagi maka telah ditimbulkan bahawa di Kenyir ada virus e-Coli dan parameter mana yang digunakan, ini soalannya parameter mana yang digunakan, kalau mengikut standard *interim water quality standard* di Amerika tahap e-Coli yang ada iaitu yang menggunakan bilangan 1 hingga 10 iaitu peringkat 1, 10 hingga 100 iaitu 2A dan peringkat yang disebut tadi kalau melebihi 400 FC per 100 ml ataupun 400 Fecal Coliform maknanya kuman yang dibilang dalam 100 ml tetapi *standard requirement* USA adalah 235, yang disebut oleh Yang Berhormat Wakil Bandar tadi adalah di peringkat 2A iaitu 100 FC per 100 ml. Jadi jauh daripada pencemaran yang telah ditimbulkan maka saya menafikan perkara ini dan program untuk memperkenalkan *septic tank hygenic* yang telah kita buat itu adalah sebenar-benarnya sepatut kita buat dan kita beri jaminan bahawa di Tasik Kenyir semua bot, boathouse

diperkenalkan dengan STP (Sewage Treatment Plant) yang kita telah buat dan kita juga akan menguatkuasakan setiap chalet di Kenyir tidak lagi menggunakan tasik untuk membuang najis di dalam Tasik Kenyir kerana kita tahu dan kita sedar bahawa air di Kenyir perlu dijaga itulah sebenarnya harta kita yang perlu kita nikmati sebagaimana kata Wakil Bukit Tunggal: "Anak cucu kita akan bertanya kepada kita apa yang telah kita buat." Cuma apa yang kita tak berapa sedap adalah Wakil Bukit Tunggal apabila kita membawa projek-projek pelancongan di Kenyir dia jugak tidak mempertahankan kita kerana itu adalah amalan orang-orang PAS. Orang-orang PAS bukan sekarang ini sahaja yang tidak sebulu dengan kita, yang tidak mengaku tentang bagaimana amanat Haji Hadi di kampung saya di Banggol Peradong iaitu: "Yang telah kita berjuang melawan mereka iaitu UMNO (Barisan Nasional), percayalah saudara perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana itu kita berjuang dengan itu apabila kita berlawan dengan puak-puak ini kalau kita mati maka kita mati syahid". Ini berlaku di kampung saya pada tahun 1981 sekarang ini dia tidak mengaku, tak apalah. Bukan sekarang sahaja saudara saudari orang PAS ini daripada turun temurun zaman Samad Gol dulu yang mati kena kapak kecil di Macang, Kelantan sama jugak pada waktu itu saudara-saudari, tuan-tuan dan puan-puan sekalian ..... ceramah tak apalah petang-petang ni. Dia ucap salam aje, (membaca petikan doa mukadimah oleh PAS) daripada situ dia *start* bantai kita dah dia kata lambang kapal layar itu haram, apalah kena mengena dengan kapal layar tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Jadi janganlah kita buat kira sangatlah hak kata fatwa-fatwa itu dok mari, hak ni hak baik-baik belaka hak ada ni, rakan-rakan saya belaka ni.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan Yang Berhormat Teluk Pasu. Ada bezakah hak dulu dengan hak lening, keras dulu ke, lembut lening?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ....(Dalam gelak) .... Dia tak tanya hak Pakistan, Bangladesh tu, dia tanya isu PAS ni.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Hak tu Dato' Yang Dipertua boleh jawab tu. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya hampir terlupa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jabi mengenai caj tempat letak kereta kawasan Hutan Lipur Lata Belatan di bawah kawasan Jabatan Hutan yang mempunyai tempat letak kereta yang amat terhad. Pada masa ini pelawat meletakkan kenderaan masing-masing di luar kawasan Hutan Lipur. Sebidang tanah seluas 2.5 ekar telahpun diambil balik dan buat masa ini pihak Pejabat Daerah telah meratakan dan menurapkan *premix* kawasan seluas 40 meter x 50 meter tersebut maka Yang Berhormat ADUN Jabi bolehlah berkira dengan Pejabat Daerah, ini perkara kecil ajelah.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kawasan Ladang iaitu bilangan penumpang Firefly daripada Singapura ke Terengganu. Memang untuk memperkenalkan satu-satu destinasi bukanlah suatu perkara yang mudah, Yang Berhormat. Statistik penumpang yang menggunakan penerbangan Firefly Terengganu ke Singapura berbanding kapasiti penuh bagi bulan Julai hingga Disember 2009 adalah seperti berikut:

Destinasi	Bulan	Penerbangan	Jumlah Penumpang
Singapura – Terengganu	Julai – Disember 2009	74	2262
Terengganu – Singapura	Julai – Disember 2009	74	2390

Kapasiti penuh adalah 5328 orang dan hala pergi daripada Terengganu ke Singapura adalah 5328 juga lebih kurang peratusnya adalah 42.5% dan 44.9%. Statistik penumpang yang menggunakan penerbangan Firefly Terengganu – Singapura berbanding kapasiti penuh bagi penerbangan adalah seperti berikut (tahun 2010):

Destinasi	Penerbangan	Jumlah Penumpang
Singapura – Terengganu	95	4142
Terengganu – Singapura	95	4926

Kapasiti penuh adalah 6460 dan peratusnya adalah 64% dan 76%.

Penerbangan antarabangsa yang beroperasi dari Kuala Terengganu ke Singapura adalah merupakan penerbangan komersil yang membuka laluan menjadikan Lapangan Terbang Sultan Mahmud sebagai Hub Penerbangan Antarabangsa di Pantai Timur. Selain itu ia juga secara tidak langsung akan mempromosikan Negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan. Bagi meningkatkan kedatangan pelancong ini subsidi yang telah diberikan sumbangan insentif bagi tujuan promosi dan pemasaran adalah sebanyak RM400,000 dengan pecahan seperti berikut:

(i) Tahun Pertama - RM200,000
(ii) Tahun Kedua - RM100,000
(iii) Tahun Ketiga - RM100,000

Insentif dan sumbangan ini berkuat kuasa selama dua tahun dengan opsyen satu tahun 2 + 1 dengan izin, bermula 14 Julai 2009 sehinggalah 13 Julai 2012.

Dato' Yang Dipertua, saya kira sedikit sebanyak telah menjawab beberapa pertanyaan kecuali yang telahpun dijawab walaupun tidak teratur iaitu tentang Pulau Bebas Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Saya timbulkan perkara berhubung dengan kita beri subsidi kerana Penerbangan Haji, subsidi kepada Firefly kerana penerbangan terus dari Kuala Terengganu – Singapura. Saya bangkitkan yang pertama kerana pembinaan Lapangan Terbang duit Dana Khas royalti Terengganu, tidak ada negeri lain yang airport negerinya digunakan duit untuk pembinaan daripada duit negeri itu kerana ini projek kementerian dan projek Pusat. Saya timbul perkara yang sama di Parlimen. Cuma saya nak tanya pihak Kerajaan, ada tak negeri-negeri lain hak jenis suruh orang mari beri pitih subsidi atas nama nak tarik, ini bermakna negeri mengambil inisiatif sampai ke peringkat dia beri sampai berjuta, beri ratus ribu kepada syarikat untuk menguruskan penerbangan yang disebutkan tadi, ada negeri lain buat begitu ke?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat. Setahu saya semasa kita operasi di Sarawak, Kerajaan Pusat yang berikan subsidi dan juga saya baca dalam internet, dalam Star Online, Melaka jugak menawarkan subsidi jika sekiranya diusahakan penerbangan ke Batam, Pekan Baru dan sebagainya. Jadi kalau nak tanya negeri lain ada tak, negeri lain tak ada royalti macam kita, Yang Berhormat, ini nasib kitalah, ada yang baik dan tidak. Oleh kerana kitapun *compete* dulu, Pahangpun nak, Pahang lagi mudah kerana dia punya *Runaway PCM Code* dia dah mencapai *standard* untuk *international airport* tapi kita dulu bergegas dan kita nak jugak *international airport* maka saya berpendapat adalah wajar kalaupun kita menggunakan duit sendiri.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan pandangan, cadangan walau bagaimanapun cadangan-cadangan yang positif perlu kita terima sebagai satu kriteria yang boleh membantu sektor pelancongan di Negeri Terengganu. Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu. Saya jemput Pengkalan Berangan. Beri segar sikit Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. *(Seterusnya membaca Doa mukadimah).* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang.

Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Allah Taala kerana hari ini adalah hari ketiga kita bersidang dan alhamdulillah Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya dan menampakkan keceriaan semata-mata untuk kebahagiaan rakyat di Negeri Terengganu. Dan saya bersyukurlah kepada Allah S.W.T. kerana Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan strategi pertama atau keutamaan yang paling mustahak iaitu untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat yang sudah tentunya untuk golongan fakir dan miskin. Dan hari ini dan semalam rata-rata Ahli Dewan telah bercakap pasal kemiskinan. Ada di antaranya mengatakan seolah-olah gambaran kemiskinan ini ibarat seperti suis lampu elektrik, nak nyala tekan suis lepas itu nyala, takmboh nyala suis ditutup, jadi begitulah lebih kurang kemiskinan yang digambarkan oleh beberapa tokoh-tokoh yang ada dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun alhamdulillah, ada jugak satu pihak lagi faham tentang aspek kemiskinan. Dan ada di antaranya yang agak mendukacita saya data yang saya beripun dipertikaikan kononnya atau seolah-olahnya saya memalsukan dokumen tentang status tahap kemiskinan di Negeri Terengganu. Jadi saya tidak tahu hak mana yang saya nak pakai sekarang ini, ada satu pihak yang mengatakan tidak betul dan satu pihak lagi beria-ia mengatakan betul. Jadi apa yang saya maksud di sini oleh kerana ada keraguan ataupun ada kekhilafan yang berlaku dalam Dewan ini saya nak sebut dengan izin Yang Dipertua, satu ayat Quran dalam Surah At-Taubah ayat 60 *(membaca sebahagian petikan ayat Quran).* Saya tak nak panjang ayat itu saya cuma nak sebut *'al-fuqara' iwalmasaaqin'* jelas mengatakan bahawa sedekah ataupun zakat itu adalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, tengok sendiri surah itu. Jadi di sini soal sama ada percaya tidak percaya kita kena percaya kerana di Malaysia data-data yang dibuat sebelum pada inipun tahap kemiskinan dan berbagai-bagai data adalah di bawah kepimpinan Barisan Nasional iaitu di bawah naungan Perdana Menteri Malaysia. Tidak ada satu rekod yang mengatakan Perdana Menteri terdiri daripada parti Pembangkang. Jadi saya nak mengesahkan bahawa data yang saya sebut adalah betul dan jelas. Jadi berdasarkan kepada ayat yang saya sebut tadi soal kemiskinan telah diwahyukan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. sejak Nabi Muhammad lagi. Dinyatakan 'Al-Fuqara' walmasaaqin' dan Al-Quran ini diamalkan sampai ke akhir zaman oleh pengikut-pengikut Nabi Muhammad S.A.W. Ini menandakan bahawa soal fakir dan miskin dia akan berterusan selama-lamanya, tinggal lagi ialah *'Faiza azamta fatawakkalalallah'.* Inilah yang dikatakan ataupun

yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat sebagaimana digambarkan dalam Bajet yang telah dibentangkan dalam tempoh dua hari yang lalu. Jadi bukannya mudah dan bukannya payah untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Oleh itu, tak usahlah pihak Pembangkang cuba nak mengelirukan fakta-fakta ataupun data-data yang mengatakan berbagai cara ataupun berbagai-bagai kaedah semata-mata untuk memancing undi daripada rakyat supaya menyokong pihak parti Pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu persoalan telah ditimbulkan oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat kita. Pertamanya daripada Yang Berhormat Sura, saya tak nampak lagi petang ini, mungkin dia uzur, saya doa kepada Allah S.W.T. supaya dia sihat pagi besok supaya dapat datang bersama kita. Iaitu mengenai dakwaan yang dikeluarkan oleh beliau mengenai rumah PPRT dijadikan Homestay dan jugak dijadikan rumah sewa di Kampung Nibong, Dungun. Kita telah siasat dan kita telah mengenal pasti bagi menjawab persoalannya. Jadi rumah PPRT yang dijadikan Homestay nama pemilik rumah itu ..... saya sebut ini Dato' Yang Dipertua, boleh? Bajurin bin Abdul Rahman nama dia, nombor kad pengenalan 690105-11-5113, yang mempunyai tanggungan 4 orang, rumah dibina pada tahun 2005 iaitu di zaman pemerintahan Barisan Nasional selepas PAS kalah pada tahun 2004. Saya rasa teratur saya sebut tadi. Pada masa ini beliau bekerja sebagai nelayan laut dalam dan menetap di Pulau Duyong, Kuala Terengganu iaitu dia menyewa rumah di Pulau Duyong disebabkan pengkalan laut dalam berada di Pulau Duyong sebab kita dah gali banyak sebelum pada ini, itu tujuan untuk rakyatlah, ada suatu ketika dulu dipertikaikan oleh Wakil Wakaf Mempelam, bakpe gali, korek, habis pitih banyaklah. Inilah tujuannya, terbukti. Dan taukehnya juga di Pulau Duyong, pendapatannya sekarang melebihi RM1,000 sebulan. Oleh kerana rumahnya di peringkat akhir-akhir ini ditinggalkan begitu saja dan beliau telah membaikinya dan dijadikan Homestay bagi menambah pendapatannya dan tapak rumah adalah kepunyaan sendiri di Kampung Tanjung Pagar, Dungun. Tugas rakyat, tugas Kerajaan ialah memberi kemudahan kepada rakyat, setelah kita beri maka dia kena pandai berdikari untuk mempelbagaikan jenama pendapatan masing-masing sebagai bukti ini bukan kesalahan daripada konsep Kerajaan Negeri. Dulu dia miskin, kita bagi rumah, dia berdikari dan sudah agak senang maka dia dah menambah nilai rumah itu mungkin kalau dia nak buat hotelpun *go ahead no problem,* Kerajaan tidak akan salah kepada rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tahniah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, rumah PPRT dijadikan rumah sewa iaitu pemilik namanya Alias bin Abas, nombor kad pengenalan 600704-11-5017, tanggungan 7 orang, isterinya meninggal jadi duda Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi

panggil bapak tunggal, Wakil Ladang ....(Dewan Gelak) .... Pendapatan dia RM600, pembaiki t.v., alamat rumah dia Tepi Longkang, Jalan Belakang Bukit Tebuk dan rumah jugak dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2005. Beliau sekarang tinggal di Kampung Bukit Cetak, rumah pusaka ayah dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Catak.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bukit Catak? Saya tak tahu saya orang Pengkalan Berangan, Marang, saya tak berapa tahu kawasan Dungun, saya tak berapa pergi ke Dungun. Wakil Wakaf Mempelam dia rajin pergi, saya kurang. Rumah PPRT diberi kepada bapa saudaranya Mazlan bin Ahmad, 610701-11-5475, yang tidak mempunyai kerja dan tempat tinggal yang mempunyai 4 orang tanggungan. Bapa saudaranya tidak dikenakan sebarang sewapun, tidak ada sewa sebagaimana didakwa oleh Wakil Sura tadi. Jadi tohmahan-tohmahan ini semua adalah tohmahan-tohmahan untuk mencurigakan dan memfitnah Kerajaan Barisan Nasional.

Dan seterusnya, soalan-soalan yang dibangkitkan ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan daripada kawan-kawan kita yang lain seperti contohnya daripada Jabi. Susah jugak saya ini saya duk ingatkan portfolio bahagian kebajikan wanita ini *dokroh kedarah* rupanya banyak faedah, banyak pahala pulak ...(Dewan Gelak) ... Wakil Jabi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rakan saya ni dulu dia jaga infra jadi bila runtuh-runtuh tu jadi kohor suka jaga orang perempuan lening.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Betul, betul tu, terima kasih kerana kes runtuh tu dia tukar *dok stabut* jadi biasa dia dah. Wakil Jabi ada sebut pasal insuran kepada warga emas, pesakit kronik buat penilaian semula kos yang menasabah, dari segi pendermaan organ dan sebagainya kesihatan dah sebut tadi. PERKAYA memerlukan asrama, lepas itu pondok-pondok kecil, rupanya banyak pondok di Jabi ni, itu yang banyak masjid sembahyang sampai empat buah, jadi pondok-pondok inipun takut esok jadi sembahyang macam dua Imam tu takdok? Takdok.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, banyak pondok PAS, tiga pondok PAS.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Inilah yang penyakitnya, jadi hak ni yang buat penyakit ni. Jadi penyelesaian masalah kepada Barisan Nasional penyakit daripada PAS mari kepada Barisan

Nasional, hak ni penyakit ni. Jadi pondok-pondok kecil memerlukan bantuan duit, sebenarnya benda-benda ini daripada hak yang saya sebut tadi contohnya hak tokoh-tokoh tadi tu, sebenarnya geran-geran Kerajaan kita dah bagi untuk memberi keselesaan dan sebagainya tinggal lagi dari segi aspek penginapan dan sebagainya. Insya Allah, Kerajaan Barisan Nasional ini tidak pernah menolak untuk kesejahteraan rakyat Jabi. Jadi jangan susah hati insya Allah kita akan tengok dan kita akan aturkan supaya *tele* dengan bajet kita yang telah diluluskan. Kalau sekiranya tahun hadapan ini tidak boleh jugak insya Allah tahun 2012 ada lagi, pilihan raya dok lagi insya Allah dan kalau pilihan rayapun Barisan menang jugak jangan susah hati. Jadi itulah yang saya nak beritahu kepada Wakil Jabi janganlah susah hati dan daripada lain-lain lagi kawan-kawan saya banyak menyebut kemiskinan sepintas lalu dan ada jugak sebut pasal banjir dan sebagainya jadi sayapun rasa oleh kerana semangat sangat orang bercakap pasal banjir ini, di situ cakap banjir, di sini cakap banjir, macam-macam kaedah orang bercakap pasal banjir ini. Oleh kerana kebetulan saya ini wakil bagi pihak Kerajaan Negeri dalam folio Kebajikan, Kemiskinan, Pembangunan Masyarakat dan Wanita dan kebetulan pulak pasal banjir-banjir itu di bawah saya, saya nak bagi pengumuman bagi pihak Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi iaitu ramalan cuaca .....(Dewan Gelak) ... Tepoh nun susah, katanya tak jadi ke banjir tahun ini? Dia susah. Jadi saya nak beritahu dan kepada semua Pemerhati dan Ketua-ketua Jabatan sila ambil perhatian bahawa kita tunggu-tunggu sangat nak banjir ni insya Allah berlaku, kalau sekiranya tidak berlaku kitapun alhamdulillah kepada Allah S.W.T. duit Kerajaanpun tak habis kalau banjir mari duit Kerajaan banyak kena tanggung. Jadi untuk mengurangkan perbelanjaan kita doa kepada Allah S.W.T. supaya banjir dijauhkan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, ramalan cuaca pada 14.12.2010 kelmarin dulu, jam 8.40 pagi saya sebut begini takut orang tidak percaya Dato', data-data dari Pengkalan Berangan, saya tunjuk depan ni. "Hujan sekejap-sekejap kadangkala ia sederhana dijangka berlaku di Terengganu iaitu Daerah Marang, Dungun dan Kemaman dan Pahang, Daerah Kuantan, Pekan dan Rompin mulai Jumaat malam 17 Disember ini." Hari sunat hari Jumaat ni, hujan. "Dan dijangka berterusan sehingga Ahad malam, 19 Disember 2010. Keadaan ini boleh menyebabkan banjir kilat di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah dan berdekatan dengan tebing-tebing sungai." Itu *warning* daripada ramalan cuaca. Itu ialah ramalan dan mudah-mudahan ia tidak menjadi kenyataan dan kita mintak jauh untuk menyelamatkan duit Kerajaan yang sentiasa menanggung setiap tahun setiap kali banjir beratus-ratus ribu, berjuta-juta ringgit Kerajaan membelanjakan semata-mata untuk memberi kepuasan, kenikmatan dan kesejahteraan kepada mangsa-mangsa banjir rakyat Negeri Terengganu.

Dan sebelum akhir ucapan saya ini Dato' Yang Dipertua, oleh kerana kita ini dah ke petang saya tertarik satu Hadis Rasulullah S.A.W. untuk saya simpulkan di dalam majlis kita hari ini iaitu *(membaca petikan Hadis Rasulullah S.A.W.)* maknanya: "Setiap kamu adalah penjaga dan setiap kamu bertanggungjawab terhadap jagaannya. Pemimpin adalah penjaga dan dia bertanggungjawab terhadap kepimpinannya. Seseorang itu adalah penjaga keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap jagaannya. Seseorang wanita adalah penjaga rumah suaminya dan dia bertanggungjawab terhadap jagaannya. Pekerja adalah penjaga harta tuannya dan dia bertanggungjawab terhadap jagaannya." Jadi saya nak simpulkan di sini kebetulan dan dua penggal dah Barisan Nasional memerintah Negeri Terengganu ia adalah merupakan pemerintah yang bertanggungjawab terhadap kepentingannya dan sudah tentunya Kerajaan Barisan Nasional mempunyai perancangan dan strategi tertentu untuk mengatasi masalah dan pembangunan di Negeri Terengganu. Jadi saya ucap terima kasih kepada pihak Pembangkang yang bertalu-talu memberi khidmat kepada kita tapi entah apa ke mana saya tidak tahu role model mana yang dipakai tapi saya cukup yakin perancangan dan penelitian yang dibuat oleh kepimpinan Barisan Nasional akan diguna pakai untuk kebahagian rakyat. Saya rasa Yang Dipertua, cukuplah dahulu dan kita bertemu lagi esok dan saya turut menyokong Bajet 2011 pada hari ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Pengkalan Berangan. Saya boleh bagi Piala P. Ramleelah, serba boleh. Saya jemput Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua-ketua dan wakil-wakil Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Pertamanya, saya nak ucapkan tahniah dan terima kasih terutama kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu kerana telah membentangkan suatu Bajet yang begitu hebat dan kalau melihat daripada apa yang dilaksanakan adalah untuk memastikan kita menyelesaikan isu-isu kemiskinan sepertimana yang disebut oleh Wakil-wakil dari Pembangkang yang banyak mintak kita menyelesaikan dari segi isu-isu kemiskinan. Dan daripada apa yang kita lihat daripada Bajet itu jelas menunjukkan bahawa ada dua kaedah yang sedang dan akan kita laksanakan di samping kita menyelesaikan dalam masa yang singkat, kita juga akan menyelesaikan dalam jangka masa yang panjang.

Saya nak ucapkan terima kasih kepada semua Wakil Yang Berhormat termasuk Wakil Kerajaan dan juga Wakil Pembangkang yang saya lihat begitu memberi sokongan kepada pendidikan Negeri Terengganu juga dari segi aspek penggunaan modul-modul dan juga penggunaan peralatan-peralatan yang kita gunakan untuk menambahkan dan mempertingkatkan pendidikan di Terengganu sebenarnya secara tidak langsung telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk daripada pihak Pembangkang kerana melihatkan e-Book, Yang Berhormat Batu Burok sendiri memberitahu bahawa dia tidak pernah mempertikaikan pemberian e-Book kepada pelajar-pelajar dan kebetulan pula Yang Berhormat Manir telah memberikan satu pengiktirafan kepada saya dengan memanggil sebagai Menteri Pelajaran. Jadi menunjukkan bahawa beliau telah memperlihatkan bahawa pendidikan di Negeri Terengganu ini sudah sampai ke peringkat nasional. Jadi ini suatu kejayaan yang saya rasa perlu kita kongsikan bersama dan insya Allah perkara ini akan kita pertingkatkan lagi kerana kita pasti bahawa pendidikan sajalah yang kita dapat menyelesaikan isu kemiskinan dalam jangka masa yang panjang dan lebih-lebih lagi hari ini Kerajaan sudah mula memikirkan tidak lagi sangat memberikan ikan tetapi memberikan pancing supaya pancing dapat digunakan dalam masa yang lama dan juga dapat menyelesaikan berbagai isu termasuk isu kemiskinan.

Dari segi apa yang ditanya oleh sahabat-sahabat saya pertamanya daripada Y.B. Tepoh berkait dengan kenapa Kerajaan masih tidak memberi laptop kepada anak-anak Terengganu yang dapat masuk universiti? Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebenarnya saya dah jelaskan pada sidang yang lepas bahawa memang sudah ada satu skim pemberian laptop untuk mahasiswa di mana TM telah melancarkan pakej Netbook percuma dengan melanggan Streamyx di mana telah dibuka pada Januari 2010 dan sekarang ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Mulia serta sidang hadirin sekalian seramai 4,617 mahasiswa di Terengganu yang telah melanggan pakej tersebut. Dan di samping itu, selain daripada pelajar universiti, TM juga menyediakan pakej untuk orang kampung yang berpendapatan rendah kerana di Terengganu sekarang seramai 8,687 pelanggan pakej yang terdiri daripada kalangan orang kampung yang berpendapatan rendah. Dan selain daripada itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, sebenarnya kalau kita melihat daripada kejayaan-kejayaan yang telah kita cipta hari ini, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh anak-anak kita hari ini termasuk kejayaan UPSR dan pada kesempatan ini saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu serta seluruh guru-guru di Negeri Terengganu yang telah bekerja begitu kuat sekali sehingga kita dapat mengekalkan kejayaan UPSR bagi tahun yang kesepuluh. Dan insya Allah kita penuh yakin bahawa untuk peperiksaan yang selain daripada ini, peperiksaan PMR dan SPM, STPM dan sebagainya insyaAllah Terengganu akan terus

mengekalkan kejayaan kerana kita melihatkan daripada keputusan-keputusan percubaan kita telah menampakkan kehebatan yang telah kita perolehi.

Menjawab soalan daripada Ladang berkait dengan OSS ataupun dengan izin Open Source Software, sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Ladang, kita sudah lama menggunakan Open Source ini. Di Terengganu sahaja kita telah laksanakan sejak tahun 2003 lagi dan yang sebenarnya produk-produk yang telah menggunakan Open Source ini memang sudah banyak termasuklah dari segi sistem aliran iaitu kegunaan pendaftaran peserta dalam Program Roadshow Sistem e-Kursus, Sistem e-Masa, Sistem Whiteboard, My-ID, Sistem Bakti Remaja, Sistem Istana, e-Daf, Sistem Bantuan Pakaian Sekolah, Sistem ASV, Sistem Dana Raya, Portal Terengganu TeG, Sistem Maklumbalas Pelanggan, Sistem e-Tindakan, Sistem Himpunan Remaja dan untuk pengetahuan sidang hadirin sekalian bahawa dalam pencapaian Open Source ini, pentadbiran Kerajaan Negeri telah memperolehi beberapa anugerah di antaranya ialah pada tahun 2006 kita mendapat Anugerah Perdana Teknologi Maklumat, pada tahun 2008 kita mendapat Anugerah Case Study Award Latihan OSS di Bestari.Com, kemudian pada tahun 2009 kita mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan 24 Jam OSS Web Development. Dan di samping itu juga untuk pengetahuan sidang hadirin sekalian bahawa Negeri Terengganu adalah negeri yang pertama di mana kesemua 348 buah sekolah rendah dan 136 buah sekolah menengah telah menggunakan OSS ini sebagai alternatif kepada perisian komersil Microsoft Office November 2008. Selain daripada itu perisian e-Book ini yang kita menggunakan TS Core, TB Kids, Al-Quran dan Doa Lazim adalah menggunakan OSS sebagai *development tool* dan instalasi secara percuma. Kemudian pada 11 hingga 14 November 2010 baru-baru ini, UPMN, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, TOP-IT telah menyertai program yang dinamakan Program OSS Day Kementerian Pelajaran 2010 di mana kita telah mengantarabangsakan penggunaan e-Book di peringkat nasional. Selain daripada itu, pemilihan 26 buah sekolah oleh MAMPU untuk pelaksanaan OSS Learning Management System (LMS) di Terengganu. Di mana Negeri Terengganu sebanyak 26 buah daripada 50 buah daripada seluruh Malaysia lebih daripada separuh. Ini menunjukkan bahawa Negeri Terengganu adalah mendahului dari segi penggunaan OSS ini.

Kemudian berkait dengan yang ditanya oleh Ladang, Batu Burok dan juga pihak-pihak yang lain iaitu Laporan Audit. Jadi Laporan Audit ini sebahagiannya saya rasa tidak ada masalah kerana apa saja perkara yang dimaklumkan kita akan ambil tindakan. Tetapi ada beberapa perkara yang insya Allah selepas ini kita akan mintak penjelasan kerana apabila melihat daripada kajian yang dibuat sedangkan sekolah yang kita ada di peringkat sekolah rendah adalah sebanyak 346 buah sekolah tetapi kajian yang dibuat hanyalah melibatkan 12 buah sekolah sahaja. Kalau mengikut kajian sampel sekurang-kurangnya 10% bermakna sepatutnya

sekolah dibuat kajian, sekolah kita ada 346 buah, paling tidak sebanyak 35 buah sekolah perlu dibuat kajian tetapi yang dibuat kajian hanyalah 12 buah sekolah sahaja. Kemudian pelajar yang menggunakan e-Book pada ketika kajian dibuat adalah seramai 46,568 orang pelajar tapi sampel yang diambil untuk buat kajian hanyalah sejumlah 908 orang pelajar sahaja sedangkan kalau mengikut kajian sepatutnya 4657 orang pelajar perlu dibuat sampel. Kemudian kebetulan pula pada hari yang dibuat kajian, harinya ada satu hari saja apabila saya mendapat makluman daripada Jabatan Pelajaran, kajian dibuat ialah pada 8 Mac 2010 sedangkan pada ketika itu 9 hingga 11 Mac 2010 seluruh sekolah rendah di Negeri Terengganu adalah tarikh Peperiksaan Setara OTI 1 untuk semua murid sekolah rendah di Terengganu di mana 8hb Mac adalah persediaan untuk menghadapi OTI 1. Memang pada hari itu kebanyakan sekolah memang mengarahkan pelajar-pelajar tidak perlu membawa e-Book kerana pada hari itu adalah hari ulangkaji untuk menghadapi peperiksaan pada hari keesokannya. Dan kemudian pada 14 hingga 15 April daripada SK Tengku Mahmud Besut kita mendapat makluman ialah peperiksaan dalaman Pra OTI 2 dan Sekolah Kebangsaan Apal Besut pada 13, 14 dan 15 April 2010 murid tahap 2 telah menyertai Program Cinta dan Sayang Hutan Khazanah Kita di Hutan Lipur Tembakah yang dianjurkan oleh Kaunseling dan Ko-Kurikulum Sekolah dan mendapat sumbangan daripada Yang Berhormat ADUN Jabi. Yang Berhormat ADUN Jabi beri peruntukan untuk hari tersebut dan saya rasa mungkin Yang Berhormat Jabipun tak sedar pada hari tersebut orang nak buat kajian kalau tidak mungkin saya rasa Yang Berhormat ADUN Jabi dia postpone atau dia tak beri peruntukan untuk buat program pada hari itu. Jadi kerana itulah kita dapati bahawa keputusan yang diperolehi adalah sepertimana yang dilaporkan oleh Audit. Jadi kerana itu saya rasa keputusan yang disampaikan itu sebenarnya tidak mencerminkan sebenar keadaan apa yang berlaku di sekolah. Dan hari ini kita akui sendiri bahawa apabila kita berjumpa dengan guru-guru dan kebetulan di setiap sekolah hari ini memang kita telah menyediakan pegawai yang dikenali EIO dan sekarang ini kita ada lebih kurang 360 orang EIO di sekolah rendah dan insyaAllah dalam masa yang terdekat ini .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat Batu Burok. Saya nak tanya Seberang Takir ni, panjang lagi ke? Sekejap Batu Burok ya, saya duk congak-congak ni .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Biar saya habis selalulah sebab ada sikit saja lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk sekejap. Nak beri laluan kepada Batu Burok Yang Berhormat? Ya, sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya agak terkejut sedikit dengan jawapan Yang Berhormat Exco tentang Laporan Audit yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara di Parlimen Malaysia baru-baru ini. Sebab mengikut prosesurnya Audit ini dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negeri Terengganu dahulu dan sudah barang tentu dikemukakan dan dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sampai ke tangan Ahli-ahli Exco. Tetapi Laporan Audit ini telah dibawa ke Parlimen, Ketua Audit sendiri yang mengemukakan laporan yang dibaca oleh semua Ahli Parlimen yang menyebut bahawa pada pendapat Audit tahap penggunaan e-Book oleh kumpulan sasaran yang amat rendah telah menjejaskan objektif dan pencapaian projek untuk jangka panjang. Sekiranya perkara-perkara yang dicadangkan ini tidak diberi perhatian ia akan menjejaskan objektif pemberian e-Book kepada murid-murid. Tujuan pemberian e-Book untuk menggantikan buku teks bagi pengajaran dan pembelajaran tidak akan tercapai sepenuhnya. Jadi saya pohon penjelasanlah kalau lepas daripada pembentangan di Parlimen baru kita nak *revert* balik, kita nak ubah balik, kita nak dapat penjelasan balik daripada Ketua Audit Negara *is illogical* dengan izin, minta maaflah.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Boleh saya jawab?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebenarnya memang setakat ini apabila dikeluarkan inilah pertama kali saya tengok bahagian ini dan memang tak pernah dirujuk, satu. Yang kedua, saya difahamkan memang dirujuk melalui jabatan sahaja dan saya rasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri sendiripun tidak dirujuk. Dan kalau melihat daripada apa yang disebut hasil daripada temu bual: "Sejumlah 908 orang murid tahun 6 telah ditemu bual secara bersama dengan guru yang terlibat ....". Sayapun tak tahu jumlah bilangan gurupun tak diberitahu, jadi kita sendiripun .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Secara ringkas saja. *I mean the question* dengan izin, *the question* .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Dato', sebenarnya kita tidak ada masalah sebab dari segi Audit sendiri inipun memang ada pernah berlaku dipertikaikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar Yang Berhormat jawab dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat mempertikaikan Laporan Audit. Saya bimbang ianya telah dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen. Ini bukan suatu yang main-main.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sebenarnya untuk pengetahuan saya rasa Wakil Batu Burok dia sendiripun tak faham tu sebab sebenarnya perkara ini sebelum inipun pernah dipertikaikan tak ada masalah dan kitapun akan mintak penjelasanlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok sila duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya bimbanglah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak boleh jawab di sini, Yang Berhormat hanya mintak penjelasan. Kita mintak Yang Berhormat Kerajaan jawab.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa tidak ada masalah Yang Berhormat Mulia Dato' .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Laporan Audit ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Faham, faham, kita faham Yang Berhormat. Ada alasan yang diberi oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... disediakan dan telah ada pengesahan di Parlimen dan telah diluluskan oleh Parlimen. Jadi sekarang ini Yang Berhormat Exco seolah-olah nak menolak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan. Yang Berhormat sila duduk sekejap, saya nak jelas ....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan, sebenarnya saya tidak menolak cuma saya kata saya memberi jawapan, jawapan di atas apa yang dimaklumkan dan saya rasa tidak ada masalah memang sebelum inipun memang sudah berlaku Laporan Audit dijawab dan juga diberi pertahanan supaya kita di pihak Kerajaan Negeri Terengganu hari ini dari segi kita, kita akan beritahulah kemungkinan pada masa itu, pada masa berlakunya kajian dibuat pada 8, 14 dan 15 haribulan pihak Audit tidak diberi makluman atau pihak dia sendiri yang tidak dapat ataupun ada perkara-perkara yang lain. Saya juga melihat kajian yang dibuat 8 haribulan ada tiga buah sekolah dalam masa yang sama, 14 haribulan ada tiga buah sekolah, 15 haribulan sampai 6 buah sekolah. Dan di situ juga dibuat, dinyatakan dengan jelas bahawa tinjauan Audit secara rambang. Jadi menunjukkan perkara itu tidak boleh sangat kita pakai kerana ini menunjukkan yang timbul masalah sekarang ini pihak Pembangkang memutarbelitkan perkara-perkara yang disampaikan ini. Tinjauan Audit ini secara rambang yang tidak boleh dijadikan sebagai ukuran untuk kita nak menyatakan secara keseluruhan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kita tak .....*(Mencelah dan berucap tetapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bukan ini saya rasa mungkin Wakil Batu Burok tidak boleh membaca ni. Jelas di sini: "Tinjauan Audit secara rambang ke sekolah-sekolah yang pilih". Dan satu lagi saya nak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Seberang Takir duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang ini ruang penjelasan bagi pihak Kerajaan dan kita tidak perlu pertikai macam Batu Burok pertikaikan sekarang. Jawapan Kerajaan, alasan telah diberi. Sila Yang Berhormat selesaikan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan satu lagi saya telah mencari-cari juga apa yang telah disampaikan oleh Wakil Batu Burok yang menyatakan bahawa tidak ada perjanjian dibuat di antara TOP-IT dengan syarikat yang membekalkan e-Book itu. Saya duk cari-cari memang tak jumpapun dan jelas tidak adapun Laporan Audit berkait dengan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya merujuk kepada laporan asal yang dibuat oleh Jabatan Audit Negeri Terengganu yang mana saya telah .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sayapun tak tahulah sebab sayapun baca Laporan Audit yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara. Tidak ada dinyatakan. Sayapun cari satu per satu ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Okey, besok saya akan bagi, insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sayapun hairan juga macam mana, daripada mana Wakil Batu Burok boleh dapat yang asal sedangkan kita Kerajaan tidak dapat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kita lihat dan kita tengok semulalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok pandai daripada yang lain ni.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ya, sayapun hairan juga sebab saya duk cari-cari dan saya mintak Wakil Batu Burok boleh tunjukkan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya merujuk kepada laporan asal kepada ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laporan asal yang Yang Berhormat maksudkan itu dah dibentangkan di Parlimen ke tidak?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Laporan Negeri Terengganu yang saya sebutkan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya sendiripun tak tahulah sebab Kerajaan Negeri, Exco kitapun tak dapat laporan asal tiba-tiba Wakil Batu Burok dapat, ini kita mintak penjelasanlah daripada Audit. Jadi kita rasa Kerajaan perlulah menghantar makluman dan meminta penjelasan daripada Audit Negeri Terengganu bagaimana perkara ini boleh sampai kepada orang lain sedangkan kita pihak Kerajaanpun tidak sampai.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya pohon soalan/penjelasan, ada perjanjian ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat telah buat keputusan dan dijawab oleh Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya telah beritahu, saya tidak jumpapun yang mengatakan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya tidak mempertikaikan Laporan Audit. Hari itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuat kenyataan akhbar sehingga pekerja-pekerja ditekan, Pegawai-pegawai Audit Negeri Terengganu ditekan kerana dikatakan membocor rahsia. Rahsia apa ni? Sudah menjadi milik awam dalam konteks apa yang berlaku kepada TOP-IT ini sendiri. Saya bawa ini untuk kepentingan kita, kita sudah belanja dengan izin, *more than hundred million,* lebih daripada RM100 juta .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya tidak benarlah bercakap yang berulang-ulang cakap yang sama.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tak, tak, bukan saya bercakap yang berulang-ulang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk sekejap, duduk sekejap.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak bawa perkara ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk sekejap Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak bawa perkara ini kerana ini di bawah *pack project* Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam hal ini dia bertanggungjawab bila berlaku penyelewengan, salah guna. Ini sesuatu yang kita tidak boleh *tolerate* dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya katakan Yang Berhormat berdolak-dalik. Tadi Yang Berhormat kata laporan asal Negeri Terengganu, sebelum itu Laporan Audit, sekarang ini Laporan Audit pulak. Yang Berhormat sendiri sudah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya boleh bagi Laporan Audit asal yang disediakan oleh Jabatan Audit Negeri Terengganu. Saya boleh beri, insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini yang dibentang di Parlimen atau tidak?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini yang ada di Parlimen, yang asal tu saya jugak ada *copy* itu.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Macam mana yang asal boleh keluar yang lain pulak ni? Ini yang kita ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini yang saya .... Sekejap Yang Berhormat. Saya ingat mintak sekarang Yang Berhormat beri kepada saya. Sebentar tadi Yang Berhormat bertanya kepada Kerajaan ada perjalanan ke tidak? Sebentar lagi dia kata laporan asal. Saya ingat pagi besok Yang Berhormat serah kepada Bentara untuk saya lihat laporan itu. Dan kalau Yang Berhormat pakai Laporan Audit yang tidak sah, saya percaya ini satu malapetaka kepada Dewan Undangan Negeri Terengganu kita sebagai seorang Ahli Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat selesaikan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa banyak lagi perkara yang kalau kita lihat dari segi kejayaan-kejayaan yang telah kita capai termasuk IMTIAZ, Program Pintar Al-Quran, Program Khatam Quran dan berbagai-bagai lagi yang saya rasa tidak perlu saya sebut di sini, semua orang dah tahu. Inilah menunjukkan kecemerlangan dan kehebatan pendidikan di Negeri Terengganu yang kita lihat hari ini bukan hanya pihak Kerajaan sedar tetapi nampaknya pihak pembangkangpun mulai sedar. Insya Allah, saya rasa dengan komitmen yang diberi ini, insya Allah kita akan memastikan bahawa pendidikan Negeri Terengganu akan lebih hebat dan insya Allah dari segi masalah kita nak menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat Negeri Terengganu kita akan dapat atasi dengan sebaik-baiknya. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamuaalaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Seberang Takir. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada usul tadi untuk menyelesaikan Enakmen ini sehingga selesai walau bagaimanapun saya congok tadi untuk menangguhkan untuk solat Asar sekejap kepada Setiausaha dan juga .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mohon supaya saya dapat menyerahkan Laporan Audit Negeri Terengganu, Jabatan Audit Negeri Terengganu yang dengan jelas menyatakan bahawa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Serah saja Yang Berhormat. Sila Bentara.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, kalau saya serah saya tak bagi tahu. Dengan jelas menyatakan tidak ada sebarang perjanjian di antara syarikat dengan Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bentara.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya boleh serah, saya nak *copy* dulu, saya akan bagi kemudian.

YANG BERHORAMT DATO' YANG DIPERTUA: Bentara sila ambil.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak *copy* dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kata tadi nak serah?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya akan *copy* sendiri, saya akan bagi pagi besok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Astaghfirullahalazim.* Saya tak faham Batu Burok ni. Kita buat salinan selepas diambillah. Sila Bentara.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya bagi *page* dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab saya mintak besok dia kata nak bagi hari ini, dia bawa dia tak bagi pulak, berbelit-belit bercakap.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tak bercakap berbelit-belit Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak berbelit macam mana semua orang dengar Yang Berhormat bercakap.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya tak berbelit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau dah ada sila serah kepada saya. Sekarang sila serahkan kepada saya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya akan serahkan selepas nama-nama orang yang ada di sini saya padamkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila serahkan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya akan serahkan selepas saya padamkan nama-nama orang terlibat yang mungkin akan diambil tindakan. Saya akan serahkan selepas saya padamkan dan saya akan fotostat, saya akan bagi satu *copy.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat bercakap soal ketelusan, Yang Berhormat bercakap soal integriti di Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sendiri bercakap tetapi apabila kita mintak ketegasan integriti itu Yang Berhormat sendiri yang nak *rubber,* nak begitu, begini. Sila serahkan kepada saya sekarang.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya akan beri selepas nama-nama yang berkenaan ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nama apa? Ini menunjukkan laporan itu tidak sah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini tulisan tangan yang ada di sini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat saya mintak kalau betul Yang Berhormat nak bangkitkan perkara ini sila serah kepada saya.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat tak boleh pakai mana dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPETUA: Serah kepada saya.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua tak boleh pakai dah kalau dia ada laporan itu orang lainpun ada jugak laporan tu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya akan serahkan. Menjadi dua isu, perjanjian perbekalan tidak disediakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila serahkan kepada saya, janganlah baca. Apa ni?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sekejap lagi saya akan serahkan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak diserahkan sebab saya nampak ada dikoyak satu lagi. Mintak diserahkan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya takkan bagi *copy* lain, saya akan bagi *copy* ini saja.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang dipegang tadi, mintak diserahkan segera.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ke laporan palsu ni Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dua isu yang ada di sini, bangunan kilang yang belum dapat sijil dan perjanjian perbekalan tidak disediakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bentara, ambil.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Syarikat perlu menyediakan perjanjian dengan syarikat pembekal .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): .....(Mencelah) .... Ambil kedua-duanya sekali yang di belakang tanganpun.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... bagi menjamin kepentingan syarikat. Perjanjian Perbekalan tidak disediakan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Pelawok.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Hak belakang tu berilah jugak, hak belakang tu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mana pelawok? Ini daripada Jabatan Audit Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah serahlah, mudah saja serah, serah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua sekalilah diserah takkanlah sehelai macam tu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya bagi muka depan dan juga muka belakang. *.....(Dewan menjadi riuh mintak diserahkan semua sekali)* .... Ambil, ambillah bahagian ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Serah semua sekali. Serah semua sekali ..... *(disokong dan dilaungkan oleh kebanyakan Ahli Dewan minta diserahkan semua sekali).*

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Apa masalah, apa masalah?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Sebab Yang Berhormat Batu Burok beritahu saya nak serah sekarang, jadi serahlah semua sekali.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sekarang ini saya serahkan bahagian yang perjanjian .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Semua sekali yang dipegang, semua sekali yang dipegang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila duduk, sila duduk Yang Berhormat saya nak keluarkan arahan. Sila duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Itu minit mesyuarat PAS tu. ....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya lihat kalau Laporan Audit dia mesti ada pengesahan, ada sebagainya, takkanlah sehelai begitu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Ya, ada tandatangan Ketua Audit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak diserahkan semua yang Yang Berhormat tunjukkan kepada saya tadi yang dipegang oleh Yang Berhormat sekarang termasuk yang di depan tu. Sila serah kepada Bentara sekarang.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya akan bagi bahagian ini, bahagian ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bentara sila ambil dan tolong buat salinan. Sila ambil sebab ini yang dipakai oleh Batu Burok. Saya mintak Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sebagai Ahli Yang Berhormat yang ada integriti membangkit di dalam Dewan ini dengan begitu angkuh sekali .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dah kalau begitu saya mintak tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Tak payah tarik, serah, serah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dah bakpe Wakil Burok takut sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi Yang Berhormat kata tak boleh serah sebab tak bawa, nak serah besok, besok saya bagi. Sekarang dah jumpa, saya mintak diserah sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Serahlah!!! Kan Batu Burok baikkan, serahlah, barulah *gentleman*. Serah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bentara ambil kesemua sekali laporan yang dikatakan laporan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Laporan yang tidak ada tandatangan bukan tu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): *Doksoh* belek-beleklah orang pandai baca belaka. Serah, tu yang di tangan satu lagi tu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak yang ada ditangan tu yang penting tu itulah yang perlu diserahkan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Jangan bohong dalam Dewan ini, ini Dewan yang mulia serahkan semua sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, baik, Yang Berhormat sila duduk. Serahkan balik kepada Yang Berhormat Batu Burok, itu kertas saja bukan laporan tu. Serahkan balik kepada Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat. Sila duduk. Saya nak menuduh Yang Berhormat memutar belit, tidak berintegriti dan cakap berbelit-belit. Sila duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak untuk menarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa yang nak ditarik baliknya? Tarik balik apa, saya duduk di sini sehari dah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya ada sebab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silalah duduk. Saya mintak duduk. Saya nak ambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat, saya istilahkan Yang Berhormat Batu Burok ini bercakap dengan kelakuan yang kita tengok sepenuhnya tadi oleh sidang termasuk Ketua-ketua Jabatan terserlah bahawa beliau menggunakan jabatan yang saya rasa Jabatan Audit Terengganu disandarkan, ini suatu perkara yang sangat sedih. Saya tahu, kita semua tahu ada perkara yang tak nak diserahkan kepada Dewan kita ini. Beliau bercakap berdegar-degar menuduh Kerajaan dan sebagainya tetapi bila kita mintak dokumen berkenaan termasuk disorok ke belakang dan sebagainya. Ini suatu penghinaan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, sila duduk. Saya tak nak beri peluang kepada Yang Berhormat bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takkan saya nak bercakappun tak boleh, saya sekadar untuk nak beri pandangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam ni Dato' Yang Dipertua, kita kalau dalam perundingan tidak boleh nak beri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, inilah dan saya harap tidak berlaku lagi dalam Dewan kita yang mulia ini .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukannya soal itu, saya nak penjelasannya begini. Masing-masing bila laporan dibuat kadang-kadang kita nak juga jaga kepentingan pegawai, kita takmboh pegawai jadi paksa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, susah saya nak mengawal Yang Berhormat yang tidak ada .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... apa salahnya Dewan mintak laporan yang disebutkan oleh Batu Burok daripada Pejabat Audit Negeri Terengganu. Selesai masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Apa bendanya pegawai jadi mangsa, sebelum ini ada ke kita mintak pegawai ditukarkan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekarang ini mintak laporan daripada Pejabat Audit .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa pegawai inilah yang buat kajian di sekolah-sekolah yang terlibat tu yang memberi makluman kepada Y.B. Batu Burok ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat Wakaf Mempelam, kita ni Asar tak sembahyang lagi ni. Yang Berhormat nak tanggung ke? Saya nak buat keputusan, sila duduk Yang Berhormat!!!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat membuat tuduhan melulu, saya ada bukti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dengarlah saya cakap. Tuduhan yang mana Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sekarang saya ada dokumen.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau dah ada serahlah kepada saya sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Serah!!!

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Astaghfirullah.*

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Dia nak suruh cakap Tamil pulak ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Minta daripada Jabatan Audit Negeri Terengganu besok kalau apa yang saya katakan ini tidak benar ambil tindakan terhadap saya di Dewan Undangan Negeri ini, betul atau tidak ini Laporan Audit Negara Cawangan Terengganu dengan jelas dalam dua isu, Perjanjian Bekalan tidak disediakan antara Kerajaan Negeri dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Inilah point dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak duduk !!!!!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Apa benda masalahnya? Sekarang ini masalah dia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua membuat ruling tanpa mengambil kira secara rasional.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, inilah tembelang yang kita lihat di Dewan yang mulia ini. Saya minta maaf daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan sidang sekalian, harap-harap kita ada sehari lagi besok tidak ada ahli sebagaimana Wakil Batu Burok ini. Dan oleh kerana kita hormat rakan-rakan kita yang belum Solat Asar maka saya tangguhkan mesyuarat kita pada petang ini. Saya ingat besokpun pihak Kerajaan kita tidak perlu laporan yang dimaksudkan oleh laporan daripada Batu Burok ini, saya istilahkan sebagai beliau berbohong di dalam Dewan kita ini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mintak ditarik balik, mana boleh berbohong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi saya tangguhkan mesyuarat kita ini .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... sehingga 9.30 pagi besok dan marilah sama-sama .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertualah yang sekarang ini berbohong kepada kami dalam Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr. Saya tangguhkan mesyuarat kita sehingga jam 9.30 pagi besok.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 6.25 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 16 DISEMBER 2010

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ., DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah Taala kerana dapat sehari lagi bersama pada hari keempat Mesyuarat Ketiga Persidangan Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada hari ini. Juga kita bersyukur, alhamdulillah Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cuaca di luar baik, cerah mengikut ramalan cuaca yang dibaca oleh Pengkalan Berangan semalam besok baru mula hujan sekejap-sekejap. Kita harap insya Allah, cuaca di dalam Dewan kita jugak akan lebih baik. Untuk marilah sama-sama kita dengan ikhlas membaca Doa Ummul Kitab, mudah-mudahan insya Allah hasrat kita itu akan tercapai. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan yang saya hormati sekalian, mesyuarat pada pagi ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan selama satu jam. Untuk memulanya saya jemput Yang Berhormat Wakil Batu Burok, oleh kerana Batu Burok belum sampai saya terus kepada Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang pertama –

> *Pusat Pertumbuhan Desa di Negeri Terengganu sangat baik berkembang sepanjang tahun 2010. Apakah kemajuan dan menafaatnya kepada rakyat negeri ini?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati. Terima kasih kepada Wakil Jabi yang bertanyakan berkaitan dengan Pusat Pertumbuhan Desa Negeri Terengganu yang berkembang pada tahun 2010 ini dan apakah kemajuannya.

Dan bagi menjawab persoalan tersebut bagi tahun 2010, Kerajaan telah merancang untuk membina 14 buah projek, 4 unit rumah kedai 2 tingkat di seluruh daerah di Negeri Terengganu. Dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 8 projek telah siap dibina manakala 6 projek lagi masih dalam pembinaan.

Menafaat kepada rakyat PPD ini adalah PPD ini adalah merupakan satu pusat yang boleh memusatkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan juga sosial supaya satu kawasan yang diwujudkan di kawasan pedalaman tersebut boleh dibangunkan dan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk yang terpencil daripada kawasan bandar. Ia juga boleh menggalakkan komuniti untuk melibatkan diri dalam bidang-bidang perniagaan melalui penyediaan tempat-tempat perniagaan ini. Dan diharap melalui penggerakan ataupun pewujudan pusat ini kita boleh memulakan aktiviti ekonomi untuk kawasan tersebut dicampur dengan pembangunan-pembangunan lain seperti jalan raya, klinik yang diwujudkan oleh Kerajaan melalui peruntukan yang berbeza, yang berlainan. Jadi kita harap PPD ini akan menjadi pusat pertumbuhan baru di kawasan luar bandar bagi mewujudkan masyarakat dan rakyat mendapat menafaat daripada kemudahan-kemudahan yang dibekalkan oleh Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan. Pertama, daripada peruntukan negeri kepada pertumbuhan desa ini, berapa banyakkah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan saya melihat beberapa pertumbuhan desa di Negeri Terengganu kalau boleh ditambahbaikan ialah pembinaan dewan, tadika dan lain-lain yang boleh rangkumkan di dalam Pusat Pertumbuhan Desa tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang itulah hasrat Kerajaan yang sebenarnya penubuhan Pusat Pertumbuhan Desa ini dengan tujuan untuk memberi kemudahan secara integrated. Kalau dahulu Kerajaan hanya memberi kemudahan seperti klinik, jalan raya, bekalan air bersih dan sebagainya tetapi sekarang ini Kerajaan menyedari hakikat kawasan tersebut juga memerlukan aktiviti ekonomi. Justeru itulah kita mewujudkan PPD ini dengan menyediakan rangkaian rumah kedai sama ada dalam bentuk 8 unit atau 4 unit 2 tingkat. Jadi ini adalah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sendiri berjumlah RM20 juta untuk tahun ini dan insyaAllah tahun hadapan ini juga kita akan memperuntukkan sebanyak RM20 juta dan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai peruntukan untuk PPD kita ini. Kerajaan Persekutuan hanya memberi peruntukan untuk kemudahan-kemudahan lain, kemudahan asas seperti Klinik Desa melalui Kementerian Kesihatan misalnya, jalan kampung melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar misalnya. Jadi kita gabungkan, kita integrasikan kemudahan-kemudahan ini untuk mewujudkan aktiviti ekonomi yang lebih baik untuk kawasan tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan lagi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya di

Jabi tunggu lama dah Pusat Pertumbuhan Desa ini dengan di Bukit Payong, Hulu Besut, bila agaknya akan dimasukkan dalam Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada senarainya di sini untuk tahun 2011 ini di Hulu Besut kita ada dua tempat di Bukit Payong dan di Tembila. Jadi kalau Yang Berhormat rasa perlu untuk kawasan dia boleh runding semulalah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Terima kasih, berlaga angin sikitlah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, soalan tambahan Y.B.?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ya. Terima kasih banyak Yang Dipertua. Berkenaan dengan PPD tadi saya ingin bertanyakan kepada pihak Kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang telah ditetapkan itu untuk tahun depan boleh tak dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini kawasan-kawasan yang terlibat, yang akan digunakan sejumlah peruntukan itu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada senarai di sini kalau boleh saya baca yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk semua daerah di Negeri Terengganu kita ini. Saya baca dari daerah besar dahulu iaitu bermula daripada:

BIL.	DAERAH	LOKASI	PEMBINAAN DI PPD
1.	Kuala Terengganu	1. Pulau Bahagia 2. Tepoh	8 unit rumah kedai 2 tingkat
2.	Kemaman	1. Paya Berenjut 2. Padang Kubu 3. Kg. Payoh 4. Perasing Jaya	4 unit rumah kedai 2 tingkat
3.	Dungun	1. Kg. Dendang 2. Kg. Kumpal	8 unit rumah kedai 2 tingkat
4.	Besut	1. Bukit Payong 2. Tembila	8 unit rumah kedai 2 tingkat

BIL.	DAERAH	LOKASI	PEMBINAAN DI PPD
5.	Marang	1. Alur Limbat 2. Binjai Rendah	8 unit rumah kedai 2 tingkat
6.	Hulu Terengganu	1. Kuala Telemong 2. Kuala Ping 3. Menerong 4. (Kekosongan)	4 unit rumah kedai 2 tingkat
7.	Setiu	1. Pelong 2. Penarik	8 unit rumah kedai 2 tingkat

Jadi itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, senarai yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah langkah-langkah yang diambil, sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Menteri Besar untuk menjadikan Tasik Kenyir sebagai Zon Bebas Cukai menjelang April 2012 yang dikatakan setanding dengan Langkawi dan Labuan dan pada waktu yang sama memastikan pemeliharaan alam semulajadi dan tempat pembiakan ikan di kawasan tasik tersebut?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan Tasik Kenyir sebagai Pulau Bebas Cukai menjelang Ogos 2012 adalah dengan melaksanakan dua atau tiga buah pulau terlebih dahulu untuk dijadikan tempat perniagaan dan perdagangan di kawasan berkenaan. Dan bagi mempastikan bahawa tiada ternakan ikan dan sebagainya yang tercemar dan kerosakan ini sebenarnya tidak menimbulkan masalah kerana di Tasik Kenyir sendiri mempunyai 240 buah pulau dan yang kita bangunkan hanya beberapa buah pulau sahaja. Di samping itu, takungan

air di Tasik Kenyir ialah 13 *billion cubic meter* dan ini sudah tentu tidak menjadi permasalahan kepada hidupan ikan, flora dan fauna di pulau-pulau lain di Tasik Kenyir. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Oleh kerana perlu diambil kira penduduk-penduduk tempatan khususnya kalangan rakyat yang berpendapatan rendah supaya mendapat peluang daripada kawasan ataupun lokasi bebas cukai ini supaya jangan hanya diambil peluang oleh pelancong-pelancong dan bergantung kepada pelancongan semata-mata. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya kajian dibuat peluang-peluang juga dimenafaat oleh penduduk-penduduk tempatan khusus di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Yang kedua, apakah langkah yang perlu diambil, adakah Kerajaan jugak mengambil langkah supaya tidak mengulangi apa yang berlaku di Langkawi dan sebagainya hanya diambil menafaat dan kadang-kadang perkara-perkara yang membawa kesan negatif kepada penduduk tempatan seperti pengimportan minuman keras yang murah dan sebagainya akan memberi kesan sedikit sebanyak kepada penduduk tempatan yang perlu kita jaga kewibawaan mereka. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sudah tentu bila pembangunan Tasik Kenyir dapat dilaksanakan maka orang tempatan akan berpeluang untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Dengan kedatangan pelancong, kedatangan orang ramai sudah tentu memerlukan bot yang lebih banyak. Ini bermakna peluang pengusaha-pengusaha bot di Tasik Kenyir atau penduduk-penduduk di kawasannya akan bertambah. Begitu juga dengan boathouse, perhotelan, chalet yang akan dibina, bertambahnya peluang pekerjaan juga perkedaian-perkedaian yang akan disediakan. Inilah sebenarnya menjadi usaha kita untuk menjadikan Kenyir ini sebagai Pulau Bebas Cukai kerana sudah hampir 30 tahun diibaratkan pulau yang mati, tidak ada kedatangan pelancong, tidak ada orang ramai yang datang. Justeru itu kita berusaha keras untuk menjadikan Kenyir ini sebagai Pulau Bebas Cukai, akhirnya Menteri Kewangan melalui suratnya bertarikh 21 September 2010 telah meluluskan Kenyir sebagai Pulau Bebas Cukai. Dan sudah tentu ia merupakan berita gembira bagi rakyat Terengganu khususnya rakyat di Hulu Terengganu kerana sudah tentu perancangan pembangunan yang begitu besar dapat dilaksanakan kerana kita sedar bahawa selama ini orang tidak datang ke Tasik Kenyir kerana tidak ada aktiviti. Sebab itulah dengan adanya

Pulau Bebas Cukai ini mereka akan datang ramai-ramai dan kita perlu menyediakan kemudahan-kemudahan dan juga pembangunan di beberapa pulau sebagai Island Hopping untuk membolehkan aktiviti-aktiviti berjalan dan mereka menginap lebih lama kerana untuk membolehkan mereka ini mendapat membeli barang-barang bebas cukai mereka hendaklah mendapat sekurang-kurangnya 48 jam berada di Pulau Tasik Kenyir. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya,. sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apakah Kerajaan dapat mengenal pasti pintu masuk barang-barang ini, Kenyir itu di dalam hutan, nak masuk ikut kapal terbang ke, nak masuk mana-mana pelabuhan dia. Kalau pintu masuknya jauh daripada tempat di mana Pulau Bebas Cukai itu diadakan tentulah memerlukan pengangkutan iaitu satu belanja yang besar pula dan rakyat tidak dapat menikmati harga bebas cukai itu yang sebenarnya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila sebut bebas cukai, soal pengangkutan telah di*absorb* dalam harga dan sebagainya macam juga di Pulau Langkawi jugak tempat-tempat bebas cukai yang lain semuanya memerlukan pengangkutan. Dan kita telah kenal pasti dan KDRM menyediakan infrastruktur dan kemudahan lengkap untuk Kastam Di Raja Malaysia dan lain-lain jabatan telah kita sediakan dan kita juga telah mengenal pasti pemasangan pagar di parameter-parameter yang telah dikenal pasti. Malahan KDRM telah bersedia untuk menempatkan seramai 28 orang pegawai di Tasik Kenyir buat permulaannya, Dato' Yang Dipertua. Jadi kita gunakan Pengkalan Gawi sebagai pintu masuk ke Tasik Kenyir dengan pembinaan jeti penumpang dan juga jeti kargo. Dan Pulau Bayas dijadikan pulau utama ke arah pembangunan kerana Pulau Bayas merupakan pulau yang terbesar di Tasik Kenyir. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Wakaf Mempelam. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya agak rasa kurang yakinlah sejauh mana Kerajaan buat kajian *feasibility study* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua terhadap kejayaan yang akan kita capai berhubung dengan

menjadikan Tasik Kenyir ini sebagai Pulau (Zon) Bebas Cukai. Yang pertama Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita perhatikan sebagai contoh Langkawi dan Labuan. Langkawi dia tidak mengharapkan penduduk dari negara kita tetapi juga daripada Thailand, dekat dengan Thailand. Labuan kerana dekat dengan Brunei. Jadi dia harapkan daripada luar datang untuk memajukan Zon Bebas Cukai itu. Jadi dari segi kajian dibuat kerana saya ingat Dato' Yang Dipertua ada pernah satu kes dulu tahun 80an oleh kerana projek politik tak ada kajian dibuat satu Kilang Penapisan Minyak Kelapa Sawit didirikan di tepi sungai Jambatan Sungai Dungun, jauh ladang kelapa sawit, jauh daripada pelabuhan. Jadi ada dua kos nak bawa buah kelapa sawit sekali, lepas itu nak eksport pulak sekali, ini melibatkan kos dan akhirnya kilang ini ditutup. Kerana apa bina kilang? Kerana desakan katanya di Dungun waktu itu tidak ada projek, makanya buat kilang akhirnya ditutup. Ini kajian dan pengalaman kita di Terengganu. Jadi saya takut perkara yang sama berulang, saya setuju untuk nak buat memajukannya itu tetapi kajian sejauh mana menyakinkan Kerajaan supaya kita tidak mengulangi kesilapan. Dan yang keduanya, sejauh mana pelaburan negeri sendiri terhadap projek ini selain daripada kelulusan daripada Pusat, kita sendiri melabur macam yang beli itik sampai 5,600 seekor, 3,800 seekor, jadi yang mahal-mahal, takut-takut kos pelaburannya tidak itu (berbaloi). Jadi sejauh mana kajian dibuat dan sejauh mana yakinnya Kerajaan terhadap kajian untuk nak jadikan Tasik Kenyir ini sebagai Pusat Bebas Cukai? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita memang yakin kalau ikut Pembangkang memang tak yakin sokmo. Kita buat Jambatan Sultan Mahmud mulapun Pembangkang tak yakin, membazir katanya akhirnya dia lalu juga lepas itu dia marah ke kita pulak bakpe buat satu saja jambatan, tidak buat dua-tiga. Perdana Menteri buat Jambatan Pulau Pinangpun orang marah belaka, Tengku Abdul Rahman buat stadiumpun orang marah katanya besar sangat, lepas itu marah pula kenapa buat kecil sangat. Jadi Pembangkang ini kalau saya ini orang Kijal Dato' Yang Dipertua, kita orang Kijal ini tak nak buah durian, durian molek belaka, isinya molek. Jadi musim durian ini orang-orang PAS duk cari merangkak di bawah-bawah gerai, saya tanya: "Cari benda?" "Cari butir Yang Berhormat." "Buat benda?" "Nak buat semai." Dia baru nak semai butir durian isi molek, kita makan isi molek lama dah, dia ketinggalan sokmo PAS ni, dia bersikap persimis. Sebab itu saya katakan tadi bahawa kita ada buat contohnya kata, orang Terengganu hari ini musim cuti, hari minggu pergi Langkawi, orang Terengganu ramai mana pergi Langkawi, senget feri pergi Langkawi, sampai senget bas buat balik Arcoroc, Arcopal, tak pakaipun, balik bubuh dalam almari senget pulak almari tapi suka beli. Inilah yang kita nak buat. Di samping itu, kalau bukan orang tempatan, kita jugak dekat Thailand, dekat jugak dengan Kelantan, dekat dengan Pahang, orang luarpun boleh mari. Sekarang ini kita nak rasa bangga beritahu seluruh dunia tasik buatan manusia yang terbesar

di Asia Tenggara, 340 buah pulau beritahu merata-rawa, *water body itself bigger than Singapore* tapi takdok benda sebab itu kita nak buat, mesti ada Island Hopping, kena ada perancangan kalau tidak orang mari nak buat apa? Macam saya selalu sebut kita mari ke Tasik Kenyir dengan isteri dan anak kita ataupun isteri-isteri kita duduk semalaman kita pergi memancing, anak nak pergi ke mana, mak nak pergi ke mana, tak ada aktiviti, mereka balik sebab itu kita buat program kita buat kita panggil Pulau Burung, kita panggil Pulau Orkid. Kita tahu orang perempuan 90% suka orkid, kalau dia tidak suka orkid kita *check* DNA dia, *something wrong* dengan perempuan ini. Kita kena buat, kita ada Santuari Kelah, Santuari Gajah barulah ada aktiviti. Macam orang pergi ke Langkawipun di samping *shopping* dia boleh pergi melawat ke Tasik Dayang Bunting yang dikatakan bagi orang yang tidak boleh mengandung minum air itu boleh mengandung, wallahuwa'alam betul tak betul tak tahulah. Pergi ke Telaga Air Hangat, pergi ke Beras Terbakar, takdokpun beras terbakar tu tipu belaka. Inilah aktiviti mereka di samping *shopping*. Salah satu program lagi yang kita atur, kita juga ada Gunung Bewah yang kita tak tipu orangpun, manusia prasejarah yang berusia 16,000 tahun telah kita ketemui dan baru-baru ini kita temui satu lagi dan telah dihantar ke Amerikapun nak dapatkan ujian *carver* ini berapa umur yang kedua ini kita tak tahu lagi. Sebab itu kita kena eksploitasikan sumber yang kita ada sebab itu saya beritahu pegawai-pegawai saya, saya kata minta maaf, orang India ada seekor ular senduk saja, dia cari bakul se, dia cari serunai se, dia tiup ular itu naik boleh beri pendapatan kepada keluarga dia kita ada ular nak bunuh belaka. Orang Thailand ada seekor anak gajah tiup harmonika tak tahu lagu apa dia nyanyi tapi nak tengok gajah tiup harmonika bayar RM10 tapi kita nak bunuh gajah, ini punca pendapatan. Di Thailand, di Cheng Mai, orang naik kapal terbang daripada Bangkok ke Cheng Mai RM150 tapi orang putih naik gajah RM180 di Cheng Mai. Inilah yang kita perlu sumber yang kita ada, yang perlu kita gunakan untuk menjana pendapatan rakyat kita. Kita hanya berbangga pulau cantik tapi kalau tak ada orang datang tidak ada makna. Kita bangga dengan 244 kilometer pantai kita tapi kalau pelancong tak datang tidak boleh beri sumber pendapatan tidak ada guna, duk tengok saja. Kita harus mempelbagaikan sumber pendapatan negeri pada masa depan tidak boleh bergantung kepada minyak dan gas saja, kita tidak tahu bila ada, bila habisnya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh tambah sikit saja?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sikit saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya setuju apa yang disebut antaranya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhubung

dengan nak tarik pelancong tapi pokoknya soal infra tak berapa nak siap di Kenyir ni. Dulu sebagai contoh jalan raya daripada Kuala Berang pergi ke Simpang Pulai sudah 20 tahun, zaman Samy Vellu dulu, kita sebut dalam Parlimen tak siap. Jadi kalau siap jalan raya orang nak mari mudah sikit, takkanlah sampai macam kita beri Firefly nak suruh orang Singapura mari sampai beri RM400,000 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi pokoknya sekurang-kurangnya berhubung dengan infrastruktur itu, daya tarikan itu melibatkan infrastruktur yang sempurna untuk itu tapi kalau sekadar .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat faham tu. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana kita sedia maklum Lebuh Raya Pantai Timur dalam proses pembinaan dan begitu juga kita ada lebuh raya sampai ke Tepoh. Pembinaan peringkat pertama antara Kenyir ke Telemong telahpun dibuat dan kita ada satu pakej lagi daripada Telemong ke Tasik Kenyir dalam perancangan cuma tunggu kelulusan peruntukan. Jadi bila menunggu projek ini siap daripada Lapangan Terbang Kuala Terengganu ke Tasik Kenyir cuma 30 minit inilah yang berlaku Dato' Yang Dipertua, kita sedar itu semua. Di samping itu, sebelum kita dapat *Double Carriage Way* kita akan memperbesarkan jalan dulu dan begitu juga dengan bekalan elektrik, kerja-kerja pembersihan sedang bermula sekarang untuk memasang kabel sepanjang 23 kilometer dari Kuala Ping ke Pulau Bayas dan kerja-kerja menebang pokok dalam air untuk dijadikan pengkalan di Pulau Bayas sedang berjalan. Inilah yang kita nak beritahu, persiapan-persiapan yang telah kita buat. Saya menetapkan target Ogos 2012 sebab kita memerlukan paling cepat 22 bulan untuk menyediakan infrastruktur mulai selepas Tahun Baru Cina tahun hadapan pembinaan jeti akan dimulakan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya jemput Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Semenjak tahun 2004 hingga kini berapakah jumlah Rumah Skim PPRT yang dibina di negeri ini?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Tepoh yang ingin tahu semenjak tahun 2004 hingga kini berapakah jumlah Rumah Skim PPRT yang dibina di Negeri Terengganu ini ialah 5,990 buah ataupun unit. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan. Dalam setiap satu tahun itu bila agaknya peruntukan itu diturunkan untuk membina rumah baru sebab biasa kadang-kadang tengok akhir tahun baru keluar dan sebagainya, bila biasanya peruntukan itu turun untuk membina rumah baru?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Sebenarnya proses belanjawan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri ialah sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa setiap tahun pada bulan Disember Bajet dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri sebagaimana berlaku dua-tiga hari dan hari ini, peruntukan untuk membina rumah baru. Memang kita tidak nafikan masalah kelewatan yang berlaku apabila tiba masanya kerana mungkin disebabkan sebelum pada ini ada masalah-masalah teknikal yang kita hadapi dan kita telahpun menambah nilai daripada kelemahan-kelemahan yang kita ada dan kita yakin pada tahun hadapan di awal tahun bajet seawal-awalnya bulan tiga duit itu akan disalurkan kepada daerah-daerah yang terlibat. Namun begitu, setelah perubahan yang dipersetujui daripada awal tahun hadapan bulan Januari walaupun waran ataupun bajet itu belum lagi diturunkan di peringkat daerah jadi kita akan mengarahkan semua peringkat daerah mengenal pasti pada awal tahun iaitu bulan Januari supaya rumah-rumah ini dapat selewat-lewatnya dibina pada bulan Februari. Insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan kedua. Bila disebut rumah PPRT ini yang lebih disifatkan kepada mereka yang duduk dalam golongan rakyat termiskin tapi semenjak kita mendirikan rumah PPRT ini setiap DUN dengan jumlahnya yang tersendiri, apa yang dapat kita lihat bahawa yang seperti benar-benar untuk mengikut syarat itu seperti sudah tidak ada dah, yang adanya sekitar mereka yang berumur di sekitar 30an yang baru berkahwin, Dato' Yang Dipertua. Mereka ini amat perlu kepada rumah tapi kita nak senaraikan mereka ini PPRT mungkin tidak boleh sebab mereka ini peringkat baru hidup, orang-orang inilah yang nak sangat kepada rumah ni, adakah boleh kita beri rumah itu atau rumah yang macam mana yang boleh kita beri sebenarnya kepada golongan muda ini?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Tepoh ini Dato' Yang Dipertua, menyentuh tentang syarat, kelayakan penerima rumah PPRT. Jadi sebagaimana yang kita maklum bahawa syarat dan kelayakan penerima peruntukan rumah PPRT di Negeri Terengganu secara amnya yang telah kita guna pakai ialah:

1. Berpendapatan tidak melebihi garis kemiskinan semasa namun keutamaan ialah kepada miskin tegar, warga emas, orang OKU dan juga ibu-ibu tunggal.

2. Berdaftar dalam pangkalan data kemiskinan iaitu e-Kasih.

3. Penerima terdiri dari mereka yang belum mempunyai rumah sendiri ataupun rumah sedia ada terlalu uzur dan tidak lagi sesuai didiami.

4. Mempunyai tanah untuk mendirikan rumah PPRT sama ada tanah sendiri mahupun milik orang lain yang mempunyai kebenaran secara bertulis.

5. Penerima hendaklah berumur 40 tahun ke atas kecuali keadaan-keadaan tertentu seperti orang kurang upaya atau kes-kes istimewa sebagaimana yang disebut oleh Wakil Tepoh yang akan dipersetujui dan kelulusan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. (Satu lagi tambahan baru)

6. Dia semestinya pengundi dan sebagai rakyat di Negeri Terengganu.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan terakhirlah Dato' Yang Dipertua. Setakat ini berapakah agensi Kerajaan yang melaksanakan pembinaan rumah PPRT dan ada tak data rumah yang terbengkalai setakat ini berapa jumlahnya?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Susah jugak soalan Tepoh ni. Sebenar setakat hari ini sebagaimana kita sedia maklum bahawa peruntukan rumah PPRT ini kita dapat dua peruntukan, pertama peruntukan melalui Kerajaan Negeri Terengganu sendiri, Yang kedua kita menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Untuk Kerajaan Negeri, rumah-rumah PPRT yang dibina sudah tentunya melalui Pejabat Daerah dalam Negeri Terengganu dan melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan, *channel* jabatan-jabatan tertentu seperti Jabatan Pembangunan Negeri dan juga Jabatan RISDA untuk melaksanakan rumah-rumah PPRT bagi pihak Kerajaan Negeri. Setakat hari ini juga, setakat maklumat saya dimaklumkan tidak ada kes yang serius mengenai tergendalanya pembinaan rumah-rumah PPRT ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik Tepoh?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Ya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya nak tambah aje, sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, ada soalan tambahan lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pendek, Yang Berhormat sebelum Ladang. Minta maaf Ladang, Manir nak mintak dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Rumah PPRT ini dibina dulu lepas itu baru dipilih peserta atau peserta dulu baru didiri rumah?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Wakil Manir. Sebenarnya dua-dua itu kita pakai belaka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pakai belaka itu betullah tapi hak mana dulu, pilih peserta dulu baru bina rumah ataupun bina rumah baru pilih peserta sebab Wakil Tepoh kata dok bagi, bila nak agih?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Kita tak katapun tak bagi, tambah tu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Padan dah dengan Tepoh jawab tu, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita jemput Ladanglah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

Adakah Kerajaan bercadang membangun semula perlombongan bijih besi di Bukit Besi. Nyatakan pihak-pihak yang terlibat dengan rancangan ini. Nyatakan perkembangannya setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang pertama. Sila Yang Berhormat Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan semula perlombongan bijih besi di Bukit Besi. Dan Kerajaan Negeri telah membuat keputusan semua kawasan di Bukit Besi ini telahpun diluluskan kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu pada 10 November 2010. Perkembangan terkini JMG (Jabatan Mineral dan Geosains) telah membuat kajian carigali dan sebagainya dan kita sedang menunggu kajian tambahan kerana ada beberapa kawasan baru yang akan kita carigali untuk menentukan jumlah deposit yang sebenarnya yang dapat dikeluarkan daripada Bukit Besi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Setelah diserahkan kepada Tabung Amanah Warisan, selepas itu bagaimana Lembaga Tabung Amanah Warisan akan membangunkan kawasan ini. Apakah konsep,apakah telah dibuat kajian ataupun apakah konsep itu bermodalkan konsep yang masa dulu atau bagaimana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita belum muktamadkan Dato' Yang Dipertua sama ada kita buat secara persendirian ataupun jointventure dengan mana-mana syarikat. Walaupun ketika ini hampir semua syarikat-syarikat besar keluli yang ada di negara kita ini memang mereka berminat untuk berusahasama dengan kita tapi belum buat keputusan muktamad dan sebab itulah kita perlu mendapatkan jawapan jumlah sebenar dan menunggu kajian dari segi deposit yang ada di kawasan tersebut. Ini melibatkan kos pelaburan yang agak besar. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bilakah agaknya kajian ini akan tamat dan apakah sekarang ini sedang berlaku kerja-kerja perlombongan di sana oleh syarikat-syarikat kecil, kalau ada?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ada tiga syarikat yang menjalankan kerja-kerja melombong. Dua syarikat melombong, satunya mengambil bijih daripada *telling* iaitu pasir yang diproses untuk mendapatkan hampas besi di situ.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bila agaknya kajian akan berakhir?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kajian peringkat pertama telahpun berakhir, menunggu kajian lanjut kerana baru-baru ini saya mendapat maklumat daripada pekerja-pekerja lombong bijih besi tahun 60an ada satu kawasan yang dikatakan bijih berkualiti dan kita supaya JMG buat kajian di tempat satu lagi itu untuk tahu jumlah sebenar bijih di kawasan yang berkenaan pula. Kita dah ada rekod jumlah simpanan bijih besi tapi saya tidak boleh maklumkan di sini Dato' Yang Dipertua.Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya jemput untuk berikutnya Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kerana sudah dua hari soalan saya tidak sempat dijawab baru hari ini sempat jugak tu, alhamdulillah. Soalan saya nombor 1 -

> *Apakah status pembinaan jalan dari Kg. Jeram ke Kg. Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu yang menghubungkan jambatan Jeram (dalam pembinaan) dengan Jalan Kubang Jela?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Bukit Tunggal yang ingin mengetahui status pembinaan jalan daripada Kampung Jeram ke Kampung Banggol Tuan Muda yang menghubungkan Jambatan Jeram (dalam pembinaan) dengan Jalan Kubang Jela.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, status kemajuan projek pembinaan daripada Kampung Jeram ke Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu yang menghubungkan Jambatan Jeram dengan Jalan Kubang Jela adalah seperti mana berikut:

Kemajuan Projek (sebenar) - 37%
Kemajuan Projek (Jadual) - 46% (ketinggalan 9%)

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya kemukakan soalan ini kerana membabitkan dua perkara sebenarnya. Yang pertamanya, sebab timbul jugak baru-baru ini agak kecoh jugaklah di bawah ni apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar cadang nak tukar *alignment* Jambatan Pulau Sekati tu jadi alhamdulillah semalam telah dijawab oleh Exco Infra saya sudah dapat memuaskan hati penduduk-penduduk tempatan dan juga pembinaan jalan ini adalah relevan untuk menyambungkan terus kepada Losong.

Soalan yang kedua yang saya ingin kemukakan ialah berkaitan dengan saya ada menerima salinan memorandum yang dihantar oleh penduduk tempatan berkaitan dengan pembinaan jalan di Banggol Tuan Muda ini yang melibatkan rumah-rumah penduduk tempatan dan jugak pengambilan balik tanah. Apa yang dipohon di situ ialah supaya Kerajaan berunding supaya jajaran yang melibatkan rumah, saya kira lebih daripada 20 buah rumah itu untuk sebagai ambil kira 'merakyatkan pembangunan' ini supaya pembangunan itu tidaklah menyisihkan mereka dan masih ada cadangan laluan lain yang dikira daripada pandangan penduduk ianya lebih selamat dan tidak melibatkan terpaksa pindah penduduk tempatan. Sejauh mana rundingan jika ada yang dilakukan oleh Kerajaan dengan penduduk tempatan berkaitan dengan memorandum yang dihantar kepada SUHAKAM ini?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara sebab kelewatan itu tadi apa yang saya sebut ialah proses pengambilan balik tanah. Ada dua fasa dan fasa pertama bagi status pengambilan balik tanah ini telah selesai bicara pada 7 Oktober 2010 yang melibatkan sebanyak 77 lot, satu lot tanah Kerajaan dan 76 lot tanah persendirian. Dan bagi fasa kedua, telah diwartakan pada 28 Oktober 2010 dan diperingkat ini ialah penilaian yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta dan jumlah lot yang terlibat ialah 208 lot di mana tanah Kerajaan ialah 30 lot dan tanah persendirian 178 lot. Kerja-kerja ini dalam pembinaan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tadinya memang kalau kata dari segi jajaran sebolehnya memang Kerajaan tidak bercadang melibatkan pengambilan balik tanah tetapi oleh kerana tidak ada pilihan ada tanah Kerajaan 30 lot dan akan melibatkan tanah persendirian sebanyak 178 lot. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, persoalannya bukan masalah pengambilan balik tanah rakyat. Persoalan yang ditimbulkan ialah pengambilan balik yang melibatkan rumah-rumah yang sedia ada di atas lot-lot tersebut supaya dapat dielakkan, pengambilan balik lot yang tidak ada rumah yang masih kosong, yang ada baruh padi supaya maklum sajalah apabila berpindah ini penduduk yang rumahnya terlibat dia tidak ada tanah lain dia terpaksa beli tapak tanah lain, itu yang bantahan yang saya baca dalam memorandum ni. Dia orang jumpa sayapun saya tak berapa kenal mana bukan daripada orang PAS dan sebagainya tapi oleh kerana rakyat mengadu dan mintak dalam Dewan, ini yang saya bawa supaya rundingan dengan jajaran yang dicadangkan itu dapat dipertimbangkan oleh pihak Pejabat Tanah atau pihak Kerajaan supaya mereka ini tidak dipindahkan daripada tempat yang mereka tinggal sekaranglah. Itulah maksud yang hendak kita sampaikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud dengan mudah Yang Berhormat jajaran lencongan macam Jambatan Singapura jugak ni.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dari segi kelewatan tersebut oleh kerana urusan pengambilan balik tanah dan tentunya dari segi jajaran yang telah diputuskan oleh kontrak ini adalah jajaran yang terbaik, kalau nak elak semua tanah orang persendirian ini memang sukarlah, kalau nak dibayangkan kalau nak elak semua tanah ni *guana* jadi jajaran tu?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, bukan masalah nak elak semua tanah, tanah yang ada rumah sahaja sebab kawasan itu baruh masih luas lagi yang mungkin nampak ialah baik bagi kita tetapi rakyat pandang hala ke dia yang terlibat mungkin tidak baik bagi dia, inilah yang saya kata 'merakyatkan pembangunan' harus diambil kira pandangan bagi yang terlibat, itu maksud saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, yang ada rumah.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tengoklah cara mana yang boleh kita buat tetapi tidak akan menjejaskan pembangunanlah saya harap, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksudnya pegawai akan mempertimbangkan yang terbaiklah, Yang Berhormat. Ada soalan tambahan lagi Yang Berhormat? Isu yang sama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, samalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tadi diberitahu bahawa ambil balik tanah masih berjalan dan sebahagiannya belum diambil. Jadi apakah jalan-jalan yang sedang dibina sekarang ini telah melalui tanah-tanah orang kampung ataupun belum lagi tanah-tanah yang diambil balik ini ataupun sudah berjalan di atas tanah-tanah yang masih belum diambil balik tadi?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, skop kerja bagi fasa 1 yang status pengambilan balik tanah selesai bicara pada 7 Oktober termasuk membina jalan baru empat lorong dari Kampung Jeram ke Kampung Bukit Guntong dengan JKR Standard R5 termasuk membina jambatan merintangi Sungai Nerus, membina 2 unit *underpass structure,* membina satu simpang tiga selain menempatkan utiliti dan perkhidmatan serta perabot jalan. Dan bagi kerja fasa 2 yang status pengambilan balik tanah telah diwartakan pada 28 Oktober 2010 ialah membina jalan baru empat lorong dari Kampung Jeram ke Kampung Banggol Tuan Muda dengan JKR Standard R5 termasuk pembinaan 3 buah jambatan, membina satu jambatan pejalan kaki, membina 2 buah persimpangan bertingkat satunya di Kampung Jeram dan satu laginya di Kampung Banggol Tuan Muda dan juga membina 2 unit *underpass structure* dengan izin, selain daripada utiliti dan perkhidmatan dan sebagainya. Itu skop kerja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang tadinya secara keseluruhan di dalam pembinaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta penjelasan sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya tanya tadi berkenaan dengan kerja-kerja itu telah diberitahu maknanya kerja-kerja ini telah dibuat di atas tanah yang belum selesai pengambilan balik tanah, apakah maksudnya begitu sebab dia kata selesai bicara, memang tak bayar lagi, tak selesai lagi, yang itu baru warta tak selesai jugak lagi tapi kerja-kerja sudah berjalan. Apakah ini bermakna jalan-jalan ini telah dibina di atas tanah yang belum selesai pengambilan balik tanah lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, soalan ringkas saja.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerja-kerja berjalan diberi keutamaan kepada lot-lot tanah Kerajaan dan ada juga tuan-tuan tanah yang mengizinkan kerja-kerja dijalankan cuma yang kata tadinya ada sedikit bantahan dan sebagainya yang itu saja kerja-kerja tidak dapat diteruskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia menjadi kelewatan oleh kerana tidak selesai lagi tu sebagaimana yang diberitahu tadi. Saya jemput seterusnya Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya telah dijawab dalam penggulungan Kerajaan semalam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telah dijawab, ya dan tidak perlu dijawab lagilah. Terima kasih Kemasik. Yang Berhormat sekalian, kita ada masa sedikit lagi untuk Soalan Lisan. Yang Berhormat Batu Burokpun sudah hadir, saya jemput kalau Yang Berhormat Batu Burok nak bertanya soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan nombor 2 -

> *Apakah tatacara program Bantuan Am di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu dan nyatakan jumlah peruntukan bagi tahun 2007 - 2010 (Oktober) serta bilangan yang mendapat Bantuan Am setakat ini?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang kedua, Yang Berhormat Kerajaan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tatacara Program Bantuan Am di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

i) Program Bantuan Am merupakan pemberian wang tunai secara bulanan kepada individu atau keluarga bagi meringankan kesulitan dari segi kewangan sehingga mereka pulih dan mampu berdikari.

ii) Permohonan yang layak ialah Warganegara Malaysia dan jumlah pendapatan isi rumah tidak melebihi RM720.00 sebulan dengan mengambil kira syarat-syarat berikut:-

a) Ibu Tunggal miskin yang mempunyai tanggungan yang ramai.

b) Orang kurang upaya.

c) Keluarga yang mana pencari nafkah (ketua keluarga) mengalami kecederaan teruk, sakit melarat atau sebab-sebab lain yang menyebabkan tidak boleh bekerja.

d) Orang tua yang daif atau tidak ada tempat bergantung hidup.

iii) Permohonan boleh dibuat melalui:-

a) Permohonan sendiri oleh individu.

b) rujukan oleh pemimpin masyarakat.

c) Rujukan oleh agensi Kerajaan yang terlibat.

iv) Semua permohonan akan disiasat dan laporan siasatan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang Bantuan Am Daerah untuk diberi pertimbangan bantuan.

Jumlah penerima Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2007 – 2010 (Oktober) adalah sebagaimana berikut:-

TAHUN	2007		2008		2009		2010 (SEHINGGA OKTOBER)	
DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH PERBELAN-JAAN (RM)	JUMLAH KES	JUMLAH PERBELAN-JAAN (RM)	JUMLAH KES	JUMLAH PERBELAN-JAAN (RM)	JUMLAH KES	JUMLAH PERBELAN-JAAN (RM)
K.TRG	5,028	11,315,420	5,112	12,949,070	5,698	13,794,880	6,158	12,606,970
H.TRG	1,504	3,454,300	1,405	3,723,400	1,521	3,840,900	1,542	2,960,360
MARANG	1,917	4,043,280	2,077	5,004,250	2,499	5,691,000	2,744	5,205,750

Nak tahu daerah lain ke ni? Berasa sakit tekak dah. Ke memadai dah? Hah .... tu tak payah dah, jadi saya ucap terima kasih kepada Wakaf Mempelam, dia kata bagus dah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk terus kepada penemuan Audit yang dibuat mengenai Bantuan Am di JKNT ini yang penemuan yang dibuat oleh Audit yang mengatakan bahawa Bantuan Am JKNT adalah kurang memuaskan sedangkan kita sudah berbelanja dalam

tempoh empat tahun terakhir ini lebih daripada RM100 juta untuk Bantuan Am ini. Jadi antara kelemahan yang dikenal pasti oleh Audit ialah Wang Bantuan yang tidak diagihkan, tidak dapat dikesan semasa Audit, lebihan bayaran berlaku, pembayaran berterusan melalui bank kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia dan wang bantuan bulanan yang tidak dapat diagihkan tidak disimpan di peti besi. Jadi saya mohon penjelasan apa bentuk tindakan yang boleh diambil dalam hal ini sedangkan teguran daripada Audit ini jelas berlakunya unsur-unsur salah guna kuasa, penyelewengan kerana dalam rumusan dan syor Audit ini salah satu daripadanya adalah supaya membuat laporan Polis. Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Wakil Batu Burok. Saya pertama-tamanya ucap terima kasih kepada Wakil Batu Burok tentang komen Audit sebenarnya bagi saya komen Audit itu adalah *standard* di mana-mana jabatan sekalipun yang melibatkan aspek pengurusan, *management* dalam mana-mana jabatan. Dan saya selaku Exco yang terlibat memang kita tidak nafikan perkara itu berlaku kerana ini adalah masalah-masalah dari segi aspek pengurusan dan kepimpinan di mana-mana jabatan dan terlibat juga dari segi aspek Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi saya komen-komen yang ditegur oleh Audit itu kita akan jadikan satu pengajaran dan ingatan kepada kita untuk kita lebih tengok secara *detail* lagi di mana kesilapan yang berlaku dan kita akan cuba memperbaiki di mana kelemahan-kelemahan yang berlaku. Dan kalau sekiranya tatacara ataupun perlakuan yang berlaku melibatkan dari segi aspek *human resource,* disiplin dan sebagainya mungkin kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan disiplin kepada mana-mana pegawai yang terlibat dari segi aspek penyalahan guna kuasa dan salah laku yang dibuat di mana-mana jabatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Saya nak puji sikitlah Yang Berhormat Exco akhir-akhir ini jawapan dia nampak lebih baik kalau nak dibanding masa hak jawatan dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pujipun tak boleh jugak Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Puji tu macam tak sedap didengar. Maknanya dulu Yang Berhormat ini tak baik, maksudnya begitu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi kita yang mendengar ni, Yang Berhormat cakap sedap. Soalan tambahan saja Yang Berhormat, saya nasihatkan, pendek, ringkas dan tepat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Berhubung dengan Bantuan Am ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tadi disebut soalan tambahan berhubung dengan kes tidak puas hatinya Audit bila dia buat siasatan terhadap pengurusan Bantuan Am kepada rakyat. Bantuan Am kepada rakyat miskin ini RM200, RM300 dapat sebulan tapi saya tak tahulah sejauh mana Kerajaan fikir bahawa RM200, RM300 sebulan itu memadai dan cukup untuk suasana kos hidup yang ada sekarang, sejauh mana cukupnya dengan sara hidup yang ada sekarang, itu satu.

Yang keduanya, saya nak mintak pandangan Exco adakah Kerajaan setuju dengan apa yang saya sebut soal *Financial Apartheid* dengan izin, rakyat miskin dapat RM200 – RM300 tetapi ada rakyat miskin yang berhak dapat kerana dia barangkali tidak memihak kepada Kerajaan ataupun ada atas alasan-alasan apapun dinafikan walaupun itu hak dia. Itu hak rakyat miskin, Wakil Rakyatpun ada jugak Bantuan Am, tahun 2008 RM200,000 setahun, tahun 2009 RM250,000, tahun ini RM400,000 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu perkara lain, isu lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya bercakap pasal Bantuan Am.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: .... ini untuk orang miskin, kebajikan am.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, orang miskinpun ada bantuan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... kebajikan am masyarakat bukan bantuan am. Ini Bantuan Am untuk Wakil Rakyat ini. Sila Yang Berhormat jawab. Wakaf Mempelam duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan asal ini tentang cara program Bantuan Am, jadi saya sebut bantuan am untuk rakyat, bantuan am untuk Wakil Rakyat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Dipersilakan Wakaf Mempelam duduk. Kita kena ada tatacara disiplin tu kena ada sikit. Kalau dah Yang Dipertua kata duduk tu duduklah. Kita ni tua dah. ..... (Dewan Gelak) ..... Kita khabor dah kelmarin dulu kita ni tua dah, doksoh berbalah-balahlah sama-sama sendiri ni.

Sebenarnya sebut Bantuan Am ini, bantuan sebut saja bantuan bukannya untuk menyelesaikan masalah, sebut bantuan ialah untuk meringankan beban. .....(Dewan memberi tepukan) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tahniah Yang Berhormat, betul.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi tak payah saya kupaslah Dato' Yang Dipertua bab ni sebab ngaji tinggi-tinggi belaka. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tahniah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat sekalian .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tadi puji dah kohor teruk rupanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup masa Yang Berhormat, saya bagi ihsan dalam masa tadi sebab Yang Berhormat asal tadi tak ada. Cukup.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tak, saya nak bawa usul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak selesai yang saya dulu, ayat saya dulu. Alhamdulillah, Ahli-ahli Yang Berhormat kita dapat selesaikan kesemua soalan pada pagi ini dan saya bermaksud untuk menyelesaikan urusan yang belum selesai dan nak menyegerakan mesyuarat, oleh kerana ada Usul Tergempar Di Bawah 30, ya? Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat beri salinan kepada saya dulu, biar saya teliti dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk dulu. Beri kepada saya dulu. Yang Berhormat duduk, baru saya teliti, baru saya benarkan. Usul tu bersekali dengan dokumen lainlah kalau ada usul tu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ahli Dewan Undangan Batu Burok .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat, saya belum benarkan lagi. Yang Berhormat duduklah dulu. [Kertas Usul dibawa untuk penelitian Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan]. Saya terima di bawah Fasal 30, panjang isu ini jadi saya mintak Yang Berhormat baca, tak apalah tapi jangan gunakan Dewan ini untuk perbahasan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok memohon mencadangkan bahawa Persidangan ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu pindaan di buku Bajet 2011 yang menggariskan bahawa Pegawai Pengawal adalah Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan yang telah dipinda kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana ia mempunyai implikasi besar terhadap pentadbiran terutamanya di dalam pengurusan kewangan sepanjang hampir 3 tahun pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari tahun 2008 hingga Disember 2010. Arahan Perbendaharaan dengan jelas

menyebut tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal adalah pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah seksyen 15(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 di bawah (Akta 61). Setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan. Ini berkemungkinan membawa implikasi penyalahgunaan kuasa terutamanya salah urus *(missed management),* terutamanya sumber kewangan negeri yang boleh menggugat kestabilan Negeri Terengganu sendiri. Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana salah urus sumber kewangan ini boleh berlaku sepertimana Laporan Audit pengurusan anak syarikat Kerajaan Negeri TOP-IT Industries Sdn. Bhd. yang antara lain menyebut tiada perjanjian di antara syarikat dengan pembekal perkakasan dan perisian dan antara syarikat dengan Kerajaan Negeri sebagai pelanggan kepada syarikat. Yang ada hanya surat peruntukan e-Book yang dilulus oleh Dewan Undangan Negeri sahaja sedangkan Kerajaan Negeri telah berbelanja hampir RM100 juta bagi projek e-Book. Malahan Bajet tahunan 2011 juga memperuntukkan RM25 juta bagi projek e-Book ini. Bayangkanlah projek sebesar ini tidak ada sebarang perjanjian di antara syarikat dengan Kerajaan Negeri dan antara syarikat dengan pembekal perkakasan dan perisian sedangkan Kerajaan Negeri telah berbelanja hampir RM100 juta bagi menjayakan program ini. Kes kecuaian yang seperti ini akan menghilangkan keyakinan rakyat Terengganu terhadap pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta kredibiliti beliau sebagai Ketua Negeri yang telah berbelanja lebih daripada RM6 bilion untuk hampir 3 tahun terakhir pemerintahan beliau. Amat wajar Dewan yang mulia ini membincangkan serta membahas kembali peruntukan seperti pembelian serta pengagihan pakaian sekolah, pembelian serta pengagihan atap biru, pembelian serta pengagihan buah kurma dan air zam-zam serta kelulusan tender-tender pembinaan Rumah Mampu Milik yang bernilai ratusan juta ringgit yang berkemungkinan besar bercanggah dengan Arahan Perbendaharaan serta kaedah pengecualian sebut harga untuk perolehan yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan sendiri. Perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh hak perlanggaran Arahan Perbendaharaan yang amat ketara. Sesungguhnya memantau ketelusan perbelanjaan Negeri adalah tanggungjawab kita semua sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih dan diamanahkan oleh rakyat Terengganu Darul Iman. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan. Wallahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok. Saya terima usul ini di bawah Fasal 30. Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat sekalian, kita tangguh dulu mesyuarat kita ini dan kita masuk semula jam 11.00 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan yang saya hormati sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum penangguhan rehat tadi kita telah menerima satu Usul Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu daripada Wakil Batu Burok. Dan setelah meneliti, mengkaji atas fasal berkenaan saya berkeputusan bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan melibatkan kepentingan orang ramai manakala perlu disegerakan untuk membincang khusus, saya tidak berpendapat demikian kerana perkara yang berbangkit mengenai terutamanya kuasa-kuasa Pegawai Pengawal di bawah apa yang Arahan Perbendaharaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebenarnya juga telah jelas bahawa Pegawai Pengawal yang dimaksudkan dalam perbincangan kita ini telah diturunkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Jadi tidak perlulah kita membahaskan secara khusus isu ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Batu Burok dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian boleh mintak penjelasan daripada pihak Kerajaan terutama sekejap lagi insyaAllah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan dan Yang Berhormat bolehlah mencelah secara bijak. Saya ingatkan sekali lagi kita mencelah secara bijak bukan beremosi supaya kekeliruan dapat dileraikan bukan kita nak menambahkan lagi kekeliruan ataupun kita nak menggunakan isu ini sebagai fakta-fakta politik dan sebagainya. Saya harap kita semua faham. Jadi sebelum kita meneruskan penggulungan, saya ingin .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya rasakan usul yang dikemukakan ini penting.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat keputusan saya muktamad, usul ini tidak ada perbincangan lagi dan boleh celah semasa penggulungan nanti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak merujuk khusus kepada peristiwa yang berlaku petang semalam .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak perlu Yang Berhormat! Sila duduk. Tidak perlu. Keputusan saya muktamad. Saya nak ucapkan selamat datang kepada Pemerhati yang ramai daripada Pejabat Kawasan Dewan Undangan Negeri Air Putih "Selamat Datang ke Dewan kita". Mudah-mudahan perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita di sidang ini akan dapat juga menafaat yang tinggi kepada Pemerhati sekalian. Jadi dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat saya sukacitanya meneruskan agenda dengan menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat penggulungan bagi pihak Kerajaan, dipersilakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana dapat membentangkan Bajet 2011 dan telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang diberikan, teguran-teguran yang diberikan bagi memantapkan lagi pembangunan di Terengganu pada masa akan datang.

Di samping itu, saya juga ingin turut sama bersama-sama rakan-rakan saya yang telahpun memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan secara terperinci beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh sama ada Wakil Rakyat Kerajaan ataupun Pembangkang dalam tempoh dua hari yang lalu. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Jabi yang telah memberi penekanan tentang perlunya pembinaan Asrama Anak Yatim di Jabi itu dan insya Allah, sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin terhadap rakyat kita akan laksanakan pembinaannya Asrama Anak Yatim di Jabi pada tahun hadapan.

Begitu juga dengan pembangunan di Tasik Kenyir yang sekarang ini telahpun bermula dan kita mengharapkan bahawa harapan kita menjelang Ogos 2012 ianya dapat dibuka kepada orang ramai dan akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Terengganu yang paling ketara. Di samping itu, sukalah saya jelaskan di samping Tasik Kenyir kita akan juga mengadakan Zon Bebas Cukai berhampiran Airport Kuala Terengganu kerana kebetulan soalan itu tidak sempat dikemukakan oleh Yang Berhormat DUN Manir. Dan kita haraplah

dengan pembukaan ini akan menyebabkan limpahan perdagangan dan juga perniagaan dapat kita pertingkatkan dari masa ke semasa.

Sukalah saya memberi sedikit penjelasan mengenai perumahan di Ladang Tok Pelam. Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan telahpun mengambil balik tanah-tanah ini untuk disusun semula penempatan penduduk di Ladang Tok Pelam dan juga seterusnya pengambilan balik di seluruh kawasan berkenaan sehingga ke Astaka. Ini bertujuan untuk penyusunan semula orang-orang Melayu, peniaga-peniaga Melayu dan masyarakat Melayu di dalam bandar supaya kehidupan mereka mendapat rumah yang lebih selesa dan juga tidak menimbulkan pandangan yang menjelik mata pada masa hadapan. Walaupun kalau nak kira Kerajaan ada alternatif kalau kita timbus laut kosnya lebih rendah daripada pengambilan balik tanah dan lebih mudah untuk diuruskan pembangunannya sebagaimana kita lakukan di *Southern Breakwater* dan *Northern Breakwater*. Tetapi kalau ini kita lakukan bermakna itulah bandar Kuala Terengganu untuk 100 tahun yang akan datang. Pembangunan ketara dapat dilihat di kawasan yang kita tebusguna tetapi perkampungan yang lama orang Melayu akan menjadi sakit mata memandang, *eye sore* kat situ dengan izin, Dato' Yang Dipertua sebab itu kita perlu penyusunan semula. Dan begitu juga kepada penduduk-penduduk yang tinggal secara haram selama ini, puluhan tahun mereka duduk secara setinggan (secara haram) dengan kurang selesa tapi dengan adanya pembangunan ini kita memberi peluang kepada mereka untuk mendapat rumah yang selesa pada masa depan. Dan dengan ini kita boleh memartabatkan kehidupan masyarakat Melayu di dalam bandar yang bukan sahaja terpinggir tapi kita memartabatkan mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh mencelah Dato' Speaker. Dato' Yang Dipertua, nak mintak penjelasan. Ya, pengambilan balik telah selesai cuma ada beberapa isu yang mungkin kita boleh fikirkan secara bersama. Tentang bagaimana mereka yang sedang pada dahulunya ada tempat bekerja, buat tembaga, buat keris dan sebagainya. Dan saya difahamkan dalam pembangunan akan datang memang ada tempat untuk mereka berniaga atau bekerja tetapi sementara itu, sementara setahun-dua ini bagaimana keadaan mereka, mereka terpaksa terus hidup, terpaksa cari makan tapi tidak ada dah tempat nak cari makan dan nampaknya tidak ada persediaan dalam masa *interim* ini. Dan satu lagi ialah tentang disebut bahawa rumah itu akan dijual, boleh saya atau Dewan ini ingin tahu berapakah harga sebenarnya flat-flat yang nak dijual itu berapakah harga sebenarnya dan adakah mereka boleh membeli sekarang kalau mereka mahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat boleh sebut pangsapurilah sedap sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, Pangsapuri Ladang Gemilang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab cantik sikit. Jangan sebut flat sebab flat ini hak yang murah-murah saja.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan sedar tentang perkara ini sebab itulah Kerajaan sentiasa prihatin tentang peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil ini. Di Kuala Terengganu kalau kita lihat banyaknya gerai-gerai, banyaknya tempat-tempat perniagaan makanan yang kita sediakan. Begitu juga kita sudah beritahu awal-awal dulu kepada pengusaha-pengusaha tembaga supaya mereka mencari tempat sementara sehinggakan tempat mereka ini dapat kita bangunkan semula penempatan untuk perniagaan tembaga dan sebagainya, ini telah dirancang oleh Kerajaan. Begitu juga dengan harga rumah dan sebagainya saya sudah memaklumkan bahawa 50% bagi Rumah Kos Rendah subsidi diberikan dan sehingga kini harga pembinaan kita dan harga termasuk tanah bagi Ladang Gemilang Rumah Mampu Milik ialah RM150,000, kita jual dengan harga RM75,000. Begitu juga dengan sewaan, sudah jelas daripada awal bahawa rumah ini diberi sewa RM300 dan kita telah buat kajian sekitar kawasan ini kalau nak disewakan dalam RM600 – RM700 bila-bila masa rumah itu kalau disewakan tetapi kita tidak izinkan kerana rumah ini adalah untuk mereka yang terlibat sahaja. Tetapi kita telah diberitahu bahawa mereka yang termasuk dalam senarai Penerima Bantuan Sewa Rumah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mereka hanya membayar RM126 sahaja dan sebab itulah kita nyatakan bahawa sebagai *standard procedure* yang kita ada bagi 3 tahun pertama mereka ini membayar sewa dan selepas itu jika tidak ada *complaint,* tidak ada bantahan dan memang *confirm* mereka orang di situ, tidak ada penyelewengan barulah kita jadikan 3 tahun pertama itu sebagai bayaran permulaan kepada sewabeli rumah ini. Itu telah kita jelaskan malahan banyak keistimewaan yang kita beri kepada penduduk di Ladang Tok Pelam ini Dato' Yang Dipertua. Kalau ikut keadaan biasa kita ambil 10% daripada harga rumah, kalau rumah RM75,000 kita ambil RM7,500 dulu baru boleh kita serah kunci tapi rumah ini kita beri keistimewaan cuma perlu bayar dua bulan sahaja dulu, banyak sudah kita beri istimewa. Kita tidak pernah untuk nak menyingkirkan rakyat. Cuma yang saya kesalnya ialah apabila ada pihak yang cuba menangguk di air yang keruh. Maaflah saya sebut, nak politikkan isu ini. Kita beritahu jelas RM126, dia beritahu Kerajaan berjanji nak beri sewa RM126 sedangkan kita kata kepada mereka yang terima Bantuan Sewa Rumah Kemiskinan Dalam Bandar, itu jelas. Sebab itu bekas Menteri Besarpun sebut RM126, ini adalah formula yang telah diberikan. Sayapun sebut RM126 tapi cuba dipolitikkan. Begitu juga .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Err ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya nak beri penjelasan dulu. Nanti dulu. Begitu juga saya melihat dan merasa kesal bahawa bila keadaan ini berlaku PAS telah mengambil kesempatan dan saya tahu bila Dewan Undangan Negeri ini bersidang mereka merancang untuk mengadakan demonstrasi secara aman, keluar dalam Sinar. Apabila saya buat semakan daripada lebih kurang 50 orang yang hadir orang Kampung Ladang lebih kurang 20 orang saja yang lain daripada Bandar dan macam-macam mari, itu satu. Yang kedua, dia tulis di sini ada orang tumpang di surau. Jadi saya mintaklah kalau benar orang yang ada tanah di situ yang Kerajaan ambil balik tapi Kerajaan tidak beri tanah sehingga dia tinggal di surau beritahu atau jumpa saya. Saya tak mahu ini dijadikan cerita yang bukan-bukan. Pergi cerita ke Batu Burok sampai menangis apa semua sekali tak selesai masalah jugak, kalau menangis di depan saya mungkin akan selesai masalah. Ini hakikat yang berlaku.

YANG BERHORMAT DR.SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sabar dulu, sabar dulu, sabar. Giliran saya dulu, kekgi saya beri peluanglah takdok masalah. Sebab itu saya katakan tadi inilah bila kita sepanjang masa nak main politik keadaan menjadi kelam kabut sebab itulah saya merasa dukacita bila keadaan ini berlaku dan saya akan ulas sebentar lagi. Saya akan pergi ke satu lagi perkara yang juga rakan saya Wakil Ladang ia menyebut kontraktor beritahu ke dia iaitu katanya dia nak pergi ambil duit bayaran *(payment)* untuk projek di Bank Islam takdok duit, Kerajaan takdok duit, minus RM2 juta. Sebab itulah saya kata dan saya kenal sangat semasa beliau jadi Pegawai Kerajaan hari itu bagus, hebat, rasional tapi bila jadi orang politik dia jadi tak rasional, jadi sebaliknya. Sebab itu saya kata tadi sepatutnya hak kes sebegini dia tanya Pegawai Kewangan tak apa: "Betul ke tidak Dato' Jak saya dapat makluman ini." Tapi nak sebut dalam Dewan jugak jadi malulah kita kalau berdasarkan kenyataan-kenyataan beberapa orang kontraktor, yang kita tidak boleh mendapatkan maklumat tepat kita bangkitkan dalam Dewan, jadi *komang do'oh.* Sedangkan kita buat semakan ke bank kita dan sistem kita teratur di antara kita dengan bank kita ada ikut sistem. Kalau kita keluar cek, duit kita tidak cukup dalam bank automatik cek tidak boleh keluar, itu sistem kita. Dan kita telah mintak/ semak dengan bank dan bank telah keluar sebab ini maruah kita, sebab itu kita terpaksa jawab kalau tidak orang kata Kerajaan bangsat *takdok pitih.* PAS pergi jaja pulak bayar RM100,000 – RM200,000pun cek kena tendang. Pada masa itu di Bank Islam ada RM2,800,809.78, di Bank Muamalat RM68,000,000.00. Jadi mana yang kata minus, ini yang bank keluarkan sebab itu saya mintaklah dan kita

bercakap dalam Dewan yang berdasarkan *'hear-say'* minta maaf Yang Dipertua. Dengar cakap-cakap, ini menggambarkan kita sebagai Wakil Rakyat, integriti kita sebagai Wakil Rakyat, sebagai pegawai kanan dan sebagainya.

Seterusnya saya nak nyatakan juga tapi saya tak tahulah Wakil Batu Burok ni berkenaan kes di Ladang dia sebut bahawa 170 orang datang berjumpa saya setelah mengadakan demonstrasi secara aman dan serah memorandum dan betul saya terima. Tapi saya rasa kecewa kerana ADUN Batu Burok ini lulusan hebat, UiTM Diploma Business Study dan Sarjana Muda dan Master Public Admin dari Indiana State University, Master dalam Political Science Indiana State University, Dr. Falsafah (PhD) dalam Political Science dari Birmingham University, United Kingdom kemudian menjadi Pensyarah di Indiana State University, USA. Tetapi tidak menggambarkan sebab ada pepatah orang berkata: "Walaupun kita cerdik belum tentu kita bijaksana". Sebab itulah yang penting ialah integriti. Dalam ucapan beliau menyatakan bahawa: "Saya sebut tadi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, malangnya dia tidak ada dalam Dewan pada petang ini. Tadi di waktu rehat makan pagi tadi datang rombongan penduduk Ladang menyerahkan memorandum yang ditandatangani 170 orang penduduk Melayu yang beragama Islam." Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, betul saya menerima 170 nama penduduk Ladang yang menghantar memorandum itu tetapi sebenarnya saya telah membuat semakan secara terperinci dan adalah amat menyedihkan bagi saya pembohongan dilakukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok. Pertama, mereka sengaja menyediakan nama kesemua 170 orang tanpa mendapat restu daripada mereka yang tinggal di Ladang Gemilang itu. Dibuat oleh orang PAS, saya kenal seorang-seorang yang datang jumpa saya 6 orang kelmarin. Orang ini kita beri gunung sekalipun, beri free apa sekalipun dia takkan itu ke kita dia akan kata ke kita macam-macam.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua pohon penjelasan sikit. Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Persoalan yang Yang Amat Berhormat timbul tak timbul soal pembohongan, PAS, UMNO dan sebagainya, kita bercakap soal masa depan orang-orang Melayu yang menjadi penduduk warisan di kawasan Kampung Ladang. Itu persoalannya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Okey, cukup. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR.SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tak, saya habis lagi sebab Yang Amat Berhormat kata saya berbohong. Saya bawa wakil penduduk bertemu dengan Yang Amat Berhormat dan memberi penjelasan di hadapan Yang Amat Berhormat. Apakah benda ini saya yang buat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri laluan Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukup, cukup.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... Bukan saya yang buat. Ini adalah hasrat daripada penduduk-penduduk sendiri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, baik.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah .....

YANG BERHORMAT DR.SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... yang melihat bahawa berlaku ketidakadilan terhadap mereka dan mereka terpinggir di bumi mereka sendiri. Orang Melayu terpinggir di bumi mereka sendiri, bukan saya buat ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, betul, betul. Duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Dia datang bertemu dengan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduklah saya nak jawab. Sabar, sabar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, laluan telah diberi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Giliran saya pulak, kelmarin dia hentam ke kita parah dah, giliran kitalah pulak ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau boleh saya tambah sikit?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, sabar, duduk dulu. Duduk dulu, takdok masalah. Dia baham ke kita, kita senyap saja, ini baru nak jawab belum hentam lagi ni. ....(Dewan Gelak) ....

Dato' Yang Dipertua, saya sebut ini *hansard* yang dikeluarkan oleh Dewan, saya mintak sebab kebetulan petang itu saya tidak ada saya terpaksa ke Kuala Lumpur. Jadi disebut di sini, Yang Berhormat Batu Burok sebut: "Datang rombongan penduduk Ladang menyerahkan memorandum yang ditandatangani oleh 170 orang penduduk Melayu yang beragama Islam." Itulah yang saya katakan pembohongan,

tidak ada satu tandatanganpun Dato' Yang Dipertua. Tidak ada satu tandatanganpun atas 170 nama orang penduduk tidak ada tandatangan sebab itu saya kata awal-awal tadi, 170 orang hak terima rumah ini dia ambil nama, senarai balik, hantar kepada kita seolah-olah orang-orang ini yang tidak berpuas hati sedangkan yang tidak berpuas hati orang-orang PAS itu aje. Kita beri ruang secukupnya berkait dengan dasar pengambilan balik tanah, Akta Pengambilan Balik Tanah, jika tak puas hati dengan harga yang ditawarkan walaupun kita rasa sudah mahal, mereka berhak untuk membawanya ke mahkamah. Sebab itu ada 34 orang yang *appeal,* tunggulah mahkamah yang putuskan. Keadilan kita berikan bukan kezaliman yang kita lakukan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebab itu saya nak sebut, ini yang pertama.

Yang kedua, bila bercakap soal kroni, sikit-sikit sebut kroni, sikit-sikit sebut kroni. Masa zaman PAS takdok kroni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Amat Berhormat, sebelum pergi ke kroni-kroni tu saya nak celah sikit hal Ladang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, cukuplah, saya tengah jawab ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak tambah maklumat sebab Yang Amat Berhormat sebut kalau ada orang tumpang di surau tolong khabor, saya nak khabor selalu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah, lepas Dewan nanti, takkan nak khabor di sini. Kita tengoklah. Giliran saya pulak ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita sudah beri cukup masa untuk perbahasan kepada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya mintak kalau diberi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah kalau tak diberi, hormatlah kepada Yang Amat Berhormat. Sila Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, zaman kita dia kata kroni, zaman dia takdok kroni ada sahabat, 'sahabat-sahabatnya'. Saya mintak dengar baik-baik. Okey, antara sahabat tapi sebelum itu saya ucap terima kasihlah kepada ADUN Batu Burok, sebenarnya nak sebut kroni itu bukan nak dituju kepada saya, bukan nak sebut Kerajaan, dia nak sebut kepada bekas Wakil Rakyat DUN Batu Burok. Pukul anak sindir menantu, rupanya dia *baham, nak gomol* sama sendiri. Dia nak *gomol geng* dia rupanya sebab dia berasa: "Allah hai, parah bekas Wakil Rakyat dulu *gomol*". Jadi diapun nak kata begitu takut sama-sama sendiri, jadi dia kata kroni ke kita bahkan kroni itu dia. Sebab saya boleh baca Dato' Yang Dipertua, antara projek-projek yang diberikan oleh bekas Yang Berhormat dulu, sekelompok yang sama dengan Wakil Batu Burok sekarang:

1. ANZ, ada 7 projek:

   (i) Menjadi kontraktor utama kepada Projek Pusat Niaga Paka yang diswastakan kepada EPIC menerusi anak syarikat Eastern Pacific Properties Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak peringkat pertama berjumlah RM15,537,918.71.

   (ii) Membangunkan tapak SPKA yang diserahkan kepada korporat dengan harga jualan bernilai RM31,788,000.00 bertempat di Balai Besar, Dungun dengan pulangan pembayaran kepada Pembinaan ANZ 90.50% dengan nilai RM28,793,143.00.

   Kes ini merupakan penipuan terbesar pernah berlaku kerana tanah ini asalnya adalah tanah SPKA. Dan saya bangunkan ketika saya menjadi Exconya untuk dibangunkan oleh Kerajaan Pusat tetapi diberi kepada ANZ untuk dibangunkan, dengan jalan telah siap, longkang dah siap, Kerajaan dapat RM3 juta.

   (iii) Projek Penswastaan Perumahan di Bukit Bayas seluas 15.42 hektar atau 38.31 ekar melibatkan kos pembangunan berjumlah RM17,652,330.51.

   (iv) Projek Penswastaan Perumahan Kampung Tok Adis seluas 25.36 hektar atau 60.818 ekar melibatkan kos pembangunan berjumlah RM54,999,637.04. Kedua-dua projek ini melibatkan kos pembangunan RM62,631,987.35.

Yang saya masih ingat Dato' Yang Dipertua, saya yang mintak ketika itu Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad mengambil balik tanah tersebut untuk dijadikan kawasan permainan untuk rakyat Kuala Terengganu. Saya katakan biarlah boleh buat 10 buah padang bola, 5 padang hoki sebagai tempat berhimpun anak-anak muda di Kuala Terengganu ketika itu. Itu tujuan asalnya tetapi telah diserahkan kepada ANZ.

(v) Menjadi subkontraktor kepada Syarikat GPQ dan kerja-kerja kerangka besi di semua projek Perumahan Awam Kos Rendah, Banggol Peradong dengan nilai kontrak RM856,800.00. Menjadi subkontraktor kepada Syarikat GPQ dan kerja-kerja kerangka besi di Sungai Kerak, Marang dengan kontrak RM882,000.00. Menjadi subkontraktor kepada semua Syarikat GPQ.

Ini bukan kroni Dato' Yang Dipertua, 'sahabat'. Sebab itu saya kata tadi, dia nak kata ke bekas Wakil Rakyat dia bukan kepada saya.

2. Projek Di Cabang Tiga. Projek ini sebenarnya adalah diberikan oleh Kerajaan PAS kepada EDV. Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar, Dato' Yang Dipertua. Oleh kerana ADUN Batu Burok tak tahu sejarah maka dan sepatutnya pemegang PhD, kajian mendalam dibuat asal usul ceritanya "Cang perang, gelombang perang, orang seorang nama tujuh", Dato' Yang Dipertua. Oleh kerana syak wasangka, ingat semua orang jahat belaka. Saya nak terangkan kepada Dato' Yang Dipertua, projek ini diberi oleh Kerajaan PAS kepada EDV, satu lagi 'sahabat' zaman PAS. Saya baca: "Projek-projek yang diperolehi EDV Landmarks Sdn. Bhd.:-

(i) Kerja tambun tanah Tapak Perpindahan di Tok Adis Fasa 1, Kuala Ibai, Kuala Terengganu RM20,997,000.00.

(ii) Pembangunan Perkedaian Pasar Pekan Wakaf Tapai RM8,965,000.00.

Dan saya nak maklumkan Dato' Yang Dipertua, kalau orang tidak patriotif, kita saja yang patriotif, inilah yang berlaku. Siapakah pemilik EDV Dato' Yang Dipertua? Saya boleh baca Dato' Yang Dipertua. Tuan punya EDV ialah:

(i) Chua King Chee
(ii) Wee Chai Leong

bin apa benda, takdok bin ....(Dewan Gelak) .... Wee Chai Leong, *nie haw maa? Haw. Yau pu yau. Sye-sye.* Inilah yang berlaku Dato' Yang Dipertua.

Saya nak maklumkan juga bahawa syarikat inilah yang telah memilih rakan kongsinya yang baru untuk membina rumah ini bukan kita yang pilih, beberapa syarikat telah bertemu dengan dia kerana syer Kerajaan Negeri ketika itu telah diberi kepada EDV dan untuk penjelasan lebih lanjut Dato' Yang Dipertua, saya bawa di sini secara jelas iaitu jemputan acara Majlis Pecah Tanah Projek GPQ-EDV Cabang Tiga. Atur cara Majlis:

10.30 pagi -	Ketibaan para jemputan.
10.45 pagi -	Ketibaan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
11.00 pagi -	Ketibaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT. Menteri Besar, Terengganu.

Dibuat pada 17hb Mac, 2004, 3 hari sebelum pilihan raya berlangsung, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Biar, biar dulu, selesai kemudian, saya cakap tak habis lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak diberi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak diberi, Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya takmboh beri laluan, itu hak saya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ... Sebab *too wrong doesn't make it a right as the point* .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti, nantilah, itu hak saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laluan tidak diberi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Kita nak pertahankan diri kita, kita bawa sesuatu yang telah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya tanya projek Cabang Tiga dalam konteks kuota yang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu. Laluan tidak diberi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(berucap tapi mikrofon tidak dipasang) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *(masih berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takdok masalah Dato' Yang Dipertua. Duduk dulu, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk. Laluan tidak diberi. Duduk dulu. Ada peluang kekgi nanti saya beri. Nanti diberi peluang, nanti.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak tanya sebab Yang Amat Berhormat dalam ucapannya biarlah gentleman sikit .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat ni kalau sentuh hal orang lain, Yang Berhormat manis tapi kalau menyentuh Yang Berhormat, Yang Berhormat jadi tak sabar. Saya mintak Yang Berhormat sabar dulu.

YANG BERHORMAT DR.SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *(masih berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! Yang Berhormat, saya mintak duduk, Yang Berhormat!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ini masa saya Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR.SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *(masih berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT DR.SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... *Point of Order* dalam 47(2) ini bila Yang Berhormat Dato' Speaker *bias*, tidak *independent*, meletakkan kepentingan-kepentingan tertentu, ini yang berlaku. Dewan ini tidak dapat berbincang dalam keadaan yang tenang dan baik. Semalam saya bawa satu isu, Yang Berhormat Dato' Speaker menyatakan saya berbohong, saya menipu, saya cuba *try to deviate* Dewan ini dan sebagainya. Jadi saya mintak *ruling* pada hari ini bagaimana kalau kita nak menjawab persoalan-persoalan yang penting ini, Yang Berhormat Dato' Speaker tidak bersikap berkecuali dalam menentukan perjalanan Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, cukup! Saya pada hari pertama saya sudah kata, sayapun manusia jugak, jangan dihilangkan sabar, kemudian janganlah cari-cari benda yang tidak sepatutnya. Kemudian semalam kita semua telah lihat, sepanjang Persidangan inipun Ahli-ahli Yang Berhormat telah lihat adakah saya ini tersangat *bias,* kalau saya nak tuduh Yang Berhormat, Yang Berhormat akan bangkit macam-macam. Saya menggunakan kuasa di bawah kuasa Peraturan Dewan, kuasa Yang Dipertua. Saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan ada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau diambil kuasa gantung, halau, keluar, Yang Berhormat akan jadi juaralah. Tapi bukan saya terperangkap, saya tak nak terperangkap dalam perkara-perkara remeh macam itu. Jadi saya nak mintak Yang Berhormat, kita ambillah celah dengan bijak. Sekarang penggulungan pihak Kerajaan. Yang Berhormat nak mintak penjelasan, sila mintak dengan Wakil Kerajaan. Jika Wakil Kerajaan tidak memberi laluan, tambahan akan diberi sekejap

lagi, biar dia jelaskan habis dulu. Yang Berhormat duduklah dulu kemudian mintaklah balik. Saya ini tukang memberi, tukang mengatur saja Yang Berhormat. Saya ingat kalau Yang Berhormat duduk di tempat saya, lagi teruk dari saya, saya ingat. Jadi begitulah Buku Peraturan kita ini, jelas kuasa Speaker, kuasa Yang Dipertua adalah muktamad. Jadi saya ingat Yang Berhormat kita sabar, masa tak apa, sampai malampun tak apa kita bermesyuarat. Jadi saya mintak Yang Amat Berhormat teruskan penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sayapun kadang tu rasa nak suka jugak Dato' Yang Dipertua sebab masa dia paku ke kita, kita relaks saja. Saya tak paku lagi ni baru nak cari tukul baru. Sebab itu saya masih ingat kata-kata Allahyarham Tun Adam Malik: "Walaupun dada kita mendidih tapi kalau kepala kita dingin semuanya bisa diatur". Sebab itu saya melihat bahawa kita tak jawab habis lagi dia sudah melenting. Sebab apa? Sebab panas ni. Cuba kita pijak bara api, melenting selalu. Maknanya saya rasa haruslah barangkali Wakil Batu Burok pijak api dah ni, hak kelmarin tak lepas dah terperangkap dengan perbuatan sendiri. Dan sebab itu saya katakan tadi Dato' Yang Dipertua, minta maaflah, kalau saya beranggap bahawa Wakil Batu Burok ini pembohong bersiri.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua saya nak mintak *ruling* dalam hal ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Ruling* apa lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yalah bila buat tuduhan macam tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk sekejap.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Di bawah Peraturan 46(13). Saya mintak *refer* di bawah Peraturan 46(13). Kalaulah Yang Amat Berhormat boleh berkata sedemikian, bolehlah siapa-siapapun boleh berkatalah bahasa-bahasa yang digunakan itu. Saya mintak ruling di bawah 46(13) (a), (b), (c), (d).

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Amat Berhormat. Di sini peraturan jelas, tuduhan, Yang Berhormat boleh pertahan, Yang Berhormat ada di sini, nanti masa akan diberi nanti. Mintak penjelasan. Begitu juga 47 tadi .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan dari segi bahasa yang digunakan, 'pembohong bersiri' boleh kita gunakan dalam Dewan ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sayapun .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kalau boleh sayapun nak guna jugak. Saya mintak ditarik balik oleh Yang Amat Berhormat. Kalau tidak saya akan gunakan jugak bahasa ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat rasa ada bukti ataupun perlu teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada bukti jelas Dato' Yang Dipertua sebab itu saya sebut 'pembohong bersiri'.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat adalah pembohong besar kepada rakyat Negeri Terengganu. Bapak penipu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar dia ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa Yang Amat Berhormat maksud bersiri ni ialah berkala. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Maknanya Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, para Pemerhati tengoklah personaliti Wakil Batu Burok, ada PhD tapi tidak bijaksana. .....(Tepukan sokongan) ..... Tadi saya sebut dah kata-kata Adam Malik. Sebabnya saya ada bukti Dato' Yang Dipertua, siri pertama telah saya sebut tadi, hantar memorandum tanpa tandatangan 170 orang sedangkan bila kita buat semakan yang ada cuma orang PAS sahaja, yang lain tak terlibatpun cuma ambil nama. Lepas ambil nama sepatutnya kena tandatangan tapi satu tandatanganpun tak ada, ini pembohongan pertama. Pembohongan kedua, Dato' Yang Dipertua, bila kita sebut hal tempat letak kereta, kita rasional mungkin libatkan orang payah nak curi apa semua sekali. Dia khabor pulak Dewan dia kata Kerajaan Johor tolak, Selangor tolak, Pulau Pinang tolak. Saya kata, mana ada surat penolakan nak tengok. Dalam ucapan dia, dalam *hansard* katanya dia hubungi Lim Guan Eng. Saya telah

menghubungi Lim Guan Eng. Okey Dato' Yang Dipertua, saya baca: "Tempat Letak Kereta Berpusing di Batas Baru. Sebaik sahaja cabaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya telah menghubungi Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Saudara Lim Guan Eng. Pulau Pinang telah ada cadangan untuk pembinaan Parking Bergerak daripada satu *company* daripada Negeri China jumlah perbelanjaan dijangkakan lebih kurang RM4.5 juta".

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Lim Guan Eng ni daripada parti mana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: DAP, sahabat dia. 'Sohabat'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dan saya ada bukti Dato' Yang Dipertua, pembohongan kedua yang dilakukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok. Kelmarin pukul 1.00 tengah hari saya telefon Yang Amat Berhormat Lim Guan Eng: "Ada tak ADUN Batu Burok dua-tiga hari ini telefon Yang Berhormat?" "Takdok." dia kata. .....(Tepukan sokongan) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, kita bagi bukti bersiri dulu. Duduk, duduk, kita nak dengar bersama. Kita nak bagi peluang dulu siri-siri seterusnya Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab dia ingat saya tak kenal Lim Guan Eng, nombor telefon personal dia saya ada. Saya *contact,* saya tanya, lepas itu saya tanya pulak ada tak orang mari *approach* Yang Berhormat nak pasang tempat letak kereta berputar? "Setakat ini takdok, saya tak ingat, takut pegawai saya tak tahulah" dia kata. ADUN Batu Burok, Syed Azman, itu kawan baik saya tapi takdok setakat ini. Cuma dia beritahu saya dia nak jumpa di konvensyen dia. Wallahi Wabillahi Watallahi Yang Berhormat, saya bercakap dengan Lim Guan Eng kelmarin. Yang Berhormat berani bersumpah? Wallahi ..... Bangunlah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya sebaik sahaja timbul persoalan ini saya menghubungi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan dia memberitahu tentang hal ini dari segi ROI yang disebut .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat diminta bersumpah adakah Yang Berhormat bercakap sebagaimana yang dikata oleh Yang Amat

Berhormat tadi? Sila Yang Berhormat bersumpah. Kalau dok, doklah dan kalau ya, ya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... [Diam] ..... (Diikuti dengan tepukan oleh Dewan).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Amat Berhormat teruskan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak Bentara Dewan ambil Al-Quran bubuh depan, dan sayapun bubuh Al-Quran di depan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bukan masalah Bentara Dewan dan Al-Quran.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ini saya nak adil, saya nak adil kepada belah sana dan sebelah sini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya dah tanya, saya dah tanya Yang Berhormat Dato' Harun dia kata boleh. Wallahi, saya telahpun menghubungi Yang Amat Berhormat Saudara Lim Guan Eng.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kalau sumpah betul-betul, ambil Quran Dato' Yang Dipertua, ambil Quran.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang) ....*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Berhubung hal benda? Sebab itu dia khabor saya ada telefon, tapi hal Yang Berhormat nak jumpa di konvensyen. Kan saya telefon ni, boleh ke Peraturan Dewan? ....(Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah dah jelas.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takdok benda, kalau Dewan kata boleh saya nak telefon selalu. Nak telefon ni? .....(Dewan terus gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jangan main-main Dato' Yang Dipertua, kita bercakap di Dewan yang mulia, jadi jangan buat sedap mulut aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya sudah nasihat awal-awal kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kena ikut peraturan kerana nak elak perkara-perkara macam ini. Sila teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu juga isu yang dibangkitkan mengenai Pegawai Pengawal. Kita telah laksanakan, masalah Pegawai Pengawal ini tidak timbul masalah iaitu ....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, tak habis lagi tentang Parking Bertingkat tadi. Saya ingin dapat penjelasan selain daripada saya sebut Pulau Pinang itu, saya nak tahu dari segi ROI, adakah kita buat ROI dalam hal ini? Itu soalan dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Amat Berhormat faham.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya dah beri penjelasan kelmarin. Tanah kita terhad, tak cukup parking, kita buat parking bertingkat dan buat cara ini selamat, dari segi long term kalau kita nak bangunkan pembangunan di kawasan Batas Baru kita boleh pindahkan ke tempat lain, benda tak rosak tapi kalau kita buat bangunan kita kena robohkan, itu yang kita buat dari segi jangka panjangnya. Ini susah, tak ada tempat letak kereta marah ke Kerajaan, kata rakyat kohor miskin tapi kereta kohor banyak. Buat tempat letak kereta bertingkat kata maju sangat pulak macam Jepun, macam Tokyo, macam England, Pulau Pinang tak pakai, jadi susahlah kita. Tak buatkan susah, buatpun susah 'buat salah tak buat salah' *(dalam lengok lagu).*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu skrip P. Ramlee, Yang Amat Berhormat. .....(Dewan Gelak) .... Sila teruskan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu Yang Dipertua saya nak maklumkan yang tadi Dato' Yang Dipertua. Saya sebut tadi Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal yang dimaksudkan dalam buku Bajet adalah Pegawai-pegawai Kerajaan, mereka dilantik untuk menguruskan peruntukan dan perkara-perkara berkaitan. Pelantikan mereka adalah menurut Seksyen 15(a) subseksyen 5 Akta Acara Kewangan 1957 dengan gelaran jawatan ini dicetak dalam buku Bajet yang dibentang kepada Badan Perundangan Negeri. Peruntukan Undang-Undang ini pelantikan dan tanggungjawab Pegawai Pengawal adalah sebagaimana penjelasan Seksyen 15(a) Akta Acara Kewangan 1957. Oleh yang demikian, adalah tidak teratur jika diletakkan Menteri Besar sebagai Pegawai Pengawal dalam buku

Bajet sedangkan Menteri Besar berkuasa untuk melantik Pegawai Pengawal. Pindaan atau pembetulan ini tidak menjejaskan kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan kepada Menteri Besar oleh Akta Acara Kewangan 1957. Pindaan dibuat berdasarkan kepada perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri pada 19 Disember 2010 di Tingkat 5, Wisma Darul Iman. Semakan juga telah dibuat ke atas buku-buku Bajet di negeri-negeri lain, Pahang, Selangor dan Pulau Pinang yang dibekalkan kepada Perbendaharaan Negeri Terengganu dan mendapati mereka juga tidak menamakan Menteri Besar sebagai Pegawai Pengawal dalam buku Bajet. Justeru itu, inilah yang dilakukan dan sekali lagi saya dapati bahawa Yang Berhormat Batu Burok cuba mengelirukan Dewan dan orang ramai seolah-olah Menteri Besar berkuasa beri projek RM20 juta Menteri Besar *sign,* kurang RM20 juta baru orang lain.Tak betul, sedangkan inilah yang merupakan Peraturan Kewangan. Pegawai Pengawal peringkat negeri ialah Menteri Besar dan menurunkan kuasa kepada Y.B. SUK, itu satu. Yang kedua, mana-mana projek yang ditender atau mana-mana projek yang lebih daripada RM20 juta, saya turun kuasa kepada Dato' SUK. Sedangkan masa zaman PAS, Tuan Guru Haji Hadi RM5 juta saja. Saya boleh baca, ini Warta Kerajaan Dato' Yang Dipertua:-

Warta Kerajaan
Diterbitkan Dengan Kuasa

30 Ogos 2001

Akta Kontrak Kerajaan 1949
Pemberikuasaan Di Bawah Seksyen 1

Saya Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Menteri Besar Terengganu dengan ini memberi kuasa kepada pegawai-pegawai berikut untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri apa-apa kontrak bagi jumlah tidak melebihi jumlah yang ditunjukkan bertentangan dengan nama mereka mulai 1 Julai 2001.

	Pegawai	Nilai Kontrak (RM)
1.	Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu	5 juta
2.	Y.B. Pegawai Kewangan, Terengganu	5 juta
3.	Pengarah Kerja Raya, Terengganu	1 juta
4.	Timbalan Pengarah Kerja Raya Negeri	200,000
5.	Jurutera Daerah Kerja Raya, K. Terengganu	200,000
6.	Jurutera Daerah Kerja Raya, Dungun	200,000
7.	Jurutera Daerah Kerja Raya, Hulu Terengganu	200,000
8.	Jurutera Daerah Kerja Raya, Kemaman	200,000
9.	Jurutera Daerah Kerja Raya, Besut.	200,000

10.	Jurutera Daerah Kerja Raya, Setiu.	200,000
11.	Jurutera Daerah Kerja Raya, Marang.	200,000
12.	Jurutera Daerah Kerja Raya, Kuala Terengganu	200,000
13.	Jurutera Elektrik Kerja Raya, Negeri Terengganu	200,000
14.	Pengarah, Pengairan & Saliran Negeri Terengganu	200,000

Panjang lagi Dato' Yang Dipertua, nak baca lagi ke? Tak payahlah. Sampailah ke peringkat Pegawai Daerah pulak:

1.	Pegawai Daerah Dungun	500,000
2.	Pegawai Daerah Marang	500,000
3.	Pegawai Daerah Setiu	500,000

Ini dikeluarkan semasa pemerintahan PAS tahun 2001, Warta Kerajaan Dato' Yang Dipertua, kita boleh tengok, kita boleh beri kepada ADUN Batu Burok. Tapi hak terbaru Dato' Yang Dipertua, zaman saya ni, hak kata salah guna ni RM20 juta boleh *sign* belaka ni.

Warta Kerajaan
Diterbitkan Dengan Kuasa

Jilid 62 22 Oktober 2009
No.22

Akta Kontrak Kerajaan 1949
Akta 120
Pemberikuasaan Di Bawah Seksyen 1

Pada menjalankan kuasa di bawah Seksyen 3, Akta Kontrak Kerajaan 1949, Akta 120, Menteri Besar Terengganu memberi kuasa kepada pegawai yang dinyatakan dalam ruangan 1 Jadual untuk menandatangani apa-apa kontrak bagi pihak Kerajaan Negeri yang nilainya tidak melebihi nilai yang dinyatakan dalam ruangan 2 bertentangan dengan jawatan mereka masing-masing dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 21 Januari 2009.

Saya sebut Menteri Besar saja, hak ni sebut nama, hak nun RM5 juta, hak terbaru saya, okey:-

JADUAL

1 Jawatan (Post)	2 Nilai (Value)
Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu	RM20 juta
Y.B. Pegawai Kewangan, Terengganu	RM20 juta

Tak timbulkan saya beri projek dan tandatangan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Speaker takdok Yang Amat Berhormat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Speaker takdok, nak buat guana. Sayapun simpati jugak kepada Speaker, sedih rasanya. Ini boleh dia baca ..... Sebab itu saya perlu beri penjelasan, kalau tak jelas rakyat di bawah dia pergi ceramah jadi Menteri Besar salah guna kuasa, projek RM20 juta dia *sign,* dia beri sedangkan ia mengikut proses biasa, ikut kontrak, tender. Saya cuma *sign* Buku Kontrak saja, kalau RM20 juta ke atas saya *sign* kalau tidak projek RM5 juta, RM6 juta banyak kerja duduk *sign,* zaman PAS tak apa takdok kerja sebab itu RM5 juta nak *sign* jugak, kita ni banyak kerja do'oh lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Benda apa Yang Amat Berhormat, benda apa, dok dengar satni? ....(Dewan Gelak) .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah, kita ulang *kakranglah* pulak, nanti di luar *kakrang.* Tak apa, tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, apa rasional daripada perbandingan jumlah-jumlah tu, kedua-dua menurunkan kuasa kepada pegawai, jadi banyak sikit tu soal lain tapi yang banding-banding tu bakpe?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rasional maksudnya, Yang Berhormat nak mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Rasional kita maknanya kita beri kuasa kepada pegawai sampai RM20 juta, maknanya kita percaya kepada pegawai kitalah tu, mereka ada integriti dan sebagainya, kita percaya. Kalau kita tidak percaya susahlah, jadi hak RM5 juta, RM6 jutapun kita nak panggil, nak *check* sokmo, payahlah. Itu rasional dia. Jadi janganlah maknanya ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak RM5 juta yang diberi itu takdok kepercayaan kepada pegawai ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, Yang Berhormat Manir maksud daripada perbahasan Batu Burok lebih awal dulu, dia ada banyak sangkut-menyangkut tu. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu Dato' Yang Dipertua, saya perlu beri penjelasan sebab gambaran yang diberikan tidak benar, benda ini dibawa ke ceramah-ceramah, MB salah guna kuasa, projek RM20 juta pakai beri belaka, MB *sign.* Ini yang tak betul ni. Kita orang Islam, sesungguhnya fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh, Dato' Yang Dipertua. Baca sokmo dah tapi amalan tidak ada. Sebab apa? Penyakit kalbu yang kelabu. Sebab itu saya mengharapkan kita bertanggungjawab tentang apa yang kita lakukan. Sebab itu saya sebut tadi, bila saya sebut pembohong bersiri Yang Berhormat rasa hati, nak marah selalu, sayapun biasa jugak marah orang dulu masa jadi askar dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Saya spesifik tentang usul yang saya bawa ini kerana kita menjaga kepentingan Negeri Terengganu bukan masalah nak tuduh dan sebagainya. Kebimbangan kita bila kuasa yang ada kepada Menteri Besar dengan kita tidak mengikut Arahan dan Peraturan Perbendaharaan memanglah akan berlaku penyelewengan dan salah guna. Kalau saya tengok Buku Panduan atau Garis Panduan Pengurusan Kewangan Sektor Awam yang dibuat ini memang begitu cantik. Jadi bila berlakunya perubahan yang dibuat dalam Bajet 2011 diturunkan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar hanya kepada Dato' Setiausaha Kerajaan maka saya pohon penjelasan kepada persoalan ini sebab sepanjang 3 tahun Yang Amat Berhormat memegang jawatan Menteri Besar ini dengan meluluskan Bajet-bajet ini, bagaimana keadaan kelulusan-kelulusan Yang Amat Berhormat berikan setakat ini, itu sahaja persoalannya bukan masalah politik dan sebagainya. Ini melibatkan kedudukan Pegawai-pegawai Kerajaan jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah dijelas tadi Yang Berhormat tidak melibatkan penurunan kuasa ini kelulusan dan sebagainya. Yang Amat Berhormat tolong jelaskan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, macam saya kata kelmarin cakap lain, hari ini cakap lain sampai nak bawa usullah apa semua sekali. Usul ini saya baca lama dah Dato' Yang Dipertua, dalam Harakah Daily keluar lama dah, Yang Berhormat jugak tulis. Maknanya dia tulis dalam Harakah Daily dulu baru dia bawa dalam Dewan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mana ada .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadilah Dato' Yang Dipertua, cukup ajelah, saya nak bercakap pulak ni. Ini giliran saya. Anianya ke kawan nak balik ke kampung masing-masing jauh ni. ...(Dewan Gelak) .... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi saya mengharapkan bahawa sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita melaksanakan berasaskan hukum dan peraturan, undang-undang yang sedia ada. Dan sebab itu kita katakan tadi Kerajaan Malaysia buat molek belaka dah, ada SPRM, ada apa semua sekali, kalaulah berlaku penyelewengan buatlah siasatan, kalau terbukti salah buat pendakwaan, ini jelas, kenapa kita nak bimbangkan. Saya menjalankan tugas dan tanggungjawab saya, kita buat dengan betul bukan nak cerita macam-macam. Malam ini, esok penuh ceramah ni. Sebab itu kita kata kita nak buat ini demi kepentingan rakyat sebab itu buat. Macam tadilah e-Book dipertikai, bangunan runtuh struktur tidak tahan, macam-macam. Kalau Yang Berhormat Batu Burok seorang Engineer dapat daripada IKRAM mengesahkan bahawa bangunan akan runtuh, okey .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, cukuplah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, sikit saja.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak payah, tak payah, takmboh dah. Saya dah nak habis ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, sebelum habis, sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam kalau tak diberi tu fahamlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya takmboh beri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sebut hal e-Book .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya *takmboh* beri, cukuplah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betullah, kita nak ketelusan, kita bincang cara .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila teruskan Yang Amat Berhormat. Sila duduk Wakaf Mempelam.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormatpun pernah kata *takmboh* beri, ini giliran sayalah pulak *takmboh* beri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *.....(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak diberi Yang Berhormat. Fahamlah tu, semua orang faham ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mintak penjelasanpun tidak diberi nak bincang buat apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk, tak diberi duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia nak teruskan penggulungan, Yang Berhormat duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sebelum teruskan penggulungan pasal kes isu TOP-IT, pasal e-Book. Saya semalam ada keluarga meninggal ..... (berucap tapi mikrofon tidak dipasang) ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dia suruh duduklah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat. Saya mintak duduk. Takkanlah saya nak .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Perkara ini tak perlu kita bincanglah Yang Berhormat .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, duduklah saya kata. Jangan panas sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat darjah berapa sekolah ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sehingga nak mintak penjelasanpun tak boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya suruh duduk tak faham ke? Kalau budak sekolah rendah faham. Duduk murid-murid.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan saya budak sekolah rendah, perbincangan peringkat Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab Yang Berhormat tak faham bahasa 'duduk'. Saya tanyalah Yang Berhormat sekolah darjah berapa. Sila duduk Yang Berhormat. Saya mintak duduk Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab laluan tidak diberi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guana *bekeng* sangat tu? .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir macam cerita P.Ramlee ni, nak jual ayah mentua dengan menantu. Tak marah Yang Berhormat, tak marah cuma nasihat biar pandai sikit. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasihlah kepaca Ahli-ahli Dewan yang telah menyokong usul ini .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada mintak laluan lagi Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: .... Kita berharap bahawa kita dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna. .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak diberi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *It's a Point of Order, the Point of Order* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Point of Order sokmo.* Silalah Yang Amat Berhormat terus habiskan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kekgikan sekali dibaca *point of order, 47 kali salah, Point of Order, Point of Order* .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Apalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua sekarang ini *bias, bias, bias.* Kita nak mintak penjelasanpun tidak boleh disuruh duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *Bias!!!*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Bias* apa? Dah habis penggulungan. Sila duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya bawa *Point of Order .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Point of Order* apa?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): 47(2).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baca. Duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, baca, baca 47(2).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi bawa 47. Sidang sekalian saya baca 47 dulu, 47 yang dia bawa tadi: "Mana-mana Ahli Dewan yang terpesong peraturan dan perintah Dewan bolehlah dengan serta merta diminta patuh kepada perintah oleh Yang Dipertua Dewan."

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): 47(2).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baca hak 47 dulu hak Yang Berhormat mintak 47, 47 tadi. Saya beri perintah takmboh ikut konon pandai peraturan, baca ikut orang putih hak Melayu takmboh baca.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya minta dibaca 47(2) *.....(Berucap kurang jelas tidak dipasang mikrofon) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baca 47(2). Saya perintah Yang Berhormat kalau ikut peraturan pulak Yang Berhormat duduk dulu. "47(2) – Apabila berbangkit perkara-perkara yang berkaitan dengan perintah-perintah, mana-mana Ahli bolehlah berucap dan bercakap dan jika ia berbuat begitu dengan serta merta dan memulakan ucapannya dengan membuat bahawa ia bangun berkenaan dengan perkara patuh kepada perintah maka Ahli yang sedang berucap hendaklah duduk semula." Ini tak duduk kalau saya suruh duduk. Saya sambung baca peraturan: "Begitu juga yang bangun berkenaan dengan patuh kepada perintah." perintah ini perintah Yang Dipertua. "Selepas ia tamat membuat rayuannya kepada Yang Dipertua Dewan, Ahli yang menjadi Pengetua Dewan." Kalau saya ni tak berapa sihat, saya nak keluar sekejap saya pilih Ahli menjadi Pengetua atau Pengerusi. Jelas tu. Eeh ..... nak pakai

perintah. Yalah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dah jelas tadi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak membawa di Dewan ini di dalam sesi kali ini .....*(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk, saya nak habiskan Persidangan ini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... *(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* ..... Hari ini saya bawa yang semalam dikatakan saya bohong untuk diserah kepada Yang Dipertua dari segi TOP-IT yang menyatakan tidak ada perjanjian di antara Kerajaan dan syarikat-syarikat. Saya nak serah kepada Dato' Yang Dipertua dalam hal ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Boleh tak kalau kita panggil Bentara untuk diberikan kepada Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat yang pandai ini duduk dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya takkan duduk selagi tidak diterima ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Watak Batu Burok sekarang. Saya tak perlu layan watak-watak macam ni. Saya mintak Yang Berhormat duduk dulu. Perintah 47(a) (1), (2), perintah berapa lagi nak? Saya mintak duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yalah, bila Dato' Yang Dipertua tidak hormati peraturan saya tidak akan duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk!!! Kalau tak nak duduk saya akan teruskan. Yang Berhormat sekalian kita telah mendengar penggulungan daripada pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(Berucap bertindih dengan Yang Dipertua tanpa menghirau arahan Yang Dipertua, mikrofon tidak dipasang) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mintak duduk dulu, duduk. Nak tunjuk watak apa lagi Yang Berhormat. Nak pancing saya suruh saya jadi agresif, saya ini kurang akal pertimbangan? Tidak Yang Berhormat. Yang Berhormat kata semalam Yang Berhormat tidak bawa dokumen berkenaan. Yang Berhormat berkata semalam dokumen berkenaan ialah Laporan Audit. Yang Berhormat jelaskan semalam Laporan Audit itu yang telah dibentangkan di Parlimen tiba-tiba Yang Berhormat kata Yang Berhormat bawa pulak, tunjuk pulak ke Dewan ini. Saya mintak diambil, Yang Berhormat takmboh serah kepada kita, apa ke bendanya ni? Jadi saya nak habiskan, sayapun ada perasaan, ada suasana jugak. Tugas saya banyak lagi ni nak selesai sidang. Jadi saya tak mahu melayanlah perkara-perkara macam ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak perlu dah Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cakap berhalus ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan kepada perkara yang tidak perlu. Duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dengar kata penjelasan tidak perlu selalu, tak boleh begitu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak usah tunjuk lembutlah Yang Berhormat, orang tahu dah!!! Duduk, duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekarang ini Yang Berhormat duk tuduh, cakap molekpun suruh duduk .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, molek, terima kasih. Duduk. Saya mintak duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi macam mana kita bersidang Yang Dipertua, tidak memberi ruang untuk nak mintak penjelasan, cara baikpun tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat ..... Sila duduk Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... *(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang)* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat yang saya kasihi, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Berhormat nak keluar, terima kasih. Saya tak suruh Yang Berhormat keluar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ada keluarga terdekat mati tapi saya mari .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... tapi sekiranya mintak penjelasan tidak boleh, nak bincang secara mintak penjelasan secara baik tidak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya telah jelas tadi, perkara ini telah selesai, penggulungan telah selesai, tamat. Boleh balik kalau yang tak nak ikut sidang Dewan, tidak ada masalah. Kita nak selesai tugas kita banyak lagi ni. Sidang Dewan kita memperhatikan semua tingkah laku Yang Berhormat ni, Ahli Parlimen. Marah deh, marah Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mintak penjelasan saya ke tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya tanya marah ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya tak marah tapi oleh kerana Yang Berhormat semacam tak memberi peluang jadi tak guna saya duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah jelas tadi, penggulungan dan selesai, sekarang kita pergi ke agenda seterusnya.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2011 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin pergi kepada *ruling* 60(2).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, mesyuarat sekarang Dalam Jawatankuasa. Teruskan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Point of Order Dato' Yang Dipertua, Point of Order 60(2) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak ada Yang Berhormat, sekarang ini urusan Dalam Jawatankuasa ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak ruling 60(2) dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon *.....(mikrofon tidak dipasang) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, takdok Yang Dipertua, sekarang Dalam Jawatankuasa ni, Pengerusi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak ada order, Yang Berhormat telah terlepas dah, selesai dah, kalau mati, innalillah dah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(Berucap tapi mikrofon tidak dipasang) .....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah, cukup, menyusahkan. Sekolah tinggi ni menyusahkan. Sekolah mana saya tak tahu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2011 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2011 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2011.**

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2011

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

> *"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2011 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL.*

JADUAL

Maksud	Tajuk Maksud	Negeri (RM)	Diganti Oleh Persekutuan (RM)	Pinjaman (Negeri) (RM)	Pinjaman (Pusat) (RM)	JUMLAH (RM)
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	844,051,440.00	-	-	-	844,051,440.00
P.04	Pejabat Perbendaharaan	10,000,010.00	-	-	-	10,000,010.00
P.10	Jabatan Kerja Raya	23,419,060.00	-	-	-	23,419,060.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	26,400,010.00	-	-	-	26,400,010.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	7,832,010.00	-	-	-	7,832,010.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	30,000,010.00	-	-	-	30,000,010.00
P.29	Pejabat Perhutanan	2,150,010.00	-	-	-	2,150,010.00
P.30	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	2,669,020.00	-	-	-	2,669,020.00
P.31	Jabatan Pertanian	2,700,010.00	-	-	-	2,700,010.00
P.32	Pejabat Pembangunan	93,050,010.00	-	-	-	93,050,010.00
	JUMLAH BESAR:	**1,054,271,650.00**	**-**	**-**	**-**	**1,054,271,650.00**

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 14/2010. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan. Kepada sesiapa yang ingin berbahas dipersilakan. Saya beri ruang kepada Permaisuri dulu sebagai penyokong.

YANG BERHORMAT ABD. HALIM BIN JUSOH (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta para Pemerhati yang saya hormati. Dalam Bajet kali ini Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tetap mendahulukan rakyat di dalam merancang pembangunan dalam berbagai sektor di seluruh daerah, bandar-bandar dan juga kawasan-kawasan luar bandar di seluruh Negeri Terengganu. Perancangan Pembangunan Tahun 2001 terancang sebegitu rupa melalui agenda 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' dan seiring dengan gagasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan' dengan penuh semangat 1Malaysia. Jumlah peruntukan pembangunan untuk tahun 2001 adalah RM1.054 bilion daripada jumlah Bajet RM1.887 bilion iaitu lebih kurang 55.9%.

Dato' Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat serta Pemerhati, Kerajaan merancang Bajet yang sebegini rupa kerana setelah saya meneliti pembentangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita ada lebih kurang 9 Wawasan Kerajaan untuk dicapai setelah kita belanjakan keseluruhan peruntukan dalam tahun 2011 yang akan datang.

1. Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi di antara 6.5% hingga 7% pada tahun 2011.

   Ini adalah merupakan cabaran baru kepada Negeri Terengganu yang mengalami pertumbuhan negatif 1.5% yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi global pada tahun 2009 dan dijangka penutup tahun 2010 kita akan mengalami pertumbuhan ekonomi sebanyak 6%.

2. Kadar pengangguran akan menjadi lebih rendah daripada 3.5% berbanding 3.9% pada tahun 2009.

   Ini adalah merupakan satu cabaran kepada kita. Kalau kita lihat dalam Utusan Malaysia, 15hb. Disember: "Akibat daripada krisis ekonomi global 17,126 wanita telah kehilangan pekerjaan mereka sejak daripada Oktober 2008 hingga April 2010."

3. Untuk menurunkan kadar kemiskinan ke paras 2.8% dan seterusnya menjadi sifar menjelang RMK-10 berbanding dengan 30% dalam tahun 90an dan 6.5% pada tahun 2007. Bukan itu sahaja betapa pekanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memimpin Kerajaan Negeri bukan sahaja menjaga dan untuk menurunkan kadar kemiskinan malahan tadi pada saat-saat akhir juga peka kepada kebajikan anak-anak orang miskin ataupun anak-anak yatim kerana telah meluluskan pembinaan asrama baru anak-anak yatim di kawasan DUN Jabi.

4. Kerajaan sedang berusaha untuk menuju ke arah sasaran mampu mengeluarkan padi sebanyak 85% daripada keperluan semasa rakyat Negeri Terengganu.

5. Menyediakan 65 buah Taska Keluarga dan Taska Permata Keluarga di seluruh negeri bagi memulakan pendidikan awal kepada 3,700 kanak-kanak.

6. Sekiranya pada tahun 2010 Kerajaan telah melaksanakan 3,722 unit untuk rakyat, pada tahun 2011 Kerajaan akan melaksanakan 7 lagi projek perumahan yang berjumlah 2,577 unit rumah juga untuk rakyat.

7. Mengekalkan pertumbuhan yang konsisten dalam sektor pembinaan. Ini adalah penting kerana sektor pembinaan adalah merupakan penyumbang kepada KDNK negara dan negeri kita di samping menjadi pemangkin kepada aktiviti ekonomi lain. Bagi tahun 2010 sektor ini dijangka tumbuh pada kadar 5% dan menyumbang 3.6% kepada KDNK Negeri Terengganu.

8. Sektor pelancongan yang disediakan peruntukan sebanyak RM104.35 juta berbanding RM98.25 juta pada tahun 2010 akan menarik lebih ramai lagi pelancong iaitu yang kita rekod setakat

ini 2.25 juta (setakat Ogos 2010). Dan telah menyumbang jumlah RM2.583 bilion kepada ekonomi Negeri Terengganu. Diharap ianya dapat menambah peluang pekerjaan dan peluang perniagaan kepada seluruh penduduk Negeri Terengganu.

9. Dengan adanya pembangunan secara langsung dan tidak langsung dalam sektor perindustrian dalam tahun 2010 dan berterusan ke tahun 2011, sama-samalah kita berdoa agar objektif kita untuk menyediakan 6,460 peluang pekerjaan baru akan tercapai. Insya Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati yang saya kasihi sekalian. RM1.887 bilion yang diperuntukkan oleh Kerajaan ini tidak akan tercapai secara efisien ataupun tidak akan mencapai kepada matalamat yang maksimum koordinasi tidak berlaku secara baik di antara jabatan-jabatan Negeri Terengganu dan juga jabatan-jabatan Persekutuan yang menyumbang kepada pembangunan Negeri Terengganu. Wawasan-wawasan ini tidak akan ke mana-mana jika di peringkat daerah, Mesyuarat Tindakan Daerah dan juga Mesyuarat Focus Group ataupun Kumpulan Fokus untuk membasmi kemiskinan tidak menjadi satu mesyuarat ataupun forum perbincangan yang *compulsary* kepada Ketua-ketua Jabatan di peringkat daerah. Jadi wawasan ini hanya tinggal sebagai wawasan jika kita belanjakan seluruh peruntukan Kerajaan sama ada peruntukan Negeri ataupun Persekutuan bukan kepada rakyat yang berkelayakan. Dengan itu untuk mencapai kesembilan wawasan yang saya sebutkan tadi dan untuk menjadikan negeri yang betul-betul mendahulukan rakyat, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membuat perbincangan rapi dengan peringkat Persekutuan supaya senarai e-Kasih dikaji semula sama ada hendak diteruskan dengan banyak membuat kesilapan ataupun kita mengambil senarai orang-orang yang perlu dibantu daripada akar umbi yang lebih mengenali nasib yang dihadapi masyarakat di kampung-kampung mereka.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya ingin menarik perhatian ke muka surat 200 dan juga muka surat 202 dalam Buku Bajet 2011. Di dalam buku ini saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah menyenaraikan 4 projek perumahan di kawasan saya kawasan Permaisuri:

1. Binjai Manis
2. Guntong

3. Guntong Luar, dan
4. Kampung Putra Jaya.

Cuma saya merasa sedikit terkilan kerana jumlah yang diperuntukkan hanyalah RM10 sahaja. Walau apapun, saya memohon Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada projek perumahan di DUN Permaisuri sementara Daerah Setiu masih lagi menjadi daerah bongsu yang mungkin tidak akan lagi menjadi bongsu dalam tahun 2011 nanti kerana rakan-rakan saya daripada Kuala Nerus begitu mendesak untuk menjadi daerah bongsu, insyaAllah di awal tahun 2011 nanti. Jadi saya benar-benar mengharapkan supaya projek perumahan di Guntong dan juga di Putra Jaya dapat dijalankan pada awal tahun hadapan demi untuk menambah kuasa beli dalam Daerah Setiu amnya dan khasnya di kawasan saya kawasan Permaisuri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, yang kedua, saya mohon kepada pihak Kerajaan Negeri supaya membuat penilaian semula mengenai kadar sewa yang dikenakan kepada peniaga-peniaga di kawasan saya, kawasan Permaisuri yang berniaga di premis Majlis Daerah Setiu yang baru siap dibina kerana setelah saya membuat perbandingan saya dapati kadar sewa yang dikenakan kepada usahawan-usahawan di Bandar Permaisuri ini adalah terlalu tinggi iaitu di antara 40% hingga 50% lebih tinggi daripada daerah-daerah jiran yang setaraf dengannya. Jadi saya harap kadar ini dibuat penilaian semula dan diturunkan kepada kadar-kadar yang menasabah kerana melihat kepada keadaan ekonomi masyarakat di DUN Permaisuri buat masa ini belum lagi mampu untuk membayar kadar sewa yang setaraf ataupun sama tinggi nilainya dengan perumahan-perumahan ataupun perkedaian-perkedaian yang disediakan oleh pihak swasta.

Yang ketiga, saya tahu dan rakan-rakan Yang Berhormat juga menghadapi masalah yang sama tetapi setelah sesuatu perkara menjadi rutin perkara ini haruslah diberi satu peruntukan yang tetap dan menasabah. Kita menghadapi masalah dengan menyediakan peruntukan yang besar kepada sekolah. Kita takut dan bimbang kalau kita tidak menyumbang jumlah yang berpatutan kepada pihak sekolah nanti prestasi pelajar-pelajar akan menurun. Dan kita tidak mampu mengekalkan prestasi pelajar yang telah kita sama-sama kekalkan 10 tahun yang lalu. Dan saya rasa adalah wajar bagi pihak Kerajaan membuat sedikit pertimbangan untuk memberi peruntukan khas ataupun peruntukan tetap kepada semua PIBG di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah. Setelah saya membuat sedikit perkiraan kalau kita sumbang jumlah RM5,000 kepada PIBG sekolah rendah dan kita sumbang RM7,500 kepada PIBG-PIBG sekolah menengah kita akan membelanjakan lebih kurang atau tidak lebih daripada RM5 juta setahun. Saya rasa ini wajar kerana pelajar-pelajar kita bukan sahaja perlu cemerlang dari segi akademik mereka, mereka

perlu menghadiri kem-kem akademik, mereka perlu hadiri kem-kem kokurikulum dan mereka juga perlu dibekalkan ciri-ciri pendidikan modal insan iaitu kem-kem kepimpinan di bawah pasukan-pasukan beruniform ataupun di bawah pengurusan sekolah masing-masing untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar supaya menjadi warga yang lebih bermakna kepada negeri kita pada masa-masa yang akan datang.

Jadi itulah cadangan-cadangan saya dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah mengaturkan Bajet yang sebegini rupa dan saya berharap rakyat akan terus menghargai jasa Kerajaan Barisan Nasional yang mendahulukan rakyat dan kita terus merakyatkan pembangunan kita demi kemajuan yang bakal dikecapi bersama bukan sahaja oleh golongan kaya tetapi golongan sederhana dan juga golongan miskin akan tetap merasai pembangunan yang bakal dibangunkan pada tahun 2011 nanti. Sekian saya pohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Ada lagi Yang Berhormat yang hendak berucap? Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua dan semua yang dihormati dan dikasihi sekalian. *(Membaca Doa mukadimah).* Saya ingin merujuk terus kepada P2 - iaitu Pejabat Menteri Besar yang memperuntukkan satu bajet yang begitu besar dalam perjalanan Bajet 2011 yang akan datang ini. Yang mana saya mohon supaya kita semua memberi perhatian kepada kedudukan kewangan negeri kita sendiri walaupun di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar sejak hampir 3 tahun yang kebelakangan ini kita telah membelanjakan lebih daripada RM6,000 juta, ini suatu jumlah yang begitu besar. Tetapi perhatian yang perlu sama-sama kita berikan saya harapYang Amat Berhormat mengambil perhatian, serta Ahli-ahli Exco mengambil perhatian ialah dari segi defisit yang ada dalam negeri kita. Contohnya sebagaimana yang kita telah sebut dalam Dewan ini, defisit semasa untuk tahun 2009 sahaja RM 274 juta. Defisit yang berlaku ini meningkat dengan begitu ketara daripada RM127 juta ataupun peningkatan sampai kepada 87%. Defisit 2009 sebagai contoh adalah berpunca daripada Perbelanjaan Mengurus Kerajaan yang berjumlah RM1.79 bilion berbanding dengan kutipan hasil yang berjumlah RM1.51 bilion. Jadi ini persoalan yang saya ingin bawa bersama untuk kita lihat supaya perbelanjaan yang kita laksanakan menjurus kepada kepentingan negeri dan rakyat kita. Peruntukan yang besar di bawah Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai contohnya Taman Ilmu, saya pohon penjelasan kedudukannya terakhir Taman Ilmu ini kerana ini bukan suatu projek yang baru, ini merupakan penerusan kepada projek yang telah berjalan.

Yang keduanya, pembangunan semula Pasar Payang, yang ini jugak perlu diberikan perhatian sebab saya boleh dikatakan sering ke Pasar Payang bertemu dengan peniaga-peniaga di sana yang menimbulkan keluhan yang amat sangat dengan apa yang berlaku sekarang. Walaupun ada usaha-usaha naik taraf dan sebagainya tetapi telah menimbulkan ketidakselesaan peniaga-peniaga di sana dan memberikan kesan yang besar kepada mereka. Diharap supaya jugak Kerajaan mengambil perhatian di mana dengan adanya pasaraya-pasaraya yang besar yang dibuka di Bandar Kuala Terengganu ini khususnya saya spesifik khususnya Pasaraya Mydin amat memberi kesan kepada peniaga-peniaga di Pasar Payang. Mereka tidak dapat bersaing dari segi harga dengan apa yang dilakukan oleh Pasaraya Mydin tambahan pulak sekarang ini Pasaraya Mydin bukan sahaja memperniaga barang-barang pakaian dan sebagainya tetapi makanan-makanan basah seperti ikan, udang, ketam dan jugak ayam seolah-olah menjadi pasar di Pasaraya Mydin itu. Dan peniaga-peniaga bila kita bertemu dengan mereka cukup-cukup menimbulkan keluhan kerana mereka tidak mungkin dapat bersaing dengan harga dengan izin, *'cut throat'* yang dilakukan oleh Pasaraya Mydin ini yang memberi kesan yang besar kepada mereka. Saya mintak supaya pihak Kerajaan mengkaji secara keseluruhan kerana peniaga-peniaga di Pasar Payang ini adalah majoritinya terdiri daripada orang-orang Melayu kita yang beragama Islam walaupun kita memperuntukkan peningkatan dari segi pembangunan Pasar Payang ini tetapi kita jugak perlu melihat dari aspek bagaimana mereka dapat *survive* dengan izin, dengan apa yang berlaku.

Yang ketiganya, naik taraf Padang Polo di Kuala Ibai. Ini jugak suatu yang saya mintak supaya diberikan perhatian kerana sebelum adanya Padang Polo ini ia merupakan padang permainan bola sepak bagi anak-anak muda bermain bola sepak di situ. Mereka boleh bermain sehingga ada empat padang di situ. Tiap-tiap petang beratus-ratus orang anak-anak muda yang bermain bola sepak di situ tetapi bila sahaja adanya Padang Polo ini dengan tidak diberikan gantian walaupun ada janji-janji mulut dari segi gantian tempat permainan anak-anak muda, padang bola untuk anak-anak muda ini tetapi saya kiranya ini tidak ada suatu tindakan yang konkrit yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk memberikan suatu ruang kepada anak-anak muda kita untuk bermain sukan di waktu petang.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil perhatian dalam peruntukan Pejabat Menteri Besar ini dalam konteks jenayah yang ada dalam negeri kita. Persoalan jenayah banyak kita perbincangkan di sini, semalampun kita bincangkan masalah dadah yang mana Terengganu malang bagi kita menjadi juara nombor 1 seluruh Malaysia dari segi peningkatan penagihan dadah yang memberi kesan kepada peningkatan jenayah curi, rompak, rogol, samun dan sebagainya yang begitu berleluasa sekarang ini sehingga tidak ada lagi jaminan keselamatan dalam

konteks kita hidup bermasyarakat di Negeri Terengganu ini. Ini sepatutnya diberikan perhatian yang khusus dan saya sekali lagi memohon supaya Yang Amat Berhormat walaupun tidak ada semalam kita berbincang dari segi hukum tentang pemberian jarum percuma kepada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pembangunan, Yang Berhormat. *Relatekan* dengan Usul Pembangunan, ini Usul Pembangunan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya. Supaya ada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan *corner* jauh sangat, semalam ada sebut perkara-perkara 38 yang telah disebut semalam tak payah sebut lagi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, inilah saya sebut dalam hal ini dan saya harap apa yang kita belanjakan ini supaya ianya tidak terpesong daripada apa yang kita laksanakan untuk membangunkan Terengganu ini, ini suatu yang penting. Kita tidak tolak pembangunan tetapi janganlah pembangunan ini dengan izin, *at expense* of Rakyat Negeri Terengganu. Kita tengok bangunan tinggi, kita tengok rumah kedai, kita tengok pelbagai bentuk bangunan-bangunan yang cantik dan sebagainya tetapi kita sekadar penonton orang Terengganu, rakyat Terengganu terutama orang-orang Melayu Terengganu kita kepada pembangunan yang berlaku. Ini yang menjadi kebimbangan yang amat sangat kepada saya. Saya sebut dan sebagaimana yang saya ulang-ulang sebut pembangunan di Bandar Kuala Terengganu, Paya Keladi 2 sebagai contoh. Kita bimbang dari segi masa depan orang-orang Melayu. Apakah orang-orang Melayu tidak ada kuasa, kemampuan untuk membeli bangunan rumah-rumah kedai? Saya yakin orang Melayu mampu untuk membeli rumah-rumah kedai kalau diberikan ruang dan peluang kepada mereka. Di Dewan ini saya nak ucap syabas kepada bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dahulu Dato' Idris, saya sebut namanyalah, sekurang-kurangnya sebagai contoh Projek Paya Keladi 1, ...

YANG BERHORMT DATO' YANG DIPERTUA: Sebut habis namanya, jangan sebut separuh-separuh.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, Dato' Seri Idris bin Jusoh. Sekurang-kurangnya Projek Paya Keladi 1 yang telah disiapkan dan dibina oleh kontraktor bumiputera, 90% rumah kedai itu adalah milik orang-orang Melayu yang beragama Islam. Mereka mempunyai kuasa beli untuk membeli bangunan-bangunan itu kalau diberikan peluang kepada mereka untuk berniaga dan sekarang ini ianya berjalan dengan begitu maju dan baik.

Kebimbangan saya bila Paya Keladi 2, bila berlaku ini saya berkali-kali bertanya di Dewan ini bagaimana kedudukan Paya Keladi 2 dari segi nisbah bumiputera dan bukan bumiputera. Ini yang menjadi persoalan bukan persoalan yang saya bawa ini dari segi rasis tetapi dari segi masa depan kita orang-orang Melayu. Kawasan Pasar Payang dan Paya Keladi itu adalah kawasan warisan perumahan milik orang-orang Melayu, milik tok-nenek kita, moyang kita yang mana kita berkewajipan untuk kita mempertahankan. Jangan semata-mata kita melihat di atas nama pembangunan tetapi kita menggadaikan masa depan orang-orang Melayu kita dengan kita memberikan ruang yang seluas-luasnya kepada orang-orang lain untuk mengambil peluang pembangunan yang dijalankan di Negeri Terengganu ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyebut tentang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Gulungan, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya. Dan perjalanan yang berlaku ini persoalan yang ada pada kita bukan persoalan UMNO ataupun PAS. Kita nak lihat Negeri Terengganu ini maju, kita nak lihat Negeri Terengganu ini dapat sama-sama kita bangunkan jangan kita tengok dari segi biru, hijau, kuning dan sebagainya. Kita perlu lebih gentleman dalam kita melaksanakan projek-projek dan pembangunan yang dilakukan dan saya khususkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam hal ini. Saya sedikitpun tidak merasa terkilan ataupun merasa sedih ataupun merasa pilu bila dia kata saya pembohong bersiri dan sebagainya. Sayapun boleh kata kepada dia sebagai *berlebong* ke, penipu rakyat dan sebagainya. Tetapi saya tidak akan bawa perkara ini dalam konteks untuk semata-mata kepentingan politik tetapi yang pentingnya kita membawa sesuatu isu yang kita bawa adalah untuk kepentingan rakyat secara keseluruhan. Saya cukup sedih sedikit apabila persoalan yang kita timbul merupakan persoalan-persoalan yang besar macam isu e-Book misalnya, persoalan-persoalan yang besar .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, peraturan 38 yang telah selesai tidak boleh diulang lagi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Persoalan-persoalan yang begitu besar, persoalan pembangunanlah. Persoalan yang begitu besar yang berlaku di Negeri Terengganu ini yang sepatutnya kita bincang secara waras dalam hal yang sedemikian ini untuk kita laksanakan pembangunan yang terbaik di Negeri Terengganu. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya harap supaya kita melihat secara keseluruhan bukan hanya kita nak membangunkan bangunan-bangunan daripada Kemaman sampai ke Besut, kita jugak nak membangunkan manusia, rakyat terutamanya orang-orang

Melayu di Negeri Terengganu ini supaya mereka meletakkan keimanan mereka, meletakkan Islam agama mereka dalam kehidupan mereka bukan semata-mata kita terkejar-kejar dari sudut benda, dari sudut Bajet yang besar ini dengan kita tidak memberikan penekanan khusus kepada aspek pembangunan insan yang ada di Negeri Terengganu ini dan khususnya dalam apa yang saya sebutkan ini perlu dikembalikan pembangunan insan ini supaya kita dapat menyelesaikan masalah-masalah remaja yang ada di Negeri Terengganu ini supaya kita bersama-sama menyelesaikan masalah dadah, masalah Mat Rempit dan sebagainya tanpa mengira parti politik untuk kita selesaikan dan kita melihat generasi-generasi inilah yang akan mengambil alih tempat-tempat kita ini. Tempat saya, tempat Yang Amat Berhormat, generasi muda inilah yang akan mengambil alih untuk membangunkan Negeri Terengganu ini. Dan kalaulah Negeri Terengganu ini kekal dengan nombor 1 dari segi penagihan dadah di kalangan anak-anak muda maka malanglah bagi kita sebagai ibu bapa terutamanya untuk melihat 5 – 10 tahun yang akan datang bagaimana corak anak-anak muda, remaja yang akan mengambil alih kepimpinan di Negeri Terengganu ini. Saya rasa itulah yang dapat saya sampaikan. Wallahuwa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih. Banyak benda yang boleh kita setuju kalau kita bincang molek-molek. Ada lagi Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian, kalau tidak ada kita teruskan .... Ya, Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, peraturan 38, yang telah disebut jangan diulang.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya ingin menyokong Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2011. Saya nak ambil masa sedikit sahaja iaitu daripada peruntukan yang telah dipersetujui, disokong cuma saya nak menyentuh mengenai projek-projek yang disebut oleh pihak Pembangkang tadi yang tidak menolak pembangunan tetapi di dalam sokong Bajet, tidak sokong. Maka dengan itu saya merayu kepada Yang Dipertua Dewan dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya mengkaji balik pembangunan-pembangunan di kawasan DUN-DUN yang diwakili oleh Pembangkang tersebut kerana seolah-olah mereka tidak bersetuju dengan apa yang kita putuskan hari ini. Itu saja. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terutamanya DUN Manir. Ada lagi Yang Berhormat? Ya, Ladang. Peraturan 38, Yang Berhormat, ya. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): A-'uzubillahiminasyaitanirrajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sahabat-sahabat saya Wakil-Wakil Rakyat dan Pegawai-pegawai yang hadir pada hari ini. Saya ingin menyentuh sikit ajelah, dah lewat ni. Tentang projek-projek pembangunan, saya nak merujuk terus kepada butir-butirnya:-

1. Taman Rekreasi Bukit Pak Apil, Kuala Terengganu. Saya ada menyebut di dalam ucapan saya. Cuma saya nak maklumkan ini memberi kesan kepada perumahan di kaki bukit itu. Setiap tahun kerana pembangunan pusat rekreasi ini rumah-rumah apabila musim hujan dimasuki air bersekali dengan lumpur. Jadi mintak sungguh-sungguhlah supaya projek ini dapat dilaksanakan dan diselesaikan dengan segera. Sejak 2 – 3 tahun, Yang Berhormat Bandarpun ada sebut hal ini dan sudah pergi melawat dan sayapun sudah pergi melawat jugaklah.

2. Projek Pembangunan Kawasan Bebas Cukai, Tasik Kenyir. Kalau boleh saya tanya apakah ada sumbangan daripada Kerajaan Pusat kepada Pembangunan Bebas Cukai Tasik Kenyir ini? Mungkin kalau di Langkawi memang ada satu lembaga yang peruntukannya diambil daripada Federal (Pusat) untuk membangunkan Kawasan Bebas Cukai di Langkawi. Kalau di Tasik Kenyir adakah apa-apa sumbangan daripada Pusat untuk Pembangunan Bebas Cukai di Tasik Kenyir ini selain yang kita sudah belanja sebanyak RM40 juta dan RM50 juta pembangunan jadi sudah ada lebih kurang RM90 juta kita belanja untuk Tasik Kenyir sahaja?

3. Zoo Bukit Takal, Kemaman. Kita akan belanja lagi RM20 juta. Saya nak tahu perkembangan pembangunan zoo ini. Katanya gajah-gajah sudah tidak ada sekarang ini, balik ke Thailand dan kerana kos makanan tinggi dan akan dibawa balik semula bila perlu. Jadi makanan gajah ini rupanya mahal jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia besar, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, besar makan banyak. Jadi kalau kita boleh belanja untuk gajah, binatang-binatang dalam zoo itu sampai RM20 juta, saya nak merayu kepada Yang Berhormatlah, sekali lagi hal Ladang. Ladang ini kalau boleh beri jugaklah sewa RM126 bukan RM300.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya kata dah Yang Berhormat. Perkara 38, tak payah ulang tadi Yang Berhormat setuju. Payahlah kalau tak faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Faham dah tu. Cuma saya nak disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan pilihlah, kalau Yang Berhormat tak faham lagi, kepada rakyat jangan pilihlah dalam pilihan raya akan datang. Saya tak tahulah Yang Berhormat boleh tak faham.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, nak celah sikit ni. Jangan marahlah kepada Ladang sebab dia bapak tunggal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya tak marah. Saya kata Yang Berhormat tak faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Terima kasih. Maknanya masih ada orang lain sayanglah. .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Menang pulaklah sebab ada orang sayang tu. Kisah Ladang tadi ada sikit lagi, ada pembangunan di Ladang Gemilang ni tadi disebut kalau ada orang-orang yang menumpang di surau. Memang ada Yang Amat Berhormat, ada. Ada dua-tiga orang oleh kerana tanah dan rumahnya diambil balik, dirombak, mereka tidak ada tempat nak pergi, mereka menumpang di Surau Tok Pelam. Boleh kita pergi sama-sama tengok, tak apa Yang Amat Berhormat, kita pergi sembahyang di sana tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk di luar kawasan kot?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk di kawasan Ladang ke, kawasan Batu Burok, rumah Yang Berhormat Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Rumah saya di mana-mana tak apa, apa salahnya. Kalau tak kenal pergi jalanlah, nak minum air tak apa, saya boleh buat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, kita cari rumah Yang Berhormat tak jumpa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Marilah tak apa, nak air kita buat tak apa. Kemudian Pasar Payang. Pasar Payang ini saya menerima keluhan daripada peraih-peraih ikan ataupun orang yang menjual ikan memberitahu kepada saya mereka akan dipindahkan sementara ke Pulau Anjing, saya tak tahu kat mana pulau itu dan katanya tak jadi di situ, dia kata ke saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya ni mengurus masa Yang Berhormat, mengurus Persidangan payah Yang Berhormat ni. Tolonglah, perkara yang telah berbangkit saya dah sebut 38 tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian saya ada sebut juga kebetulan semasa Yang Amat Berhormat takdok tadi itu tentang pembinaan Giant Supermarket .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia takdok, dia mintak permohonan kemudian saya lulus. Kemudian *hansard* dia dapat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah betullah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah sebut lagilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab dia tak jawab hak saya tadi tu. Tak apalah kita bincang semulalah tu. Kemudian Pembangunan Cukai Central, RM2 juta diletak di bawah

Pelbagai Pembangunan, mengapa diletak di situ tidak diterus kepada Majlis Perbandaran berkenaan untuk menguruskan yang ini. Dan yang lain-lain itu semulalah nampak gayanya sebabkan kalau saya sebut-sebut dia kata tak relevan pulak. Jadi saya mohon untuk sampai di sini dululah. Cuma Yang Amat Berhormat Dato' Yang Dipertua, masih ada yang sayanglah kepada saya. .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput pihak Kerajaan untuk menggulung jika ada. Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Rakyat Batu Burok, Ladang, Jabi dan juga daripada Permaisuri. Dan sebagaimana dikatakan iaitu Bajet dimasukkan di bawah peruntukan Pejabat Menteri Besar ialah Pelbagai. Dan kita lihat bahawa kebanyakan yang terlibat ialah melibatkan Perumahan Rakyat yang hendak kita bangunkan demi kesejahteraan rakyat kita dan kita faham walaupun disebut berulang kali oleh Yang Berhormat Batu Burok, saya juga mempunyai sikap dan pandangan yang sama dalam penyusunan semula Bandar Kuala Terengganu. Insy Allah, kita akan laksanakan amanah ini dengan sebaik mungkin sebab itulah kita menyediakan perumahan yang lebih selesa sebenarnya walau kita terpaksa bayar harga tanah yang mahal, bayar segala rumah dan juga peralatannya, buat rumah subsidi. Sebagai contoh, bila kita bangunkan rumah di Ladang Tok Pelam nanti, satu apartment 23 tingkat dengan 6 tingkat tempat letak kereta, rumah itu bersaiz 834 kaki persegi, lebih besar daripada apa yang telah kita bina sekarang. Ini adalah kerana saya berhasrat ingin memberi keselesaan kepada penduduk di dalam bandar. Inilah yang kita lakukan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak tanya berapa harga nak jual tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Harganya kita akan tentukan kemudian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak tahu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sedang dibina.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Di samping itu, kita juga berhasrat dan saya sendiripun malu jugak kadang-kadang terima *complaint* bila orang luar datang pergi beli-belah kain di Pasar Payang ni. Dia kata masuk ke dalam tu panas do'oh lalu, berpeluh. Jadi kita rancang bila buat baru nanti, kita pakai air-cond semua, ini perancangan kita. Dan kita sudah beritahu berulang kali kepada peniaga ikan dan sebagainya memang tidak sesuai lagi ikan berada di situ. Dulu betul, bila pasar ikan, mestilah berada di tepi laut atau

sungai sebab dari segi transport nak angkut dari bot tetapi sekarang ini kenderaan dah ada, tak sesuai lagi di situ. Kita akan jual barang-barang kering sahaja, inilah yang hendak kita lakukan. Di samping itu, saya percaya bahawa pembinaan-pembinaan ini akan dilaksanakan, akan diteruskan demi kesejahteraan rakyat. Dan walaupun sebagaimana saya katakan tadi saya menerima pandangan-pandangan yang boleh kita laksanakan sama ada di pihak Kerajaan ataupun Pembangkang dalam perancangan kita di masa akan datang, insya Allah Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya berasa bersyukur, pandangan-pandangan semua diberi dengan bertertib-terning, jawapanpun alhamdulillah bertertib-terning. Kita jadi senang hati untuk kebaikan rakyat Negeri Terengganu. Jadi saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat termasuk Kerajaan. Sekarang saya buka usul ini untuk undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2011

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

> ***"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2011 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL.***

JADUAL			
Tajuk Perkara	**Perbelanjaan Negeri (RM)**	**Pinjaman Pusat (RM)**	**JUMLAH (RM)**
Pengurusan Perbekalan Air	586,000.00	-	586,000.00
Pembangunan Perbekalan Air	10,730,010.00	59,700,000.00	70,430,010.00
JUMLAH	**11,316,010.00**	**59,700,000.00**	**71,016,010.00**

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 15/2010. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan kepada sesiapa sahaja Yang Berhormat yang ingin ambil peluang, saya persilakan. Ya, sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati. Saya ingin mengambil masa sedikit mengenai Usul Perbekalan Air dan saya melihat dengan peruntukan yang besar ini, Kerajaan insya Allah akan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat daripada kawasan masing-masing terutamanya tekanan air. Saya percaya dengan pelaksanaan penukaran paip baru dan juga membina tangki-tangki air yang baru insya Allah

perkara-perkara ini dapat kita selesaikan. Selain daripada itu, saya juga mengucapkan tahniah, syabas kepada Pengurusan Air Negeri Terengganu kerana telah memberi subsidi ataupun memberi percuma air kepada masjid dan surau iaitu di bawah penggunaan 50 meter padu diberi percuma, 50 hingga 70 meter padu dikenakan 50 sen 1 meter padu, lebih daripada 70 meter padu harga RM1.15 sen. Oleh itu, kita percaya dengan pengurusan air yang baik dan terancang ini insya Allah, Allah S.W.T. akan memberi keberkatan kepada kita tidak seperti sebuah negeri jiran kita, kalau kita pergi ke negeri tersebut kita buka air paip keluar angin. Dan apabila kita buka lagi air kuning pulak yang keluar, jadi ini menandakan pengurusan air yang tidak bijak. Oleh itu, saya percaya dengan peruntukan dan pinjaman daripada Kerajaan Pusat ini dapat melaksanakan lebih baik, setidak-tidaknya 99.9% seluruh rakyat Negeri Terengganu dapat menerima bekalan air bersih. Saya percaya dan yakin perkara ini tidak mustahil dengan peruntukan yang tersedia ada sebanyak ini.

Selain daripada itu, daripada pemerhatian saya Pejabat SATU kita di Kuala Terengganu yang dibina pada tahun 1978, apa salah kiranya jua dengan peruntukan yang ada ini dinaiktarafkan ataupun dibaikpulih ataupun diubah suai untuk memperlihatkan imej Pejabat Air kita di tengah-tengah bandar raya kerana kalau orang luar masuk sampai di simpang empat itu orang tengok bukan seolah-olah ibu pejabat SATU takut-takut dia kata kubu perang pulak di situ. Jadi oleh itu saya merayu kepada Kerajaan Negeri untuk melihat perkara ini bagi menaikkan imej kita di Negeri Terengganu tentang pengurusan air. Dan saya percaya dan kita semua percaya bahawa pengurusan air di Terengganu adalah salah satu pengurusan air terbaik di seluruh negara kita. Tahniah kepada SATU. Jadi oleh itu, saya menyokong usul tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Saya ingat Yang Berhormat nak mintak bina di Jabi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin ambil peluang lagi berbahas? Tidak ada. Saya jemput penggulungan daripada pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasihlah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya rasa okey belaka dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Just okey.* Maksudnya semua moleklah Yang Berhormat. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terima kasih, usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah, terlebih waktu makan kita 10 minit oleh kerana pengurusan kita ini agak kerana ada nak buat penyelarasan tadi walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih, tahniah, syabas kepada Yang Amat Berhormat, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peluang dan memainkan peranan yang sangat berguna kepada rakyat Terengganu dalam sidang Dewan pada kali ini. Saya juga sebelum membuat tangguhan ini, saya ingin mengucapkan kepada semua pihak pelaksana terutamanya Ketua-ketua Jabatan 'Selamat Berbelanja' dengan nasihat yang diberi dalam bentuk keras, lembut, berbalah apa semua sekali dalam tadi sebenarnya nasihat kepada pegawai supaya sasaran perbelanjaan yang besar ini kepada rakyat. Kalau boleh tidak ada yang gagal. 'Selamat Berbelanja', kebetulan pula 2011 ini bermulanya Rancangan Malaysia Ke-10. Ya, kita kena ingat Ketua-ketua Jabatan, Ahli-ahli Yang Berhormat berperang lidah tadi termasuk Yang Dipertua juga sebenarnya tadi adalah untuk disokong oleh tuan-tuan dari segi pelaksanaannya. Kepada yang akan bersara, bertukar, kita ucap 'Selamat Bersara' semoga penuh bahagia. Kepada yang akan bertukar daripada Negeri Terengganu, Dewan mengucapkan jutaan terima kasih atas jasa yang telah diberikan, rakyat Terengganu tetap menghargai jasa saudara-saudari sekalian. Mudah-mudahan pengalaman yang baik di Terengganu termasuk dalam Dewan di Terengganu dijadikan yang terbaik di tempat yang baru. 'Selamat Mengurus Perbelanjaan' dengan nasihat-nasihat yang sebagaimana saya katakan tadi dan insyaAllah mudah-mudahan dalam sidang yang akan datang akan ada perubahan yang besar yang akan dibawa oleh Yang Berhormat termasuk Pembangkang kerana Yang Berhormat Pembangkang juga tidaklah 'ini tak kena', 'itu tak kena', 'semua tak kena', akan ada yang 'terlalu kena'. Yang Berhormat kena ingat, pegawai kita inipun perlukan penghargaan kita jugak, jangan sebut sampai nak tukar sampai lima-enam kali, kesian dia, dia menjalankan tugas dengan baik. Jadi mudah-mudahan akan ada perubahan termasuk di Dewan kita yang mulia ini. Jadi terima kasih dengan kata-kata itu, marilah sama-sama kita berdoa mudah-mudahan penyuraian kita ini demi masa yang baik, kita gunakan dengan baik dan sama-sama kita baca Surah Al-'Asr. Terima kasih, dengan itu saya tangguhkan Dewan ini sehingga tarikh yang akan ditetapkan semula.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.15 PETANG.

LAMPIRAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI

MESYUARAT YANG KETIGA

PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Berapakah jumlah peruntukan kerajaan Negeri Terengganu yang telah dibelanjakan kepada mereka yang disenaraikan dalam senarai E-Kasih dan berapa orangkah yang telah menerima bantuan tersebut bagi DUN Hulu Besut dari tahun 2005 hingga November 2010.

JAWAPAN: : Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri Terengganu yang telah dibelanjakan kepada mereka yang disenaraikan dalam E-Kasih adalah sebanyak RM88,611,836.15. Kerajaan Negeri hanya mula membelanjakan peruntukan tersebut pada tahun 2008 sehingga kini. Peruntukan tersebut hanya melibatkan Program Bantuan Rumah iaitu bina baru, baik pulih dan tukar atap. Bagi DUN Hulu Besut jumlah penerima bantuan tersebut adalah seramai 306 orang bermula dari tahun 2008 sehingga November 2010.

SOALAN 2 : Masalah bekalan air oleh SATU di Mukim Hulu Besut, DUN Hulu Besut telah lama dihadapi oleh penduduk di kawasan tersebut, bilakah masalah bekalan air SATU ini akan diselesaikan oleh kerajaan.

JAWAPAN : Masalah bekalan air bersih di Hulu Besut hanya dapat diatasi apabila pembinaan 2 buah tangki air baru dan pemasangan paip sepanjang 24 kilometer siap dibina. Anggaran kos yang terlibat adalah dianggarkan sebanyak RM15 juta.

Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah telah meluluskan cadangan perlaksanaan projek ini dibawah Program Bekalan Air Luar bandar Negeri Terengganu bagi tahun 2011. Jurutera Perunding telah dilantik pada tahun 2010 untuk mengkaji dan merekabentuk. Projek dijangka akan dilaksana pada tahun 2011 dan dijangka siap pada tahun 2012.

SOALAN 3 : Bilakah Projek Jalan Keruak Gunung Bongsu/Aring Gua Musang akan dilaksanakan oleh kerajaan.

JAWAPAN : Perancangan jajaran Jalan Keruak Ke Gunung Bongsu, status perlaksanaan projek ini adalah dalam peringkat penyediaan reka bentuk terperinci.

SOALAN 4 : Apakah cadangan kerajaan negeri tahun 2011 untuk merancakkan lagi kemajuan Pusat Pertumbuhan Desa Pasir Akar dan Pusat Pertumbuhan Desa Jabi.

JAWAPAN : Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri belum merancang untuk menambah kemudahan asas di Pusat Pertumbuhan Desa Pasir Akar dan Pusat Pertumbuhan Desa Jabi memandangkan kawasan tersebut telah berdaya maju untuk membangun. Perancangan Kerajaan Negeri pada tahun 2011 lebih tertumpu kepada Pusat Pertumbuhan Desa yang mempunyai potensi untuk dibangunkan dan salah satu perancangan Kerajaan Negeri pada tahun 2011 adalah membina 8 unit rumah kedai 2 tingkat di Kg. Bukit Payong, Besut.

SOALAN 5 : Kerajaan telah memperkenalkan Satu kampung Satu Koperasi, berapakah jumlah Koperasi telah didaftarkan di Negeri Terengganu dari tahun 2008 hingga November 2010.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Berapakah jumlah Bantuan Dana Hari Raya yang diagihkan kepada penduduk DUN Kijal tahun ini (1431H)?

JAWAPAN : Jumlah penerima Bantuan Dana Perayaan (Aidilfitri) bagi DUN Kijal tahun 2010 (1431H) adalah sebagaimana berikut :-

BIL	PERKARA	BIL PEMOHON	JUMLAH (RM)
1.	Orang Miskin	3,095	951,800
2.	Warga Emas	631	126,200
3.	Orang Kurang Upaya	304	91,200
4.	Ibu Tunggal/ Duda	590	178,300
	JUMLAH	**4,620**	**1,347,500**

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah penarik beca yang masih cergas beroperasi dalam negeri ini mengikut daerah?

JAWAPAN : Jumlah penarik beca yang masih cergas beroperasi dalam negeri ini mengikut daerah adalah seramai 34 orang sebagaimana berikut:-

DAERAH	BIL PENARIK BECA
Kuala Terengganu	**25 orang**
Kemaman	**4 orang**
Besut	**5 orang**
Lain-lain Daerah	**Tiada**

SOALAN 3 : Nyatakan kes-kes pergaduhan yang berpunca dari pengagihan buah kurma dan air zam-zam oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Nyatakan kecurian dan kerosakan Harta Awam dalam Negeri Terengganu sepanjang tahun 2010 ini ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Nyatakan jumlah peningkatan penagih baru hingga tahun ini berbanding 5 tahun yang lalu ?

JAWAPAN : Jadual 1

Perbandingan Penagih Dikesan mengikut Status Bagi Tempoh Jan – 15 Nov 2010 dan 2005

Status Kes	15 Nov 2010	Peratus (%)	Nov 2005 2005	Peratus %
Penagih **Baru**	2,140	83.20%	145	47.54%
Penagih Berulang	432	16.80%	160	52.46%
Jumlah Penagih	**2,572**	**100.00%**	**305**	**100.00%**

Nota :

Baru - Penagih yang dikesan pertama.

Berulang - Penagih yang pernah dikesan sebelum ini.

Bagi tempoh Januari - 15 November 2010, jumlah penagih baru yang telah direkodkan * di bawah Sek. 6(1) dan Sek. 8(3) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ialah 397 orang dan di bawah Sek. 38B [Sek. 15(1)] Akta Dadah Berbahaya 1952 seramai 1,743 orang menjadikan jumlahnya seramai 2,140 orang.

Manakala bagi tempoh Januari – November 2005, jumlah penagih baru yang direkodkan di Negeri Terengganu ialah seramai 145 orang. Penagih dadah di bawah Sek. 38B [Sek.15(1)] Akta Dadah Berbahaya 1952 tiada dalam rekod AADK Negeri Terengganu kerana kes-kes di bawah Sek. 38B [Sek. 15 (1)] Akta Dadah Berbahaya 1952 di bawah seliaan PDRM.

Perbandingan hanya dibuat berdasarkan penagih di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi tempoh Januari – November 2010 dan 2005.

Jadual 2

Perbandingan Penagih Di Bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 Mengikut Status Bagi Tempoh
Januari – 15 November dan 2005

Status Kes	Jan – 15 Nov 2010	Jan – Nov 2005	Perbezaan 2010/2005
Penagih Baru	**397**	**145**	**173.79%**

Nota :* Terima perintah mahkamah/kes sukarela.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 HINGGA 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BURUK

SOALAN 1 : Apakah status Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat dan bilakah ia dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya?

JAWAPAN : Status Projek Lebuhraya Pantai (LPT) Fasa 2 adalah dalam pembinaan dan dijangka dapat disiap dan digunakan sepenuhnya pada akhir tahun 2012 sekiranya kerja-kerja pembinaan berjalan lancar.

SOALAN 2 : Apakah polisi Kerajaan Negeri mengenai isu 'anak tanpa bin' (anak luar nikah) di seluruh Negeri Terengganu dan berapakah jumlah anak tanpa bin dari tahun 2005-2010 (Oktober)?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah status terakhir Stadium Sultan Mizan yang runtuh dan berapakah jumlah kos membina semula stadium tersebut?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Sila nyatakan jenis bantuan peralatan dan kewangan yang telah diberi kepada golongan miskin dan miskin tegar oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu sepanjang Januari sehingga November 2010?

JAWAPAN : Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu hanya menyediakan bantuan peralatan sahaja kepada golongan miskin dan miskin tegar di Negeri Terengganu. Jenis bantuan peralatan yang telah diberikan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu kepada golongan miskin dan miskin tegar sepanjang Januari 2010 sehingga November 2010 adalah sebagaimana berikut :-

1. Bantuan Motosikal Roda Tiga.
2. Bantuan Projek Memproses Minyak Gaharu.
3. Bantuan Ternakan Kamping Tenusu.
4. Bantuan Pelbagai Projek.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pencerobohan nelayan asing ke perairan Negeri Terengganu sepanjang Januari sehingga November 2010?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapa ramaikah rakyat miskin dan miskin tegar Negeri Terengganu sepanjang 2010 yang terkeluar senarai tersebut mengikut pecahan daerah-daerah?

JAWAPAN : Jumlah rakyat miskin dan miskin tegar Negeri Terengganu sepanjang 2010 yang terkeluar dari senarai E-Kasih mengikut pecahan daerah-daerah adalah sebagaimana jadual di bawah:-

Bil	Daerah	Jumlah Terkeluar
1.	Besut	2046
2.	Dungun	731
3.	Hulu Terengganu	644
4.	Kemaman	691
5.	Kuala Terengganu	3136
6.	Marang	1449
7.	Setiu	1234
	JUMLAH	**9931**

SOALAN 4 : Berapakah jumlah keluasan tanaman Kenaf di seluruh Negeri Terengganu? Bolehkah tanaman tersebut mengganti tanaman tembakau dan menambah pendapatan penduduk luar bandar?

JAWAPAN : Jumlah keluasan Tanaman Kenaf di seluruh Negeri Terengganu ialah 615 hektar. Keupayaan Tanaman Kenaf untuk menggantikan tanaman tembakau masih dalam proses kajian. Walau bagaimanapun tanaman ini mampu untuk menambah pendapatan penduduk luar bandar.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Setakat manakah perkembangan penerusan projek pembinaan Jertih Souq setelah terbengkalai sekian lama, dari segi peratus penyiapannya mengikut pakej-pakej yang ada dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor. Sila nyatakan nama kontraktor yang telah dianugerahkan untuk melaksanakannya.

JAWAPAN : Pembinaan Projek Jertih Souq yang terbengkalai hampir setahun telah diteruskan pembinaannya mulai Mac 2010 akan dapat disiapkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Prestasi pembinaan projek tersebut sehingga kini adalah seperti berikut :-

PAKEJ	KONTRAKTOR	KOMPONEN PAKEJ	KEMAJUAN	
			Fizikal	Kewangan
1A	TSP Numuwwah Sdn. Bhd.	Bazaar A - Ruang Niaga - Ruang Anchor - Gerai Makan - Tempat Letak Kereta	88%	56.9%
1B		Bazaar baru (B) - Ruang Niaga - Ruang Anchor - Gerai Makan - Tempat Letak Kereta	Dalam Perancangan	0%

1C		Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu - Terminal Teksi - Terminal Bas - Ruang Niaga - Kaunter Tiket - Restoran Makanan Segera - Ruang Menunggu Bas dan Teksi - Tandas dan Bilik Persalinan	Dalam Perancangan	0%
1D		Pasar - Ruang Niaga Ikan/Daging - Ruang Niaga Sayur/Buah - Ruang Niaga Pelbagai - Ruang Anchor - Gelanggang Futsal - Tempat pemunggahan dan Bilik Beku - Stor Berpusat - Tempat Letak Kereta	Dalam Perancangan	0%

Antara masalah yang dihadapi kontraktor adalah:-

i. Rekabentuk

Terdapat pertikaian rekabentuk sivil dan struktur. Kontraktor utama melantik jurutera sivil dan struktur yang lain iaitu Iktisas Ingenieurs (Pahang) Sdn. Bhd., dan meminda rekabentuk asal yang disediakan oleh WNA Consultant Sdn. Bhd. Hampir 70% daripada rekabentuk asal di dalam kontrak telah dipinda. Kontraktor utama tidak menjalankan kerja mengikut spesifikasi asal sepertimana dalam kontrak.

ii. Pembayaran Kepada Sub Kontraktor

Pembayaran telah dibuat oleh Majlis Daerah Besut sebagai S.O. projek kepada kontraktor utama tetapi kontraktor utama tidak membayar sepenuhnya kepada sub kontraktor dan pembekal menyebabkan sub kontraktor enggan meneruskan kerja dan pembekal enggan membekalkan bahan binaan kerana bimbang tidak dibayar.

iii. Pekerja

Pekerja yang tidak mencukupi menyebabkan projek ini sukar berjalan lancar. Ini adalah disebabkan oleh masalah di perkara ii di atas.

iv. Bahan Binaan

Bahan binaan tidak dapat dibekalkan disebabkan faktor pengurusan antara kontraktor dengan pembekal. Ini adalah disebabkan oleh masalah di perkara ii di atas.

Maklumat Tambahan :-

Fasa 2 melibatkan tapak pasar sedia ada yang akan dibangunkan secara penswastaan.

Pakej 1A

Mesyuarat penyelarasan telah dibuat oleh Majlis Daerah Besut bagi menyelesaikan masalah projek ini. Deed of Assignment akan dibuat antara kontraktor utama dengan pembekal dan sub kontraktor supaya tuntutan bayaran disalurkan terus kepada pembekal dan sub kontraktor, dan bukannya melalui kontraktor utama. MDB meminta semua sub kontraktor untuk meneruskan kerja masing-masing supaya pembinaan dapat disiapkan seperti jadual.

Harga asal projek : RM22,500,000.00
Tarikh siap projek : 23 Disember 2010

Pakej 1B

Peruntukan yang diberikan untuk pakej ini adalah sebanyak RM26,622,990 juta. Kerja-kerja cerucuk alternatif (baru) telah siap dan telah disahkan oleh Iktisas Ingenieurs (Pahang) Sdn. Bhd. Kerja ini adalah termasuk dalam skop kerja Pakej A.

Pakej 1C

Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi membiayai pakej ini.

SOALAN 2 : Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap janji yang telah dibuat oleh mantan Perdana Menteri Tun Haji Abdullah Ahmad Badawi untuk membina sebuah politeknik di Kuala Jeneris sewaktu beliau menyempurnakan majlis pecah tanah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Jeneris pada tahun 2008 yang lalu.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Bilakah Pusat Penulisan Jawi yang dicadangkan di Kampong Buloh Kuala Berang akan mula dibina.

JAWAPAN : Pada ketika ini, tiada tarikh khusus yang ditetapkan bagi pembinaan Pusat Penulisan Jawi di Kampung Buloh, Kuala Berang memandangkan ianya masih lagi di peringkat kajian oleh pihak Lembaga Muzium Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Langkah-langkah dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah jalan terputus hubungan antara Kuala Berang – Ajil apabila berlaku musim banjir.

JAWAPAN : 1. Pembinaan jambatan dan pembentung bagi projek Kuala Berang – Wakaf Tapai telah siap dilaksanakan sepenuhnya di 3 lokasi yang telah dikenalpasti iaitu :-

a. Sungai Tergeliat - Pembentung

b. Sungai Ping - Jambatan

c. Kampung Batu 23 - Pembentung

2. Pihak JPS akan melaksanakan kerja-kerja mendalam dan melebarkan Sungai Pertang berdekatan dengan lokasi yang terlibat.

SOALAN 3 : Bilakah Kerajaan akan menempatkan sebuah Kem Tentera untuk menjaga keselamatan Tasik Kenyir di Hulu Terengganu.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Kesesakan dan kemalangan jalanraya sering berlaku di Kuala Berang terutama apabila menjelang Musim Perayaan dan majlis keramaian tertentu. Apakah usaha kerajaan mengatasi masalah ini.

JAWAPAN : Antara langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini ialah :-

1. Kerja-kerja pelebaran dan pembesaran jalan dari Pekan Ajil ke Pekan Kuala Berang sedang giat dijalankan.

2. Pemasangan lampu isyarat di persimpangan Gaung akan dibuat.

3. Memasang "push button" di setiap lampu isyarat sedia ada untuk kemudahan kanak-kanak sekolah melintas.

4. Membaik pulih kerosakan jalan di laluan FT 106.

SOALAN 5 : Peningkatan harga makanan, tempat kediaman dan tanah begitu ketara di Kuala Berang sejak akhir-akhir ini. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk membendung peningkatan tersebut.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7.
SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Mengapakah perkhidmatan keretapi Kerteh – Kuantan yang mula beroperasi pada tahun 2004 telah dihentikan perkhidmatannya baru-baru ini.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila senaraikan 12 perkara yang menjadi Bidang Keberhasilan Utama Negeri (State KRA) yang dimaklumkan oleh YAB Menteri Besar pada Sidang DUN yang lepas.

JAWAPAN : Berikut adalah 12 senarai perkara yang menjadi Bidang Keberhasilan Utama Negeri (State KRA):-

1. Pengukuhan perkhidmatan perbandaran dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat.

2. Penyusunan semula masyarakat dan peningkatan taraf hidup rakyat melalui pengagihan perumahan yang lebih terancang untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

3. Peningkatan berterusan dalam kemudahan dan program pendidikan, pengajian tinggi, sains teknologi dan sumber manusia dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi selaras dengan arah tuju pembangunan negeri.

4. Pemantapan pembangunan infrastruktur, perhubungan dan pengangkutan untuk kemudahan rakyat secara menyeluruh.

5. Penyediaan pembangunan belia dan sukan ke arah pembinaan bangsa dan negara yang cemerlang dalam semua bidang.

6. Pengukuhan sumbangan sektor pertanian kepada aktiviti perekonomian negeri.

7. Pengukuhan secara lebih terancang pembangunan luar bandar dan peningkatan pencapaian usahawan serta koperasi di Negeri Terengganu.

8. Pengukuhan dan pengupayaan ke arah melahirkan masyarakat seimbang dan cemerlang.

9. Pengukuhan produk-produk pelancongan, kebudayaan, kesenian dan warisan dalam memberi sumbangan kepada ekonomi negeri.

10. Peningkatan penghayatan ajaran Agama Islam dan lain-lain agama di Negeri Terengganu.

11. Pengukuhan dan peningkatan aktiviti ke arah masyarakat yang sihat, lestari kepenggunaan dan harmoni.

12. Pemantapan projek dan program bagi menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri pilihan utama pelabur dalam pembangunan industri dan perdagangan dengan mengekalkan kualiti alam sekitar.

SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah pecahan pendapatan isi rumah penduduk Terengganu berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) Household Income Survey, yang pendapatan bulanannya di bawah RM700, antara RM700 hingga RM1,000, antara RM1,000 hingga RM1,500, antara RM1,500 hingga RM2,000, antara RM2,000 hingga RM3,000 dan RM3,000 ke atas sebulan di negeri ini.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Berapakah jumlah graduan anak Negeri Terengganu yang masih menganggur sehingga kini.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Berapakah jumlah kos asal dan jumlah kos tambahan pembinaan Istana di Bukit Cendering dan bilakah ianya dijangka siap.

JAWAPAN : Kos asal ialah RM552 juta dan sehingga kini tiada kos tambahan bagi pembinaan istana di Bukit Chendering. Projek tersebut dijangka siap pada Mei 2011.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah dan lokasi pasaraya besar yang telah diberi untuk dibina dan beroperasi di negeri ini sehingga kini.

JAWAPAN : Jumlah pasaraya besar yang telah beroperasi di negeri ini adalah sebanyak 4 buah sebagaimana berikut :-

BIL	NAMA	LOKASI
1.	Pasaraya Mydin Mohamad Holding Sdn. Bhd.	Lot 1547 & 1548, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu.
2.	Pasaraya Giant Retail (M) Sdn. Bhd.	Lot 1485, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu.
3.	Pasaraya TMC	Mesra Mail A1 1 & A1 2 Tingkat Bawah Kompleks Membeli Belah Mesra Mall 24300 Kerteh.
4.	Pasaraya Giant	Bandar Baru Kijal, 24100 Kijal (Dijangka akan dibuka pada 16 Disember 2010)

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah unit rumah untuk projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Rumah Kos Rendah (RKR) yang telah diluluskan untuk pembinaan dalam RMK7, RMK8 dan RMK9 di negeri ini mengikut pecahan daerah dan dari jumlah tersebut berapakah yang gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Apakah status terkini Citrus Valley – Lembah Limau Madu, Durian Mentangau, Dungun.

JAWAPAN : Pembangunan Projek Limau Madu di Durian Mentangau, Dungun terbahagi kepada 2 fasa. Fasa yang pertama, kawasan seluas 600 hektar telah dibangunkan oleh 9 buah syarikat tetapi menemui kegagalan akibat daripada serangan penyakit "greening". Pihak ECER telah melantik UPM Holding sebagai Perunding bagi menjalankan kajian terperinci. Hasil kajian mengesyorkan supaya keseluruhan kawasan tersebut perlu diuruskan dengan penyediaan "Standard of Procedure" (SOP) yang diselaraskan oleh satu pengurusan. Penyediaan SOP tersebut menjadi sukar kerana kesemua kawasan terbabit telah dipajakkan kepada beberapa syarikat dan ianya membataskan usaha kerajaan bagi mewujud satu sistem pengurusan di bawah satu organisasi. Ianya dapat dilaksanakan hanya jika kerajaan membuat pengambilan balik tanah untuk keseluruhan kawasan tersebut dan ini memakan kos yang besar.

Fasa 2 adalah kawasan seluas 914 hektar yang terletak di bawah Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Hasil kajian mendapati hanya 30% sahaja kawasan yang sesuai ditanam dengan limau. Pihak kerajaan sedang meneliti hasil kajian ini bagi mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu diambil.

SOALAN 2 : Nyatakan manfaat yang diperolehi oleh penduduk daerah Dungun di bawah program Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region) Atau ECER.

JAWAPAN : Di bawah program Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), terdapat beberapa buah projek/program yang sedang dilaksanakan, antaranya:-

1. Pelancongan Pesisiran Pantai Teluk Bidara, Dungun
2. Pelancongan Pesisiran Pantai Bandar Dungun
3. Taman Herba dan Bioteknologi, Dungun

Inisiatif projek-projek ini dijangka dapat memberi manfaat sebagai pemangkin untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri, mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan pendapatan penduduk dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan.

SOALAN 3 : Nyatakan perkembangan terkini penyelesaian terhadap masalah pemendapan muara Sungai Dungun setelah JPS Negeri memanjangkan masalah ini kepada JPS Malaysia.

JAWAPAN : Kajian Pemuliharaan Muara Sungai Dungun sedang dijalankan oleh pihak JPS Malaysia dan dijangka siap akhir tahun ini.

SOALAN 4 : Nyatakan status dan tahap keselamatan Jambatan Lama Dungun.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14, 15 DAN 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Sila nyata jumlah dan harga itik angsa yang dibeli untuk dibela di Pulau Burung, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.

JAWAPAN : Sebanyak 101 ekor itik dan angsa dari 11 spesies telah dibeli untuk ditempatkan di Taman Burung, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu dengan kos sebanyak RM223,750.00

Spesis Itik dan Angsa di Pulau Burung

Bil	Nama Spesies	Harga	Bilangan	Jumlah (RM)
1.	Mandarin Duck	750.00	16	12,000.00
2.	Carolina Wood Duck	750.00	16	12,000.00
3.	Eytons Whisting Duck	1,700.00	5	8,500.00
4.	White Faced Tree Duck	1,250.00	17	21,250.00
5.	Falcated Duck	1,500.00	8	12,000.00
6.	Ruddy Shell duck	1,500.00	2	3,000.00

7.	Black Swan	3,800.00	10	38,000.00
8.	White Swan	3,800.00	6	22,800.00
9.	Whooper Swan	5,600.00	6	33,600.00
10.	Red Brested Goose	4,200.00	9	37,800.00
11.	Ashy Headed Goose	3,800.00	6	22,800.00
JUMLAH BESAR			**101**	**223,750.00**

1. Itik dan angsa telah diterima pada 19 September 2009 dan ditempatkan sementara di Kolam Rekreasi Lawit.

2. Mula dilepaskan di Taman Burung pada 24 Oktober 2010.

3. Sepanjang berada di Kolam Rekreasi Lawit, sebanyak 8 biji telur berjaya menetas dan anak-anak itik ini sedang membesar.

4. Sehingga kini, sebanyak 5 ekor itik di dapati mati semasa dalam jagaan di Kolam Rekreasi Lawit.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 HINGGA 16 DISEMBER 2010 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYUNG

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah imam atau bilal yang ditamatkan perkhidmatan dan sebab-sebabnya bermula tahun 2008 hingga Oktober 2010.

JAWAPAN :

1. Sejak tahun 2008 hingga Oktober 2010, sejumlah tujuh (7) orang Imam telah ditamatkan perkhidmatan sebagaimana berikut:-

BIL.	JAWATAN	2008	2009	2010	JUMLAH
1.	IMAM	6	1	0	7
2.	BILAL	0	0	0	0
	JUMLAH	**6**	**1**	**0**	**7**

2. Antara sebab tindakan tamat perkhidmatan dibuat adalah seperti tidak patuh kepada arahan Jabatan termasuklah tidak membaca khutbah yang disediakan oleh Jabatan atau membaca khutbah tetapi tidak membaca doa memohon keselamatan DYMM Sultan.

SOALAN 2 : Nyatakan pembahagian bantuan atap biru mengikut DUN-DUN dan syarikat yang membekalkannya pada tahun 2009 dan 2010.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu telah menyediakan peruntukan sebanyak RM500,000.00 setiap tahun bagi setiap DUN di Negeri Terengganu untuk program bantuan tukar atap bermula tahun 2009 hingga 2010. Walau bagaimanapun pada tahun 2009 terdapat peruntukan tambahan sebanyak RM426,360.00 membabitkan DUN Batu Buruk, Wakaf Mempelam dan Ladang.

Program bantuan tukar atap ini diselaraskan oleh setiap Pejabat Daerah dengan melantik pembekal/kontraktor. Syarikat yang membekalkan atap bagi program ini pada tahun 2009 dan 2010 adalah sebagaimana di bawah:-

1. Mohd Khadri bin Abdullah
   5597, Kg. Undang, 21400 Marang, Terengganu
2. Mohd Zulkifli bin Abdullah
   5597, Kg. Undang, 21400 Marang, Terengganu
3. Atas Tol Enterprise
   No. 804, Kg. Atas Tol, 21070 Kuala Terengganu
4. Menara Permai Enterprise
   GM-550 Lot 131, Kg. Padang Paloh, K. Trg
5. Mat Ghani bin Saad
   Kg. Tok Pong, 21070 Kuala Terengganu
6. Mamat bin Muda
   3024-A Kg. Tok Pong, 21070 Kuala Terengganu
7. MSR Kukuh Trading
   5399 Kg. Surau Haji Daud, 21070 Kuala Terengganu
8. Mohd Azmi bin Ngah
   No.88 Kg. Surau Haji Daud, 21070 K. Trg
9. Zba Bina Enterprise
   6518-Y Kg. Laut, 21080 Kuala Terengganu
10. S.W.A.N Enterprise
    1140-A Kg. Belukar Jambu, 21080 K. Trg.
11. Mohd Daik bin Hamzah
    6518-G Kg. Laut, 21080 Kuala Terengganu
12. Mre Mesra Enterprise
    883-K Kg. Laut, 21080 Kuala Terengganu
13. Bumi Digital Sdn. Bhd.
    1410-A Kg. Surau Panjang, 21070 Kuala Terengganu
14. Abdullah bin Jusoh
    158, Kg. Surau Panjang, 21070 Kuala Terengganu
15 P.S. Tok Pong Enterprise
    Kedai Buluh, Bukit Payung, 21400 Kuala Terengganu
16. Jote Trading Enterprise
    902 Jalan Pantai Peranginan, Bt. Buruk,
    20400 K.Trg.
17. Daya Sepakat Maju Enterprise
    Bengkel Perabut, Kg. Alor Parit,
    21070 K. Trg.
18. Ali bin Jusoh
    117 Kg. Tok Dir, 21070 Kuala Terengganu

19. Syarikat Pejaka Enterprise
    A 118 Jalan Fikri, Seberang Takir, 21300 K. Trg.
20. Pembinaan Mrn
    Lot 28888, Lorong 1, Jln. Tok Jembal,
    21300 K. Trg.
21. Haji Abdullah bin Abd Rahman
    Padang Nenas, Mengabang Telipot, 21030 K. Trg.
22. Mza Bakti Enterprise
    138-A Wakaf Kubang Parit, 20050 Kuala Terengganu
23. Masbena Construction Ent.
    A-1188 Kg. Gong Pak Jin, Mengabang Telipot,
    K. Trg.
24. Mikay Jaya Enterprise
    49, Kg. Padang Air, Tepoh 21060 Kuala Terengganu
25. Deria Satria Sdn. Bhd.
    No.74-A Kg. Bukit Wan, Batu Rakit, 21060 K. Trg.
26. Mr Future Centre
    B-TT 27025(2) Simpang Tiga, Padang Golf,
    21300 KT.
27. AE Services
    MPKT PT.9711 Kg. Balai Maras, Batu Rakit,
    21020 KT
28. Mutiara Restu Enterprise
    MPKT 3844, Kubang Jela, Manir 21200 K. Trg.
29. Mat Hasan bin Yusoff
    136-A, Kg. Pasir Putih, Tepoh 21060 K. Terengganu
30. Asni Services
    Kg. Padang Air, 21060 Kuala Terengganu
31. Agobina Enterprise
    123 Tmn Perumahan Meng. Lekor, K. Terengganu
32. Cahaya Nilam Enterprise
    976-A Kg. Pulau Rusa, 20050 Kuala Terengganu
33. Jaya Sepakat Marketing
    T.016 Blok Kedai, Taman Teratai Sri Kolam,
    20000 KT
34. Harun bin Mohamad
    No 2639 Kg. Pantai Batu Rakit, 21020 K. Terengganu
35. Wang Aj Enterprise
    194, RAKR Alur Jambu, 21030 Kuala Terengganu
36. Abd. Aziz bin Mohamad
    No.5, Lot 14174P Tmn. Desa Wakaf Baru 2,
    Jln Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu

37. Suma Jaya Enterprise
    1402 A Kg. Tok Jamal, Wakaf Mempelam,
    20050 K.T.
38. Fazdli Resources
    No. 1040 Kg. Kubang Tangga Sg. Rengas,
    20050 K.T.
39. Fajar Ceria Sdn. Bhd.
    No. B2 Tingkat 1, Aked/Rumah Pangsa Marang,
    Jalan Sultan Zainal Abidin,
    20000 Kuala Terengganu
40. Aneka Unggul Cipta
    Tingkat Atas, Bangunan PPTB, Lot 3182,
    Kg. Buluh Gading, 21200 Kuala Terengganu.
41. Andira Enterprise
    735-E, Jln Sultan Mahmud, 20400
    Kuala Terengganu
42. A'dan Enterprise
    550, Kg. Rawai, 21400 Marang, Terengganu.
43. Mohd Zukir Yasir bin Yusoh
    195, Kg. Pulau Manis, Serada 20050
    K. Terengganu
44. Snz Servoces and Trading
    Lot 9522 Gong Badak, Mukim Kuala Nerus,
    21300 KT.
45. Kemudi Bakti Hardware
46. Iza Recources
47. Zuln Construction
48. Mampan Jitu (M) Sdn. Bhd.
49. Yaudza bin Hamzah
50. Dms Ilham Jaya Trading
51. Perfect Direction Sdn. Bhd.
52. A.Z. Nira Enterprise
53. Dorahim bin Tajing
54. Mazelih bin Ambak
55. Ha Pandan Penarik Enterprise
56. Mf Excellence Enterprise
57. Redang Kita Enterprise
58. Iz Setia Enterprise
59. S.C. Enterprise
60. Zakaria Hamzah
61. DM Setia Enterprise
62. Razali bin Abdullah
63. Kamaruddin bin Deraman

64. Whk Up Work Trading
65. Maha Enterprise
66. Hata Construction
67. Mohd Faizul bin Deraman
68. Penarek Maju Enterprise
69. Sa'fari bin Muhamad
70. Ikatan Unggul Enterprise
71. MMS Setiu Ent.
72. Rahmat Impian Ent.
73. Dua Belas Rahmat Enterprise
74. Maasynoor Enterprise
75. Kamaruddin bin Kamal
    No. 14A, Jalan Pantai, 23000 Dungun, Terengganu.
76. FBY Jaya Enterprise
    704-C, Jalan Abd. Jalil, 23000 Dungun, Terengganu.
77. My Unggul Enterprise
    574 A, Jalan Lembah Sungai Buaya, 23000 Dungun.
78. Aziz Roka Enterprise
    No. 355, Felda Kerteh 4, Ketengah Jaya,
    23330 Dgn.
79. YBY Cemerlang Enterprise
    Lot 3460, Jalan Intan, Kg. Balai Besar,
    23000 Dungun.
80. MSY Makmur Trading & Services
    Lot 10004, Aras 2, Pusat Perniagaan Sura Gate,
    23000 Dungun.
81. Aku Suka Enterprise
    117R, Rumah Murah Kos 3, Jalan Merbok,
    23000 Dungun.
82. D Spex Trading
    8A Aras 1, Bangunan Maidam, 23000 Dungun.
83. Pembinaan Amin Muda
    Jalan Nibung, 23000 Dungun.
84. MBM Timur Enterprise
    802, Jalan Kg. Molek, 23000 Dungun.
85. MD Teknik Sdn. Bhd.
    95 Kg. Seberang Pintasan, 23050 Dungun.
86. Amiza Enterprise
    K26, Jalan Baru Pak Sabah, 23000 Dungun.
87. Maju Sokmo Engeneering & Construction
    1196, Kg. Nibong Bawah, 23000 Dungun.
88. Rangkaian Sukma Sdn. Bhd.
    Kg. Kuala Jengai, 23000 Dungun.

89. Syarikat Maju Bina
    Kg. Bemban, 23000 Dungun.
90. KM Shaary Enterprise
    No. 200 Kg. Padang Jambu, 23000 Dungun.
91. Penarek Enterprise
    694 Felda Jerangau, 21820 Ajil.
92. Zamaddin Karisma Enterprise
    Kg. Bukit Merah, Padang Pulut, 23000 Dungun
93. Ap Shah Bina
    B148, Taman Setia, 23400 Bandar AMBS.
94. MA Kontraktor
    Kg. Kuala Jengai, 23000 Dungun.
95. Teraju Unggul Trading
    S/BLot 3182, Bt.50, Jalan Paka Dungun
96. Perniagaan Daya Bumi
    K 204, Jalan Sura Gate, 23000 Dungun
97. PPHRD Enterprise
    Kg. Bukit Merah, Padang Pulut, 23000 Dungun.
98. MSA Enterprise
    Lot 3182, Bt. 50 Jalan Paka,
    23000 Dungun.
99. Wan KEY Enterprise
    184J, Jalan Intan
    23000 Dungun.
100. Mohamad bin Abdullah Enterprise
    Lot 2011,
    Jln Belakang Klinik, Kg. Nyior Paka, 23000 Dungun.
101. Syarikat Setia Bakti
    841 Baharu Kuala Besut
102. Muhamad Zain bin Abas
103. R.H. Tangkas Enterprise
104. KIP Jaya Enterprise
105. Perniagaan HAY DA
106. Teratai Mahligai Trading
107. Krisma Industri (M) Sdn. Bhd.
    2nd, Floor Lot 1046, Jalan Cempaka
    Damansara Jaya, 47400 Petaling Jaya.
108. Darau Trading
109. Muhamad Azizan bin Hamzah
    Pekan Jabi
110. Tempinis Trading
    G15 Kg. Bukit Tanah, Jabi

111. Bekal Budi Trading
2859 Taman Tuah Jaya, 22000 Jerteh.
112. Kamal Zainal Abidin bin Muda
Kg. Gong Mak Som, Alor Lintah.
113. MD Baharuddin bin MD Noor @ AB Rahim
No. 388 Kg. Gong Guchil, Jerteh
114. IBJ Trading.

SOALAN 3 : Nyatakan kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk penganjuran Sultan's Cup dan Pertunjukan Kuda Bersongket serta Pameran Haiwan Berbisa.

JAWAPAN : Sebanyak RM2.6 juta kos yang telah ditanggung oleh kerajaan untuk penganjuran Sultan Cup Terengganu Endurance Challenge 2010 (SCTEC'10) termasuklah Pertunjukan Kuda Bersongket yang diadakan pada 5 hingga 7 November 2010. Kos ini telah disalurkan kepada Royal Terengganu Endurance Stable (RTES). Berikut adalah penyata perbelanjaan dari RTES:-

BIL.	PERKARA	(RM)
1.	Kos konsep pembangunan majlis-majlis rasmi (Pra Pelancaran, Majlis Pelepasan, Majlis Penyampaian Hadiah & Malam Gala Dinner)	RM1,492,535.00
2.	Pertunjukan Kuda Bersongket	RM531,148.80
3.	Pertandingan & Teknikal	RM576,316.20
	Jumlah	**RM2,600,000.00**

Penganjuran ini juga mendapat penajaan dan sumbangan yang amat baik daripada syarikat swasta dan kerajaan. Antara penaja utama ialah:-

- Sime Darby Bhd (penaja kenderaan rasmi kejohanan)
- Mitavite (penaja rasmi makanan dan keperluan kuda)
- Amaswiss (penaja cenderahati dan hadiah sampingan)
- Kumpulan Liziz Sdn. Bhd.
- MRK Resouce Corporation Sdn. Bhd.
- Ketengah Holdings Sdn. Bhd.

Kos yang ditanggung bagi penganjuran Pameran Haiwan Berbisa ialah RM120,000.00 dan sehingga 23 November 2010, pendapatan daripada pameran itu ialah RM88,321.00.

SOALAN 4 : Sila nyatakan tanah-tanah kerajaan atau milik agensi Kerajaan Terengganu yang dimajukan untuk pembinaan perumahan dan syarikat pemaju yang menguruskannya bermula 2008, 2009 dan 2010.

JAWAPAN : Tanah-tanah kerajaan atau milik agensi Kerajaan Terengganu yang dimajukan untuk pembinaan perumahan dan syarikat pemaju yang menguruskannya bermula tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah sebagaimana berikut:

TAHUN	NAMA SYARIKAT PEMAJU	LOKASI
2008	-	-
2009	Jasa Bakti Sdn. Bhd.	Lot 8316, Mukim Bukit Payong, Marang
	Luas Nyaman Sdn. Bhd.	Kg. Mak Lagam, Mukim Banggol, Kemaman
	Koperasi Pembangunan Daerah Kemaman Berhad	Kampung Pasir MInal, Mukim Binjai, Kemaman.
2010	-	-

SOALAN 5 : Sila nyatakan keluasan kawasan balak dan syarikat atau individu yang diluluskan untuk menguruskannya bermula 2004 hingga Oktober 2010?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.